MAKA MERDEKALAH NEGARA KITA

31 OGOS 1957 5 SAFAR 1377

Zakiah Hanum



adhicipta (m) sdn. bhd. i 9 7 9 1 7 7 Kuala Lumpur 1997 Semua hakcipta terpelihara. Tidak ada sebarang bahagian pun yang dibenarkan ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula (retrieval system) ataupun dipancarkan walaupun melalui sebarang cara pun termasuk kaedah elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman atau lainlain, tanpa kebenaran penulis terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

adhicipta (m) sdn. bhd.

1 9 7 9 1 7 T

23 Jalan Telawi Dua

Bangsar Baru

S9100 Kuala Lumpur

Kulit buku: Karya Mukhlis Nor

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Zakiah Hanum, Dato', 1937 -Maka Merdekalah Negara Kita/ Zakiah Hanum. ISBN 983-9113-07-0

Dicetak oleh: Percetakan Jiwabaru Sdn. Bhd. Lot 14 No. 2, Jalan P/8, Kawasan MIEL FASA 2, Bandar Baru Bangi, 43650 Bangi, Selangor Darul Ehsan. M

955014



Zakiah Hanum, seorang pegawai arkib sulung di Malaysia serta Asia Tenggara, gemar sekali menulis buku-buku yang mengeluarkan fakta-fakta sejarah dan kebudayaan negara ini. Sebagai pegawai arkib, mengeluarkan fakta sejelas-jelasnya, adalah tanggungjawab dan minatnya dengan harapan masyarakat yang mendapat maklumat-maklumat ini akan memahami dan menghayati apa yang berlaku dalam sejarah negara.

Buku ini mula ditulis pada 1 April 1997 dengan menggunakan akhbar Utusan Melayu dari Arkib Negara. Beliau gemar sekali menggunakan bahan-bahan Jawi di dalam kajiannya kerana menurut beliau akhbar-akhbar Melayu bertulisan Jawi mengandungi maklumat yang tepat serta penuh bermakna.

Harapan Zakiah, mengeluarkan buku mengenai ketika dan peristiwa bersejarah, akan menggerakkan masyarakat Malaysia, terutamanya para remaja dan anak-anak muda, menyedari kehebatan negara yang istimewa sejarah serta perjalanan hidupnya. Semoga dengan adanya buku-buku karya Zakiah yang berasaskan fakta akan sedarlah masyarakat Malaysia mengenai kemantapan negara yang dikasihi sepenuh-penuhnya.

Zakiah, yang dilahirkan pada 15 Septembar 1937 di Alor Setar, Kedah adalah pelajar awal Universiti Malaya di Kuala Lumpur yang mula di buku pada 16 September 1957, saelok-elok sehaja negara mencapai Kemerdekaan.

Di dorong oleh minat dan harapan tersebut, lahirkan buku 'Maka Merdekalah Negara Kita' yang ditulis sempena sambutan ulang tahun ke 40 Kemerdekaan Negara pada 31 Ogos 1997.

Rozely Khalid.

PENDAHULUAN

Kepada saya Kemerdekaan Negara kita pada 31 Ogos 1957 bersamaan 5 Safar 1377, adalah satu ketika sejarah yang amat bermakna kepada generasi dulu dan sekarang. Saya merasa perlu sekali mengeluarkan maklumat untuk memberitahu sesiapa sahaja rakyat negara kita yang berminat dan ingin mengetahui mengenai hari sambutan Merdeka itu dan segala persediaan yang dilaksanakan serta sambutan yang diusahakan di merata tempat di seluruh negara. Maklumat yang saya perolehi untuk buku ini adalah hasil kajian bahan-bahan di Arkib Negara, tempat yang mempunyai paling banyak fakta-fakta asas mengenai sejarah negara kita yang dikasihi ini. Saya menghargai sepenuhnya bantuan dan kerjasama sahabat-sahabat saya di Arkib Negara untuk persediaan buku ini.

Saya telah menggunakan maklumat daripada akhbar Utusan Melayu dan Utusan Zaman bagi bulan Julai, Ogos dan September 1957. Saya telah memilih jangkawaktu itu yang mengandungi laporan amat terperinci mengenai apa yang berlaku di seluruh negara sempena Merdeka. Walaupun suratkhabar ini diterbitkan di Singapura di kala itu, laporan mengenai apa yang berlaku di Persekutuan Tanah Melayu disampaikan dengan terperinci sekali. Walaupun laporan mengenai Kemerdekaan terdapat dalam banyak lagi akhbar, saya memilih menggunakan akhbar bertulisan Jawi kerana pada masa sekarang tidak ramai lagi masyarakat Malaysia yang boleh membaca Jawi, Jadi saya memilih mengeluarkan maklumat daripada unsur yang tidak banyak lagi digunakan oleh para pembaca atau penyelidik masa kini.

Maklumat yang dikeluarkan di dalam buku ini adalah sepenuh-penuhnya berkaitan dengan persediaan serta sambutan Kemerdekaan empat puluh tahun yang lalu. Saya mengumpulkannya untuk memberi peluang kepada sesiapa yang ingin mengetahui apa yang telah disediakan serta dilakukan sempena sambutan Kemerdekaan tanah air kita di seluruh negara. Kepada saya apa yang berlaku pada jam 12.01 tengah malam awal 31 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur apabila bendera Union Jack diturunkan dan bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan serta pada esok paginya jam 9.30 apabila negara kita diisytiharkan dengan rasminya Merdeka di Stadium Merdeka Kuala Lumpur, harus dikekalkan sambutannya dengan cara, ketika serta penggunaan tempat yang sama buat selamalamanya. Saya percaya ramai yang terlibat dengan sambutan amat istimewa ini serta yang menghadiri kedua-dua upacara tersebut masih ada dan bersedia membantu sambutan yang akan dilakonkan sama seperti apa yang telah berlaku itu. Untuk lakonan tersebut elok sekali digunakan anak-anak muda serta para remaja supaya dapat mereka menghayati dan memahami peristiwa yang amat penting dalam sejarah negara yang telah berlaku itu. Untuk tokoh-tokoh utama seperti Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri serta tokoh-tokoh lain, boleh dipilih pelakon-pelakon yang bersedia melakonkan apa yang telah berlaku pada hari yang maha penting dan sehebat-hebat maknanya kepada negara yang amat dikasihi oleh setiap insan.

Semenjak beberapa tahun yang lalu sempena hari Kemerdekaan, saya cuba mengeluarkan fakta kepada sesiapa yang ingin megetahui melalui pihak akhbar, majalah serta radio dengan menggunakan
bahan-bahan di Arkib Negara. Saya amat bersyukur kerana diberi peluang mengeluarkan fakta-ta asas
mengenai Kemerdekaan ini untuk dihayati oleh masyarakat Malaysia. Harapan saya dengan
berkat yang diberikan Allah kepada saya akan saya teruskan usaha untuk menyebarkan maklumatmaklumat yang begitu penting mengenai sejarah negara kita.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y. Bhg. Datuk Johan Jaafar dari Utusan Melayu kerana membenarkan saya menggunakan maklumat daripada akhbar tersebut. Kepada Arkib Negara saya menghargai sepenuh-penuhnya kebenaran yang diberikan kepada saya menggunakan akhbar Utusan Melayu dan koleksi gambar lama untuk penulisan buku ini. Rakaman terima kasih yang ikhlas saya sampaikan kepada Puan Azirah Shariff, Cik Juraida Abd. Rahim, Cik Sauyah Che Rose, Encik Rozely Khalid, Nazeri Ismail, Samsul Samat dan Sharizal Samat.

Kepada suami saya Mohamed Nor Ismail, saya amat menghargai bimbingan beliau kerana beliau sendiri telah menghadiri sepenuhnya sambutan Kemerdekaan di Kuala Lumpur tatkala beliau bercuti semasa di Universiti Malaya di Singapura.

Akhir kata saya tujukan khas buku ini kepada suami yang dikasihi Mohamed Nor Ismail, anak-anak saya Mukhlis, Farha dan Haiz serta menantu-menantu Aji Mil Amalia dan Rozely. Begitu juga kepada cucu-cucu yang disayangi Leyla Mahirah, Raeda Hanis dan Fadia Jehan.

Zakiah Hanum 9 Ogos 1997

PERSEDIAAN KEMERDEKAAN KEPENTINGAN SEPANJANGAN

Isnin 1 Julai 1957, 3 Zulhijjah 1376

UMNO terima Kertas Putih pindaan Penyata Reid menjadi asas Perlembagaan Malaya Merdeka

Perbincangan selama 9 jam telah diadakan pada 29 dan 30 Jun 1957 di Perhimpunan Agung UMNO Malaya. Keputusan sebulat suara telah menerima Kertas Putih yang mengandungi pindaan-pindaan atas Penyata Reid untuk dijadikan asas Perlembagaan Malaya Merdeka. Seramai 125 wakil yang menghadiri perhimpunan itu telah memberi pendapat dan pandangan masing-masing terhadap Kertas Putih tersebut yang dibentangkan oleh Timbalan Yang di-Pertua Agung UMNO, Dato Abdul Razak bin Hussein. Semua perwakilan telah menitikberatkan soal kerakyatan, immigration, hak istimewa orang-orang Melayu dan agama Islam. Ketetapan yang telah diambil adalah "Perhimpunan Agung UMNO yang bersidang hari ini setelah mendengar keterangan-keterangan dan penjelasan daripada Tunku Abdul Rahman dan ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO dengan sebulat suara bersetuju menyokong Kertas Kerja Kerajaan yang mengandungi pindaan-pindaan atas penyata Suruhanjaya Reid itu untuk menjadi asas Perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka dan berdaulat pada 31 Ogos akan datang".

Tunku Abdul Rahman dipilih semula memimpin UMNO

Ketua Menteri Persekutuan, Tunku Abdul Rahman, telah dipilih semula memimpin UMNO Malaya sebagai Presidennya oleh Persidangan Perhimpunan Agung UMNO Malaya pada malam 29 Jun 1957. Dato Abdul Razak bin Hussein, Menteri Pelajaran Persekutuan kekal sebagai Timbalan Presiden.

Persidangan itu juga telah melantik tiga orang Naib Yang di Pertua UMNO Malaya iaitu Dr. Ismail bin Dato Abdul Rahman (Kuala Lumpur), Encik Suleiman bin Dato Abdul Rahman (Kuala Lumpur) dan Encik Abdul Hamid bin Haji Jumat (Singapura). Turut menjadi anggota Majlis Tertingi UMNO Kerana jawatan masing-masing ialah Encik Sardon bin Hj. Jubir, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaya dan Puan Fatimah bi. Hj. Hashim, Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaya. Selain daripada itu ialah I5 ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Tertinggi UMNO. Pengerusi Tetap Persidangan Perhimpunan Agung UMNO Malaya ialah Dato Hj. Mohd. Noh yang telah dilantik semula.

Menteri seru orang Melayu berkorban untuk Kemerdekaan

Encik Suleiman bin Abdul Rahman, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Persekutuan Tanah Melayu, sewaktu menemui Ketua-ketua Cawangan UMNO Batu Pahat telah menyeru supaya orang Melayu memberi pengorbanan yang lebih besar lagi untuk "mendapatkan keamanan, kebahagiaan da kemakmuran bagi Kemerdekaan yang akan dicapai kelak walaupun yang dikorbankan itu perkaraperkara yang sangat-sangat dikasih, disayang dan dicintai. Pengorbanan yang dikehendaki itu ialah adanya persasan bertolak ansur".

Beliau menegaskan "jika dibandingkan negeri-negeri yang telah Merdeka, apakah satu pengorbanan kita yang boleh disamakan? Oleh itu patutlah kita bersyukur kerana Allah Taala telah kurniakan kita dapat Kemerdekaan dengan tidak berkorban darah; tetapi kita mesti berkorban dengan bertolak ansur - ini satu pengorbanan yang mesti".

Radio Malaya mengadakan siaran-siaran baru mengenai Perayaan Kemerdekaan

Pendengar-pendengar radio di seluruh Malaya akan mendengar beberapa rancangan baru dalam masa dua bulan sebelum Merdeka. Rancangan-rancangan itu diakhiri dengan siaran khas pada hari negara Merdeka pada 31 Ogos 1957. Semua stesyen radio di Persekutuan dan Singapura sedang sibuk dengan rancangan-rancangan Merdeka dan siaran-siaran itu adalah yang paling besar pernah diadakan oleh Radio Malaya. Program-program yang disiarkan adalah untuk menerangkan "syor-syor Perlembagaan dan makna Kemerdekaan kepada orang ramai untuk mengembangkan rasa taat setia terhadap sebuah negara dan menerangkan tanggungan-tanggungan Kemerdekaan".

Kewajipan Raja-raja Melayu bertambah lepas Merdeka

Selepas Persekutuan Tanah Melayu Merdeka pada 31 Ogos 1957, Majlis Raja-raja Melayu akan mempunyai kewajipan-kewajipan baru berhubung dengan negara selain daripada mempunyai hak di sisi perlembagaan untuk dipohonkan berunding atas perkara-perkara yang berkaitan dengan taraf kedudukan diri Baginda atau atas perkara-perkara yang berkaitan dengan kedaulatan Baginda ataupun berkait dengan kesempurnaan urusan negeri Baginda.

Kertas Putih yang mengandungi pindaan-pindaan ke atas syor-syor Suruhanjaya Perlembagaan Reid membentangkan tiga tugas kewajipan baru bagi Majlis Raja-raja sebagaimana yang disetujui oleh *Working Party* Kerajaan.

Soal bahasa dan agama Malaya Merdeka sudah ditetapkan

Kertas Putih yang mengandungi pindaan-pindaan atas penyata Suruhanjaya Perlembagaan Reid dan rangka Perlembagaan Malaya Merdeka disusun oleh Working Party yang terdiri dari wakil-wakil Raja-raja Melayu. Kerajaan Baginda Queen dan Kerajaan Perikatan. Perkara-perkara besar yang banyak sekali dipinda oleh Working Party tersebut dari syor asal Suruhanjaya Reid ialah soal-soal kerakyatan, hak istimewa orang-orang Melayu dan bahasa kebangsaan.

Dalam rangka Perlembagaan yang baru itu telah ditegaskan nama negara ini yang Merdeka kelak ialah "Persekutuan Tanah Melayu" atau "The Federation of Malaya". Rangka Perlembagaan yang disusun oleh Suruhanjaya Reidi tidak menyebutkan nama "Persekutuan Tanah Melayu" tetapi hanya memakai nama Inggeris sahaja. "Bahasa Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka tetap bahasa Melayu dan agama rasminya ialah agama Islam".

Perlembagaan baru juga mensyaratkan Raja bagi Persekutuan Tanah Melayu akan bergelar 'Yang di-Pertuan Agong' dan Permaisuri Baginda bergelar 'Rajia Permaisuri Agong'. Negara ini juga akan mempunyai Majib Perundingan yang dinamakan 'Dewan Rakyat' dan 'Dewan Negara'. Dewan Rakyat akan mempunyai 100 orang anggota yang semuanya dipilih dan Dewan Negara akan mempunyai anggota-anggota seperti berikut: dua orang dari tiap-tiap negeri dalam Persekutuan akan dipilih dan 16 orang anggota lain akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Tiap-tiap anggota akan mempegang jawatan selama enam tahun.

Selain dari perkara-perkara di atas terdapat maklumat mengenai pengurniaan ucapan Yang di-Pertuan Agong, hal-hal tanah, lantikan Hakim Besar dan Hakim-hakim lain serta Hakim Mahkamah Tertinggi.

Raja-raja Melayu bersidang pada 3 Ogos memilih Yang di-Pertuan Agong, Timbalannya juga akan dipilih di hari itu

Majlis Mesyuarat Raja-raja Melayu untuk memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalannya akan diadakan pada 3 Ogos 1957. Sebelum itu Penyimpan Mohor Raja-raja Melayu, Tuan Haji Mustapha Albakri, akan menyampaikan surat pencalonan untuk menjadi Yang di-Pertuan Agong kepada Raja-raja Melayu.

Undian untuk memilih Yang di-Pertuan Agong akan dibuat dengan undi sulit dan nama Raja yang kanan sekali akan diundi lebih dahulu. Tiap-tiap Raja berhak satu undi kecuali "Raja yang menjadi wakil kepada Raja yang tidak hadir. Baginda mendapat satu undi lagi bagi tiap-tiap seorang Raja yang diwakilnya". Kertas-kertas undi yang telah digunakan dan yang tidak digunakan "akan dibakar oleh Penyimpan Mohor bersama Raja yang muda sekali di depan Majlis Mesyuarat Raja-raja itu".

Perlu ditinjau semula

Penyunting akhbar menulis mengenai Permaisuri bagi tiap-tiap Yang di-Pertuan Agong Malaya Merdeka. Di Majlis Perhimpunan Agung UMNO, usul dibuat oleh Pergerakan Kaum Ibu bahawa Permaisuri tiap-tiap Yang di-Pertuan Agong Malaya Merdeka hendaklah dari secarang wanita Melayu dan "gahara pula kerana Permaisuri Agong itu akan menjadi wanita pertama bagi Malaya Merdeka". Taraf dan kedudukannya adalah lebih tinggi daripada Raja-raja Perempuan atau isteri-isteri Raja-raja Melayu yang lain.

Tunku Abdul Rahman Putra, Yang di-Pertua Agung UMNO, yang telah sama-sama bersetuju dengan keputusan itu akan menemui Raja-raja Melayu untuk menyampaikan keputusan tersebut.

Sementara itu penyunting akhbar menyatakan keputusan itu harus ditinjau semula kerana keputusannnya akan menyinggung beberapa Raja-raja Melayu dan juga mengenai agama Islam. Pada pendapatnya "Jika hendak dikenakan syarat memadailah dengan mengatakan bakal Permaisuri Agong itu hendaklah dari wanita yang beragama Islam, yang baik tingkah lakunya dan layak untuk menjadi wanita pertama dengan tidak mengira bangsa dan keturunannya". Katanya masa belum luput untuk mengkaji semula keputusan ini.

20,000 akan menyaksikan Perisytiharan Merdeka Persekutuan

Pengarah Jabatan Penerangan Persekutuan, Encik Ya'acob bin Abdul Latiff, membuat pengumuman bahawa perisytiharan Kemerdekaan Malaya yang akan dibacakan oleh Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman pada jam 8.00 pagi, 31 Ogos 1957 akan disaksikan oleh 20,000 orang termasuk tetamu tetamu khas dari Kerajaan Asing. Raja-raja Melayu Persekutuan dan Anggota-anggota Kabinet Kerajaan Perikatan. Perisytiharan itu akan dilakukan di Stadium Merdeka.

Duke of Gloucester, wakil Kerajaan Baginda Queen, akan tiba di Kuala Lumpur petang 29 Ogos 1957 dengan membawa bersama-samanya surat-surat perjanjian yang akan ditandatangani oleh Raja-raja Melayu menandakan tamatnya kuasa Kerajaan British atas negeri-negeri Melayu dan negerinegeri Selat.

Khamis 4 Julai 1957, 6 Zulhijiah 1376

Sebahagian besar Pemimpin mengalu-alukan Kertas Putih Perlembagaan

Pemimpin-pemimpin politik di luar Perikatan telah mengalu-alukan Kertas Putih yang mengandungi pindaan-pindaan atas penyata Suruhanjaya Reid dan rangka Perlembagaan Malaya Merdeka yang disusun oleh Working Party Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Raja-raja Melayu dan Kerajaan Baginda Queen yang telah diterbitkan pada 3 Julai 1957.

"Semua orang bersetuju bahawa Perlembagaan baru itu boleh dipakai guna memandu negeri indaam masa Merdekanya kelak supaya lebih maju dan makmur". Pemimpin-pemimpin Perikatan menyokong penuh Kertas Putih dan rangka Perlembagaan tersebut. Beberapa pendapat dan padangan Parti-parti lain juga dilaporkan.

Menteri-menteri Besar Negeri Melayu tak perlu orang Melayu tetapi

"Perlembagaan Negeri-negeri Melayu yang sekarang mensyaratkan bahawa jawatan Menteri Besar dalam tiap-tiap negeri di Persekutuan mestilah dari seorang Melayu yang beragama Islam akan dipinda sedikit." Mengikut Perlembagaan baru Raja-raja boleh mengundurkan syarat melantik Menteri Besar jika pada fikiran Baginda perlu dibuat demikian. "Ini bermakna orang-orang yang bukan Melayu dan bukan beragama Islam boleh dilantik menjadi Menteri Besar sekiranya dipersetujui oleh Raja negeri itu tetapi bagaimanapun Perlembagaan negeri akan mengandungi syarat bahawa seseorang itu tidak akan boleh dilantik menjadi Menteri Besar kecuali dia ialah seorang warganegara yang mendapat taraf kerakyatannya bukan dengan cara permohonan atau pendaftaran, sebagaimana juga syarat yang dikenakan dalam hal melantik Perdana Menteri".

Kertas Putih Perlembagaan Working Parry yang diterbitkan pada 3 Julai 1957 menyatakan bahawa semua syor-syor yang besar yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Reid berkenaan dengan syarat-syarat yang mustahak untuk dimasukkan dalam Perlembagaan Negeri-negeri Melayu, telah diterima oleh Working Parry dengan syarat dipinda syarat-syarat tersebut supaya sama dengan syarat syarat dalam Perlembagaan Persekutuan yang serupa dan telah dipinda.

Mengenai Dewan-dewan Negeri, Kertas Putih menerangkan bahawa "akhirnya nanti semua Dewan-dewan Negeri akan mempunyai semua ahli-ahlinya dipilih dalam Pilihan Raya tetapi dalam setengah-setengah negeri ada faedahnya dipakai ahli-ahli yang dilantik yang lebih banyak bilangannya daripada yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Reid untuk tempoh yang ditetapkan".

Laporan juga membangkitkan mengenai Perlembagaan Negeri-negeri Selat iaitu Melaka dan Pulau Pinang serta perlantikan Gabenor bagi kedua-dua negeri itu.

Perlembagaan hanya boleh diubah dengan suara dua pertiga

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka hanya boleh dipinda atau diubah dengan persetujuan sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah ahli tiap-tiap Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Kertas Putih menegaskan betapa pentingnya diperkatakan syarat-syarat mengubah atau meminda Perlembagaan Persekutuan supaya terjamin "seboleh-bolehnya perubahan-perubahan Perlembagaan itu dibuat mengikut kehendak rakyat seluruhnya".

"Kertas Putih tersebut telah menolak syor Suruhanjaya Reid bahawa Perlembagaan Persekutuan boleh dipinda jika diperkenankan oleh sekurang-kurangnya 51 orang ahli Dewan Rakyat dan sekurang-kurangnya 17 orang ahli Dewan Negara dan Perlembagaan Negeri-negeri juga boleh dipinda dengan suara terbanyak daripada jumlah ahli-ahli Dewan satu-satu negeri itu". Perlembagaan baru yang telah disusun semula oleh Working Party itu juga mengenakan syarat-syarat serupa – dua pertiga dari jumlah ahli-ahli dalam hal hendak meminda atau mengubah Perlembagaan negeri. "Kertas Putih itu bagaimanapun menegaskan bahawa berkenaan dengan negeri negeri Melayu, syarat ini tidaklah akan membatalkan apa-apa syarat Perlembagaan negeri yang berkehendakkan persetujuan apa-apa pertubuhan selain dari Dewan Negeri dalam perkara meminda hal yang mengenai naik takhta Kerajaan, taraf kedudukan Raja, waris Baginda, Permaisuri Baginda dan setengah-setengah perkara lain yang mengikut adat istiadat Melavu".

PAS juga akan menyambut Kemerdekaan 31 Ogos

Persatuan Islam Se Malaya (PAS) tidak mahu ketinggalan dalam menyambut Kemerdekaan Malaya pada 31 Ogos. Majlis Kerja Pusat PAS telah melantik Jawatankusas Khas lima orang untuk menyiapakan rancangan-rancangan menyambut Hari Kemerdekaan. Setiausaha Agung PAS Ustaz Othan Abdullah menyatakan Jawatankusas tersebut telah siap membuat rancangan-rancangan dan akan mengeluarkan perintah kepada Cawangan-cawangan PAS di seluruh Persekutuan bagaimana sepatunya merayakan Hari Kemerdekaan. Kepastian dibuat supaya sambutan di tiap-tiap Cawangan dan Bahagian PAS di seluruh Persekutuan tidak berlawanan bentuk dan caranya. Cawangan-cawangan PAS tidak akan dibenarkan membuat peraturan-peraturan sendiri mengenai upacara-upacara merayakan hari Kemerdekaan Malaya itu.

Keris untuk Tunku Hari Merdeka

Serombongan Ahli-ahli Sahabat Pena Utara Malaya akan meraikan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos di Kuala Lumpur. Mereka akan menyampaikan sebilah keris kepada Tunku Abdul Rahman selaku Ketua Menteri. Mereka yang menyertai rombongan dipinta memakai pakaina seragam. Bagi pemda, baju dan seluar putih teluk belanga dan kain samping warna merah hati dan bersongkok hitam, manakala wanita pula diminta memakai baju kurung Johor putih berkain merah hati dan berselendang kuning.

Pindaan-pindaan syarat jadi Warganegara Persekutuan

Kertas Putih Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu bersetuju menerima syor Suruhanjaya Reid bahawa "semua orang yang menjadi warganegara sebelum Hari Merdeka hendaklah kekal menjadi warganegara dan semua orang yang dilahirkan di Persekutuan pada atau selepas Hari Merdeka hendaklah menjadi warganegara menurut kuasa undang-undang".

Working Party yang menyusun Kertas Putih itu telah mencadangkan kuasa yang cukup bagi Persekutuan Tanah Melayu untuk menjaga dirinya daripada orang-orang yang tidak taat setia, sama ada dengan sengaja mengambil kerakyatan asing atau mengambil kesempatan daripada keadaannya sebagai rakyat asing di bawah undang-undang negeri asalnya.

Working Party itu mencadangkan "jika Kerajaan Persekutuan puas hati seseorang warganegara pada bila masa selepas Merdeka mengambil kewarganegaraan sebarang negeri asing di luar daripada Persekutuan (iaitu termasuk negeri-negeri dalam Commonwealth) dengan cara mendaftar, menukar warganegara atau dengan lain-lain cara dengan sukarela dan rasmi (selain daripada kerana kahwin) maka Kerajaan bolehlah memberi perintah melucutkan kewarganegaraan orang itu".

"Adalah dicadangkan juga bahawa jika Kerajaan berasa puas hati bahawa seseorang warganegara pada bila masa juga selepas Merdeka dengan sukarela menuntut dan mengamalkan di dalam sebuah negeri asing barang apa hak yang dibolehkan padanya menurut undang-undang negeri itu, yakni hak mutlak bagi warganegara negeri itu, maka Kerajaan boleh mengeluarkan perintah melucutkan kewarganegaraan orang itu. Telah dipersetujui juga bahawa orang yang menjadi warganegara Persekutuan dengan cara mendaffara tatu menukar warganegara sebelum Hari Merdeka hendaklah boleh dilucutkan kewarganegaraan menurut syarat yang tersebut di atas seolah-olah seperti dia telah menjadi warganegara dengan cara mendaftar atau menukar warganegara selepas Hari Merdeka".

Warganegara United Kingdom dan tanah-tanah jajahan yang dilahirkan di Persekutuan sebelum Hari Merdeka "yang sekarang berhak menurut fasal 126 Perjanjian Persekutuan" juga akan dibolehkan untuk didaftarkan menjadi warganegara Persekutuan dengan syarat mereka mendaftarkan diri dalam tempoh satu tahun setelah Hari Merdeka.

Perlembagaan baru yang disusun dengan Working Party itu mensyaratkan orang perempuan yang bersuamikan warganegara Persekutuan berhak membuat permintaannya dan boleh menjadi warganegara dengan syarat perkahwiannya itu didaftarkan mengikut undang-undang berkuatkuasa di Persekutuan. Tetapi orang perempuan demikian itu boleh dilucutkan kewarganegaraannya jika Kerajaan Persekutuan mendapati dia memperolehi warganegara negeri lain disebabkan oleh perkahwinan dengan seorang yang bukan warganegara Persekutuan ataupun perkahwinannya itu dibatalkan selain daripada sebab suaminya telah mati dan dalam tempoh dua tahun setelah itu Kerajaan merasa puas hati bahawa tidaklah mendatangkan kebaikan kepada negeri ini jika dia terus menjadi warganegara.

Seorang budak boleh didaftarkan menjadi warganegara mengikut syarat demikian itu sekiranya pihak berkuasa pendaftaran puas hati budak itu biasa duduk di Persekutuan dan kelakuannya baik.

Sesaorang yang berumur 18 tahun ke atas yang diperanakkan di Persekutuan sebelum Merdeka yang belum menjadi rakyat Persekutuan boleh mendaftarkan diri untuk menjadi warganegara kelak, jika dia mempunyai syarat-syarat yang dikehendaki mengenai tempoh dia tinggal dalam negeri ini dan lain-lain syarat yang disyorkan oleh Suruhanjaya Reid.

Orang-orang yang tidak diperanakkan di Persekutuan tetapi tinggal di negeri ini pada Hari Merdeka harus diberi hak meminta menjadi warganegara dengan syarat mereka telah menunjukkan taat setia kepada Persekutuan dan telah menganggap negeri ini sebagai tempat kediaman mereka yang kekal. Mereka boleh berbuat demikian dengan jalan menukar kewarganegaraan dan memenuhi syaratsyarat seperti yang disyorkan oleh Suruhanjaya Reid.

Kertas Putih itu menyebutkan "semua warganegara hendaklah menumpukan taat setia dengan tiada berbelah bagi kepada Persekutuan dan telah disediakan satu cara sumpah pendadiaran atau menukar warganegara. Adalah dicadangkan bahawa seseorang yang berumur 18 tahun ataupun lebih sekali-kali tidak boleh didafturkan sebagai warganegara sehingga dia telah mengangkat sumpah taat setia, mengaku membatalkan dan melucutkan sebarang taat setianya kepada barang mana negeri di luar Persekutuan dan bersumpah bahawa dia akan menjadi warganegara seha taat setia kepida Persekutuan dan akan mentaati perintah segala pihak yang berkuasa yang dibentuk dalam Persekutuan. Demikian juga adalah dicadangkan bahawa sijil warganegara sekali-kali tidak dikeluarkan kepada sesiapa jua sehingga dia telah mengangkat sumpah taat setia menurut cara ini'

Kewarganegaraan seseorang rakyat Persekutuan akan dilucutkan bila diketahui bahawa dia ada mendapat atau mengerjakan syarat kewarganegaraan sebuah negara asing. Kerajaan Persekutuan juga akan melucutkan kerakyatan seseorang warganegara setelah Merdeka kelak, setelah didapati orang itu mengambil warganegara negeri-negeri asing termasuk negeri-negeri Commonwealth. Tetapi Working Party itu telah mempersetujui bahawa syarat-syarat bagi melucutkan kewarganegaraan seseorang yang mengamalkan hak-hak warganegara dalam sebuah negeri asing hendaklah terpakai kepada sesiapa yang mengamalkan hak-hak warganegara dalam sebuah negeri Commonwealth jika hak yang tersebut itu ialah hak mutak yang diberi kepada warganegara negeri Commonwealth itu.

Kertas Putih itu menegaskan "tidaklah sekali-kali melemahkan kuasa Persekutuan dalam perkara kemasukan warganegara Commonwealth ataupun dengan sesungguhnya berkenaan dengan hak-hak yang sanggup diberikan oleh Kerajaan Persekutuan, Kepada mereka dalam Persekutuan, satu syarat lebih kurang seperti ini adalah perkara biasa diadakan dalam Commonwealth dan mustahak diadakan sebagai menegaskan pengertian tentang kekeluargaan negeri-negeri Commonwealth".

Union Jack dan Bendera-bendera Asing tak dibenarkan dikibar pada hari menyambut Merdeka di Perak

Kerajaan Negeri Perak tidak benarkan Bendera Union Jack atau Bendera Kerajaan-kerajaan asing dikibarkan pada hari menyambut Merdeka pada 31 Ogos. Hanya bendera Persekutuan Tanah Melayu dan bendera Kerajaan Negeri Perak sahaja dibenarkan dikibar pada hari tersebut. Kerajaan Perak mengumumkan rakyat Perak yang akan merayakan Hari Kemerdekaan dinasihatkan mengibarkan hanya bendera Persekutuan sahaja di kemuncak tiang bendera di mana-mana bangunan, pejabat dan lain-lainnya. Sekiranya sesebuah bangunan mempunyai dua tiang bendera, bendera Persekutuan hendaklah dikibarkan sebelah kanan dan bendera Negeri Perak di sebelah kiri. Jika ada tiga tiang bendera, tiang di sebelah kiri bendaklah dikosongkan.

Penggubah lagu-lagu Melayu terkenal dijemput menggubah Lagu Kebangsaan

Encik Ya'acob bin Abdul Latiff, Pengarah Jabatan Penerangan Persekutuan, memaklumkan sekiranya hingga Hari Merdeka "Lagu Kebangsaan belum dapat diadakan lagi, maka tidak ada sebarang lagu yang lain akan digunakan untuk menggantikannya dalam upacara-upacara yang akan dijalankani". Beliau menyatakan Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri, "tidak akan terburu-buru memilih lagu yang bakal dijadikan Lagu Kebangsaan itu walaupun sehingga hari menyambut Kemerdekaan lagu tersebut belum dapat lagi".

Utusan Melayu telah mendapat tahu dari satu punca yang boleh dipercayai bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah menjemput salah seorang penggubah lagu Melayu yang terkenal di Singapura supaya menggubah sebuah lagu untuk dijadikan Lagu Kebangsaan. Beliau diminta menggubah lagu yang sesuai dengan suasana tanah air dan berjanji memberi hadiah sekiranya lagu tersebut diterima oleh Lembaga Lagu-lagu-Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu yang dipengerusikan oleh Tunku Abdul Rahman, sendiri.

Penggubah lagu itu telah menyatakan kepada Kerajaan Persekutuan beliau bersedia menggubah lagu yang dikehendaki dengan syarat "lagunya tidak ditandingkan dengan lagu-lagu
kebangsaan oleh penggubah-penggubah international" dan beliau juga "tidak mahu sebarang hadiah
dari Kerajaan Persekutuan sekiranya lagunya diterima menjadi Lagu Kebangsaan". Penggubah lagu
tiu sudahpun memulakan pekerjaannya dan ada kemungkinan dapat menyiapkan lagunya sebelum
Merdeka.

Lembaga Lagu-lagu Kebangsaan telah menolak lebih 100 buah lagu yang telah dimajukan kepadanya untuk menjadi Lagu Kebangsaan. Lembaga itu pula menjemput penggubah-penggubah lagu international supaya mencuba sekali lagi.

Menaikkan Bendera pada tengah malam

Mesyuarat Jawatankuasa Pergerakan Pemuda, Cawangan Bagan Dalam, Butterworth telah memutuskan upacara menurunkan bendera Union Jack dan menaikkan bendera Persekutuan di halaman rumah pejabat UMNO Cawangan Bagan Dalam pada jam 12.05 tengah malam 30 Ogos. Sempena upacara itu akan diadakan permainan ria dan hidangan lagu-dagu dari pancaragam-pancaragam. Di samping itu sebuah sandiwara meriwayatkan perjuangan Melayu mencapai Kemerdekaan akan juga diadakan.

Kaum-kaum dalam Malaya Merdeka

Pegawai Daerah Muar, Encik Abdul Aziz Hj. Abdul Syukur, telah menyeru penduduk-penduduk negeri tersebut supaya "lebih berusaha lagi membuat dan mengekalkan perhubungan berbaik antara kaum-kaum dalam Malaya Merdeka". Kata beliau "peliharalah dan perkukuhkan lagi perpaduan yang sedia ada hari ini sampai bila-bila pun". Seruan dibuat dalam ucapan pembukaan Kursus Civic di sekolah Cina Asahan, Tangkak. Beberapa pegawai juga turut berucap yang membangkitkan soal kemajuan Malaya Merdeka serta darurat.

Rombongan UMNO Singapura ke Perayaan Merdeka Persekutuan

UMNO Singapura dijangka menghantar rombongan 50 orang terdiri daripada kaum ibu, pemuda, wakil-wakil bahagian dan ahli-ahli jawatankuasa negeri ke Perayaan Merdeka di Kuala Lumpur. Rombongan akan diketuai oleh Encik Abdul Hamid Hj. Jumaat, Ketua UMNO Singapura. Di samping menghantar rombongan ke Kuala Lumpur, UMNO Singapura juga akan mengadakan perayaan Merdeka di Singapura.

Perpaduan antara Kaum

Penyunting akhbar membangkitkan soal "perpaduan dan saling pengertian antara sekalian penduduk di Malaya. Di dalam hal ini dirasai persahabatan orang-orang Melayu dengan Cinalah yang penting sekali. Peranan yang dapat diambil oleh kaum-kaum kecil tidak kurang pula".

Parti-parti di Persekutuan Tanah Melayu masih bercorak perkauman lagi, "namun begitu perpaduan antara kaum dapat juga dipulihkan nanti melalui saluran-saluran tertentu, bahagian ekonomi umpamanya, dan dalam negeri-negeri yang masak pengalamannya tentang soal pemerintah demokrasi dan Parti-parti Politik dalam negeri-negeri itu adalah bernokok pada ideologi politik belaka".

Sabtu 6 Julai 1957, 8 Zulhijjah 1376

Akan dibincangkan pada 12 Julai

Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang akan memberi Persekutuan taraf Kemerdekaan yang berdaulat dalam Commonwealth British akan dibincangkan dalam bacaan kedua dalam Dewan Orang Ramai pada 12 Julai 1957. Rang Undang-undang itu telah dibacakan pertama kalinya pada 4 Julai 1957.

Jangan berat sebelah terhadap Parti-parti Politik

Berita dari Qahirah memaklumkan Pemerintah Malaya telah diminta supaya tidak berat sebelah terhadap segala puak dan golongan politik Malaya dalam menghadapi Kemerdekaan. Perkara ini dibincang di Majlis bertukar-tukar fikiran di Qahirah oleh Badan Perjuangan Melayu Timur Tengah dan Perikatan Pemuda Malaya di luar tanah air. Antara keputusan-keputusan yang dibuat ialah:

"Malaya Merdeka hendaklah jangan mengakui sekali-kali Israel kerana ini berlawanan dengan kepentingan dunia Islam dan pula Israel belum diakui oleh seluruh dunia, apa lagi telah dipulaukan dan tidak diterima oleh Persidangan Afro-Asia". Untuk menghadiri perayaan Kemerdekaan pada 31 Ogos, Malaya diminta menjemput semua wakil negara seluruh dunia terutamanya negara Islam dengan "tidak berat sebelah atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak". Keputusan juga meminta "dasar luar Malaya Merdeka hendaklah berhaluan neutral (berkecuali), cergas dan sesuai dengan aliran kumpulan negara-negara Asia - Africa. Malaya hendaklah lebih banyak memerhatikan masalah pelajar-pelajar Malaya di luar negeri dan menggalakkan penuntut-penuntut di luar negeri dalam cabang pengetahuan yang sesuai dengan golongan negara-negara tersebut".

Persekutuan diterima menjadi Anggota Commonwealth

Berita dari London pada 5 Julai memaklumkan "Pasukan-pasukan bersenjata Inggeris akan ditempatkan terus di Persekutuan Tanah Melayu selepas negeri itu Merdeka pada 31 Ogos depan untuk menolong Persekutuan dalam perjuangan menentang pengganas-pengganas Komunis", kata tuna Alan Lennox-Boyd, Setiausaha Tanah Jajahan Takluk Inggeris. Dalam satu jawapan bertulis yang dibentangkan dalam Dewan Orang Ramai di London beliau menerangkan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah membayangkan bahawa ia akan meminta pertolongan dari tentera-tentera Commonwealth yang ditempatkan di negara itu untuk membasmikan pengganas-pengganas. Lennox-Boyd berkata lagi "Kerajaan Baginda Queen telah menjelaskan bahawa sekiranya permintaan seperti tu dibuat maka kita dengan sukacita memberi bantuan itu". Katanya pasukan-pasukan bersenjata Inggeris akan ditempatkan terus di Persekutuan selepas Merdeka "untuk menolong Persekutuan dalam perjuangan menentang pengganas-pengganas Komunis".

Persekutuan Tanah Melayu menjadi anggota kesepuluh negara-negara Commonwealth dan akan mempunyai hak dan keistimewaan yang sama dengan lain-lain anggota.

Perikatan Persuratan mengalu-alukan putusan UMNO tentang Sekolah Menengah Melayu

Persidangan Perhimpunan Agung UMNO Malaya mendesak Kerajaan supaya mendirikan sekolah-sekolah menengah bahasa Melayu yang menjadikan bahasa Melayu bahasa pengantar yang sepenuh-nya dalam tahun 1958. Keputusan itu disambut oleh Perikatan Persuratan Melayu Semenanjung (PPMS). PPMS mengalu-alukan keputusan Perhimpunan Agung UMNO yang "mensyaratkan supaya pegawai-pegawai Kerajaan Malaya Merdeka hendaklah orang-orang yang telah lulus sekurang-sekurangnya darjah lima sekolah Melayu". PPMS menyampaikan ucapan tahniah kepada UMNO Malaya kerana keputusan-keputusan yang telah diambil itu. Keputusan yang lain ialah bersetus

menawarkan kerjasamanya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka bagi kepentingan bahasa kebangsaan dan rasmi Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka kelak.

Kertas Putih Perlembagaan

Penyunting akhbar membangkitkan hal ini dengan menyatakan pada keseluruhannya butir-butir yang terkandung dalam Kertas Putih Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tidak jauh perbezaannya dengan apa yang dijangkakan oleh rakyat semenjak syor-syor Suruhanjaya Reid diumumkan dan semenjak rombongan Merdeka pulang dari London. Mengikut Kertas Putih itu agama Islam adalah diakui sebagai agama rasmi Persekutuan dan dalam pada itu "agama-agama lain boleh hidup, di-amalkan dan dikembangkan. Kita hanya dapat mentafsirkan kalimat yang terakhir itu sebagai perlanjutan kedudukan agama-agama negeri ini yang sediakala. Kerasmian agama Islam menurut Kertas Putih itu tidak pula bererti bahawa Persekutuan Tanah Melayu bersifat satu negara (hukum) Islam seperti Pakistan, misalnya. Rakyat Republik Indonesia pula tidak juga merasmikan agama Islam tetapi salah satu dari dasar negara pancasilanya adalah mengandungi prinsip KeTuhanan".

"Soal yang pasti tidak memuaskan hati sama sekali ialah peranan bahasa Melayu dalam Malaya Merdeka. Walaupun bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan tidak menghadapi pindaan apa-apa, namun soal perlaksaan dan perkembangan bahasa Melayu nampaknya tidak dapat diperbaiki daripada cadangan-cadangan Suruhanjaya Reid itu. Kertas Putih itu juga lebih memberatkan bahasa Inggeris dan menyalinkan sebulat-bulatnya syor Suruhanjaya Reid sebagai berikut untuk selama sepuluh tahun dari Hari Kemerdekaan dan seterusnya itu hingga Parlimen membentuk undang-undang lain maka bahasa Inggeris boleh digunakan dalam kedua-dua Dewan Parlimen dan Perhimpunan-perhimpunan Undang-undang Negeri-negeri dan untuk kegunan-kegunaan rasmi yang lain." Kertas Putih itu akan dibentangkan di Majlis Undangan Federal pada 10 dan 11 Julai 1957.

Ahad 7 Julai 1957, 9 Zulhijiah 1376

Siaran Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung mengenai Perayaan Kemerdekaan

Syed Husin Ali, Setiausaha Agung GPMS (Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung), telah menulis mengenai gabungan pelajar-pelajar Melayu Semenanjung sempena perayaan Kemerdekaan. Beliau membangkitkan mengenai sambutan Kemerdekaan selepas jam 12 malam 30 Ogos serta 31 Ogos di Stadium Merdeka dan mengenai jenis perayaan di negeri-negeri. Beliau membangkitkan soal perlunya badan-badan pelajar bekerjasama dengan Jawatankuasa-jawatankuasa Perayaan. Dikatakan banyak Persatuan Pelajar yang belum membuat hubungan dengan Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut.

Beliau menyoal "jikalau pelajar-pelajar tidak mendapat kesempatan ini, adakah cukup bagi kita hanya melihat atau meramai-armaikan saja perayaan tersebut?" Di Persidangan Agung GPMS yang ke 11 di Kota Bharu, Kelantan satu usul telah dibuat :

"GPMS hendaklah menetapkan satu masa yang dinamakan Minggu Pelajar dalam mana semua ahli-ahli gabungan mesti mengadakan pertunjukan untuk memungut derma".

Seterusnya Syed Husin berkata "Kami berpendapat bahawa masa yang sebaik-baiknya untuk mengadakan Minggu Pelajar sebagai perayaan Kemerdekaan pelajar-pelajar ini ialah pada minggu mulai daripada 28 September hingga 4 Oktober 1957. Adalah tidak mustahak bagi tiap-tiap badan yang bergabung mengadakan rancangan untuk memenuhi seluruh minggu itu. Mereka bebas untuk mengadakan sambutan mengikut kadar yang mereka fikirkan patur".

Guru-guru diseru jangan takut memperjuangkan hak-haknya dalam Malaya Merdeka kelak

Yang di-Pertua Persatuan Guru-guru Melayu Selangor, Cikgu Abdul Samad bin Kahar, telah menyeru kepada pegawai-pegawai dan pemimpin-pemimpin Melayu di Jabatan Pelajaran serta guru-guru Melayu seluruhnya supaya "jangan merasa takut-takut dalam memperjuangkan hak-hak dan tanggungjawab mereka dalam Malaya Merdeka kelak".

Beliau terus berkata "Di zaman penjajahan, pegawai-pegawai dan pemimpin-pemimpin Melayu serta guru-guru Melayu yang cuba maju ke depan telah dikecewakan oleh penjajah, tetapi dalam Malaya Merdeka kita tidak perlu takut-takut lagi."

Beliau telah menerangkan sejarah ringkas perjuangan Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung (KPGMS) dalam hal pelajaran Melayu, semenjak Kesatuan itu ditubuhkan hingga ke saat ini yang katanya belum selesai lagi. Antara lain beliau memuji dan mengucapkan tahniah kepada Menteri Pelajaran, Dato Abdul Razak, dan Menteri-menteri Kerajaan Perikatan yang telah mengambil berat atas tuntutan guru-guru Melayu itu. Kata beliau "Bagaimanapun, tiap-tiap guru Melayu sekarang hendaklah berpadu teguh di belakang tuntutan-tuntutan yang telah dibuat supaya memperjuangkan cita-cita kita yang belum selesai ini akan segera selesai".

Isnin 8 Julai 1957, 10 Zulhijiah 1376

MCA terima Kertas Putih sebulat suara

Jawatankuasa Kerja Agung Persatuan China Se Malaya (MCA) telah menerima dengan sebulat suara Kertas Putih yang mengandungi pindaan-pindaan atas penyata Suruhanjaya Perlembagaan Reid dan rangka Perlembagaan Malaya Merdeka yang disusun oleh Working Party yang terdiri daripada wakilwakil Raja-raja Melayu, Kerajaan Baginda Queen dan Kerajaan Perikatan yang telah diterbitkan pada 3 Julai 1957.

Ketua Penerangan MCA, Tuan Tan Siew Sin, berkata "Tidak ada apa-apa rintangan lagi negeri ini mendapat Kemerdekaan mulai 31 Ogos 1957 ini dan Perlembagaan baru itu boleh dijadikan asas Kemerdekaan Malaya kelak". Kata beliau, beliau akan menyokong ketetapan Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman.

Merdeka ialah satu cabaran kepada rakyat negeri ini

Penolong Menteri Kanan kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Encik Bahaman Shamsudin, menyatakan bahawa masalah-masalah politik, ekonomi dan sosial hanya dapat bertambah maju dalam Malaya Merdeka kelak sekiranya lebih banyak lagi badan-badan sukarela dan orang-orang yang mengambil perhatian berat akan kemajuan negeri itu bekerja memajukannya. Kata beliau "perjuangan mencapai Kemerdekaan bagi negara ini mungkin boleh dikatakan sudah tamat sebaik-baik sahaja Kemerdekaan Malaya itu diisytiharkan kelak". Tegas beliau lagi, "Tetapi Merdeka adalah satu cabaran kepada rakyat dalam negeri ini iaitu sama ada rakyat dalam negeri ini akan berjaya mengekalkan Kemerdekaan an itu dan mengisinya dengan sepenuhnya". Untuk mencapai cabaran-cabaran tersebut beliau menegaskan pertunya semua badan atau pertubuhan sukarela menyusun langkah dan "rakyat dalam negeri ini hendaklah mengambil keputusan sikap masing-masing untuk bekerja lebih keras lagi di masa depan".

Selamat Hari Rava

Penyunting akhbar mengambil peluang mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada para pembaca. Sambil menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya Aidil Adha beliau menyatakan Hari Raya Korban adalah lebih besar ertinya daripada Hari Raya Puasa dari sisi agama. "Tetapi bagi kita rakyat Persekutuan Tanah Melayu ini, Hari Raya Aidil Adha kali ini sungguh besar ertinya dari masa-masa yang sudah-sudah, kerana ketibaannya kebetulan dalam masa kita sedang bersedia dan bersiap-siap untuk menyambut satu Hari Raya yang paling besar sekali bagi kita iaitu Hari Perisytiharan Kemerdekaan Tanah Air. Hari Raya Aidil Adha yang kita sekalian rayakan hari ini ialah Hari Raya yang akhir sekali kita rayakan di zaman penjajahan".

Kata penyunting akhbar " marilah kita berdoa ke hadrat Allah, mudah-mudahan Kemerdekaan yang akan kita sambut tidak lama lagi bukan sahaja membawa semangat dan tekad baru dalam jiwa tiap-tiap rakyat di negara ini yang selama ini tertindas, tetapi juga akan memberi kesenangan dan kebahagiaan kepada rakyat jelata umumnya. Kepada Allah kita memohon dan kepadanya juga kita minta perlindingan supaya negara dan bangsa kita yang muda ini kekal dalam aman sentosa selamalamanya".

Tuanku akan datang ke Tangkak

Tunku Abdul Rahman Putra, Ketua Menteri dan Yang di-Pertua Agung UMNO, tetap akan datang ke Tangkak, Johor pada hari sambutan Kemerdekaan untuk menukar 'songkok Merdeka' yang telah dihadiahkan kepadanya dahulu. Di Persidangan UMNO 1954 di Alor Setar, UMNO Tangkak telah menghadiahkan 'songkok Merdeka' kepada Tunku. Tunku memberi pengakuan untuk datang ke Tangkak. Kata beliau "Saya tidak akan melupakan Tangkak, dari itu saya tetap datang. Masanya akan diberitahu kelak''. Pada hari kedatangan Tunku, beliau akan diminta membuka 'jam besar Merdeka' di mana nama penderma-pendermanya ada ditulis sepenuhnya.

Selasa 9 Julai 1957, 11 Zulhijjah 1376

Amaran Tunku : Siapa buat kacau akan ditangkap dan dihukum

Sempena menyambut Hari Raya Haji pada 10 Zulhijjah bersamaan 8 Julai 1957, Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, berucap di radio. Beliau membangkitkan soal pentadbiran Kerajaan setelah negara Merdeka. "Semua pentadbiran Kerajaan sakan dijalankan seperti biasa. Balai-balai polis dan Mahkamah-mahkamah akan dijalankan dengan keadaan yang lebih baik, kuat dan cergas". Kerajaan Tanah Melayu sama sekali tidak akan membenarkan perbuatan-perbuatan yang akan membangkitkan huru-hara dan kacau-bilau dalam negeri. Sesiapa yang melakukan kesalahan akan ditangkap dan dihukum dengan tidak mengira siapa dan apa bangsanya.

Kata Tunku lagi "kita telah merasa bagaimana susah payah dan sakitnya serta azab sengsaranya orang-orang Tanah Melayu apabila bangkit huru-hara dalam negeri ini. Tanggungan kita sekalian ialah menjaga akan keselamatan dan kesenangan penduduk-penduduk negeri ini dengan tidak mengira apa bangsa dan agamanya".

Menyebut bagaimana cara-caranya supaya perasaan berbaik-baik sangka antara kaum dalam negeri ini dapat dipelihara, Tunku berkata "Itulah sebabnya saya menasihatkan ahli-ahli UMNO menubuhkan Jawatankuasa Muhibbah di serata kampung dan ceruk rantau dan Jawatankuasa itu hendaklah mengandungi berbagai-bagai bangsa, berbagai Parti kerana hanya dengan jalan menubuhkan Jawatankuasa serupa inilah saja perasaan berbaik-baik sangka itu dapat dipelihara".

"Dengan nama Allah saya serukan pada hari yang berbahagia ini supaya semua orang berusaha menyelamatkan negeri ini dan mengekalkan keamanan. Marilah kita sambut Hari Kemerdekaan dengan rama meriah supaya akan terjalin di dalam sejarah kita suatu peringatan yang murni, iaitu Kemerdekaan yang kita peroleh ini tidak dengan menumpahkan darah", kata Tunku. Beliau telah menegur pihak-pihak yang menyebarkan berita-berita angin dan berita-berita yang bermaksud hendak menimbulkan pergaduhan dan pertentangan antara kaum "pada masa kita betul-betul di depan ambang pintu Kemerdekaan".

"Sudah lama kita berjuang, belumlah berbangkit apa-apa pergaduhan atau perkara-perkata yang merosakkan pergaulan antara satu kaum dengan kaum lain yang duduk dalam negeri ini, tetapi apakala kita telah sampai di depan pintu Kemerdekaan, maka berbagai-bagai bunyi hasutan yang menuduh bahawa orang-orang Cina pula akan melakukan sesuatu kepada orang-orang Melayu yang sebenarnya tuduhan-tuduhan yang demikian adalah tuduhan-tuduhan yang tidak berasas", tegas Tunku.

Akhir kata Tunku menyeru "Marilah kita hidup dengan perasaan bertolak ansur dan menerima semua manusia dalam negeri ini sebagai kawan, bukan sebagai lawan kerana itulah kehendak Allah dan Rasulnya yang telah menurunkan agama Islam supaya kita hidup dengan aman dan damai".

Sultan ingatkan tentang bahaya pengganas-pengganas yang akan mengancam Merdeka

Sultan Selangor dalam ucapannya sempena Hari Raya Haji memberi amaran atas bahaya "Pengganaspengganas Komunis yang akan mengancam Malaya Merdeka kelak". Hari Raya Haji tahun 1957 ialah Hari Raya Haji penghabisan sebelum Malaya Merdeka. Baginda menegaskan "pengganas-pengganas komunis masih bermaharajalela dalam negeri".

Tunku Abdul Rahman turut hadir di Majlis Sembahyang Raya Haji di samping Sultan Selangor bersama 1,000 kaum Muslim di Masjid Alam Shah, Pudu, Kuala Lumpur, Semasa Tunku berucap di Radio Malaya sempena Hari Raya Haji beliau mengumumkan "Jika panjang umur dan dengan izin Allah, akan menunaikan fardhu Haji pada tahun depan. Insya Allah pada tahun depan ini saya akan berpeluang memberi ucap Selamat Hari Raya Haji menerusi radio dari Tanah Suci (Mekah)", kata Tunku.

Lagu-lagu Pak Zubir untuk Perayaan Kemerdekaan

Lagu-lagu Melayu yang akan dimainkan sempena perayaan Merdeka di Lake Garden, Kuala Lumpur semuanya adalah gubahan Encik Zubir Said, penggubah lagu-lagu Melayu yang tidak asing itu. Kesemuanya lapan lagu digubah oleh beliau dan dirakam oleh Encik Zainal Abbas, seorang biduan lagu-lagu Melayu asli yang terkenal di Singapura. Encik Zubir menggubah lagu-lagu itu dengan permintaan Tuan Mubin Sheppard, bekas Penasihat British Negeri Sembilan, yang menjadi Ketua Jabatan Mencegah Makanan, daripada jatuh ke tangan komunis di Persekutuan. Lagu-lagu yang digubah oleh Encik Zubir Said ialah: Raja Kecil, Silat Perang, Marah, Sedih, Menang Perang, Perarakan Pengantin dan lagu penutup temasya itu.

Penduduk Kampung Mela dirikan tugu peringatan Kemerdekaan

Satu tugu peringatan Hari Kemerdekaan akan didirikan di Kampung Mela, Mukim Cheka, Kuala Lipis, Pahang. Kutipan derma Kemerdekaan sebanyak 53 tiap-tiap rumah akan dilakukan. Pengerusi UMNO Bahagian Pahang Barat berkata bahawa selepas 31 Qost tanggungan rakyat akan bertambah berat untuk memikul tanggungiawab mengisi Kemerdekaan.

Kaum-kaum sambut Kemerdekaan di Tanjung Surat

Penduduk-penduduk di Tanjung Surat, Kota Tinggi, Johor akan mengadakan berbagai perayaan sempena menyambut Kemerdekaan yang termasuk sandiwara, peraduan menyanyi, perlumbaan laut, malam kebudayaan, peraduan bola sepak dan badminton, membaca sajak, syaer, membaca Al-Quran dan syarahan murid-murid sekolah.

Perlembagaan tidak akan berguna langsung kalau tak ada semangat mahu melaksanakannya

Sir Donald MacGillivray, Persuruh Jaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu, menyatakan sungguhpun rangka Perlembagaan baru Persekutuan telah mendapat sambutan baik, "tetapi tidak akan berguna langsung sekiranya Perlembagaan itu tinggal di kertas putihnya saja jika tidak diikuti dengan semangat mahu melaksanakannya". Kata beliau "Kemerdekaan Tanah Melayu mempunyai tapak baik dan ia hendaklah dijalankan dengan perasaan muhibbah, saling hormat menghormati dan kesabaran sebagaimana yang telah ditunjukkan sekarang ini di antara satu kaum dengan kaum yang lain". Sambil menyeru rakyat supaya berhati-hati dan jangan percaya kepada berita-berita angin, beliau menerangkan perhubungan baik antara kaum-kaum dalam negeri dapat diperkuatkan lagi.

Rabu 10 Julai 1957, 12 Zulhijjah 1376

Perayaan Merdeka : Malaya tak dapat menjemput Negara-negara Islam secara langsung

Malaya tidak dapat menjemput secara langsung wakil-wakil negara Islam di Timur Tengah termasuk Mesir untuk menghadiri perayaan Merdeka pada 31 Ogos "sebabnya hari ini Malaya tidak ada kuasa membuat perhubungan dengan negeri-negeri luar dan segala urusan mengenai perkara-perkara tersebut masih ada di tangan Pejabat Tanah Jajahan British". Huraian dibuat oleh Tuan Hj. Hassan Yunus, Ketua UMNO Negeri Johor.

Menurut beliau "keadaan yang berlaku di antara Kerajaan-kerajaan British dengan Mesir baru-baru ini telah menyebabkan perhubungan diplomatik di antara kedua-dua negeri tersebut putus dan oleh kerana itu tidak mungkin Britain akan menjemput Mesir bagi pihak Malaya untuk menghadiri perayaan Merdeka".

"Tetapi", kata beliau, "setelah Merdeka kelak perhubungan dengan negeri-negeri lain adalah di tangan Malaya sendiri. Maka ketika itulah Malaya boleh menjemput sesiapa pun yang disukainya". Menurut beliau banyak negeri yang dijemput menghadiri Perayaan Kemerdekaan akan hadir.

Badan-badan Kaum Cina tegur Kertas Putih

Rangka Perlembagaan Malaya Merdeka yang telah disusun semula dari penyata Suruhanjaya Perlembagaan Reid oleh *Working Parry* yang terdiri dari wakil Raja-raja Melayu, Kerajaan Baginda Queen dan Kerajaan Perikatan Persekutuan yang diterbitkan bulan Julai lalu telah ditegur oleh jawatankuasa 15 orang yang mewakili 1,004 buah Pertubuhan-pertubuhan Badan-badan Cina di seluruh Malaya.

Majlis Undangan Federal yang bersidang esok akan membincangkan Kertas Putih itu. Tunku Abdul Rahman. Ketua Menteri, dijangka membuat ucapan panjang lebar waktu mengemukakan ketetapan supaya Kertas Putih itu diterima oleh mesyuarat.

Jawatankuasa Pertubuhan-pertubuhan Cina yang telah mengambil keputusan mengirim kawat "menegur" rangka Perlembagaan tersebut kepada Perdana Menteri British, Harold Macmillan. Rombongan Jawatankuasa itu telah pergi ke London dan "telah menegur Perlembagaan Baru Malaya Merdeka". Mereka menyifatkan "Perlembagaan Malaya Merdeka tidak sejajar dengan undang-undang persamaan internasional".

Jawatankusaa tersebut menegaskan keazamannya "Untuk meneruskan perjuangannya mendapatkan taraf persamaan untuk rakyat dalam negeri ini seluruhnya mengiku peraturan Perlembagaan". Kata mereka "Kamii adalah mempunyai fikiran yang kuat bahawa Perlembagaan itu adalah tidak sejajar mengikut persamaan undang-undang internasional. Kami berazam untuk meneruskan perjuangan kami kerana taraf persamaan untuk rakyat dalam negeri ini seluruhnya mengikut peraturan Perlembagaan

Kerjasama Kaum Ibu perlu supaya Malaya Merdeka sempurna - Bibi Aishah

Puan Bibi Aishah, Ahli Jawatankuasa Kaum Ibu UMNO Malaya, dalam ucapannya di Majlis menubuhkan Kaum Ibu Cawangan Sungai Pertama, Bukit Mertajam menyeru kepada Kaum Ibu 'supaya bekerja lebih cergas dan lebih kuat lagi. Kemerdekaan yang akan kita sambut pada 31 Ogos yang akan datang adalah hasil dari kerjasama Kaum Ibu, terutama sekali dalam Pilihan Raya yang telah diadakan di negeri ini. Pada masa akan datang Kaum Ibu hendaklah bekerja lebih keras lagi".

Kata beliau seterusnya "Jika negara kita telah mendapat Kemerdekaannya tetapi kita tidak bekerja lebih keras, maka Kemerdekaan yang kita dapati itu tidak akan sempurna. Kerjasama Kaum Ibu dalam Malaya Merdeka adalah amat penting".

Malaya Merdeka hendaklah mempunyai Jabatan Pengadilan Yang Bebas - Hakim

Hakim Mahkamah Tinggi Persekutuan, Justice Smith, menyatakan Malaya Merdeka hendaklah mempunyai Jabatan Pengadilan (Judiciary) yang bebas dari pengarah-pengaruh parti politik yang berkuasa dalam negeri. Kata beliau "Hanya dengan jalan ini sahaja barulah sebuah negara baru itu dapat terjamin mempunyai peraturan pengadilan yang bebas". Kata beliau "Malaya sekarang mempunyai peraturan pengadilan yang baik, berjalan dengan lancar dan tidak menerima sebarang gangguan dari mana-mana pihak".

PEMAS tak puas hati

Ahli-ahli PEMAS seluruh Malaya telah diseru supaya bersikap tenang terhadap rangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Encik Isa Zain, Ketua Penerangan PEMAS Malaya, menyeru kepada semua anggota PEMAS supaya bersabar sehingga mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kongres Kebangsaan yang kedua membincangkannya. Kata beliau "PEMAS tidak sekali-kali mengalu-alukan Perlembagaan tersebut malahan dukacita atas beberapa perkara yang terkandung di dalamnya terutama sekali mengenai Menteri Besar (yang dibuka kepada orang-orang yang bukan Melayu) dan sebagainya".

Khamis 11 Julai 1957, 13 Zulhijjah 1376

Rakyat Malaya diseru menjayakan Perlembagaan Baru

Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra, menyeru kepada seluruh rakyat negara supaya "dengan tegasnya berazam untuk sama-sama berusaha bagi menjayakan Perlembagaan yang baru diciptakan untuk Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka". Kata beliau "berbagai-bagai kepentingan yang bertentangan dari berbagai-bagai pihak dipertimbangkan dengan saksamanya".

Harapan Tunku kemajuan negara ini tidaklah harus dibenarkan dihalang oleh mana-mana kumpulan ataupun orang perseorangan yang "tamak dan yang perbuatannya tidak memberikan faedah kepada rakyat dan negara". Tunku meminta ahli Majlis Mesyuarat Undangan Federal mengalu-alukan syor-syor Perlembagaan yang baru dan menyokong setiap syor yang terkandung di dalam Kertas Putih bagi menciptakan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka dan berdaulat pada 31 Ogos 1957.

Kata Tunku tidak lama lagi negeri ini akan mengambil tempatnya sebagai sebuah negeri yang bebas, Merdeka dan berdaulat dalam keluarga bangsa-bangsa Commonwealth dan bila memandang ke belakang beberapa tahun yang lalu, beliau merasa hairan kerana perjuangan dan kemajuan ke arah Kemerdekaan telah berjalan dengan lancar dan licin. "Saya tidak dapat memikirkan sebuah pun negeri jajahan takluk yang telah berjaya mencapai Kemerdekaannya dengan cara dan dalam suasana yang begitu ramah tamah dan saling mengerii", ujar Tunku.

Tunku membangkitkan cara negara ini mencapai Kemerdekaan iaitu dalam suasana ramah tamah dan saling mengerti. Kata beliau "tabiat, kebudayaan dan agama penduduk-penduduk negeri amat besar perbezaannya antara satu dengan lain dan saya percaya hanya sekarang baru dapat kita berdiri di ambang pintu Kemerdekaan, terbit dari sifat kesabaran, saling mengerti antara satu dengan lain dan juga disebabkan oleh kesanggupan mereka menganggap Malaya sebagai negeri tempat mereka menumpahkan taat setianya yang tidak berbelah bagi".

Tunku juga telah membangkitkan aspek-aspek sejarah mengenai Raja-raja yang membuat perjanjian dengan Kerajaan British. Beliau telah membangkitkan mengenai orang Melayu di negara ini yang terhalau keluar. "Kekayaan dan kemewahan orang-orang lain, bagaimanapun telah tidak menolong orang-orang Melayu, malah sebaliknya telah menyebabkan mereka semakin mundur dalam lapangan ekonomi hingga mereka terhalau keluar dari bandar-bandar dan kampung-kampung besar". Pada keseluruhannya, kata beliau, orang Melayu menghadapi nasib yang mundur dalam lapangan ekonomi dan pelajaran. Nasib tersebut telah menimbulkan semangat dan kesedaran politik di kalangan orang-orang Melayu yang tidak pernah mereka alami dalam sejarah hidup mereka.

Kata Tunku "sebelum perang dahulu orang-orang Melayu telah menerima kemasukan beratusberatus ribu orang lelaki dan perempuan dari berbagai-bagai bangsa kerana mereka sedar bahawa mereka tidak mempunyai kuasa untuk menahan kemasukan tersebut. Pada waktu itu sangat sedikit orang yang berani menerjunkan diri mereka dalam politik dan perjanjian yang dibuat dengan Britain itu telah memberikan kuasa sepenuhnya kepada pihak yang melindungi kita untuk berbuat sesuka hatinya dalam negeri ini. Orang-orang Melayu telah diberi jaminan bahawa Kerajaan British akan melindungi kepentingan-kepentingan mereka dan bahawa mereka akan diajar cara-cara pentadbiran dan diberi waktu untuk menanamkan semangat berniaga dan dengan janji-janji ini orang Melayu telah percaya kepada British".

Tunku juga membangkitkan aspek-aspek kedatangan penduduk-penduduk lain ke Tanah Melayu seperti Cina, India, Serani dan Ceylon dengan peranan masing-masing dalam pelbagai bidang. Dengan ujudnya kesedaran politik di kalangan orang-orang Melayu, kaum-kaum lain juga mula berminat kepada bidang politik. Tunku telah menghuraikan mengenai sejarah Perikatan iaitu percantuman UMNO, MCA dan MIC dari mula-mula hingga mencapai kejayaan dalam pilihan raya municipal.

Tunku di antara Pejuang-pejuang Merdeka di Tenggara Asia

Dato Sir Thuraisingam telah mencantumkan nama Tunku Abdul Rahman dengan Pandit Nehru di India, Presiden Soekarno di Indonesia dan Bandranayaki di Ceylon sebagai pejuang Kemerdekaan di Asia Tenggara. "Tunku adalah seorang pemimpin yang telah berjaya menyampaikan cita-cita rakyat negeri ini untuk mendapatkan Kemerdekaan dan Tunku telah berjuang dengan tabah dan tenang menghadapi segala kesulitan dalam menuju cita-cita ini" kata beliau. Ahli-ahli sejarah pada masa akan datang akan mencantumkan peristiwa bersejarah dengan nama-nama pejuang Kemerdekaan di negara masing-masing.

Tunku menjamin kepada orang-orang bukan Melayu hak-hak kepentingan mereka tetap dipelihara

Di Persidangan Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan, Tunku telah membuat penerangan yang jelas dan panjang lebar "bagi meghilangkan rasa bimbang dan ragu-ragu dari orang-orang bukan Melayu terhadap jaminan-jaminan melindungi dan memberikan hak-hak istimewa kepada orang-orang Melayu sebagaimana yang tercatat dalam Perlembagaan Malaya Merdeka". Huraian yang panjang disampaikan oleh Tunku untuk memberi jaminan perlindungan kepada orang-orang Melayu di negara ini.

Dalam ucapannya Tunku telah meminta Majlis Mesyuarat menerima Kertas Putih dan rangka Perlembagaan Malaya dan menegaskan "dengan tidak ada jaminan dan perlindungan yang dimestikan, orang-orang Melayu tidak akan mendapat tempat dalam negeri ini sebagaimana yang telah berlaku di Singapura dan Pulau Pinang".

"Di samping jaminan dan perlindungan itu, kepentingan-kepentingan orang-orang Melayu adalah dipelihara dan adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong juga kelak bagi menjaga kepentingan orang-orang yang bukan Melayu itu", kata Tunku.

Tunku telah menerangkan dan membentangkan kandungan beberapa fasal dalam Perlembagaan Malaya Merdeka yang menunjukkan bahawa kepentingan dan hak-hak orang-orang yang bukan Melayu itu juga akan dipelihara. Beliau membangkitkan kepentingan menyatu padukan rakyat Malaya. "Kita harus berusaha sedaya upaya bagi menghapuskan segala rintangan perkauman dan seterusnya menolong membentuk rakyat Malaya yang bersatu".

Kata Tunku lagi "Nampaknya semua orang telah lupa bahawa dalam Perjanjian Tanah Melayu tahun 1948. Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu dalah bertanggungjawab melindungi dan menjamin kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan kepentingan-kepentingan yang halal dari lain-lain kaum. Tidak ada tanda yang menunjukkan bahawa orang-orang yang bukan Melayu telah teraniaya terbit dari dasar yang telah berjalan dulu".

Tunku juga telah menerangkan syor-syor dalam Perlembagaan mengenai tanah-tanah rizab untuk orang-orang Melayu dan bagaimana cara-cara hendak menguntukkan tanah-tanah tersebut setelah Malaya Merdeka kelak. Mengenai agama rasmi Persekutuan yang Merdeka, Islam telah diterima. Cadangan juga dibuat supaya sebuah Kementerian Agama diadakan, mengenai bahasa Kebangsaan, bahasa Melayu menjadi bahasa tunggal.

Zubir Said akan menggubah Lagu Kebangsaan

Kerajaan Persekutuan telah meminta Encik Zubir Said, penggubah lagu-lagu yang terkenal, menggubah Lagu Kebangsaan Persekutuan. Beliau bersetuju tetapi menyatakan menggubah lagu yang diminta oleh Kerajaan itu akan menjadi tanggungjawabnya tetapi beliau meminta supaya lagu kebangsaan yang digubahnya tidak ditandingkan dengan lagu-lagu yang digubah oleh penggubah-penggubah luar negeri. Beliau bersetuju sekiranya pertandingan lagu-lagu kebangsaan diadakan tetapi penggubah-penggubahnya hendaklah terdiri daripada rakyat Malaya. Beliau menyatakan sekiranya lagunya diterima menjadi lagu kebangsaan beliau tidak mahu sebarang hadiah dari Kerajaan.

Bekerjalah dalam UMNO dengan ikhlas

Ketua Kaum Ibu UMNO Johor, Puan Hajjah Zain, telah meminta Kaum-kaum Ibu UMNO bekerja dalam UMNO dengan ikhlas untuk bangsa dan tanah air. "Tetapi janganlah ada berniat kerana hendak jadi Menteri. Councillor dan lain-lain". Beliau menyeru Kaum Ibu supaya bangkit bekerja apa yang terbuat olehnya untuk mengisikan Kemerdekaan Malaya.

Merdeka rakyat mahu makmur dan mewah

Pegawai Kehormat Syarikat Bekerjasama Negeri Johor, Penghulu Yahya bin Hj. Abdul Aziz, menyeru ahli-ahli syarikat supaya "membarui azam dan semangat untuk membaiki lagi perjalanan syarikatnya dan mentaati undang-undang syarikat serta menjelaskan yuran, membanyakkan wang pertaruhan dan lain-lain". Katanya "Negeri kita yang akan Merdeka, berkehendakkan sangat-sangat supaya ekonomi negerinya tegak dan kukuh dan juga kehidupan rakyatnya mewah dan makmur". Sambungnya lagi "satu daripada jalan-jalan untuk menyampaikan rancangan tersebut hendaklah orang ramai menubuhkan syarikat kerjasama lebih banyak dan perjalanannya hendaklah kemas mengikut undang-undang syarikat. Kalau syarikat kita boleh menjalankan perniagaan besar dan kecil, maka pihak Kerajaan senantiasa memberi sokongan kepada cita-cita yang baik itu". Kata beliau lagi "Dengan jalan bersyarikat kerjasama adalah diharapkan akan menebus kembali keciciran ekonomi bangsa kita dan kita yakin kalau niat kita yang baik dan dijalankan dengan bersungguh-sungguh Insya Allah taraf hidup kita, kekuatan ekonomi bangsa kita dapat bersaingan dengan bangsa-bangsa lain yang telah maju dan Merdeka".

Jumaat 12 Julai 1957, 14 Zulhijjah 1376

Saya gembira dengan keputusan Majlis Tunku, Rang Perlembagaan Persekutuan diterima sebulat suara

Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan telah berbahas selama 11 jam 6 minit pada 10 Julai 1957 dan dengan sebulat suara telah meluluskan dan menerima rangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka. Lebih 40 ahli Majlis hadir dan mengambil bahagian dalam perbahasan yang dikemukakan oleh Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman. Tunku berkata beliau "sangat gembira atas keputusan Majlis hari ini kerana Majlis meluluskan usul dengan sebulat suara".

Pada keseluruhannya perbahasan dijalankan dalam suasana aman dan tenteram bercampur rasa gembira dari setiap ahli. Namun demikina ada juga "masa-masanya suasana dalam Majlis itu menjadi agak tegang dan di masa yang lain pula kelihatan muram disebabkan oleh bidasan-bidasan dan kritik yang boleh dikatakan ada berbau perkauman". Tunku menyatakan "kita akan Merdeka dan satu bangsa baru akan lahir dan oleh itu semua rakyat yang menganggap negeri ini sebagai tempat tinggalnya yang tetap akan memberikan tata setianya yang tidak berbelah bagi dan haruslah bersama-sama menjayakan Perlembagaan tersebut. Perlembagaan ini boleh diubah, dipinda dan diperbaiki dari satu masa ke satu masa bila difikir mustahak kelak". Mengenai bahasa rasmi Tunku menegaskan mengenai bahasa Melayu yang digunakan oleh 90% penduduk dalam negeri ini. Beliau membidas orangenai bahasa Melayu yang digunakan oleh 90% penduduk dalam negeri ini. Beliau membidas orang-orang yang mengatakan bahasa-bahasa lain harus juga dibenarkan dan diakui rasmi dalam negara ini. Bahasa lnggeris akan menjadi bahasa kedua "untuk masa yang lama". Banyak aspek mengenai penggunaan bahasa dilaporkan.

Perikatan ada mempunyai tatatertib Partinya

Menteri Perdagangan dan Perusahaan Dr. Ismail bin Dato Abdul Rahman, berkata dalam Majlis Mesyuarat Undangan Federal bahawa Perikatan UMNO, MCA, MIC "tidak akan membiarkan sebarang ahlinya mencemulikan ataupun melanggar disiplin Parti. Apa-pan juga keputusan dan ketetapan yang telah diambil dan dipersetujui oleh Parti perlulah diterima oleh setiap ahli dan sekiranya ada ahli yang tidak sanggup menerima ketetapan dan keputusan itu maka dia adalah bebas memilih memutuskan perhubungan dengan Perikatan." Katanya dalam Perikatan tidak ada satu-satu ahli yang boleh memaksakan kesukaan atau kemahuannya kepada ahli lain. "Bagaimanapun sebaik-baik keputusan diambil dan diluluskan adalah diharapkan semua ahli Perikatan akan menerimanya." Katanya Perikatan UMNO, MCA, MIC mempunyai tataterib Parti yang ketat yang mesti diikuti oleh semua ahli-ahlinya. Mereka yang tidak merasa senang dengannya boleh keluar dari Parti. Dr. Ismail berkata "Perikatan akan menentang dan terus menentang orang-orang yang lebih mementingkan segolongan kecil atau sebahagian kecil dari mementingkan kepentingan dan faedah nasional".

Yang membuat bising sekarang ialah mereka yang taat kepada Negeri lain - Tunku

Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman, telah menuduh bahawa golongan-golongan yang selama ini menuntut hak-hak persamaan "Jus Soli", penggunaan berbagai-bagai bahasa dan perlonggaran syarat menjadi rakyat Persekutuan "sebenarnya adalah datang dari golongan orang-orang Cina yang taat setianya bukan kepada negeri ini tetapi kepada negeri lain". Kata Tunku beliau telah menerima Memorandum dari Gabungan Dewan-dewan Perniagaan Cina Se Malaya yang mengemukakan empat tuntutan tersebut di samping tuntutan-tuntutan yang lain. Tunku telah membacakan potongan-potongan surat khabar keluaran tahun 1956 yang "memberitakan segolongan orang-orang Cina di Persekutuan telah mengadakan Minum Ucap Selamat kepada Chiang Khai Shek dan meminta orang-orang Cina dalam negeri ini bersatu padu dan menyatakan taat setianya kepada negeri China". Kata Tunku "orang-orang serupa inilah yang sekarang bising dan mengemukakan tuntutan-tuntutan tersebut. Tidak ada fasal mereka boleh mencampuri hal ehwal Malaya".

\$27,000 diuntukkan oleh Kerajaan kerana Kakitangan-kakitangan Yang di-Pertuan Agong

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu Merdeka kelak akan dilengkapkan dengan pegawai-pegawai dan kakitangan khas. Kerajaan akan melantik seorang Comptroller yang akan mengetuai hal ehwal Istana Yang di-Pertuan Agong yang terdiri daripada seorang Juruiring Tentera, seorang Juruiring Awam, seorang Setiausaha Sulit dan beberapa orang kakitangan lain. Kakitangan-kakitangan itu terdiri daripada seorang pelayan butler, lima orang kundang, tujuh orang babu dalam rumah, dua orang amah, seorang storekeeper, seorang tukang dhobi, tiga orang tukang masak dan lima orang drebar. Jumlah perbelanjaan yang diluluskan untuk kakitangan tersebut ialah \$27,995.

Menjayakan Perlembagaan lebih berat dan mustahak - kata Aziz

Menteri Pertanian, Encik Abdul Aziz bin Ishak, menyatakan dalam Mesyuarat Majlis Undangan Federal keyakinannya bahawa "Perlembagaan Malaya yang baru akan menjadi alat yang boleh memberikan keamanan, kemakmuran dan kebebasan kepada rakyat sekiranya ada perasaan kesabaran, saling mengerti dan muhibbah antara semua pihak". Beliau menyokong usul Tunku Abdul Rahman, yang meminta Majlis Undangan menerima baik Kertas Putih dan rangka Perlembagaan Malaya Merdeka. Katanya "inilah kali pertama dalam sejarah negara ini sebuah Perlembagaan dapat diciptakan dengan persetujuan dari semua pihak iaitu Raja-raja Melayu, Kerajaan British dan Kerajaan Perikatan. Tidak ada sebuah negeri pun yang mempunyai Perlembagaan yang cukup sempurna dan oleh itu kami tidak mendakwa bahawa Perlembagaan ini adalah satu Perlembagaan yang cukup sempurna".

Perbahasan atas Kertas Putih Perlembagaan Malaya – Ghafar Baba mahu nama negeri disebut 'Persekutuan Tanah Melayu' saja

Encik Abdul Ghafar Baba (Perikatan Melaka Luar) telah menegur rang Perlembagaan Malaya Merdeka yang katanya menentukan dua nama bagi negara ini iaitu "Persekutuan Tanah Melayu" dan "Federation of Malaya". Beliau menuntut supaya nama negara ini satu sahaja iaitu Persekutuan Tanah Melayu.

Encik Ghafar membangkitkan perkara ini dalam perbahasan mengenai Kertas Putih dan Rang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Kata beliau "orang mungkin mengatakan kerana Rang Perlembagaan itu ditulis dalam bahasa Inggeris, maka nama negeri ini disebut dalam bahasa Inggeris. Tetapi kita mahu satu sahaja nama walaupun jika Perlembagaan itu ditulis dalam bahasa Inggeris, bahasa Urdu atau bahasa Jepun. Nama itu ialah Persekutuan Tanah Melayu".

Bercakap mengenai negeri Melaka, Encik Ghafar, menyatakan "negeri Melaka adalah lain keadaannya dengan negeri-negeri Melayu yang lain yang telah menjemput Inggeris datang untuk memandu mereka mentadbirkan negeri, tetapi negeri Melaka tidak demikian. Melaka tidak penah menjemput seorang penjajah pun datang ke negerinya bahkan Melaka telah banyak mengorbankan darah dalam jiwa pahlawan-pahlawannya untuk mempertahankan negeri tiu dari penjajahan". Beliau juga telah menegur tentang ejaan nama Melaka yang dieja 'Malacca' oleh pihak penjajah.

Mengenai hak-hak Melayu, beliau telah menegur orang-orang yang menentangnya. Beliau mencadangkan supaya "sekiranya hak Melayu itu hendak dibuang, orang-orang kaya hendaklah sanggup membagi-bagikan harta-hartanya kepada orang miskin kerana di dalam sebuah negara di mana penghidupan dan ekonomi antara satu kaum dengan kaum yang lain tidak seimbang, maka cita-cita untuk melahirkan satu bangsa yang kuat tidak akan tercapai".

Raja-raja, Gabenor-gabenor dan Menteri-menteri hendaklah Orang Melayu

Yang di-Pertua Agung PEMAS Malaya, Encik Ahmad HJ. Rahim, menegur Kertas Putih Perlembagaan Persekutuan yang disusun oleh Working Party menyatakan banyak perkara yang terkandung di dalamnya adalah merugikan bangsa Melayu. Walau bagaimanapun, PEMAS akan bersama-sama merayakan Hari Kemerdekaan, PEMAS menuntur Pilihan Raya diadakan selewat-lewatnya pada akhir tahun 1957 dan bukan dalan tahun 1959 seperti yang dinyatakan dalam Kertas Putih itu. PEMAS berpendapat kalau Pilihan Raya itu dilambatkan undang-undang kerakyatan yang baru diluluskan itu akan membukakan peluang yang lebih luas kepada orang-orang asing yang kelak menjadi rakyat Persekutuan menentukan corak Kemerdekaan yang didapat itu dan ini, PEMAS mahu diketatkan lagi undang-undang kerakyatan yang ada sekarang ini sehingga Pilihan Raya yang pertama selepas Merdeka. Dasar "Jus Soli" adalah ditentang oleh PEMAS dengan kerasnya. PEMAS menghendaki semua Raja-raja, Gebenor-gabenor dan Menteri-menteri terdir dari orang Melayu kerana negeri ini adalah negeri Melayu dan agama Islam adalah agama rasminya. PEMAS juga menuntut bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi dan diamalkan terus dalam mana-mana majlis mesyuarat dan Jabatan Kerajagan.

Jangan jadikan kaum pekerja sebagai kuda

Encik Ibrahim Fikri tatkala mengalu-ngalukan ketetapan Majlis Trade Union Malaya hendak bertanding dalam Plihan Raya Federal yang akan datang mencadangkan satu amaran dibuat supaya "kaum
pekerja itdak menjadi kuda tunggangan kepada pemimpin-pemimpinnya yang terdiri daripada orangorang yang bukan rakyat Malaya". Berpaling kepada nama negara setelah Merdeka beliau berkata
"menurut rangka Perlembagaan nama negara ini akan disebut Persekutuan Tanah Melayu tetapi apa
nama bangsa-bangsanya belum lagi diketahu". Beliau mencadangkan nama Persekutuan Tanah
Melayu diubah nama kepada 'Malaysia' dan merayu kepada wakil-wakil negeri Melayu menyampaikan kepada Raja-raja Melayu untuk bersetuju dengan nama 'Malaysia' itu. Katanya "jika nama ini
diterima, maka nama rakyat negeri ini bolehlah disebut 'Malaysia' ada 'Malaysia' itu.

Mengenai agama Islam sebagai agama rasmi, beliau mengingatkan supaya perkara ini jangan hanya tercatat dalam Perlembagaan sahaja tetapi hendaklah dijalankan dengan sebenar-benarnya.

Sabtu 13 Julai 1957, 15 Zulhijjah 1376

Tunku beritahu 56,000 tunggu lepas Merdeka

Tunku Abdul Rahman memberitahu satu rombongan 10 orang mewakili 56,000 anggota Kesatuan Pekerja-pekerja Gaji Hari Kerajaan Persekutuan bahawa Kerajaan Perikatan hanya dapat menimbang dan melaksanakan semua tuntutan-tuntutan tambahan gaji mereka sesudah Malaya mencapai Kemerdekaan. Tunku berjanji bahawa beliau dan Kerajaan "akan berikhtiar menimbangkan tuntutantuntutan gaji pekerja-pekerja tersebut, sekurang-kurangnya sesudah satu atau dua bulan Malaya mengecap nikmat Merdekawa kelak".

Rombongan dari Kesatuan itu diketuai oleh Encik Abdul Majid bin Isnin, Pengerusi Majlis Kebangsaan Whitley Persekutuan, yang telah menemui Tunku dan mengemukakan memorandum menuntut tambahan gaji untuk mereka. Pertemuan itu berjalan dengan baik dan mengambil masa selama 45 minit. Encik Majid berkata pihaknya berasa sangat puas hati dan menerima baik tawarantawaran janji daripada Ketua Menteri kerana "adalah munasabah pada fikiran pihak kamii". Kata beliau lagi "Tunku adalah sangat-sangat bertimbang rasa dengan tuntutan-tuntutan tambahan gaji kami itu. Tunku sedar akan kesulitan-kesulitan yang dialami oleh pekerja-pekerja gaji hari Kerajaan itu dan tentang pendapatan-pendapatan mereka yang tidak mencukupi itu".

Encik Majid menyatakan Tunku berterima kasih kepada pihak Pegawai Kesatuan kerana mengambil langkah sederhana dan tidak terburu-buru dalam membuat tuntutan. Tunku memberi tiga sebab kenapa Kerajaan tidak dapat menimbangkan tuntutan-tuntutan mereka sekarang. Antaranya ialah "kerana Kerajaan sedang mengalami kesulitan wang" dan di samping itu "Kerajaan Perikatan sekarang masih belum berkuasa penuh atas soal kewangan dan hal ehwal pentadbirannya". Tunku telah menawarkan janji-janjinya supaya pekerja-pekerja gaji hari Kerajaan itu bersabar bagi sementara waktu sehingga Malaya mencapai Kemerdekaan. Pekerja-pekerja gaji hari menuntut tambahan gaji sebanyak \$1.15 lagi dari pendapatannya yang diterima sebanyak \$3.00 sehari.

Kongres tegur Majlis Raja-raja Melavu

Persidangan Raja-raja Melayu telah ditegur "kerana bertindak tidak secara Perlembagaan dalam menerima dan menyetijui syor-syor Perlembagaan baru Persekutuan Tanah Melayu yang memberikan taraf Kemerdekaan kepada negeri ini". Tuduhan itu terkandung dalam ketetapan yang diambil oleh mesyuarat Jawatankuasa Kongres Melayu Kedua.

Satu kenyataan yang diterbitkan oleh Jawatankuasa itu berkata bahawa Jawatankuasa tersebut berpendapat "dengan persetujuan dan penerimaannya itu Persidangan Raja-raja Melayu telah bertindak di luar kuasanya, memandang kepada tugas-tugas dan kuasa Persidangan Raja-raja menurut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu Tahun 1948".

Jawatankuasa itu juga menyesali cara Persidangan Raja-raja Melayu, Kerajaan Perikatan dan Kerajaan British yang menerima kelulusan dari Majlis Mesyuarat Undangan Federal tetapi di samping itu tidak meminta kelulusan dari Majlis-majlis Mesyuarat Negeri-negeri sebelum menyempurnakan dan menerima rangka Perlembagaan tersebut.

Tuan Hj. Mustapha Albakri. Penyimpan Mohor Raja-raja Melayu, bila diminta pandangannya memberitahu bahawa beliau sama sekali tidak menyetujui tuduhan-tuduhan itu. Kata beliau "Persidangan Raja-raja Melayu telah bertindak demikian setelah menerima nasihat pakar-pakar undang-undang dan kami yakin bahawa tindakan tersebut adalah betul dan menurut Perlembagaan dan adalah untuk kepentingan rakyat negeri ini. Sebenarnya merekalah yang salah dan kesalahan mereka itu adalah terbit dari kurang faham mereka akan peraturan-peraturan yang sebenarnya."

Khabar-khabar angin disebarkan oleh mereka yang tak sukakan Merdeka

Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan telah menuduh berita-berita angin yang mengatakan "lepas negara ini mendapat Kemerdekaannya satu pergaduhan antara orang-orang Cina dengan Melayu akan terjadi sebagai berita-berita yang sebenarnya datang dari orang-orang yang tidak sukakan Kemerdekaan". Baginda menyatakan bahawa untuk menjadikan negara ini aman, Baginda telah mencadangkan Jawatankuasa Muhibbah ditubuhkan di tiap-tiap jajahan. Jawatankuasa itu hendaklah mengandungi berbagai-bagai bangsa dan mencari jalan dan cara untuk merapatkan hubungan antara kaum dalam jajahan itu.

Baginda menyatakan "dalam tempoh 50 hari lagi negeri ini akan Merdeka, dan Kemerdekaan ini telah didapati dengan cara Perlembagaan, tidak dengan menumpahkan darah atau paksaan. Oleh itu tidak berfaedah lagi bagi komunis-komunis meneruskan perjuangan dengan membunuh orang. Untuk keamanan negara ini sangatlah baik bagi mereka keluar dari hutan dan menyerah diri".

Piagam Merdeka

Penyunting akhbar menulis mengenai Piagam Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang sudah tercipta apakala Majlis Undangan Federal yang bersidang selama dua hari berturut-turut menerima dengan sebulat suara Kertas Putih dan Rang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Seperti Tunku Abdul Rahman yang memajukan usul itu, tiap-tiap ahli yang mengambil bahagian dalam perbahasan menyatakan Piagam itu bukanlah satu Piagam yang cukup lengkap dan sempurna. Ada beberapa kekurangan di dalamnya. "Tetapi Piagam ini dapatlah dipandang sebagai satu Piagam yang boleh menjadi sass sebuah Kerajaan yang demokratik dan kerana yang demikian Piagam tersebut dapat diterima". Beberapa orang dalam Majlis telah berkata bahawa "Perlembagaan ini bukanlah satu Perlembagaan yang tidak boleh dipinda dan yang tidak akan dipinda selama-lamanya". Perlembagaan ini adalah asas lahirnya sebuah Kerajaan yang demokratik dalam negeri ini. Demikian dikatakan oleh Menteri Pelajaran, Dato Abdul Razak.

Beberapa orang ahli Perikatan di Majlis itu terutamanya ahli-ahli Melayu, telah menyuarakan dengan tegas "bahawa walau bagaimana indahnya kandungan Perlembagaan sebuah negara tetapi jika kandungan itu hanya tinggal di atas kertas sahaja tidak akan memberi guna kepada rakyat dalam Perlembagaan negara ini, yang terdahlu daripada ini ada tertulis tentang hak-hak istimewa orang-orang Melayu, tentang memberikan perlindungan kepada orang-orang Melayu, tentang hendak memajukan orang Melayu dalam lapangan ekonominya, tetapi nampaknya keadaan orang-orang Melayu tinggal seperti keadaan yang lama juga".

Penyunting akhbar terus berkata "kita adalah menyertai ratapan wakil-wakil Melayu di Majlis Undangan itu, bahawa janganlah hendaknya Perlembagaan yang baru itu pun tidak akan menjamin nasib orang-orang Melayu. Kita menyertai ratapan-ratapan supaya janji orang-orang asing hendak membantu orang Melayu mengambil bahagian besar dalam lapangan ekonomi tidak hanya "bertanam tebu di tepi bibir" tetapi hendaklah dengan bukti.

Kata beliau "ada seperkara yang kita rasa perlu disebutkan di sini iaitu tentang rasa tak puas hati beberapa kalangan orang-orang yang bukan Melayu mengenai hak-hak istimewa orang Melayu sebagaimana yang terkandung di dalam rang Perlembagaan itu. Mereka mengangapa dengan menberikan hak istimewa kepada orang-orang Melayu, Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka kelak akan mempunyai dua jenis rakyat, rakyat kelas satu dan rakyat kelas dua. Maksudnya orang-orang Melayu menjadi rakyat kelas satu kerana mereka dilindungi oleh undang-undang dengan hak-istimewanya dan rakyat kelas satu kerana mereka dilindungi oleh undang-undang dengan hak-istimewanya dan rakyat kelas dua itu ialah orang-orang bukan Melayu yang tidak mempunyai hak istimewa. Pendapat ini sebenarnya adalah pendapat yang sangat menyakitkan hati orang-orang Melayu, tetapi dengan menyatakan pendapat mereka yang demikian kita sudah dapat mengenal corak-

corak orang yang bersifat demikian. Menurut Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman, orang-orang itu ialah orang-orang yang taat setianya bukan kepada negeri ini dan mereka tidak berhak bersuara dalam negeri. Kita percaya seluruh rakyat negeri ini dengan tidak mengira saal keturunannya yang memandang negeri ini tempat mereka menumpahkan taat setianya dengan tidak berbelah bagi, berdiri di belakang Ketua Menteri untuk menghapuskan anasir-anasir ini, kerana selagi anasir ini dibiarkan berleluasa dalam negeri ini, kemanana dan ketenteraman dalam negeri nii tidak akan terjamin".

Beribu-ribu orang Melayu Singapura mahu menyaksikan Perayaan Merdeka

Beribu-ribu orang Melayu Singapura terutamanya di kalangan pemuda sedang membuat persediaan untuk berangkat ke Kuala Lumpur kerana menyaksikan Perayaan Merdeka Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos. Orang-orang Melayu yang akan pergi ke Kuala Lumpur, selain daripada orang perseorangan, terdiri daripada beberapa Kumpulan Pemuda. Beberapa orang Ketua Kumpulan yang akan pergi ke Kuala Lumpur berkata perayaan Merdeka itu besar ertinya dan bersejarah bagi orang-orang Melayu di Malaya. "Kami di Singapura tidak mahu ketinggalan untuk turut bersama merayakan tiyang gemilang itu" kata mereka. UNNO Singapura akan menghantar rombongan rasmi terdiri daripada 50 orang Pegawai-pegawai Negeri, Kaum Ibu dan Pemuda tetapi sebilangan besar ahli anggota-anggota UMNO akan pergi secara sendirian.

Tuntutan orang-orang yang taat setia mereka masih disangsikan tidak akan diterima

Dato Abdul Razak bin Dato Hussein, Menteri Pelajaran, berkata di Majlis Undangan Federal bahawa "Rang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka yang dibentangkan di persidangan ini bukanlah satu Perlembagaan yang tidak boleh diubah-ubah dan tidak akan diubah-ubah selamalamanya. Perlembagaan ini adalah merupakan asas untuk menciptakan sebuah Kerajaan yang demokratik dalam negeri ini. Perlembagaan ini diciptakan dengan maksud supaya lahir sebuah negara yang Merdeka dan berdaulat".

Mengenai ucapan Encik S.M. Yong dari MCA yang menyuarakan tuntutan-tuntutan pihak Cina mengenai hak kerakyatan menurut kelahiran, persamaan hak kerakyatan, hak-hak menggunakan berbagai bahasa dalam Majlis-majlis mesyuarat dan hak menjadi rakyat setelah tinggal lima tahun dalam negeri ini, Dato Abdul Razak menyatakan bahawa beliau telah mendengar tuntutan-tuntutan ini dari orang-orang yang di luar Perikatan. Beliau menyesali Encik Yong yang telah bercakap di luar dasar Perikatan. "Bagaimanapun kandungan ucapan Encik Yong itu tidak akan memeranjatkan kita di sini semuanya – terutama sekali orang-orang Melayu. Kita dalam Perikatan telah memikirkan semua pendapat-pendapat itu, tetapi tentu sekali kita tidak akan dapat menerima semua tuntutan-tuntutan itu apatah lagi tuntutan itu datangnya dari orang-orang yang taat setianya kepada Malaya masih disangsikan".

Ahad 14 Julai 1957, 15 Zulhijiah 1376

Orang-orang Melayu diingatkan supaya bersatu padu

Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman, menyeru kepada orang-orang Melayu supaya hidup berbaikbaik dengan segala bangsa yang ada di Malaya bagi menciptakan negara Malaya yang Merdeka, makmur, aman dan damai. Kata beliau di Majlis Perhimpunan di Kampung Inas, Johol, Kuala Pila, Negeri Sembilan "Tujuan kita menuntut Kemerdekaan ialah kerana hendak memerintah negeri kita sendiri dan menyelamatkan negeri dan bangsa supaya rakyat negeri ini hidup aman dan damai serta makmur dan bukan mencari pergaduhan".

Dalam ucapannya Tunku telah membayangkan betapa dahsyatnya pergaduhan yang telah berlaku waktu Jepun menyerah diri. "Perkara yang seumpama itu adalah tidak diingini berlaku lagi dalam negeri ini" tegas beliau. Waktu menyeru orang-orang Melayu supaya bersatu-padu beliau berkata "kita orang-orang Melayu wajiblah bersatu padu kerana dengan kita bersatu-padu itu, maka barulah bangsa-bangsa asing mahu bersatu dengan kita Sekiranya kita sesama kita berpeatah, janganlah diharap bangsa-bangsa asing mahu bersatu". Beliau menyeru kepada orang-orang Melayu supaya "masuklah ke dalam pertubuhan yang menyatukan mereka iaitu UMNO". Beliau menyatakan juga kehairanan orang-orang luar negeri melihat rakyat Malaya mencapai Kemerdekaan dengan bersatu dalam satu pertubuhan dan menerima pula Perlembagaan dengan sebulat suara. Kata beliau ini adalah "satu hal yang belum pernah didapati oleh mana-mana negeri pun dalam dunia ini". Tunku juga menyeru kepada Ketua Pengganas Komunis dan kawan-kawannya yang masih ada lagi dalam hutan yang berhampiran dengan Kampung lnas sunaya keluar menyerah diri sebelum Merdeka.

Inggeris percaya kepada kebolehan pemimpin-pemimpin Persekutuan

Setiausaha Negara bagi Tanah-tanah Jajahan yang terakhir sekali Tuan Lennox-Boyd telah menyatakan bahawa beliau dan Kerajaan Inggeris percaya penuh kepada kebolehan pemimpin-pemimpin Persekutuan Tanah Melayu menentukan nasih negeri yang akan Merdeka dan berdaulat pada 31 Ogos 1957 dalam lingkungan negara-negara Commonwealth. Beliau berkata demikian sebelum Dewan Orang Ramai meluluskan dengan sebulat suara, dengan tidak ada pertentangan dan mengalu-alukan rang undang-undang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Tuan Lennox-Boyd berkata Kerajaan Inggeris telah berjanji di Persidangan Perlembagaan pada bulan Januari tahun 1956 "bahawa Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu boleh dicapai pada bulan Ogos 1957". Beliau menerangkan bahawa hubungan Inggeris dengan Persekutuan telah ujud berdasarkan perjanjian dan izin Raja-raja Melayu. Kata beliau "kuasa yang kita dapat di Persekutuan lalah dengan mengadakan perjanjian dengan Raja-raja Melayu bukan dengan melakukan penaklukan dan sekarang kita akan menamatkan kuasa kita itu, juga dengan mengadakan perjanjian". Beliau berkata seterusnya "sekiranya tidak ada keadaan darurat di Persekutuan, negeri itu tidak berapa susah berdiri di atas kakinya sendiri dalam lapangan kewangan dan ekonomi. Persekutuan Tanah Melayu tidak dapat berdiri melawan komunis internasional dan oleh hal yang demikian dari tahun 1957 hingga 1961 Persekutuan boleh mendapati dari United Kingdom bantuan sebanyak £20 juta (pound) untuk membasmi pengganas-pengganas komunis".

Tuan James Griffith, bekas Setiausaha Tanah-tanah Jajahan, mengalu-alukan rang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka itu bagi pihak Parti Buruh. Beliau berkata, beliau berasa dukacita sedikit kerana Persekutuan masuk ke abad Kemerdekaan dengan menghadapi darurat.

Seorang ahli Parlimen Buruh British, Tuan Robert Edwards, meminta Kerajaan Inggeris menolong Malaya "dalam masa peralihan untuk mengelakkan lapangan politik Persekutuan Tanah Melayu ditakluk oleh komunis atau wang ringgit Amerika Syarikat". Beliau bimbang "perkembangan politik negara yang muda dan luas itu (Persekutuan Tanah Melayu) boleh ditakluk oleh komunis atau

oleh Amerika Syarikat dengan menyeludupkan bantunan-bantuan wangnya. Sekiranya terjadi kepincangan ekonomi di negeri itu dalam masa peralihan, Kerajaan Inggeris hendaklah mengadakan satu dasar yang tegas untuk meneruskan kerja-kerja baik yang telah kita tinggalkan untuk memajukan negeri itu".

Hari Bahasa dan Sastera sebagai menyambut Hari Merdeka

Negeri Terengganu akan mangadakan Hari Bahasa dan Kesusasteraan sebagai menyambut Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos. Hari Bahasa dan Kesusasteraan ini didokong oleh guru-guru muda, penulis-penulis angkatan baru dan peminat-peminat bahasa dan kesusasteraan. Empat perkara akan dijadikan isi Hari Bahasa itu iaitu yang pertama Kesusasteraan Melayu termasuk mengenai buku-buku puisi lama dan baru; kedua ialah Majlis Syarahan, satu untuk orang-orang Melayu dan satu lagi untuk orang-orang asing; yang ketiga ialah Majlis Bahasa dan yang keempat ialah peraduan membaca sajak.

Unsur-unsur Kebangsaan dalam Seni Muzik dan tugasnya mendidik rakyat

Dua artikel yang ditulis oleh Encik Zubir Said dan Encik A. Samad Said memberi fokus kepada "unsur-unsur kebangsaan dalam seni muzik dan tugasnya mendidik rakyat". Kata Encik Zubir Said "sekarang ini sudah tiba masanya bagi anak-anak kita, pemuda-pemuda kita, umumnya masyarakat seluruhnya untuk mulai memakai lagu-lagu nasional, yakni lagu-lagu yang mengandung unsur-unsur pendidikan, pembangunan, semangat dan unsur kesedaran kebangsaan".

Karangan ini diambil dari Lagu-lagu Nasional dari buku yang dikeluarkan oleh panitia pertunjukan lagu-lagu nasional yang memberikan pandangan Encik Zubir Said. Kata beliau lagi "Dalam kita bersama-sama beriringan bahu menuju Kemerdekaan bangsa dan negara, kita harus mempunyai semangat persatuan sebagai dasar perjuangan. Bangsa ialah rakyat, rakyat ialah masyarakat yang berlapis-lapis dan lapisan ini terdiri dari manusia-manusia perseorangan. Manusia dari masyarakat kita itu harus lebih dulu bersatu untuk mencapai Kemerdekaan; bersatu hati, bersatu tekad, bersatu cita-cita, bersatu pendapat, bersatu ikrar dan sebagainya". Beliau membangkitkan banyak perkara lagi termasuk "ting teras kebangsaan", memasukkan unsur-unsur kebangsaan Melayu ke dalam lagu-lagu dan aspek-aspek bahasa dan kesenian di mana dikatakan nyanyian dapat menyumbangkan unsur-unsur kebangsaan. Harapan beliau "semoga lagu-lagu nasional dapat dipergunakan untuk ikut mendorong mission perjuangan bagi mencapai cita-cita kita bersama - Merdeka!"

Encik A. Samad Said dalam artikelnya melaporkan pertunjukan lagu-lagu nasional di Victoria Memorial Hall, Singapura pada 7 Julai 1957. 10 buah lagu nasioanl telah diperdengarkan, 8 buah lagu digubah oleh Encik Zubir Said iaitu "Satria Jaya", "Hari Kemerdekaan", "Tanah Bangsa dan Daulat", "Melayu Raya", "Tanah Melayu Permai", "Kepada Perwira", "Bersatu" dan "Semoga Bahagia". Manakala Encik Hawari Ramli menulis lagu "Bakti Mulia" dan Encik Mohd, Wan Yet, "Merdeka".

Kata Encik Samad, semua lagu-lagu nasional yang dipertunjukkan itu telah dibawa dengan penuh semangat oleh kanak-kanak dan para pemuda yang telah dilatih oleh Encik Zubir Said. Kata beliau bila kita mendengar lagu kebangsaan, lain rasanya. "Kita yang mendengarnya turut samamerasa semangat dan kesedaran yang dilahirkan oleh muzik dan nyanyian itu dan memang patutlah lagu-lagu yang sedemikian ini dipersuburkan di hati itap-tiap anak-anak dan para pemuda dan pemudi kita yang sekian lama telah dicenduri oleh lagu-lagu murah yang telah menjalar seperti wabak selsema layaknya". Beliau amat gembira dengan pertunjukan lagu-lagu nasional yang memanglah satu kejayaan yang dapat dibanggakan. "Kejayaan ini sebenarnya tercapai kerana adanya paduan kerjasama dari para ahli muzik, wartawan, pihak penerbit, guru-guru, anak-anak sekolah dan pemuda-pemuda".

Isnin 15 Julai 1957, 17 Zulhijjah 1376

Pemodal-pemodal Amerika akan digalakkan menanam modal di Malaya Merdeka

Menteri Perdagangan dan Perusahaan Persekutuan, Dr. Ismail bin Dato Abdul Rahman, menerangkan sebelum bertolak ke Washington D.C. bahawa "pemodal-pemodal di Amerika Syarikat akan digalakkan supaya menanam modalnya di Malaya setelah Malaya Merdeka". Dr. Ismail akan menjadi Duta Malaya Merdeka di Washington D.C. Kata beliau "Malaya sangat-sangat berkehendakan modal-modal asing ditanam dalam negeri ini. Amerika boleh membantu Malaya dengan cara menanam modalnya dalam negeri ini dan memajukan perhubungan perdagangan antara Malaya dan Amerika".

Tunku nak melancarkan "cara-cara baru" bagi menamatkan darurat akhir 1958

Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman, mengumumkan Kerajaan Perikatan bercadang menamatkan darurat pada akhir tahun 1958. Kata beliau "darurat bukan saja merosakkan ekonomi rakyat, tetapi juga melambatkan terciptanya keamanan antara bangsa di Malaya".

Mengenai pertahanan Malaya, Tunku bercadang mengadakan satu perjanjian pertahanan bersama dengan Kerajaan British. "Kerajaan British boleh juga menolong kita menamatkan darurat kiranya kita meminta bantuan mereka lepas Merdeka kelak".

Tunku tidak percaya Persekutuan Tanah Melayu dapat menubuhkan Pasukan-pasukan tentera laut, darat dan udara yang kuat di masa depan bila dibandingkan dengan hasil mahsul Persekutuan yang berjumlah lebih sediki daripada 700 juta ringgit tiap-tiap tahun. Mengenai Perlembagaan Baru Malaya yang dapat menggubal satu Perlembagaan dan kemudian meluluskannya dalam masa yang singkat dengan "tidak menumpahkan setitik darah pun". Kata Tunku "Perlembagaan bukanlah dibentuk untuk orang-orang yang telah bersatu tetapi adalah untuk menyatukan penduduk-penduduk Malaya yang terdiri dari berbagai-bagai bangsa dan taat setia kepada Tanah Melayu". Beliau membidas keras Persatuan-persatuan Cina yang dipimpin oleh Lau Pak Kuan dari Ipoh yang telah menemui Lennox-Boyd di London.

Teguran Kongres Kebangsaan 'Sudah Lapok' - Khir

Pengerusi Jawatankuasa Penerangan UMNO Malaya dan Menteri Muda Perusahaan dan Pengangkutan Persekutuan. Encik Khir Johari, menyifatkan bidasan Kongres Kebangsaan Melayu Kedua terhadap Perlembagaan Malaya Merdeka sebagai satu "teguran yang sudah lapok". Kata beliau Perlembagaan Malaya yang diluluskan baru-baru ini telah dibuat melalui Penasihat Undang-undang yang mempunyai kelayakan yang cukup dalam soal-soal Perlembagaan negeri. Beliau menyeru kepada ahli-ahli Kongres yang kedua supaya "berusaha dan berkerja menguatkan pertubuhan mereka dan mengadakan kumpulan wang yang cukup. Untuk bertanding dalam Pilihan Raya yang akan datang daripada membuat bidasan-bidasan dan siaran-siaran yang lapok yang tidak memberi faedah kepada sesiapa walaupun kepada pertubuhan yang menjadi kerabat Kongres itu sendiri. Orang ramai tahu sejauh mana kekuatan yang ada di belakang Kongres Melayu yang kedua itu".

Hapuskan khabar-kahbar angin perselisihan antara kaum

Tengku Mahkota Johor, telah menyeru penduduk-penduduk di Malaya supaya menghapuskan "khabar-khabar angin" tentang perselisihan kaum-kaum di Malaya yang sedang ditimbulikan baru baru ini. "Kita mestilah menghapuskan dan janganlah diperbesar-besarkan cerita-cerita di tepi jalan ini yang mengelirukan fikiran atau kepercayaan orang ramai", kata Baginda. Baginda menerangkan "pada masa Malaya hendak Merdeka wajiblah bagi kita sekalian mencari ikhtiar supaya segala perubahan itu berjalan dengan tiada terpendala. Rakyat hendaklah meletakkan kepercayaan mereka dalam masa Malaya Merdeka kelak kepada undang-undang dan peraturan negeri". Baginda berharap dengan adanya Jawatankuasa Muhibbah segala perasaan takut dan bimbang diantara penduduk negeri ni akan hilang.

Kerana menyambut Merdeka - Cenderamata

Penulis-penulis muda dari seluruh negeri Kelantan akan mengadakan satu perjumpaan di Dewan UMNO pada 19 Julai untuk membincangkan rancangan mengeluarkan buku "Cenderamata Merdeka" sebagai memperingati Hari Kemerdekaan. Panitia perjumpaan itu menyeru penulis-penulis muda lelaki dan perempuan yang berminat dalam usaha tersebut supaya berhubung segera dengan setiausaha yang terlibat.

10 Julai 1957 hak Melayu dikuburkan

Dalam akhbar mingguan 'Kritik' yang dikarang oleh Dato Onn, Presiden Parti Negara, terdapat sebuah rencana bertajuk "Negeri-negeri dan Hak-hak Melayu dikuburkan". Pada 10 Julai 1957 dikatakan tarikh kejatuhan dan kehangans sembilan buah negeri-negeri Melayu dan kehilangan hak-hak pusaka Melayu. Akhbar itu mengulas Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka yang telah dibentangkan dan diluluksan dalam Majiis Undangan Federal pada 11 Julai 1957. "Pada 10 Julai 1511, 446 tahun dulu, Kerajaan Melayu Melaka telah runtuh dan negeri Melayu itu telah diperintah oleh sebuah kuasa asing dan dari semenjak itulah, maka Tanah Melayu dan Umat Melayu telah sengsara hidupnya dijajah oleh bangsa-bangsa asing dan oleh bangsa sendiri" kata rencana pengarang itu.

Pengkritik akhbar itu seterusnya menyatakan "perkara yang berlaku pada 10 Julai yang baru lalu ini adalah sebagai satu ulangan sejarah yang sangat buruk ke atas umat Melayu di Tanah Melayu ini dengan amat besar perbezaannya jika dibandingkan dengan kebangunan dan kebangkitan semua Kerajaan yang diperintah oleh umat keturunan baka Melayu seperti Indonesia dan Filipina".

Sebagai mengakhiri dikatakan "dengan tamatnya perkuburan negeri-negeri Melayu dan hakhak Melayu dangan sambutan yang bersukaria dan tertawa-tertawa di dalam Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan pada hari Khamis yang lepas ini, maka sekarang patutlah umat Melayu di seluruh Persekutuan Tanah Melayu mengambil ingatan atas roh negeri-negeri Melayu dan hak-hak Melayu itu dengan mensedekahkan fatiahah dan mengadakan kenduri arwah pada tiap-tiap malam Jumaat yang akan datang. Kemudian ditamatkan dengan suatu kenduri besar pada malam sehari bulan September yang akan datang sebagai kenduri arwah 44 hari atas kematian negeri-negeri Melayu dan hak-hak Melayu". Begitulah ulasan akhbar mingugan "Kritik" yang amat besar ertinya.

Merdeka bukan satu perhiasan untuk dilaram-laramkan

Pegawai Penerangan UMNO, Turan Syed Jaafar Albar, berkata "rakyat Malaya berhak mengubah Kerajaan mereka sekiranya mereka berpendapat Kerajaan yang ada sekarang ini - Kerajaan yang dipilih oleh mereka - tidak lagi memberi faedah kepada mereka". Beliau dan Encik Senu Abdul Rahman, Setiausaha Agung UMNO Malaya, memberi penerangan mengenai Perlembagaan baru Malaya kepada kira-kira 500 orang ahli UMNO dari Cawangan-cawangan UMNO Larut dan Matang di Perak.

Kata beliau lagi "Terpulanglah kepada rakyat negeri ini seluruhnya menjadikan Merdeka yang akan dicapai pada 31 Ogos itu memberi sepenuh-penuh kebajikan dan kebahagiaan kepada setiapa orang dan bukannya kepada hanya segolongan dan sekumpulan puak yang tertentu sahaja. Perlembagaan yang baru itu hanyalah merupakan haruf-huruf yang bertulis dengan tinta hitam atas kertas putih dan terpulanglah kepada rakyat sekalian untuk memberikan jiwa kepadanya supaya ia dapat dijalankan dan dilaksanakan dengan sempurna".

Beliau menegaskan "sedarlah Kemerdekaan itu bukanlah satu perhiasan yang harus dibanggabanggakan dan dilaramkan. Tetapi Kemerdekaan itu adalah satu tanggungjawab dan bebanan yang menjadikan kita perlu taat kepada Kerajaan dan memberikan kerjasama kita sepenuhnya kepada Kerajaan". Beliau menyeru rakyat supaya "bersatu dari sekarang dan jangan berlaga sesama sendiri".

Encik Senu pula berkata sekiranya ada apa-apa kekurangan yang terdapat dalam Perlembagaan baru, maka kekurangan itu boleh ditambah setelah Malaya Merdeka kelak. Beliau menyatakan perlunya Malaya Merdeka merapatkan lagi perhubungannya dengan negara-negara tetangga dan juga negara-negara Commonwealth British sebab Malaya Merdeka adalah dalam Commonwealth itu.

Tunku seru rakyat menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Muhibbah antara kaum-

Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman, membuat seruan di hadapan 10,000 orang di dalam perjumpaan ramai di Pesta Pulau Pinang. Tunku yang bercakap selama 5 minit menyeru penduduk-penduduk Persekutuan supaya menubuhkan Jawatankuasa Muhibbah Kaum-Kaum sebagai satu usaha mencegah daripada berlakunya pergaduhan antara kaum sebagaimana yang telah berlaku di Pulau Pinang pada bulan Januari 1957. Tunku sangat-sangat mengharapkan orang-orang Melayu khasnya pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO supaya menjaga UMNO dengan sikap "sebagai seseorang yang sayangkan nyawanya sendiri" kerana UMNO itulah yang telah mempelopori perjuangan mencapai Kemerdekaan Malaya pada 31 Ogos.

Kata Tunku "Dengan tercapainya Kemerdekaan pada 31 Ogos ini maka rakyat negeri ini tidak lagi akan tunduk kepada sesiapa pun melainkan kepada Allah sahaja. Tetapi dengan Kemerdekaan itu tanggungjawab rakyat negeri ini akan bertambah berat dan sungguhpun demikain pihak kita tentu sanggup menghadapinya dan mengisi Kemerdekaan itu kerana kita telah berani berjuang menuntut Kemerdekaan tersebut". Beliau menyeru orang-orang Melayu supaya menjaga Kemerdekaan itu dengan penuh tanggungjawab supaya tidak ada negeri lain yang berani "menyamun Malaya ini untuk dijajah semula".

Rakyat Kedah akan diberi penerangan tujuan dan erti Kemerdekaan

Kerajaan Kedah akan melancarkan gerakan penerangan yang luas kepada seluruh rakyat tentang makna dan erti Kemerdekaan. Kerjasama diperolehi daripada ahli-ahli Majlis Mesyuarat Undangan Federal dan Negeri. Dalam gerakan itu usaha-usaha untuk mempereratkan perasaan muhibbah antara kaum-kaum akan dilancarkan juga supaya Kemerdekaan Malaya akan memberi faedah dan kemakmuran sepenuhnya kepada rakyat.

Keputusan mengadakan gerakan tersebut telah diambil dalam satu perjumpaan yang diadakan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Kedah dengan dipengerusikan oleh Menteri Besar Kedah, Tengku Ismail. Dalam minggu ini tiap-tiap jajahan di negeri Kedah akan mengadakan perjumpaan bagi menubuhkan badan bekerja tempatan untuk menjalankan rancangan penerangan dan menimbulkan perasaan muhibbah itu.

Merdeka besar ertinya kepada Bangsa Melayu

Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Kelantan, Encik Azhari, telah menyeru pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan supaya lebih jujur untuk menjayakan segala rancangan Kerajaan Perikatan bagi kebajikan dan kemakmuran negara dan rakyat dalam Malaya Merderka.

Kata beliau Kemerdekaan negara ini amat besar ertinya kepada nasib bangsa Melayu. Oleh itu orang Melayu diseru supaya "bekerja lebih giat dan bekerjasama antara satu sama lain bagi mengisi Kemerdekaan itu". Encik Azhari menyeru orang Melayu supaya "menambah pengetahuan mereka dalam soal agama Islam yang sekarang telah diakui menjadi agama rasmi Malaya Merdeka".

Bangunan pertunjukan

Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman, akan meletakkan batu asas bagi bangunan pertunjukan perdagangan Merdeka di Petaling Jaya pada 18 Julai, jam 5 petang. Pertunjukan itu diselenggarakan oleh Junior Chamber of Commerce Malaya.

Pengelola-pengelola menyambut Kemerdekaan minta jemputan-jemputan dijawab

Pengelola-pengelola perayaan menyambut Kemerdekaan meminta orang-orang yang telah menerima kad-kad jemputan ke perayaan Kemerdekaan supaya menjawab sama ada mereka ada menerima atau tidak jemputan itu. Jawapan-jawapan adalah amat penting dan mereka menasihatkan supaya menggunakan kad iawapan yang ada dikirimkan bersama kad iemputan itu.

Rabu 17 Julai 1957, 19 Zulhijjah 1376

Sambutan Merdeka dengan sepunuh-penuhnya

Pengerusi Whitley Council Bahagian Pekerja-pekerja Bergaji Hari Persekutuan Tanah Melayu, Encik Abdul Majid bin Ithnin, telah menyeru 56,000 pekerja-pekerja Kerajaan yang bergaji hari di seluruh Persekutuan supaya menyambut Merdeka pada 31 Ogos dengan sepenuh-penuh keriangan. Kata beliau "anggaplah dengan tercapainya Kemerdekaan kelak maka nasib kaum buruh akan mendapat perubahan baik dalam kehidupannya sehari-hari seperti kaum buruh di negeri-negeri lain".

Katanya beliau tidak nampak mengapa kaum buruh bergaji hari ini tidak mahu menyambut Kemerdekaan itu, pada hal merekalah dalam Plihian Raya Federal dulu telah bersama-sama mengundi ahli-ahli Perikatan yang bertujuan besar mahu menuntut Kemerdekaan. "Kita akan menyambut hari yang bersejarah itu dan dengan ini kita tidak fikir Kerajaan Perikatan akan melupakan kerjasama kita dan juga janji-janjinya hendak memperbaiki taraf hidup kaum buruh amnya".

Encik Majid menyatakan beliau sangat puas hati dengan pengakuan Tunku Abdul Rahman, untuk menimbangkan tuntutan pekerja-pekerja bergaji hari untuk kenaikan gaji sebanyak seringgit itu. Kata Tunku, Kerajaan Perikatan akan menimbangkan tuntutan tersebut dalam masa satu dua bulan selepas Malaya mendapat Kemerdekaan.

Tentera-tentera baru Australia akan dihantar ke Persekutuan

Laporan dari Melbourne menyatakan "Tentera-tentera Australia yang sekarang sedang bergerak menentang pengganas-pengganas dalam hutan atau yang ditempatkan di Utara Persekutuan Tanah Melayu akan digantikan dengan pasukan-pasukan baru" selepas negara mencapai Kemerdekan. Seorang jurucakap Tentera Australia berkata persiapan-persiapan untuk menggantikan Tentera-tentera Australia dengan pasukan-pasukan yang baru sedang diteruskan walaupun Persekutuan Tanah Melayu akan mencapai Kemerdekaan pada 31 Ogos. Sementara itu pihak diplomatik di Melbourne berkata satu perjanjian pertahanan bersama untuk membenarkan penempatan pasukan strategi tentera-tentera Commonwealth sedang dirundingkan sekarang antara Kerajaan persekutuan dengan Kerajaan Inggeris". Perjanjian tersebut dijangka akan ditandatangani satu hari selepas Hari Kemerdekaan iaitu pada 1 September 1957.

Yong minta maaf kepada Tunku Abdul Rahman

Tuan S.M. Yong, ahli Perikatan yang dilantik, telah meminta maaf kepada Tunku Abdul Rahman kerana tegurannya terhadap Perlembagaan Malaya Merdeka. Tuan Yong telah bercakap melalui telefon
dengan Tunku sehari selepas Mesyuarat Undangan meminta maaf atas perkara tersebut. Beliau memberitahu Tunku beliau tidak langsung bermaksud hendak menegur Tunku ataupun Kerajaan Perikatan
tetapi adalah semata-mata membentangkan pandangan dan pendapat setengah-setengah golongan
orang-orang Cina terhadap Perlembagaan baru. Dalam Majlis Mesyuarat Undangan itu Tuan Yong
telah menyuarakan rasa tidak puas hati setengah kalangan orang Cina mengenai beberapa fasal dalam
Perlembagaan baru itu. Sikap beliau ini telah menimbulkan bidasan-bidasan dari beberapa orang ahli
Perikatan dalam Majlis tersebut termasuk Tuan Ong Yoke Lin. Menteri Pengangkutan.

Perbuatan itu juga telah menyebabkan beberapa orang Pemimpin-pemimpin UMNO dalam Majlis Perikatan UMNO, MCA dan MIC, berura-ura hendak mendesak Majlis itu mengambil tindakan disiplin terhadapnya kerana menurut mereka dia telah bertindak keluar dari dasar Perikatan.

600 Pemuda Perikatan mengambil bahagian berbaris malam pada 30 Ogos

600 orang Pemuda-pemuda UMNO, MCA dan MIC akan berbaris sambil memegang lampu suluh dalam bentuk tulisan perkataan "Merdeka" tepat pada jam 12 malam 30 Ogos di Merdeka Stadium. Jurucakap Perikatan menyatakan "sebelum barisan Merdeka itu, ahli-ahli Perikatan akan berhimpun di Padang Selangor Kelab, Kuala Lumpur kira-kira jam 11 malam untuk mendengar ucapan Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman". Dari padang itu 600 orang pemuda-pemuda tersebut akan berarak terus ke Merdeka Stadium dan tepat jam 12 tengah malam mereka akan berbaris dengan memegang lampu suluh dan tulisan perkataan 'Merdeka'". Bangunan-bangunan UMNO dan MCA, juga pejabat-pejabat Perikatan akan dihias dalam masa perayaan Kemerdekaan tersebut.

Melayu Singapura takut dianggap orang-orang asing setelah Malaya Merdeka kelak?

Pemangku Setiausaha Agung UMNO Singapura, Encik Ahmad Jabri, menyatakan pihak UMNO tidak tahu menahu mengenai berita-berita yang disiarkan oleh beberapa akhbar tempatan (bukan Melayu) bahawa orang-orang Melayu Singapura merasa bimbing tentang kedudukan mereka apabila Malaya Merdeka kelak. "Orang-orang Melayu di Singapura sekarang dikatakan sedang gelisah dan bimbang tentang taraf mereka apabila Malaya telah Merdeka dan mereka tertanya-tanya adakah nanti orang-orang Melayu Singapura dianggap sebagai orang asing saja dan dibeda-bedakan", menurut berita-berita yang disiarkan.

Berita-berita itu berkata "UMNO Singapura akan menuntut kepada Kerajaan Persekutuan supaya orang-orang Melayu Singapura diterima sebagai rakyat setelah Malaya mencapai Kemerdekaan pada 31 Ogos". Ditanyakan juga adakah nanti Kerajaan Persekutuan mengenakan sekatan kepada orang-orang Melayu Singapura yang mencari pekerjaannya di Persekutuan; tegasnya adakah orang-orang Persekutuan saja diutamakan.

Encik Ahmad Jabri menyatakan bahawa pihaknya tidak tahu langsung mengenai berita-berita yang disiarkan itu. Beliau menafikan bahawa perasaan bimbang orang-orang Melayu Singapura itu berpunca dari UMNO. Kata beliau "saya menafikan sama sekali adanya kebimbangan orang-orang Melayu Singapura mengenai Kemerdekaan Persekutuan. Setahu saya orang-orang Melayu Singapura merasa syukur dengan tibanya Hari Kemerdekaan Tanah Melayu dan mereka di sini tetap akan meneruskan perjuangan untuk Kemerdekaan Singapura pula". Beliau menegaskan pihak tertinggi UMNO belum mendengar adanya perasaan tidak puas hati dan bimbang orang-orang Melayu yang dikatakan jur.

Khamis 18 Julai 1957, 20 Zulhiiiah 1376

Tunku mengumumkan kewajipan Tentera British dalam Malaya Merdeka

Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman, menerangkan bahawa Perjanjian Pertahanan Malaya - Britain bukanlah satu perjanjian yang memberikan hak pendudukan kepada askar-askar British dalam Malaya Merdeka tetapi hanya perjanjian tolong menolong. "Sekiranya Persekutuan diserang dari luar, British akan membantu dan begitu juga kita akan membantu jajahan-jajahan British yang bersempadan dengan Persekutuan", kata Tunku.

Menurut Tunku, sekiranya Persekutuan tidak membuat perjanjian persahabatan, "kenalah Persekutuan mengeluarkan belanja yang banyak bagi mengalatkan tentera yang lengkap yang tak dapat tidak negeri ini terpaksa menanggung belanja yang banyak dan oleh itu, terpaksalah pula dinaikkan cukai-cukai yang akibatnya nanti Kerajaan Perikatan akan kena maki dan dari kita kena maki, baiklah kita buat perjanjian pertahanan dengan sahabat kita".

Kata Tunku, askar-askar British dan Commonwealth akan ditempatkan di Johor dan di Perak sahaja. Kewajipan mereka hanyalah melawan pengganas-pengganas komunis. Mereka tidak ada kuasa menangkap dan memeriksa orang-orang. Menangkap dan memeriksa orang-orang adalah kewajipan orang-orang kita. Ini adalah untuk mengelakkan tuduhan bahawa negeri ini adalah di bawah perintah pendudukan Tentera British, sambung Tunku.

Berhubung dengan darurat Tunku berkata bahawa sebagaimana juga tarikh Merdeka telah ditetapkan dengan perkataan "kalau boleh pada 31 Ogos 1957, maka begitu jugalah saya berharap akan dapat menamatkan darurat ini pada tahun 1958 kalau boleh. Kita tidak boleh takbur. Hal ini tita serahkan kepada kuasa Allah Subhanahuwa Taala", tegas Tunku. Akhirnya Tunku mengingatkan rakyat di Malaya dari segala bangsa supaya hidup ramah mesra dan rukun damai dalam Malaya Merdeka kelak.

Pilihan Yang di-Pertuan Agong dilangsungkan pada 30 Ogos

Tuan Hj. Mustapha Albakri, Penyimpan Mohor Raja-raja Melayu, mengumumkan pilihan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalannya akan dilangsungkan pada 3 Ogos 1957 iaitu dua hari sebelum Perjanjian Malaya Merdeka ditandatangani oleh Raja-raja Melayu, wakil Baginda Queen dan wakilwakil Kerajaan Perikatan.

Menurut beliau "sampai hari ini, hari penghabisan yang ditetapkan semua Raja-raja Melayu telah menjawab surat-surat yang dihantar 14 hari yang lalu meminta Baginda menyatakan setuju atau tidak menjadi calon Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong". Tuan Hj. Mustapha menyatakan "ada di antara Raja-raja Melayu yang menyatakan tidak setuju menjadi calon-calon, sementara itu yang lain pula bersetuju. Beliau enggan menyebutkan nama Raja-raja yang bersetuju dan yang tidak setuju itu. Pilihan jawatan Yang di-Pertuan Agong akan dijalankan dengan undi sulit dan Raja yang kanan sekali akan diundi lebih dahulu".

Rakyat diseru menentang tiga perkara besar lepas Merdeka

Encik Abu Bakar bin Hj. Abdul Majid, Penolong Pegawai Daerah, Tangkak, Johor, di Majilis mengangkat sumpah Ahli-ahli Jawatankuasa Muhibbah Daerah Tangkak telah mengingatkan rakyat Malaya supaya menentang keras tiga perkara selepas negara mencapai Kemerdekaan, Perkara yang pertama ialah pengganas-pengganas komunis yang telah ditentang hebat oleh pasukan-pasukan keselamatkan semenjak 9 tahun yang lalu; yang kedua ialah golongan yang tidak sukakan Merdeka dan menimbulkan berjenis-jenis "khabar angin" yang palsu dan ketiga ialah kumpulan-kumpulan perompak dan gangster yang terus masuk ke kampung. Beliau kemudain menasihakan Jawatankuasa

Muhibbah yang telah ditubuhkan itu supaya mengadakan banyak perjumpaan untuk merapatkan lagi perhubungan di antara kaum-kaum.

Tunku pilih lagu Melayu asli sebagai asas lagu kebangsaan

Sebuah lagu Melayu asli telah dipilih oleh Tunku Abdul Rahman untuk dijadikan asas lagu kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu. Recording lagu tersebut telah dikirimkan ke London dan diserahkan kepada seorang penggubah lagu yang terkenal di sana untuk disusun semula supaya sesuai untuk menjadi lagu kebangsaan. "Lagu Melayu asli yang dipilih oleh Tunku itu dirahsiakan namanya buat sementara waktu", demikian menurut satu punca yang rapat dengan Tunku. Bagaimanpu belum tentu lagi sama ada Tunku akan memilih lagu itu atau tidak sesudah disusun kelak. Kerajaan Persekutuan baru-baru ini telah juga meminta penggubah lagu Melayu terkenal di Singapura Tuan Zubir Said, supaya menggubah lagu kebangsaan itu. Beliau sedang menggubah lagu tersebut.

Kemerdekaan belum bererti jika Kebudayaan dan Bahasa dijajah

Ketua Jabatan Pelajaran dan Persuratan Persatuan Guru-guru Melayu Kedah, Encik Mohd. Nor Azam, mengeluarkan kenyataan bahawa Kemerdekaan politik negara ini tidak akan mempunyai erti "jika kebudayaan dan bahasa Melayu masih terjajah". Kata beliau "Kemerdekaan politik sahaja belum lagi dapat dikatakan kedaulatan bagi Malaya sekiranya bahasa dan kebudayaan kita masih terjajah". Penyata itu juga telah "mengecam hebat kebudayaan cabul yang sedang bermaharajalela di selurih negeri imi". Seterusnya dikatakan "Pertunjukan tarian, nyanyian-nyanyian dan buku-buku yang bersifat cabul itu bukan sahaja telah merosakkan tatasusila dan kebudayaan bangsa kita, tetapi juga telah meruntuhkan semangat perjuangan dan moral bangsa Melayu khasnya dan warganegara negeri ini seluruhnya".

Persatuan Guru-guru menyeru semua orang supaya menentang dan memusnahkan segala yang buruk. "Marilah kita menegakkan semula dengan sekuat-kuatnya kebudayaan dan kesenian bangsa Melayu di Tanah Melayu yang Merdeka nanti. Bahasa dan kebudayaan Melayu akan bersinar semula dengan gemilangnya, seperti yang diperjuangkan oleh guru-guru Melayu yang bersatu dengan kukuh dalam barisan GPMS", kata Encik Mohd. Nor lagi.

Syarikat Kerjasama mengambil peranan penting dalam Masyarakat

Pegawai Melayu Pejabat Syarikat Kerjasama Batu Pahat, Encik Mokhtar bin Omar, dalam Majlis Pembukaan Mesyuarat Agung Syarikat Kerjasama Jimat Cermat dan Pinjaman Wang, menyatakan "dalam negara yang Merdeka kelak, Syarikat Kerjasama adalah mengambil peranan yang penting bagi meninggikan taraf kehidupan orang-orang Melayu". Beliau menerangkan sejarah tertubuhnya Syarikat-syarikat Kerjasama dalam dunia ini semenjak tahun 1844 yang muncul di tanah Inggeris, kemudian di Jerman, di Denmark dan kemudiannya merebak ke seluruh dunia hingga hari ini. Di Malaya, Syarikat Kerjasama ditubuhkan dalam tahun 1922. Beliau menerangkan "Di Malaya sekarang telah ada 113 buah syarikat dan telahpun bergerak dengan maju". Ada di antaranya sudah menubuhkan Syarikat Insurance Nyawa dan ada juga yang sudah masuk dalam gabungan Perikatan Syarikat Kerjasama Sedunia. Satu Persidangan Syarikat Kerjasama seluruh dunia akan diadakan dalam bulan Januari 1958 dan Malaya akan menjadi tuan rumah.

Parti Rakyat Pulau Pinang sokong celaan Tunku terhadap anasir-anasir penghalang nak menimbulkan huru-hara bersetuju merayakan hari Kemerdekaan

Parti Rakyat Cabang, Pulau Pinang, memberi sokongan penuh kepada ucapan Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman, Baru-baru ini yang mencela anasir-anasir yang cuba hendak menghalang Kemerdekaan Tanah Melayu dan anasir-anasir yang cuba menimbulkan huru-hara dan perpecahan.

Encik Abdul Aziz Hamidi, Setiausaha Cabang tersebut, menerangkan bahawa tidak ada satu sebab pun bagi orang-orang Melayu tidak menyokong Kemerdekaan. "Kemerdekaan itu bagaiman-pun juga akan lahir", kata beliau. Mesyuarat Dewan Harian Cabang itu memutuskan untuk mengadakan sambutan dan perayaan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos. Parti Rakyat Pulau Pinang juga mengambil keputusan untuk membebaskan ahli-ahli Parti mencampuri sebarang badan Perayaan Kemerdekaan yang sudah atau akan dibentuk di sini.

Pulau Pinang mengalu-alukan Kertas Putih Perlembagaan Persekutuan

Majlis Mesyuarat Settlement di Pulau Pinang yang telah bersidang bagi kali akhir menurut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, telah mengambil keputusan dengan sebulat suara mengalu-alukan Kertas Putih Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Undangan baru-baru ini. Dr.Lim Chong Yew, ahli kawasan Kelawai dan Ketua Menteri Kecil Pulau Pinang, ketika mengemukakan usul mengalu-alukan Kertas Putih Perlembagaan Malaya Merdeka, telah menjelaskan bahawa "usul yang dikemukakan itu adalah sebagai satu tanda menamatkan sejarah Pulau Pinang ini sebagai sebuah tanah jajahan British dan dengan serta merta pula menjadikan Pulau Pinang ini sama taraf dengan lain-lain negeri dalam Malaya Merdeka mulai dari 31 Ogos". Kata beliau lagi "Kemerdekaan yang akan dicapai itu dari hasil sikap tolak ansur dan persefahaman antara rakyat-rakyat dalam negeri ini yang telah faham maksud-maksud Kemerdekaan."

Encik Hashim bin Awang, ahli bagi kawasan Seberang Perai Utara dan Menteri Kecil Pertanian, telah menyokong usul ini dan berkata "dengan termasuknya Pulau Pinang ini ke dalam Malaya Merdeka menurut Perlembagaan baru, maka jelaslah nasib penduduk-penduduk negeri ini sangat bertuah kerana tidak ditinggalkan untuk membawa nasibnya sendiri". Bercakap mengenai ulasan-ulasan dari setengah-setengah golongan yang menuduh ada golongan-golongan rakyat yang dilayan sebagai anak tiri menurut Perlembagaan itu, Encik Hashim telah menafikan tuduhan-tuduhan itu dan berkata tuduhan itu semata-mata silap sekali dan mengelirukan.

Beliau menyatakan bahawa "penduduk-penduduk Pulau Pinang adalah bertuah dengan keputusan yang telah dibuat, iaitu pemilihan seorang Gabenor bagi Pulau Pinang menurut Perlembagaan
baru itu, akan dilantik dengan persetujuan dari baginda Queen, Majlis Raja-raja Melayu dan Ketua
Menteri. Ini adalah memberi peluang, mungkin seorang penduduk dalam Pulau Pinang ini sendiri
akan dapat dilantik sebagai Gabenor yang pertama dalam Malaya Merdeka".

Kata beliau akhirnya "dengan adanya perkara hak-hak istimewa bagi orang-orang Melayu sebagai yang tercatet dalam Perlembagaan tersebut maka beliau percaya perkara melaksanakan tanah simpanan Melayu yang tidak ada dulunya dalam Perlembangan Pulau Pinang ini akan dapat diselenggarakan bagi masa depan ini".

Perikatan Cawangan Kuala Langat merayakan pada tengah malam 30 Ogos

Perikatan Cawangan Kuala Langat, Selangor, akan merayakan Hari Kemerdekaan dengan mengadakan upacara perayaan pada tengah malam 30 Ogos 1957. Presiden Jawatankuasa Sambutan, Tuan Daniel Jayaratnam, menerangkan 50 orang pemuda dari UMNO, MCA dan MIC dengan berpakaian serba putih akan berbaris pada malam tersebut di Padang Kuala Langat. Ucapan Tunku Abdul Rahman pada malam itu di Padang Selangor Culo akan diperdengarkan menerusi radio yang kemudiannya diikuti pula dengan ucapan-ucapan pemimpin-perimpin Perikatan Kuala Langat.

Councillor letak jawatan kerana membantah Perlembagaan Baru Malaya Merdeka

Seorang ahli Majlis Mesyuarat Negeri Sembilan yang dilantik, Tuan Yap Mau Tatt, telah meletakan jawatannya dan telah keluar dari Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri Sembilan kerana membantah Perlembangan Baru Malaya Merdeka. Sebaik sahaja beliau keluar dari Majlis itu beberapa orang ahli Perikatan membidasnya. Encik Abdul Samad Idris, ahli Perikatan, dalam ucapannya telah menyeru supaya Kerajaan menghantar balik Tuan Yap ke Taiwan dan perbelanjaannya hendaklah ditanggung oleh Kerajaan. Kata beliau Tuan Yap "telah menunjukkan coraknya sebagai seorang yang tidak taat setia kepada negeri ini".

Seorang ahli, Tuan Lee Tee Siong, menyifatkan tindakan Tuan Yap sebagai tindakan sendiri dan "tidak mendapat sokongan daripada orang-orang Cina". Kata beliau lagi "Saya memberi akuan kepada orang-orang Melayu bahawa orang-orang melayu bahawa orang-orang melayu bahawa orang-orang melayu bahawa orang-orang melayu dan lain-lain bangsa di negeri ini". Lain-lain ahli telah mengalu-alukan rangka Perlembangan yang dibentangkan di Majlis itu.

Peringatan: Tuan Yap Mau Tatt ialah seorang daripada ahli rombongan Lau Pak Kuan yang pergi ke London kerana membantah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka kerana menurut pendapat kalangan mereka bahawa Perlembangan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka itu tidak demokratik.

Sementara itu rangka Perlembangan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka yang dibentangkan di Majlis Mesyuarat Negeri Kelantan telah mendapat sokongan sepenuhnya dari Ahli-ahli Majlis Mesyuarat sekalian. Beberapa orang Ahli Majlis Mesyuarat itu telah menyatakan rasa puas hatinya tentang Perlembagaan yang akan memberikan peluang kepada tiap-tiap orang dalam negeri ini.

Rakyat diseru menyokong dan memajukan Malaya

Dalam majlis jamuan yang diadakan di Pahang Kelab kerana menyambut Jublee Perak, Baginda Sultan Pahang, telah menyeru kepada semua peringkat rakyatnya supaya memberi sokongan dan kerjasama untuk membangun dan memajukan negara ini terutama setelah Persekutuan Tanah Melayu mencapai Kemerdekaan pada 31 Ogos. Baginda berkata "Kemerdekaan akan memberi kebaikan kepada penduduk-penduduk seluruh negeri ini bila semua golongan bekerja lebih kuat dan giat membina kemajuan-kemajuan daripada masa sudah-sudah". Ujar Baginda "Saya harap dan saya serukan lagi mudah-mudahan rasa perpaduan dan berbaik sangka antara semua golongan dan bangsa yang taat setia kepada negeri ini dapat dikekalkan dengan sebaik-baiknya menjadi asas keamanan, kemakmuran dan kebahagiaan negeri ini dapat dikekalkan dengan sebaik-baiknya menjadi asas keamanan, kemakmuran dan kebahagiaan negeri ini dalam zaman Merdeka kelak".

Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Yang di-Pertuan Agong Malaya?

Dato Undang Empat Luak di Negeri Sembilan iaitu Luak-luak Sungai Ujang, Jelebu, Johol dan Rembau serta Tengku Besar Tampin akan mengadakan satu mesyuarat khas dalam beberapa hari ini kerana membincangkan urusan-urusan yang harus dijalankan sekiranya Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu. Demikian difahamkan dari satu punca yang rapat dengan Istana dan adat Negeri Sembilan hari ini. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan harus dilantik sekiranya Sultan Johor enggan menerima jawatan Yang di-Pertuan Agong. Berita-berita dari London pula menyatakan Sultan Johor dikatakan telah enggan menerima lantikan sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Lantikan Yang di-Pertuan Agong itu akan diadakan pada 3 Ogos 1957, 28 hari sebelum Merdeka. Sehingga tarikh tersebut tiada seorang pun yang tahu siapakah di antara Raja-raja Melayu yang akan menjadi Yang di-Pertuan Agong. Tetapi di kalangan orang-orang politik ramai yang meramalkan bahawa Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan mungkin sekali akan terpilih menjadi Yang di-Pertuan Agong yang pertama.

Pejabat Penyimpan Mohor Raja-raja Melayu telahpun mengedarkan surat-surat rahsia mengundi senarai nama-nama calon Yang di-Pertuan Agong kepada semua Raja-raja Melayu. Raja-raja Melayu yang kanan sekali akan dicalonkan dulu, dan sekiranya lima orang Raja-raja Melayu mengundi memilihnya, maka Raja itu akan dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaya Merdeka yang pertama.

"Front Socialist" nak ditubuhkan di Persekutuan sebelum Merdeka

Parti Rakyat Malaya bersama Parti Buruh Malaya akan menubuhkan satu front socialist sebelum 31 Ogos ini. Salah sebuah pertubuhan Trade Union mungkin juga akan menggabungkan dirinya dalam 'front' itu. Usaha hendak menubuhkan 'front' itu telah lahir dari keinginan Parti Rakyat Malaya barubaru ini. Dalam mesyuarat khas dewannya, kuasa penuh telah diberikan kepada 'Dewan Harian Darurat' bagi melaksanakan rancangan tersebut.

Parti Buruh Malaya telah menyatakan persetujuannya hendak menubuhkan 'front' itu dalam sepucuk suratnya kepada Parti Rakyat dan meminta Parti tersebut menetapkan tarikh dan tempat untuk mesyuarat awal itu diadakan. Encik Ahmad Boestamam, Ketua Umum Parti Rakyat, men-yatakan bahawa dalam mesyuarat yang akan diadakan di Ipoh itu ketetapan muktamad akan diambil tentang mahu atau tidak menubuhkan 'Front Socialist' itu dan mesyuarat itu juga akan dibincang apakah 'platom' inya.

P. Ramlee diundang ke Medan 17 Ogos

Seniman P. Ramlee dan rakan-rakannya dijangka akan pergi ke Medan, Sumatera untuk mengadakan pertunjukan pada hari ulang tahun Kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos. Panitia menyambut Hari Kemerdekaan Malaya di Sumatera Utara yang terdiri daripada pemuda-pemuda di Malaya yang telah membuat undangan kepada P. Ramlee supaya beliau dan rakan-rakannya mengadakan pertunjukan dalam 'Malam Gembira' yang diatur oleh Panitia tersebut. 'Malam Gembira' itu diadakan untuk mengutip derma menyambut Hari Kemerdekaan Malaya yang diselenggarakan oleh pemudu-pemudi Malaya yang berada di Sumatera Utara.

Dalam Zaman Merdeka semua senang pelajaran Inggeris dibawa ke kampungkampung

"Kepayahan-kepayahan dalam zaman penjajahan akan menjadi senang dalam zaman Merdeka" telah dinyatakan di Mesyuarat Agung setengah tahun UMNO Cawangan Ganchong, Pekan, Pahang. Encik Ibrahim Arshad, ahli Mesyuarat Negeri dan Ketua Penerangan UMNO Bahagian Pekan, menerangkan di Mesyuarat Agung itu erti Kemerdekaan. Kata beliau "apabila kita Merdeka nanti segala kepayahan dalam zaman penjajahan dulu akan menjadi senang dalam zaman Merdeka". Kata beliau "umpamanya pelajaran, tidak payah lagi tuan-tuan pergi jauh ke bandar-bandar besar untuk mempelajari bahasa Inggeris. Pelajaran itu akan diadakan di kampung-kampung". Mesyuarat itu telah memutuskan akan menyambut Kemerdekaan secara besar-besaran.

Keputusan-keputusan Kongres Melayu dan ulasan tentang Perlembagaan dibukukan

Semua keputusan Kongres Kebangsaan Melayu Malaya kedua yang telah diadakan di Sultan Sulaiman Club, Kuala Lumpur selama empat hari berturut-turut pada awal bulan Mei yang lalu akan dibukukan untuk dijual kepada orang ramai. Ini telah diputuskan di Mesyuarat Jawatankusa Pendukung Kongres. Ustaz Othman Abdullah, Setiausaha Jawatankuasa tersebut berkata selain daripada keputusan-keputusan Kongres tersebut, buku itu akan juga mengandungi ulasan-ulasan atas rangka Perlembagaan Malaya Merdeka.

Ustaz Othman Abdullah berkata lagi "Buku ini akan merupakan satu pimpinan atau panduan kepada rakyat seluruhnya dalam negeri ini, khasnya kepada orang-orang Melayu, supaya mereka dapat mengikuti Perlembagaan Malaya Merdeka kelak dan bagaimana kehendak-kehendak Kongres. Sambungnya lagi "umum mengetahui bahawa Kongres adalah menentang beberapa bahagian yang terkandung di dalam syor-syor Perlembagaan tersebut, istimewa yang mengenai hak-hak istimewa Melayu dalam soal kerakyatan".

Bendera-bendera direntangkan rumah ke rumah di kampung ini menyambut Merdeka

Penduduk-penduduk Kampung Raja Uda, Kelang, akan menyambut Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos dengan cara besaran. Telah dipersetujui tiap-tiap kawasan rumah hendaklah dibersihkan, bendera-bendera kertas yang berwarna merah, putih dan hijau direntangkan di depan rumah masing-masing bersambung-sambung dari satu rumah ke satu rumah setinggi 6 kaki mulai dari 31 Ogos selama 3 hari. Lampu-lampu hendaklah dipasang selama 3 hari berturut-turut. Pintu gerbang akan didirikan di jalan masuk ke Kampung Raja Uda. Pada 2 September akan diadakan upacara "membaca doa" selamat dan kesyukuran di bangunan kedai syarikat. Tiap-tiap orang yang hadir dalam upacara tersebut akan membawa satu prime "iuadah Merekka".

Gambar-gambar Istimewa

Akhbar menyiarkan dua gambar menarik mengenai Tunku Abdul Rahman sempena menyambut persediaan Kemerdekaan. Satu daripadanya menunjukkan Tunku sedang meneriak "Merdeka' dengan tangan kanannya diangkat tinggi selepas berucap di perhimpunan rakassa seramai 10,000 orang di Taman Pesta UMNO Pulau Pinang. Satu lagi gambar menunjukkan Tunku bergambar ramai dengan pegawai-pegawai UMNO Cawangan Inas, Johol, Negeri Sembilan apabila selesai beliau melakukan upacara membuka rumah UMNO Cawangan tersebut. Tunku kelihatan memakai "duster" yang telah dihadiahkan kepada beliau oleh UMNO Cawangan tersebut.

Lagu Kebangsaan mungkin diperolehi sebelum Malaya Merdeka

Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman, memaklumkan "sebuah lagu kebangsaan yang sesuai dan disetujui oleh seluruh rakyat Malaya akan diperolehi sebelum Merdeka. Lagu kebangsaan itu ada mengandungi unsur-unsur kemelayuan yang disusun berdasarkan lagu-lagu Melayu asli". Kata Tunku, sebelum diterima untuk dijadikan lagu kebangsaan, lagu itu akan diperdengarkan kepada orang ramai. Tunku telah menglantar dua buah rekod lagu Melayu iaitu 'Mas Merah' dan 'Suridam' kepada Benjamin Britain, seorang penggubah lagu bangsa Inggeris yang telah mengirimkan sebuah lagu gubahannya kepada Tunku untuk dijadikan lagu kebangsaan Malaya Merdeka. Tunku memberitahu Utusan Zaman "beliau telah mendengar lagu gubahan Benjamin Britain itu dan didapatinya lagu itu mengandungi unsur-unsur kemelayuan, walaupun begitu memuaskan". Rekod lagu 'Mas Merah' telah dihantar oleh Ketua Menteri kepada penggubah tersebut kerana lagu pertama yang digubah oleh Benjamin Britain telah didasarkan kepada sebuah lagu Melayu asli seperti lagu 'Mas Merah'. Tunku berharap Benjamin akan menyesuaikan semula gubahannya yang asal itu dengan berdasarkan kepada 'Mas Merah' yang beliau hantar itu.

Tunku menghantar rekod lagu 'Suridam' untuk didengar oleh Benjamin dan sekiranya difikirkan baik Benjamin akan diminta menggubah sebuah lagu lain yang berdasarkan lagu 'Suridam' itu. Tunku menerangkan dari beberapa orang yang telah dimintanya menggubah lagu kebangsaan Malaya, Benjaminlah yang mula-mula sekali menyahut seruannya dan telahpun menghantar gubahannya.

Kata Tunku lagi bahawa sebuah lagu kebangsaan yang sesuai dan dipersetujui oleh rakyat seluruhnya akan diperolehi sebelum Merdeka. Gubahan Benjamin Britain yang telah disusun semula kelak akan diperdengarkan kepada orang ramai sebelum diterima untuk dijadikan lagu kebangsaan Malaya.

Tenaga tiap-tiap orang perlu dalam Malaya Merdeka

Encik Senu Abdul Rahman, Setiausaha Agung UMNO Malaya, telah menyeru semua Parti dalam negeri ini supaya "mengenepikan kepentingan parti-parti atau diri sendiri untuk kepentingan nasional dan bersatu padu membina negara dan bangsa yang akan Merdeka". Beliau membuat seruan semasa merasmikan Bahagian Kaum Ibu, jajahan Ulu Langat. Kata beliau lagi "kita berkehendakkan perpaduan dari tiap-tiap orang, dari tiap-tiap pertubuhan dengan tidak mengira apa ideologinya untuk kepentingan negeri ini dan dalam masalah-masalah yang mengenai nasional, kita harus membenankan kepentingan Parti dan diri sendiri. Kepentingan nasional hendaklah diletakkan diatas segala kepentingan Parti dan kepentingan diri sendiri".

Kata beliau seterusnya "Kemajuan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka adalah terletak di tangan Kaum Ibu. Jika Kaum Ibu tidak mempunyai rasa tanggungjawab di dalam zaman Kemerdekaan nanti, maka Kemerdekaan itu akan menjadi sia-sia belaka. Pada masa yang akan datang apabila negeri ini telah Merdeka, tidak ada tempat kita boleh mengadu, jika keadaan bangsa Melayu seperti keadaannya sekarang juga; itu adalah kesalahan kita sendiri. Pada masa yang lalu kita boleh menyalahkan British, menyalahkan penjajahan, kerana Britishlah yang menyebabkan kita jadi begini, tetapi setelah kita Merdeka, setelah kuasa diserahkan kepada kita dan nasib kita begini juga, maka kitalah yang salah. Kita mestilah menyinsing lengan, bekerja lebih kuat dan keras daripada masa yang sudah-sudah dan kita tidak boleh sekali-kali mengharapkan bantuan dari orang-orang asing".

Encik Senu telah juga melepaskan bidasan-bidasannya kepada beberapa pertubuhan yang menurut beliau sengaja hendak mengelirukan rakyat dengan memberikan penerangan-penerangan yang tidak benar. "Salah faham telah berbangkit di kalangan rakyat setelah mendengar peneranganpenerangan yang dibuat oleh Ketua-ketua yang tidak bertanggungjawab dan janganlah orang-orang kampung percaya dengan dakyah-dakyah dan penerangan-penerangan yang mengelirukan dan kemudian menimbulkan perasaan-perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat" kata Encik Senu.

"Ada orang mengatakan apabila British keluar dari negeri ini kita akan mendapat segalagalanya, seolah-olah bulan jatuh ke riba. Ini adalah pendapat yang salah sekali. Janganlah ada orangorang bermimpi dan berangan-angan akan mendapat kesenangan dengan tidak payah bekerja dan bekerja delebih kuat daripada masa yang sudah-sudah", Encik Senu memberikan amarannya, "Apa-apa yang diharap-harap itu tidak benar, dan tidak akan berlaku; kita mesti bersedia dalam masa percubaan, kita mesti bekerja keras dan bersedia untuk menghadapi masa depan. Kita akan menghadapi kesusahan dan kita harus bersedia memberikan pengorbanan dalam memenuhi Kemerdekaan itu", beliau menyatakan dengan lebih lanjut lagi. Seterusnya kata beliau "sungguhpun kita akan menghadapi penderitaan dan kesusahan dalam negeri yang Merdeka nanti, tetapi penderitaan dan kesusahan itu bukanlah sama dengan kebi adadannya pada hari ini atau pada masa yang lepas. Kalau kita menderita dan bekerja kuat pada masa yang akan datang adalah untuk negara kita sendiri dan dalam pemerintahan kita sendiri, sedang selama ini kita menderita di bawah penjajahan dan di bawah pemerintahan penjajahan. Kesenangan di bawah penjajahan adalah kesenangan seorang hamba dan sebagai hamba, tetapi penderitaan dalam masa yang akan datang adalah perderitaan sebagai tuam".

Encik Senu juga mengingatkan dalam masa perubahan dan peralehan ada ramai orang yang akan mengambil peluang untuk mengelirukan dan memceah belah orang ramai untuk kepentingan mereka sendiri. Oleh itu rakyat hendaklah berhati-hati dengan anasir-anasir demikian. Kepada Peritiparti yang lain beliau menyeru supaya dalam memperjuangkan Parti janganlah lupa kepada kepentingan nasional dan kepentingan negara. "Kita berkehendakkan perpaduan tiap-tiap orang, tiap-tiap pertutuhan dalam negeri ini untuk membian negara kita, kita bergerak dalam negeri yang berdasarah demokrasi, dan demokrasi itulah asas negara kita, satu asas yang kuat dan kukuh di mana tiap-tiap rakyat negeri ini berkuasa dan yang demikian rakyat hendaklah tahu menggunakan kuasanya itu", kata beliau.

Lennox-Boyd mengucapkan Selamat Berjaya kepada Persekutuan Tanah Melayu Merdeka

Di London, Dewan Orang ramai telah meluluskan dengan sebulat suara satu rang undang-undang yang akan menjadikan Persekutuan Tanah Melayu sebuah negara yang Merdeka dan berdaulat dalam lingkungan negara-negara Commonwealth pada 31 Ogos. "Rang Undang-undang itu akan menjadi undang-undang yang sah setelah ia diluluskan oleh Baginda Queen Elizabeth II". Ketika membentangkan Rang Undang-undang itu Tuan Lennox-Boyd, Setiausaha Tanah-tanah Jajahan mengucapkan selamat berjava kepada Persekutuan Tanah Melayu vang bakal Merdeka dan berdaulat pada 31 Ogos.

Sebagai sebuah negeri yang mempunyai berbagai-bagai kaum yang menjadi rakyat dan penduduk. Lennox-Boyd berkata "semua negeri yang bertamadun di dunia akan memerhatikan dengan penuh rasa timbang rasa atas cara-cara yang akan dijalankan oleh penduduk-penduduk Persekutuan dari berbagai-bagai kaum itu yang akan memecahkan masalah-masalah yang mereka hadapi kelak". Adalah diharapkan bahawa kaum-kaum yang bermastautin di Persekutuan Tanah Melayu boleh disatukan kerana mempunyai taat setia yang satu dan bulat kepada Persekutuan dan mempunyai satu kerakyatan.

Pemulihan Akhlak

Penyunting akhbar membangkitkan mengenai soal akhlak rakyat Malaya. Katanya "Malaya Merdeka perlu kepada rasa saling mengerti dan perpaduan antara rakyat negeri ini lebih lagi daripada yang terdapat dalam masa yang sudah-sudah. Pembangunan nasional dalam negeri ini tidak dapat diadakan sekiranya rakyat Malaya yang terdiri dari berbagai-bagai kaum, agama dan adat resam tidak terdapat rasa persefahaman, hormat menghormati antara satu dengan lain. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang baru saja diluluskan itupun diakui sebagai satu Perlembagaan yang berdasarkan 'hormat menghormati' antara rakyat negeri dan dengan semangat itulah kelak akan dapat didirikan sebuah negara yang rakyatnya bersatu padu".

Beliau seterusnya membentangkan bahawa "sudah berpuluh-puluh tahun orang Cina, India, Serani dan lain-lain lagi mendiami Tanah Melayu dengan tidak pernah berlaku barang sekalipun kacau bilau yang dapat dikatakan berasas pada agama. Orang-orang yang bukan beragama Islam insaf bahawa selama mereka mendiami negeri-negeri Melayu yang masing-masing dikepalai oleh Sultan yang memeluk agama Islam, kebiasaaan memeluk agama apa jua tidak pernah terancam. Keadaaan demikian kita percaya akan dilanjutkan terus oleh Kerajaan apa pun yang memerintah Malaya asalkan saja rakyat negeri ini taat setia kepada undang-undang negeri".

Kemerdekaan berkehendakkan pengorbanan, kata Suleiman Abdul Rahman

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Persekutuan Tanah Melayu, Encik Suleiman bin Dato Abdul Rahman, telah mengingatkan rakyat supaya jangan menyangka bahawa dengan Kemerdekaan islah situ percubaan yang pada mulanya rakyat sekalian terpaksa bersusah payah dan berkorban". Beliau menasihatkan penduduk-penduduk supaya bersama-sama menjaga ekonomi negara dan jangan membeli barang yang membazir.

Endau sambut Merdeka

Di Endau, Mersing, Hari Kemerdekaan Persekutuan akan disambut pada 14 Ogos hingga 16 Ogos 1957. Perarakan mengelilingi bandar akan diadakan oleh murid-murid sekolah-sekolah Melayu, Cina dan orang-orang kampung, Berbagai-bagai permainan akan diadakan di sekolah-sekolah umum.

Kemerdekaan bukan sebagai pakaian anak-anak, jadikanlah tiang yang teguh

Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO, Puan Fatimah Hj. Hashim, menyeru supaya "Kaum Ibu bekerja lebih keras pada zaman Merdeka nanti. Kemerdekaan tidak ada apa-apa ertinya bagi kita jika sekiranya kita tidak bekerja keras untuk mengisinya". Puan Fatimah berucap di Majlis merasmikan penubuhan Pergerakan Kaum Ibu bahagian Ulu Langat. Katanya lagi "Kemerdekaan sedang di ambang pintu, tiap-tiap rakyat terutama sekali Kaum Ibu hendaklah bekerja keras dan berikhtiar supaya Kemerdekaan itu dapat dinikmati oleh bangsa kita. Kewajipan Kaum Ibu adalah sangat besar, dari rumahtangga sampailah kepada soal-soal yang mengenai tanah air. Yang demikian Kaum Ibu hendaklah sedar bahawa Kemerdekaan itu bukanlah sebagai pakaian yang hendak kita gayakan, tetapi Kemerdekaan itu akan menentukan nasib kita pada masa depan dan penentuan itu adalah terletak di atas bahu kita".

Beliau seterusnya menegaskan "Kaum Ibu hendaklah mengasuh anak-anak bangsanya untuk mendapatkan pelajaran dan kelayakan sebagai bangsa yang Merdeka kerana dengan tidak ada kepandaian dan kelayakan, mereka tidak akan dapat menjadi tiang negara yang teguh". Kata beliau "Tiang lapuk bukan boleh menegakkan negara tetapi sebaliknya akan meruntuhkannya".

Sampan berhias dan kapal kecil dalam perayaan Hari Merdeka

Sambutan perayaan Kemerdekaan Persekutuan akan diadakan secara besar-besaran di Sabak Bernam. IS ribu ringgit akan dibelanjakan untuk perayaan itu. Susunan perayaan yang telah dirangka dua perkara yang menarik termasuk pertandingan sampan-sampan berhias dan kapal-kapal kecil di Sungai Bernam. Tiap-tiap rumah dan kedai serta pejabat-pejabat akan dihiasi dengan bendera-bendera dan lampu-lampu berwarna warni di sepanjang minggu Kemerdekaan. Hadiah-hadiah akan diberikan kepada rumah-rumah yang cantik sekali perhiasannya.

Perayaan akan dimulakan pada 31 Ogos jam 8 pagi dengan pembacaan perutusan perisytiharan Kemerdekaan. Pada 14 September akan diadakan upacara berbaris pasukan Polis, Home Guard dan lain-lain. Pada 15 September pula akan diadakan sukan dan hiburan dan 16 September perayaan ditamatkan dengan penyampajan hadiah-hadiah.

Mereka nak pakai pakaian Melayu

Anggota-anggota Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Seberang Perai Selatan tidak akan memakai pakaian seragam kemeja dan seluar putih dalam perayaan Kemerdekaan, seperti yang diumumkan oleh Ibu Pejabat UMNO. Mereka sebaliknya telah menetapkan untuk memakai pakaian kebangsaan Melayu - baju dan seluar putih dengan sampin merah. "Pakaian kebangsaan patutlah kita tunjukkan pada Hari Kemerdekaan", kata Pengerusi mereka Encik Ibrahim Abdul Rahman.

Pulang ke Indonesia

Tuan Hj. Hussein Alhabshi, anggota Parti Mashumi, Indonesia apabila berada di Malaya memberi pesan kepada rakyat Malaya "supaya menyedari bahaya anasir-anasir yang tidak suka melihat Malaya Merdeka dan juga anasir-anasir yang ingin menukar penjajahan Inggeris kepada satu jenis penjajahan baru terutamanya dari kaum komunis yang merupakan musang berbulu ayam".

Jangan jadi perkakas, orang-orang Melayu diingatkan

Encik Mohd. Khir Johari, Penolong Menteri Perusahaan dan Perdagangan Persekutuan, telah menyeru kepada orang-orang Melayu khasnya dan rakyat Malaya amnya supaya bersatu padu dalam menghadapi Kemerdekaan yang akan dicapai pada 31 Ogos. Kata beliau "kita tidak harus menjadi perkakas kepada satu-satu orang, satu-satu golongan atau satu-satu puak. Tetapi kita hendaklah semua menjadi perkakas negara untuk kepentingan negara seluruhnya".

Encik Senu Abdul Rahman, Setiausaha Agung UMNO dan Tuan Syed Jaafar Albar, Ketua Penerangan UMNO, juga turut memberi ucapan di perjumpaan ahli-ahli UMNO Kuala Kangsar dan Kinta. Encik Senu menyeru orang ramai supaya menaruh kepercayaan atas diri mereka sendiri. Kata beliau "memberikan sekeping tanah yang tidak berbaja sekalipun kepada seorang yang percaya kepada diri dan kepada kebolehannya sendiri, ada lebih berguna dan berfaedah lagi dari memberikan gunung emas kepada seorang yang tidak percaya kepada diri dan kepada kebolehannya sendiri. Kita hendaklah mengenepikan segala kepentingan diri, kepentingan puak atau kepentingan Parti untuk mengutamakan kepentingan nasional".

Tuan Syed Jaafar Albar pula berkata bahawa Perlembagaan Malaya yang baru tidak akan memberi keuntungan kepada rakyat Malaya kalau mereka sendiri tidak mencuba hendak menggunakan segala kemudahan dan keistimewaan yang dijamin dalam Perlembagaan itu.

PAS merayakan Merdeka sendiri-sendiri

Persatuan Islam Se Malaya (PAS) akan menyambut Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos secara bersendirian. "Tetapi dalam pada itu ia tidak pula melarang anggota-anggotanya turut hadir dalam perayaan-perayaan yang dianjurkan oleh Parti-parti lain dengan syarat mereka berbuat demikian atas nama mereka sendiri". Demikian yang diumumkan oleh Setiausaha Agung PAS, Ustaz Osman Abdullah. PAS telah membentuk satu Jawatankuasa Pusat untuk mengaturkan perayaan Merdeka. Jawatankuasa itu akan meminta Pesuruhjaya-pesuruhjaya PAS, di tiap-tiap Negeri, Cabang dan Bahagian supaya mengadakan perayaan menyambut Kemerdekaan. PAS akan mengadakan Mesyuarat Agung tahunan seminggu sebelum Merdeka. "Sesudah Malaya Merdeka, dasar perjuangan PAS akan dikaji semula supaya sesuai dengan keadaan" katu Ustaz Osman.

Pengarah baru untuk menentang pengganas Komunis lepas Merdeka

Persekutuan Tanah Melayu Merdeka akan mempunyai seorang Pengarah Gerakan melawan pengganas-pengganas Komunis yang baru yang akan bertanggungjawab terus kepada Kerajaan Persekutuan. Kenyataan rasmi daripada Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman, memaklumkan Queen Elizabeth II akan meminjamkan Pengarah Agung Latihan Tentera di Pejabat Perang di London yang pernah mengetuai Pasukan Tentera Commonwealth di Korea dalam tahun 1950-1951. Beliau dijangka tiba di Malaya dalam minggu ketiga bulan September 1957.

Kenyataan rasmi Tunku berkata bahawa gerakan melawan pengganas-pengganas komunis yang bersenjata akan diteruskan walaupun Malaya sudah mencapai Kemerdekaannya. Pengarah Gerakan Pengganas-pengganas Komunis yang baru itu akan bertanggungjawab terus kepada Kerajaan Persekutuan yang akan membayar gaji dan perbelanjaan-perbelanjaan lain termasuk untuk kakitangannya. Pengarah baru itu juga akan menjadi anggota Majlis Gerakan Darurat Persekutuan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri menjadi Timbalannya.

Pengarah Gerakan melawan pengganas Komunis yang ada sekarang akan tamat perkhidmatannya pada hari Malaya mencapai Kemerdekaan.

Ahli-ahli UMNO diingatkan : jangan berpegang hanya kepada sentiment Melayu sahaja

Ketua UMNO Negeri Terengganu, Encik Ibrahim Fikri, telah mengingatkan "orang-orang Melayu supaya mengkaji Perlembagaan baru Persekutuan dengan menimbangkan keadaan sejarah perkembangan politik di dalam dan di luar negeri dan jangan semata-mata berpegang kepada sentiment Melayu sahaia".

Beliau menyuarakan ingatannya itu ketika memberi penerangan mengenai Perlembagaan baru Persekutuan dalam perjumpaan ahli-ahli UMNO Kuala Terengganu. Encik Ibrahim berkata Perlembagaan tersebut hanyalah satu asas bagi Kemerdekaan yang menjamin Kemerdekaan negara dan bangsa untuk keturunan-keturunan yang akan datang. "Sebagai satu asas dapatlah dikatakan bahawa tidak ada Perlembagaan yang lebih baik dari apa yang ada sekarang kerana di dalamnya terkandung jaminan-jaminan hidup dan hak mutlak bangsa Melayu serta lain-lain bangsa yang telah menjadi rakyat negeri ini", ujarnya.

Menjelaskan bahawa Perlembagaan itu adalah hasil dari pindaan-pindaan atas syor Suruhanjaya Reid, Encik Ibrahim berkata bahawa di dalamnya akan didapati setengah-setengah perkara dalam Memorandum UMNO tidak dimasukkan dan ini juga berlaku pada syor-syor MCA dan MIC. Beliau menegaskan Perlembagaan baru itu harus mengandungi "intisari yang adil dan demokratik".

Penuntut-penuntut Malaya merayakan Kemerdekaan mulai hari Jumaat ini

Pesuruhjaya Malaya ke London, Encik Osman bin Mohammad, memaklumkan penuntut-penuntut Malaya di United Kingdom yang berjumlah lebih 1,000 orang akan menyambut Kemerdekaan Malaya dengan mengadakan "National Convention" dan sebagainya selama 36 hari bermula daripada 26 Julai 1957. Perayaan 36 hari itu akan diakhiri dengan satu perayaan yang paling besar yang belum pernah diadakan oleh mereka itu di United Kingdom. Beliau juga menyatakan Kerajaan Persekutuan telah membeli beberapa buah bangunan lagi di London untuk menempatkan pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdazangannya, passport dan lain-lain.

Amaran Sardon kepada pengganas-pengganas "menyerah diri atau mati"

Menteri Kerjaraya, Post dan Telekom, Encik Sardon bin Hj. Jubir, semasa bercakap kepada pendudukpenduduk Jajahan Rembau telah mengeluarkan amaran kepada pengganas-pengganas Komunis
supaya "menyerah diri atau mati". Beliau menyatakan "Janganlah ada orang yang berfikir bahawa
Kerajaan akan berhenti dari memburu pengganas Komunis setelah negeri ini mendapat
Kemerdekaannya, pengganas-pengganas Komunis harus memilih satu antara dua, menyerah diri
ataupun mati". Menteri itu telah menyeru kepada orang-orang Islam supaya menjaga ketenteraman
dan keamanan dan memberikan bantuan kepada Kerajaan untuk menghapuskan pengganas-pengganas
Komunis dalam kawasan itu. "Kalau ada orang-orang Melayu membantu Komunis maka mereka
adalah berkhianat kepada negeri-negerinya sendiri". kata beliau.

Encik Sardon menerangkan di kawasan itu ada sarang pengganas yang nampaknya ingin menyerah diri. Beliau mendesak orang ramai menolongnya menyerah diri supaya dia hidup seperti biasa. Mengenai Merdeka, beliau berkata Kemerdekaan tidak akan mempunyai apa-apa erti dan tidak akan ada gunanya jika berlaku persengketaan antara kaum. "Marilah kita semua hidup dalam aman damai".

Kerajaan Terengganu akan belanjakan \$82,000

Kerajaan Terengganu telah meluluskan peruntukan sebanyak \$82,000 untuk belanja perayaan Merdeka di seluruh negerinya. Selain daripada itu \$20,000 diterima dari Kerajaan Federal. Kutipan dari orang ramai dijangka akan berjuntlah \$50,000. Di Kuala Terengganu sebuah jam besar berharga \$25,000 akan dibina untuk peringatan Hari Kemerdekaan. Sementara itu dua buah syarikat lombong besi di Dungun akan membina sebuah stadium yang memakan belanja \$30,000.

Akan mengadakan malam Sejarah

Di Kuala Terengganu salah satu daripada rancangan menyambut Hari Kemerdekaan ialah lakonan pentas berjodol 'Malam Sejarah'. Pertunjukan ini akan menunjukkan segala peristiwa dalam sejarah tanah air, mulai dari perkembangan penjajahan sampailah kepada datangnya fajar Kemerdekaan. "Pada tiap-tiap babak akan diselangi dengan tarian-tarian yang menunjukkan penyeludupan unsur-unsur seni budaya asing yang mempengaruhi kebudayaan Melayu", Untuk menjadikan malam sejarah itu penuh dengan keasiliannya, usaha untuk mendapatkan pakaian-pakaian untuk malam sejarah sedang diselenggarakan.

Menyambut Hari Merdeka

Beberapa berita disampaikan mengenai sambutan Hari Merdeka di negeri-negeri termasuk di Kuantan, Pahang dan Gopeng, Perak.

Khamis 25 Julai 1957, 27 Zulhijiah 1376

Tunku dalam siaran khas Merdeka di Radio

Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra, adalah di antara beberapa orang yang akan mengambil bahagian dalam satu rancangan siaran khas Radio Malaya Bahagian Melayu kerana menyambut Kemerdekaan Malaya yang akan dimulai minggu depan. Rancangan yang Tunku akan mengambil bahagian berjudul "Sejarah Orang-orang Melayu" yang akan didengar pada jam 8.30 malam 29 Julai. Rancangan itu akan menceritakan mengenai sejarah orang-orang Melayu semenjak tahun 2,000 B.C. Antara siaran hiburan yang menarik hati pendengar-pendengar ialah Rancangan Pusparagam Kanak-kanak dalam mana lebih 30 kanak-kanak akan mengambil bahagian. Antara rancangan-rancangan khas ialah "Aneka Warna Merdeka, Dondang Sayang Merdeka dan Puspa Warna Merdeka".

Dalam tiap-tiap perjumpaan sejarah seperti Pengisytiharan Kemerdekaan Malaya, perlantikan Yang di-Pertuan Agong Malaya, Radio Malaya akan memberi ulasan-ulasan selari.

Perak terima Kertas Putih Perlembagaan Malaya sebulat suara

Kertas Putih Kerajaan Persekutuan mengenai cadangan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957 diterima dengan sebulat suara oleh Majlis Mesyuarat Perak. Majlis itu berikrat menyokong sepenuhnya semua langkah-langkah yang mustahak bagi melaksanakan cadangan-cadangan Kertas Putih tersebut dan menjadikan Persekutuan Tanah Melayu sebuah negara yang Merdeka dan berdaulat pada 31 Ogos 1957. Ketua Perikatan dalam Majlis Mesyuarat Negeri dan bakal Menteri Besar Perak, Encik Mohd. Ghazali Hj. Jawi, menyifatkan cadangan Perlembagaan itu sebagai sehabishabis baik dapat diciptakan bagi negeri ini selepas diadakan beberapa perundingan antara wakil-wakil Kerajaan Baginda Queen, wakil-wakil Raja-raja Melayu dan wakil-wakil Kerajaan Perikatnyan Seterusnya beliau menyatakan "manakala negara kita mencapai Kemerdekaan dapatlah ia duduk sebagai negara yang bebas dan berdaulat dalam lingkungan negara Commonwealth British". Beliau menecaskan Kemerdekaan vang akan dicapai itu ialah Kemerdekaan seratus peratus.

Encik Ghazali berkata "Kita percaya negeri kita pada masa datang akan menjadi sebuah negeri yang betul-betul mengamalkan fahaman demokrasi dan penduduk-penduduknya bolehlah menialankan fahaman tersebut dengan bebas".

Suara Azan dilaungkan selepas Perisytiharan Kemerdekaan

Dato Abdul Razak Hussein, Menteri Pelajaran dan Ketua Jawatankuasa Sambutan Hari Kemerdekaan, menyatakan sebaik-baik sahaja Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra, mengisytiharkan Kemerdekaan pada pagi 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka suara azan akan dilaungkan di angkasa raya melalui empat kemuncak penjuru di Stadium Merdeka. "Gema dan erti yang dibawa oleh suara azan itu kelak dengan sendirinya dapat membuktikan bahawa agama Islam ialah agama yang rasmi bagi negeri ini dalam zaman Kemerdekaannya kelak sebagai yang telah ditentukan di dalam Perlembagaan baru yang diluluskan baru-baru ini", kata beliau. Dato Razak juga menerangkan bahawa akan datang ini taraf dan tingkatan pelajaran agama akan disamakan dengan lain-lain mata pelajaran untuk kemajuan negeri ini di masa depan. "Kita hendak menjadikan taraf pelajaran agama akan datang sejajar dengan perkembangan lain-lain pelajaran yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran selingan perakembangan lain-lain pelajaran yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran selingan perakembangan lain-lain pelajaran yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran selingan perakembangan lain-lain pelajaran yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran selingan perakembangan lain-lain pelajaran yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran selingan perakembangan dapat bersaingan".

Dato Razak menyeru kepada orang ramai dan rakyat seluruhnya supaya menyambut Hari Kemerdekaan dengan cara yang teratur, aman dan selamat dari sebarang kejadian yang tidak diingini. Kata beliau lagi "Rayakanlah Hari Kemerdekaan yang kita akan sambut tidak berapa hari saja lagi ini dengan penuh semangat bertanggungiawab". Dato Razak telah melawat tempat-tempat di jajahan Temerluh selama tiga hari kerana memberi penerangan berhubung dengan Hari Kemerdekaan.

Lagu Kebangsaan Pak Zubir sedang diusahakan

Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri Persekutuan, akan menerima beberapa buah Lagu Kebangsaan yang digubah oleh Tuan Zubir Said, penggubah lagu-lagu Melayu terkenal di Singapura. Sebuah dari-pada lagu-lagu yang digubah oleh beliau mungkin akan dipilih menjadi Lagu Kebangsaan Malaya Merdeka. Tiga buah lagu akan dikirimkan oleh Tuan Zubir kepada Tunku. "Satu telahpun siap tetapi terpaksa saya rahsiakan dan yang dua lagi masih diusahakan", kata beliau. Bagaimanapun katanya, lagu-lagu tersebut akan disiapkan sebelum 31 Ogos.

Dokonglah Perlembagaan Baru - Seru Hashim Awang

Ketua UMNO Pulau Pinang dan Seberang Perai, Encik Hashim Awang menyeru ahli-ahli UMNO khasnya dan orang-orang Melayu amnya supaya mendokong dan menyambut baik Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang baru.

Kata beliau "Walaupun ada beberapa perkara yang tidak memuaskan hati orang-orang Melayu mengenai Perlembagaan itu, tetapi kita hendaklah bertenang dan bersabar serta memberikan kerjasama bagi melicinkan perjalanan Perlembagaan tersebut". Kata beliau lagi "Kemerdekaan yang akan kita sambut tak berapa lama lagi, adalah menjadi suatu tanggungan bangsa kita dan terpulanglah kepada kita untuk mengisinya. Yang demikian kita harus berkerja lebih kuat, sekiranya kita lalai kita akan kecewa".

Kepada Pemuda-pemuda Encik Hashim mengusulkan supaya mereka jangan hanya berjuang dalam lapangan politik sahaja, tetapi juga hendaklah berjuang dalam lapangan ing Kita hendaklah sungeub-sungguh berlumba dalam lapangan ing Katanya.

Jumaat 26 Julai 1957, 28 Zulhijjah 1376

Dua Sultan tak mencalonkan diri menjadi Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu

Sultan Terengganu dan Sultan Johor telah tidak mencalonkan diri untuk menjadi Yang di-Pertuan Agong yang Pertama Persekutuan Tanah Melayu Merdeka. Menurut berita-berita yang diterima dari London baru-baru ini, Sultan Johor telah menyatakan keengganannya bertanding dalam pilihan Yang di-Pertuan Agong itu kerana Baginda sudah tua. Manakala Sultan Terengganu pula merasa Baginda adalah seorang yang termuda sekali dalam jawatannya sebagai Sultan. Pilihan bakal Yang di-Pertuan Agong itu akan dilangsungkan pada 3 Ogos 1957 dalam Persidangan Khas Raja-raja Melayu.

Kalangan yang dekat dengan Persidangan Raja-raja Melayu meramalkan bahawa Yang di-Pertuan Agong akan dipilih antara Sultan Pahang dan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, sementara Timbalannya ialah antara Sultan Selangor dan Sultan Kedah.

Selangor terima Kertas Putih sebulat suara

Majlis Mesyuarat Negeri Selangor yang bersidang pada pagi 25 Julai 1957 telah menerima dengan sebulat suara Kertas Putih Rang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Setiausaha Kerajaan Selangor, Enici Ismail bin Abdul Latif tatakala membentangkan Kertas Putih itu berkata bahawa "penerimaan Perlembagaan baru itu bererti tamatlah sejarah pemerintahan yang telah berjalan selama kira-kira 80 tahun dalam negeri ini". Kata beliau lagi "Majlis Mesyuarat Negeri Selangor telah ditubuhkan pada 11 Jun 1877 oleh Sultan Abdul Samad dan selama itu belum lagi pernah Majlis itu diminta membuat keputusan yang bersejarah seperti keputusan yang diambil hari ini dan keputusan yang kita ambil hari ini adalah menamatkan pemerintahan cara lama yang telah berjalan kira-kira 80 tahun dalam negeri ini".

Kata beliau seterusnya "Sekarang kita sedang berada di tangga Kemerdekaan dan walaupun Perlembagaan yang baru ini banyak mengandungi kekurangan tetapi ini bukan bererti tidak boleh dijalankan sekiranya ada rasa baik sangka antara penduduk negeri ini?

Raja Mohammad, Ketua Ahli Majlis Mesyuarat Perikatan, adalah orang yang pertama sekali berdiri menyokong cadangan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Katanya "Apakala kita telah Merdeka segala kekurangan yang didapati dalam Perlembagaan itu boleh diubah dari satu masa ke satu masa".

Kalau orang Melayu tak mahu merebut peluang ini, buat rakit dan terjun ke Selat Melaka

Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor, Tuan Haji Taha bin Hj. Zakaria, berkata dalam Civic Course yang dihadiri kira-kira 600 orang lelaki dan perempuan penduduk-penduduk Benut "Untung nasib bangsa Melayu telah terjamin dengan adanya Kertas Putih Perlembagaan Baru Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan pada 11 Julai 1957". Beliau menegaskan kepada hadirin bahawa "Kertas Putih itulah yang menjamin akan hak-hak istimewa orang-orang Melayu, agama Islam dan bahasa Melayu menjadi rasmi, maka inilah yang mentukan untung nasib bangsa Melayu".

Mengenai soal pembahagian tanah, Tuan Haji Taha sangat menyesal dengan sikap pegawaipegawai Kerajaan yang tidak mahu bersimpati dengan rakyat di kampung-kampung. Katanya "ada pegawai-pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab memberitahu kepada orang-orang kampung yang memohon tanah Kerajaan, kononnya Kerajaan takut hendak memberi tanah-tanah kerana negeri ini kelak akan menjadi padang pasir dan tidak mendatangkan hujan apabila hutan-hutan habis ditebang. Tetapi dengan banyaknya rakyat membuat kebun-kebun baru, maka pokok-pokok tanaman yang mengeluarkan hasil itulah kelak menggantikan hutan-hutan yang tidak boleh ditakutkan tidak datang hujan dan negeri ini tidak menjadi padang pasir".

Walau bagaimanapun, beliau menyatakan mengenai pembahagian tanah itu pada masa ini Kerajaan Johor khasnya dan Persekutuan Tanah Melayu amnya telah membuat perubahan. "Selama ini dasar Kerajaan mengenai hal itu tidak adil sama sekali," katanya. Beliau terus menyatakan "Dulu, kalau orang-orang kampung meminta 2 atau 3 ekar tanah cukup susah, tetapi kalau orang-orang kaya pula meminta beratus-ratus ekar dengan mudahnya boleh mendapat". Kata beliau lagi "Kerajaan Persekutuan banyak mengeluarkan wang kerana melatih pegawai-pegawai dan membuat percubaan-percubaan ternakan. Dengan sebab itu di masa depan kita tidak mahu binatang-binatang dan hasil-hasil ternakan yang datang daripada luar negeri seperti Australia, dibawa datang ke negeri kita".

Mengenai fahaman Komunis beliau mengingatkan supaya jangan terpengaruh dan beliau sendiri telah mengkaji fahaman tersebut. "Fahaman Komunis adalah fahaman yang tak mesti diikut; pertama sekali orang yang membuat fahaman itu ialah orang kafir dan pemerintah Komunis itu tidak memberi hak kepada rakyat, tetapi semua jadi hak Kerajaan", katanya.

Di akhir ucapannya beliau menyeru semua orang Melayu supaya merebut peluang rancanganrancangan baru Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup orang-orang Melayu "Sekiranya orang-orang Melayu masih berdiam diri, tidak mahu merebut peluang, ada lebih baik buat rakit dan terjun ke Selat Melaka" katanya lagi.

Kenyataan Kerajaan Persekutuan fasal 60 buah motokar yang akan dibeli

Sebilangan dari kereta-kereta yang dibeli oleh Kerajaan Persekutuan untuk digunakan oleh orangorang yang diundang dari luar negeri sepanjang perayaan Kemerdekaan akan dihantarkan ke negerinegeri yang berhampiran untuk dipakai oleh Duta-dutanya, manakala sebilangan lagi akan digunakan di negeri ini dan selainnya akan dijual. Kerajaan Persekutuan telah memutuskan akan membeli 60 buah motokar jenis-jenis besar dari Amerika Syarikat kerana perayaan Kemerdekaan itu dan wang sebanyak SS50,000 telah diperuntukkan bagi membeli motokar-motokar tersebut.

Dalam satu kenyataan Kerajaan yang dikeluarkan hari ini menyatakan tuduhan-tuduhan dan rasa tak puas hati di kalangan masyarakat bersabit dengan keputusan Kerajaan hendak membeli 60 buah motokar dari Amerika itu. Kerajaan ingin menerangkan bahawa motokar-motokar itu akan dijual semula selepas digunakan untuk perayaan Kemerdekaan itu dengan maksud supaya sebahagian daripada wang yang telah dipakai itu didapati kembali. Sebilangan daripada motokar-motokar itu akan digunakan oleh Kerajaan serta untuk Kedutaan-kedutaan Malaya di negeri-negeri yang dekat.

Lebih lanjut kenyataan itu menerangkan bahawa motokar buatan Amerika itu sesuai besamya dan harga jualan semula lebih baik dari motokar buatan lain. Dua buah motokar akan juga dibeli untuk digunakan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Kerajaan juga pada mulanya berfikir hendak menyewa motokar untuk upacara itu, tetapi setelah difikirkan masak-masak hal yang demikian tidak akan mengurangkan belanja dan tidak dapat dijalankan.

Bangunan-bangunan sedang dicat kerana Kemerdekaan

Bangunan-bangunan Kerajaan di Terengganu sedang dicat kerana persediaan menyambut hari Kemerdekaan. Dato Setia Wangsa, Presiden Majlis Bandaran, Kuala Terengganu telah membuat seruan kepada penduduk-penduduk bandar Terengganu supaya menghiasi rumah-rumah mereka dengan menghormati Hari Kemerdekaan kelak.

Lagu Kebangsaan Pak Zubir siap

Pihak yang berkuasa Persekutuan Tanah Melayu akan menerima tiga buah Lagu Kebangsaan daripada Tuan Zubir Said sebelum awal Ogos ini. Lagu-lagu tersebut telah siap digubah oleh penggubah lagulagu yang terkenal itu, sebagai menunaikan permintaan pihak yang berkuasa Persekutuan.

Lebih 20 orang tokoh kebudayaan dan wartawan Singapura malam tadi telah diberikan kesempatan mendengar lagu-lagu tersebut oleh Tuan Zubir Said di rumahnya. Sedikit pindaan kepada senikata sebuah daripada lagu-lagu itu telah dikemukakan dan telah diterima oleh Tuan Zubir dengan gembira.

Semua tokoh kebudayaan dan wartawan-wartawan yang mendengar lagu-lagu itu menyatakan puas hati masing-masing terhadap Lagu-lagu Kebangsaan tersebut terutama sekali kepada sebuah lagu yang paling baru dikarang oleh Tuan Zubir Said itu.

Kesulitan Di Negeri Sembilan kalau Yang di-Pertuan Besar dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaya Merdeka

Dilaporkan "satu kesulitan dijangka akan berlaku di Negeri Sembilan sekiranya Yang di-Pertuan Besar dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaya Merdeka. Kesulitan ini mungkin timbul ketika hendak menentukan dan melantik siapakah yang akan menjadi Pemangku Rajia". Dikatakan bahawa mengikut Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan tahun 1948 Fasal 9 Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilah berhak melantik seorang Pemangku Raja sekiranya Baginda berhajat hendak keluar negeri lebih dari 30 hari. Dari punca-punca yang rapat dengan Undang yang empat adalah difahamkan "mereka berempat lebih suka kalau Pemangku Raja itu tidak terdiri dari satu orang, bahkan terdiri dari satu 'Majlis' mengandungi diri mereka. Mereka jugalah bergilir-gilir menjadi Pengerusi Majlis Mesyuarat Kerja Kerajaan Negeri Sembilan". Khabar-khabar angin yang bertiup mengatakan bahawa sekiranya Undang yang empat itu tidak dapat menubuhkan 'Majlis Pemangku Raja' mereka boleh melantik seorang Pemangku Raja dari keturunan anak-anak Raja Sri Menanti dengan mengenepikan syarat-syarat dalam Perlembagaan Negeri Sembilan". Kembilan Kendinan dengan mengenepikan syarat-syarat dalam Perlembagaan Negeri Sembilan.

Dalam Undang-undang Tubuh Negeri Sembilan, iaitu fasal 10 ceraian 1, 2 dan 3 ada dicatatkan bahawa Undang berkuasa penuh melantik seorang ganti Raja sekiranya Raja yang ada "mangkat atau gering hingga tidak dapat memerintah". Tetapi kalau berangkat keluar negeri, kuasa melantik Pemangku Raja itu ada di tangan Yang di-Pertuan Besar sendiri.

Undang yang empat berpendapat bahawa "berangkat keluar negeri" yang dimaksudkan dalam Undang-undang Tubuh itu ialah beraleh angin atau berubat keluar negeri. "Tetapi kalau dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong masanya ditetapkan dan tidaklah boleh diistilahkan Baginda itu keluar negeri walaupun dalam Undang-undang Tubuh Negeri makna keluar negeri itu "keluar dari Negeri Sembilan".

Satu punca yang rapat dengan Istana menyatakan bahawa Kerabat-kerabat Di Raja lebih suka kalau Tengku Laksamana diangkat menjadi Pemangku Raja. Tengku Laksamana ialah putera sulung Yang di-Pertuan Besar tetapi ada pula satu golongan lain yang lebih suka kepada Tengku Besar iaitu Ayahanda saudara kepada Yang di-Pertuan Besar memenuhi jawatan tersebut. Kedua-dua anak Raja ini pernah menjadi Pemangku Raja dalam masa Yang di-Pertuan Besar berangkat ke England tempoh hari.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan pula telah membayangkan bahawa "sekiranya Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong, maka Undangundang Tubuh Negeri perlu dipinda dulu dan sebelum memindanya, maka haruslah pula dibahaskan lebih dulu dalam Majlis Mesyuarat Negeri".

Amaran MacGillivray

Sir Donald MacGillivray, Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan, dalam ucap selamatnya kepada Persidangan ke 24 Syarikat-syarikat Bekerjasama Malaya yang akan diadakan di Victoria Instituition, Kuala Lumpur selama tiga hari mulai esok, telah memberi amaran bahawa "Kemerdekaan Malaya akan hancur lebur kalau rakyatnya tidak memberi taat setianya yang penuh". Katanya "taat setia adalah satu senjata yang penting untuk semua manusia".

28 Bintang Radio akan menyanyi

28 orang bintang-bintang penyanyi radio dari segala bangsa di Kuala Lumpur akan mengambil bahagian dalam siaran menyanyi beramai-ramai Merdeka "Merdeka Choir" yang akan direkodkan di Studio Radio Malaya pada 28 Julai untuk siaran khas Merdeka di Radio Malaya. 8 buah lagu-lagu Melayu bercorak nasional, diantaranya termasuk gubahan Tuan Zubir Said, penggubah lagu-lagu Melayu yang terkenal, akan dinyanyikan.

Menteri terangkan erti Merdeka kepada penduduk-penduduk Pulau Redang yang ragu-ragu

Encik Abdul Aziz Ishak, Menteri Pertanian dan Perikanan Persekutuan, ketika melawat Pulau Redang telah diberitahu bahawa penduduk-penduduk pulau tersebut gelisah mendengar dakyah-dakyah yang memomokkan Kemerdekaan. Beliau diberitahu dalam satu perjumpaan oleh seorang penduduk pulau itu sendiri bahawa mereka mendengar Kemerdekaan akan diisytiharkan pada 31 Ogos ini akan "melahirkan malapetaka seperti di zaman pendudukan Jepun dulu". "Masa itu serba serbi akan susah belaka. Harga kain akan melambung tinggi, beras dicatu dan gula garam akan sukar didapat", kata penduduk itu.

Encik Aziz kemudian telah menjelaskan dengan panjang lebar erti dan kesan Kemerdekaan untuk menghapuskan keraguan-keraguan rakyat itu. Kata beliau "Kesusahan di zaman Jepun adalah akibat peperangan di antara dua kuasa besar yang berebut kekayaan di negeri orang lain sedangkan Kemerdekaan akan memberi kesempatan yang lebih besar kepada penduduk-penduduk negeri ini memperbaiki dan memajukan nasib dan penghidupannya".

Sedikit perubahan dalam pertandingan Football Merdeka

Persatuan Football Malaya telah mengubah sedikit cara-cara Pertandingan Football Merdeka pada 31 Ogos ini. Kelapan-lapan buah pasukan yang akan mengambil bahagian itu akan dibahagikan kepada 2 bahagian mengandungi 4 pasukan bagi tiap-tiap bahagian. "Cara menentukan dalam bahagian mana pasukan-pasukan itu akan dimasukkan akan ditentukan dengan perlawanan-perlawanan awal yang akan diadakan mengikut cara-cara pertandingan "kalah mati"".

Laga Lembu dalam Perayaan Merdeka

16 ekor lembu yang handal akan dibawa dari Kelantan ke Kuala Lumpur sedikit hari lagi untuk mengambil bahagian dalam temasya "Perlagaan Lembu" sebagai satu rancangan menyambut Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos ini. "Temasya 'Perlagaan Lembu' sangat digemari di negeri ini tetapi Keraiaan telah melarang permainan tersebut sejak beberapa tahun yang lalo".

Kerajaan akan didesak mengawal Hotel-hotel dalam Perayaan Kemerdekaan

UMNO Bahagian Seberang Perai Selatan akan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya bertindak mengadakan kawalan ke atas hotel-hotel dan kedai-kedai makanan di Kuala Lumpur sepanjang masa perayaan Merdeka. "Langkah tersebut adalah sangat perlu untuk mencegah tuan-tuan punya hotel dan kedai-kedai makanan dari menaikkan sewa bilik dan harga barang-barang dari biasa pada hari tersebut". Encik Ahmad Idris, seorang ahli Jawatankuasa UMNO bahagian itu menegaskan bahawa beriburibu orang dari seluruh pelusuk Tanah Melayu akan berkunjung ke Kuala Lumpur pada hari yang bersejarah itu. Kerajaan hendaklah mengadakan kawalan supaya mereka jangan menjadi mangsa tuantuan punya hotel dan pekedai-pekedai makan di Kuala Lumpur, Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja UMNO Bahagian Seberang Perai Selatan akan membincangkan usul ini dalam mesyuaratnya pada 28 Julai sebelum menyampakannya kepada UMNO Malaya untuk disampaikan pula kepada Kerajaan.

Mendirikan Dewan Merdeka

Jawatankuasa Perayaan Kemerdekaan daerah Kuala Pilah telah merancang mendirikan sebuah Dewan Merdeka di bandar Kuala Pilah berharga \$60,000. Batu asasnya akan diletakkan pada hari Merdeka 31 Ogos. Satu barisan kehormatan juga akan diadakan pada hari Sambutan Merdeka di Pejabat Daerah Padang Besar.

Persediaan sambutan Kemerdekaan

Beberapa berita dikeluarkan mengenai persediaan sambutan Merdeka di negeri-negeri yang termasuk di Seremban. Kuantan dan Sabak Bernam.

Kemakmuran Malaya Merdeka terletak atas kesempurnaan hidup rakyatnya

Encik Abdul Aziz Ishak, Menteri Pertanian Persekutuan, menegaskan bahawa keamanan dan kemakmuran Malaya Merdeka adalah terletak atas kesenangan dan kesempurnaan hidup rakyatnya dan
sebarang kecuaian dan tindasan dalam hal nii hendaklah dihapuskan. Beliau berucap waktu membuka
Persidangan Syarikat Kerjasama Se Malaya yang ke 20 di Victoria Institution, Kuala Lumpur. Kata
beliau lagi "kesempurnaan hidup yang sesuai dengan pelajaran yang menjadi hak tiap-tiap rakyat yang
setia dalam negara yang maju dan demokratik mestilah mendapat jaminan. Di masa yang sudah-sudah
dasar sosiai dan ekonomi di daerah-daerah bandar dan luar bandar tidak memberi keuntungan yang
sama rata dan dalam saat menuju kepada hari yang bersejarah kita terpaksa menghadapi kedudukankedudukan yang pincang dalam lapangan ini oleh kerana kecuaian terhadap daerah-daerah luar bandar
itu". Kata beliau lagi "Dari itu untuk membentuk dan membaiki kepincangan tadi dalam masa yang
secepat-cepatnya kerjasama dan pergerakan syarikat bekerjasama harus mengambil yang penting
sekali. Dalam negeri-negeri yang hidup dengan pertanian seperti negeri kita ini, penduduk-penduduk
luar bandar dan petani-petani adalah tulang belakang negeri".

Alat dan Tanda Kebesaran Baru digunakan dalam Upacara Penabalan Yang di-Pertuan Agong, tukang-tukang di Terengganu dipuji

Baginda Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu Merdeka akan ditabalkan dalam satu adat istiadat yang menggunakan alat-alat dan tanda kebesaran DiRaja yang serba baru, tetapi disesuaikan dengan adat resam Melayu zaman purbakala. Kenyataan dibuat oleh Tuan Haji Mustapha Albakri, Penyimpan Mohor Raja-raja Melayu dan bakal Dato Maharajalela. Kata beliau "alatan-alatan yang akan digunakan pada masa pertabalan Yang di-Pertuan Agong itu telah dipilih mengikut nasihat satu Jawatankuasa yang ahli-ahlinya pakar dalam adat istiadat Melayu". Alat-alat kebesaran DiRaja itu mengandungi perhiasan-perhiasan pakaian, keris Kerajaan, cogan, payung, ubur-ubur, cokmar, Al-Quran dan berbagai-bagai senjata kebesaran seperti lembing, pedang, sundang, tombak dan lain-lain.

Menurut Tuan Haji Mustapha, keris panjang keemasan yang akan disembahkan ketika Yang di-Pertuan Agong bersemayam di Balairong Seri akan ditempat dalam 11 buah keris yang diambil dari sebuah negeri Melayu dan dilebur menjadi satu sarung dan ulunya adalah dibuat daripada emas berukir dan mengandungi jata-jata sebelas buah negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu. Keris panjang itu disebut keris Kerajaan dan ialah tanda kuatkuasa yang diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

"Dua alat kebesaran, satu cogan alam dan satu cogan agama – cogan alam ialah tanda kebesaran dan kuatkuasa Baginda di sisi pemerintahan negeri dan cogan agama menandakan kuatkuasa Baginda di sisi agama – akan diadakan' mengikut kata-kata beliau. "Sebuah Al-Quran yang berbalut dengan emas akan di arak ke Balairong Seri pada masa Pertablan. Maka adapun sebabnya Al-Quran itu termasuk di dalam alatan Pertabalan ialah kerana menunjukkan Islam itu ialah agama Negeri Persekutuan seperti yang disebutkan dalam Undang-undang Perlembagaan". kata Tuan Hj. Mustapha.

Mengenai pakaian Baginda, Tuan Haji Mustapha, menjelaskan bahawa Yang di-Pertuan Agong akan memakai tanjak yang di atasnya diletakkan bulan bintang Persekutuan Tanah Melayu yang bertatahkan intan berlian. Baginda juga akan memakai tali pinggang emas dan pedang emas yang bertatahkan permata berlian serta sebilah keris pendek keemasan. Beliau berkata bahawa Panglima-panglima akan menyandang alat-alat kebesaran seperti pedang, keris panjang, cokmar, sundang dan lain-lain alat istiadat pertabalan itu kelak. Tuan Haji Mustapha akan memulakan ucapan di radio dengan menjelaskan kenapa istiadat melantik Raja-raja Melayu disebut istiadat "Pertabalan" bukan "Kemahkotaan".

Raja-raja Melayu, mengikut adat resam Melayu dari zaman berzaman, tidak diMahkotakan seperti Raja-raja di tanah Eropah. Raja-raja Melayu ditabalkan bukannya diMahkotakan. Sungguhpun pada zaman sekarang ini ada Raja-raja Melayu mempunyai Mahkota akan tetapi bolehlah dikatakan itu suatu perubahan yang baru mengambil tauladan dari Barat. Di dalam Sejarah Melayu dan Hikayat Melayu vang lama adalah disebutkan Raja itu ditabalkan, bukan diMahkotakan", tegas beliau.

Penyimpan Mohor Raja-raja Melayu mengucapkan terima kasih kepada tukang-tukang di Kelantan dan Terengganu yang telah sanggup membuat alat-alat dan tanda-tanda kebesaran DiRaja itu. "Kita bernasib baik kerana masih ada lagi tukang-tukang yang pandai di Kelantan dan Terengganu. Sungguhpun masanya sangat suntuk tetapi mereka sanggup membuat alatan-alatan itu", kata beliau

Bertentangan dengan dasar Pemerintah

Penyunting akhbar Utusan Zaman membangkitkan mengenai dasar Kerajaan hendak menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi "tidak akan dicapai sekiranya semua peringkat rakyat negeri ini dan pihak-pihak yang berkenaan dengannya tidak bersungguh-sungguh berusaha untuk menuju ke arah itu ". Kata beliau "Dalam menuju ke arah itu bahasa Melayu mesti berani menghadapi perubahan-perubahan sesuai dengan keadaan dan masa. Bahasa Melayu mestilah dikayakan umpamanya dengan memasukkan perkataan-perkataan asing ke dalamnya, kerana dengan cara yang demikianlah sahaja bahasa Melayu itu dapat dipakai sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi dalam negeri ini".

Penyunting menyebut mengenai seorang Sarjana Bahasa Indonesia yang berkata "tidak ada bahasa di dalam dunia yang murni ini" yang bererti bahawa di dalam bahasa-bahasa yang besar, yang luas terpakai dalam dunia ini - bahasa Inggeris umpamanya - banyak mengambil bahasa-bahasa asing untuk dimasukkan ke dalam "keluarga bahasanya". Kata penyunting, demikianlah halnya dengan bahasa Melayu, jika sekiranya memang benar cita-cita pemerintah hendak menjadikan bahasa itu bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negeri ini.

Kata beliau kita menyambut nama Pemerintah dalam memperkatakan perkembangan bahasa Melayu ini, ialah kerana kita dapati bahawa sekialipun "telah menjadi dasar Pemerintah negeri ini hendak menjadikan bahasa Melayu itu bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi dan ini telah tercatat dalam rangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka" tetapi nampaknya masih ada lagi alat-alat Pemerintah yang bersikap tidak secara langsung yang dapat dipandang sebagai "mencuba menghalang" perkembangan bahasa Melayu itu dan juga "bertentangan dengan dasar Pemerintah".

"Sebagai sebuah akhbar yang berjuang untuk mempertinggi mutu bahasa Melayu dan bangsa Melayu maka kita ingin menarih perhatian Pemerintah negeri ini mengenai hal ini supaya kejadian kejadian yang serupa dengan dasar kolonial ini tidak akan berlaku lagi, kerana selagi ada sifat-sifat yang demikian dalam Jabatan Pemerintah, bahasa Melayu tidak akan kembang. Hal-hal yang mengenai bahasa dan perkembangannya harus diserahkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana sepanjang ini, Dewan inilah satu-satunya Jabatan Kerajaan yang dipertanggungjawabkan hal-hal yang mengenai bahasa. Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain harus berhubung dan meminta nasihat Dewan Bahasa dan Pustaka dalam masalah bahasa sebelum satu-satu tindakan diambil untuk dijalankan", kata penyunting.

Iklan Buku Merdeka

Terdapat 2 iklan dalam akhbar hari ini mengenai buku-buku sempena Kemerdekaan yang termasuk "Kenanganku di Malaya" dan "Album Malaya Merdeka".

Wartawan-wartawan diseru bersama-sama membina Malaya Merdeka

Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman, telah menyeru wartawan-wartawan dalam negeri ini sunyap bersama-sama mengambil bahagian membina negara Malaya yang akan Merdeka sehingga menjadi sebuah negara yang aman dan damai. Seruan Tunku telah direkodkan untuk diperdengarkan kepada lebih 200 orang yang menghadiri Pesta Wartawan Melayu Persekutuan yang diadakan di Rumah UMNO Kuala Lumpur. Tunku menyatakan dukacitanya yang amat sangat kerana tidak dapat hadir di Pesta itu disebabkan oleh urusannya yang mesti disempurnakan di Pulau Pinang. Tunku berkata bahawa di masa yang tidak lama lagi dari sekarang tanggungan bagi membaiki fahaman antara bangsa dan memjukan serta meninggikan ilmu pengetahuan dan sisah akan bertambah besar serta berat dan "saya percaya semangat wartawan-wartawan Melayu yang telah memulakan tujuan bersatu padu di dalam satu persatuan itu akan bergerak dengan lebih maju. Apabila mereka telah menyatukan gerakan mereka itu, maka kebanyakan perkara-perkara yang baik akan timbul dan dicapai", ujar Tunku.

Tunku menyeru kepada wartawan-wartawan supaya "peranan wartawan-wartawan di dalam negara yang Merdeka kelak adalah menjadi bertambah berat dan mereka juga dikehendaki bersamasama mengambil bahagian dalam pembinaan negeri ini sehingga menjadi sebuah negara yang aman damai".

Tunku berjanji akan menghulurkan pertolongan sedaya upayanya kepada wartawan-wartawan "supaya dengan demikian dapatlah saya tumpang mengambil bahagian bersama-sama wartawanwartawan sekalian dalam usaha mereka memberikan pimpinan dan asuhan kepada negeri ini". Tunku telah memuji usaha-usaha Persatuan Wartawan Melayu Persekutuan yang menganjurkan 'Pesta' tersebut. Kata Tunku "saya percaya usaha tuan-tuan mengadakan Pesta ini tidaklah dengan sia-sia sahaja. Tiap-tiap tujuan yang baik itu akan mendapat balasan yang baik juga. Dengan demikian Pesta ini tentu akan mendapat kejayaan".

Tunku Abdul Rahman menegaskan bahawa "dengan adanya sambutan dari wartawanwartawan Melayu mengadakan Pesta itu, maka cita-cita hendak menghidupkan kebudayaan Melayu itu telah tercapai dengan secukupnya. Sekarang ini saya berasa puas hati sambutan itu telahpun datang dari orang-orang Melayu di serata-rata tempat dan golongan sehingga sampai kepada wartawanwartawan Melayu. Apabila disambut oleh pihak wartawan-wartawan Melayu, bolehlah dikatakan citacita saya sudah tercapai dan cukup jayanya". Pesta Wartawan Melayu malam ini dianjurkan oleh Persatuan Wartawan Melayu Persekutuan kerana menyebut ulangtahun yang pertama.

Persatuan Wartawan Melavu mengalu-alukan Malava Merdeka

Di Mesyuarat Agungnya yang pertama, Persatuan Wartawan Melayu Persekutuan Tanah Melayu mengalu-alukan lahirnya Malaya Merdeka pada 31 Ogos. Persatuan Wartawan Melayu Persekutuan juga menyatakan keazaman untuk terus memberi sumbangan yang sebaik-baiknya bagi mengisi Kemerdekaan itu. Ketetapan ini disampaikan kepada Kerajaan Perikatan dalam satu upacara yang berlangsung dalam masa Pesta Wartawan Melayu yang diadakan di Rumah UMNO di Kuala Lumpur pada malam ini.

Encik Ahmad Sanusi sebagai mewakili Jawatankuasa Persatuan Wartawan Melayu berkata "Hari Kemerdekaan Malaya haruslah dialu-alukan oleh Persatuan Wartawan sebagai menandakan sikap kehidupan dan perjuangan para wartawan Melayu dalam pergerakan Kemerdekaan di masa yang lampau dan menyatakan keyakinan untuk bekerja lebih kuat bagi mengisi Kemerdekaan itu". Beliau menerangkan "Sejarah Kemerdekaan tanah air idak dapat memisahkan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah diberikan oleh para wartawan Melayu baik dalam soal mendorong semangat rakyat mahupun dalam memberikan pimpinan mengenai berbagai-bagai masalah nasional". Encik Ibrahim Mahmud, pengarang Malaya Merdeka, telah menyatakan sokongannya seratus kepada ketetapan itu. Katanya "wartawan-wartawan telah memainkin peranan yang besar dalam perjuangan Kemerdekaan hingga tercapai Merdeka take yang akan lahir bulan depan. Merdeka tidak akan tercapai kalau tidak ada semangat dan perasaan kebangsaan di kalangan rakyat dan semangat serta perasaan itu pula tidak akan timbul sekiranya tidak ada wartawan-wartawan yang menulis dalam akhbar-akhbar". Kata beliau lagi "Dengan tulisan-tulisan wartawan itulah maka telah tersemai semangat dan perasaan kebangsaan yang meluap-luap dalam perjuangan Kemerdekaan negara kita. Oleh itu sudah selayaknyalah wartawan-wartawan merasa megah bahawa mereka juga ada memberikan sumbangan dan telah memainkan peranan mereka dalam perjuangan yang akan menghasilkan Kemerdekaan bulan depan".

Saudara Ahmad Boestamam dari Fikiran Rakyat, waktu menyokong penuh usul itu menyatakan bahawa memang telah kena pada tempatnya wartawan-wartawan Melayu mengalu-alukan lahimya Kemerdekaan dengan tidak mengindahkan apakah corak Kemerdekaan itu. Beliau memuji usul tersebut yang seterusnya menyatakan keazaman Persatuan yang hendak terus memberikan sebanyak-banyak sumbangan bagi mengisi Kemerdekaan tersebut.

Saudara Melan Abdullah tatkala menyokong ketetapan itu menyatakan bahawa "Peranan yang telah diambil oleh kaum wartawan dalam perjuangan menuntut Kemerdekaan tidaklah dapat dikatakan kecil. Kaum wartawan mengambil peranan yang besar dalam menuntut Kemerdekaan tidaklah dapat disebat perpulangannya". Katanya lagi "Oleh yang demikian Kemerdekaan yang takah habi pada 31 Ogos mi haruslah kita sambut. Kemerdekaan ini adalah hasil dari perjuangan kita juga. Kita tidak boleh memandang apa bentuk Kemerdekaan itu, apa corak Kemerdekaan itu. Yang harus kita pandang ialah Kemerdekaan. Kata beliau lagi "Olaham masa kita telah Merdeka nanit, tugas wartawan bertamba besar dari perjuangan-perjuangan yang telah lalu. Tugas kita yang akan datang ialah mengisi Kemerdekaan itu dan membentuk fikiran umum ke arah mana dan corak pemerintahan mana yang sesuai untuk negeri ini dan dapat memberi kesejahteraan kepada rakyat seluruhnya".

Hari Kemerdekaan Persekutuan disambut besar-besaran di Indonesia

Hari Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos dilaporkan akan disambut dan dirayakan secara besar-besaran di Indonesia. Sambutan itu dijangka akan menelan belanja sekurang-kurangnya seratus ribu rupiah. Sambutan akan diadakan di kota-kota besar ternasuk Kota Raja, Padang, Medan, Pekan Baru, Jambi, Palembang, Bandung, Tegal, Surabaya, Jogiakarta, Banjarmasin, Pusat perayaan tersebut adalah Jakarta. Pusat sambutan itu akan mengadakan sambutan selama 2 hari. Hari pertama 31 Ogos semenjak paginya akan dipenhi dengan upacara menaikkan bendera Persekutuan, membaca Perisytiharan Kemerdekaan dan rancangan-rancangan lain. Pada 1 September semenjak dari paginya akan diadakan rapat-rapat umun dan di sebelah malamnya akan diadakan sandiwara tiga babak mengenai sejarah "Hang Tuah" dan selingannya dengan tarian-tarian alam Melayu dan ronggeng Melayu.

Orang-orang Melayu di Saudi Arabia akan merayakan Kemerdekaan besar-besaran

Orang-orang Melayu yang tinggal di Saudi Arabia akan merayakan Hari Kemerdekaan Tanah Melayu secara besar-besaran di bandar Jeddah. Perayaan tersebut diselenggarakan oleh Pertubuhan Penuntut-penuntut Melayu di sana. Maklumat ini disampaikan oleh Ungku Ismail, Timbalan Menteri Basar Johor, yang baru balik dari Mekah setelah menunaikan fardhu haji. Pertubuhan Penuntut-penuntut Melayu Saudi Arabia akan mengadakan perhimpunan ramai dan majlis-majlis jamuan bagi merayakan Kemerdekaan Malaya di Jeddah. Di majlis perhimpunan ramai itu penuntut-penuntut akan membaca Pengisytiharan Kemerdekaan Malaya dan memberi penerangan-penerangan kepada bangsa Arab, soal-soal yang lebih luas tentang keadaan bangsa Melayu yang selama ini dikenal di Saudi Arabia sebagai bangsa "Jawi". Ungku Ismail menyeru supaya Kerajaan Persekutuan menghantarkan seorang wakilnya dalam perayaan Kemerdekaan di Jeddah itu.

Pahang terima Kertas Putih Perlembagaan Malaya

Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri Pahang dengan sebulat suara telah menerima dan meluluskan Kertas Putih Perlembagaan Baru Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka. Semua ahli menegaskan harapan Perlembagaan Baru Malaya yang Merdeka akan memberikan kebajikan dan kemajuan kepada pembangunan Malaya baru dengan bersungguh-sungguh.

Kebanyakan daripada mereka yang bercakap telah merayu dan mengingatkan kepada semua pegawai Kerajaan supaya memberi lebih-lebih lagi sumbangan khidmat mereka dalam masa Merdeka kelak, terutamanya mengenai perlaksanaan rancangan-rancangan untuk kebajikan dan kemajuan rakyat seluruhnya.

Cik Ramlah Dahlan, ahli wanita yang dipilih, berkata Perlembagaan baru itu akan memberi sebesar-besar peluang kepada kaum ibu mengambil bahagian yang lebih cergas lagi dalam lapangan politik. "Saya berharap pada masa depan, kaum ibu akan lebih banyak menjadi wakil rakyat yang dipilih dan menjadi Menteri.

Encik Ismail Jamal, Pemangku Setiausaha Kerajaan, ketika mengemukakan cadangan supaya Majlis mesyuarat itu menerima dan meluluskan Kertas Pulih itu telah memberikan penerangannya mengenai Perlembagaan tersebut selama lebih satu jam. Antara lain beliau menyatakan Perlembagaan tersebut akan memberikan kemakmuran, keamanan dan kebajikan kepada penduduk-penduduk dan negeri ini di masa akan datang. Beliau mengharapkan kerjasama negeri-negeri Melayu dan Persekutuan akan lahir satu bansas haru yang berkemajuan dan bertamadun.

Kedah tetap menerima wang pajak Seberang Perai dan Pulau Pinang

Kerajaan Kedah akan terus menerima wang pajak Pulau Pinang dan Seberang Perai daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak \$10,000 setahun selepas Merdeka. Perjanjian pajak ini dibuat antara pihak British dan Sultan Kedah pada tahun 1869 apabila Pulau Pinang diambil alih oleh East India Company di bawah Francis Light. Kenyataan ini dibuat oleh Setiausaha Kerajaan Kedah. Tuan Syed Hassan Shahabuddin, waktu beliau mengemukakan Kertas Putih Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka dalam Persidangan Majils Mesyuarat Negeri Kedah. Beberapa orang ahli Perikatan yang telah menyokong Kertas Putih itu menegaskan bagaimana mustahaknya perasaan tolak ansur dan muhibbah mesti ditanamkan di kalangan penduduk-penduduk negeri ini supaya Kemerdekaan yang akan memberi kemakmuran yang sepenuh-penuhnya.

Ahli-ahli Melayu yang berucap dalam Majlis itu menegaskan supaya Kerajaan melaksanakan betul-betul jaminan hak-hak istimewa orang-orang Melayu terutama akuan-akuan hendak membaiki ekonomi mereka sebagaimana yang tertulis di dalam Perlembagaan itu. Kata mereka "orang-orang Melayu menerima Kertas Putih ini dan menyambut Kemerdekaan dengan mempunyai keyakinan penuh bahawa kepentingan Melayu akan diusahakan bersungguh-sungguh oleh Kerajaan".

Majlis Mesyuarat Negeri Kedah telah bersetuju dengan sebulat suara atas Kertas Putih Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan pindaan-pindaan yang akan dibuat di dalam Perlembagaan negerinya dan memberi kuasa kepada Sultan Kedah mengadakan perjanjian pada 5 Ogos untuk melahirkan sebuah negara Malaya yang Merdeka.

Pemuda-pemuda Malaya di Indonesia nak mengirim rombongan penari Bali ke Malaya

Perikatan Pemuda Malaya di luar negeri telah menawarkan kepada Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri Persekutuan, akan mengirim satu rombongan penari-penari Bali dan pemain-pemain gamelan terdiri dari 50 orang untuk perayaan Kemerdekaan di Kuala Lumpur pada 31 Ogos. Tawaran dibuat oleh Saudara Gharib A. Raof, Ketua Perikatan Pemuda Malaya serta Presiden Panitia Penyambutan Kemerdekaan Malaya di Indonesia. Jumlah penari-penari Bali dalam rombongan itu ialah 10 orang yang ternama dan pemain-pemain gamelannya 40 orang, di bawah pimpinan seorang yang pernah membawa rombongan penari Bali ke Amerika Syarikat, Russia, Komunis China dan India. Selain daripada tarian Bali yang akan dipersembahkan, akan dikirimkan lukisan-lukisan termasyhur Indonesia serta kerajinan tangan Bali seperti ukiran-ukiran untuk dipamerkan kepada rakyat. Rombongan itu akan terdiri dari 60 orang dengan membawa bersama tidak kurang dari 100 buah lukisan-lukisan indah, 10 peti patung-patung dan ukiran-ukiran tangan asli dan dua peti kain-kain batik halus serta lain-lain barang pertunjukkan yang bermutu tinggi. Rombongan tersebut akan berangkat ke Malaya dengan secepat mungkin. Saudara Gharib berharap dengan pengiriman rombongan itu serta pameran, perhubungan seni budaya Indonesia dengan seni budaya Melayu asli semakin bertambah rapat.

Perhiasan-perhiasan untuk kenangan-kenangan Kemerdekaan sedang disediakan

Beberapa buah gedung perusahaan Persekutuan Tanah Melayu telah menyediakan perhiasan-perhiasan dan tanda-tanda kenangan untuk menyambut Hari Kemerdekaan. Perhiasan-perhiasan itu selain daripada lencana-lencana ialah keris, bendera, perisai, sudu dan camca, badge untuk motokar dan tanglung yang semuanya mempunyai tanda-tanda kebesaran Persekutuan Tanah Melayu dan kenangan-kenangan Hari Kemerdekaan. Segala perhiasan dan alat-alat ini sedang ditunjukkan di gudang Wing Soon di Batu Road, Kuala Lumpur. Katalog-katalog yang berwarna-warni menunjukkan jenis-jenis alat-alat menyambut Hari Kemerdekaan itu juga sedang dikeluarkan oleh syarikat itu untuk orang-orang yang di luar Kuala Lumpur memesannya.

Paluan gendang alamat Merdeka

Gong dan gendang akan dipalu di Rumah UMNO Kuala Terengganu bagi menandakan alamat mulai masuknya waktu hari Kemerdekaan sejurus selepas tengah malam 31 Ogos. Paluan tersebut juga akan memulakan rancangan sambutan Hari Kemerdekaan UMNO Cawangan Kuala Terengganu yang akan dilanesungkan berturut-turut selama seminggu.

Acara sepenuhnya ialah teriakan bang (azan) tepat pada jam 12 tengah malam 30 Ogos, kemudian dituruti dengan gong dan gendang selama tujuh minit. Pada esoknya semua anggota UMNO akan berhimpun di Padang Paya Bunga menghadiri istiadat permasyhuran Kemerdekaan. Tepat jam 1 tengah hari jamuan 'nasi Merdeka' akan dihidangkan di rumah UMNO.

Menteri Pelajaran berharap Wartawan-wartawan akan memberikan sumbangan mengisi Kemerdekaan

Menteri Pelajaran Persekutuan, Dato Abdul Razak bin Hussein, memuji wartawan-wartawan Melayu kerana sumbangan-sumbangan mereka dalam perjuangan Kemerdekaan Malaya dan menyeru wartawan-wartawan itu supaya terus memberikan sumbangan-sumbangan mereka bagi mengisi Merdeka yang akan dicapai bulan Ogos. Kata beliau "Kemerdekaan yang akan dicapai itu adalah terbit dari kesedaran rakyat jelata yang telah bersatu padu. Semangat bersatu padu itu telah disemai oleh wartawan-wartawan dalam akhbar-akhbar". Kata beliau lagi "Saya harap dalam Malaya Merdeka nanti, wartawan akan terus menerus memberikan sumbangannya bagi kepentingan rakyat dan negara". Beliau berkata demikian waktu mengisytiharkan 'Pesta Wartawan Melayu' yang berlangsung di Rumah UMNO dan dihadiri oleh 200 orang termasuk Menteri-menteri, Speaker, Penyimpan Mohor Raja-raja dan wartawan-wartawan tempatan.

Dato Razak menegaskan bahawa Perlembagaan Malaya Merdeka adalah memelihara hak-hak asasi dan menjamin kebiasaaan persuratkhabaran. Di Majlis Pesta Wartawan Melayu yang beliau merasmikan, beliau memimpin para hadirin memekekkan seruan "Merdeka" tiga kali, setelah menerima satu ketetapan yang disampaikan oleh Presiden Persatuan Wartawan-wartawan Melayu Persekutuan, Saudara Said Zahari. Ketetapan itu diminta oleh Saudara Said supaya disampaikan kepada Kerajaan Perikatan menyatakan aluan-aluan Persatuan Wartawan Persekutuan akan Merdeka yang akan lahir pada 31 Ogos depan dengan keazaman wartawan-wartawan Melayu memberikan sumbangannya mengisi Kemerdekaan itu. Kata beliau lagi, "Saya merasa bangga kerana Persatuan Wartawan-wartawan Melayu Persekutuan bukan sahaja mengalu-alukan Merdeka yang akan kita capai bulan depan tetapi juga akan terus menolong mengisi Kemerdekaan itu". Akhirnya Dato Razak memuji pula usaha Persatuan Wartawan Melayu Persekutuan kerana mengadakan "Pesta" malam tadi yang katanya merupakan sumbangan ke arah Perkembangan Kebudayaan dan Kesenian Melayu.

Gerakan Penerangan UMNO Kedah Utara

UMNO Bahagian Kedah Utara sedang melancarkan penerangan secara luas untuk menerangkan erti Merdeka dan tanggungjawab rakyat dalam sebuah negara yang Merdeka. Penerangan-penerangan itu diberi terutamanya di kampung-kampung. Pegawai-pegawai Bahagian UMNO itu juga menerangkan perjuangan UMNO sebagai pertubuhan politik yang menjadi pelopor Kemerdekaan yang akan tercapai pada 31 Ogos ini. Antara lain diterangkan bahawa gambaran yang lebih jelas perlu diberikan kepada rakyat berkenaan dengan erti Merdeka supaya Kemerdekaan yang akan dicapai itu memberi sepenuh-penuhnya kejayaan kepada rakyat sendiri. Satu rombongan ahli-ahli UMNO telah bertolak ke Pulau Langkawi selama tiga hari untuk memberi penerangan kepada 14,000 nelawan di Pulau itu.

Jepun menyumbangkan bunga api dalam Perayaan Merdeka

Bunga api yang akan merupakan tulisan perkataan "Merdeka" di angkasa Kuala Lumpur akan ditembakkan sejurus setelah Kemerdekaan Malaya diisytiharkan oleh Ketua Menteri Tunku Abdul Rahman pada pagi 31 Ogos jam 8 pagi. Bunga api itu adalah hadiah dari Kerajaan Jepun yang telahpun diterima oleh Jawatankuasa Pusat Perayaan Kemerdekaan Malaya. Encik Abdul Rahman Talib, Setiausaha Agung Jawatankuasa tersebut memaklumkan kepada Utusan Melayu mengenai perkara ini. Mengenai tawaran Perikatan Pemuda Melayu di Indonesia yang hendak menyumbangkan satu rombongan penari-penari Bali dari Indonesia dalam masa perayaan Merdeka, Encik Abdul Rahman berkata tawaran itu belum diterima lagi. Menurut beliau tawaran itu datangnya agak terlalu lambat. Pada masa ini segala rancangan perayaan Merdeka telahpun disusun dengan sempurna dan telahpun dicetak. "Kalaupun kita terima tawaran itu nanti, saya tidak fikir kita dapat memasukkannya dalam rancangan Kemerdekaan yang kiri sudah selesai disusun". katanya nang kiri sudah selesai disusun". katanya

Dewan Pertuanan mengalu-alukan Kemerdekaan Tanah Melayu

"Di London, Dewan Pertuanan semalam telah meluluskan Rang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang akan menjadikan negeri itu sebuah negara yang Merdeka dan berdaulat dalam lingkungan negara-negara Commonwealth pada 31 Ogos depan", Demikian diumunkan oleh akhbar Utuan Melayu. Dilaporkan bahawa Lord Holm, Setiausaha Perhubungan Negara-negara Commonwealth, ketika mengusulkan pembacaan kedua rang itu berkata "Ini ialah satu bukti bagaimana murninya dasar Kolonial Inggeris yang telah membimbing negeri-negeri yang di bawah naungannya memikul tanggungjawab yang penuh sebagai negara yang Merdeka".

Lord Reid, bekas Pengerusi Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan, berkata beliau berasa kerana beberapa pindaan telah dibuat ke atas rangka asal syor Perlembagaan itu. Tetapi Earl Perth, Menteri Negara bagi Hal Ehwal Tanah-tanah Jajahan, berkata Kerajaan Inggeris yakin Perlembagaan Persekutuan itu dapat berjalan dengan baik. Setelah menerangkan satu persatu dari Perlembagaan itu, Lord Holm berkata di masa depan pasukan Strategic Commonwealth dari tentera Inggeris, Australia dan New Zealand akan menjadi alat yang maha penting dan bersiap untuk mempertahankan Persekutuan Tanah Melayu dari serangan luar. Ahli-ahli dari Parti Buruh juga telah mengalu-alukan Perlembagaan baru Persekutuan Tanah Melayu.

Bagi pihak Parti Buruh, Lord Ogmore, berkata "Perlembagaan itu ialah satu jawapan kepada orang-orang yang senantiasa membidas penjajahan Inggeris di Bangsa-bangsa Bersatu atau di manamana sahaja". Kata beliau lagi "dalam beberapa soal seperti soal kerakyatan dan hak istimewa orang Melayu dan kedudukan Pulau Pinang dan Melaka, penyelesaian yang berpatutan yang boleh memberi puas hati kepada semua pihak telah dapat diadakan. Tetapi kita hendaklah sedar bahawa Malaya ialah rumah orang-orang Melayu dan dalam soal ini orang-orang Melayu telah bertolak ansur dengan banyaknya kepada lain-lain kaum, lebih dari yang pernah diamalkan di lain-lain negeri. Beliau seterusnya berkata "Perlembagaan Persekutuan itu dapat diharapkan berjalan dengan baik sehingsa memadukan semua kaum yang tinggal di negeri itu".

Tunku tak dapat datang, perutusannya yang dibaca disambut berulang-ulang dengan 'Merdeka'

Lebih 1,500 penduduk Kampung Bagan Dalam Butterworth telah "merasa hampa dan kecewa kerana tidak dapat melihat wajah Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri Persekutuan, yang dijangka membu-ka Mesyuarat Agung UMNO Cawangan itu pada hari Ahad yang lalu". Tunku tidak jadi hadir di majiis itu. Encik Bakar Yassin, Ketua Cawangan itu telah berkejar ke Pulau Pinang untuk menjemput Tunku tetapi Tunku telah meminta maaf kerana urusan-urusan banyak yang hendak diselenggarakannya pada hari itu.

Tunku kemudian telah menulis satu perutusan khas yang dibacakan oleh Encik Bakar dalam Mesyuarat Agung Cawangan itu. Tunku menyatakan beliau "sangat-sangat mengenang jasa ahli-ahli UMNO Cawangan Bagan Dalam yang taat setia, tetapi meminta dimaafkan kerana tidak dapat hadir bersama-sama".

Mengingatkan rakyat supaya bekerja lebih kuat dalam zaman Malaya Merdeka, Tunku berkata "tanggungjawab kita di masa akan datang adalah berat kerana kita hendak menyesusikan tarat
Kemerdekaan kita dengan negara-negara lain yang telah Merdeka." Tunku terus menegaskan "Dul
kita bergantung kepada pihak Pemerintah British tetapi setelah Merdeka kita bergantung kepada diri
kita sendiri". Beliau mengingatkan orang ramai supaya mengawasi anasir-anasir yang mencuba hendak merosakkan perpaduan dan perhubungan kita yang baik dengan bangsa-bangsa asing. Perutusan
Tunku itu telah disambut dengan teriakan "Merdeka" berulang-ulang dari orang-orang yang hadir.

Lagu-lagu Kebangsaan Pak Zubir dihantar ke Kuala Lumpur

Tiga buah Lagu Kebangsaan gubahan Tuan Zubir Said, penggubah lagu yang terkenal di Singapura telah dihantar kepada pihak berkusas Persekutuan Tanah Melayu. Recording lagu-lagu itu telah dihantar bersama notanya menerusi Post Express setelah Tuan Zubir menerima talipon dari Encik Dol Ramli, Ketua Radio Malaya, Bahagian Melayu, Kuala Lumpur, Lagu-lagu itu telah dirakamkan di studio Radio Malaya Singapura. "Sekiranya salah sebuah dari lagu-lagu itu dipilih menjadi Lagu Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka, maka pemerintah akan mengeluarkan hadiah sebanyak S10,000 tetapi Tuan Zubir sudahpun membentahu terlebih dahulu beliau tidak mahu menerima sebarang hadiah", demikian dilaporkan.

Gaji sekali ganda akan dibayar kepada pekerja-pekerja yang bekerja di Hari Merdeka

General Manager, General Transport Company (G.T.C.), sebuah syarikat bas dan teksi yang terbesar di Kuala Lumpur, telah bersetuju memberi gaji double (sekali ganda) selama dua hari cuti Kemerdekaan Malaya kepada pekerja-pekerjanya yang bekerja pada hari tersebut telah diberi kepada rombongan lapan orang Anggota Kesatuan Pekerja-pekerja Pengangkutan Selangor yang mewakili pekerja-pekerja G.T.C. itu. Rombongan itu telah juga merundingkan bebera-pan perkara mengenai kebajikan pekerja-pekerja dengan General Manager itu.

Satu persetujuan lagi yang telah dicapai ialah General Manager bersetuju akan mengadakan perundingan dengan Kesatuan mengenai permintaan pekerja-pekerja supaya diberi pinjaman wang kalau mereka saneat memerlukannya.

Sambutan Hari Kemerdekaan

Laporan yang disampaikan mengenai persediaan sambutan Hari Kemerdekaan di negeri-negeri termasuk di Temuh, Pasir Putih, Perak dan Karak. Penduduk-penduduk Temuh akan merayakan Hari Kemerdekaan pada 7 September dengan mengadakan berbagai rancangan. Penduduk-penduduk Kampung Melayu Pasir Putih, Ipoh telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Sambutan Perayaan Kemerdekaan pada 31 Ogos. Sementara di Karak, Bentong pula Persatuan Bekas Anggota Pasukan Keselamatan Malaya, Cawangan Bentong, akan turut dalam perayaan menyambut Kemerdekaan yang akan diadakan di Padane Karak pada 14 September.

HEBATNYA MERDEKA TIDAK TERKIRA

Khamis 1 Ogos 1957, 5 Muharram 1377

Johor terima Rang Perlembagaan Merdeka sebulat suara

Majlis Mesyuarat Negeri Johor yang bersidang pada 31 Julai 1957 telah menerima dengan sebulat suara rang Perlembagaan Persekuuan Tanah Melayu Merdeka. Encik Mohd Yassin Abdul Rahman, Ketua Anggota Perikatan di Majlis Mesyuarat itu berkata bahawa dengan adanya Perlembagaan itu bermakna "kita telah memasuki sejarah baru di dalamnya. Negeri Johor adalah mengambil tempat sebagai sebuah negeri yang maju di dalam lingkungan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka." Encik Mohd Yassin berkata "sekalipun banyak di antara kandungan kertas yang boleh dikatakan jauh daripada apa yang sebenarnya dikatakan Perlembagaan demokrasi dan Parlimen yang boleh diakui sesuai dengan kehendak-kehendak masyarakat hari ini, tetapi kerana memikirkan kepentingan rakyat dan negeri perlulah kita mengambil berat atas syor-syor yang terkandung di dalamnya itu."

Pertunjukan 'Laga Lembu' di perayaan Merdeka bergantung kepada Tunku

Penduduk-penduduk di Kuala Lumpur khasnya dan Selangor amnya berpeluang buat pertama kali menyaksikan pertunjukan 'Laga Lembu' yang terkenal di Kelantan serta beberapa negeri lain. Kerajaan Kelantan mengharamkan 'Laga Lembu' pada tahun 1950.

Pertunjukan 'Laga Lembu' di Kuala Lumpur adalah salah satu daripada acara-acara menyambut Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Program itu akan diselenggarakan oleh Kementerian Pertanian, Perikanan dan Kehutanan. Pertunjukan 'Laga Lembu' yang akan diadakan pada bulan September itu akan melibatkan enam atau sembilan pasang lembu untuk temasya tersebut. Kakitangan-kakitangan yang menjadi pemelihara, juara, pemain bunyi-bunyian dan pengadil 'Laga Lembu' itu juan akan dicari di Kota Bharu.

Bagaimanapun pertunjukan 'Laga Lembu' itu akan diteruskankan hanya setelah dipersetujui oleh Ketua Menteri Tunku Abdul Rahman.

Encik Abdul Aziz Ishak, Menteri Pertanian, berkata Kementeriannya akan mengeluarkan perbelanjaan untuk rancangan tersebut. Beliau sendiri telah melihat percubaan 'Laga Lembu' itu dan berasa sangat puas hati dengan rancangan itu.

Pemuda UMNO bantah seruan Merdeka di radio

Pemuda UMNO Cawangan Kota Bharu, Kelantan dalam mesyuarat Jawatankuasanya baru-baru ini telah membantah seruan 'Merdeka' yang disiarkan oleh Radio Malaya. Mesyuarat memutuskan seruan 'Merdeka' itu hendaklah diucapkan oleh juruhebah radio sendiri dan bukan sebagaimana yang dilakukan.

Pindaan Undang-undang Pahang diterima, akan diluluskan sebelum Merdeka

Majlis Mesyuarat Negeri Pahang bersetuju membuat pindaan kepada bahagian-bahagian fasal undangundang tubuh Negeri Pahang untuk disesuaikan dengan Perlembagaan baru Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka lepas 31 Ogos 1957 apabila cadangan membawa pindaan dikemukakan oleh Penasihat Undang-undang. Di antara pindaan-pindaan itu ialah membolehkan Sultan Pahang memberikan kuasakuasanya yang tertentu dan terbatas kepada Pemangku Raja atau Majlis Pangkuan Negeri sekiranya Baginda dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong Persekutuan. Pindaan-pindaan dan tambahan-tambahan yang lain adalah sesuai dengan perubahan Persekutuan dalam hal Pentadbiran bagi negeri-negeri, yang telah diluluskan dengan tidak ada apa-apa teguran.

Hadiah Dewan Perniagaan Persekutuan kerana Kemerdekaan

Dewan Perniagaan Persekutuan Negeri-negeri Melayu, iaitu dewan kepunyaan orang-orang Eropah telah menyampaikan hadiah sebanyak \$27,375 kerana perayaan Kemerdekaan. Jumlah wang yang telah dikutip sehingga sekarang ialah sebanyak \$58,259.

Perjumpaan membincangkan tanggungjawab pemuda

Peranan dan tanggungjawab Pemuda dalam Malaya Merdeka akan dibincangkan dalam satu perjumpaan pemuda-pemuda Malaya Utara yang akan diadakan tiga hari berturut-turut mulai 9 Ogos di Kulim, Kedah, Perjumpaan itu dianjurkan oleh Panitia Youth Club Kedah dengan tujuan untuk menanam pengertian yang mendalam mengenai Kemerdekaan, Perjumpaan itu juga akan menetapkan peranan-peranan dan tanggungjawab yang mesti dipikul dan dilaksanakan oleh pemuda-pemuda dalam Malaya Merdeka.

Sejarah lama di tanah air akan dilakonkan

Kejadian-kejadian yang berlaku dalam tanah air kita pada masa silam sedang disusun oleh beberapa kalangan di Batu Pahat untuk dijadikan lakonan pada masa menyambut Hari Kemerdekaan nanti. Di kalangan orang-orang Bugis di Batu Pahat, dikhabarkan sedang berusaha menyiapkan cerita anak Raja Bugis lima saudara serta menyiapkan pakaian-pakaian pahlawan anak-anak Raja itu yang lakonannya akan dipertunjukkan di Kuala Lumpur dalam masa perayaan Kemerdekaan diadakan kelak.

Sementara itu Persatuan Pelajar-pelajar Melayu Batu Pahat sedang berlatih berlakon cerita 'Megat Terawis' untuk dimainkan pada Hari Kemerdekaan di Batu Pahat nanti.

Jumaat 2 Ogos 1957, 6 Muharram 1377

Dr. Ismail dapat pujian

Akhbar "Washington Post and Times Herald" telah menyiarkan sebuah rencana mengenai Dr. Ismail Dato Abd. Rahman, bakal Duta Persekutuan Tanah Melayu di Amerika Syarikat, yang berada di Washington D.C. mencari bangunan untuk dijadikan Pejabat Kedutaan Malaya Merdeka di Washington D.C.

Rencana itu menyiarkan maklumat mengenai Tengku Ja'afar bersama isterinya. Beliau ialah bakal Setiausaha Pertama, Kedutaan Persekutuan Tanah Melayu di Washington D.C. yang akan menjadi Pegawai Penjaga Hal Ehwal Persekutuan Tanah Melayu sementara menantikan masa Duta Persekutuan Tanah Melayu di Amerika Syarikat dilantik dengan rasminya dan sepeninggalan Dr. Ismail pulang ke Tanah Melayu untuk menghadiri perayaan Kemerdekaan. Tengku Ja'afar menerangkan kepada akhbar tersebut bahawa Dr. Ismail bersama beliau telah melihat sekurang-kurangnya 40 buah rumah kosong untuk dijadikan pejabat Kedutaan. Beliau berharap dalam minggu ini dapat diputuskan bangunan mana yang akan digunakan untuk pejabat Kedutaan itu.

Oueen Elizabeth sudah perkenankan Rang Undang-undang Kemerdekaan Persekutuan

Pada 31 Julai 1957, di London. Queen Elizabeth II telah memperkenankan Rang Undang-undang yang menjadikan Persekutuan Tanah Melayu sebuah negara Merdeka dan berdaulat dalam lingkungan negara-negara Commonweath pada 31 Ogos 1957.

Upacara memberi persetujuan Di Raja kepada Rang Undang-undang Perlembagaan Persatuan itu dilangsungkan dalam Dewan Pertuanan oleh satu Suruhanjaya Di Raja - satu alat Parlimen untuk menyampaikan persetujuan Di Raja kepada Perlembagaan itu kerana Queen tidak hadir di upacara itu.

Kerajaan diingatkan supaya mencegah makan suap

"Kerajaan telah diberi amaran supaya menjalankan ikhtiar-ikhtiar mencegah makan suap daripada berlaku di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan sekiranya Kemerdekaan yang akan dicapai dapat memberikan sepenuh-penuh kebahagiaan kepada rakyat." Sewaktu membahaskan Kertas Putih Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka di Majlis Mesyuarat Negeri Perlis pada 31 Julai 1957. Encik Yusut Abu Bakar berkata bahawa Kemerdekaan tidak akan memberi sebarang erti sekiranwa ia tidak memberikan kemakmuran kepada rakyat umum.

Kertas Putih itu yang dikemukakan oleh Raja Zainal Abidin, Setiausaha Kerajaan, telah diluluskan kemudian dengan sebulat suara. Semua ahli yang dipilih dan beberapa orang lagi telah mengalu-alukan Kertas Putih tersebut.

Encik Yusuf Abu Bakar apabila bercakap dalam perbahasan itu berkata bukan sahaja rakyat tetapi pegawai-pegawai Kerajaan, termasuk pegawai-pegawai tingginya, perlu mengubah cara mereka berfikir supaya sesuai dengan zaman baru itu.

Hak menentukan Kemerdekaan diri

"Dalam sejarah dunia tidak pernah didapati penjajah mengundurkan kuasanya dengan sukarela melainkan ia diusir baik secara kekerasan atau melalui Perlembagaan". Demikian kenyataan penyunting akhbar yang menegaskan bahawa di Tanah Melayu jika tidak kerana gerakan rakyat yang menunjukkan mereka mahukan Kemerdekaan, pihak Inggeris tidak pasti menyerahkan kuasa politik kepada rakyat negara ini.

"Di Tanah Melayu kita pun kalau tidak kerana gerakan rakyat yang menunjukkan bahawa menekan menuntut Kemerdekaan dari satu masa ke satu masa, maka penjajah Inggeris tidak akan menyerahkan kuasa politik kepada rakyat negeri ini sebagaimana ia akan berbuat tidak lama lagi. Kemerdekaan untuk sebuah negeri bukannya sesuatu hadiah yang dapat disampaikan atas dulang. Tetapi Kemerdekaan adalah hak asasi bagi setiap umat manusia dan untuk setiap bangsa bukanlah menjadi hak penjajah mengatakan negeri itu dan negeri ini belum layak atau belum sedia menerima Kemerdekaan," kata beliau.

Setiap negeri yang dijajah sebenarnya di'rebut' Kemerdekaan dalam keadaan tertentu dan apa yang dikatakan 'mencapai' Kemerdekaan pada hakikatnya ialah "satu pemulihan semula keadaan yang sememanenya hak rakyat negeri itu yang diberi oleh Tuhan."

Sambutan Hari Kemerdekaan

Beberapa laporan disiarkan mengenai sambutan Hari Kemerdekaan yang termasuk di Kuang, Karak, serta di Kuala Muda. Bermacam-macam sambutan akan diadakan termasuk perarakan, permainan murid-murid sekolah serta dikaitkan dengan Hari Ibubapa.

Siapa Yang di-Pertuan Agong Malaya Merdeka akan dapat diketahui tengah hari ini

Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu Merdeka akan diadakan pada pagi 3 Ogos di satu Persidangan Khas Raja-raja Melayu di Dewan Mesyuarat Majlis Kerajaan Persekutuan di Kuala Lumpur.

Persidangan khas bersejarah ini akan dihadiri oleh semua Raja-raja dan Sultan kecuali Sultan Johor. Persidangan akan dipengerusikan oleh Sultan Kedah. Penyimpan Mohor Raja-raja Melayu, Tuan Hj. Mustapha Albakri, adalah seorang sahaja yang bukan Raja yang akan hadir. Sebagaiman yang telah diaturkan, pemilihan akan dijalankan mengikut Raja yang paling kanan sekali menurut senarai yang telah disiapkan oleh Tuan Hj. Mustapha Albakri. Tiap-tiap Sultan akan diberikan kertas undi yang berbunyi demikian: "Beta adalah bersetuju/tidak bersetuju akan Yang Maha Mulia Sultan menjadi Yang di-Pertuan Agong." Sultan-sultan diminta memangkah perkataan "bersetuju" atau "tidak bersetuju."

Utusan Melayu mendapat tahu hanya dua Sultan sahaja iaitu Sultan Terengganu dan Sultan Johor yang telah enggan bertanding dalam pilihan Yang di-Pertuan Agong ini. Pengumuman hasil pilihan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalannya dijangka akan diumumkan pada petang 3 Ogos. Semua Menteri Besar akan hadir dalam Persidangan pada 3 Ogos tetapi mereka akan keluar sebaik-baik sahaja pemilihan Yang di-Pertuan Agong itu dijalankan. Mereka akan diberitahu terlebih dahulu hasil pilihan tersebut.

Sebaik-baik sahaja Persidangan dimulakan Penyimpan Mohor Raja-Raja Melayu akan menyembahkan kepada Sultan-sultan nama calon-calon Yang di-Pertuan Agong dan Timbalannya dan juga Raja-raja yang tidak mahu menjadi calon dalam pilihan. Beliau juga akan mengumumkan nama-nama wakil Raja-raja yang akan mengundi sebagai ganti Raja-raja yang tidak dapat hadir. Setelah itu barulah kertas-kertas undi sulit diedarkan kepada Sultan-sultan. Setelah selesai undian dijalankan dan pengumuman dibuat maka kertas-kertas undi tersebut akan dibakar di depan Baginda-baginda sekalian.

"Hingga lewat petang ini (2 Ogos) beberapa ramalan telah dibuat terhadap Pilihan Raya Yang di-Pertuan Agong yang akan dilangsungkan besok. Setengah-setengah kalangan meramalkan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan akan terpilih menjadi Yang di-Pertuan Agong yang pertama dan setengah-setengahnya pula meramalkan Sultan Pahang akan memegang jawatan Ketua Negara yang pertama titu." Tuan Hj. Mustapha Albakri menyatakan kepada Utusan Melayu bahawa nama Yang di-Pertuan Agong itu akan diumumkan pada kira-kira tengah hari 3 Ogos sebaik-baik selesai undi sulit itu dijalankan.

UMNO di Seluruh Malaya disyorkan memalu gong dan gendang menyambut Kemerdekaan

Encik Osman Lasim menulis surat kepada Utusan Melayu mengenai berita-berita baru yang menyatakan di Kuala Terengganu gong dan gendang akan dipalu serta teriakan suara azan di rumah UMNO untuk menandakan masuknya Hari Kemerdekaan. Seorang penulis telah mencadangkan acara tersebut dilakukan oleh pihak UMNO di lain-lain tempat. Kata beliau "saya mengesyorkan agar contoh tersebut danat dilkuti oleh pihak UMNO di lain-lain tempat di Tanah Melayu.

Katanya "memang sudah sepatutnya jika dipalukan gong dan gendang itu atau lebih dikenali sebagai 'beduk' dan 'kentung' dalam menyambut Hari Kemerdekaan di tanah air kita kerana itu adalah satu daripada pusaka dan kebudayaan orang Melayu kita dulu kala di zaman Hang Tuah. Beliau juga mengesyorkan Kerajaan mengeluarkan perintah kepada kapal-kapal di laut untuk membunyikan semboyan pada masa perayaan Kemerdekaan tepat jam 12.01 pagi tanggal 31 Ogos sebagai mengalu-alukan masuknya Hari Kemerdekaan kita.

Pelumba-pelumba basikal Singapura berlatih nak merebut Johan Lumba Merdeka

6 orang pemuda Melayu adalah di antara 10 pelumba basikal Singapura yang telah dipilih untuk mewakili Tanah Jajahan ini dalam perlumbaan basikal menyambut Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang akan diadakan di Lake Garden, Kuala Lumpur pada 25 Ogos.

50 pelumba dari negeri-negeri Asia termasuk Indo China, Filipina, Jepun dan Indonesia serta New Zealand akan mengambil bahagian dalam perlumbaan yang bersejarah itu. Encik Sulaiman Awang, pelumba basikal terkenal di Malaya, menyatakan ahli-ahli basikal Singapura berazam hendak memenangi johan Perlembagaan Merdeka itu. Kata beliau pelumba-pelumba dari negeri-negeri Asia itu sudah tentu akan memberi perlawanan hebat kepada ahli-ahli Malaya. Di antara pelumba-pelumba basikal luar negeri yang akan memberi tentangan hebat idah dari Indo China.

Razak di radio

Dato Abdul Razak Hussein, Menteri Pelajaran selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pusat Perayaan Merdeka berucap di Radio Malaya pada 7,30 malam 3 Ogos mengenai rancangan-rancangan sempena Kemerdekaan

Guru-guru Melayu diseru menanam semangat tanggungjawab kepada Bangsa dan tanah air

Encik Abdul Samad Kahar, Yang di-Pertua Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor, menyeru guruguru Melayu di Selangor supaya "mengawasi gerak langkah pemimpin-pemimpin yang mempunyai tanggungjawab memimpin rakyat dalam negara yang Merdeka kelak." Beliau membuat seruan di depan 100 orang guru Melayu di Kuala Selangor. Beliau menyeru guru-guru supaya "menanamkan semangat jujur, perwira dan perasaan tanggungjawab kepada bangsa dan tanah air dan kepada muridmurid. Inilah jalan untuk menjadikan warganegara Malaya Merdeka benar-benar taat setia kepada negaranya."

90 orang ke perayaan Merdeka

UMNO Bahagian Hilir Perak akan menghantar rombongan 90 orang ke Kuala Lumpur untuk perayaan Merdeka pada 31 Ogos, manakala UMNO Cawangan Kuala Perak di Sungai Bali melantik 2 orang wakilnya untuk menghadiri perayaan itu.



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaya Merdeka yang pertama, DYMM Tuanku Sir Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Mohammad, Yang di-Pertuan Besar, Negeri Sembilan. Seri Paduka Baginda dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong pada 3 Ogos 1957.



DYMM Raja Permaisuri Agong, Tunku Kurshiah ibni Almarhum Tunku Besar Burhanuddin.

Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Yang di-Pertuan Agong Malaya yang pertama

Tuanku Sir Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Mohamad, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, (ayahanda kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong sekarang) berumur 62 tahun dan satusatunya Raja Melayu berkelulusan ilmu undang-undang telah dipilih pada 3 Ogos 1957 menjadi Yang di-Pertuan Agong yang pertama Persekutuan Tanah Melayu Merdeka pada 31 Ogos 1957 dengan gaji bulanan sebanyak \$15,000.

Jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong jatuh kepada Sultan Selangor, Sir Hishamuddin Alam Shah ibni Almarhum Sultan Alaudin Sulaiman Shah. Kedua-dua pilihan tersebut dibuat dalam Persidangan Khas Raja-Raja Melayu yang berlangsung pada pagi 3 Ogos di Dewan Mesyuarat Majlis Kerja Kerajaan Persekutuan di Kuala Lumpur. Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalannya dijalankan mengikut syarat-syarat baru dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka dan dalam Persidangan yang ke 43 Raja-raja Melayu Persekutuan. Yang di-Pertuan Agong adalah kepala negara, mengatasi semua orang dalam negeri ini dan terlepas dari kuasa Mahkamah. Gelaran sepenuhnya ialah "Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong" dan isteri Baginda dikenali sebagai "Raja Permaisuri Agong." Tuanku Sir Abdul Rahman akan memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong selama lima tahun, tetapi Baginda boleh meletakkan jawatannya sekiranya Baginda suka.

Kecuali Sultan Johor yang berada di Eropah, semua Raja-raja Melayu telah hadir di Persidangan yang memilih Yang di-Pertuan Agong tersebut. Persidangan itu telah dipengerusikan oleh Sultan Kedah. Sultan Johor telah diwakili oleh Tengku Mahkotanya. Persidangan tersebut telah dilanesunekan secara tertutup.

Pilihan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalannya telah dilangsungkan mengikut syarat-syarat bahagian tiga dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu di Persidangan Raja-raja Melayu yang ke 43 berlangsung di Dewam Mesyuarat Majlis Kerja di Kuala Lumpur. "Persidangan tersebut dengan undian rahsia bersetuju menawarkan jawatan Yang di-Pertuan Agong itu kepada Baginda Tuanku Sir Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Mohamad. Persidangan juga memutuskan dengan jalan undi rahsia menawarkan jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong kepada Baginda Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah ibni Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Siaran Kerajaan itu tidak menerangkan hasil-hasil undian dalam Persidangan tersebut dan tidak juga menyebutkan beberapa lama Persidangan tersebut telah berlangsung. Tuanku Sir Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Mohamad ialah Raja Melayu yang ketiga kanan dalam susunan Raja-raja Melayu. Yang paling kanan sekali ialah Sultan Johor dan yang kedua ialah Sultan Pahang. Sultan Pahang menjadi calon dalam pilihan hari ini. Sultan Johor, mengikut berita dari London, tidak lama dulu telah enggan bertanding dengan memberi alasan "sudah tua."

Raja Uda dan Cheng Lock, Gabenor Pulau Pinang dan Melaka

Raja Sir Uda bin Raja Mohamed dan Dato Sir Cheng Lock Tan, Presiden Persatuan Cina Se Malaya, dilantik menjadi Gabenor-Gabenor Pulau Pinang dan Melaka. Lantikan kedua-dua tersebut diperkenan oleh Queen Elizabeth dan Raja-raja Melayu. Melaka dan Pulau Pinang akan mempunyai Gabenor setelah Persekutuan Tanah Melayu mencapai Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Sebagai Gabenor mereka dengan sendirinya menjadi anggota dalam Persidangan Raja-raja Melayu. Raja Sir Uda dan Dato Sir Cheng Lock Tan telah dipilih dari lima orang yang namanya telah dikemukakan kepada Baginda Queen dan Raja-raja Melayu. Kedua-dua mereka akan dilantik dengan rasminya oleh Yang di-Pertuan Agong dan akan berkhidmat selama empat tahun.

Ketua-ketua Menteri Melaka dan Pulau Pinang telah juga dipilih. Ketua Menteri Melaka ialah Dato Othman Talib, bekas Pemangku Menteri Besar Perak, manakala Ketua Menteri Pulau Pinang belum lagi dimaklumkan namanya. Pengumuman nama-nama Gabenor dan Ketua Menteri bagi Melaka dan Pulau Pinang dijangka akan dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong sedikit hari lagi dan lantikan rasmi mereka akan dilakukan sehari sebelum Merdeka.

Apakala kita telah Merdeka

Penyunting akhbar pada kali ini membangkitkan isu dasar sosial dan ekonomi di daerah-daerah dalam dan luar bandar yang tidak memberi keuntungan dan dirasai sama rata oleh rakyat seluruhyat. Harapan masyarakat setelah negara Merdeka keamanan negara "bergantung kepada kehidupan rakyat nya dan selagi kehidupan rakyat tidak terjamin, kecuaian dan tindasan masih berlaku dan negeri tidak aman selama-lamanya." Untuk mengatasi hal-hal ini diulangi semula apa yang dikatakan oleh Y.B. Encik Yusof Bakar, Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Perlis, iaitu "Kemerdekaan tidak akan memberi sebarang erti sekiranya ia tidak memberikan kemakmuran dan kesejahteraan kepada rakyat dalam negara Merdeka dan sebagai rakyat sebuah negara yang Merdeka bukan saja rakyat tetapi pegawai-pegawai Kerajaan termasuk pegawai-pegawai tingginya, perlu mengubah cara mereka berfikir supaya sesuai dengan zaman baru itu."

Kata Encik Yusof lagi "masih ada banyak pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang berfikir cara lama dan tidak dapat menyesuaikan diri mereka dengan perubahan-perubahan yang sedang berlaku sekarang." Kesimpulan kata Encik Yusof itu ialah pegawai-pegawai Kerajaan dalam sebuah negara yang Merdeka hendaklah bekerja lebih mementingkan soal rakyat dan negara daripada mementingkan diri sendiri dan merasai dirinya lebih bertanggungjawab untuk kesejahteraan rakyat daripada masa yang sudah-sudah iaitu pada masa mereka berkhidmat sebagai anak jajahan.

Penyunting terus menyatakan "kerana negeri ini merupakan sebagai sebuah negara pertanian dan negara yang mengeluarkan bahan-bahan mentah, usaha-usaha yang tegas supaya sumber-sumber kekayaan itu dapat dinikmati oleh rakyat harus menjadi pusat perhatian yang utama dari pemerintah. Usaha-usaha bertani dalam negeri ini, sesuai dengan dasar pemerintah, menjadikan Malaya sebuah negara yang dapat berdiri di atas kakinya sendiri. Dalam soal barang-barang makanan haruslah dijalankan dengan cara kerjasama. Membuat pekerjaan bersendiri-sendiri dan tenaga yang dipecah-pecah tidak akan mendatangkan hasil yang baik dan memuaskan. Ini bererti Jabatan Syarikat Bekerjasama yang di bawah Kementerian Pertanian dan seperti yang telah kita katakan di bawah usaha Jabatan ini pada masa yang akan datang dalam sebuah negara yang Merdeka, tidak sama dengan usaha dalam zaman penjajahan. Tanggungjawabnya kepada rakyat lebih besar daripada hanya "menjalanka kerja' sahaja."

Mengenai barang-barang mentah, terutama sekali getah dan bijih, yang menjadi hasil utama negeri ini, pada masa-masa yang sudah-sudah telah dihantar keluar negeri masih berupa "barang-barang mentah." Hal yang serupa ini tidak boleh diamalkan berlanjutan akibat-akibatnya akan mengenai negeri ini. Penduduk-penduduk Tanah Melayu yang bertambah ramai bilangannya dari satu masa ke satu masa adalah menarik perhatian Pemerintah negeri ini. Kehidupannya mesti terjamin dan bagi menjamin kehidupannya, pekerjaan-pekerjaan bagi mereka mesti ada. Satu daripada usaha yang harus dimulakan ialah barang-barang mentah yang bisasanya dibawa keluar negeri itu hendaklah dihadkan jumlahnya. Sebahagian daripadanya hendaklah dijadikan mata benda di dalam negeri ini sekurang-kurangnya untuk digunakan dalam negeri ini dan negeri-negeri yang berhampiran.

"Dengan mengadakan kilang-kilang yang demikian bukan saja dapat memberikan pekerjaan kepada penduduk-penduduk negeri ini yang telah bertambah ramai bilangannya, tetapi juga untuk memberikan peluang kepada anak negeri yang berbakat berlatih dan kemudiannya menjalankan dan mentadbirkan perusahaan-perusahaan yang penting itu apakala tiba masanya kelak."

Masalah politik, ekonomi, kebudayaan Malaya Merdeka dibincangkan

Pelajar-pelajar Malaya di London mengadakan pertemuan sebagai menyambut Kemerdekaan dengan Badan-badan Persekutuan Melayu, Great Britain, Persatuan Pelajar-pelajar Malaya dan Malayan Forum mulai 26 hingga 31 Ogos 1957 di London.

Tujuan pertemuan itu ialah sebagai usaha "merapatkan orang-orang Malaya untuk meraikan Kemerdekaan dan membayangkan kesan-kesan menerima Kemerdekaan itu. Pergerakan secara sosial, sukan dan intelektual akan merapatkan lagi orang-orang Melayu supaya dalam keriangan, bekerja kuat dan pertelingkahan kita, kita akan dapat bertemu muka dan mengenal antara satu dengan lain secara lebih mesra lagi."

Di antara perkara-perkara yang akan dibincang di Persidangan itu termasuk masalah-masalah Perlembagaan, perkauman, ayang meliput hal-hal seperti erti kebangsaan 'Malayan', masalah Perlembagaan, perkauman, di samping soal perpaduan ekonomi, kenajuan daerah kampung, sistem kewangan Malaya dan kemajuan ekonomi keseluruhannya. Dari segi kebudayaan akan dibincangkan aspek-aspek sejarah dan unsur-unsur kebudayaan yang berbeza, erti kebudayaan Malaya, bahasa dan kesusasteraan Melayu, aspek kesenian dan kesan barat terhadap budaya di Malaya. Karangan yang ditulis itu menyentuh dengan terperinci aspek-aspek politik, ekonomi dan kebudayaan. Di akhir penulisan itu penulis berkata "liniah di antara garis-garis kasar program menyambut Merdeka yang telah menarik perhatian Jawatankusa Perancang Pertemuan Merdeka. Adalah diharapkan agar sebanyak-banyak orang Malaya di negeri ini akan turut mengambil bahagian dalam perayaan ini."

Malaya bukan milik sesuatu kelas, tetapi hak seluruh rakyatnya

Sebuah karangan berasaskan pidato radio oleh Encik Gharib Raof, Ketua Presiden Panitia Pusat Penyambutan Kemerdekaan Malaya di Indonesia, telah disiarkan pada 1 Ogos 1957 dan artikelnya diterbitkan di Utusan Zaman pada hari indonesia.

Untuk memasuki pintu gerbang Kemerdekaan, kata penulis, "kita harus waspada, teliti, dan sentiasa beringat-ingat. Di saat-saat kita memasuki pintu gerbang banyak sungguh kita lihat, laksana ayam putih terbang siang, manusia-manusia oportunis dan adventurous yang menonjolkan diri ke muka masyarakat, memperkenalkan itu dan ini yang lebih rendah lagi, menuntut bahawa ia telah selama ini berjuang untuk Kemerdekaan dan kebahagian rakyat dan sebagainya."

Kepada pemimpin-pemimpin yang telah dipercayai dan diamanatkan rakyat diseru supaya "janganlah lupa diri disebabkan kedudukan, janganlah jauhkan diri dari rakyat kerana sudah tercapai Kemerdekaan; jangan khayal dan janganlah lupa." Malaya bukanlah milik sesuatu kelas, bukan sesuatu golongan, bukan sesuatu suku. Malaya adalah hak seluruh rakyat. Marilah kita bersama ke ambang pintu Kemerdekaan dan kedaulatan Semenanjung Tanah Melayu. Merdeka!!'.

Isnin 5 Ogos 1957, 9 Muharram 1377

Seluruh negeri gembira dengan pilihan Raja-raja Melayu

Keempat-empat Dato Undang Negeri Sembilan - Undang Jelebu, Johol, Sungai Ujang dan Rembau - mengucapkan tahniah kepada Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan atas lantikan sebagai Yang di-Pertuan Agong yang pertama Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka. Seluruh penduduk Negeri Sembilan gembira sekali dengan lantikan tersebut. Mereka menganggap lantikan itu "telah dibuat dengan bijaksananya." Di Pulau Pinang semua rakyat menyambut keputusan lantikan itu dengan rasa gembira dan sukacita kerana kata mereka "memang kena pada tempatnya. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan adalah seorang Raja yang berpengalaman dan berkebolehan dalam pentadbiran serta mempunyai kelayakan dan tingkah lakunya yang amat tinggi."

Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman, menyatakan "kegembiraan atas hasil pilihan Yang di-Pertuan Agong itu dan atas cara pilihannya yang dijalankan dengan cukup teratur dan sempurna," Pada pagi 5 Ogos, Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu yang lain akan menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang baru memberikan taraf Kemerdekaan kepada negeri ini.

Jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong juga telah jatuh kepada Sultan Selangor yang sangat sesuai dan kena pada tempatnya. Semua pemimipin-pemimpin dan Ketua-ketua Kaum yang ditemui menyatakan gembiranya atas lantikan Sultan Selangor sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Mendesak Jawatan Menteri Besar supaya ditetapkan untuk Melayu sahaja

UMNO Cawangan Parit Setongkat, Muar, "mendesak UMNO Malaya supaya menetapkan jawatan Menteri Besar di tiap-tiap Negeri Melayu di Persekutuan untuk orang-orang Melayu sahaja," Tujuannya ialah untuk mengawal dan menjamin hak-hak istimewa orang Melayu. Juga didesak supaya "pelajaran agama Islam diajar dengan segera di sekolah-sekolah jenis umum kerana jika dilambatkan anak-anak Melayu akan mendapat didikan yang kurang dalam perkara agama Islam."

Bangsa yang tak kuat iktisadnya terancam kedudukannya

Encik Abdul Aziz Ishak, Menteri Pertanian dan Perikanan, menyeru penduduk-penduduk Tanah Melayu supaya di samping memperjuangkan hak-hak siasah dalam Perlembagaan, mereka harus memberi perhatian soal perjuangan iktisad. "Kita mahu Merdeka sepenuhnya bukan sahaja di dalam lapangan siasah tetapi juga di dalam lapangan ekonomi," katanya.

Beliau berucap di Kongres Pertama Syarikat-syarikat Kerjasama Kampung seluruh Perak. "Kemerdekaan akan memberikan kepada kita nikmat yang sebesar-besamya. Tetapi kita adalah berkewajipan bekerja keras untuk merebutnya dan inilah sahaja jalan yang boleh menjamin Kemerdekaan itu tidak akan sia-sia."

Menurut beliau lagi dalam zaman Kemerdekaan "orang-orang Melayu hendaklah berlumbalumba seperti bangsa lain dalam semua lapangan terutama dalam lapangan iktisad kerana kedudukan sesuatu bangsa yang baru dengan tidak kuat iktisadnya akan terancam." Beliau berkata "jalan yang boleh mengubahkan nasib orang-orang Melayu di masa depan ialah hanya menerusi syarikat-syarikat Kerjasama sahaja yang ditubuhkan di seluruh kampung-kampung."

Tahniah kepada Yang di-Pertuan Agong

Penyunting akhbar pada 5 Ogos menyembahkan tahniah kepada Yang di-Pertuan Agong yang pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu yang akan Merdeka 26 hari lagi. Tahniah juga disampaikan kepada Sultan Selangor yang terpilih menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Tuanku Sir Abdul Rahman pernah memegang beberapa jawatan Kerajaan sebelum menjadi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Dengan kelulusan dalam bidang undang-undang Banda pernah menjadi Majistret. Baginda amat prihatin terhadap rakyat. Ada satu kes di Perak di mana sebagai Majistret, Baginda telah menghukum seorang wanita Cina di atas satu kesalahan. Pesalah itu tidak dapat membayar denda kerana amat miskin. Kerana kasihan dan insaf, Baginda telah mengeluarkan wanenya sendiri membayar denda yang dikenakan itu.

Akhir kata penyunting, "Kepada Allah kita memohonkan moga-moga Baginda berjaya dalam melaksanakan setiap tugas dan kewajipannya dalam Malaya Merdeka kelak hingga membawa kemakmuran, aman dan damai kepada negara dan kesejahteraan hidup kepada rakyat sekalian."

Pesta Merdeka

Penduduk-penduduk Pulau Lumut, Port Swettenham, akan menyambut Kemerdekaan pada 21 dan 22 September dengan mengadakan pesta kecil termasuk permainan gasing, pertandingan sepak raga, lumba kolek, bola sepak dan badminton. Pesta akan mengeunakan belanja St.100.

Terengganu sokong Kertas Putih Perlembagaan

Majlis Mesyuarat Negeri Terengganu menyokong Kertas Putih Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka. Encik Ibrahim Fikri, Ketua Perikatan, menyifatkan Perlembagaan baru sebagai satu Perlembagaan yang demokratik bagi semua bangsa di Persekutuan dengan tidak dad tolok bandingnya. Beliau mengingatkan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat supaya memikul isi Kertas Putih itu dengan penuh tanggungjawab dan tidak hanya berbangga-bangga dengan Perlembagaan negara Malaya Merdeka itu sahaja.

Beliau memaklumkan mengenai perjuangan Perikatan mencipta satu Perlembagaan baru bagi Kerajaan Merdeka Persekutuan Tanah Melayu.

Jalan Merdeka

UMNO Cawangan Sungai Siput, Melaka, memutuskan untuk mengadakan "jalan Merdeka" sempena sambutan Kemerdekaan sepanjang sebatu setengah iaitu dari Pekan Sungai Siput hingga ke Suluk Siput dengan cara bergotong-royong.

Gunakan kenderaan-kenderaan publik dalam masa perayaan Kemerdekaan

Pada hari menyambut Kemerdekaan orang ramai diminta oleh Dato Abdul Razak Hussein, Menteri Pelajaran dan Pengerusi Jawatankuasa Pusat Perayaan Merdeka, supaya seboleh-bolehnya menggunakan kenderaan publik dan tidak kenderaan sendiri kerana kesibukan jalan raya. Dato Razak membuat rayuan melalui radio.

"Saya berasa yakin bahawa tuan-tuan akan memberi kerjasama kerana perayaan Merdeka itu adalah perayaan tuan-tuan dan sudah tentu tuan-tuan suka melihatnya berjaya" kata beliau. "Perayaan pada 31 Ogos 1957 adalah perayaan yang paling penting dalam sejarah Malaya. Pada 31 Ogos akan diisytiharkan Kemerdekaan Malaya."

Kerajaan Persekutuan telah membuat persediaan-persediaan perayaan semenjak berbulanbulan dan semua rancangan tersebut telah siap, kata Dato Razak. Kerajaan juga mencuba dengan seberapa bolehnya supaya tiap-tiap rancangan yang dibuat oleh Kerajaan itu tidak memakai perbelanjaan-perbelanjaan yang banyak.

Upacara Pengisytiharan Kemerdekaan dijangka diadakan serentak di tiap-tiap negeri sebagaimana yang dilakukan di Merdeka Stadium, Kuala Lumpur.





Akhbar 'Malaya Merdeka' 1957 mengeluarkan gambar upacara tandatangan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu diantara DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Sir Abdul Rahman dengan Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Donald MacGillivray, pada 5 Ogos 1957 dengan lukisan gambar Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ditandatangani semalam

Di King's House, Kuala Lumpur, tempat kediaman rasmi Sir Donald MacGillivray, Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu, Perjanjian baru Persekutuan Tanah Melayu antara Queen Elizabeth dan Raja-raja Melayu telah ditandatangani. Perjanjian itu akan menggantikan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948. Sir Donald MacGillivray mewakili Queen Elizabeth.

Upacara itu menandakan berakhirnya riwayat Perjanjian Persekutuan 1948 dan akan lahir Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka pada 31 Ogos 1957.

Naskhah Perjanjian baru Persekutuan itu adalah berupa "satu kejadian dalam sejarah Kebangsaan negeri ini yang memberikan sama taraf dan darjat di antara Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan Inggeris, masing-masing Merdeka berdaulat dan tidak ada kekerasan yang di atasnya." Upacara itu dijalankan dalam suasana penuh mesra di antara kedua-dua pihak dan memakan masa lebih satu jam bermula jam 9.30 pagi. Turut hadir sebagai pemerhati, Raja-raja Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra, Ketua Menteri, Sir David Watherston, Ketua Setiausaha Persekutuan, lima orang Undang Negeri Sembilan, semua Menteri Persekutuan dan ahli-ahli diplomat asing. Tuan Hj. Mustapha Albakri, Penyimpan Mohor Raja-raja Melayu, menterjemahkan ucapan Sir Donald dan ucapan Sultan Kedah sebagai Pengerusi Majlis Mesyuarat Raja-raja Melayu. Malayan Film Unit telah memilemkan upacara yang bersejarah itu dari mula hingga ke akhirnya.

Perjanjian baru Persekutuan Tanah Melayu 1957 bertarikh 5 Ogos diperbuat di antara Sir Donald MacGillivray bagi pihak Queen Elizabeth dengan Raja-raja Melayu Persekutuan. Semuanya 42 orang telah menandatangan Perjanjian itu.

40 salinan Perjanjian tersebut telah disediakan, 20 dalam bahasa Inggeris dan 20 dalam bahasa Melayu untuk diberikan kepada tiap-tiap negeri satu salinan kecuali Negeri Sembilan yang mendapat 6 salinan, 2 salinan untuk Kerajaan Persekutuan dan 2 untuk Queen Elizabeth, Perjanjian baru Persekutuan yang ditandatangani itu diberi nama "Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu Tahun 1957." Perjanjian itu menyatakan mulai 31 Ogos 1957 Negeri-negeri Melayu dan Negeri Selat hendaklah dijadikan sebuah Persekutuan negeri-negeri yang baru yang disebut namanya Persekutuan Tanah Melayu atau Federation of Malaya. "Dengan demikian, maka Negeri-negeri Selat yang tersebut tamatlah daripada menjadi sebahagian daripada jajahan takluk Baginda Queen dan Duli Yang Maha Mulia itu tidak lagi berhak menjalankan apa-apa juga kedaulatannya di atas negeri-negeri yang tersebut tum."

Perjanjian itu menegaskan "mansuhnya Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan semua Perjanjian-perjanjian yang lain yang ada berjalan di antara Baginda Queen dengan pihak-pihak yang lain dalam Perjanjian itu atau pun barang siapa jua sebelum daripada 31 Ogos 1957." Syarat-syarat Perjanjian-perjanjian ini adalah tertakluk kepada "lulusnya Perlembagaan Persekutuan tersebut dengan mengadakan Undang-undang Persekutuan dan dengan mengadakan pula suatu undang-undang di dalam tiap-tiap negeri Melayu. Perjanjian ini hendaklah dizahirkan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, tetapi bagi maksud mengambil pengertian Perjanjian itu diikuti naskhah dalam bahasa Ingeeris sahaia."

Dalam jadual ke-empat Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 itu juga ada disyaratkan berhubung dengan persetiaan yang telah dimeterikan pada 6 Mei 1869 di antara Baginda Queen dengan Raja Siam berkenaan dengan negeri Kedah. Syarat-syarat tersebut ialah mansuhnya tanggungjawab Baginda Queen ke atas Perjanjian tersebut sesudah 31 Ogos 1957 ini.

Raja-raja Melayu mengucap syukur kepada Queen Elizabeth

Sultan Kedah, selaku Pengerusi Majlis Persidangan Raja-raja Melayu, menyampaikan penghargaan kepada Queen Elizabeth. Baginda berkata "Tercapainya Kemerdekaan bagi Tanah Melayu adalah disebabkan timbulnya hasrat yang sebenar pada pihak Great Britain dari masa dulu bagi memimpin dan memandu negeri ini sehingga tercapai segala cita-cita sekalian isi negeri ini: Baginda menganggap Persekutuan Tanah Melayu ini telah bernasib baik bukannya pada hari ini sahaja tetapi semenjak negeri-negeri Melayu masuk bernaung di bawah panji-panji Kerajaan Great Britain. Negeri ini terus maju dengan jayanya di dalam lapangan masyarakat, iktisad dan siasah. "Bahawa Perjanjian yang bersejarah yang ditandatangani pagi ini adalah mengubahkan cara perhubungan yang lama. di antara negeri-negeri Melayu dan juga negeri-negeri Selat dengan pihak Great Britain kepada suatu cara perhubungan yang baru yang bersesuaian dengan berpandukan kepada contoh-contoh yang telah lalu. Maka yakinlah beta bahawa cara ini akan lebih-lebih lagi merapatkan perhubungan antara kedua negeri ini kepada perhubungan yang lebih rapat lagi." Akhirnya Baginda menyatakan "harapannya dan memohon kepada Allah mudah-mudahan segala langkah yang hendak dijalankan itu akan memberi manafaat dan limpah kemakmuran kepada negeri ini."

Sir Donald yakin Perlembagaan Persekutuan yang baru sesuai dengan kehendak masa dan bangsa negeri ini

Semasa berucap di Majlis Menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, Sir Donald MacGillivray telah memetik satu pepatah "Takut bukan untuk masa depan, tangisan bukan untuk masa vane lampau."

Seterusnya beliau berkata dalam ucapamanya "dalam peristiwa seumpama ini lazimnya kita akan mengingati peristiwa-peristiwa yang telah lalu. Kita mengingati orang-orang ternama dan sejarah serta riwayat yang cemerlang bagi negeri. Setengah-setengah daripada kita yang lebih tua, peristiwa hari ini adalah satu peristiwa yang memilukan kerana ia adalah 'peristiwa penghapusan cara lama' yang kita semua telah lama berada di dalamnya. Mereka berasa pilu kerana masa yang akan datang belum lagi diketahui dan perkara yang lama tidak akan kembali semula." Kata beliau lagi, "tetapi marilah kita mengingati satu pepatah iaitu takut bukan untuk masa depan, tangisan bukan untuk masa yang lampau." Kata beliau "Masanya telah tiba bagi kita memutuskan hubungan cara lama antara Great Britain sebagai guru dan negeri-negeri Melayu dan negeri-negeri Selat sebagai murid. Yang demikian kedua-dua negeri itu akan mara ke depan bersama-sama sebagai kawan yang sama setaraf dalam lingkungan negara-negara Commonwealth. Hubungan lama telah putus, tetapi hubungan baru yang berdasarkan kepada perasaan dan kepercayaan serta hormat menghormati telah sedia ada dan akan mengambil peranan."

Kata Sir Donald lagi "Perjanjian yang baru ini adalah satu piagam bagi menentukan Perlembagaan negeri ini yang sesuai dengan kehendak masa dan kehendak bangsa-bangsa yang menduduki negeri ini dan dengannya juga akan wujud satu bangsa yang baru yang Merdeka dan makmur."

Beberapa hari yang lalu Sir Donald menerangkan bahawa Baginda Queen telah bersetuju dengan rang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka yang baru-baru ini telah diluluskan oleh kedua-dua buah Dewan iaitu Dewan Parlimen dan Pertuanan di United Kingdom dan sekarang kita di sini bersama-sama akan menandatangani piagam yang bersejarah ini dan dengan kerananya akan menamatkan perhubungan cara lama antara Kerajaan Inggeris dengan Negeri-negeri Melayu dan akan menubuhkan satu hubungan yang lain bentuknya yang lebih sesuai dengan keadaan dan masa sekarang.

'Terang Bulan' jadi lagu Kebangsaan Persekutuan Merdeka

Lagu Kebangsaan Negeri Perak, telah dipilih menjadi lagu Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka. Keputusan muktamad pemilihan lagu ini bergantung kepada persetujuan Kerajaan Negeri Perak dan Majlis Raja-raja Melayu.

Empat buah lagu telah masuk dalam lagu pilihan terakhir lagu-lagu Kebangsaan. Lagu-lagu itu termasuk gubahan Tuan Zubir Said, sebuah lagu gubahan Benjamin Britain dan lagu 'Polis Berkhidmat.' Pilihan empat buah lagu itu memakan masa lebih daripada satu jam oleh semua ahli Jawatankuasa Pemilih Lagu-lagu Kebangsaan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman Putra, Ketua Menteri, Jawatankuasa Pemilih telah memutuskan memilih Lagu Kebangsaan Negeri Perak untuk menjadi Lagu Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka kerana lagu itu mempunyai unsur ke melayuan. Kalau disetujui oleh Kerajaan Negeri Perak dan Majlis Raja-raja Melayu, Lagu Kebangsaan Negeri Perak itu akan diperdengarkan bagi kali yang pertama kepada orang ramai pada 31 Ogos diupacara menyambut Kemerdekaan. Lagu Kebangsaan Negeri Perak yang dipilih itu ialah lagu 'Terang Bulan.'

Pemuda Pemudi sambut Merdeka

Pemuda-pemudi Yan, Kedah, akan mengadakan malam keramaian Merdeka dengan mengadakan peraduan menyanyi lagu-lagu Melayu asli dan baru, membaca sajak, pakaian beragam lelaki dan perempuan. Lagu-lagu asli yang akan dinyanyi ialah Seri Mersing, Makan Sirih, Mas Merah dan Tudung Periuk manakala lagu-lagu baru pula ialah Bintang Malam, Sang Bulan, Hidup Miskin, Kaprinyo dan Pergilah Satria Gagah.

Majikan diseru memberi cuti dan gaji pada Hari Merdeka

Tuan V. David, Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Kilang dan Am, Persekutuan Tanah Melayu telah merayu kepada semua majikan dalam Persekutuan supaya memberi cuti dan gaji penuh kepada pekerja-pekerja pada 31 Ogos 1957. Beliau yakin semua majikan akan menimbangkan rayuannya dengan saksama.

Beliau berkata bahawa Kerajaan telah pun mengumumkan tiap-tiap rakyat dalam negeri hendaklah mengambil bahagian dalam perayaan menyambut Hari Kemerdekaan. Kerajaan juga telah mengumumkan 31 Ogos dan 1 September 1957 sebagai cuti raya bagi semua kakitangan Kerajaan dan agij-gaji mereka adalah dibayar. Manakala Persatuan tuan-tuan punya ladang pula telah mengumumkan pekerja-pekerja mereka akan diberi gaji pada 31 Ogos dan telah menguntukkan wang yang akan diberi percuma kepada pekerja-pekerjanya sebagai sagu hati.

Mengharapkan filem-filem perayaan Kemerdekaan memakai ulasan-ulasan bahasa Melayu

Seorang penulis bernama 'Anak Desa' memberi cadangan supaya istiadat Pengisytiharan Kemerdekaan di Merdeka Stadium difilemkan oleh Malayan Film Unit dengan menggunakan bahasa Melayu bagi keterangan dan ulasan filem tersebut supaya dapat difahami oleh seluruh penduduk Malaya terutamanya di kampung-kampung dan di segenap pelusuk negeri ini bila filem itu ditayangkan kepada orang ramai kelak.

Rabu 7 Ogos 1957, 11 Muharram 1377

1,904 Pertubuhan Cina di Persekutuan nak merayu kepada Tunku, minta sijil sementara kepada orang-orang Cina yang belum dapat kerakyatan

Gabungan Persatuan-persatuan Cina Malaya telah membuat rayuan kepada Tunku Abdul Rahman Putra, Ketua Menteri Persekutuan, supaya Kerajaan mengeluarkan sijil sementara bagi orang-orang Cina yang belum mendapat kerakyatan negara ini selepas Merdeka. Sijil sementara itu diharap menjadi tanda pengakuan kepada yang memegangnya sebagai rakyat negeri ini sehingga tahun 1959.

Rayuan yang dibuat mengesyorkan supaya orang-orang Cina berumur 45 tahun ke atas "tidak akan dikenakan peperiksaan bahasa sebagai satu daripada syarat-syarat untuk mendapat kerakyatan," Cara seperti itu, mengenai peperiksaan bahasa, akan disyorkan supaya dapat dijalankan selambat-lambatnya setahun selepas Merdeka.

Gabungan Persatuan-persatuan Cina berjumlah 1,904 buah menyuarakan rasa tidak puas hati dengan Perlembagaan baru Persekutuan yang telah diluluskan baru-baru ini. "Perlembagaan itu sangat dikesalkan kerana tidak ada satu pun daripada empat perkara mengenai kerakyatan, layanan yang sama rata dan penggunaan berbagai-bagai bahasa yang dikemukakan oleh Gabungan tersebut terkandung di dalamnya."

Beberapa Jabatan Chief Secretary akan dipegang oleh Perdana Menteri

Pengumuman rasmi dibuat oleh Kerajaan Persekutuan pada 6 Ogos 1957 bahawa selepas 31 Ogos beberapa buah Jabatan di bawah Pejabat Chief Secretary Persekutuan Tanah Melayu akan diletakkan di bawah jagaan Pejabat Perdana Menteri. Di samping itu Pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan, Pegawai Pengatur Rancangan Keselamatan, Pengarah Intelligent dan Pegawai Keselamatan Kerajaan akan diletak juga di bawah Pejabat Perdana Menteri.

Siaran rasmi Kerajaan mengumumkan Encik Abdul Aziz bin Hj. Abdul Majid, bekas Menteri Besar Selangor, telah dilantik menjadi Setiausaha Tetap kepada bakal Pejabat Perdana Menteri mulai 1 Ogos sementara Encik Othman Mohamed, bekas Pesuruhjaya Malaya di London, telah dilantik menjadi Setiausaha Tetap bakal Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mulai 30 Julai. Encik Ghazali Shafie yang sekarang menjadi Pesuruhjaya Malaya di India, dilantik menjadi Timbalan Setia Usaha Tetap bakal Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Pejabat Perdana Menteri sekarang ditempatkan di Brockman Road berhampiran dengan Kementerian Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri. Chief Secretary Persekutuan akan meneruskan semua tanggungjawabanya mengenai Hal Ehwal Luar Negeri, Perlembagaan dan tanggungjawab-tanggungjawab tanggungjawab tanggung tang tang balin sehingga Hari Merdeka.

Jemputan Merdeka minta dijawab sebelum 10 Ogos

Kerajaan Persekutuan mengeluarkan kenyataan meminta orang ramai yang dijemput ke Perayaan Kemerdekaan Malaya menjawah jemputan-jemputan yang diterima. Jawapan-jawapan itu hendaklah dibuat sebelum 10 Ogos.

Gerakan membersihkan 'gangster' di Kuala Lumpur kerana Merdeka dilancarkan

Polis Selangor melancarkan gerakan mencegah orang-orang yang tidak diingini seperti 'gangster' turut sibuk dalam perayaan Kemerdakaan pada 31 Ogos. Polis berusaha untuk mengelakkan gangster dari luar seperti Pulau Pinang dan Singapura berhimpun di Kuala Lumpur dan membuat kacau serta perkara-perkara yang tidak diingini sewaktu perayaan Kemerdekaan dilaksanakan. Untuk melancarkan gerakan itu satu jawatankuusa ditubuhkan. Gerakan itu telah pun dijalankan semenjak 1 Ogos. Pemeriksaan di tempat-tempat yang disyaki sebagai lubuk gangster telah dilancarkan.

Akhbar-akhbar London ulas upacara menandatangani piagam Malaya Merdeka

Beberapa akhbar di London membuat ulasan mengenai piagam Malaya Merdeka yang ditandatangani di Kuala Lumpur. Akhbar Daily Express berkata "sebuah lagi permata tanah jajahan telah terlepas dari tangan Kerajaan Inggeris apabila Perjanjian baru Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani di Kuala Lumpur pada 6 Ogos antara Raja-raja Melayu dengan wakil Baginda Queen." Akhbar puak tua yang bebas itu menambah kata "sekiranya Malaya sekarang telah maju dan makmur sehingga boleh diberi Kemerdekaannya maka Malaya harus bersyukur dan berterima kasih kepada jaguh-jaguh negara Inggeris seperti Stamford Raffles dan orang-orang Inggeris yang membawa pokok getah ke Malaya dan kepada askar-askar Inggeris yang berjuang menentang Komunis dalam perang hutan di Malaya. Sekiranya Malaya di masa depan memajukan lagi kemakmuran, kebebasan dan tamadunnya, maki ni ialah dari usaha orang-orang Malaya sendiri. Tetapi, hari ini, Malaya yakin akan berjaya melalui jalan-jalan yang akan ditempuhnya di masa depan." Komen-komen daripada akhbar-akhbar lain juga dimasukkan dalah peria jui

Persiapan-persiapan hari menyambut Merdeka

Mengenai persiapan-persiapan untuk menyambut Merdeka, dilaporkan semuanya sudah siap sedia dan sedang menanti perlaksanaannya sahaja. Perkara-perkara seperti perlantikan Yang di-Pertuan Agong, menandatangani Perjanjian baru Persekutuan Tanah Melayu 1957 bagi menggantikan Perjanjian 1948 telah pun dilaksanakan. "Dengan upacara menandatangani Perjanjian baru itu, tamatlah kekuasaan dan kedaulatan British di negeri ini." Raja-raja Melayu mengadakan sidangnya dengan menyatakan "keazaman mereka menyokong Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka supaya kekal abadi." Satu punca rasmi Persidangan Raja-raja menyatakan bahawa Majiis Raja-raja tersebut "berazam akan memperkukuhkan lagi kedudukan Perlembagaan Persekutuan itu dan menyatakan keinginan melihat supaya Kemerdekaan yang akan dicapai itu menjadi "sekali Merdeka tetap Merdeka."

Sambutan Merdeka

UMNO Cawangan Mentuan Sering di Kelantan bersetuju menyambut Kemerdekaan secara besarbesaran dengan permainan rebana besar, wayang kulit, dikir barat, puteri, pencak dan silat. Sementara itu di Pasir Mas pula akan diadakan temasya sukan darat dan laut serta berbagai-bagai pertunjukan kesenian lain. Sebuah jam besar akan dibina di Padang Merdeka, Pasir Mas dan akan dirasmikan pada 31 Ogos 1957.

Raja-raja menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

Empat belas keping gambar bersejarah disiarkan satu muka penuh Utusan Melayu pada 7 Ogos 1957 yang menunjukkan Raja-raja Melayu menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 di King's House, Kuala Lumpur.

Janji Tunku mengenai Perlembagaan 'Tak boleh dipegang'

Pemimpin Malayan Party di Melaka yang juga salah seorang pemimpin Working Party, gabungan Persatuan-persatuan Cina Se Malaya, Tan Kee Gak berkata "semua janji Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra, mengenai Perlembagaan baru Malaya Merdeka dalam Majlis Undangan Federal barari ni tidak boleh diterima" kerana katanya kenyataan Tunku bahawa Perlembagaan boleh dipinda dan diubah jika didapati tidak sesuai setelah Malaya Merdeka "tidak boleh dipegang." Katanya "kita tidak boleh mengharapkan semua janji-janji Tunku itu dan menyeru semua anggota pertubuhan-pertubuhan Cina Malaya meneruskan perjuangan bagi mencapai cita-cita hak persamaan dalam negeri ini."

Dato Mahmud menyeru rakyat Pahang menjadikan saling mengerti asas membina bangsa Malaya

Dato Mahmud bin Mat, Pengerusi Jawatankuasa Muhibbah Negeri Pahang, menyeru penduduk-penduduk Pahang dari segala bangsa dan agama yang sesungguhnya taat setia dan tidak berbelah bagi kepada negeri ini supaya mengamalkan bersungguh-sungguh rasa saling mengerti dan kasih sayang di antara semua peringkat sebagai asas membina satu bangsa Malaya yang kukuh setelah Merdeka. Katanya "dalam sebuah negara yang berdasarkan demokrasi, rakyat adalah mengambil peranan penting dan bertanggungjawab, bahu membahu untuk faedah Malaya baru." Beliau menyeru sepenuhya supaya rasa perkauman di antara keturunan yang ada di negeri ini hendaklah "dibenamkan supaya rasa percaya mempercayai dalam penghidupan yang aman damai di masa depan terjamin dengan tidak ada rasa takut serta curing mencurigai."

Gabungan Syarikat Kerjasama Kampung Malaya akan ditubuhkan

Kongres Syarikat-syarikat Kerjasama Melayu Kampung seluruh Perak telah memutuskan untuk menganjurkan satu persidangan besar untuk menubuhkan sebuah "Gabungan Persatuan-persatuan Syarikat Kerjasama Melayu Tengung seluruh Persekutuan Tanah Melayu" selepas Merdeka. Gabungan ini sekiranya ditubuhkan mungkin akan bergabung dengan Syarikat-syarikat Kerjasama Kampung Antarabangsa Sedunia. Kongres Syarikat-syarikat Kerjasama Melayu Perak yang telah bersidang selama dua hari berpendapat bahawa sebuah gabungan yang seperi itu perlu ditubuhkan segera untuk mengemaskan perpaduan antara Syarikat-syarikat Kerjasama di seluruh Persekutuan. Gabungan itu nanti akan menyemak undang-undang Syarikat Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan menyusun satu undang-undang supaya dapat diterima oleh semua gerakan Syarikat Kerjasama Kampung.

Khamis 8 Ogos 1957, 12 Muharram 1377

Merdeka belum boleh diserukan oleh Juruhebah-Juruhebah Radio

Tunku Abdul Rahman Putra, Ketua Menteri Persekutuan, membuat 'Seruan Merdeka' yang disiarkan oleh Radio Malaya setiap hari sebagai seruan pembukaan dan penutup siaran tiap-tiap hari. Seruan ini akan terus digunakan selepas Merdeka. Pengumuman mengenainya dibuat oleh Encik Bahaman Shamsuddin, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Encik Bahaman menerangkan seruan Merdeka oleh juruhebah-juruhebah Radio sendiri belum boleh dilakukan kerana antara beberapa sebab ialah soal kesulitan menyebut perkataan 'Merdeka' terutamanya oleh juruhebah-juruhebah bukan Melayu. Dinyatakan bahawa selepas Merdeka nanti 'Seruan Merdeka' oleh Tunku Abdul Rahman akan dirakamkan semula. Apa yang disiarkan sebelum Merdeka dalah 'Seruan Merdeka' Tunku yang direkodkan di Melaka pada 20 Februari 1956 sewaktu Tunku balik dari London setelah merundingkan tarikh Kemerdekaan Tanah Melayu dengan Kerajaan British di London.

Kemerdekaan Malaya mungkin mendorong Perancis meMerdekakan Algeria

Keputusan Kerajaan Inggeris memberi Kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos dianggap mendorongkan Kerajaan Perancis membuka jalan memberi Kemerdekaan kepada Algeria. Apabila Perancis melepaskan kekuasaannya di Indo China lapan tahun sebelum ini, kalangan politik Perancis dengan terang-terang berkata bahawa negeri yang kedua melepaskan dirinya dari kekuasaan barat selepas Indo China ialah Malaya.

Akhbar-akhbar Perancis menyiarkan perjanjian baru yang ditandatangani di Kuala Lumpur antara Raja-raja Melayu dengan wakil Queen Elizabeth yang menamatkan kekuasaan Inggeris di Malaya. Kalangan-kalangan politik Perancis berpendapat apa yang berlaku di Malaya mungkin mendorong pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam politik Perancis mendesak Kerajaannya supaya mengikuti contoh yang dilakukan oleh Kerajaan Inggeris di Malaya.

Wakil-wakil Kerajaan asing ke perayaan Merdeka diumumkan

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengumumkan nama wakil 26 negeri asing yang akan hadir di upacara Merdeka pada 31 Ogos 1957. Selain daripada itu nama 21 orang tetamu khas juga diumumkan. Antara negeri yang diwakili termasuk Australia, India, Afrika Selatan, Burma, Indonesia, Perancis, Jerman, Jepun, Amerika Syarikat, Iran, Thailand, Brunei, Fiji dan Borneo Selatan yang kebanyakannya terdiri daripada Menteri-menteri. Antara tetamu-tetamu khas pula termasuk Gabenor Singapura dan Menteri-menteri serta isteri masing-masing dan bekas Pesuruhjaya Tinggi British dan tokoh-tokoh dari Britain.

Melayu bantah 'Laga Lembu'

Rancangan Kementerian Pertanian dan Perikanan Persekutuan hendak mengadakan pertunjukan 'Laga Lembu' dalam perayaan Merdeka di Kuala Lumpur dibantah oleh beberapa kalangan orang Melayu di Pulau Pinang yang berpendapat rancangan itu tidak sesuai dengan zaman sekarang serta "berlawanan dengan pengajaran semua agama di dunia."

Sandiwara Kencana

Persiapan-persiapan untuk menyambut Kemerdekaan di Tanah Melayu terus dilaporkan. Antaranya termasuk usaha memungut derma bagi mengadakan sambutan Kemerdekaan. Di Kuala Terengganu, kumpulan Sandiwara Kencana mengadakan persembahan di rata tempat di Terengganu kerana memungut derma perayaan Kemerdekaan.

Lebih 16 ribu ringgit dipungut

Jumlah kutipan derma untuk Perayaan-perayaan Kemerdekaan Selangor yang telah diterima oleh Jawatankuasa Perayaan Merdeka ialah \$16,596.07 yang dihargai sepenuhnya oleh Menteri Besar Selangor, Encik Abdul Jamib ibn Abdul Raiis.

Buruh menyusun Perayaan Kemerdekaan

Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Kilang dan Am Persekutuan Tanah Melayu akan mengatur persiapan-persiapan untuk anggota-anggota Kesatuan Buruh turut sama merayakan hari Kemerdekaan. Tuan V. David, Setiausaha Agung Kesatuan, menyatakan Kesatuannya berpendapat Kemerdekaan tanah air harus dirayakan oleh semua lapisan rakyat dengan "kaum buruh juga tidak ketinggalan." Surat-surat jemputan kepada tiap-tiap Kesatuan Buruh telah diedarkan.

Syarikat Lombong di Dungun beri \$35,000 membina Dewan Merdeka

Sebuah syarikat Lombong di Bukit Besi, Terengganu Eastern Mining & Co. telah memperuntukkan \$35,000 bagi perbelanjaan membena sebuah Dewan Merdeka sempena hari Kemerdekan Malaya. Dewan itu yang terletak berhampiran dengan Sekolah Melayu Nibong akan mengandungi bilik bacaan, dewan dan court badminton. Sementara itu sambutan Merdeka di Bukit Besi terdiri daripada majits tari menari timur dan barat akan dimulakan pada 31 Ogos 1957. Majits itu akan dihentikan 10 minit sebelum jam 12 tengah malam dengan Pegawai Daerah Dungun, Encik Bachik bin Halal, membacakan perisytiharan Kemerdekaan diikuti dengan pertunjukan bunga api.

'Menteri' menyeru orang-orang Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai pergi ke Pahang buka tanah

Encik Hashim Awang, Menteri Tanam-tanaman Pulau Pinang, menyeru pekebun-pekebun kecil Melayu supaya bersatu padu dan berusaha bersungguh-sungguh dalam lapangan menanam getah semula dan membuka tanah-tanah baru "bagi mengawal kehidupan kita supaya kita tidak kecewa dalam Malaya Merdeka kelak." Beliau menyuarakan rasa dukacita kerana "selama ini orang-orang Melayu hanya sedikit sahaja yang merebut peluang yang dianjurkan Kerajiaan untuk kemudahan pekebunhanya sedikit sahaja yang merebut peluang yang dianjurkan Kerajiaan untuk kemudahan pekebunhekebun kecil. Peruntukan sebanyak \$112 juta untuk membantu pekebun-pekebun telah disediakan oleh Kerajaan tetapi sayangnya bilangan orang Melayu yang merebut peluang ini adalah terlalu kecil. Peluang membuka tanah-tanah baru disediakan di negeri Pahang dan beliau menyeru orang-orang Melayu yang tinggal di Seberang Perai dan Pulau Pinang supaya jangan ketinggalan dari merapeluang membuka tanah-tanah baru yang sedang disediakan di negeri Pahang pada masa ini. Beliau berkata "Saya telah pun membuat perhubungan dengan pihak yang berkenaan mengenai rancangan membuka tanah baru dan telah mendapat jaminan dengan syarat tuan-tuan suka berpindah ke negeri Pahang."

Jumaat 9 Ogos 1957, 13 Muharram 1377

UMNO Melaka mahu Gabenor

Jawatankuasa UMNO Melaka akan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya melantik seorang Melayu menjadi Gabenor Melaka yang pertama. Walaupun UMNO Melaka bersetuju dengan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tetapi tidak bererti dengan desakan ini UMNO Melaka menentangnya pula.

Encik Abdul Ghafar Baba, Pengerusi UMNO Melaka, menyuarakan pendapat bahawa rakyat Melayu Melaka sudah tercerai dari Rajanya selama 446 tahun dan selama ini orang Melaka telah berjuang dengan tidak berhenti untuk mengembalikan kuasa Raja itu. Katanya dengan terbukanya peluang ini patutlah desakan ini diterima oleh pihak berkuasa.

UMNO Kedah bantah 'Terang Bulan' jadi lagu Kebangsaan

UMNO Kedah telah mengirim sepucuk kawat kepada Ketua Menteri Tunku Abdul Rahman, membantah keputusan menjadikan lagu "Terang Bulan" sebagai lagu Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu. Sepucuk kawat bantahan lagi telah dihantar ke Pejabat UMNO Malaya di Kuala Lumpur. Pegawai UMNO negeri Kedah tidak mahu menjelaskan sebab-sebab mereka membantah lagu "Terang Bulan" itu menjadi lagu Kebangsaan tetapi kata wakilnya "keterangan lengkap mengapa kami membantah lagu "Terang Bulan" itu telah kami hantar kepada Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman."

Negara Malaya Merdeka boleh mengharapkan sokongan dari Indonesia -Sastrowamijoyo

Dr. Ali Sastrowamijoyo bekas Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Indonesia berkata di London bahawa soal sama ada Malaya Merdeka terus menjadi anggota negara-negara Commonwealth atau keluar daripadanya adalah satu perkara yang akan diputuskan sendiri oleh orang-orang Malaya kelak. Beliau menegaskan bahawa negara Malaya Merdeka "boleh mengharapkan sokongan dari negara saudaranya, Indonesia." Dr. Ali adalah wakil tetap Indonesia di Bangsa-bangsa Bersatu dan berada di London dalam perjalanan ke New York. Beliau membayangkan bahawa Indonesia akan menyokong penuh sebarang permintaan yang akan dianjurkan di Bangsa-bangsa Bersatu untuk menerima negara Malaya Merdeka menjadi anggota Bangsa-bangsa Bersatu.

72 dipilih menjadi drebar 'sukarela' perayaan Merdeka

72 orang dari bekas anggota Pasukan Keselamatan dipilih sebagai drebar sukarela selama sepuluh hari dalam perayaan Kemerdekaan mulai 28 Ogos 1957. Mereka dibayar gaji \$10 tiap-tiap hari dan diberi dua pasang uniform, songkok dan kasut.

Guru-guru dalam Malaya Merdeka bukan lagi kakitangan Kerajaan

Yang di-Pertua Agung Kesatuan Guru-guru Melayu lain-lain latihan Persekutuan Tanah Melayu, Cikgu Ahmad bin Abdul Rahman, mengeluarkan kenyataan bahawa semua guru-guru dalam Malaya Merdeka kelak akan diletakkan menjadi 'persamaan tingkatan' mengikut undang-undang pelajaran baru. Guru-guru itu akan menerima satu tingkatan gaji baru dan tidak akan disifatkan lagi sebagai kakitangan Kerajaan. Guru-guru Kerajaan yang das eskarang akan diberi peluang menyumbangkan perkhidmatan mereka sebagaimana pekerjaan sekarang dan tidak akan dipaksa bertukar kepada guru jenis baru (unified teachers). "Mengenai kedudukan guru-guru Melayu yang ada sekarang, Kesatuan akan mengambil langkah-langkah bagi menjaga hak-hak dan nasib guru-guru itu supaya tidak terkecewa dengan perubahan-perubahan yang berlaku itu." kata Cikgu Ahmad.

Razak ke Raub

Dato Abdul Razak Hussein, Menteri Pelajaran, akan membuat lawatan kebeberapa buah kampung daerah Raub pada 10 Ogos untuk memberi penerangan tentang rancangan perayaan Kemerdekaan.

Doakan Malaya Merdeka, aman, damai dan makmur

Orang ramai di mukim-mukim dan kampung-kampung telah diseru supaya bersama-sama menyambut lahirnya negara Merdeka bagi negeri ini mulai daripada malam 30 Ogos 1957 dengan mengadakan majlis-majlis doa selamat di tiap-tiap surau dan masjid untuk menyampai kesyukuran dan memohon kepada Tuhan agar Malaya yang Merdeka sentiasa aman, damai dan makmur. Seruan dibuat oleh pegawai-pegawai UMNO Bahagian Pahang Barat.

Pekerja-pekerja lombong cuti 31 Ogos

Mengenai aspek bercuti dan bergaji, Persatuan Majikan-majikan Lombong Malaya bersetuju memberi kelepasan sehari kepada pekerja-pekerja pada hari menyambut Kemerdekaan. Semua lombong dan kapal korek anggota-anggota (Persatuan) akan ditutup pada 31 Ogos supaya pekerja-pekerja boleh merayakan Hari Merdeka.

Menuntut gaji dibayar sebelum Hari Merdeka

Kesatuan Pekerja-pekerja Municipal dan Kerajaan Pulau Pinang telah meminta Kerajaan membayar gaji sebulan penuh kepada semua pekerja yang bergaji hari sebelum 29 Ogos supaya mereka dapat merayakan sambutan Merdeka pada 31 Ogos. Kesatuan itu meminta supaya anggota-anggotanya diberi cuti sebagaimana yang diberikan oleh Kerajaan kepada pekerja-pekerjanya yang bergaji hari.

Polis Perak beri amaran keras tentang senjata-senjata berukir "Malaya Merdeka"

Polis Kuala Kangsar menggeledah tempat-tempat disyaki tersimpan senjata-senjata perbuatan Melayu yang dikatakan tertulis perkataan-perkataan "Malaya Merdeka, Melayu Merdeka dan Selamat Merdeka" di dalam kawasan Kuala Kangsar baru-baru ini.

Tetapi senjata-senjata itu telah tidak dijumpai dan adalah dipercayai senjata-senjata itu yang termasuk juga badek, keris, golok perak dan tumbuk lada dipercayai disembunyikan di tempat lain. Polis mendapat maklumat beberapa tukang besi Melayu telah menempah senjata-senjata itu dengan tertulis perkataan 'Merdeka.' Amaran Polis bahawa mengupah senjata-senjata itu walaupun ditulis dengan perkataan-perkataan kenangan Merdeka adalah salah di sisi undang-undang Kerajaan kerana senjata-senjata seperti itu boleh digunakan bagi perkara-perkara yang tidak diingini. Polis adalah berkusas menangkap orang-orang yang didapati membuat senjata-senjata seperti itu walaupun untuk kenane-kenangan.

Rumah Api bagi perayaan Merdeka dan sambutan Merdeka di Muar

Mengenai persediaan sambutan Kemerdekaan di tiap-tiap negeri dilaporkan penduduk-penduduk Kampung Tok Ku di Terengganu membangunkan sebuah 'rumah api' manakala di Kampung Pancur, Muar pula tiap-tiap suluk mengadakan permainan.

Sabtu 10 Ogos 1957, 14 Muharram 1377

UMNO Melaka dibidas : bertentangan dengan keputusan UMNO Malaya

Beberapa orang tokoh yang terkenal di Melaka menyatakan keputusan UMNO Melaka akan mendesak Kerajaan Persekutuan melantik orang Melayu menjadi Gabenor negeri yang pertama "adalah satu
keputusan yang tidak bijak dan tidak kena pada tempatnya." Tuan Tan Siew Sin, Ketua Penerangan
MCA, telah membangkitkan perkara ini dengan keputusan UMNO itu bertentangan dengan keputusan
Persidangan Perwakilan UMNO Malaya di Kuala Lumpur tidak lama dulu yang menerima
Perlembagaan Reid sebagai Perlembagaan Negara Malaya Merdeka dan berdaulat yang di dalamnya
menyebut bahawa Raja-raja Melayu dan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan akan melantik Gabenorgabenor untuk Melaka dan Pulau Pinang dengan persetujuan Ketua Menteri Persekutuan. Katanya
dengan keputusan itu bererti UMNO tidak percaya kepada keputusan Raja-raja dan Pesuruhjaya
Tinggi dan keputusan UMNO itu adalah satu keputusan yang mustahil dapat dilaksanakan oleh sebuah
negara yang terdiri daripada berbagai bangsa.

Tuan Haji Yusof Haji Sulong, ahli Majlis Mesyuarat Municipal Melaka dan bakal Presiden Majlis Mesyuarat tersebut berkata bahawa "UMNO negeri Melaka sudah mengambil satu keputusan yang tidak bijak dan bertentangan dengan Perlembagaan baru. Alasan kepentingan sejarah tidak dapat diterima oleh suasana politik Malaya hari ini. Saya berpendapat bahawa Gabenor negeri Melaka hendaklah seorang yang berasal dari Melaka dan popular di kalangan rakyat terbanyak."

Perjuangan Merdeka di Radio Malaya malam esok

Penduduk-penduduk Malaya akan mendengar melalui Radio Malaya rancangan sejarah ringkas perjuangan Kemerdekaan Malaya yang telah dirakamkan semenjak tahun 1946. Ucapan-ucapan Dato Sir Onn Jaafar, Dato Sir Cheng Lock Tan, Sir Edward Gent, Sir Gerald Templer, Sir Donald Mac Gillivray, Dato Mahmud bin Mat dan Tunku Abdul Rahman dan lain-lain akan dapat didengar. Orang ramai juga akan berpeluang mengetahui tentang soal 'pertahanan negara' yang akan diucapkan sendiri oleh Ketua Menteri Tunku Abdul Rahman dalam bahasa Melayu.

Laga Lembu Hari Merdeka: UMNO nak bantah kepada Tunku

UMNO Perlis dan Kedah akan meminta supaya Laga Lembu diharamkan dalam sebarang pertunjukan pada hari menyambut Kemerdekaan. Tuan Sheikh Ahmad bin Mohd Hashim, ahli Majilis Undangan Federal dan ahli Majilis Mesyuarat Negeri Perlis berkata permainan laga lembu telah lama diharamkan di negeri-negeri Melayu dan tidak perlu dihidupkan semula walaupun dengan maksud hendak merayakan Kemerdekaan. Tuan Syed Ahmad Shahabuddin, ahli Majilis Undangan Federal dan Pengerusi UMNO Negeri Kedah menyifatkan permainan laga lembu sebagai perkara "menganiayai binatang" dan tidak perlu dilakukan dalam sambutan Kemerdekaan.

Perancis akui serta merta Kemerdekaan Malaya

Kerajaan Perancis akan mengakui Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dan membuka sebuah Pejabat Kedutaannya di Kuala Lumpur apabila Kemerdekaan diisytiharkan. Kerajaan Perancis akan diwakili di majlis Kemerdekaan oleh Setiausaha Negara di Kementerian Luar Negeri, Perancis.

Perkhidmatan Keretapi membawa penumpang dan barang-barang dipercepat

Syarikat Keretapi Malaya akan melaksanakan peraturan baru 'Merdeka' dalam usahanya memperluaskan perkhidmatan membawa penumpang dan mengangkut barang-barang mulai awal bulan September. Semua keretapi dalam Malaya Merdeka diberi nama kelas seperti A, B, C, D, E, F dan laju larinya 25 hingga 45 batu sejam. Keretapi kelas 'A' akan dilanjutkan larinya sehingga 55 batu sejam dan keretapi-keretapi kelas lain pun akan dilanjutkan lariannya. Selain daripada keretapi antara Prai dan Singapura, perkhidmatan keretapi Kedah dan Pantai Timur juga akan dimajukan.

Penduduk-penduduk Alor Setar diminta menghiasi rumah-rumah

Penduduk-penduduk di kawasan Alor Setar diminta membersihkan dan menghiaskan rumah-rumah mereka dengan mengibarkan bendera negeri dan Persekutuan dalam perayaan Kemerdekaan. Hadiah-hadiah yang berharga diberi kepada rumah-rumah yang cantik perhiasannya dalam kampung-kampung di kawasan Alor Setar. Kedai-kedai dan kelab-kelab yang elok sekali perhiasannya dalam kawasan Alor Setar juga akan menerima hadiah-hadiah dari Jawatankuasa tersebut. Hadiah yang berharga juga akan diberi kepada pintu gerbang cantik dan baik sekali cara buatannya.

Membelenggu Hak Asasi

Penyunting akhbar membangkitkan soal rang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang baru diluluskan. Dibangkitkan beberapa 'kekurangan' yang terdapat dalam Perlembagaan di bab keempat dan kesepuluh mengenai hak asasi rakyat dan hak kebebasan bercakap dan mengeluarkan pendapat. Pindaan-pindaan yang dibuat oleh Working Party lebih menyekat hak-hak asasi rakyat dan kebebasan itu daripada syor semula yang dirangka oleh Suruhanjaya Reid.

Kekurangan-kekurangan di dalam Perlembagaan baru dibangkitkan dengan terperinci. Komen-komen daripada wakil-wakil Parti Politik Peguam Agung dikeluarkan. Kata Penyunting, dari keterangan-keterangan itu "tak nampak di mana yang dikatakan kebebasan bercakap dan kebebasan mengeluarkan pendapat yang konon terjamin dalam Malaya yang Merdeka nanti dan di manakah adanya kebebasan kehakiman yang kononnya sedia terjamin, kalau Mahkamah Agung dihadkan kuasanya dari membela hak-hak asasi yang tercati dalam Perlembagaan itu."

Sesuai dengan cita-cita menjadikan negeri ini sebuah negeri yang sebenar-benarnya berdasarkan demokrasi, pindaan secara progresif mengenai fasal keempat dan kesepuluh dalam undang-undang dasar baru di negeri ini harus diletakkan ditempat yang utama sekali dan yang pertama sekali harus dilakukan.

Kata beliau lagi "kita percaya orang ramai akan gembira melihat Tunku Abdul Rahman sendiri, sebagai ahli undang-undang dan selepas 31 Ogos nati sebagai Perdana Menteri, membentuk sebuah jawatankuasa khas mengkaji semula kekurangan-kekurangan dalam Perlembagaan ini, sesuai dengan apa yang dikatakannya di dalam Majlis Undangan tatkala memajukan Kertas Putih Perlembagaan itu bahawa "Perlembagaan itu bahawa sendan itu bahawa termasa".

Radio Malaya dibahagi dua selepas Merdeka

Radio Malaya yang sekarang mempunyai markas di Singapura akan dibahagi dua selepas Persekutuan Tanah Melayu Merdeka. Persekutuan akan mempunyai markas radio sendiri sebagai "radio kebangsaan." Radio kebangsaan Persekutuan akan diletakkan di bawah kelolaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan seorang Melayu akan menjadi pengarahnya. Ada ura-ura Persekutuan hendak mengadakan satu bahagian siaran luar negeri yang diberi nama Voice of Malaya dengan tujuan memperkendikan Persekutuan Tanah Melavu kepada dunia luar.

Kata Sardon akan iadi sia-sia kalau......

Menteri Kerja Raya Pos dan Telekom, Encik Sardon Jubir, dalam ucapannya di Pejabat UMNO Alor Setar berkata kehidupan orang-orang Melayu akan bertambah buruk kalau mereka tidak tahu menggunakan hak-hak isimewa yang tercatat dalam Perlembagaan. Beliau berucap di depan lebih 300 orang di pejabat UMNO Alor Setar dengan memberi amaran supaya orang-orang Melayu sedar atas hal ini "iika tidak perjuangan selama ini akan sia-sia belaka."

Pekerja-pekerja ini hendak jumpa General Templer

Kesatuan Pekerja-pekerja Jabatan Perang Persekutuan bercadang menemui General Sir Gerald Templer bila beliau menghadiri perayaan Kemerdekaan untuk mendapat jaminan bahawa anggotaanggota Kesatuan "tidak akan menjadi mangsa pembuangan kerja setelah Merdeka."

Perayaan Merdeka

Panitia Sambutan Perayaan Merdeka di Beranang telah mengatur program sambutan Merdeka serentak dengan Hari Ibu Bapa sekolah umum. Antara rancangan yang diatur termasuk membina pintu gerbang dan jamuan untuk fakir miskin dan mengadakan malam aneka warna.

Memilih Lagu-lagu Kebangsaan

Jawatankuasa Pemilih Lagu-lagu Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu digambar selepas memilih Lagu Kebangsaan negeri Perak (Terang Bulan) menjadi Lagu Kebangsaan Persekutuan.

Gambar disiarkan mengenai ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih lagu-lagu Kebangsaan yang terdiri daripada Encik Ya'acob Abdul Latiff, Pengarah Jabatan Penerangan, Tuan A.T. Reid, Timbalan Pengarah Broadcasting, Tuan Ong Yoke Lin, Menteri Kenderaan dan Pengangkutan, Haji Mustapha Albakri, Pemegang Mohor Raja-raja Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra, Ketua Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa, Cik Halimaton, ahli Majlis Undangan Persekutuan, Dato Abdul. Razak Hussein, Menteri Pelajaran dan Tuan W. Crops, Pengarah Muzik, Pasukan Pancaragam Polis Persekutuan.

Ahad 11 Ogos 1957, 15 Muharram 1377

Gabenor Pulau Pinang dan Melaka dilantik dengan rasmi

Raja Sir Uda bin Raja Muhammad, Speaker Majlis Mesyuarat Undangan Federal, yang pernah menjadi Pesuruhjaya Malaya di United Kingdom, dilantik menjadi Gabenor Pulau Pinang yang pertama dalam Malaya Merdeka dan Tuan Leong Yew Koh, Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat Persekutuan, menjadi Gabenor Melaka yang pertama. Manakala Dato Othman bin Talib, Timbalan Menteri Besar Perak, dilantik menjadi Ketua Menteri Melaka. Ketua Menteri Pulau Pinang belum dimumkan lagi. Lantikan Gabenor-gabenor itu telah dibuat oleh Baginda Queen Elizabeth II dan Majlis Raja-raja Melayu setelah berunding dengan Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman. Apabila memegang jawatan barunya, Tuan Leong Yew Koh terpaksa bersara dari politik dan berhenti dari memegang semua jawatan dalam pertubuhan-pertubuhan politik.

Di Melaka, masih ada ramai anggota yang dilantik dengan rasmi dalam majlis mesyuaratnya dan adalah tujuan bakal Gabenor melantik Dato Othman, pegawai MCS yang berpengalaman, menjadi Ketua Menterinya. Di Pulau Pinang, oleh kerana banyak ahli yang dipilih dari yang dilantik, bakal Ketua Menterinya akan dilantik dari salah seorang mereka itu.

Raja Uda mengumumkan beliau akan menawar jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang kepada Tuan Wong Pow Nee, "Menteri" Perniagaan Pulau Pinang yang dipercayai mendapat sokongan penuh daripada anggota-anggota Majlis Settlement Pulau Pinang.

Dato Abdul Malik bin Yusoff bekas Menteri Besar, Negeri Sembilan, pula dilantik menjadi Speaker Mailis Mesyuarat Undangan Federal menggantikan Raja Sir Uda.

Tunku akan menerangkan kedudukan Naning dalam Malaya Merdeka pada 19 Ogos ini

Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman, dijangka mengunjung Kampung Melekek, Tabuh Naning untuk menerangkan kedudukan Wilayah Naning yang beradat perpatih dalam Malaya Merdeka. Dato Naning Mohd Shah dalam ucapannya telah menyeru penduduk-penduduk supaya bersatu padu 'dalam ertikata yang sebenar' waktu menyambut kedatangan Ketua Menteri itu.

Pahang bersetuju mengadakan pemerintahan cara 'berMenteri' pada dasarnya

Kerajaan negeri Pahang pada dasarnya telah bersetuju dengan pemerintahan cara "berMenteri" yang akan dilaksanakan selepas Merdeka. Majiis Mesyuarat Negeri Pahang telah meluluskan Kertas Putih Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan bersetuju membuat pindaan ke atas undang-undang tubuh negeri Pahang yang ada sekarang supaya sesuai dengan Perlembagaan tersebut. Kerajaan telah bersetuju pada dasarnya hendak mengadakan pemerintahan cara 'berMenteri' itu setelah mengkaji dan menimbangkan perubahan-perubahan besar dalam bentuk pemerintahan apabila Pilihan Raya seratus peratus dijalankan kelak. Kalangan pemimpin-pemimpin Perikatan yang kanan enggan menerangkan lebih jelas siapa-siapakah dan berapa orangkah yang kelak akan dilantik menjadi 'Menteri.' "Perkara ini akan ditentukan lebih dulu oleh UMNO dan Perikatan Negeri Pahang," kata salah seorang ahli daripada Parti Perikatan.

Tunku jelaskan peranan tentera-tentera Malaya setelah Kemerdekaan dicapai kelak

Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman, dalam ucapannya menerusi Radio Malaya mengenai 'Pertahanan Negara' berkata semua tentera Persekutuan Tanah Melayu akan digunakan untuk menjaga keselamatan dalam negeri. Mereka tidaklah pula dapat menjaga Malaya dari serangan luar sungguhpun mereka dilatih menangani segala jenis serangan. Tunku berkata kerumitan pertahanan luar tidak dinafikan kerana dengan itulah Kerajaan Persekutuan menyusun perjanjian pertahanan dengan Kerajaan Inggeris dan perjanjian itu akan ditandatangani jika dilulus selepas Merdeka. Kata Tunku "Perjanjian ini ialah bagi pertahanan dan pertolongan antara dua pihak dan sebagai membalas jasa Kerajaan Inggeris di atas pertolongan itu maka Kerajaan Persekutuan akan membenarkan Kerajaan British membuat pengkalan dan bangunan tenteranya di Persekutuan Tanah Melavu."

Kata Tunku lagi, "Tadi saya berkata adalah perjanjian ini, jika diluluskan akan disahkan lepas Merdeka. Saya tegaskan perkara ini ialah kerana hendak menerangkan bahawa perjanjian ini bukanlah dibuat oleh satu Kerajaan penjajah dengan sebuah negeri yang ditakluki, tetapi ialah satu perjanjian yang dibuat dengan suka hati oleh dua buah negeri yang berdaulat." Tunku menyatakan lagi bahawa perjanjian pertahanan itu bukanlah bermakna menyinggung kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka. Perjanjian itu adalah di antara dua sahabat yang setaraf di mana tiap-tiap seorang dapat memberi dan menerima faedahnya.

Lagi satu perkara yang dibangkitkan oleh Tunku ialah bahawa Persekutuan Tanah Melayu bukan sahaja berjaga-jaga dari serangan luar negeri yang menggunakan angkatan udara, laut dan darat tetapi juga Persekutuan Tanah Melayu berjaga-jaga dari musuh dalam selimut. "Sebetulnya di Tanah Melayu ini, kita tidak berlawanan dengan musuh dari luar negeri tetapi ialah musuh dari dalam negeri sendiri yang mana kita sudah berjuang selama sembilan tahun dan teruskan perjuangan itu sehingga keamanan tercapai." kata Tunku.

Pelukis Belanda akan melukis pemandangan perayaan Merdeka

Seorang pelukis Belanda akan melukis semua pemandangan perayaan Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka 'sebagai permulaan sejarah' lepas Merdeka bagi negeri ini. Salah satu lukisannya ialah apakala Tunku Abdul Rahman sedang membaca pengisytiharan Kemerdekaan dengan dihadiri oleh wakil-wakil Kerajaan British dan Raja-raja Melayu dan lain-lain tetamu. Tujuan utama lukisannya itu ialah hendak melukiskan sejarah yang penting sekali dalam Perayaan tersebut. Lukisan pemandangan bersejarah itu dicadang dibuat atas canvas sebesar 4 hingga 6 ela dan dijangka siap dalam masa 3 bulan dan belanjanya ialah \$8,000.

Cara-cara menyanyi lagu-lagu nasional

Terdapat ramai permintaan supaya lagu-lagu nasional disiarkan untuk membolehkan peminat-peminat menyanyi. Tuan Zubir Said, pencipta lagu-lagu nasional, telah menyiarkan dua lagu tersebut bersama maklumat dan liriknya sekali. Lagu-lagunya ialah 'Hari Kemerdekaan' dan 'Melayu Raya'. Kenyataan dibuat bahawa sesiapa pun tidak dibenarkan memperdendangkan lagu-lagu atau senikatanya.

Lagu 'Hari Kemerdekaan' melafazkan perasaan gembira kerana menyambut Hari Kemerdekaan dan menganjurkan semangat persatuan dan menyerukan supaya Kemerdekaan kekal dan abadi. Cara menyanyi lagu itu hendaklah riang dan pantas dengan tempo march yang cepat.

Manakala lagu 'Melayu Raya' pula adalah lagu bersemangat patriotik tetapi pergerakannya tidak pantas. Untuk menyanyi lagu-lagu nasional supaya bersemangat dan mantap ada beberapa syarat yang termasuk:

- melafazkan perkataan hendaklah jelas dan tegas;
- tekanan suara kepada suku-suku kata tertentu akan memberi semangat pada lagu itu;
- teknik menyanyi lagu-lagu hiburan dan lagu-lagu asmara tidak sesuai dengan lagulagu nasional bersemangat; dan
- 4) suara hendaklah dikeluarkan dengan penuh, jangan lembut dan manis.

Bakal Yang di-Pertuan Agong puji ahli-ahli Majlis

Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, bakal Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu, memberi penghargaan yang tinggi kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan atar nasihat mereka yang berharga bagi menjalankan pentadbiran dengan aman dan sentosa. Baginda bertitah: "Kami sedar sangat atas kekurangan kami dalam serba-serbi bagi menjalankan kewajipan yang ditanggungkan tetapi kesanggupan kami ini ialah kerana sokongan rakyat negeri ini terutama sekali Kerajaan Perikatan, Ketua Menteri dan Menteri-menteri Kerajaan Perikatan. Sungguh pun kami akan beredar ke Selangor tetapi hati kami adalah berasa di dalam negeri ini, juga dalam bilik mesyuarat ini. Kami mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Raja-raja yang memilih dan juga tidah upa akan budi Ahli-ahli Majlis Mesyuarat ini iaitu Dato-dato Undang, Dato Menteri Besar serta Ahli-ahli Perikatan yang telah membantu kami dengan memberikan nasihat dan kerjasama pada menjalankan alahir negeri ini dengan aman dan sentosanya." Soal ini dibahaskan dalam mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan yang kemudian memutuskan hendak mendesak Kerajaan Negeri supaya segera menjadi Undang-undang satu peraturan yang telah dibuat oleh Majlis Agama Islam Negeri mengenai perkara tersebut serta iuga mengadakan satu Undang-undang Mahamah Syariah.

Kuasausaha Malaya di Amerika

Tuanku Ja'afar, Putera Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, memberitahu pihak media bahawa Baginda akan menjadi 'kuasa usaha Persekutuan' selepas Hari Kemerdekaan. Baginda juga sedang berunding dengan beberapa pihak untuk mendapatkan bangunan yang akan dijadikan Pejabat Kedutaan.

Rakyat sendiri akan menentukan dasar luar Malaya

Tunku Abdul Rahman Putra, Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, membuat pengumuman bahawa "soal sama ada Malaya Merdeka akan memasuki Pakatan SEATO – blok Asia-Afrika atau lain-lain atau tidak – adalah terpulang kepada rakyat negeri ini sendiri menentukannya kelak." Ketentuan yang boleh dibuat ialah Malaya Merdeka akan memasuki Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, kata Tunku.

Dalam soal memasuki Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Kerajaan tidak meminta fikiran dan ketentuan dari rakyat kerana "Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ialah satu pertubuhan yang diasas dan didirikan untuk keselamatan dan keamanan dunia dengan tidak mengira apa corak negeri itu." Tunku berpendapat "sebelum dapat kita menentukan dasar luar negeri kita, haruslah kita Merdeka dan meninjau maksud dan tujuan negara-negara itu dalam lapangan politik dunia dan juga pendirian mereka terhadap negara kita."

Sambung Tunku lagi "Memanglah ada negeri-negeri yang berkehendakkan kita masuk ke dalam golongan mereka bagi mempertahankan dunia ini daripada dikuasai oleh Komunis dan ada pula negeri-negeri yang mahukan kita memasuki golongannya kerana kepentingan ekonomi mereka. Oleh itu apa-apa juga dasar atau polisi yang hendak dijalankan baik dalam mahu pun luar kenalah kita bermuafakat antara negeri-negeri dan setelah diluluskan kelak barulah dijadikan dasar kita yang sebenarnya. Sebagai permulaan ini. Malaya Merdeka akan mengadakan perhubungan dengan negeri-negeri dari golongan-golongan yang disebutkan itu kerana dengan dasarnya adalah sesuai dengan keadaan dan kedudukan kita pada hari ini."

Sambung Tunku lagi Kerajaan Persekutuan akan mengirimkan Duta-dutanya ke negeri-negeri Commonwealth yang bercorak demokrasi sebenarnya. Kata Tunku "tanggungan dan kewajipan Malaya yang berat sekali ialah melibatkan perkara-perkara dalam negeri. Kalau dalam hal ehwal kita sendiri menjadi buruk dan kucar-kacir, bagaimanakah kita hendak ambil campur perkara-perkara dan hal ehwal luar negeri?"

Ketua Menteri menyeru supaya semua kaum dalam negeri ini menanam jiwa dan semangat Malaya di dalam hati sanubari mereka dan menanamkan perasaan bahawa Malaya adalah negeri mereka dan mereka harus sanggup dan bersedia berkorban segala-galanya, "bahkan jiwa kita sekali pun untuk mempertahankan tanah air kita daripada ancaman dan pencerobohan musuh dari dalam dan luar negeri."

Ujar Tunku lagi "seluruh rakyat jelata haruslah bermuafakat meruntuhkan sedikit demi sedikit pagar-pagar ini supaya pada satu hari kelak dengan ikhtiar dan kuasa Tuhan dapatlah kita menubuhkan satu bangsa yang semuanya bersatu padu bersedia memikul segala tanggungjawab terhadap Persekutuan Tanah Melayu."

Kepentingan maruah negara harus dijaga sepenuhnya. Tunku membuat arahan, "Untuk menjaga nama baik dan maruah negeri, janganlah kita pergi ke mana-mana negeri untuk meminta sedekah atau bantuan."

Tunku menafikan tuduhan-tuduhan bahawa beliau tidak lama dulu, telah pergi ke England kerana 'meminta sedekah.' Kata beliau "kita pergi ke England untuk meminta bantuan melawan Komunis kerana perbuatan keganasan Komunis telah terjadi sewaktu negeri ini dalam pemerintahan British lagi dan oleh itu wajiblah mereka menolong dalam perbelanjaan bagi menghapuskan keganasan itu."

"Kalau Komunis masih hendak melawan kita setalah Merdeka kelak, maka tujuan mereka itu tidaklah lain bahkan hendak menubuhkan pemerintahan kuasa Komunis dalam negeri kita ini." tegas Tunku.

Tunku membuat ucapan ini di Majlis Makan Tengahari dengan wartawan-wartawan yang dianjurkan oleh Persatuan Wartawan Melayu, Persekutuan Tanah Melayu. Tunku menyampaikan penghargaan kepada akhbar-akhbar kerana sumbangan mereka hingga membuat Kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu berhasil. Tunku berkata Kemerdekaan Malaya bukanlah semata-mata hasil dari perjuangan Perikatan sahaja tetapi oleh sumbangan pihak media.

Orang-orang Indonesia di Malaya diseru membuktikan taat setia dan kerjasama kepada Malaya Merdeka

Dr. Mohd Razif, bakal Duta Besar Indonesia di Persekutuan Tanah Melayu, menyeru masyarakat Indonesia di Tanah Melayu membuktikan taat setia, kerjasama dan kejujuran kepada negara ini lebihebih lagi selepas mencapai Kemerdekaan nanti. Beliau berucap dengan menyatakan "Saya berharap masyarakat Indonesia dalam negeri ini bersama-sama berusaha mengeluarkan fikiran untuk kepentingan bersama dalam cita-cita kebangsaan, meninggikan darjat kedaulatan bangsa Melayu yang akan Merdeka." Beliau mengingatkan masyarakat Indonesia dalam negeri ini supaya menyedari tanggung-jawab yang sepatutnya ditanggung bersama bangsa Melayu dalam negeri ini.

Encik Abdul Rahman Talib, Penolong Menteri Hasil Bumi dan Kerajaan Tempatan, dalam ucapannya menyatakan harapannya agar perhubungan antara Indonesia dan Persekutuan akan bertambah mesra.

Pengutip derma

Rata-rata persediaan untuk mengutip derma bagi menganjurkan perayaan Kemerdekaan terus dijalankan dengan rancak. Untuk Jajahan Parit, Perak, perbelanjaan yang diperlukan ialah \$12,000. Di antara rancangan-rancangan yang dijalankan untuk memungut derma termasuk mengadakan sandiwara di seluruh kambung dan mengeluarkan sijil Kemerdekaan yang berharga \$10 dan \$5.

Jangan menimbulkan soal bangsa Gabenor

Encik Sardon bin Hj. Jubir, Menteri Kerja Raya dan Telekom, yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO telah mengingatkan ahli-ahli UMNO khasnya dan orang Melayu amnya supaya jangan membangkitkan soal siapa dan apa bangsanya menjadi Gabenor Pulau Pinang dan Melaka. Katanya "sekitranya perkara-perkara seperti itu diperbesar-besarkan dan dijadikan perkara yang penting ketika ini akhirnya perjuangan kita akan terganggu dan akan timbul porak-peranda dan mungkin juga berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Kita hendaklah bersabar dan pulangkan kepada Ketua Menteri untuk memutuskannya."

Kepada orang Melayu Encik Sardon mengingatkan supaya "jangan mabuk dengan Kemerdekaan dan mabuk kuasa. Janganlah ada sifat tamak dan haloba, bahkan hendaklah orang-orang Melayu itu menjaga nama baik orang-orang Melayu." Beliau mengingatkan supaya orang ramai "waspada terhadap anasir-anasir yang cuba hendak memburukkan dan meracun perasaan dengan tujuan supaya Kemerdekaan yang akan dicapai itu berakhir dengan porak peranda." Kemerdekaan yang sedang kita tunggu-tunggu itu ialah Kemerdekaan sejati. Kemerdekaan yang memberi keadilan dan demokrasi.

Seruan Sambutan Kemerdekaan

UMNO Bahagian Kluang menyeru semua orang Islam supaya beramai-ramai ke mesjid atau surau kerana sembahyang hajat dan doa kesyukuran sebagai sambutan Merdeka pada jam 12.01 minit tengah malam pada 31 Qos.

Manakala penduduk-penduduk Pekan Paguh, Perak akan menyambut Kemerdekaan pada pagi 31 Ogos dengan mengadakan jamuan dan sembahyang hajat di sebelah pagi.

Meraikan tamu luar negeri

Penyunting akhbar membangkitkan perkara meraikan tetamu dari luar negeri semasa menyambut perayaan Kemerdekaan. Setiausaha Panitia Perayaan Kemerdekaan Pusat memberi alasan berhubung dengan ketetapan Pemerintah Persekutuan melarang seseorang atau pertubuhan rentubuhan mengundang wakil-wakil dari luar negeri menghadiri di majlis-majlis tidak rasmi. Jemputan seharusnya dibuat melalui pemerintah terutamanya kepada negeri-negeri yang ada hubungan diplomatik. Ini bermakna wakil-wakil itu adalah dari "negeri-negeri yang bersahabat dengan pemerintah dipersilakan dengan hati yang terbuka."

Penyunting membangkitkan tentang perlunya rakyat Malaya di zaman Kemerdekaan mempunyai pandangan-pandangan yang bebas dan cerdas mengenai soal-soal yang berbangkit di dalam dan di luar negeri. Hanya dengan jalan bertukar fikiran secara persahabatan dengan orang-orang dari negeri-negeri lain sajalah dapat rakyat memperluaskan lagi pandangannya. Penyunting menyuarakan harapan Kerajaan akan membenarkan wakil-wakil dari luar negeri datang di Kuala Lumpur pada 31 Ogos dan bertemu dengan sesiapa sahaja yang ingin bertemu dengan mereka. 'Negeri yang berdasar demokrasi' tidak akan mengadakan sekatan dan halangan untuk menyusahkan pertemuan antara orang-orang dalam dengan orang dari luar negeri.

Ketua PAS ke Jakarta menemui pejuang-pejuang Kemerdekaan Malaya serta pemimpin-pemimpin Indonesia

Dr. Burhanuddin, Presiden PAS (Parti Islam SeMalaya) bertolak ke Jakarta untuk memberi penerangan kepada pemimpin-pemimpin Indonesia dan Pejuang-pejuang Kemerdekaan Malaya mengenai corak Kemerdekaan Malaya yang akan diisytiharkan pada 31 Ogos.

Dr. Burhanuddin memberi penerangan menurut kacamata PAS yang diperkenalkan di Jakarta sebagai Parti yang memperjuangkan sebuah negara Islam. Pas mengalu-alukan Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos sebagai "babak Kemerdekaan yang pertama tetapi akan terus berjuang untuk mengubah Perlembagaan sekarang agar sesuai dengan dasar PAS."

Dr. Burhanuddin akan menemui Pemimpin-pemimpin pertubuhan yang memperjuangkan Kemerdekaan Malaya di Jakarta dan beliau akan berada di Jakarta selama seminggu. Kata beliau Kongres PAS akan diadakan di Kuala Lumpur pada 24 dan 25 Ogos untuk menyesuaikan kedudukan PAS menghadapi Kemerdekaan. PAS juga akan mengadakan perayaannya sendiri pada Hari Kemerdekaan dengan majlis-majlis syarahan dan penerangan di sekitar perjuangan PAS.

Selasa 13 Ogos 1957, 17 Muharram 1377

PAS sokong Persekutuan masuk U.N.O.

Parti Islam Se Malaya (PAS) menyambut baik ura-ura Kerajaan Perikatan yang hendak menjadikan Persekutuan Tanah Melayu anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNO) "asalkan jangan terikat dengan blok yang merugikan negara." Ustar Osman Abdullah, Setiausaha Agung PAS, berpendapat memang wajar bagi Malaya menjadi "anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang mempunyai dasar mengekalkan keamanan dunia tetapi Persekutuan Tanah Melayu harus lebih dulu mengkaji betul-betul kepada blok mana ia harus memberi sokongannya."

Mengenai perayaan Kemerdekaan, PAS akan menghantar dua wakil rasmi yang terdiri daripada Ustaz Osman Abdullah dan Dr. Burhanuddin Helmi, Yang di-Pertua Agung PAS, Hubungan Burma-Malaya, Kerajaan Burma akan mengadakan hubungan diplomatik dengan Persekutuan Tanah Melayu apabila negara diisytiharkan Merdeka. Pejabat Kedutaan Burma akan dibuka di Kuala Lumpur pada 31 Ogos.

Ucapan memuji-muji British hendaklah diberhentikan sekarang

Encik Abdul Ghafar Baba, ahli Majlis Mesyuarat Undangan Federal dan Ketua UMNO Melaka, berkata bahawa "perbuatan memuji-muji dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan British oleh sesiapa sahaja hendaklah diberhentikan." Kata beliau bahawa dunia mengetahui Kemerdekaan sesebuah negeri itu adalah hasil perjuangan rakyatnya sendiri dan bukan kerana timbangrasa penjajah yang menjajah negeri itu. Sambungnya lagi "Kerana itu saya mencabar sesiapa saja supaya membehentikan perbuatan memuji-muji Kerajaan British. Rakyat negeri ini saja yang bersifat menerima pujian dan terima kasih dari pemimipinnya, walaupun menjadi kewajipan rakyat sesebuah negeri yang terjajah membebas negerinya dari belenggu penjajahan.

UMNO Melaka bantah ura-ura Kerajaan nak mendirikan sebuah lagi istana Yang di-Pertuan Agong Malaya di Melaka

UMNO Negeri Melaka membantah ura-ura Kerajaan Persekutuan hendak membina sebuah istana untuk Yang di-Pertuan Agong di negeri Melaka. Ura-ura tersebut hanyalah membazirkan wang rakyat semata-mata. UMNO Melaka mengambil keputusan membantah ura-ura tersebut dalam mesyaurat tergemparnya. Encik Ghafar Baba juga membangkitkan bahawa UMNO Melaka membantah ura-ura Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu hendak membina sebuah istana untuk Yang di-Pertuan Agong di Melaka. "Dalam saat Malaya Merdeka menuju zaman pembangunan, pembinaan istana seperti ini bererti menghabiskan wang rakyat dan ini adalah ditentang oleh UMNO negeri Melaka." Sambungnya "Apa perlunya diadakan sebuah istana di negeri nik, kalau hanya persemayaman Baginda sekali-sekali sahaja untuk mengunjungi Melaka?" Selain daripada membantah ura-ura hendak mendirikan Istana ini, UMNO Melaka menyokong bantahan UMNO Kedah terhadap keputusan negeri Perak sebagai Lagu Kebangsaan nayn telah bersetuju hendak menjadisha lagu Kebangsaan negeri Perak sebagai Lagu Kebangsaan Malaya Merdeka. UMNO Melaka juga membantah pertunjukan Laga Lembu yang akan diadakan dalam perayaan menyambut Merdeka kerana itu seolah-olah-nya menganjaya binatang-binatang itu.

Lagi bantahan terhadap Laga Lembu

Bantahan-bantahan telah bertambah terhadap rancangan Kerajaan mengadakan acara Laga Lembu dalam perayaan menyambut Kemerdekaan di Kuala Lumpur. Bantahan itu termasuk juga dari negeri Perlis yang telah pun mengharamkan permainan Laga Lembu dan kerbau di Perlis semenjak sebelum perang dunia ke-2 lagi.

Biasanya Lembu-lembu Laga itu digantung lehernya dengan tangkal-tangkal azimat, kononnya untuk memberanikan lembu itu dan kadang-kadang orang yang bersabung menggunakan pawang
untuk menentukan mana-mana lembu vang mungkin dapat kemenangan.

Wan Ahmad bin Wan Daud, Ahli Majlis Mesyuarat Negeri dan Ahli Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Perlis, berkata "Kerajaan harus memandang lebih jauh mengenai permainan Laga Lembu kerana akibatnya bukan sahaja menyeksa binatang tetapi dapat menimbulkan perkara-perkara yang lebih buruk seperti judi, perkelahian dan lain-lain soal bertentangan dengan agama." Tuan Haji Ahmad, Yang di-Pertua Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Perlis, berkata "Kerajaan tidak patut menggalakkan permainan Laga Lembu kerana bukan sahaja menganiaya binatang tetapi juga akan menimbulkan berbagai-bagai soal yang akibatnya menambahkan keburukan masyarakat yang ada sekarang. Saya percaya Kerajaan Perikatan akan menimbangkan semula rancangan mengadakan perlawanan Laga Lembu itu."

Tambang-tambang bas di Melaka mungkin diturunkan kerana Merdeka

Pada 31 Ogos 1957, tuan-tuan punya bas di Melaka mungkin akan mengurangkan bayaran tambang bas untuk memberi kemudahan kepada orang ramai menyaksikan kesampaian Gabenor negeri Melaka yang pertama. Kata Setiausaha Persatuan Tuan-tuan Punya Bas, "Saya percaya hal ini akan diterima baik oleh tuan-tuan punya bas."

Malam Aneka Warna mendapat kejayaan

Kaum Ibu UMNO Bahagian Tampin, Johor mengadakan Malam Aneka Warna selama dua malam berturu-turut kerana pungutan derma Kemerdekaan. Diadakan peraduan 'Ratu Kebaya,' lagu-lagu Melayu asli dan lakunan pentus. Lebih 50,000 orang telah menyaksikan persembahan itu.

Perisytiharan Kemerdekaan dalam empat bahasa

Di Segamat Johor, Perisytiharan Kemerdekaan akan dibaca dalam empat bahasa pada jam 9 pagi 31 Ogos 1957 sementara sambutan Kemerdekaan pula diadakan pada 11 dan 12 September dengan pertunjukan selama dua malam berturut-turut. Di samping itu pertunjukan kanak-kanak akan diadakan dan orang sakit di hospital akan menerima pemberjan makanan.

Jamuan pada Hari Kemerdekaan

Di Kuala Pilah pula akan diadakan jamuan untuk fakir miskin dalam jajahan itu yang akan dilakukan di 60 buah masjid, 6 buah madrasah dan rumah-rumah Persatuan Islam. Wang sebanyak \$1,980 diluluskan untuk acara sambutan ini.

Sambutan Merdeka di rata tempat

Untuk menghadiri majlis Pengisytiharan Kemerdekaan, semua Cawangan UMNO menghantar wakil masing-masing dan hampir setiap hari dilaporkan jumlah yang akan hadir. UMNO Bahagian Batu Pahat, akan menghantar 56 wakil sementara dari Cawangan Sungai Udang Melaka, 2 orang akan menghadiri. Cawangan Port Dickson pula akan menghadiri. Cawangan Port Dickson pula akan menghadiri.

Satu perlawanan sukan diadakan sempena sambutan Merdeka. Kumpulan Central Melaka telah mengadakan perlawanan sepak raga Merdeka di Kampung Gelam. Persediaan untuk menyambut Merdeka rancak dijalankan memandangkan ada 18 hari sahaja lagi sebelum hari yang amat penting kepada rakyat dan negara. Ada tempat-tempat yang menyatakan jumlah peruntukan yang diperlukan untuk mengadakan sambutan dan untuk mendapatkan peruntukan kutipan derma perlu dijalankan. Perbelaniaan untuk Kampung Tebing di Melaka ialah \$1,500 dan UMNO akan menganjurkan perayaan tersebut. Di bandar Pontian pula derma dikutip sebanyak \$2 daripada ahli-ahli Jawatankuasa UMNO dan \$4 daripada ahli-ahli untuk sambutan di Cawangannya.

Antara acara sambutan yang dirancangkan termasuklah syarahan khas perjuangan umat Melayu oleh penuntut-penuntut wanita di Bukit Chandan, Kuala Kangsar. Di Sungai Udang Melaka pula, tiap-tiap rumah diminta memasang api dari petang hingga pagi pada hari yang bersejarah itu dengan mengadakan juga perkumpulan di masjid-masjid, surau dan di tokong-tokong bagi orang Cina. Beduk atau ketuk-ketuk akan dibunyikan pada jam 12.01 menandakan masuknya saat Merdeka. Cawangan Perikatan Durian Tunggal bercadang membina sebuah pintu gerbang di Padang Terbang. Batu Berendam. Sementara itu bagi kanak-kanak miskin di Kampung Hulu Melaka mereka akan dijamu nasi di masjid oleh penduduk-penduduk dengan mengadakan majlis berzanji.

Orang Asing patut berterima kasih pada orang Melayu

Di dalam ucapannya di rumah UMNO. Kota Bharu yang dihadiri oleh lebih 5,000 orang, Tunku Abdul Rahman Putra, Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu menyatakan "orang-orang asing yang tinggal di negeri ini patutlah memberi terima kasih kepada orang-orang Melayu, kepada siapa mereka berbudi kerana orang-orang Melayu telah menerima mereka menjadi rakyat negeri ini." Dalam upacara itu Tunku menganjurkan supaya penduduk-penduduk negeri ini terutamanya orang Melayu, "hidup dengan cara dan jiwa baru dalam negara yang Merdeka nanti." Beliau berharap "orang-orang Melayu merebut peluang yang ada di negara Merdeka supaya bangsa Melayu tidak seperti keadaannya sekarang ini dalam negeri mereka sendiri."

Kata Tunku lagi "Dalam negara yang Merdeka kita ingin kepada kebahagiaan dan untuk mencapai cita-cita ini rakyat sendiri harus berikhtiar sesungguh-sungguhnya." Tunku berkata "Kerajaan tidak akan menjalankan pemerintahan hanya dengan hawa nafsu saja tetapi ialah menurut dasar demokrasi."

31 Ogos tiap-tiap tahun mungkin jadi hari kelepasan

Apabila Dato Abdul Razak Hussein, Menteri Pelajaran, ditanya oleh pihak Utusan Melayu adakah Kerajaan akan menjadikan 31 Ogos tiap-tiap tahun hari cuti kelepasan am, beliau berpendapat Hari Kemerdekaan mesti menjadi hari kelepasan tahunan "kerana hari tersebut bukan sahaja hari bersejarah di sisi rakyat Malaya, tetapi juga hari bersejarah kepada dunia kerana telah lahir sebuah lagi negara bebas yang Merdeka."

Dato Razak telah merasmikan kursus pegawai-pegawai protokol yang menjadi pemandu dan pegawai penerangan kepada jemputan negara-negara asing di Majlis Perayaan Kemerdekaan kelak. Seramai 100 orang pegawai akan menerima Kursus selama tiga hari. Daripada merekalah nanti jemputan-jemputan negara asing terutamanya yang baru pertama kalinya datang ke Malaya akan mengetahui keadaan Malaya.

Pelajaran Universiti di Kolej Islam Malaya

Dato Abdul Razak Hussein, Menteri Pelajaran, telah memaklumkan bahawa mulai bulan September selepas Merdeka sebahagian daripada pelajaran di Kolej Islam Malaya di Kelang akan menjadi sebahagian daripada Universiti Malaya. Beliau menerangkan Kementerian Pelajaran mengambil perhatian yang berat bagi meninggikan pelajaran agama dan ilmu pengetahuan yang lain-lain di kalangan anakanak negeri ini di masa depan.

Menurut Dato Razak, dasar pelajaran baru Persekutuan akan memberikan didikan dan pengetahuan agama yang tertentu dalam masa yang ditetapkan mengikut jadualnya dari darjah satu di sekolah rendah sampai ke darjah sembilan di sekolah menengah dan seterusnya ke tingkat Universiti.

Dato Razak, menyeru kepada orang ramai supaya menyambut Kemerdekaan dengan penuh keriangan "tetapi janganlah lupa menjaga keselamatan dan keamanan negeri sendiri daripada sebarang ancaman. Di antara ancaman-ancaman itu ialah khabar-khabar angin yang merosakkan ketenteraman orang ramai."

Universiti Cabang Kuala Lumpur dibuka bulan depan

Universiti Malaya Cabang Kuala Lumpur, akan dibuka pada 16 September 1957 yang bertempat di bangunan Technical College, Gurney Road, Kuala Lumpur, Penuntut-penuntut pertama di Cabang iturdiri daripada 250 orang satu bahagian arts dan 50 penuntut-penuntut Sijil Pelajaran. Untuk perjalanan Universiti itu 14 orang pensyarah dihantar dari Universiti Malaya di Singapura. Prof. Mason menjadi Ketua Jabatan Pelajaran Arts, Prof. A. Oppenheim yang menjadi Penolong Canselor Universiti Malaya, Cabang Kuala Lumpur telah menemui Dato Abdul Razak Hussein, Menteri Pelajaran Persekutuan untuk membincangkan pelbagai perkara mengenai Universiti di Kuala Lumpur.

Richard Casey ke Kuala Lumpur

Menteri Luar Australia, Richard Casey, mengumumkan beliau akan mewakili Kerajaan Australia di majlis perayaan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Hadiah dari Australia ialah dua buah meja dengan kerusi yang dibuat dari kayu asli Australia untuk digunakan oleh kutubkhanah Parlimen di Kuala Lumpur. Di samping itu 4 ekor angsa hitam akan dihadiahkan untuk dipelihara di Lake Garden, Kuala Lumpur.

Templer ke Malaya

Field Marshal Sir Gerald Templer, kepala Staff Pasukan-pasukan bersenjata Inggeris, akan melawat Tanah Melayu sebagai tetamu rasmi sempena Sambutan Kemerdekaan. Beliau juga akan melawat Singapura dan Hong Kong.

Berusahalah lebih giat selepas Merdeka

Encik Abdul Aziz Ishak, Menteri Pertanian, menyeru orang Melayu seluruhnya supaya dengan semangat baru selepas Merdeka melipat gandakan usaha mereka bagi meninggikan taraf perekonomian Melayu hingga setanding dengan lain-lain bangsa yang telah maju. Katanya sekiranya orang Melayu, khususnya kaum tani di kampung-kampung, selepas Merdeka kelak tidak lebih giat berusaha dari masa yang sudah-sudah, "Kemerdekaan yang kita terima hasil perjuangan selama ini tidak bererti apa-apa."

Beliau memberi contoh bahawa orang-orang Cina kerana kegiatan mereka berusaha dalam penghidupan 'dapat lima ringgit sehari.' "Kita orang Melayu hendaklah berbuat seperti itu juga. Jika tidak kita akan ketinggalan di belakang lain-lain bangsa yang telah maju dalam negeri ini." Encik Aziz telah banyak memberi nasihat dan pandangan. Sambil memberi terima kasih kepada orang ramai yang menunggu kedatangannya beliau mengingatkan supaya 'dari sekarang semua golongan rakyat negeri ini mengamalkan rasa saling mengerti dan berbaik sangka di antara satu sama lain. Janganlah lekas mempercayai sebarang dakyah yang bertujuan hendak meneruskan perpaduan penduduk di dalam negeri ini."

Sambutan Hari Merdeka di merata tempat

Sambutan Hari Merdeka terus dirancang lagi di banyak tempat. Di Rembau, Negeri Sembilan akan diadakan istiadat barisan kehormatan, disusuli dengan Pengisytiharan Kemerdekaan dan pada malamnya pula diadakan majlis membaca doa dan menjamu fakir miskin. Pada 10 September akan diadakan berjenis-jenis sukan padang dan pada malamnya pesta kesenian dan kebudayaan. Sebuah bangunan dipunakan Dekwan Merdeka akan dibina

Manakala di Yan, Kedah, pula pihak pemuda-pemudi akan mengadakan 'Malam Keramaian' dua malam berturut-turut dengan peraduan membaca sajak, nyanyian dan fesyein pakaian perempuan dan pakaian beragam lelaki. UMNO Cawangan Parti Jawa Muar akan mengadakan sambutan menghiasi dewannya dengan memasang api dan bendera-bendera serta permainan-permainan yang dibuka kepada orang ramai. Kaum Ibu pula akan mengadakan jamuan teh khas untuk wanita sahaja. Persatuan Drebar-drebar Melayu Persekutuan Tanah Melayu di Kuala Lumpur akan menyambut Kemerdekaan dengan membaca doa selamat dan tahili pada malam 31 Ogos. Majiis itu akan diadakan di rumah Persekutuan, Princess Road. "Drebar-drebar Melayu yang tinggal di luar Kuala Lumpur yang ingin melihat perayaan Kemerdekaan dan tidak ada tempat tinggal bolehlah datang ke rumah Persekutuan dan tinggal di situ."

Terdapat juga di banyak tempat di mana rundingan masih rancak dibuat untuk menyediakan acara-acara sambutan. Ini termasuk penduduk-penduduk di Lubuk Merbau, Kuala Lui, Kinta dan Kampung Kuala Sungai Baru, Melaka. Berbagai jawatankuasa dilantik untuk merancang program-program dan majlis-majlis yang boleh dihayati dan dinikmati oleh seluruh masyarakat di kawasan-kawasan berkenaan.

Khamis 15 Ogos 1957, 19 Muharram 1377

Pujian-pujian kepada Sir Donald kerana jasanya

Terdapat banyak berita mengenai Sir Donald MacGillivray, Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu, yang terakhir di akhbar pada 15 Ogos 1957. Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri, telah memberi ucapan pujian kepadanya. Ucapan balas balik beliau amat menarik dengan maklumat dan nasihat kepada negara yang akan Merdeka.

Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan di persidangannya terakhir sebelum Merdeka menyampaikan penghargaan yang tinggi kepada Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu yang akhir, Sir Donald MacGillivray, di atas segala 'nasihat, asuhan dan pimpinannya yang bijaksana' terhadap Majlis tersebut yang telah diberikan semenjak beliau menjadi Pesuruhjaya Tinggi. Di majlis itu beliau menyampaikan ucapan terakhir dan setiap yang hadir berasa terlalu sedih kerana ketiadaannya nanti.

Tunku Abdul Rahman Putra, Ketua Menteri, di dalam ucapan penghargaannya berkata "Sir Donald akan diingati sebagai Pesuruhjaya Tinggi yang telah mengembalikan semula segala hak rakyat dalam negeri ini yang mana ahli-ahli pentadbir British telah membaiki hingga kesempurnaannya."

Persekutuan perlu mempunyai suatu objektikf untuk mengekalkan semangat Kemerdekaan selama-lamanya

Sir Donald MacGillivray di dalam ucapannya bagi kali penghabisan dalam Majlis Mesyuarat Undangan Federal telah mengingatkan semua bahawa "komunism tidak akan dapat dikalahkan sematar-mata dengan memberikan ucapan-ucapan anti-komunis sahaja." Kata beliau sungguhpun ancaman komunis mungkin sudah berkurangan disebabkan hampirnya tiba Kemerdekaan tetapi ancaman itu 'masih belum lagi lenyap.' Mujurlah Kerajaan "cukup sedar ia mesti terus berjaga-jaga dan waspada terhadap ancaman komunis itu setelah Merdeka kelak dan akan terus menentangnya." demikian kata Sir Donald dengan penuh kevakinan.

Pindaan-pindaan atas Undang-undang Pekerja-pekerja 1955 diluluskan oleh Council

Majlis Mesyuarat Undangan Federal di mesyuarat yang akhir sebelum Merdeka telah menolak rayuan wakil Dewan Perniagaan India. Dalam majlis itu Tuan S.O.K. Ubaidullah yang merayu supaya pindaan ke atas Undang-undang Pekerja 1955 yang berkuatkuasa pada 1 Jun 1957 ditangguhkan sehingga majikan dapat mengkajinya. Majlis itu telah meluluskan pindaan-pindaan ke atas Undang-undang tersebut yang dibentangkan oleh Tuan V.T. Sambanthan, Menteri Buruh.

Pemimpin-pemimpin buruh dalam Majlis itu, walaupun tidak berucap mengenai Undangundang itu, telah mengalu-alukan dan menyifatkannya 'sebagai satu hadiah Merdeka'. Keputusan meminda Undang-tundang itu adalah untuk memberi peluang kepada semua golongan pekerja dalam negeri ini supaya mendapat faedahnya dari undang-undang tersebut.

Tuan Sambanthan berkata bahawa Undang-undang tersebut bukan sahaja akan menjaga kepentingan kaum buruh tetapi adalah juga kepentingan semua orang yang makan gaji. Tuan Ubaidullah waktu menegur keputusan meminda Undang-undang tersebut berkata "Menteri Buruh itu sepatutnya hendaklah berhubung terlebih dahulu dengan berbagai-bagai dewan perniagaan dalam negeri sebelum membentangkan dalam Majlis."

Penduduk-penduduk Pulau Pinang puas hati

Penduduk-penduduk Pulau Pinang puashati dengan perlantikan Raja Sir Uda sebagai Gabenor pertama Pulau Pinang dan Tuan Wong Pau Nee, bakal Ketua Menteri. Penduduk-penduduk Pulau Pinang sukacita sebab Raja Uda adalah seorang yang bijak dan cekap menjalankan tugas-tugas. Beliau telah menafikan khabar-khabar angin yang mengatakan kejadian buruk akan berlaku sekali lagi di Pulau Pinang. "Walaupun peristiwa buruk pernah berlaku dalam bulan Januari tahun ini, tetapi saya percaya cakap-cakap angin itu tidak akan memberi kesan atau pun dipercayai oleh penduduk-penduduk sekalian."

Penduduk Persekutuan berjumlah 6,276,915

Penduduk Persekutuan, menurut banci pada Mei 1957 iaitu tiga bulan sebelum Merdeka ialah 6,276,915 orang. Jumlah ini menunjukkan tambahan sebanyak 1,35 juta atau 27,5% daripada tahun 1947. Tiga bandar besar yang mempunyai penduduk lebih daripada 100,000 ialah Kuala Lumpur seramai 315,000 orang. George Town seramai 234,855 orang dan Ipoh seramai 125,855 orang.

Kerajaan Persekutuan didesak mengelakkan perbuatan yang berlawanan dengan agama Islam di Perayaan Merdeka

Parti Islam SeMalaya (PAS) di mesyuarat agungnya di Kuala Lumpur mendesak Kerajaan "supaya berikhitar mengelakkan sebarang perbuatan yang berlawanan dengan ajaran agama Islam dan yang menyentuh kesucian ajaran Islam di dalam perayaan Kemerdekaan nanti." PAS berpendapat, sesuai dengan agama Islam menjadi agama rasmi di dalam Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, sebarang perbuatan yang melanggar kesucian agama Islam perlulah dijauhi. Berkenaan dengan pelajaran agama PAS tersebut akan mendesak Kementerian Pelajaran Persekutuan supaya dengan segera melaksanakan dasar pelajaran Dato Razak tahun 1957 tentang membuka kelas-kelas agama di dalam semua senelah-sanakan dengan segera bantuan kepada sekolah-sekolah agama yang dal Islorang pelajar-pelajar Islam di dalamnya. PAS itu juga meminta supaya Kerajaan melaksanakan dengan segera bantuan kepada sekolah-sekolah agama yang diluluskan oleh Kerajaan sedikit masa dulu dan meminta Kerajaan Perikatan mengamalkan dengan secara tegas pemakaian bahasa Melayu di dalam pejabat-pejabat Kerajaan

Mengenai perkara pembukaan rasmi Stadium Merdeka pada 30 Ogos 1957, para jemputan diingatkan supaya berada di Stadium selewat-lewatnya sebelum jam 7.45 pagi. Pada jam 8.20 pagi Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri, akan mengisytiharkan pembukaan rasmi Stadium Merdeka. Sebelum itu Tunku akan disambut oleh satu barisan kehormatan Askar Melayu dari batalion yang kelima. Pasukan pancaragam pusat Askar Melayu akan turut memberi penghormatan.

Tunku jelaskan tentang "drebar perempuan" yang dijemput

Dalam hal tetamu-tetamu yang telah diundang untuk Hari Kemerdekaan ada yang meliputi orang bangsawan dan ada juga dari kalangan rakyat jelata. Tunku Abdul Rahman, telah ditanya oleh wali PAS tentang jemputan kepada seorang drebar perempuan dari England untuk menghadiri upacara Kemerdekaan. Wakil PAS itu ingin tahu siapakah yang menanggung perbelanjaannya, sebab-sebab jemputan-jemputan itu dikeluarkan kepadanya dan peranan yang diberikan oleh orang ini dalam perjuangan Kemerdekaan negeri ini. Kata Tunku mereka dijemput kerana ada hubungan dengan negeri ini dan bantuan telah mereka berikan dalam perjuangan Kemerdekaan negeri ini. Orang-orang Inggeris yang kuat menyokong cita-cita Kemerdekaan negeri ini adalah dari kalangan kaum pekerja.

Begitulah dengan kehadiran drebar perempuan itu. Tunku gembira kerana "dalam saat-saat kemenangan seperti sekarang mereka tidaklah dilupai."

Kehadiran tetamu-tetamu dari luar negeri

Tetamu-tetamu hari Merdeka dari luar negeri termasuk rombongan tentera dari Jordan dan Sarawak pula akan memilih 6 ahli sukan perayaan untuk mengambil bahagian dalam sukan perayaan Merdeka Persekutuan Tanah Melayu. Wakil President Yugoslavia, sebuah negara Komunis, amat gembira dengan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. "Saya merasa gembira dengan Kemerdekaan Malaya kerana kelak Yugoslavia akan mengadakan hubungan persaudaraan dan perdagangan."

Sarong-sarong surat khas kerana memperingati Kemerdekaan

Sebagai mengingati hari Kemerdekaan sampul-sampul atau sarong-sarong surat istimewa yang mempunyai lukisan warna-warni sebagai mengingati Hari Kemerdekaan Malaya akan dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan yang akan dapat dibeli di Pejabat-pejabat Pos, Postal-postal Agen dan Pejabat Stamn.

Rancangan Radio memperkenalkan Malaya kepada dunia luar

Radio BBC London dijangka akan menyiarkan lagu-lagu sukaramai Malaya yang akan disiarkan pada malam sebelum Perisytiharan Merdeka pada 30 Ogos. Dalam rancangan "Malaya di udara di United Kingdom" itu kakan dapat juga didengar ucapan selamat dari Ketua Menteri Persekutuan, Tunku Abdul Rahman. Rancangan itu diterbitkan sendiri oleh Radio Malaya di sini untuk siaran luar negeri. Dalam rancangan siaran keluar negeri itu, pendengar-pendengar seluruh United Kingdom akan berpeluang mendengar lagu-lagu dari bunyian-bunyian buluh oleh orang Negeri Sembilan dan juga rancangan-rancangan aneka warna Radio Malaya di Chin Woo Stadium baru-baru ini kerana mengutip perayaan Merdeka. "Rancangan-rancangan serupa itu telah pun dikirimkan ke negeri-negeri Commonwealth dan Amerika Syarikat untuk memperkenalkan negeri ini ke seluruh dunia," kata satu kenyataan rasmi Radio Malaya.

Jumaat 16 Ogos 1957, 20 Muharram 1377

Mempertahankan pindaan-pindaan atas hak asasi

Di Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan, Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra menjawab beberapa bidasan dan teguran yang dibuat oleh sesetengah akhbar dan pihak atas syarat-syarat mengenai hak asasi dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka. Tunku memberi jawapan-jawapan itu semasa mengemukakan usul supaya rang undang-undang Perlembagaan itu diluluskan.

Perlembagaan tersebut telah dibidas oleh beberapa orang ahli Majlis Mesyuarat, terutamanya dua orang peguam yang telah menegur dengan hebatnya beberapa syarat mengenai hak-hak asasi khususnya bab 4 dan 10 dari syor-syor Suruhanjaya Reid. Setelah menimbangkan hujah-hujah yang dibangkitkan dan setelah menerima nasihat dari ahli-ahli undang-undang di Malaya dan di England, Working Party telah bersetuju mengenepikan bab 4 dan meminda bab 10 dari yang asalnya.

Kata Tunku "untuk kepentingan orang ramai dan juga bagi kepentingan keselamatan baik mana-mana negeri sekalipun maka perlulah dikenakan setengah-setengah pembatasan ke atas hak-hak asasi dan kebebasan bersuara dan berpersatuan." Sambung Tunku lagi "Tetapi walaupun demikian, pembatasan-pembatasan itu tentulah tidak akan dikenakan lebih dari yang berpatutan untuk melindungi kepentingan orang ramai dan tidak juga pembatasan-pembatasan itu akan berkurangan dari yang sepatutnya terutama sekali disebabkan Malaya terpaksa menentang musuh dalam negeri dan juga untuk menghadapi pergerakan subversif dari segolongan penduduk-penduduk yang mempunyai tujuan serupa dengan pengganas-pengganas bagi menggulingkan pemerintah rakyat dan sebagai gantinya membentuk sebuah pemerintah yang menggunakan keganasan."

Tunku menafikan bahawa Bab 2, 3 dan 4 telah diketepikan dan dipinda dengan niat yang jahat. "Tuduhan-tuduhan itu tidaklah benar. Bab-bab itu telah diketepikan kerana difikirkan tidak sesuai memandang kepada berbagai-bagai keadaan yang mungkin timbul dan dengannya akan terbelenggu kuasa Parlimen dari membuat undang-undang yang seharusnya bagi melindungi dan mempertahankan hak-hak perseorangan dan hak-hak orang ramai. Pelindung sebenarnya atas hak-hak sasai haruslah terletak kepada rakyat sendiri dan seterusnya diamanatkan kepada wakil-wakil dalam Parlimen," kata Tunku.

Parti Progressif menyeru Tunku haramkan pertunjukan Laga Lembu

Soal pertunjukan Laga Lembu sempena Sambutan Kemerdekaan masih menjadi isu yang diteguri oleh berbagai pihak. Parti Progresif Rakyat Malaya telah meminta Tunku supaya campur tangan dan mengharamkan pertunjukan itu.

Tuan D.R. Seenivasagam, Setiausaha Agung Parti Progresif Rakyat menyatakan rasa dukacitanya terhadap langkah meminta Majlis Mesyuarat Undangan Federal meluluskan satu rang undangundang untuk mengadakan pertunjukan tersebut secara terburu-buru.

Kata Tuan Seenivasagam kerana "terburu-terburu itulah maka telah dilupai bahawa lembu itu adalah 'tanda suci 'agama Hindu dan pertunjukan Laga Lembu bila diadakan merupakan satu kejana terhadap agama Hindu." Parti itu berkata bahawa Tunku Abdul Rahman akan dihormati oleh rakyat negeri ini, khasnya orang-orang yang beragama Hindu, sekiranya beliau campur tangan dan mengharamkan pertunjukan tersebut. Sementara itu UMNO lelaki Cawangan Bandar Muar telah mengambil keputusan mendesak Kerajaan Perikatan mengharamkan pertunjukan Laga Lembu yang akan diadakan dalam Perawan menyambul Kemerdekaan.

Laga Lembu akan diadakan dalam Perayaan Kemerdekaan Malaya

Temasya Laga Lembu akan diadakan selama tiga hari di Kuala Lumpur dalam perayaan menyambut Kemerdekaan. Menteri Pertanian dan Perikanan, Encik Abdul Aziz Ishak memberi amaran "supaya orang-orang yang datang terutama sekali ahli-ahli mesyuarat jangan memakai pakaian berwarna merah." Encik Abdul Aziz berkata "Laga Lembu bukanlah perkara baru bagi negeri ini. Ini menjadi satu tradisi dan jika dilakukan dengan sempurna dan berperaturan hasilnya tentu tidak dapat disangsikan." Katanya tujuan mengadakan Laga Lembu ialah "untuk menyihatkan binatang itu dan yang demikian akan dapat menyemaikan benih yang lebih baik dan lebih besar daripada apa yang ada sekarang. Dengan mengadakan Laga Lembu kita akan dapat melihat binatang yang sihat dan segar, tuan punya akan berasa megah dengannya seperti juga sebuah Persekutuan yang megah dengan pemainnya." Kata beliau lagi, "Lembu-lembu yang dilagakan itu akan menggunakan kepalanya dan yang demikian tidak dikhuatirkan akan mendatangkan kepada bahaya."

Tuan Sheikh Ahmad bin Mohamed, Perikatan Perlis, apabila membantah pindaan yang dimajukan oleh Menteri Pertanian itu antara lain berkata bahawa permainan berlaga lembu itu ialah "permainan yang telah mati dan yang demikian tidak guna dihidupkan. Saya membantah dengan kerasnya pindaan yang membolehkan perlagaan lembu itu."

Encik Nik Hassan Yahya dari Perikatan Kelantan, tatkala membantah pindaan itu berkata "tindakan yang dicadangkan oleh Menteri Pertanian itu adalah tindakan yang tidak baik; di Kelantan, Laga Lembu telah diharamkan kerana menggalakkan perjudian. Sangat tidak baik bagi manusia melagakan binatang," katanya.

Ungku Muhsein, Perikatan Terengganu, yang juga membantah berkata "Saya tidak menentang permainan itu, tetapi saya menentang akibatnya, iaitu perjudian."

Encik Abdul Ghafar Baba, Perikatan Melaka, menyifatkan pindaan Menteri Pertanian itu dan niatnya hendak mengadakan Laga Lembu sebagai "melanggar tugas yang diberikan rakyat kepadanya. Saya membangkangnya dengan keras," katanya.

Kementerian Kewangan bertanggungjawab atas hartabenda Persekutuan

Pekerjaan Pejabat Chief Secretary Persekutuan Tanah Melayu dijangka akan berubah sebaik-baik sahaja Malaya mencapai Kemerdekaan. Ini adalah kerana mengikut perubahan-perubahan dalam Perlembagaan baru Persekutuan yang telah diluluskan oleh Majis Undangan Federal pada 15 Ogos. Rang Undang-undang Menteri Kewangan (Kesatuan) 1957, satu rang undang-undang yang menyatukan kerja-kerja yang dibuat oleh Chief Secretary Persekutuan itu di masa depan akan dipertanggungjawabkan oleh Menteri Kewangan. Dalam lain perkataan Menteri Kewangan mengambil semua kuasa Chief Secretary serta segala tanggungjawab mengenai semua hak dan hartabenda Kerajaan yang dikawal dan dikelolakan oleh Chief Secretary sendiri. Kerajaan juga bercadang untuk mengadakan undang-undang lain yang akan disatukan kepada tanggungjawab-tanggungjawab Menteri Kewangan Persekutuan itu mengenai tanah-tanah yang dipunyai oleh Kerajaan.

Council terima sebulat suara Rang Perlembagaan Malaya Merdeka

Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang memberikan taraf Kemerdekaan kepada Malaya pada 31 Ogos 1957 telah diluluskan dengan sebulat suara oleh Majlis Mesyuarat Undangan Federal pada 15 Ogos 1957. Dengan lulusnya Rang Undang-undang itu bererti mulai 31 Ogos negeri-negeri Melayu, Pulau Pinang dan Melaka akan menjadi satu Persekutuan yang dinamakan Persekutuan Tanah Melayu dan kuatkuasa Perlembagaan Persekutuan Merdeka juga akan mula berjalan pada hari itu. Usul meminta supaya rang undang-undang itu diluluskan telah dikemukakan oleh Ketua Menteri Tunku Abdul Rahman dan telah disokong oleh Encik Shamsuddin bin Naim. Menteri Besar Negeri Sembilan.

Leong Yew Koh mengucapkan selamat tinggal kepada penduduk-penduduk kawasan pilihanrayanya

Tuan Leong Yew Koh, Menteri Kesihatan dan Kebajikan Persekutuan, mengucapkan selamat tinggal kepada penduduk-penduduk di kampung-kampung Melayu sebelum beredar ke Melaka untuk menjawat jawatan Gabenor yang pertama di Melaka. Beliau adalah wakil rakyat kawasan Kinta, Perak

Tunku akan menggunting rambut Mat Chikalo

Encik Mohamad Zakaria atau Mat Chikalo, Ketua Pemuda UMNO Cawangan Derga, Alor Setar, meminta Tunku Abdul Rahman menggunting rambutnya yang begitu panjang sebaik-baik sahaja Tunku mengisytiharkan Kemerdekaan. Beliau telah tidak menggunting rambutnya kerana telah berikrar selagi negara ini belum Merdeka dia tidak akan mengguntingnya. Ini adalah satu nazar baginya dan Tunku bersetuju menggunting rambut Mat Chikalo apabila berada di Alor Setar.

Adat resam penjajah?

Penyunting akhbar membangkitkan mengenai aspek-aspek adat resam penjajah. Perkara yang dibangkitkan ialah mengenai hal Komunis. Sir Donald MacGillivray, Pesunthjaya Tinggi yang terakhir sebelum Merdeka, menyatakan dalam ucapan di majlis selamat tinggal Undangan Federal "Kita semua adalah sedar bahawa kita tidak boleh mengalahkan faham Komunis dengan membuat ucapan-ucapan anti Komunis. Kita mestilah membuktikan dan mengamalkan perbuatan-perbuatan yang jauh lebih baik untuk rakyat jelata daripada apa yang ditawarkan oleh Komunis. Hanya dengan cara yang demikian anasir-anasir dan gerakan Komunis yang telah berakar dalam negeri ini dapat dilenyapkan.

Sir Donald juga menyatakan sungguhpun ancaman Komunis dalam negeri ini mungkin sudah berkurangan disebabkan hampirnya Kemerdekaan, tetapi pada hakikatnya ancaman itu masih belum lenyap lagi. Ucapan selamat tinggal Sir Donald itu dikatakan oleh penyunting "sesungguhnya sangat menarik hati, kerana ucapannya itu dibuatnya tatkala dia hendak meninggalkan negeri ini dan sebagai sifatnya pegawai Kolonial yang tertinggi di dalam negeri ini."

"Sudah lebih seratus tahun Pulau Pinang dan Melaka menjadi tanah jajahan Inggeris dan hampir seratus tahun lamanya negeri-negeri Melayu yang lain di Persekutuan Tanah Melayu ini duduk di bawah perlindungan dan pentadbiran Inggeris. Dalam masa yang lama itu, anak negeri ini telah banyak mendapat pengalaman dan mengetahui bentuk dan selok belok dan cara-cara Inggeris menjalankan pentadbirannya."

Kata penyunting lagi "menurut adat resam, mungkin kurang baik dan tidak bijaksana bagi kita membuat teguran kepada seorang yang menurut setengah pihak telah membuat jasa, memberi asuhan-asuhan dan pimpinan yang bijaksana kepada negeri ini tatkala dia hendak meninggalkan negeri yang dia telah banyak memberikan jasanya itu. Tetapi tidaklah kita berupaya mengelukan lidah untuk menyatakan rasa kesal kita kepada apa yang dikatakan oleh 'lambang penjajahan' yang akan meninggalkan negeri ni pada 31 Ogos."

Seterusnya Penyunting menyebut "Kekayaan negeri ini telah cukup banyak dipunggah keluar negeri untuk kepentingan bangsa yang menjajah kita itu. Berulang-ulang kali kuasa-kuasa penjajah itu menyatakan bahawa pentadbiran negeri ini dijalankan dengan 'tidak ada tolok bandingnya''. Sir Donald MacGillivray, Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu, membangkitkan soal ancaman Komunis dalam negeri ini. Katanya fahaman Komunis tidak dapat dikalahkan sematamata dengan cara memberi ucapan anti-komunis. "Kita harus membuktikan dan mengamalkan perbu-tan-perbuatan yang jauh lebih baik untuk rakyat jelata daripada yang boleh ditawarkan oleh Komunis itu." kata beliau.

Daripada apa yang dikatakannya itu kita tidak ragu-ragu lagi menyatakan "rupa-rupanya ancaman Komunis dalam negeri ini ialah kerana kesalahan dan kecuaian pemerintah negeri ini yang telah tidak memberikan layanan dan perbuatan-perbuatan yang lebih baik kepada rakyatnya dan bolehkah kita katakan bahawa kegagalan pemerintah yang membelanjakan dua ratus juta ringgit setahun menentang Komunis dalam negeri ini selama darurat sebagai perbuatan yang salah dan sia-sia".

Sir Donald sendiri rupa-rupanya sedar bahawa Komunis itu tidak akan dapat dikalahkan dengan cara yang telah dijalankan. Beliau juga sedar dan mengetahui ubat yang boleh "menyembuhkan" ancaman dan anasir Komunis itu. Ubatnya ialah membuktikan dan mengamalkan perbuatan-perbuatan yang jauh lebih baik untuk rakyat jelata daripada apa yang boleh ditawarkan oleh Komunis. Penyunting menyoal "Tetapi mengapa selama Sir Donald yang memegang kuasa tertinggi dalam negeri ini, dia tidak berbuat demikian? Dan baru sekarang apakala hendak meninggalkan negeri ini baru menyatakan demikian? Ini menimbulkan satu tanda-tanya."

"Bagaimanapun kita rasa apa yang dikatakan oleh Sir Donald itu baik untuk panduan kepada Kerajaan kita yang akan Merdeka dan memerintah negeri ini nanti. Kemerdekaan dan Kerajaan yang demokratik yang memberikan peluang kepada semua orang untuk mengambil bahajain di dalamnya belumlah cukup, kerana pemerintahan serupa itu belum dapat menjamin bahawa kejayaan-kejayaannya dan cara-caranya dapat difaham dan diertikan oleh seluruh rakyat. Pembentukan sebuah pemerinahan yang demokratik harus pula disertai dengan fikiran atau faham yang diamais dan positif. Ertinya jika hanya bentuk pemerintahan itu saja yang demokratik tetapi tidak dapat dirasakan nikmat demokratik itu oleh rakyat seluruhnya, maka kebahagiaan, keamanan dan kemakmuran negara ini tidak akan dapat dicapai selama-lamanya.

3 Parti mengadakan sambutan Merdeka

Tiga buah parti politik yang bertentangan faham sedang bekerjasama untuk mengadakan perayaan menyambut Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Berbagai rupa kebudayaan dan kesenian Melayu akan diadakan pada 30 Ogos dengan kerjasama Parti Negara. PAS dan UMNO. Peraduan-peraduan membaca sajak, menyanyi dan sebagainya akan diadakan pada malam itu.

75 wakil ke perayaan Kuala Lumpur

UMNO Bahagian Seberang Perai Selatan akan menghantar 75 wakilnya dari 35 cawangan bagi menghadiri perayaan Kemerdekaan pada 31 Ogos di Kuala Lumpur. Perayaan sambutan Kemerdekaan di Bukit Mertajam pada 19 September akan mengadakan berbagai-bagai permainan, pertunjukan pentas, kesenian dan kebudayaan.

Kerajaan Perak diminta mengharamkan pencak silat

Kerajaan Perak diminta oleh Jawatankuasa Muhibbah Daerah Ipoh supaya "mengharamkan semua pelajaran mempertahankan diri yang sedang dipelajari oleh penduduk-penduduk Perak." Ini diminta diharamkan hingga Hari Merdeka. Aspek "mempertahankan diri "meliputi bersilat, pencak silat biasa, silat gayung yang semuanya dipelajari oleh orang Melayu, manakala berkuntau dipelajari orang Cina dan selambam oleh orang-orang India. Tujuan mengharamkannya ialah untuk "menghindarkan perasaan perkauman yang ditakuti akan berlaku berikutan dengan Kemerdekaan Malya."

Jawatankuasa Muhibbah berpendapat bahawa langkah mengharamkan pelajaran mempertahankan diri ini dikuatkuasakan hanya sehingga lepas Merdeka sahaja kerana selama ini "dicurigai perasaan perkauman akan timbul di samping perasaan Remerdekaan."

\$50,000 hadiah Brunei kepada Malaya Merdeka

Mengenai sumbangan negara-negara luar terhadap sambutan Merdeka, Brunei memberi hadiah sebanyak \$50,000 sambil berharap hadiah Merdeka itu akan menambah derma untuk membina sebuah masiid baru dan Kolei Islam di Kudal Lumpur.

500 kuntum bunga orkid Malaya untuk Queen

Tunku Abdul Rahman Putra, Ketua Menteri, telah mengirimkan kepada Queen Elizabeth II, 500 kuntum bunga orkid dari kira-kira 40 jenis yang terpilih dan terbaik di Tanah Melayu. Bunga-bunga ini dihadiahkan sebagai menunikan janji Tunku kepada Queen Elizabeth II semasa perjumpaan akhir rombongan Merdeka yang akhir dengan Queen. Bungkusan bunga-bunga yang begitu banyak selama dua jam dibuat di pejabat Utusan Melayu diketuai oleh Encik Yusoff Ishak, Pengarang Utusan Melayu.

Dasar luar negeri Malaya Merdeka

Penyunting akhbar menyentuh mengenai dasar luar negeri Malaya Merdeka yang mana Tunku Abdul Rahman berkata bahawa pemerintah Perikatan "belum lagi memutuskan apakah Malaya Merdeka akan memasuki blok SEATO atau blok Asia-Afrika." Tunku berpendapat "dunia hari ini dapatlah dibahagikan antara tiga kumpulan: satu menghendakkan kita berdamping dengannya dalam tugasnya mencegah komunis seluruh dunia. Satu kumpulan lagi pula menarik kita kepada Komunism, manakala kumpulan ketiga pula berdasarkan kepada kepentingan ekonomi." Kata penyunting "Rakyat Malaya dengan sendirinya, seperti kata Tunku, akan menetap blok manakah mereka akan memilih dan sikap yang diambil oleh Ketua Menteri itu dalam menentukan hal ini adalah dasar yang sebaik-baiknya.

Sambutan Kemerdekaan selama lapan malam berturut-turut

Menjelang Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, radio Republik Indonesia, Jakarta akan menyiarkan ucapan-ucapan sambutan dari beberapa ahli negara Indonesia yang terkemuka selama 8 malam berturut-turut dengan malam pertama pada 22 Ogos. Pada malam 30 Ogos sandiwara radio mengenai cerita Hang Tuah akan disiarkan.

Ketua Menteri Melaka dijangka tiba minggu depan

Bakal Ketua Menteri Melaka, Encik Othman bin Talib, dijangka sampai di Melaka dan akan berkhidmat sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka sehingga 31 Ogos sebelum menyandang jawatan rasminya. Sementara itu rumah bakal Gabenor Melaka telah ditetapkan di bekas rumah Pesuruhjaya Tinggi Negeri Melaka.

Bakal Ketua Menteri Pulau Pinang

Gambar bakal Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Wong Pow Nee, disiarkan dengan dilaporkan beliau sebagai seorang yang gemarkan seni muzik dan menjadi anggota pancaragam Cina Lee Teik Siah di Pulau Pinang semenjak tahun 1935 lagi.

Malaya dalam pakatan Seato

Sebuah akhbar India, Times of India menyatakan bahawa walaupun Persekutuan Tanah Melayu yang bakal Merdeka "masih belum memutuskan sikapnya sama ada menyertai pakatan SEATO atau tidak tetapi penempatan angkatan perang Inggeris dan Commonwealth di bumi Tanah Melayu menjadikan orang terpaksa menyangka Persekutuan secara tidak langsung ada terkait dalam pakatan senjata yang telah dikutuk oleh seluruh negeri-negeri Asia yang cintakan maruah dan kedaulatannya."

Akhbar itu menyatakan sumbangan pihak Inggeris dalam perjuangan menentang pemberontakan Komunis di Tanah Melayu adalah satu perkara yang boleh diberi pujian "tetapi bantuan ini tidaklah boleh dijadikan sebagai satu alasan atau menghalalkan penempatan tetap pengkalan perang atau pasukan bersenjata Inggeris di negeri yang baru Merdeka"

Perusahaan Getah Malaya sambut Merdeka dan puji Tunku

Ahli-ahli Perusahaan Getah Malaya telah mengalu-alukan pencapaian Kemerdekaan dan ini disampaikan menerusi lidah rasminya "Berita-Berita Getah Asli" keluaran bulan ini. Bureau Getah Asli berasa terlalu bangga kerana Malaya setaraf dengan negara-negara Asia lain dan berharap mereka dapat memberikan khidmat terhadap perusahaan yang penting dalam Malaya baru. Lidah rasmi itu juga memuji Kerajaan Perikatan yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman dan Kerajaannya yang anti Komunis.

"Kerajaan baru ini telah menarik kepadanya beberapa tenaga orang yang mempunyai pengalaman-pengalaman dan kebolehan-kebolehan yang dapat dihormati terbukti bukan saja sebagai anti Komunis tetapi juga sebagai anti puak pelampau."

Sambutan Merdeka di Terengganu

Mengenai sambutan Hari Merdeka di Kuala Terengganu, tiga jenis 'semboyan' akan dibunyikan serentak pada tengah malam 30 Ogos dan di waktu yang sama, tabuh Masjid Besar Sultan Zainal Abidin akan dipalu, semboyan fire station akan didengungkan dan genta (loceng besar) di Bukit Puteri akan diketuk. Peraduan menyebut johan lagu-lagu Melayu asli akan diadakan di Malam Anekawarna di Kuala Terengganu selama 3 malam. Lagu-lagunya termasuk Timang Banjar, Anak Tiung, Bacang Manis, Kuala Deli, Tudung Periuk, Damak, Embun Menitik dan Pulau Besar. Mereka diperlukan menyanyi salah satu daripada lagu-lagu Emas Merah, Seri Mersing, Makan Sirih dan Siti Payong.

Tarian asli Kelantan akan ditunjukkan dalam perayaan Merdeka

Negeri Kelantan dijangka menghantar satu rombongan penari tarian asli Kelantan yang telah muncul semenjak tahun 1425, Tarian itu bernama "Impian Asyek Serendah Sekebun Bunga" ditari oleh 12 penari wanita dengan ahli pancaragam seramai 20 orang. Tarian itu akan ditunjukkan di Istana Negara, di Garden Party yang diadakan di rumah Tunku dan di Lake Garden.

Selangor terima rang Perlembagaan Merdeka

Majlis Mesyuarat Negeri Selangor yang bersidang pada pagi 17 Ogos meluluskan pindaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dengan sedikit pindaan, tentang nama negara. Pindaan yang dibuat ialah kepada perkataan 'atau' selepas perkataan Persekutuan Tanah Melayu yang dibuang dan digantikan dengan kurungan yang mengandungi bahasa Inggerisnya Federation of Malaya. Dengan yang demikian sebutan nama negara ialah Persekutuan Tanah Melayu sahaja tidak dengan tambahan berbunyi Persekutuan Tanah Melayu atau Federation of Malaya seperti tertulis dalam rang Perlembagaan itu.

Perak benarkan lagu Kebangsaannya dipakai untuk Malaya Merdeka

Mengenai lagu Kebangsaan Negara, Dewan Negara Perak membenarkan lagu kebangsaan Perak "dipakai menjadi lagu kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka." Tetapi satu syarat telah ditetapkan iaitu kebenaran itu bersyarat supaya negeri Perak juga dibenarkan menggunakan lagu tetsebut sebagai lagu kebangsaannya. Ini disebabkan lagu itu ada hubungan dengan sejarah negeri Perak. Menurut punca yang rapat dengan Kerajaan Perikatan bahawa Kerajaan Persekutuan mungkin akan mengadakan satu undang-undang bagi melarang lagu itu dimainkan untuk hiburan orang ramai dan sebagainya di seluruh Persekutuan seperti masa yang lalu. Punca itu menyatakan lagi bahawa Kerajaan Persekutuan telah bersetuju dengan syarat yang diberikan oleh Kerajaan Perak itu. Dalam pada itu Majlis Mesyuarat Negeri Perak menerima dengan sebulat suara Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan dengan itu bermakan negeri Perak menjadi sebuah negeri yang bercantum dalam Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka.

Sumbangan Cathay Organisation kepada perayaan Kemerdekaan

Mengenai sumbangan kepada perayaan Kemerdekaan, Cathay Organisation akan mengadakan 100 pertunjukan wayang gambar secara percuma di seluruh negara pada 31 Ogos. Pertunjukan-pertunjukan itu adalah untuk kanak-kanak dan orang-orang tua miskin. Di setiap panggung diadakan 3 pertunjukan pada hari itu dengan filem-filem berbagai bahasa.

Kebudayaan dan negara

Salah satu daripada usaha mengisi Kemerdekaan Tanah Air kita ialah mengekalkan kebudayaan negara. Satu Kongres Kebudayaan yang pertama akan dilangsungkan selama seminggu di Melaka dalam bulan Disember. Melaka dipilih kerana disitulah "mulanya kembang kebudayaan bangsa denegan megahnya dan berpunca dari negeri Melaka pula hancur leburnya kebudayaan yang gemilang itu apakala penjajah memijak kakinya." Kongres ini diharap disokong oleh segenap peringkat rakyat terutamanya orang besar-besar, sama ada sokongan itu berupa wang ringgit, tenaga atau buah fikiran. Telah timbul kesedaran bahawa bangsa yang Merdeka dalam sebuah negara yang berdaulat tidak hanya dilengkapi dengan kekuatan politik, ekonomi dan sosial sahaja. Bangsa yang Merdeka harus "berdiri sama tinggi, duduk sama rendah" dengan lain-lain bangsa dalam zaman kemajuan dengan dilengkapi kebudayaan dan keseniannya.

Sebagai satu bangsa yang Merdeka, usaha-usaha menghidupkan kebudayaan dan meninggikannya bukanlah dengan cara mengadakannya. Adalah penting sekali diadakan "pengajian, menyelidik, menyemak semula kebudayaan-kebudayaan lama" untuk disesuaikan dengan zaman kemajuan. Diharap Kongres Kebudayaan akan dapat menubuhkan "Majlis Kebudayaan Malaya" yang akan berusaha dan bekerja untuk kepentingan dan ketinggian kebudayaan dan kesenian negeri ini. Di bahagian akhir tulisannya, penyunting akhbar berkata, "Lepas Merdeka nanti, sebagai sebuah negara dalam lingkungan zaman baru, hal-hal yang mengenai kebudayaan akan menjadi perahatian yang besar. Kita telah mendengar antara sebuah Kerajaan yang Merdeka dengan sebuah Kerajaan yang Merdeka bertukar-tukar mengadakan rombongan muhibbah kebudayaan dan mengikat perjanjian untuk bertukar-tukar kebudayaan. Tujuannya yang utama ialah supaya ada pengertian dan ada saling mengerti antara kedua buah negeri yang membuat hubungan itu." Katanya "Kita juga mendengar dan melihat rombongan kesenian dari sebuah negara menandatangani sebuah negara untuk menunjukkan kesenian yang membayangkan keagungan dan ketinggian mertabat hidup negara itu. Dengan kesenian dan kebudayaan juga kita akan dapat melihat adat dan sopan santun sesebuah negara. Dan inilah tujuan pencinta-pencinta kebudayaan negeri ini, mengisi kekosongan yang selama iti daka terisi kerana kedudukan negara kita sebagai negara yang dijajah. Bagaimana pun usaha-usaha yang murni itu tidak akan mendapat kejayaan sekiranya usaha yang besar dan penting ini tidak mendapat sokongan yang sewajarnya dari semua peringkat dalam negeri ini dan sekarang terpulang hal ini kepada seluruh rakyat negeri ini untuk memberikan bantuan dan sokongannya."

9 Negeri dalam lumba basikal Merdeka

Dalam Perayaan Sukan sempena Merdeka, 9 buah negeri akan bertanding dalam Lumba Basikal International yang terdiri dari New Zealand, Jepun, Filipina, Indonesia, Vietnam, Singapura, Britain, Australia dan Malaya sendiri. Ada di antara peserta-peserta luar negeri yang pernah bertanding dalam sukan Olympic dunia yang sudah-sudah. Lumba basikal atas jalan akan diadakan di Lake Garden, manakala lumba basikal atas rumput diadakan di Padang Selangor Club. Sementara itu pertandingan untuk Johan Lumba Basikal bahagian Junior dan murid-murid sekolah seluruh Persekutuan akan diadakan serentak dalam perjumpaan Basikal International Malaya Merdeka.

Hadiah Merdeka Singapura kepada Persekutuan

Mengenai sumbangan negara-negara luar kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sempena Kemerdekaan, Singapura akan memberi \$15,000.

Rancangan-rancangan menyambut Kemerdekaan

Rancangan-rancangan sambutan Kemerdekaan terus diusahakan rata-rata. Parti Rakyat, Kuala Terengganu, menyambut dengan mengadakan tayangan wayang gambar pada sebelah malam dan pada sebelah siang diadakan majlis-majlis syarahan dan pembacaan amanah oleh Ketua Umum Parti, Ahmad Boestamam. Satu rombongan pengakap dari Kuala Lipis Pahang akan membuat lawatan ke daerah-daerah di Selatan Tanah Melayu dan akan berada di Kuala Lumpur untuk sama-sama menyaksikan Sambutan Hari Kemerdekaan.

Ilham lagu 'Dondang Sayang' dari Sumatra?

Sebuah artikel yang disiarkan mengenai asal lagu 'Dondang Sayang' menyiarkan juga lagu Dondang Sayang Merdeka ciptaan Baba Kim Tek, seorang panyanyi Dondang Sayang Baba Peranakan yang terkenal di Melaka. Senikata 'Dondang Sayang Merdeka' menarik sekali.

Bunga raya pekan Melaka Betul sempadan sampai limbungan Tanah Malaya dapat Merdeka Seribu syukur kepada Junjungan.

Ya! Illahi Tuhanku Rabbi Rasa segar segenap sendi Dapat kita perintah sendiri Merak sudah menjadi kedidi

Secara Umum

Akhbar keluaran bulan Ogos banyak mengeluarkan iklan yang termasuk majalah Mastika istimewa keluaran khas untuk Merdeka yang mengandungi 120 halaman bersama 20 kertas licin berwarna yang menjarkan gambar-gambar. Dalam keluaran khas ini disiarkan maklumat kenangan semula bagi Sejarah Kepahlawanan termasuk Allahyarham Dato Dol Said, Pahlawan Naning, Dato Bahaman, Pahlawan Pahang, Dato Janggut, Pahlawan Kelantan dan lain-lain Pahlawan Melayu yang gagah berani menentang penjajahan di tanah air kita.

Terdapat juga iklan satu set pinggan cenderamata Merdeka untuk hiasan dinding yang dibuat dari Pulau Pinang, Pihak Merdeka Agensi, Dewan UMNO Kuala Lumpur mengeluarkan cenderamata Merdeka, satu perhiasan dinding berharga \$2. Utusan Melayu pula mengeluarkan Utusan Kanak-kanak yang mengandungi rencana-rencana khas termasuk yang berjodol 'Meninjau Kebudayaan dan Kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka.'

Isnin 19 Ogos 1957, 23 Muharram 1377

Hak-hak istimewa menjadikan Melayu satu bangsa 'kelas tiga'

Menteri Pertanian dan Perikanan Persekutuan, Encik Abdul Aziz Ishak, membangkitkan bahawa "hakhak istimewa yang diberikan dan dilebihkan kepada orang Melayu selama ini pada hakikatnya telah menyebabkan orang-orang Melayu terituggal jahu ke belakang dan menjadi satu bangsa kelas tiga." Katanya "penyakit-penyakit hak istimewa kepada orang-orang Melayu sudah meluas, sebab itulah orang-orang Melayu tidak mahu berusaha dengan giat dalam lapangan kemajuan. Mereka diberi kelebihan yang tertentu, sedangkan bangsa-bangsa lain berusaha keras."

Katanya lagi "satu 'ubat' yang elok sekali ialah kita mesti tanam semangat kebenaran dan ikhlas dalam segala hal untuk faedah negeri dan bangsa. Kita akan dapat menandingi bangsa lain dengan tidak payah ada hak-hak istimewa itu."

Encik Aziz menyebut tentang rancangan Kerajaan membangunkan semula kedudukan dan kehidupan rakyat luar bandar. Rancangan itu dilihat sebagai penting sekali bukan sahaja bagi membangunkan rakyat luar bandar tetapi memberi latihan-latihan yang cukup kepada pemuda-pemuda dari segala kaum terutamanya orang Melayu. Selama ini nyata sekali kehidupan rakyat luar bandar terlalu jauh tertinggal disebabkan "susunan hidup mereka yang tidak mendapat panduan dan pengalaman yang seharusnya."

Lenyapnya penghinaan dan penghambaan

Penyunting akhbar menulis mengenai Sidang Majlis Undangan Federal pada 14 Ogos 1957 yang telah disaksikan wakil penjajah Inggeris yang pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu, memberi ucapannya yang terakhir sekali. Sebagai Pesuruhjaya Tinggi Kerajaan Inggeris di bawah naungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, Pesuruhjaya Tinggi itu merupakan setinggi-tinggi kuasa di seluruh negeri ini.

Dari semenjak tamatnya peperangan dunia yang kedua, satu demi satu tanah-tanah jajahan di Asia dan Afrika telah melepaskan diri dari kuasa penjajah dan melepaskan diri masing-masing dari belenggu yang telah memindas dan mencengkam kehidupan dan kebebasan rakyat dalam negerinegeri itu selama beratus-ratus tahun. Yang demikian lahirlah Indonesia, India, Vietnam, Burma, Ghana, Tunisia, Morocco, Sudan, Ceylon, Filipina dan Pakistan sebagai negara-negara Merdeka.

Sejarah di tiap-tiap negeri tersebut memang penuh dengan perjuangan, penuh dengan semangat kebangsaan dan semangat menentang untuk mengusir penjajah yang telah memerah rakyat negeri-negeri itu hingga menjadi bangsa yang miskin dalam negeri mereka sendiri. Sejarah telah menyak-sikan dalam waktu 300 tahun yang lalu bagaimana kekayaan di tanah-tanah jajahan di Asia dan Afrika itu diangkut ke negeri masing-masing oleh kuasa-kuasa penjajah. Sehingga apa yang dikatakan "zaman keemasan" bagi kuasa-kuasa penjajah sebenarnya ialah zaman penindasan dan penghinaan bagi rakyat negeri-negeri Asia dan Afrika dan di waktu mana imperialism politik, ekonomi dan kebudayaan negeri-negeri parat itu telah dipaksakan ke atas rakyat negeri-negeri yang terjajah.

Apa sekalipun caranya Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu keluar dari tanah bahagia kita ini tidaklah dapat "disangkal oleh sesiapa juga bahawa "pulangnya" itu adalah akibat perjuangan rakyat Malaya yang menentang penjajah dari masa mula-mula penjajah Portugis menyerang dan mendarati Melaka dulu lagi."

Perihal tidak adanya sejarah yang tertulis dengan lengkap mengenai kejadian-kejadian dalam negeri ini semenjak kedatangan kuasa penjajah yang pertama tidak pula bererti bahawa rakyat pada zaman dulu tidak menentang dan tidak menunjukkan perasaan benci terhadap pemerintah-pemerintah penjajah itu. kata penyunting. "Kita tidak harus memperkatakan bahawa hanya orang-orang zaman sekarang saja yang tidak suka dijajah dan tidak suka hidup di bawah pemerintah dan di bawah cengkaman kuasa penjajah. Kehidupan di bawah belenggu penjajah apa sekalipun baik Portugis, Belanda ataupun Inggeris adalah kehinaan yang sehabis-habis rendah sekali. Rakyat, baik di zaman dulu mahupun sekarang ini sebagai manusia, memang mempunyai hasrat hidup sebagai manusia yang Merdeka."

"Dengan keluarnya Pesuruhjaya Tinggi bagi Persekutuan beberapa hari lagi terbuktilah satu kejayaan yang gilang-gemilang bagi rakyat Malaya dalam perjuangannya menuju ke arah Kemerdekaan penuh. Dengan itu lenyaplah pula satu bab yang penuh dengan kehinaan dan penghambaan dalam sejarah negara ini," kata penyunting.

Rancangan Persekutuan Melayu Mesir nak menyambut Kemerdekaan besar-besaran

Sebuah artikel ditulis oleh Encik Mohd Kamala Suhaimi, selaku Pemangku Ketua Badan Penerangan Persekutuan Melayu Mesir, memaklumkan mengenai sambutan Kemerdekaan di Mesir yang mula dirancang oleh penuntut-penuntut Melayu secara besar-besaran tetapi menjadi hampa kerana bantuan yang dijanjikan dari Panitia Sambutan Kemerdekaan tidak ditunaikan. Bantuan wang sebanyak \$35 bagi tiap-tiap seorang penuntut dalam perayaan tidak dilaksanakan sepenuhnya. Pihak Persekutuan penuntut-penuntut merancang program yang hebat tetapi terpaksa 'menanti buah yang tak gugur' berbulan-bulan.

Akhirnya jumlah yang diberi ialah sebanyak \$2,000 daripada \$5,000 yang diminta selain daripada sehelai bendera Persekutuan Tanah Melayu. Persekutuan Melayu Mesir menghargai bantuan
tersebut tetapi terpaksa mengubah program yang dirancangkan. Program-program itu mengandungi
majlis menyambut Kemerdekaan Khas untuk penuntut-penuntut Melayu sahaja pada 30 Ogos petang
yang sama dengan jam 12 tengah malam 30 Ogos di Tanah Melayu. Selepas itu disambut selama tiga
hari berturut-turut dengan berbagai cara termasuk syarahan-syarahan, pertunjukan kesenian dan sandiwara serta juga terjemahan ucapan Ketua Menteri. Perlawanan sukan antara penuntut-penuntut
Melayu juga diadakan.

Kemerdekaan Persekutuan disambut di Amerika

Sambutan Kemerdekaan akan diadakan di Amerika Syarikat oleh Kedutaan Persekutuan termasuk jamuan besar di Pejabat Kedutaan di Washington D.C. pada 31 Ogos. Baginda Tengku Jaafar (Putera Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu) Kuasausaha Persekutuan di Amerika Syarikat, telah mendapatkan rumah Duta dan pejabat Kedutaan Persekutuan Tanah Melayu.

Tempat tidur keretapi ke perayaan Merdeka di Ibu Kota habis ditempah

Banyak perkara terus dilaporkan mengenai acara sambutan Kemerdekaan. Dilaporkan bahawa semua tempat tidur kelas satu dan dua dalam Keretapi Malaya di pantai timur habis ditempah bagi jangka waktu akhir bulan Qos. Tempahan dibuat lama oleh pembesar-pembesar negeri, keluarga-keluarga di Raja, pegawai-pegawai Kerajaan, orang-orang kenamaan serta ahli Majlis Mesyuarat Federal dan negeri Kelantan. Begitu juga dengan syarikat-syarikat bas di Raub, Bentong dan Temerloh yang sibuk menerima tempahan.

Program-program sambutan Kemerdekaan di Selangor dan Johor

Mengenai program-program sambutan Kemerdekaan di Ulu Selangor dan Kuala Kubu Baru akan diadakan jamuan teh di samping pertunjukan wayang gambar dan jamuan nasi minyak di madrasah Rawang. Tiga kampung di Kuala Selangor iaitu Ijok, Bukit Badong dan Kampung Baru Simpang, Ijok merancang program yang besar dengan Jawatankuasa yang dianggotai oleh berbagai bangsa. Kampung-kampung di Kota Tinggi Johor akan melakukan sambutan secara besar-besaran dengan

membuat pintu gerbang dan memasang lampu serta bendera-bendera dinaikkan di setiap rumah. Persatuan Guru-guru Bahasa Melayu di Sekolah Asing Selangor akan mengadakan jamuan teh.

200 tetamu agung akan diraikan dengan tarian-tarian Melayu moden dan asli

Lebih 200 tetamu agung dan istimewa Yang di-Pertuan Agong akan diraikan di Balai Rong Seri Istana Negara meliputi pesembahan 7 jenis tarian Melayu asli dan moden yang termasuk tarian lama dari Istana Kelantan yang ditarikan semenjak lebih 50 tahun sebelum masihi. Tarian 'Impian Asyik' hanya terkenal di Kelantan dan penari-penarinya mengandungi 20 orang termasuk 15 wanita dan ahli-ahli muzik. Tarian-tarian lain termasuk joget Melayu asli seperti Dondang Sayang, Mak Inang, Cinta Sayang dan Ronggeng. Terdapat juga persembahan orang-orang Portugis dari Melaka yang menyanyikan lagu asli Melayu seperti "Katalah Cintaku." "Oh Bulan Cemerlang" dan "Oh Melaka" serta penari-penari Cina dan India. Orkestra yang mengiringi persembahan-persembahan itu ialah dari Radio Malaya.

Penjelasan Hamid Jumaat mengenai sekatan di Causeway, "Kalau negara Merdeka tak boleh tak layak Merdeka, awas dakyah pertubuhan Melayu ini."

Ketua UMNO di Singapura, Encik Abdul Hamid Jumaat, mempertahankan "ura-ura Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu hendak menguatkuasakan undang-undang 'Pas Sempadan' di Causeway Johor Bahru selepas Merdeka untuk mengawasi anasir-anasir subversif." Beliau telah mengulas tuduhan-tuduhan Parti dan orang-orang kenamaan di Singapura yang mengatakan Kerajaan Persekutuan hendak merosakkan perpaduan sebagai 'tidak patut.'

Kata Encik Hamid "Jangan lupa pada 31 Ogos ini, Tanah Melayu akan menjadi negara Merdeka. Kalau Merdeka tidak boleh bertindak demikian, saya fikir tak perlu negara itu Merdeka." Beliau mengingatkan lagi bahawa kerana negara itu Merdeka maka bolehlah ia mengeluarkan Undang-undang serupa itu untuk menjaga keselamatan penduduk dan Kerajaan iaitu sebagai undang-undang yang tidak bertentangan dengan undang-undang internasional.

Encik Hamid menegaskan undang-undang baru itu masih dalam perbincangan lagi, "belum ada keputusan muktamad." Beliau memberitahua bahawa Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri, hanya pernah mengatakan perkara PAS itu mungkin akan diadakan kelak, tetapi belum lagi dipersetu jui. Perbincangan masih diadakan antara Kerajaan Singapura dengan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan sebelum menguatkusaskan undang-undang tersebut tentulah akan meminta pandangan dari Kerajaan Singapura dahulu. "Kerajaan Singapura mungkin akan mengemukakan hujjah untuk melonggarkan sekatan itu, "kata Encik Hamid.

Dalam mesyuarat tahunan yang pertama UMNO Cawangan itu beliau telah mengingatkan ahli-ahli UMNO agar jangan terpengaruh dengan dakyah anasir-anasir dari pertubuhan orang Melayu sendiri yang hendak memceahkan UMNO. Dengan tidak menyebut nama Pertubuhan itu beliau menerangkan bahawa Parti yang menentang UMNO itu telah membangkang dalam Persidangan Parti-parti yang menghantar rombongan Merdeka ke England dulu. Parti itu telah menentang cadangan UMNO hendak memasukkan satu fasal dalam Perlembagaan baru Singapura di masa akan datang mengakui orang Melayu di tanah jajahan ini sebagai anak bumiputera dan memelihara kebudayaan, bahasa dan agama mereka, kata beliau.

Ahli-ahli PAS Malava diseru berbaik-baik dengan semua kaum

Anggota-anggota PAS diseru supaya mempunyai jiwa bersatu dan berbaik-baik dengan semua kaum dalam Malaya Merdeka. Seruan dibuat oleh Encik Abdul Khalid Osman, wakil rakyat Kelantan Selatan dalam Pesidangan Agung PAS Kelantan Selatan. "Malaya tidak beberapa hari lagi akan Merdeka. Rakyat Malaya, terutama sekali ahli-ahli PAS, harus bekerja bersungguh-sungguh dengan jiwa bersatu dan berbaik-baik dengan segala bangsa dalam negeri ini," kata beliau.

"Selepas penjajahan British kita akan tetap Merdeka dan akan menentang segala corak penaklukan seperti kusas-kuasa Komunis dan lain-lain. Kemerdekaan akan disambut dengan semangat dan perasaan gembira kerana ia adalah merupakan sejarah baru bagi negara kita dan kita harus terus mempertahankan tanah air kita supaya terus-menerus Merdeka," kata beliau lagi. Pegawai Penerangan PAS Kelantan dan Terengganu, Ustaz Hidzar, telah juga berucap dan berkata "Remerdekaan tidak akan mempunyai erti kalau Kerajaan yang akan ditubuhkan itu tidak bercorak dan mengikut hukum-hukum Islam."

Selasa 20 Ogos 1957, 24 Muharram 1377

Terimalah Kemerdekaan dengan tenang - Tunku

Tunku Abdul Rahman Putra, Ketua Menteri, meminta penduduk-penduduk negeri Melaka dari segala bangsa bersatu padu memelihara Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu supaya kekal selama-lamanya. Ucapan dibuat di hadapan 1,000 penduduk di Wilayah Naning. Tunku meminta rakyat Melaka menerima Kemerdekaan dengan 'tenang dan tenteram.'

Kata Tunku, negeri Melaka dan Pulau Pinang akan mendapat kembali kedaulatannya. Mengenai dasar luar negeri Persekutuan, Tunku menegaskan bahawa apa yang penting selepas negeri ini mencapai Kemerdekaan ialah kemakmuran dan kesenangan rakyat negeri ini. Tunku telah meninta rakyat negeri ini memerhati gerak langkah Komunis-komunis dan penyokong-penyokongnya supaya dapat mereka itu dihapuskan dengan segera dan dengan itu nanti wang rakyat dapat diselamatkan. Kepada orang-orang Islam di negeri ini Tunku menyeru mereka supaya menentang faham Komunis yang tidak percayakan Tuhan itu.

Australia ingin mengetahui dasar luar Malaya Merdeka

Setiausaha Agung UMNO, Encik Senu Abdul Rahman, yang akan jadi bakal Duta Malaya ke Indonesia, memaklumkan di Australia ramai orang yang sedang menunggu-menunggu dan ingin mengetahui papakah orak dasar luan Malaya Merdeka kelak, khususnya mengenai pertahanan dan perhubungan dengan negeri-negeri asing. Beliau mempercayai Tanah Melayu Merdeka "akan menjadi cermin demokrasi kepada negeri-negeri lain dalam dunia ini oleh kerana keistimewaan keadaan di dalamnya. Persekutuan Tanah Melayu mengandungi penduduk-penduduk dari berbagai bangsa, agama dan adat resam tetapi mereka tetap setia, sekata, hidup bersama dengan aman dan damai," kata beliau. "Kita sudah lihat bagaimana demokrasi hidup di negeri-negeri lain tetapi semuanya tidak sama dengan yang akan diamalkan dalam negeri ini. Demokrasi yang dipraktikkan di negara ini adalah luar biasa dan boleh diiadikan sebagai satu contoh dan cermin kepada negeri-negeri lain," kata beliau lagi.

Penghulu-Penghulu Luak nak menghantar memorandum mengenai kedudukannya dalam Malaya Merdeka kelak

Datuk-datuk Penghulu Luak, Tanah Mengendung dan Dato-Dato Lembaganya telah melantik satu Jawatankuasa untuk merangka satu memorandum yang akan dihantar kepada Jawatankuasa Perlembagaan Negeri Sembilan mengenai kedudukan mereka dalam Malaya Merdeka kelak. Memorandum itu mengandungi perkara-perkara berkenaan dengan kuasa, pencen dan keutamaan Dato-dato Penehulu Luak dan Lembaganya dalam Malaya.

Untuk pertabalan Yang di Pertuan Agong 5 kati perak sepaun emas digunakan

Mengenai upacara Pertabalan Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1957 banyak persediaan sedang dilakukan termasuk alat-alat untuk pertabalan Alat-alat itu yang dibuat oleh tukang-tukang emas dan tembaga Terengganu termasuk sebatang cokmar, dua buah gada, dua batang tombak, parong yang berteminkan emas 10 dan 20 batang tombak biasa berteminkan perak, 12 bilah keris pendek, 2 bilah keris panjang dan 44 pasang pakaian panglima-panglima yang lengkap. 5 kati perak, 10 perak yang terbaik, telah dileburkan untuk memempa cokmar itu. Pada ulu jemalanya diukir bulan dan bintang dari emas padu sementara kepala dan batangnya ditulis dengan ayat-ayat Quran dari emas juga. Sepaun emas 10 dileburkan untuk membuat tulisan tersebut dan bulan bintang. Semua peralatan ini dibuat oleh tukang-tukang Melayu di Terenganu.

Semangat bersatupadu penting nak mengekalkan Kemerdekaan

Raja Muda Kedah, Tunku Abdul Halim, menyuarakan pandangan bahawa "semangat bersatu padu adalah penting dalam Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka. Semangat itulah yang akan mengekalkan Kemerdekaan." Kata beliau lagi, "sesudah Kemerdekaan tercapai maka soal yang penting sekali ialah mengekalkannya. Perkara yang penting untuk mengekalkan Kemerdekaan ialah semangat bersatu padu dan muhibbah antara bangsa-bangsa yang tinggal dalam negeri ini."

Hubungan diplomatik antara Belanda - Persekutuan lepas Merdeka

Mengenai soal perhubungan dengan negara-negara luar, Kerajaan Belanda akan mengadakan perhubungan diplomatik dengan Persekutuan Tanah Melayu selepas Merdeka. Semasa sambutan Merdeka. Belanda akan diwakili dua duta istimewa.

Sejarah ringkas pahlawan-pahlawan Malaya

Salah satu persembahan di Kuala Lumpur sempena Hari Merdeka ialah pameran sejarah 'Perajuritperajurit Melayu' semenjak zaman Hang Tuah yang akan ditunjukkan di Dewan Perniagaan Cina, Kuala Lumpur. Tunku Abdul Rahman akan merasmikan pameran itu pada 30 Ogos 1957. Inilah pertama kali pameran sejarah diadakan dalam negeri ini dengan dikelolakan oleh Persatuan Sejarah Malaya dan Pejabat Penerangan. Antara bahan yang akan dipamerkan termasuk senjata-senjata besi Malaya, gambar-gambar bersejarah semenjak tahun 1872.

Kutipan derma dan sambutan Merdeka rata-rata

Mengenai kutipan derma Merdeka, sambutan daripada orang ramai di negeri Kelantan tidak memberikan sambutan baik kepada Jawatankuasa Derma Perayaan Kemerdekaan. UMNO Bahagian Seberang Perai memutuskan untuk mengibar bendera Federation bersama-sama bendera UMNO di tiap-tiap rumah di Cawangannya selama sebulan mulai Hari Kemerdekaan. Perikatan Gersek, Muar, memutuskan untuk menyambut Merdeka pada bulan September. Berbagai-bagai jenis permainan murid dan pertunjukan lain akan diadakan. Penduduk-penduduk Sungai Batang, Bagan Datuk, Perak akan menyambut Kemerdekaan dengan mengadakan perarakan dan menaikkan bendera Persekutuan dan majlis aneka warna di sebelah malam.

Layak dan mensesuaikan, seru Yang di-Pertua Kesatuan

Cikgu Ahmad bin Abdul Rahim, Yang di-Pertua Agung Kesatuan Guru-guru Melayu Lain-lain Latihan Persekutuan Tanah Melayu telah menyeru guru-guru Melayu supaya melayakkan dan menyesuaikan diri dalam Malaya Merdeka. "Dalam Malaya Merdeka kewajipan kita sangatlah berat dan tanggungannya tidak serupa dalam zaman penjajahan dulu" beliau menyeru ahli-ahli Kesatuan.

Lupakanlah kejayaan yang silam, marilah hadapi masa depan dengan tabah

Menteri Besar Johor, Dato Wan Idris bin Ibrahim, mengingatkan rakyat "agar jangan mengenanggenangkan kejayaan-kejayaan yang silam atau pun yang ada sekarang tetapi hendaklah tabah menghadapi masa depan." Kata beliau "dengan Pengisytiharan Kemerdekaan pada 31 Ogos ini tidak bereri bahawa kita telah mencapai tujuan kita dan bolehlah kita duduk berpeluk tubuh saja. Hari Kemerdekaan menandakan permulaan pada penghidupan kita yang baru sebagai rakyat sebuah negara Merdeka."

Belon Merdeka Perikatan Pemuda akan melepaskannya

Perikatan Pemuda UMNO Bahagian Ipoh akan melepaskan 100 buah belon sebagai merayakan Hari Kemerdekaan. Belon itu dinamakan 'belon Merdeka' berwarna putih dan merah. Semua orang Melayu di Perak diseru supaya memasang lampu warna warni dan memasang bendera selama tiga malam berturut-turut sebagai meraikan Hari Kemerdekaan. Sementara itu penduduk-penduduk Kampong Gadik, Alor Gajah akan merayakan Hari Kemerdekaan dengan jamuan dan syarahan azama.

Rabu 21 Ogos 1957, 25 Muharram 1377

Untuk maruah Negara

Fokus penyunting akhbar Utusan Melayu pada 21 Ogos 1957 ialah kepada maruah negara. Ketua Menteri Tunku Abdul Rahman Putra, mengeluarkan kata hikmat semasa Majlis Jamuan Makan tengah hari Persatuan Wartawan Melayu, Persekutuan Tanah Melayu, baru-baru ini. Kata Tunku "untuk menjaga nama baik dan maruah negeri kita, janganlah kita pergi ke mana-mana negeri untuk meminta sedekah atau meminta bantuan ini dan itu. Bakal Duta Persekutuan Tanah Melayu datang ke Amerika bukan untuk meminta sedekah tetapi ialah untuk membuat hubungan perdagangan antara kedua buah negeri," kata Tunku.

Sclama ini iaitu selama Tanah Melayu berada di bawah penjajahan Inggeris, ia terkongkong dari mengatur kehidupannya sendiri. Jelas sekali negara ini dikawal dan tidak dibenarkan "membuat apa-apa hubungan dengan negeri-negeri luar baik dalam soal perdagangan apatah lagi dalam soal-soal mengenai politik. Malaya tidak boleh membuat hubungan untuk mengirimkan keluar getah atau bijih-nya terus kepada negeri-negeri yang ia fikir boleh memberikan pasaran baik untuk hasil buminya." kata Tunku.Rakyat diberitahu hanya Inggeris dan Amerika sahaja yang sanggup membeli getah dan bijih dari Malaya dan yang demikian Malaya harus "sujud kepada kedua-dua buah negara itu." Malaya tidak boleh menetapkan harga getah dan bijih dan Malaya mestilah senantiasa menerim "belas ihsan" dari negeri (Inggeris dan Amerika) yang menjadi pembeli bijih dan getah dari Malaya itu. Yang demikian harga hasil bumi negeri ini sentiasa rendah dan ada ketikanya membimbangkan, kata penyunting.

Dan jikalau kita telah Merdeka kita masih lagi mengharapkan belas kasihan orang-orang yang selama ini memeras kita, tak dapat tidak cita-cita untuk menjaga nama baik dan maruah negeri ini dari meminta-minta sedekah atau bantuan dari negeri asing tidak akan tercapai.

Setelah Merdeka, Malaya harus mempunyai satu dasar ekonomi yang bebas dan tegas dan Kerajaan harus mengadakan hubungan langsung dengan negeri-negeri yang memerlukan barangbarang mentah hari jni, terutama sekali negeri-negeri yang berjiran dengan kita, kata penyunting.

Untuk menegakkan keadilan dan mendapatkan pembahagian rezeki yang sama

Di majlis rapat umum Parti Rakyat Kedah/Perlis, Puan Zainab, anggota wanita Parti Rakyat Kedah/Perlis itu berkata bahawa di Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka, seluruh wanita "haruslah bersatu dalam barisan rakyat untuk menegakkan keadilan dan untuk mendapatkan pembahagian rezeki yang sama di tanah air yang sudah Merdeka." Beliau menyeru wanita supaya bersatu padu dan berjuang dengan penuh pengorbanan.

Beliau juga menerangkan mengenai perjuangan-perjuangan yang dibuat oleh kaum wanita dan kaum ibu dalam sejarah Islam di zaman kebangkitannya dulu, kebangkitan untuk bangsa perlu kepada perjuangan wanitanya.

Khir Johari harap Dewan Perniagaan tidak perkauman lahir

Encik Mohd Khir Johari, Penolong Menteri Perdagangan dan Perusahaan, menyuarakan keinginan beliau melihat lahirnya sebuah Dewan Perniagaan Persekutuan yang tidak bercorak perkauman seperti yang ada selama ini. Hasratnya ialah ingin "melihat lahirnya sebuah Dewan Perdagangan Kebangsan yang anggotanya terdiri dari berbagai kaum." Kata beliau, "Pada masa sekarang di dalam negeri ini ada beberapa buah dewan dan Persekutuan Perniagaan yang semuanya berdasarkan perkauman. Keadaan demikian tidaklah sesuai dengan keadaan sekarang apakala semua Parti Politik dan khidmat-khidmat kebajikan diarahkan kepada satu arah perpaduan bangsa dan usaha-usaha menghapuskan fahaman perkauman terus dijalankan."

Persediaan sambutan Merdeka di merata tempat

Kesatuan Guru-Guru Melayu dan lain-lain latihan Persekutuan Tanah Melayu menyampaikan ucapan tahniah kepada Tunku Abdul Rahman Putra atas kejayaannya mendapatkan Kemerdekaan.

Parti Rakyat Seberang Perai menyokong Kemerdekaan Malaya dan meminta ahli-ahlinya di seluruh Seberang Perai supaya menyambut Kemerdekaan dengan mengibarkan bendera di tiap-tiap rumah. Di kalangan Parti Negara pula, sebuah Jawatankuasa dilantik dengan dipengerusikan oleh Encik Rashid Ahmad, orang kuat Parti itu.

Perayaan menyambut Kemerdekaan terus dirancang di merata tempat termasuk di luar negeri. Perayaan di London ialah temasya tari menari di Royal Festival Halil di tebing selatan Sungai Thames, manakala dalam seminggu ini Bahagian Melayu BBC akan menyiarkan siaran-siaran berkenaan dengan upacara menyambut Kemerdekaan yang akan diadakan di Malaya Hall pada 1 September.

Di dalam negeri pelbagai program sedang dilaksanakan, kesemuanya dilakukan dengan istimewa dan melambangkan rakyat Malaya berupaya menjadi begitu kreatif sekali. Di Johor Bahru, sambutan akan diadakan di Padang Mahkamah Tinggi mulai jam 9 pagi pada 31 Ogos.

UMNO Cawangan Simpang Empat, Rungkup, Bagan Datuk, akan menyambut Kemerdekaan dengan membaca doa selamat dan jamuan ringan serta sukan kanak-kanak. Di Mukim Semantan, Pahang, perayaan Merdeka disambut pada 8 September 1957 dengan pertandingan sukan darat dan sungai, jamuan makan dan ronggeng. Dato' Abdul Razak Hussein, Menteri Pelajaran, akan merasmikan upacara itu.

Di Mersing pula, sebuah tugu peringatan Kemerdekaan akan didirikan dengan harga \$12,000. Ini akan diambil dari pungutan yang dianggarkan berjumlah \$26,000. Perikatan Alor Gajah akan mengadakan sambutan dengan berbagai rancangan. Sebuah pintu gerbang berharga \$1,500 akan didirikan. Sebuah menara api yang tingginya 20 kaki dan dihujungnya ada huruf 'ain' yang besar sedang didirikan dipadang pejabat bandaran.

Di Segamat pula, telah dipungut derma berjumlah \$20,000 dan sebuah jam besar akan didirikan sebagai peringatan Hari Kemerdekaan, Sambutan di Batu Pahat akan dibuat secara besar-besaran. Seramai 1,000 akan mengadakan barisan. Tunku Abdul Rahman dijemput hadir dan di majlis itu Tunku akan dihadiahkan dengan 'tanda kehormatan' kepada gelaran 'Bapa Kemerdekaan Malaya'.

Sambutan Kemerdekaan di lain-lain tempat termasuk pekan Gemas yang mengadakan pelbagai sambutan termasuk lakonan sandiwara, nyanyian-nyanyaian, pencak silat, rebana dan tarian.

Di Merlimau, Melaka, akan diwujudkan 3 pintu gerbang, tiga majlis kenduri dan tiga macam sambutan pada 6 September.

Persatuan Islam Taiping, akan mengadakan upacara di bangunan Madrasah. Bendera-bendera akan dikibar di kemuncak tiang sekolah manakala ahli-ahli persatuan, orang-orang kampung, guru-guru, murid-murid digalakkan memakai pakaian seragam kebangsaan Melayu sempena merayakan Hari Kemerdekaan.

Australia menyambut Kemerdekaan Malaya

Di Australia pula, penuntut-penuntut Malaya akan mengadakan perayaan Kemerdekaan Malaya di tiap-tiap tempat tinggal penuntut. Setiausaha Agung UMNO, Encik Senu Abdul Rahman, yang akan menjadi bakal Duta di Indonesia menyatakan bahawa penuntut-penuntut Malaya akan mula merayakan Kemerdekaan pada tengah malam 30 Ogos. "Kemerdekaan Malaya bukan sahaja disambut oleh penuntut-penuntut Malaya di Australia tetapi adalah juga disambut oleh pemerintah dan rakyat Australia."

Federal Hotel dibuka 26 Ogos

Hotel Federal akan dirasmikan oleh Tunku Abdul Rahman pada 26 Ogos 1957 dan Kerajaan telah memajaknya untuk menempatkan sebahagian daripada tetamu-tetamu yang akan menghadiri perayaan Kemerdekaan pada 31 Ogos.

Sahkan Perjanjian

Undang-undang yang menjadikan Negeri Perlis sebuah negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu Merdeka dan berdaulat telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri Perlis. Ini bererti bahawa Perjanjian antara Raja-raja Melayu dengan Sir Donald MacGillivray yang mewakili Queen Elizabeth II pada 5 Ogos 1957 melahirkan sebuah negara Persekutuan yang Merdeka.

Iklan-iklan sempena Kemerdekaan

Ada beberapa iklan mengenai Sambutan Kemerdekaan termasuk 'Malam Kesenian dan Kebudayaan Melayu' di Bukit Bintang Park, Kuala Lumpur, yang terdiri daripada peraduan menyanyi lagu-lagu asli, peraduan pakaian kebudayaan (puteri Merdeka) dan peraduan membaca sajak daripada 30 Ogos hingga 3 September 1957. Beberapa rekod lagu-lagu Melayu telah diterbitkan khas untuk Merdeka termasuk lagu-lagu 'Malaya Tetap Merdeka' dan 'Bunga Malaya' oleh Zainal Alam. Lagu-lagu kelu-aran khas P. Ramilee, Salmah Ismail (Saloma), Normadiah, Momo, Abdullah Chik, R. Azmi dan lain-lain juag diklankan. Terdapata juag mialah-majalah khas keluaran sempena Kemerdekaan.

Khamis 22 Ogos 1957, 26 Muharram 1377

Perlembagaan diterima

Di Kelantan, Majlis Mesyuarat Negeri telah meluluskan dengan sebulat suara suatu ketetapan yang "mengutamakan orang-orang Melayu dalam hal-hal mengeluarkan lesen perusahaan kayu hutan. Di samping itu permohonan lesen-lesen kilang papan dan lesen-lesem mengeluarkan kayu hutan daripada orang Melayu harus diutamakan."

Majlis Mesyuarat Kelantan juga telah meluluskan rang undang-undang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu di samping undang-undang yang memberi hak milik tanah kepada rakyat mengikut rancangan lima tahun.

Kedah meluluskan Perlembagaan

Majlis Mesyuarat Negeri Kedah telah meluluskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Persidangan akhir bagi Majlis Mesyuarat Negeri Kedah dalam zaman penjajahan telah meluluskan juga satu penyata kira-kira wang perbelanjaan negeri.

Terengganu Terima Perlembagaan

Negeri Terengganu juga telah meluluskan rang Undang-undang Perlembagaan dengan sebulat suara.

Berlaga Lembu

Penyunting akhbar hari ini membangkitkan dua perkara yang termasuk mengenai temasya Laga Lembu yang kerap sekali dibangkitkan di akhbar. Beliau bersetuju penuh dengan pandagan lembu Kohamed Sulong, Ahli Majlis Mesyuarat Undangan Federal, bila beliau berkata "melagakan lembu tidak akan memperbaiki baka-baka lembu itu. Yang dapat ditentukan, rasa kita ialah lembu mana yang kalah dan mana yang menang. Sebagai satu 'sukan' antara dua pihak apakah Menteri Pertanian, Encik Abdul Aziz Ishak, belum berasa puas hati dengan peraduan tinju, bersilat, gusti, bola sepak, badminton dan beberapa banyak lagi sukan yang dimainkan dalam negeri ini?"

Katanya lagi "agak sukar untuk mengadakan seorang pengadil menjaga undang-undang berlaga lembu." Katanya bagi menghalalkan perlagaan lembu pada hemat kita tidak sesuai dengan peredaran zaman. Patut diingat bahawa Stamford Raffles yang dikatakan mengharamkan perlagaan ayam hampir 150 tahun sebelum 1957 dan tindakan itu sudah tentu berasaskan kepada rasa belas kasihannya kepada ayam yang berlaga hingga luka parah dan ada kalanya sehingga mati terus.

Sekatan Causeway: Lim menyebutkan jaminan Tunku

Suatu komen yang menarik ialah mengenai 'sekatan Causeway' ke Singapura. Dilaporkan Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra, memberi jaminan beliau akan berunding dengan Singapura lebih dahulu "sebelum melaksanakan rancangannya hendak mengadakan sekatan Causeway selepas Merdeka." Perkara ini telah dihuraikan oleh Ketua Menteri Singapura, Lim Yew Hock, sebagai menjawab soal ahli Dewan Perhimpunan Undangan Singapura. Di Perhimpunan Undangan telah dilaporkan kegelisahan orang ramai terhadap ura-ura bahawa Kerajaan Persekutuan akan menyekat orang-orang keluar masuk Persekutuan melalui Causeway.

Kedah haramkan pencak silat, kuntau dan judo

Jawatankuasa Pusat Perayaan Sambutan Kemerdekaan di negeri Kedah telah diperintahkan supaya mengharamkan permainan pencak silat, kuntau atau judo dalam sebarang upacara Perayaan Merdeka. Pembatalan permainan-permainan itu dilakukan untuk mencegah kemungkinan pergaduhan atau perselisihan antara kaum.

Sambutan Kemerdekaan rata-rata

Banyak sekali yang dilaporkan mengenai sambutan Kemerdekaan di seluruh negara. Maklumat ini amat menarik kerana ia menggambarkan betapa bersungguhnya rakyat seluruh negara menyambut Kemerdekaan tanah air.

Pada 31 Ogos di Kuala Kangsar akan diadakan istiadat berbaris kanak-kanak sekolah, pengakap dan St. John S Ambulance dan pada 1 September akan diadakan peraduan-peraduan menyanyi, tarian orang darat, zapin, ronggeng, bersilat, wayang kulit dan sandiwara.

Di Kg. Lubuk Merbau, Kuala Kangsar, pula akan diadakan berbagai permainan bagi kanakkanak dan para remaja.

Tujuh buah sekolah umum di Parit, Perak akan mengadakan sukan, perlawanan bola sepak dan pada sebelah malamnya diadakan acara aneka warna. Penduduk-penduduk di Kg. Bukit Beruang, Melaka akan mengadakan sembahyang kesyukuran serta majlis bacaan Al-Quran dan berzanji. Di waktu lahirnya Persekutuan yang Merdeka, akan dibaca azan dan dibunyikan beduk.

Di Kg. Beseri, Perlis akan diadakan majlis makanan kepada kanak-kanak dan seterusnya olahraga dan di sebelah malam pertunjukan kesenian dan kebudayaan. Di Kuala Ketil, Kedah sebuah pintu gerbang akan didirikan dan bendera dinaikkan disusuli pula dengan jamuan nasi Merdeka.

Lain-lain tempat yang akan sambut Merdeka ialah di Taiping di mana Cawangan Kaum Ibu akan sambut cara besar-besaran. Tunku akan dijemput ke majlis itu.

Rancangan perayaan Merdeka Johor

Sambutan di Johor pula meliputi pembinaan pintu-pintu gerbang besar yang berlampu yang akan menghiasi tembok Johor dan semua jalan raya yang akan diterangi dengan lampu-lampu. Perisytiharan Merdeka akan dibaca di padang depan Supreme Court, Johor Bahru, pada jam 9 pagi 31 Ogos. Pembacaan juga akan dibuat di daerah-daerah. Kebanyakan sambutan akan dilakukan dalam bulan September dan di setiap jajahan hari sambutan akan dijadikan hari cuti am.

Di Johor Bahru pula perbelanjaan sebanyak \$40,000 akan digunakan untuk menjamu orangorang miskin, mengadakan hiburan, temasya sukan laut, permainan bunga api dan lain-lain. Doa selamat akan dibaca di setiap masjid selepas sembahyang Jumaat pada 30 (0go 1957.

Kira-kira 30 ekar tanah bukit telah diminta untuk dijadikan taman bunga peringatan Merdeka dan taman-taman bunga Merdeka akan dibina di daerah dengan perbelanjaan \$10,000 untuk tujuan tersebut.

Mereka akan mengelilingi dunia

Tiga remaja Melayu termasuk K. Abd. Rahman Nasution, bekas askar Melayu yang berjaya mengelilingi Tanah Melayu dan Indonesia dalam tahun 1955 dengan menaiki basikal, akan memulakan perjalanan mengelilingi dunia pula selepas Perayaan Kemerdekaan. Perjalanan itu akan mengambil masa 3 atau 4 tahun. Untuk belanja dalam perjalanannya selain dari bantuan-bantuan orang ramai, beliau menjual gambar-gambar pemandangan di Hari Sambutan Kemerdekaan. Abd. Rahman dan rakan-rakannya Mohd bin Hj. Ehsan (Johor) dan Harun bin Mohd Lazim (Kedah) boleh bertutur bahasa Inggeris, Arab dan Jepun.

Jumaat 23 Ogos 1957, 27 Muharram 1377

Tunku hendak menghapuskan kepincangan masyarakat, tidak mau ada lagi kelas-kelas dalam Malaya Merdeka

Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra, banyak menyuarakan tentang suasana masyarakat selepas negara mencapai Kemerdekaan. Beliau tidak mahu ada lagi 'kelas-kelas' dalam masyarakat Malaya yang telah Merdeka.

Tunku Abdul Rahman meletakkan batu asas jam Merdeka di pekan Baling, Kedah pada 21 Ogos 1957 dan sebelum itu telah membuat ucapan di hadapan lebih 1,000 penonton mengenai masyarakat di Malaya pada ketika ini. Katanya di kalangan masyarakat di waktu itu terdapat golongan yang terlalu kaya dan yang terlalu miskin. Ada pula yang terlalu pandai dan terlalu bodoh. Tunku risau dengan suasana yang amat buruk ini dan berharap apabila negara Merdeka, Kerajaan akan menjalankan rancangan menghapuskan kepincangan masyarakat ini. Kata Tunku lagi, Kerajaan memerlukan sokongan dari setian rakyat supaya ana yang diusahakan nanti akan mencapai kejayaan. Tunku menyeru kepada orang Melayu terutamanya untuk "mengambil peluang yang akan terbuka kelak untuk memajukan diri supaya kepincangan masyarakat yang ada sekarang ini lenyap bila negara Merdeka kelak," Kata Tunku beliau tidak percaya kepada masyarakat yang ada kelas-kelas seperti kelas bangsawan, kelas hamba, kelas tinggi dan kelas rendah. Beliau menyeru supaya tiap-tiap kaum yang mendiami di Persekutuan Tanah Melayu mempunyai perasaan berbaik-baik sangka agar "bangsa baru yang akan dibina dalam Malaya Merdeka akan memberi kemakmuran kepada rakyatnya." Selepas itu Tunku telah dijamin di majlis jamuan tengah hari oleh penduduk-penduduk Baling di Sekolah Inggeris di mana dua tahun dahulu beliau telah mengadakan perundingan perdamaian dengan Chin Peng, Ketua Parti Komunis Malaya.

Tunku mengharap darurat tamat akhir tahun depan

Di majlis meletakkan batu asas menara jam Merdeka yang sama di Baling, Tunku menyatakan harapan bahawa darurat akan dapat ditamatkan pada hujung tahun 1958. "Saya mesti bercakap demikian supaya kita mesti mempunyai tarikh yang tetap bagi menamatkan darurat oleh kerana kita telah menetapkan tarikh Kemerdekaan dan saya telah pun menetapkan usaha-usaha saya dalam hendak menamatkan darurat." Katanya lagi "perundingan-perundingan keamanan dengan pihak Komunis tidak akan diadakan. Cara Komunis itu ialah apabila mereka lemah mereka akan mengikuti kita tetapi apabila mereka terpaksa mereka menggunakan kekerasan," kata Tunku.

Mereka akan mogok tiga hari lepas Merdeka

Selepas Merdeka pada 2 September 1957 pekerja-pekerja Kedal Coastal Transport Trading Co. Ltd., sebuah syarikat pengangkutan yang besar di Alor Setar, akan melancarkan mogok sekiranya pihak majikan tidak memberi apa-apa jawapan mengenai tuntutan-tuntutan yang telah dikemukakan oleh mereka. Mereka menuntut tambahan gaji di samping pembaikan keadaan kerja. Ini adalah di antara sembilan tuntutan yang mereka minta. Kesatuan Pekerja-pekerja telah menghantarkan notis mogok itu kepada majikannya.

Malaya tak boleh jadi pengkalan atom

Telah dilaporkan kenyataan Tunku bahawa semua perkara mengenai pertahanan Persekutuan Tanah Melayu hendaklah dipersetujui oleh pihak British dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Tunku membangkitkan perkara ini kerana ada berita yang menyatakan Kerajaan Persekutuan bermuafakat hendak mempersenjatai tentera British dalam Malaya Merdeka kelak dengan senjata-senjata atom. Kata Tunku beliau sama sekali tidak tahu "akan sebarang rancangan British hendak mempersenjatai tenteranya di Malaya dengan senjata-senjata atom." Dengan tegas Tunku berkata "kita harus akan menolak sekiranya ada cadangan-cadangan hendak menjadikan Malaya pengkalan atom Inggeris."

Pemuda UMNO Melaka bantah senjata atom bagi Malaya

Jawatankuasa Pemuda UMNO Melaka akan menghantar satu 'bantahan yang sekeras-kerasnya' kepada ibu pejabat UMNO Malaya bersabit dengan pengumuman yang telah dibuat oleh Menteri
Pertahanan British bahawa pasukan-pasukan bersenjata British di Malaya akan dialatkan dengan senjata-senjata atom atau hydrogen. Jawatankuasa tersebut berpendapat bahawa 'dalam keadaan negeri
kita baru Merdeka ini, adalah tidak bijak sekiranya pengumuman Kerajaan British yang hendak mengalatkan pasukan bersenjatanya dengan bom-bom atom dan hydrogen itu diterima oleh Kerajaan
Perikatan."

Khadijah Sidek tamu istimewa Perayaan Merdeka Persekutuan

Puan Khadijah Sidek, bekas Ketua Kaum Ibu UMNO Malaya, telah menerima undangan istimewa untutk menghadiri perayaan Kemerdekaan. Beliau akan mendapat tempat sejajar dengan tetamu-tetamu agung luar negeri dan mengendarai kereta-kereta mahal yang disediakan untuk tetamu-tetamu agung. Puan Khadijah telah mengambil peranan yang penting dalam perjuangan Pilihan Raya UMNO dalam tahun 1955.

Parti Rakyat Melaka dukacita kerana diketepikan dalam sambutan

Parti Rakyat Melaka mengambil keputusan akan menyambut kelahiran Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka pada 3 September 1957. Parti tersebut merasa dukacita kerana "di beberapa tempat di Melaka, Parti Rakyat telah diketepikan oleh setengah-setengah Parti yang mengadakan sambutan Merdeka dengan cara pergabungan." Mereka bersas sedih kerana "kami yang juga berjuang mencapai Kemerdekaan telah dianggap sepi oleh setengah-setengah Parti yang mengadakan Sambutan Merdeka dengan cara pergabungan." Sambutan yang mereka rancangkan ialah jamuan teh pada 3 September jam 11 pagi 11 minit 11 saat. Tiap-tiap Cabang dan Ranting diminta menghantar empat orang wakil dan tiap-tiap orang dikenakan bayaran S4.

Saloma mengetuai pertunjukan Merdeka di Lake Garden, Kuala Lumpur

Sempena perayaan Kemerdekaan di Kuala Lumpur, satu pertunjukan Pusparagam Merdeka akan diadakan di Lake Garden pada 5 dan 6 September 1957. Bintang-bintang radio, filem dan sandiwara akan mengambil bahagian dalam pertunjukan tersebut anjuran bersama pihak Radio Malaya dan Jabatan Penerangan. Pertunjukan diadakan di atas pentas yang dibina khas di atas air dalam tasek di Lake Garden.

Artis-artis yang mengambil bahagian diketuai oleh Saloma dan P. Ramlee dengan pancaragam Radio Malaya yang memainkan lagu-lagu istimewa Melayu, Cina, India dan Barat, Encik Zainal Alam, 'raja lawak' Radio Malaya menjadi juruhebah. Di samping itu turut serta penari-penari di Raja dari Kelantan yang akan mempersembahkan tarian 'impian asyik.'

Sambutan Merdeka macam-macam cara

Mengenai sambutan Merdeka di daerah-daerah di seluruh negara, UMNO Cawangan Batu Uban, Pulau Pinang akan mengadakan perhimpunan ramai dengan menaikkan bendera Persekutuan Tanah Melayu dan menurunkan Union Jack sama seperti yang dilakukan di Kuala Lumpur. Acara-acara lain termasuklah doa selamat dan kesyukuran di masjid-masjid, jamuan aiskrim untuk anak-anak, kenduri Merdeka kepada fakir miskin di masjid Batu Uban. Wayang gambar akan ditayangkan secara percuma. Lembaga Didikan Sekolah Umum, Air Itam, Pulau Pinang menyambut Merdeka dengan pertunjukan aneka warna serta membaca sajak. Pancaragam Rangkaian Melati akan menyerikan majik. Sementara itu UMNO Kuala Krai, Kelantan memulakan perayaan pada tengah malam 31 Ogos dengan membunyikan beduk dan azan dan menurunkan bendera. Sebuah jam besar dan sekolah agama akan dibina sebagai 'batu peringatan Kemerdekaan.'

Di Terengganu "Pesta Merdeka" akan diadakan selama empat hari berturut-turut dari 31 Ogos dengan pertunjukan-pertunjukan aneka warna, joget moden, wayang kulit, bangsawan dan makyong. Di samping itu akan diadakan rodat, konsert antara sekolah dan pertandingan nyanyi boria dan pertunjukan pancarasam tempatan.

Orang-orang Cina diseru merayakan Kemerdekaan Malaya

Tuan Tan Cheng Lock, Yang di Pertua MCA, menyeru penduduk-penduduk bangsa Cina di seluruh Malaya supaya "jangan ketinggalan untuk menyambut Kemerdekaan seperti yang dibuat oleh bangsa-bangsa lain di Malaya. Adalah sungguh rugi kalau bangsa Cina di Malaya tidak mahu meraikan Kemerdekaan yang bakal dicapai itu."

Soal pelajaran penting dalam mengisi Kemerdekaan

Tuan Haji Nik Abdullah, wakil Setiausaha Kerajaan Kelantan, menyatakan soal pelajaran adalah sangat penting dalam pergerakan mengisi Kemerdekaan di masa depan. Beliau menyeru tiap-tiap badan dan tiap-tiap orang supaya memberikan perhatian yang lebih besar kepada soal pendidikan itu. Sambil memuji perkhidmatan guru-guru sekolah rakyat beliau berkata "di negeri-negeri yang maju sekolah rakyatlah yang sangat dihargai dan diutamakan kerana pelajarannya tersusun dengan sempurna dan bebas pula."

Janganlah lupakan nasib orang miskin di kampung-kampung yang memerlukan bantuan

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan negeri Melaka, Tuan C.M. Seth, menyeru badan-badan sukarela supaya jangan melupakan nasib orang-orang miskin di kampung-kampung di Melaka. "Perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan sukarela hendaklah digalakkan oleh pemimpin-pemimpin politik negeri ini. Malaya akan Merdeka dan kita patut sekali mengambil berat untuk memberi kelapangan hidup kepada rakwat yang miskin." kata beliau.

Sabtu 24 Ogos 1957, 28 Muharram 1377

Kita tidak memerlukan senjata atom sekarang

Semasa berada di Singapura, Tunku Abdul Rahman Putra, Ketua Menteri, sekali lagi menegaskan bahawa Persekutuan Tanah Melayu sama sekali tidak memerlukan senjata-senjata atom. Tunku mengulangi kenyataan bahawa "mengikut perjanjian pertahanan negeri ini dengan Kerajaan British sebarang peralatan senjata dalam negeri ini mestilah lebih dulu dibincangkan dengan Kerajaan Negeri ini, Kita tidak mahu senjata atom sekarang."

Bercakap mengenai parti Komunis Malaya kata Tunku, "Kerajaan Malaya Merdeka tidak boleh mengamalkan dasar hidup bersama dengan Komunis kerana Komunis tidak boleh hidup bersama sebarang Kerajaan.". Pendirian Tunku masih sama dengan apa yang dinyatakan di perundingan di Baling di mana pihak Komunis diminta menyerah diri dengan tidak bersyarat. Tunku juga menyatakan sikapnya tidak percaya kepada kejujuran Komunis. "Kalau kita mengiktiraf Parti Komunis Malaya, mereka mungkin keluar, tetapi bila mereka mendapat kekuatan mereka akan menentane kita."

Menghapuskan kepincangan dalam masyarakat

Penyunting akhbar pada 24 Ogos membangkitkan kata Tunku mengenai kepincangan dalam masyarakat yang berkelas-kelas seperti kelas bangsawan, kelas hamba, kelas tinggi, kelas rendah dan sebagainya. Tunku memberi jaminan keadaan buruk ini tidak boleh dibiarkan lagi dan Kerajaan Perikatan akan berusaha melenyapkan keadaan itu.

Penyunting akhbar menganggap kata-kata Tunku bijaksana sekali dan jujur tetapi yang perlu dilihat ialah cara mengamal dan melaksanakan tujuan-tujuan itu kerana "miskin kayanya rakyat dalam sebuah negara adalah bergantung semata-mata kepada susunan ekonomi dalam negeri itu." Penyunting berpendapat apa yang dikehendaki dalam Malaya Merdeka ialah perubahan-perubahan pokok yang tidak akan menimbulkan keadaan golongan yang terlalu miskin dan golongan lain yang terlalu saya. Penyunting tidak bersetuju dengan pendapat setengah-setengah orang yang berkata bahawa "ketinggian dan kemuliaan seseorang itu terpulang kepada kemahuan dan kepintaran orang itu sendiri meletakkan dirinya dalam masyarakat. Kemahuan dan kepintaran seseorang dalam masyarakat ke arah kemajuan dan kemakmuran sentiasa terbatas." Kerajaan diminta "menyusun dan menyelenggarakan dasar ekonomi yang sungguh-sungguh dapat menghapuskan kelas-kelas masyarakat di negeri ini. Setakat manakah pemerintah Perikatan akan mengambil langkah untuk mencapai tujuan-tujuan itu hanwa masalah yang akan menjadi saksi:

Pesuruhjaya British di Malaya tiba

Bakal Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom di Persekutuan Tanah Melayu sewaktu tiba di Kuala Lumpur, menyatakan Kerajaan British tidak pernah mengesyorkan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka menjadi anggota SEATO "tetapi British senantiasa berharap agar Pakatan SEATO bertambah kuat dengan banyak lagi negeri di Tenggara Asia menjadi anggotanya termasuk Malaya." Beliau menyatakan dalam perundingan-perundingan yang telah diadakan, "soal supaya Malaya menjadi anggota Pakatan SEATO tidak timbul sama sekali dan pihaknya tidak sekali-kali berniat sama sekali untuk menimbulkan soal itu." Mengenai kedudukan Persekutuan Tanah Melayu dalam pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu kata beliau, Kerajaan British bersedia mengambil daya utama untuk mencadangkan supaya Persekutuan Tanah Melayu diterima menjadi anggota Pertubuhan tersebut. "Kami bersedia memberi bantuan kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tas sebarang polisi pun mengikut perjanjian pihak British dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu terutama sekali mengenai perianjian pertahanan."

Langkah menempatkan 10 batalion askar luar Malaya dibantah

Persatuan Bekas Pasukan Keselamatan Malaya, Bahagian Perak Tengah, mengeluarkan bantahan terhadap langkah Kernjaan Persekutuan hendak menempatkan sepuluh batalion askar luar di Persekutuan lepas Merdeka. Mereka mahu "semua sekali askar-askar luar dikeluarkan dengan serta merta selepas Merdeka dan digantikan dengan pasukan askar dari penduduk-penduduk Malaya sendiri." Kenyataan tersebut menyebut "pada masa ini ada kira-kira 83,000 orang ahli bekas Pasukan Keselamatan di Malaya yang boleh mengangkat senjata mempertahankan Malaya masa depan." Kebanyakan mereka masa ini sedang "menganggur dan menderita setelah tamat perkhidmatan mereka dengan Kerajaan selama lima tahun "

Rakan lama tuduh Onn

Bekas Ketua Pemuda Parti Negara Pulau Pinang, Encik Kamaruddin Abdul Majid, telah menuduh Dato Onn Jaafar, Pemimpin Parti Negara, sebagai "orang yang tidak sukakan Kemerdekaan." Tuduhan itu dibuat berikutan dengan keengganan Dato Onn menghadiri upacara-upacara perayaan Kemerdekaan dengan jemputan Kerajaan Perikatan. "Dulu Dato Onn berkata bahawa Parti Negara berjuang menuju arah Kemerdekaan. Tetapi sekarang Kemerdekaan telah tecapai, mengapakah Dato Onn tidak mau menghadiri upacara Kemerdekaan itu? Jadi teranglah tuduhan-tuduhan orang-orang Melayu dulu bahawa Dato Onn tak sukakan Kemerdekaan," kata beliau.

Gaji dibayar supaya bersedia menyambut Merdeka

Kenyataan dibuat bahawa semua pegawai dan kakitangan Kerajaan dalam Persekutuana Tanah Melayu telah menerima gaji bulan Ogos pada 23 Ogos 1957, seminggu lebih awal daripada biasa. Ini adalah untuk memberi mereka peluang bersedia menyambut Kemerdekaan.

1600 penduduk Jenderam merayu lagi supaya dikembalikan Memorandum dihantar kepada Kerajaan

1,600 orang penduduk Kampung Jenderam, Selangor, telah menuntut sekali lagi kepada Kerajaan "supaya mereka dibenarkan balik ke kampung asal mereka yang telah ditinggalkan kira-kira enam tahun yang lalu sebelum 31 Ogos ini." Mereka dipindahkan dari kampung mereka menurut kuatkuasa Undang-undang darurat pada 15 Februari 1951. Setengah-setengah daripada mereka telah ditahan di beberapa khemah tahanan Persekutuan tetapi sekarang semuanya telah dibebaskan. Pada masa ini mereka tinggal "tidak tentu arah di negeri Selangor." Bekas penduduk Jenderam itu menuntut supaya Kerajaan Persekutuan dan negeri Selangor mengambil perhatian berat dan melayan permintaan-permintaan mereka. Mereka bercadang hendak menemui Tunku Abdul Rahman.

Penduduk-penduduk Kampung Jenderam itu telah berkali-kali menghantar surat rayuan dan senarai barang-barang supaya dapat ditaksir dan dinilai kerugian mereka. Tetapi Kerajaan hanya berjanji menimbang permintaan mereka. Mereka juga memohon Kerajaan mengisyiharkan Ulu Langat termasuk Jenderam sebagai 'Kawasan Putih.' "Kami menuntut supaya Kerajaan mengembalikan semua bekas-bekas penduduk Jenderam ini ke kampung kami yang asal itu, iaitu Jenderam. Itulah tempat tumpah darah kami dan kami tidak akan menderita lagi bila mana kami sudah dikembalikan ke kampung saal kami itu."

Tahniah PAS kepada Perikatan kerana melahirkan Kemerdekaan

PAS Cawangan Bukit Mertajam telah "mengambil ketetapan akan membawa satu usul ke Persidangan Agung PAS Se Malaya di Kuala Lumpur kelak, meminta supaya menyampaikan tahniah kepada Kerajaan Perikatan dan juga Parti Perikatan UMNO, MCA, MIC atas usaha mereka melahirkan Kemerdekaan Malaya pada 31 Ogos." Persidangan itu juga meminta supaya PAS Se Malaya "memberi ikrar akan bekerjasama dengan Kerajaan Perikatan bagi mengisi Kemerdekaan Tanah Melayu kelak."

Peminat muzik Melayu diseru memerhatikan lagu-lagu yang berunsur kebangsaan

Berbagai-bagai aspek kesenian dihidupkan untuk diketengahkan bagi menyambut Hari Merdeka. Di Batu Pahat, Johor, peminat-peminat seni muzik dan seni suara diingatkan supaya mengambil berat kepada lagu-lagu berunsur kebangsaan terutamanya lagu-lagu Melayu asli, Jawatankuasa Perayaan Kemerdekaan Parit Sulong menyedari bahawa "kesenian adalah cabang dari kebudayaan dan seni suara dan seni muzik itu adalah satu daripada rupa kesenian; sebab oleh itu di zaman perubahan ini hendaklah bersama-sama dalam usaha meningerikan kesenian dan kebudayaan bangsa."

Ingatan itu diberi oleh Cikgu Mohamed Taib bin Imam sebagai Ketua Pengadil Peraduanperaduan dalam Malam Aneka Warna derma Merdeka di panggung Raden, Parit Sulong, Katanya lagi "kita jangan hanya merasa agung dengan yang ada ini sahaja, pada hal di luar negeri banyak penyanyi-penyanyi dan pemain-pemain muziknya yang terkenal di seluruh dunia dan bagi kita sekarang belum cukup dengan P. Ramlee, Salmah Ismail dan seumpamanya."

15 Kesatuan Buruh Pulau Pinang mengadakan rapat raksaksa menyambut Merdeka

Di Pulau Pinang, 15 buah kesatuan yang mewakili sebilangan besar pekerja-pekerja akan menganjurkan perhimpunan raksaksa di Padang Renung sempena Hari Kemerdekaan. Ucapan-ucapan tahniah dan kesyukuran akan dibuat dalam bahasa Melayu, Cina, Inggeris dan Tamil. Tafakur selama tiga minit dilakukan sebagai mengingati roh pahlawan-pahlawan Melayu yang telah terkorban. Di Kangar, Perlis, rumah-rumah dan kedai yang dihias cantik sempena sambutan Hari Kemerdekaan akan diberi hadiah. Akhbar 24 Ogos melaporkan dengan banyak sekali rancangan-rancangan perayaan Kemerdekaan bagi tempat-tempat seperti daerah Batu Pahat, Pontian, Muar, Rembau dan Kangar.

Sambutan Merdeka rata-rata

Berita disampaikan mengenai persediaan sambutan Merdeka di merata tempat termasuk masyarakat Pakistan yang akan mengadakan majlis doa selamat pada 9 pagi 31 Ogos. Manakala penduduk di Batu Hampar, Rembau, akan mengadakan kenduri dan bacaan doa selamat. Rancangan perayaan Kemerdekaan bagi tempat-tempat di daerah Batu Pahat diberi sepenuhnya dengan berbagai acara. Tempat yang diadakan sambutan yang begitu hebat dengan pelbagai acara ialah di Bandar Penggaram, Rengit, Senggarang, Yong Peng, Parit Sulong, Seri Medan, Parit Yakni, Air Hitam dan Parit Raia.

Dr. Burhanuddin anggap Kemerdekaan Malaya, Kemerdekaan kosong

Presiden Parti Islam Se Malaya (PAS) Dr. Burhanuddin al-Helmi, menyifatkan Kemerdekaan yang dicapai pada 31 Ogos 1957 "sebapai Kemerdekaan yang kosong semata-mata, ibarat menang sorak kampung tergadai." Beliau berucap di Mesyuarat Agung PAS yang ke-6 di Kuala Lumpur dengan berkata "kalau dulu negeri ini ditadbir oleh British, maka sesudah 31 Ogos ini kuasa pentadbiran itu akan terserah pula kepada Raja-raja dan Wakil-wakil Rakyat menurut istilah British dengan ekonomi dan modal-modal British dan modal-modal ang tetap terjamin dalam negeri ini."

Beliau menegaskan PAS berdiri tetap pada ajaran-ajaran Islam. Mengenai Perlembagaan baru Malaya beliau berkata "Kita telah membuat memorandum berkenaan Perlembagaan yang kita kehendaki, kita telah membuat bantahan dan teguran, kita telah mengadakan Persidangan Agung tergempar lalu menyertai dan menyokong Kongres Kebangsaan Melayu yang kedua."

Beliau menjelaskan sikap PAS terhadap Kemerdekaan, terhadap parti Komunis Malaya, perlembagaan Malaya Merdeka dan corak-corak perjuangan PAS di masa depan. Kata beliau "PAS
adalah memperjuangkan Kemerdekaan penuh bagi negeri ini ternasuk Melayu menjadi kebangsaannya dan pengakuan bahawa negeri ini adalah kepunyaan bangsa Melayu." Katanya lagi "PAS bercitacita hendak membina satu bahasa, satu negara dan satu bangsa yang teguh dan hanya bahasa Melayu
sahaja yang diakui bahasa Kebangsaan dan rasmi yang tunggal dalam negeri ini." Dr. Burhanuddin
menerangkan corak Kemerdekaan penuh yang dicita-citakan oleh PAS. Setelah Kemerdekaan penuh
dicapai dengan berjalannya hukum-hukum Islam dan pada orang seorang dan masyarakat umumnya
dan negara maka barulah tercapai Kemerdekaan yang dicita-citakan oleh PAS. Menurut Dr.
Burhanuddin "agama Islam yang diakui rasmi sekarang cuma pada tulisannya saja, tetapi isinya
adalah kosong."

'Negara Ku', Lagu Kebangsaan Persekutuan Melayu Merdeka

Mengenai Lagu Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu yang pernah dibangkitkan sebelum ini, Kerajaan mengumumkan dengan rasminya Lagu Kebangsaan telah dikemukakan kepada Persidangan Raja-raja Melayu untuk diluluskan. Lagu yang diberi nama 'Negara Ku' telah diterbitkan di Kuala Lumpur dan menggunakan irama Lagu Kebangsaan Negeri Perak. Senikata sepenuhnya Lagu Kebangsaan adalah seperti berikut:

> Negara Ku Tanah tumpahnya darahku Rakyat hidup bersatu dan maju Rahmat bahagia Tuhan kurniakan Raja kita selamat bertakhta Rahmat bahagia Tuhan kurniakan Raja kita selamat bertakhta

Lagu itu akan dimainkan buat pertama kali pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka.

Perjuangan Kemerdekaan Malaya dan 'Istiadat memasyhurkan Kemerdekaan'

Sebuah artikel khas ditulis oleh Encik Rusdin Yaakub berjodol seperti di atas memasyhurkan Kemerdekaan dan membangkitkan tentang perjuangan bangsa Melayu menghasilkan Kemerdekaan tanah air. Rakyat Tanah Melayu selama lebih 83 tahun dijadh ah "selama itu bangsa kita dan rakyat Tanah Melayu telah mengalami pengalaman pahit. Kita mengalami penghinaan, perhambaan dan kemiskinan di negeri kita yang kaya raya. Kita mengalami kekosongan beberapa waktu kerana dalam masa penjajahan itu segala hasil-hasil bumi kita menjadi benda nikmat bagi orang-orang yang menjajah kita saja!"

Artikel itu memaklumkan mengenai upacara Kemerdekaan di Stadium Merdeka, tempat yang amat bersejarah bagi negara ini.

Upacara-upacara perayaan dan temasya Merdeka di Kuala Lumpur

Maklumat mengenai upacara-upacara perayaan dan temasya Merdeka di Kuala Lumpur disampaikan sepenuhnya, bermula dari 29 Ogos hingga 8 September 1957 yang termasuk perasmian Stadium Merdeka pada 30 Ogos 1957, upacara berbaris di depan Pejabat Secretariat (Bangunan Sultan Abdul Samad) pada 1 September, Pertabalan Yang di-Pertuan Agong pada 2 September, serta pertunjukan Aneka Warna Merdeka di Lake Garden di samping banyak lagi perayaan dan temasya. Inilah senarai upacara-upacara dan temasya yang besar sempena perayaan Merdeka.

- Khamis 29 Ogos 1957, jam 4 petang Duke dan Duchess of Gloucester sampai di pengkalan kapal terbang.
- Jumaat 30 Ogos 1957, jam 8.15 pagi pembukaan rasmi Stadium Merdeka; tengah hari dan petang - doa selamat di masjid-masjid; jam 6 petang - pembukaan pertunjukan bersejarah di Dewan Perhimpunan Cina. Permainan-permainan sukan dimulakan dan akan diteruskan hingga 8 September 1957.
- 3. Sabtu 31 Ogos 1957, jam 8 hingga 9.30 pagi Istiadat mengisytiharkan Kemerdekaan di Stadium Merdeka; 11 tengah hari Istiadat Mengangkat Sumpah bagi Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara; 1.30 petang jamuan tengah hari bagi mengucapkan selamat berpisah kepada Sir Donald MacGillivray, Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan yang akhir di Residency; 5 petang keberangkatan Sir Donald dari pengkalan kapal terbang. Sepanjang hari doa selamat di masjid-masjid dan pertunjukan-pertunjukan bunga ani diadakan di Lake Garden.
- Ahad I September 1957 jam 8.00 9.30 pagi Upacara berbaris di depan Pejabat Secretariat; jam 4.30 petang jamuan teh jemputan YTM Perdana Menteri di Residency jam 9.00 - 11.00 malam - lakonan bersejarah di Lake Garden.
- Isnin 2 September 1957 jam 10 pagi Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara: jam 9.00 - 11.00 malam - lakonan bersejarah di Lake Garden; 7.00 -8.30 malam jamuan cocktail, jemputan Perdana Menteri di Residency.
- Selasa 3 September 1957 jam 10.30 pagi Pembukaan Majlis Undangan dengan istiadat; 9.15 malam pertunjukan pancaragam beramai-ramai di Padang.
- Rabu 4 September 1957 jam 7.00 8.30 pagi pembukaan rasmi Studio Radio Malaya; 7.30 malam - pertunjukan pancaragam beramai-ramai.
- Khamis 5 September 1957 jam 10.00 pagi Duke dan Duchess of Gloucester berangkat dari pengkalan kapal terbang; 7.30 - 9.30 malam - Pertunjukan Aneka Warna Merdeka di Lake Garden.
- Jumaat 6 September 1957 jam 7.30 9.30 malam Pertunjukan Aneka Warna Merdeka di Lake Garden.
- 10. 8 September 1957 : segala permainan dan sukan dimainkan di hari akhir.

Lima hari lagi bersinarlah Kemerdekaan Malaya

Sebuah lagi artikel karya Encik Ahmad Sanusi menyampaikan maklumat mengenai terbesarnya perayaan Kemerdekaan termasuk lakonan sejarah di pementasan di atas tasik di Lake Garden pada malam 1 dan 2 September. Lakonan itu oleh guru-guru Melayu di Depoh Polis meriwayatkan pembangunan negeri Johor setelah kejatuhan Melayu Melaka pada tahun 1511. Encik Zubir Said telah menyusun beberapa buah lagu untuk lakonan sejarah yang diiramakan oleh Pancaragam Radio Malaya orkestra. Pertunjukan 'Aneka Warna Merdeka' pula diadakan pada 5 dan 6 September di Lake Garden juga yang akan menghidangkan lagu-lagu, tarian-tarian dan sandiwara. Antaranya termasuk sebuah tarian bernama 'Tarian Impian Asyik' dari Kelantan. Tarian itu muncul dalam zaman Cik Siti Wan Kembang.

Saloma dan keluarga Mat Kambing dalam aneka ragam

Mengenai rancangan Aneka Ragam Radio Malaya, Kuala Lumpur, yang dipersembahkan di depan 200 penonton, penyanyi utama ialah Salmah Ismail atau Saloma yang akan menyanyikan lagu Kemegahan Negaraku. Bintang-bintang radio lain yang akan mengambil bahagian ialah Zaliah Kamaruddin, bintang Radio Malaya yang pertama, Hendon Abu Bakar dan lain-lain. Aneka ragam tersebut akan diadakan selama 45 minit. Di samping bintang-bintang radio akan ada juga 'Keluarga Mat Kambing' dengan Mak It (Siti Hawa Zain) dan Fauziah Hanim.

Jalan-jalan raya ditutup

Maklumat juga disampaikan mengenai jalan-jalan raya di Kuala Lumpur yang akan ditutup untuk lalu lintas dari 7 pagi hingga 11 pagi untuk kerja-kerja raptai perayaan-perayaan Kemerdekaan.

Iklan-iklan mengenai Kemerdekaan

Hampir semua iklan yang disiarkan menyentuh mengenai Kemerdekaan yang termasuk cenderamata Merdeka, satu perhiasan dinding yang elok digantung di rumah setiap penduduk. Majalah Dewan Bahasa keluaran pertama dan istimewa menyambut Kemerdekaan pada 1 September 1957. Antara filem-filem yang sedang ditayangkan termasuk 'Kasih Sayang' yang pati ceritanya sangat besar ertinya kepada negara yang Merdeka. Filem 'Dendam Pontianak' dan 'Pontianak' ditayangkan sempena euti Merdeka.

Sekali Merdeka tetap Merdeka

"Apakala matahari terbit, hilanglah malam dan gelap gelita yang menyelubungi alam buana ini pergi bersama-samanya. Makhluk-makhluk Tuhan yang tadinya tidur dengan nyenyak dan nyamannya itu, bangunlah memulakan penghidupannya," demikian yang dikatakan penyunting akhbar kepada rakya negara ini. Kata beliau lagi "Enam hari dari sekarang, tamatlah sejarah penjajahan di dalam negeri ini dan fajar Kemerdekaan pula menyinsinglah. Utusan Zaman, sebagai sebuah akhbar yang memperjuangkan cita-cita Kemerdekaan semenjak lahirnya ke alam maya ini, merasa bahawa Kemerdekaan yang akan dicapai pada 31 Ogos 1957 itu adalah juga hasil perjuangannya. Utusan Zaman yang terbit hari ini adalah Utusan Zaman yang penghabisan sekali terbit dalam zaman penjajahan. Minggu depan akan terbit sebagai sebuah suratkhabar dari negara dan bangsa yang Merdeka dan berdaulat." Banyak lagi kata-kata yang meransangkan pembaca dikatakan dengan seikhlas-ikhlasnya.

"Tanggungjawab keselamatan dan ketenteraman negara, kemakmuran dan ketinggian taraf hidup rakyat terletak di atas bahu setiap rakyat di negara ini. Tanggungjawab rakyat sebuah negara yang Merdeka dan berdaulat adalah lebih besar dari tanggungjawab rakyat sebuah negara yang di bawah penjajahan. Perjuangan menuntut Kemerdekaan telah tamat dan di depan kita terbentang satu medan perjuangan yang baru. Selepas 31 Ogos 1957 bangsa kita akan menghadapi satu perjuangan vang lebih besar lebih tuas medannya dan lebih basar tanggungjawabnya."

Di paragraf akhir, penyunting berkata, "Kemerdekaan yang telah kita capai itu meminta dipelihara supaya Kemerdekaan itu kekal abadi selama-lamanya dan dalam hal-hal ini rakyat seluruh negeri ini dengan tidak mengira taraf dan kedudukannya, dengan tidak mengira apa kepercayaan dan fahamannya, dengan tidak mengira dari mana asal keturunannya, harus bersatu padu memelihara kedaulatan negeri ini supaya Kemerdekaan yang telah kita capai itu akan kekal abadi selama-lamanya."

Sekali Merdeka, tetap Merdeka!

Negara-negara Commonwealth akui Malaya Merdeka

Kerajaan Persekutuan membuat pengumuman bahawa mulai 31 Ogos ini Persekutuan Tanah Melayu Merdeka diakui dengan rasminya menjadi anggota negara-negara Commonwealth British. Kerajaan British merasa gembira kerana dapat membuat pengumuman pada 25 Ogos 1957 bahawa setelah membuat rundingan dengan Perdana Menteri negara-negara Commonwealth mereka bersetuju mulai 31 Ogos 1957 Malaya Merdeka akan diakui menjadi anggota Commonwealth Perdana Menteri Perdana Menteri negara-negara Commonwealth mengucap selamat kepada Malaya dan mendoakan kejayaannya di masa depan. Mereka juga mengalu-alukan Malaya menjadi anggota Commonwealth setelah Merdeka.

PAS hargai semua pihak yang berjuang untuk Merdeka

Persatuan Islam Se Malaya (PAS) di hari akhir Mesyuarat Agung tahunannya kali keenam mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang "telah berjuang dulu dan sekarang hingga lahimya Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu." Keputusan tersebut ialah pindaan atas usul dari Bukit Mertajam yang pada mulanya "mengucapkan tahniahnya kepada Kerajaan Perikatan dan juga kepada Parti-parti yang menganggotainya."

Ustaz Asri, wakil Kelantan, waktu meminda usul asal PAS Bukit Mertajam, berkata bahawa "memberikan ucapan-ucapan tahniah kepada satu-satu Parti saja adalah tidak patut dan akan bererti kita hanya mengakui perjuangan-perjuangan Parti itu sahaja." Tahniah yang PAS ingin sampaikan sebenarnya adalah kepada semua pihak yang memperjuangkan Kemerdekaan semenjak zaman Hang Tuah lagi. Semua rakyat adalah terlibat dan di antara zaman dulu dan sekarang banyak pula kesatriakesatria bangsa Melavu vang telah gugur menjadi 'bunga bangsa.'

Mesyuarat Agung PAS antara lain telah mengambil keputusan "Mendesak Kerajaan Persekutuan melaksanakan pelajaran agama di dalam semua sekolah yang ada di dalamnya penuntutpenuntut beragama Islam. Mereka juga mahu Kerajaan mengamalkan pemakaian bahasa Melayu di dalam semua Jabatan Pentadbiran dan perhubungan dalam negeri dan memerintah negeri-negeri dalam Persekutuan supaya berbuat demikian juga."

'Kemerdekaan akan menyinarkan kembali dan memberi jiwa baru kepada kebudayaan Melayu.'

Encik Ghafar Baba, Ketua Panitia Sambutan Kongres Kebudayaan yang akan diadakan, menyatakan keyakinannya bahawa "kebudayaan Melayu yang telah muram semenjak negeri ini dijajah akan bersinar-sinar kembali bila negeri ini mencapai Kemerdekaan." Semenjak Melaka dijajah oleh penjajah barat, "maka muramlah kebudayaan Melayu yang telah masyhur di seluruh alam Melayu oleh pengaruh-pengaruh kebudayaan barat yang tidak sesuai dengan jiwa kita sebagai orang-orang timur." Demikian dilafazkan oleh Encik Ghafar kepada 500 tetamu. "Kita akan mencapai Kemerdekaan. Setelah itu kita akan mengisi Kemerdekaan yang baru diperolehi itu. Kongres Kebudayaan adalah satu usaha untuk mengisi Kemerdekaan yang ita capai itu."

Miss Bonny tetamu Merdeka yang pertama sekali tiba

Kerajaan telah menjemput ramai tetamu dari luar negeri untuk menghadiri upacara sambutan Merdeka dan yang pertama sekali tiba ialah Miss Nancy Simmons yang terkenal sebagai 'Bonny', iaitu gadis pemandu kereta orang-orang ternama di London. Beliau dijemput oleh Kerajaan Persekutuan sebagai mewakili kaum buruh di Britain. Beliau juga pernah menjadi pemandu kereta rombongan Malaya dalam perundingan Merdeka di London.

Semasa ditemubual oleh akhbar, beliau memberitahu kaum buruh di Britain yang jarang diberitahu berkenaan Malaya, mengambil perhatian berat kepada perjuangan Kemerdekaan yang dicapai oleh Malaya. Mengenai Tunku Abdul Rahman, kata Bonny "adalah seorang lelaki yang mempunyai tokoh dan sifat-sifat seorang yang terkenal. Dalam masa 18 tahun saya bekerja sebagai pemandu kereta orang-orang ternama di London, saya belum pernah berjumpa seorang yang terkenal dan peramah seperti Tunku Abdul Rahman."

Parti Negara - progressif tolak jemputan ke Perisytiharan Merdeka

Encik Abdul Rahman Talib, Setiausaha Agung Perayaan Merdeka, mengumumkan Ibu Pejabat Parti Negara telah memulangkan 150 jemputan untuk berada di upacara Pengisyitharan Kemerdekaan di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957. Beliau membuat kenyataan supaya "jangan ada ahli-ahli Parti Negara yang mengatakan bahawa Jawatankuasa itu tidak mengundang ahli-ahli Parti Negara menghadiri upacara proklamasi Merdeka." Presiden Parti Negara, Dato Sir Onn Jaafar yang diundang istimewa telah menolak jemputannya. Sehingga ini hanya Parti Negara dan Progressif Parti sahaja yang menolak jemputan: Setiausaha Agung Parti Rakyat dan PAS menerima jemputan dan akan hadir di Majlis Proklamasi Kemerdekaan.

Asal usul lagu Kebangsaan Melayu Merdeka

Sebuah artikel ditulis oleh Encik Ali Salim memberi maklumat mengenai asal usul lagu kebangsaan Malaya Merdeka yang diasaskan daripada lagu Negeri Perak. Lagu kebangsaan negeri Perak itu telah digubah oleh seorang ahli muzik Peranchis atas permintaan Sultan Abdullah semasa Baginda dalam pembuangan di Pulau Seychelles di Lautan India, akibat pembunuhan Residem British Negeri Perak. Birch. Artikel itu bersasakan keterangan yang diperolehi daripada seorang anak Perak yang mendapat maklumat daripada orang tuanya yang bersahabat karib dengan keluarga di Raja Perak masa itu.

Sultan Abdullah dibuang negeri dalam tahun 1883 oleh Inggeris setelah berlaku pembunuhan ke atas Resident Birch, di Pasir Salak, dan dalam masa pembuangan itu Sultan Abdullah merasa kesunyian dan terkenangkan negerinya yang aman dan tenteram. Baginda memanggil scorang penggubah lagu bangsa Peranchis untuk menggubah lagu-lagu yang boleh menghiburkan hati dan teringat-lah Sultan bagaimana kebesarannya waktu beliau memerintah negeri Perak. 'Di sinilah lahimya lagu kebangsaan negeri Perak yang sekarang telah dipilih menjadi lagu Kebangsaan negara Malaya Merdeka.'' Lagu tersebut kemudian dibawa masuk ke Perak oleh keluarga Sultan Abdullah sendiri kira-kira setahun selepas Baginda dibuang negeri. Hanya senikata lagu itu sahaja digubah di negeri Perak sedang iramanya sedikit pun tidak ditubah. Penulis menyatakan bahawa lagu itu bukan diambil daripada lagu 'Irerang Bulan' yang dilahirkan hanya selepas tahun 1930.

Tunku Abdul Rahman telah mengumumkan "Persetujuan Kerajaan mengambil lagu Kebangsaan Perak sebagai lagu Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka. Kerajaan Perak juga telah memberikan persetujuan atas permintaan Kerajaan Persekutuan itu."

Hadiah 'Merdeka' \$6 diberi kepada pekerja-pekerja bas

Syarikat-syarikat bas di Kedah dan Perlis mengeluarkan 'hadiah Merdeka' kepada semua pekerjanya termasuk yang sedang bercuti. Seramai 600 pekerja bas akan menerima 56 seorang pada 31 Ogos. Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Renderaan Persekutuan, Bahagian Kedah-Perlis, Lah menyampaikan ucapan terima kasih kepada syarikat-syarikat bas tersebut atas timbang rasa mereka terhadap pekerja-pekerjanya yang akan bekerja terus pada hari perayaan Kemerdekaan Persekutuan itu.

Orang-orang Melayu diseru mengekalkan perasaan baik lepas Merdeka

Encik Sardon Jubir, Ketua Perikatan Pemuda UMNO Malaya dan Menteri Kerja Raya, Pos dan Telekom, menyeru orang Melayu supaya menerima Kemerdekaan tanah air dengan perasaan bertangengingiawab bagi mengekal serta mengisinya dengan jalan memberi perasaan bertolak ansur serta muafakat yang baik kepada bangsa-bangsa lain penduduk negeri ini. "Janganlah ketika mendapat Kemerdekaan ini kita berasa tamak, haloba dan khayal kerana kalau keadaan kita begitu dengan sekelip mata saja kejayaan kita boleh musaah, pada halnya kita memperjuangkan Kemerdekaan hanya dalam masa dua tahun -ini adalah satu sejarah dunia," kata Encik Sardon. Kata beliau lagi "Merdeka adalah satu soal besar dan menjadi tanggungjawab yang lebih besar pula setelah mendapat Kemerdekaan ialah rakyat semua mesti memberi kerjasama menghapuskan darurat."

'Bingkisan Merdeka'

Lembaga Persuratan Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor akan mengeluarkan majalah 'Bingkisan Merdeka' sebagai tanda menyambut Kemerdekaan tanah air. Majalah itu mengandungi tulisan-tulisan dari guru-guru Melayu Tanah Melayu dan Singapura dan beberapa orang penganjur politik termasuk Tunku Abdul Rahman dan Dr. Burhanuddin.

UMNO Bahagian Bukit Mertajam tuntut bahasa Melayu ketika pengisytiharan Kemerdekaan

Tuntutan telah dihantar oleh UMNO Bahagian Bukit Mertajam kepada Kerajaan Perikatan supaya Pengisytiharan Kemerdekaan yang akan dibacakan di Kuala Lumpur dan di Ibu-ibu negeri, serta daerah-daerahnya hendaklah dalam bahasa Melayu. Bahagian tersebut bimbang kalau-kalau terjadi lagi seperti dalam pembukaan 'Pesta' dulu, dalam mana Ketua Menteri telah membuat ucapan dalam bahasa Inggeris.

Rancangan sambutan Kemerdekaan di Kuala Terengganu

Sebuah jam menara akan dibangunkan di depan pasar kedai Payang, Kuala Terengganu kerana mengambil sempena Hari Kemerdekaan. Untuk jam menara tersebut wan gebanyak 23 ribu ringgit diperuntukkan. Batu asas bagi menara tersebut akan diletakkan oleh Raja Muda Terengganu pada hari Kemerdekaan. Persediaan untuk menyambut perayaan Kemerdekaan telah berjalan lancar. Sepanjang 10 batu jalan-jalan raya dihias dengan bendera-bendera dan lampu-lampu selain daripada banyak lagi hiasan yang dilakukan di merata tempat di bandar-bandar di Terengganu.

Pemuda UMNO dua negeri lagi sokong sikap Johor

Pergerakan Pemuda UMNO Kuala Terengganu menyokong ketetapan Pemuda UMNO Negeri Johor "membantah Kerajaan Persekutuan kerana tidak mengadakan upacara rasmi menurunkan bendera Union Jack dan menaikkan bendera Persekutuan dalam istiadat mengisytiharkan Kemerdekaran Malaya di Kuala Lumpur pada 31 Ogos 1957." Kerajaan Persekutuan juga diminta "mengadakan tembakan meriam dan perintah berdiri kepada seluruh hadirin untuk mengalu-alukan kesampaian Yang di Pertuan Agong dan Perdana Menteri di istiadat Pengisytiharan Kemerdekaan di Stadium Merdeka in."

Pergerakan Pemuda UMNO Kelantan juga menyokong penuh ketetapan Pemuda UMNO Johor "membantah kepada Kerajaan Persekutuan kerana meninggalkan upacara rasmi menurunkan bendera Union Jack dalam istiadat yang bersejarah itu. Seorang jurucakap Pemuda tersebut menerangkan bahawa dia terkejut ketika mendengarkan bahawa upacara rasmi mengenai bendera itu tidak skan diadakan."

Sementara itu di Melaka, istiadat menurunkan bendera Union Jack akan dilakukan pada jam 6 petang hari Jumaat 30 Ogos 1957, manakala istiadat menaikkan bendera Persekutuan dan bendera Negeri Melaka akan dilakukan pada 31 Ogos 1957.

Ziarah ke Makam Tok Janggut nazar Merdekanya

Naib Yang di-Pertua UMNO Cawangan Selenseng, Kelantan dan ahli Jawatankuasa Bahagian Pasir Putih, Kelantan, Tuan Hj. Abdullah bin Merah menziarahi makam Tok Janggut di Kg. Pasir Pekan Seberang, Kota Bharu, Kelantan pada 31 Ogos sebagai membayar nazarnya menyambut Kemerdekaan. Tok Janggut talah pahlawan masyhur dalam perjuangan menentang penjajahan di Kelantan di zaman dahulu. Satu lagi nazar yang akan ditunaikan oleh beliau ialah memberi jamuan nasi kunyit kepada fakir miskin semasa perayaan Merdeka di Pekan Selenseng. Nasi kunyit itu dibuat sebesar tubuh badan Hi. Abdullah dan diarak sebelum dihidanekan.

Rakyat Indonesia turut bergembira dengan Merdekanya Malaya

Dilaporkan bahawa rakyat Indonesia mengalu-alukan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang akan menuju ke arah keadilan, kemakmuran dan kebahagiaan rakyat. Mercka gembira keranan Malaya bukan sahaja tetangga yang dekat tetanji persamaan keturunan, darah, bangsa dan agama. Rakyat Indonesia diingatkan tentang besarnya bantuan rakyat Malaya kepada Indonesia antara tahun 1945 hingga 1950 ketika bangsa Indonesia menentang imperialis Belanda. Bantuan itu bukan sahaja bersifatt moral tetapi juga material. Malaya di masa itu menjadi pengkalan bagi perjuangan bangsa Indonesia, baik di lapangan politik, mahu pun ekonomi di luar negeri. Malaya juga menjadi pengkalan untuk memperoleh wang luar negeri bagi membelanjai perjuangan rakyat. Bukan itu sahaja bahkan banyak pula pemuda-pemuda Malaya yang di masa itu menggabungkan diri bersama rakyat Indonesia di dalam Pasukan Guerilla melawan keksuasan imperialis di Indonesia.

Mufti-mufti yang membaca doa selamat

Mufti Perak, Tuan Hj, Tahir bin Mohd Saman, dilantik oleh Jawatankusas Perayaan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu untuk membaca doa selamat selepas upacara mengangkat sumpah memegang jawatan oleh Yang di-Pertuan Agong, Naib Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri, Hakim Besar, Gabenor-gabenor Melaka dan Pulau Pinang pada 31 Ogos. Ketika melakukan istiadat membaca doa selamat, Tuan Hj, Tahir diminta memakai pakaian Arab dengan berjubah hitam labuh dan berserban. Sementara itu Mufti Negeri Sembilan. Tuan Sheikh Ahmad, ditetapkan membaca doa selamat di Stadium Merdeka selepas istiadat penabalan Yang di-Pertuan Agong.

Persekutuan Merdeka mempunyai demokrasi tersendiri

Ahli Majlis Mesyuarat Undangan, Kelantan, Encik Abdul Hamid Mahmud, berkata bahawa demokrasi dalam pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka mempunyai coraknya yang tersendiri yang disesuaikan dengan keadaan penduduk dan negara ini. Kata beliau "corak demokrasi yang demikianlah yang sesuai bagi sesuatu bangsa."

India mengalu-alukan Malaya Merdeka

Menteri Taliair India, S.K. Pateh, yang mewakili India di perayaan Merdeka berkata bahawa India gembira sekali kerana 'rakyat Malaya akan mencapai kebebasan setelah berjuang dengan hebat dan banyak berkorban. Kami mengalu-alukan kebebasan ini dan memberi tahniah kepada orang-orang Malaya kerana kejayaan mereka. Rakyat Malaya telah berkurun-kurun lamanya menuntut Merdeka. Cita-cita mereka akhirnya telah tercapai dan di saat paling gembira bagi mereka itu, seelok-eloknya kita memberi tahniah "

Encik Senu tidak faham pendirian dan tujuan Dr. Burhanuddin

Setiausaha Agung UMNO Malaya, Encik Senu Abdul Rahman, mengulas mengenai ucapan Dr. Burhanuddin, Yang di Pertua Agung PAS, mengenai Kemerdekaan Malaya yang diibaratkan sebagai "Kemerdekaan kosong, ibarat menang sorak, kampung tergadai," Kata Encik Senu ucapan Dr. Burhanuddin adalah bertentangan dengan ucapannya yang pernah dibuatnya dulu yang mengatakan beliau menyokong Kemerdekaan Malaya. Tiba-tiba sekarang Dr. Burhanuddin menerangkan Kemerdekaan itu kosong. Apakah tujuan dan di manakah pendirian Dr. Burhanuddin mengenai ucapannya itu." Encik Senu terus menyatakan saat sekarang ini adalah memerlukan perpaduan yang bulat dari seluruh rakyat untuk mengisi Kemerdekaan." Masanya telah tiba sekarang untuk kita mengisi Kemerdekaan pula. Mengenai cita-cita Dr. Burhanuddin tentang membina satu bahasa, satu negara dan satu bangsa, Encik Senu berkata bahawa cita-cita itu adalah disedari oleh semua orang Melayu tetapi kita haruslah menginsafi pula keadaan yang realistik dalam masyarakat negeri ini sekarang yang mesti kita hadapi dalam perjuangan kita.

Sebabnya bendera Union Jack tak diturunkan dengan rasmi

Encik Sardon Jubir, Menteri Perhubungan dan Kerja Raya, menerangkan sebabnya upacara rasmi menurunkan bendera Inggeris Union Jack tidak diadakan pada 31 Ogos ini kerana "kita tidak pernah dijajah oleh British, kita hanya dinaungi. Sekiranya kita menurunkan bendera Union Jack tiu secara rasmi dalam upacara Kemerdekaan pada hari itu, maka itu adalah salah dari segi undang-undang internasional. Sekarang naungan British itu sudah habis dan akan Merdeka." Beliau memberi penjelasan di majlis ceramah di Johor Bahru di Rumah UMNO dengan dihadiri oleh 40 orang pegawai UMNO Johor Bahru.

Pergerakan Pemuda UMNO Johor telah menghantar sepucuk surat bantahan kepada Setiausaha Agung UMNO Malaya kerana pertama - tidak ada upacara rasmi menurunkan bendera Union Jack dan menaikkan bendera Persekutuan "seolah-olah Kerajaan Perikatan masih ada perasaan malu-malu atau tidak sampai hati hendak menunjukkan di depan wakil-wakil Kerajaan asing di seluruh dunia yang mana Kerajaan British telah terpaksa menyerahkan kekuasaannya di negeri ini yang telah dijajah beratus tahun."

Kedua - kerana tidak ada kehormatan yang diberikan kepada Raja-raja dan Ketua Menteri pada waktu ketibaan mereka di Stadium Merdeka pada 31 Ogos melainkan hanya dengan membunyikan nafiri sahaja. Akan tetapi manakala Duke of Gloucester (wakil Queen) tiba, semuanya berdiri dan ditembak meriam 21 das. Ketiga - kerana tidak ada wakil rasmi dari pihak Perikatan negeri Johor yang dijemput menghadiri Majlis Pertabalan Yang di-Pertuan Agong pada 2 September. "Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni," Pergerakan Pemuda UMNO menyebutkan antara lain dalam surat bantahannya itu. Encik Sardon menerangkan bendera Union Jack itu adalah diturunkan juga, cuma secara tidak rasmi.

Menurunkan bendera Union Jack adalah perbuatan yang tidak munasabah

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Persekutuan, Encik Sulaiman bin Dato Abd. Rahman, berpendapat menurunkan bendera Union Jack dalam istiadat merayakan sambutan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu adalah tidak munasabah kerana "di negeri Johor, misalnya, tidak ada dinaikkan bendera Union Jack. Oleh itu tidak munasabah bendera itu diturunkan pula. Bahkan kalau dilakukan juga boleh mendatangkan tidak baik iaitu menyentuh perasaan orang-orang British yang menyaksikannya." Kata beliau lagi. "Kita mendapat Kemerdekaan dengan jalan Perlembagaan."

Sambutan Kemerdekaan di sana-sini

Mengenai sambutan Kemerdekaan di sana-sini seluruh Persekutuan, beritanya amat banyak sekali yang disiarkan setiap hari. Berjenis-jenis sambutan akan diadakan termasuk di masjid-masjid, surau dengan membaca Yasin, marhaban serta doa kesyukuran. Sandiwara, lakonan, bangsawan dan berma-cam-macam jenis persembahan seni diadakan di merata tempat termasuk daerah dan mukim. Antara sambutan yang dilaporkan ialah di Ulu Selangor, Melaka, Alor Setar, Yan, Kedah, Temuh, (Perak), Ipoh, Tampin, Pontian, Bagan Datuk, Merlimau, Serting Hilir, (Negeri Sembilan), Gemas, Kota Bharu, Mata Kuching, Kg. Bukit Senjung dan lain-lain.

Ulasan-ulasan tetamu 'Merdeka' tentang Perlembagaan

Penasihat Undang-undang kepada Raja-raja Melayu, Tuan Neal Lawson, berhubung dengan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka berkata beliau tidak hairan atas bidasan-bidasan yang dibuat ke atas Perlembagaan baru Malaya. Beliau memang mengagak "Perlembagaan baru itu akan dibidas dan dikritik oleh sesetengah kalangan tetapi saya suka menyatakan bahawa Perlembagaan itu telah disusun dengan memandang kepada keadaan politik, ekonomi negeri ini dan juga persetujuan Raja-raja Melayu yang berunding di London pada awal tahun lalu." Kepadanya yang paling penting ialah cara melaksanakan Perlembagaan itu kelak.

Tuan Justice Abdul Hamid, seorang anggota Suruhanjaya Perlembagaan Reid, ketika mengulas Perlembagaan baru Persekutuan berkata bahawa beliau merasa "sangat puas hati kerana banyak daripada syor-syornya telah diterima dan dimasukkan ke dalam Perlembagaan baru Persekutuan itu." Menurut beliau lebih kurang 75 peratus daripada syor-syornya yang terkandung dalam penyata khasnya telah dimasukkan ke dalam Perlembagaan baru Persekutuan itu. "Perlembagaan baru Malaya Merdeka itu adalah yang terbaik mengikut keadaan yang ada sekarang ini."

Berita Malaya: dari London, Washington, Canada

Ungku Abdul Aziz, pensyarah ekonomi Universiti Malaya, memberi ceramah kepada 180 orang Malaya dan British di London mengenai Kemerdekaan. Katanya "Kemerdekaan Malaya kelak memerlukan perubahan sikap terhadap orang-orang kampung." Katanya di masa lampau pegawai-pegawai Inggeris sekali-sekala melawat ke kampung dalam motokar besar tetapi "di masa depan Kerajaan Malaya haruslah melatih anak-anak muda dari kampung tentang ilmu pertanian sebagaimana yang dijalankan di Amerika sekarang." Beliau juga telah menyangkal pendapat bahawa Malaya ialah negeri yang kaya raya bagi semua penduduk. Katanya kira-kira 2 juta dari penduduk-penduduk kampung dan luar bandar menurut hitungan panjang mendapat kira-kira 50 sahaja sebulan.

Pesuruhjaya Tinggi Malaya yang pertama ke Britain, Datuk Nik Kamil, akan menaikkan bendera Malaya pada 31 Ogos ini di Ibu Pejabat Kesatuan Bahasa Inggeris di London. Satu upacara membaca doa selamai juga akan diadakan

Perdana Menteri Canada, telah mengeluarkan satu kenyataan mengalu-alukan Kemerdekaan Malaya. Antara lain beliau berkata bahawa Malaya yang akan menjadi ahli Commonwealth akan menambahkan lagi kebesaran keluarga Commonwealth yang terdiri dari beberapa banyak bangsa dan negeri.

Tengku Jaafar yang akan menjadi Pegawai Kuasa Usaha Malaya di Kedutaan Malaya di Washington akan meraikan pegawai-pegawai Kerajaan dan diplomat-diplomat sebagai menyambut Kemerdekaan Malaya.

Bakal Pesuruhjaya Malaya ke Pakistan, Tengku Mohamad, berkata di Karachi bahawa selagi pengganas-pengganas-pengganas Komunis menggunakan kekerasan untuk mencapai cita-cita mereka, maka Kerajaan Malaya tidak akan mengakui sebarang Parti Komunis di Malaya. Katanya, pengganas-pengganas yang masih di dalam hutan akan dihapuskan tetapi kalau mereka itu mempunyai fikiran waras maka mereka haruslah keluar dari hutan sekarang untuk menyambut Merdeka. Beliau telah meraikan wartawan-atrawan dan telah menunjukkan filem-filem tentang Malaya. Beliau juga memberitahu bahawa dasar pelajaran Malaya ialah untuk menyatukan berbagai-bagai bangsa di Malaya menjadi satu bangsa yang akan menumpukan taat setia mereka kepada Malaya kelak, tidak kepada negerinegeri asal nenek moyang mereka.

Suratkhabar Times di London berkata bahawa sebaik-baik pujian yang boleh diberikan kepada tentera British dan Polis Malaya ialah Malaya sekarang akan Merdeka pada hujung minggu ini.
"Beberapa tahun dahulu akibat keganasan Komunis di Malaya yang hebat, maka Kemerdekaan jauh sekali. Tentera British akan terus menolong lepas Merdeka. Peminjaman pegawai-pegawai Inggeris dan askar-askar biasa akan diteruskan juga dan ini adalah menguntungkan kedua-dua negeri," katanya.

Gambar motokar khas

Kerajaan telah membeli 60 buah motokar besar di Amerika baru-baru ini untuk digunakan oleh tetamu-tetamu istimewa semasa perayaan Merdeka. Motokar-motokar itu telah pun sampai di Kuala Lumpur. Gambar sebuah motokar dikeluarkan.

Erti Kemerdekaan

Penyunting akhbar memberi fokus kepada erti Kemerdekaan. Di satu majlis perbahasan antara para penghulu Negeri Sembilan yang dirakamkan oleh Radio Malaya, pertanyaan "Adakah tanggungan rakyat lebih berat atau lebih ringan selepas Kemerdekaan" telah menerbitkan beberapa pendapat yang boleh dianggap luar biasa. Pendapat yang dikeluarkan oleh setengah-setengah penghulu itu tidak dapat dipastikan benar atau semata-mata 'perli' sahaja. Kata mereka sesudah Kemerdekaan, mereka mengharapkan "satu kehidupan yang senang lenang dengan tidak payah bercucuk tanam, tak payah berternak ayam itek, tak payah bekerja sebagai di masa sudah-sudah." Penyunting menyatakan erti Kemerdekaan sudah pun dijelaskan berulang kali oleh pemimpin-pemimpin kita dan juga akhbarakhbar dalam negeri. Kepada sesiapa yang menyangka bahawa Kemerdekaan itu berupa satu perkara abstract yang tidak melibatkan dirinya sendiri, sangkaan itu tidak berasas sama sekali. Sebaliknya kepada mereka yang mengatakan bahawa Kemerdekaan akan mendatangkan perubahan-perubahan yang besar, maka nasihat yang terbaik sekali yang dapat diberikan kepada mereka ialah bahawa sangkaan yang kedua itu adalah impian kosong saja. Perjuangan Kemerdekaan adalah perjuangan untuk melepaskan rakyat daripada penindasan oleh kuasa luar. "Selagi sesuatu kuasa asing masih menakluk dan membelenggu rakyat negeri itu, maka selama itulah negeri yang ditakluknya itu tidak dapat menentukan untung nasib rakyatnya sendiri."

Apabila sesebuah negara mencapai Kemerdekaan, sudah tentu rakyatnya mengharapkan kehidupan yang lebih baik, yang akan membawanya kepada satu taraf yang lebih tinggi daripada apa yang dialaminya di bawah pemerintah penjajah itu. Sesudahnya tercapai Kemerdekaan kebangsaan, apa yang dikehendaki rakyat ialah Kemerdekaan daripada kemahuan, Kemerdekaan daripada kekhuatiran, Kemerdekaan berfikir dan Kemerdekaan beragama - Kemerdekaan-kemerdekaan yang menyentuh tiap-tiap seorang rakyat negeri ini.

Dr. Burhanuddin tegur kenyataan Sardon

President Persatuan Islam Se Malaya (PAS) Dr. Burhanuddin al-Helmi, membidas kenyataan Encik Sardon Jubir, Menteri Perhubungan dan Kerja Raya, bahawa "kita tidak pernah dijajah oleh British, hanya dinaungi." Dr. Burhanuddin berkata "apakah ertinya UMNO Malaya berperi-peri benar menuntut Kemerdekaan kalau Encik Sardon berpendapat kita tidak dijajah." Adanya Kemerdekaan menunjukkan adanya penjajahan di tanah air kita. Katanya lagi "seluruh dunia terutamanya bangsa-bangsa Asia-Afrika mengetahui Malaya adalah satu-satunya negara jajahan dan hingga hari ini ia masih dalam belenggu penjajahan British, tetapi sangat menghairankan Encik Sardon seorang saja yang berkata itidak"

Kerajaan dituntut mengubah nama-nama jalan selepas Merdeka

UMNO Negeri Melaka akan didesak supaya menuntut Kerajaan Negeri Melaka mengubah namanama jalan dalam bandar Melaka dan membaiki tempat-tempat yang bersejarah yang ada hubungan dengan sejarah Negeri Melaka selepas Merdeka kelak. Ini termasuk makam Hang Jebat, Perigi Raja yang terkenal dengan nama Hang Li Poh, seorang puteri Cina yang kahwin dengan Raja Melaka pada 1450. Mengenai nama jalan suatu misalan dikemukakan iaitu 'Jalan Jongkar Street' yang sebelumnya bernama 'Gelanggang' iaitu tempat orang-orang Melaka mempertahankan tanah airnya dari serangan orang-orang Portugis.

'Saya gembira' kata Templer

Bekas Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu, General Sir Gerald Templer, dan isterinya telah tiba di Kuala Lumpur untuk menghadiri perayaan Kemerdekaan. Templer berkata beliau tidak dapat melupakan budi baik rakyat Malaya kepadanya selama beliau berada di Malaya. Beliau gembira sekali kerana dapat berada di Kuala Lumpur untuk merayakan Kemerdekaan.

Program-program menyambut Kemerdekaan

Program-program menyambut Kemerdekaan terus disenaraikan. Jenis-jenis sambutan begitu istimewa sekali, Di Kadak, Kota Bharu, Kelantan sedang disiapkan 28 buah rebana istimewa yang dibuat daripada batang kelapa dan dihiasi dengan perkataan Merdeka huruf Jawi dan Rumi. Antara sambutan-sambutan lain ialah perarakan nasi kunyit, sembahyang hajat di padang, permainan asli seperti wayang kult, menora, makyong, berdikir barat, kertok, gasing dan lain-lain.

Penduduk-penduduk di Sungai Dua, Butterworth akan mengadakan perayaan selama dua hari yang termasuk upacara berbaris, menaikkan bendera dan istiadat membaca Perisytiharan Kemerdekaan. Berbagai-bagai permainan termasuk sandiwara dan pertunjukan ria akan juga diadakan.

Majlis kesyukuran menyambut Kemerdekaan akan diadakan di Rumah UMNO Alor Setar lepas sembahyang Jumaat. Kaum Ibu UMNO Kedah akan mengadakan majlis "nasi Merdeka."

Susunan baru Kabinet Kerajaan Perikatan

Kabinet Kerajaan Perikatan, Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka akan mengandungi 13 orang. Kebanyakan anggota Kabinent adalah Menteri-menteri yang ada sekarang tetapi akan bertukar Kementeriannya sahaja. Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman, yang menerangkan perkara tersebut kepada para wartawan memaklumkan beliau akan mencadangkan kepada Yang di-Pertuan Agong nama-nama Jumaah Menterinya apabila beliau diminta membentuk Kabinetnya bagi Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka. Tunku belum dapat menyatakan sama ada Menteri-menteri muda akan diadakan atau tidak dalam Jumaah Menteri yang baru itu. Beberapa orang Penolong Menteri yang ada sekarang akan dinaikkan pangkat menjadi Menteri penuh. Tiga Menteri yang tidak bertukar Kementeriannya ialah Encik Abdul Aziz Ishak. Encik Sardon Jubir dan Sir Henry Hau Shek Lee. Tunku Abdul Rahman yang sehingga tengah malam 30 Ogos menjadi Ketua Menteri akan menjadi Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Susunan Jumaah Menteri yang akan dimajukan kepada Yang di-Pertuan Agong disenaraikan.

Tunku membuat tawaran akhir kepada Komunis

Kerajaan Persekutuan akan menawarkan syarat-syarat menyerah diri kepada pengganas-pengganas Komunis yang telah berjuang menentang Kerajaan selama hampir sembilan tahun. Pengumuman dibuat oleh Tunku Abdul Rahman Putra, Ketua Menteri. "Sekiranya tawaran itu yang akan dibuat oleh Kerajaan Perikatan tidak diterima oleh Komunis, bermakna mereka itu menganggap Persekutuan Tanah Melayu sebagai musuh mereka," kata Tunku.

Syarat-syarat menyerah diri bagaimanapun tidak membenarkan Komunis-komunis tersebut bergerak bebas kerana menurut Tunku mereka "tidak boleh hidup bersama dengan mana-mana Kerajaan sekali pun." Menurut Tunku "sekiranya pergerakan Komunis dihalalkan maka Komunis-komunis itu akan menggunakan kebebasan yang diperolehinya kelak untuk membuat rancangan-rancangan menghalau kita juga."

Tunku bercadang menamatkan darurat pada 31 Ogos 1958 dan diminta rakyat memberi kerjasama sepenuhnya kepada Kerajaan bagi menamatkan darurat pada tarikh yang ditetapkan itu.

Amanat Ahmad Boestamam dalam perayaan Kemerdekaan

Parti Rakyat Seberang Perai bersetuju menyambut Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos. Enam ekor burung merpati putih akan dilepaskan di angkasa dalam satu upacara perayaan tersebut sebagai tanda Kemerdekaan rakyat dari penjajahan. Pesanan dan amanat Encik Ahmad Boestamam, Ketua Umum Parti Rakyat, akan disampaikan. Selepas itu tafakkur selama tiga minit bagi mengingati arwah perajurit yang terkorban menentang penjajahan di Tanah Melayu, akan dilakukan.

Kanak-kanak dilahirkan di Hari Merdeka dapat hadiah

Satu pengumuman dibuat di Melaka mengenai hadiah yang akan diberikan kepada kanak-kanak yang dilahirkan antara jam 12.05 tengah malam 31 Ogos hingga 6 petang 31 Ogos 1957. Wang sebanyak 5180 diberikan kepada mereka yang miskin yang melahirkan anaknya di hospital-hospital di Melaka. Alor Gajah dan Jasin.

Malaya mau Merdeka, semua mesti berbaik-baik, Sardon

Menteri Kerja Raya, Encik Sardon Jubir, mengingatkan penduduk-penduduk Segamat supaya berbaikbaik di antara satu kaum dengan yang lain dan "menjauhkan segala persengketaan di antara mereka." Kata beliau sesuatu kejadian yang tidak diingini yang akan memecah-belahkan kaum-kaum dalam negeri ini adalah ditanggung oleh ketua-ketua kaum-kaum masing-masing.

Jamuan besar untuk bakal Perdana Menteri Malaya

UMNO Johor Bahru akan mengadakan jamuan makan malam secara besar-besaran pada 10 September 1957 kerana meraikan Tunku Abdul Rahman. Setiap ahli yang hadir perlu membayar \$3 seorang. UMNO Cawangan Bagan, Batu Pahat akan menyambut Kemerdekaan dengan mengadakan majlis membaca doa kesyukuran dan marhaban. Malam keduanya diadakan pula permainan-permainan orkes, pencak silat, kompang dan lain-lain.

Pertunjukan 4 juta selamat dibuka

Satu pertunjukan Perdagangan Merdeka yang memakan belanja lebih \$4 juta telah dirasmikan oleh Dr. Ismail, Menteri Perdagangan dan Perusahaan. Pertunjukan itu telah diadakan di satu kawasan seluasa lapan ekar di Petaling Jaya. Dalam ucapannaya, antara lain, beliau menyatakan harapan Kerajaan agar pertunjukan seperti itu dapat diadakan lagi di masa depan.

Tabuh dan bendera pengumuman Kerajaan Perak ketika sambutan Merdeka

Kerajaan Perak mengumumkan orang ramai dibenarkan memalu tabuh atau gendang raya dan ketukketuk di masjid dan madrasah-madrasah di kampung-kampung seluruh negeri Perak pada tengah malam 30 Ogos kerana menyambut Hari Kemerdekaan. Mereka dibenarkan memukul tabuh atau gendang raya selama 10 minit sahaja.

'Ribut' selepas Merdeka - News Week

Majalah Mingguan News Week Amerika berkata bahawa Tunku Abdul Rahman kelihatan menghadapi 'ribut' apabila Malaya mencapai Kemerdekaannya. Majalah itu berkata "sungguh pun British berpendapat mereka telah mematahkan tulang belakang tentera pengganas Komunis lima tahun dahulu, tetapi lebih kurang 2,000 Komunis yang bersenjata masih kuat bertahan dalam hutan-hutan Malaya, kebanyakan berkhemah tidak jauh dari sempadan Siam." News Week itu berkata "Komunis di Malaya berharap akan mendapat kemenangan yang akhir apabila diperkuat oleh perasaan tidak puashati di kalangan orang-orang Cina di Persekutuan - 44% daripada 6.3 juta penduduk Malaya."

Dato Sir Tan tak hadir dalam istiadat Kemerdekaan

Dato Sir Cheng Lock Tan, Yang di- Pertua MCA, memaklumkan beliau tidak dapat hadir di Istiadat Pengisytiharan Kemerdekaan di Stadium Merdeka pada 31 Ogos disebabkan masalah kesihatan yang selalu menganggu beliau. Tetapi beliau akan hadir di perhimpunan besar Perikatan yang akan diadakan pada malam 30 Ogos 1957 di Padang Sultan Sulaiman Club dan beliau akan memberi ucapan di perhimpunan besar itu.

Sebuah bahagian UMNO tidak memberikan kerjasamanya dalam perayaan Merdeka

UMNO Batu Pahat Pantai tidak dapat memberikan kerjasamanya dalam sebarang perayaan Kemerdekaan yang dianjurkan oleh negeri dan daerah. Sementara itu Pengerusi UMNO Bahagian Batu Pahat, Tuan Haji Taha bin Haji Zakaria, telah menolak menjadi penyeru seruan 'Merdeka' dalam istiadat sambutan Kemerdekaan bagi daerah Batu Pahat. Katanya "walaupun UMNO Malaya pernah menyiarkan surat keliling kepada semua bahagian UMNO seluruh Malaya agar memberikan kerjasama dalam perayaan Kemerdekaan yang dianjurkan oleh negeri dan daerah tetapi malangnya kami tidak dapat memberikan kerjasama kerana UMNO bahagiannya tidak menerima jemputan daripada Jawatankusaa perayaan daerah' Beliau memberiahu bahawa beliau menolak dari dijadikan penyeru seruan 'Merdeka' dalam istiadat perayaan itu, kerana Jawatankusas Perayaan 'Merdeka' daerah tersebut tidak menjemput beliau atas nama pertubuhan. Hal ini telah pun dikemukakan kepada Ibu Pejabat UMNO Malaya.

Sir Ivor Jennings mahu kaji semula Perlembagaan Pesekutuan

Sir Ivor Jennings, seorang anggota Suruhanjaya Perlembagaan Reid, yang menyusun rang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu akan 'mengkaji semula' rang Perlembagaan tersebut. Beliau berada di Kuala Lumpur selama dua minggu dan berharap dapat menggunakan masa mengkaji semula rang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Katanya semasa rang Perlembagaan dibincangkan di Parlimen British beliau sedang bercuti di Itali dan tidak dapat bersama membincangkannya.

Petani-petani nak menaburkan bunga emas-perak dalam perayaan Kemerdekaan

Bunga emas dan bunga perak yang berbentuk kecil sebagai bunga lawang akan ditabur dalam Majlis perjumpaan ramai penanam-penanam padi dan ahli-ahli Syarikat Kerjasama Kedah Utara kerana merayakan Kemerdekaan Tanah Melayu di Padang Court, Alor Setar pada 7 September 1957. Tujuan menabur bunga emas dan bunga perak itu ialah dengan tujuan bila dalam Persekutuan yang Merdeka kelak, benih-benih padi akan tumbuh dengan subur sebagai bunga-bunga emas dan bunga-bunga perak dan penghidupan kaum tani akan lebih makmur. Untuk tujuan tersebut hampir 30 tahil emas dan perak telah ditempah dijadikan bunga-bunga kecil untuk ditaburkan.

Ucap selamat dari Perdana Menteri British

Ketua Menteri, Tunku Abduld Rahman, telah menerima sepucuk surat yang mengandungi ucap selamat dari Perdana Menteri Inggeris, Tuan Harold Macmillan, sempena sambutan Kemerdekaan Tanah Melayu. "Pertutsan itu adalah untuk mengalu-alukan saat yang bersejarah bagi Persekutuan Tanah Melayu mencapai Kemerdekaan dan menjadi keluarga Commonwealth." Surat itu berkata "Kerajaan dan rakyat British menyampaikan ucap selamat tulus ikhlas untuk kemakmuran dan kebahagiaan Tanah Melayu pada masa yang akan datang."

Perdana Menteri Inggeris berkata "Lahirnya Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka sebagai satu keluarga dalam Commonwealth adalah usaha kita bersama yang telah dijalankan semenjak bertahun-tahun lamanya. Moga-moga 31 Ogos akan dikenangi selama-lamanya di dalam sejarah negara tuan dan juga bagi kami sebagai satu hari besar dan hari gembira bagi pembangunan Malaya dan bangsa-bangsa dalam negara-negara Commonwealth."

Sementara itu Persekutuan Tanah Melayu petang ini telah mengalu-alukan Duke of Gloucester, wakil Queen Elizabeth II, yang akan menyerahkan kuasa dan menghadiri perayaan menyambut Kemerdekaan pada hari Sabtu ini. Beliau diiringi oleh isterinya, Duchess of Gloucester dan anaknya Prince William. Menunggu ketibaan beliau itu ialah semua Raja-raja Melayu Persekutuan, wakil-wakil negara asing, Menteri-menteri Persekutuan, Pegawai Kanan Pemerintah dan orang-orang terkemuka dan pemipinja pemipinja kaum.

Menteri Luar Australia, sewaktu tiba berkata bahawa masa ini tidak ada rancangan untuk menambah lagi tentera-tentera Australia yang sedang ditempatkan di Malaya selepas Merdeka. Kata beliau tentera-tentera Australia ditempatkan di Persekutuan Tanah Melayu atas permintaan Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman. "Kami orang-orang Australia menyambut dengan baik kelahiran sebuah negara baru yang Merdeka dalam lingkungan Commonwealth," kata beliau.

Dari Indonesia, Dr. Hardi, wakil Menteri Satu tiba dengan membawa salam peribadi Presiden Soekarno kepada Pemimpin-pemimpin dan rakyat Malaya. "Pemerintah dan rakyat Indonesia sudah lama sekali mengharapkan datangnya Kemerdekaan bagi bangsa Melayu, mengingatkan bahawa kemajuan dan keselamatan bangsa dan negara sukar dapat dipisahkan dari alam Kemerdekaan itu," kata mereka.

Ucap-ucap Selamat Merdeka Macmillan dan Nehru dapat didengar malam ini

Ucapan-ucapan selamat Merdeka akan disiarkan di Radio Malaya daripada Perdana Menteri lima buah negeri dalam lingkungan Commonwealth yang termasuk Sir Harold Macmillan, Perdana Menteri United Kingdom, dan Tuan Pandit Nehru, Perdana Menteri India. Lain-lain Perdana Menteri ialah dari Ghana dan Canada.

Menurut rancangan yang telah disusun, setelah menyiarkan ucapan-ucapan dari lima Perdana Menteri itu, Radio Malaya akan menyiarkan ucapan-ucapan dari Raja-raja Melayu, ucapan selamat berpisah Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu, ucapan Merdeka dari Tunku Abdul Rahman, nyanyian Koir Merdeka, kanak-kanak merayakan Kemerdekaan Kalipso, dondang sayang Merdeka dan ucap-ucap selamat dari pelajar-pelajar Malaya di United Kingdom.

Rancangan Tunku nak menamatkan darurat tahun depan boleh berjaya

Rancangan Tunku Abdul Rahman bakal Perdana Menteri untuk menamatkan darurat pada 31 Ogos 1958 "boleh berjaya kerana dakwaan-dakwaan Komunis bahawa mereka berjuang menghapuskan penjajahan British dan memerdekakan Malaya telah tidak laku lagi. Walaupun darurat di negeri ini telah berjalan selama 9 tahun, undang-undang tentera tidak pernah diisytiharkan."

Ini dikatakan oleh *Principal Staff Officer* kepada Pengarah Gerakan Menentang Pengganaspengganas. Kata beliau lagi "sekarang gerakan pengganas-pengganas Komunis telah dipatahkan kecuali pimpinan-pimpinan Komunis termasuk Politburaeu Parti Komunis yang degil masih bersembunyi dalam hutan." Kata beliau semenjak sembilan tahun yang lalu 6,373 orang pengganas telah dibunuh, 1,243 ditawan dan 1,941 menyerah diri. Sekarang pengganas-pengganas yang degil sahaja yang masih ada dalam hutan.

Melepaskan burung merpati tanda lepas dari penjajahan dan simbol keamanan

Parti Rakyat Ranting Permatang Pauh, Bukit Mertajam, meminta Parti Rakyat Negeri, Seberang Perai mengadakan satu upacara melepaskan beberapa ekor burung merpati sempena menyambut Kemerdekaan pada 31 Ogos. Acara demikian "menunjukkan simbol kebebasan rakyat negeri ini dari penjajahan dan sebagai tanda keamanan kepada rakyat," demikian dikatakan oleh Tuan Haji Ali Arshad, Ketua Dua Parti Rakyat Seberang Perai. Dalam ucapannya selain daripada membidas keputusan Kerajaan hendak mengadakan "Laga Lembu" pada Hari Kemerdekaan, beliau telah juga membuat seruan supaya dalam Malaya yang Merdeka nanti perbezaan kelas tidak berlaku lagi dalam negeri ini.

Berbudi Bahasa kepada tetamu

Penyunting akhbar telah membangkitkan soal "budi pekerti yang ditunjukkan kepada tetamu tak dapat tidak berupa budi pekerti yang sehalus-halusnya." Tetamu harus diberi sebaik-baik sambutan serta setinggi kehormatan. Sikap rakyat Malaya sedemikian adalah sikap kebiasan yang harus dilakukan sempena sambutan hari yang amat bermakna kepada sejarah.

Penyunting membangkitkan mengenai sebuah akhbar dalam negeri yang tidak merasa perlu menujukkan perasaan muhibbah dan sikap berbudi bahasa kepada seorang tetamu negara yang datang dari Ceylon. Banyak perkara yang dikeluarkan mengenai apa yang terbit di akhbar itu mengenai tetamu dari, Ceylon itu. Kata penyunting "barangkali akhbar tersebut berbuat demikian oleh kerana prasangkanya terhadap dasar-dasar politik dan ekonomi pemerintah yang dikepalai oleh tetamu negara kita itu. Kalau benar sangkaan kita itu maka siapakah yang kurang sabar dan kurang berpengertian dan kurang berbudi pekerti?"

Menyekat tugas wartawan

Penyunting akhbar menulis satu lagi perkara iaitu mengenai pegawai-pegawai protokol yang ditugaskan menyambut tetamu yang tiba di lapangan terbang Kuala Lumpur "agaknya sudah lupa kepada dirinya sendiri." Kata beliau, orang-orang surat khabar merasa amat sulit sekali menjalankan tugas kewajipannya untuk mengambil berita-berita kedatangan, apatah lagi mendapat sepatah dua daripada tetamu agung negara kita ini.

"Kedatangan tetamu itu ke negeri ini sebenarnya dalam saat yang penting sekali dalam sejarah negeri ini. Wartawan-wartawan yang diberi tugas mengambil berita itu adalah berkewajipan pula mendapat sepatah dua daripada tetamu agung itu untuk disampaikan kepada rakyat negeri kita ini. Tetapi apa yang telah terjadi? Wartawan-wartawan itu telah tidak dapat menunaikan tugasnya kerana sikap setengah daripada pegawai-pegawai protokol yang "menyekat-yekat" wartawan dalam menjalahakan tugas kewajipannya itu sehingga tidak ada peluang langsung bagi wartawan-wartawan itu meng'interview' tatamu-tetamu itu." Kata beliau akhirnya, "kita sebenamya kurang mengerti akan sikap yang demikian dan selama ini wartawan-wartawan negeri ini yang kita tahu masih mengerti dalam menjalankan tugas kewajipannya, maka keadaan yang demikian kita rasa bahawa kebebasan bersurat khabar dan kebebasan wartawan dalam batas-batas tertentu dalam menjalankan kewajipannya masih belum terjamin oleh kerana perbuatan yang tidak bijak dari pegawai-pegawai itu."

Alim Ulama dengan perjuangan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu

Penulis Abu Zaki Fadzil berkata "Tepat jam 12 satu minit tengah malam 31 Ogos 1957 dalam malam yang tenang, langit tak berkocak dan beriak, ketika pungguk merayu dan merindukan bulan, maka lahirlah kembali sebuah negara Merdeka dan bangsa yang Merdeka ke tengah-tengah dunia bebas dan Merdeka. Bebas lepas dari belenggu penjajahan dan penindasan yang telah berabad-abad lamanya mencengkam, menindas negara, begara dan bebudayaan (agama) bangsa itu. Duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan negara-negara dan bangsa-bangsa yang telah lama Merdeka. Negara itu ialah Semenanjung Tanah Melayu; bangsa itu ialah bangsa Melayu. Lahimya negara Merdeka dialu-alukan dengan suara azan, suara suci mumi. Suara yang menyatakan bahawa Allah Yang Maha Besar dan Maha Berkuasa, menyeru manusia mengakui bahawa tiada Tuhan yang disembah melainka Allah dan mengajak manusia mengakui bahawa Nabi Muhammad (S.A.W) Pesuruh Allah dan menyeru manusia kepada perpaduan dan mengajak manusia kepada kebahagiaan, kemenangan dan keamanan.

Tanah Melayu, tanah air kita telah Merdeka. Islam telah diakui menjadi agama rasmi negara ('cuma pada tulisannya saja, tetapi isinya adalah kosong'' - kata Dr. Burhanuddin Yang di-Pertua Persatuan Islam Se Malaya dalam Mesyuarat Agung Keenam Persatuan itu baru-baru ini).

Dalam perjuangan mencapai Kemerdekaan Tanah Melayu, para alim ulama telah bersamasama rakyat mengambil peranan penting memberikan derma bakti yang tak sedikit, sungguhpun nama mereka jarang dikenali manusia, berita mereka tak pernah disiarkan dalam akhbar-akhbar untuk tatapan umum sebagaimana kerja-kerja dan usaha-usaha yang dibuat oleh pejuang-pejuang Kemerdekaan lain kalangan. Artikelnya yang panjang amat menarik dan penuh bermakna.

Dari 'Budak Lawa' kepada Pemimpin Malaya Merdeka, "Bapa Merdeka" Tunku Abdul Rahman

Sebagai mengambil sempena lahirnya Malaya Merdeka esok (31 Ogos) sebuah buku yang menceritakan riwayat hidup Tunku Abdul Rahman bakal Perdana Menteri dan Pemimpin besar yang mengetuai perjuangan rakyat negeri ini hingga mencapai Kemerdekaan telah diterbitkan. Tujuan buku tiu ilalah untuk "mengenalkan Tunku Abdul Rahman yang di waktu mudanya dulu mendapat gelaran 'budak lawa', 'peguam agung, Pemimpin UMNO hingga menjadi Ketua Menteri dan akhirnya Perdana Menteri Malaya Merdeka yang selama ini mengenalinya hanya dari dalam." Buku tersebut diberi nama 'Architect of Merdeka, Tunku Abdul Rahman,' diterbitkan dalam bahasa Inggeris, Cina dan menurut penerbitnya Tan Kah Jee buku itu adalah menggambarkan sepenuh-penuhnya riwayat hidup dan usaha-usaha Tunku yang selama ini hanya diketahui oleh orang ramai dari siaran-siaran akhbar secara tohor.

Kewajipan rakyat mengekalkan perpaduan kaum

Ketua Umum Parti Rakyat Malaya, Encik Ahmad Boestamam, memberitahu satu perjumpaan ramai bahawa kewajipan tiap-tiap rakyat ialah mengekalkan perpaduan kaum-kaum bagi mempertahankan Kemerdekaan negeri ini. Kata beliau "Perjuangan yang telah kita berikan bersambung-sambung sebagai menyambung perjuangan yang dimulakan semenjak penjajahan menjejakkan kakinya di tanah air kita hinggalah sekarang ini, hanya baru dapat menegakkan Kerajaan monarchy."

Katanya lagi bahawa Kerajaan monarchy cuma berbeza sedikit sahaja, iaitu kalau dulunya penjajahan meruntuhkan Kerajaan beraja yang mempunyai kuasa penuh, tetapi sekarang kita dapat menegakkan sebuah Kerajaan beraja yang berPerlembagaan. Dalam ucapannya beliau berkali-kali menyeru rakyat supaya mengisi Kemerdekaan yang sesuai dengan kehendak rakyat melalui Parti Politik masing-masing.

Beliau juga menerangkan bahawa adalah kewajipan tiap-tiap rakyat untuk mengekalkan perpaduan antara kaum hingga benar-benar merupakan perpaduan nasional untuk mempertahankan Kemerdekaan dan melahirkan keadilan dan kemakmuran dalam Malaya Merdeka sesuai dengan kehendak rakyat.

6,000 akan menyaksikan pengumuman Merdeka, 101 das tembakan meriam akan dibunyikan


Di upacara Pengisytiharan Kemerdekaan di Pulau Pinang yang akan diadakan di Padang Kota Lama, jam 3.30 pada petang 31 Ogos. Lagu Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu akan diperdengarkan bagi kali yang pertama. Pengumuman Kemerdekaan akan dibuat dalam bahasa Melayu dan kemudiannya bahasa Inggeris. Dalam majlis itu diadakan upacara menyerahkan Piagam Perlembagaan Pulau Pinang dilakukan oleh Resident Commissioner kepada Gabenor Pulau Pinang, Rajia Sir Uda. Resident Commissioner akan memberi ucapan ringkas dan kemudian Gabenor Pulau Pinang pula memberikan ucapannya. Pengumuman Kemerdekaan akan dibacakan oleh Encik Hashim Awang dalam bahasa Melayu. Selepas pengumuman dibaca, Lagu Kebangsaan dibunyikan dan tembakan meriam 101 das diikuti dengan upacara membuka bendera Persekutuan dan Pulau Pinang. Kira-kira 6.000 orang jemputan khas, murid-murid sekolah dan ahli-ahli Pasukan Tentera dijangka hadir di upacara itu.

Sambutan Kemerdekaan

Seperti biasa laporan sambutan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu disiarkan yang termasuk di Tebrau, Yong Peng, Lubuk Merbau, Kota Bharu, Melaka, Batu Pahat, Kulim dan Bandar Baru Kedah.


Iklan sempena menyambut Merdeka

Terdapat beberapa iklan termasuk yang besar-besar seperti dari Keris Film Productions, Pontiac (Singapore Motors Ltd.), Punjab Medical Hall, Malaya Borneo Building Society Ltd., The United Commercial Band Ltd., Merdeka Agency dan lain-lain.



Stadium Merdeka, yang berharga S 2 ½ juta, telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu (bakal Perdana Menteri) Tunku Abdul Rahman Putra, pada jam 8,20 pagi, 30 Ogos 1957 dengan hadirin seramai 15,000 orang.

(Arkib Negara)



1,500 orang murid sekolah mengadakan Pertunjukan Senaman selama 20 minit di Majlis Perasmian Stadium Merdeka pada pagi 30 Ogos 1957. Mereka berbaris membentuk rupa bendera Persekutuan dan menghadiahkan tiga kali sorak kepada Ketua Menteri.


(Arkib Negara)



Bendera Union Jack, lambang penjajahan British di Tanah Melayu di saat terakhir 12 tengah malam sebelum menjelang 31 Ogos 1957, telah diturunkan di Padang Selangor Club, Kuala Lumpur.



Selain daripada perhimpunan untuk menyambut menjelangnya tarikh 31 Ogos 1957 pada malam itu, satu upacara menurunkan bendera Union Jack (simbol penjajah British di negeri ini) dan menaikkan bendera Persekutuan Tanah Melayu juga diadakan di Padang Selangor Club, Kuala Lumpur.



Satu upacara menurunkan bendera Union Jack telah diadakan dan sebagai gantinya bendera Persekutuan Tanah Melayu telah dinaikkan pada tengah malam 30 Ogos 1957 di Padang Selangor Club (sekarang Dataran Merdeka). Upacara yang dianjurkan oleh Parti Perikatan – UMNO, MCA, MIC, telah disaksikan oleh berpuluh ribu rakyat.

Satu minit selepas jam 12 tengah malam, lagu 'Negara Ku', Lagu Kebangsaan Malaya Merdeka, dimainkan buat pertama kalinya. Lagu 'God Save the Queen' dimainkan bagi kali penghabisan sewaktu bendera Union Jack diturunkan. Selepas itu bendera Persekutuan dinaikkan dengan lagu 'Negara Ku' dimainkan.

(Arkib Negara)

Sabtu 31 Ogos 1957, 5 Safar 1377

Akhbar Utusan Melayu mengeluarkan isu surat khabar yang istimewa di hari yang amat bersejarah kepada Persekutuan Tanah Melayu. Akhbar yang bisaanya 8 muka, mengeluarkan 20 muka pada hari yang penuh bermakan ini, Hari Kemerdekaan Negara.

Muka depan yang disebut "Keluaran Istimewa Menyambut Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu," bilangan 209 tahun 18, Sabtu 31 Ogos 1957, 5 Safar 1377, dipenuhi dengan lukisan yang di tengahnya ialah peta Persekutuan Tanah Melayu. Di tepi-tepinya pula terdapat lukisan pertanian, perdagangan keluar dan masuk, pengangkutan, pembangunan, perusahaan getah, perusahaan bijih, perkhidmatan udara dan perikanan. Hampir setiap muka dalam akhbar 31 Ogos ini penuh dengan lukisan dan iklan, semuanya memberi fokus kepada Kemerdekaan. Semua iklan memberi tahuiah kepada negara dengan harapan Malaya berada dalam aman makmur dan bahagia selama-lamanya. Keretapi Malaya mengiklankan sambutan Kemerdekaan dengan memulakan perkhidmatan yang lebih baik dan cepat pada 15 September 1957.

Sumbangan akhbar-akhbar dan wartawan-wartawan Melayu di dalam Perjuangan Kemerdekaan

Sebuah artikel yang panjang ditulis oleh Encik Yusof Ishak mengenai sumbangan akhbar-akhbar dan wartawan-wartawan Melayu dalam perjuangan Kemerdekaan. Kata beliau, "kalau ada orang-orang yang berkata bahawa sumbangan akhbar di Tanah Melayu kepada perjuangan merebut Kemerdekaan terlalu kurang, maka sesungguhnya tuduhan itu sangat tepat kenanya. Tetapi jika ada orang yang berani mengatakan bahawa surat-surat khabar dan wartawan-wartawan Melayu tidak memberikan sumbangan dalam perjuangan mendorongkan negeri ini ke arah Kemerdekaan, maka tuduhan itu datang dari orang atau orang-orang yang sebenarnya tidak mengetahui sejarah negeri ini dari segi nasional."

Penulisannya amat bermakna sekali dan penuh dengan maklumat. Beliau menyebut antara surat khabar-surat khabar dan majalah-majalah yang mengambil bahagian menamankan semangat kesedaran dan menyediakan halaman-halaman untuk tulisan-tulisan, fikiran dan pendapat itu ialah majalah bulanan Pengasuh yang diterbitkan di Kota Bharu dalam tahun 1918; Allkhwan dan juga surat khabar Saudara, kedua-duanya terbit di Pulau Pinang pada kira-kira dalam tahun 1930. Penulis-penulis pada masa itu membayangkan perasaan dan menanamkan semangat bukan sahaja dari segi kebangsaan tetapi menerusi aspek-aspek agama. Oleh kerana kebanyakan dari majalah-majalah itumerasa bimbang kerana hukuman semangat kebangsaan itu hanya dapat dinyatakan dengan cara kiasan-kiasan dan sindiran atau petikan dari ayat-ayat al-Quran serta hadith dan yang demikian agak sulit juga pihak yang berkuasa hendak menuduh dengan tepatnya tujuan-tujuan dan maksud-maksud

Penulis memberi fokus kepada aspek-aspek lain termasuk media yang bergerak cara besarbesaran, soal kekerasan yang menimbulkan keinsafan, penentangan terhadap Malayan Union, kempen pilihanraya 1955, mengapa sokongan diberi kepada Parti Perikatan dan lain-lain. Beliau juga menulis mengenai kelahiran Utusan Melayu iaitu dalam tahun 1939. Surat khabar ini ialah kepunyaan sebuah syarikat yang ahli-ahli syernya seratus peratus orang-orang Melayu jati.

Kata Encik Yusof Ishak dalam rencana pengarangnya yang sulung. Utusan Melayu "berikrar hendak meninggikan taraf bangsa Melayu, tanah air dan agama Islam. Sungguh pun demikian, meskipun Utusan Melayu bernasib baik mendapat Tuan Hj. Abdul Rahim Kajai menjadi pengarangnya yang pertama, tetapi perasaan bimbang yang senantiasa dirasai oleh pengarang-pengarang Melayu terhadap 'special branch' masih tetap ada lagi. Oleh kerana itu sumbangan Utusan Melayu kepada perjuangan Kemerdekaan Tanah Melayu masih juga samar-samar. Penulis menyatakan Tuan Hj. Abdul Rahim Kajai senantiasa menggunakan penanya dengan cara yang licin untuk mengelakkan

tuduhan-tuduhan bahawa rencana-rencananya itu menghasut orang Melayu menentang penjajahan dan menuntut Kemerdekaan negeri ini.

Hal yang demikian berlaku sampailah pada masa pendudukan Jepun di dalam negeri ini. Tetapi yang sebenarnya pendudukan Jepun selama tiga tahun setengah di negeri kita ini menjadikan sebaik-baik pengalaman bagi wartawan-wartawan Melayu, walaupun dalam masa pemerintahan Jepun tiu gerak-geri, tutur kata dan tulisan-tulisan seolah-olah tidak boleh dikeluar dan dilakukan sebelum ditapis lebih dahulu oleh pihak yang berkuasa tentera Jepun.

Kebudayaan dan sifat orang-orang Jepun yang mendewa-dewakan negara dan bangsanya memberikan ilham kepada pengarang-pengarang Melayu dan orang-orang Melayu untuk lebih kasih kepada bangsa dan negaranya. Kekasaran pemerintahan Jepun itu memberi keinsafan kepada orang-orang Melayu untuk membebaskan negeri ini dari sebarang cengkaman penjajahan baik apa rupa dan bentuk penjajahan. Selepas sahaja Jepun menyerah diri dan Pihak Berikat masuk semula ke negeri ini pada akhir tahun 1945, selain dari Utusan Melayu yang telah diterbitkan semula setelah terbenti selama pemerintahan Jepun, ada pula beberapa buah surat khabar dan majalah-majalah Melayu yang baru terbit dan boleh dikatakan semuanya bercorak kebangsaan. Selain dari Utusan Melayu di Singapura, telah terbit semula di Kuala Lumpur, surat khabar harian Majlis dan dikuti oleh Suara Rakyat dan Pelita Malaya dan majalah Suluh Malaya. Di Ipoh, terbit Seruan Rakyat dan di Pulau Pinang akhbar Warta Negara. Surat-surat khabar ini menjadi juara dan suara yang melahirkan hasrat rakyat dengan tidak berselindung-selindung dan takut-takut kepada special branch lagi bagi menyatakan hasrat mau melepaskan negeri ini dari penjajahan dan belenggu kuasa asing.

Artikel yang panjang tulisannya penuh maklumat yang bermakna. Di bahagian akhir disebut bahawa "pendeknya akhbar-akhbar Melayu dan wartawan-wartawan Melayu dalam peranan perjuangan bangsa merebut Kemerdekaan sudahlah memberikan baktinya kepada bangsa Melayu tidak boleh melupakan jasa-jasa mereka. Pada masa-masa akan datang wartawan-wartawan Melayu dan akhbar-akhbar kepunyaan Melayu dari golongan masyarakat yang telah bersama berjuang menuntut dan mendapatkan Kemerdekaan negeri ini akan terus bekerja mengisi pula akan Kemerdekaan itu supaya negeri kita ini menjadi negeri yang sebenarnya memberikan kesejahteraan kepada semua penduduk-penduduknya. Dan akhirnya, sebagai sebuah negara yang berdasar demokrasi, akhbar-akhbar itu bebas mengeluarkan pendapatnya dan bebas pula menyokong mana-mana Parti yang sesuai dengan dasar perjuangannya."

Malaya yang Merdeka haruslah aman dan damai

Encik Adi Jaya, penulis mengenai perkara di atas, menegaskan "Hari ini tamatlah penjajahan Inggeris di Malaya. Hari ini Merdekalah Malaya dan rakyatnya dari kekuasaan politik Inggeris, terlepas dari teraju yang dipegang oleh Colonial Office di London. Tak ada satu pun rakyat Malaya yang tidak bergembira dengan hal ini, baik ia dalam lapangan apa pun."

Seterusnya beliau berkata "tetapi kegembiraan kita hari ini, perayaan besar-besaran yang diadakan kerana Kemerdekaan ini akan berakhir jua dan kita akan melalui kehidupan baru, kehidupan kita sendiri yang menentukan nasib kita sendiri pula." Salah satu hal penting bagi Malaya yang Merdeka ialah soal keamanan. Seperti kita tahu semenjak sembilan tahun yang lalu telah berlaku peperangan di tanah air kita. Peperangan senjata ini telah mengorbankan beratus-ratus juta ringgit dan menewaskan beribu-ribu jiwa rakyat Malaya sendiri.

Sekalian rakyat Malaya akan berpesta besar kalau peperangan di tanah airnya yang berlaku semenjak sembilan tahun itu sudah selesai, sudah tamat. Jadi usaha kita sekarang ialah untuk menamatkan peperangan ini. Untuk mengembalikan keamanan di tanah air kita, inilah tugas rakyat dan pemerintah Malaya Merdeka.

"Kalau kita ingin menyelamatkan jiwa pemuda-pemuda kita, kalau kita ingin membina Malaya yang Merdeka dengan seluruh tenaga kita, maka perundingan perdamaian adalah jalan yang baik bagi kita menamatkan peperangan yang telah sembilan tahun berlaku di tanah air kita."

Penulis menyeru semoga pemerintah Malaya Merdeka akan mengulangkaji soal perundingan perdamaian dengan cara yang bijaksana sekali sehingga peperangan yang sekian lama mengancam ketenteraman hidup rakyat dapat segera diselesaikan dan darurat yang menjadi momok itu segera dimusnahkan. Selamatkanlah Malaya Merdeka, hiduplah keamanan Malaya dan hiduplah perdamaian dunia!

Bagaimana jaminan hak asasi dalam Malaya Merdeka?

Penulis Encik Mazlan Nordin dalam artikelnya menyatakan, Pemerintah Malaya Merdeka akan berkuasa mengadakan sekatan-sekatan atas kebebasan rakyat kalau dianggap olehnya perlu untuk kepentingan negara atau kepentingan umum. "Pemerintah Malaya Merdeka boleh mengadakan sebarang sekatan-sekatan atas parti politik. Segala sekatan itu kelak tidak akan dipersoalkan oleh Mahkamah Tinggi untuk menentukan adakah adil atau tidak." Hal ini dikatakan berlainan dengan Perlembagaan beberapa negeri Commonwealth dan Perlembagaan Amerika Syarikat. Dalam Perlembagaan negeri-negeri itu disyaratkan Mahkamah Undang-undang akan berkuasa memutuskan adakah Parlimen atau Majlis Undangan Negara bertindak menurut Perlembagaan.

Menurut beliau kuasa untuk pemerintah Malaya "bertindak mengadakan sekatan-sekatan tersebut telah diberikan oleh Majlis Undangan Federal setelah ia meluluskan Perlembagaan baru Persekutuan pada 15 Qogo yang lalu. Perlembagaan baru itu berjalan kuat kuasanya pada 31 Qogo." Artikel ini membangkitkan juga hal pindaan atas Perlembagaan yang digubal oleh Suruhanjaya Reid dan mengapa fasal 3 dan 4 ditarik balik. Juga dihuraikan mengapa perkataan 'berpatutan' dari fasal 10 Perlembagaan Malaya Merdeka ditarik balik.

Kata Encik Mazlan lagi "segala-galanya dalam Perlembagaan adalah menjadi undang-undang yang tertinggi sekali dan sebarang undang-undang yang bertentangan dengan Perlembagaan itu dengan sendirinya tidak sah. Bagaimana pun mestilah ada sedikit kuasa untuk mengadakan sekatan-sekatan tentang hak-hak asasi yang berpatutan dan untuk kepentingan umum." Apa yang anih ialah jaminan bahawa sekatan berpatutan saja diadakan telah dibuang.

Teraju Pemerintahan Malaya Merdeka tetap akan berubah. Kedudukan Parti-parti Politik dalam Partimen Malaya Merdeka juga akan berubah. "Tidak selama-lamanya sesuatu Parti akan berkuasa dan ini adalah memang diakui oleh semua pihak. Tetapi Perlembagaan tidak berubah sekiranya Perlembagaan dengan tegas menjaminkan hak-hak asasi dan kebiasaan-kebiasaan bersuara dan sebagainya, maka sudah tentu sukar sekali bagi Pemerintah kelak mengadakan sekatan. Tetapi kerana sekarang tidak ada jaminan tegas itu, maka sekatan-sekatan itu mungkin diadakan. Semoga hal ini tidak berlaku, "kata beliau."

Antara Baginda Queen dengan Raja-raja Melayu

Sebuah artikel panjang memberi fokus sekitar naskhah Persetujuan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang menunjukkan beberapa gambar Yang di-Pertuan Agong, Timbahannya serta Sir Donald MacGillivray. Gambar ketika Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong yang dilakukan di King's House, Kuala Lumpur pada 5 Ogos 1957 disiarkan. Peristiwa itu menutup rangkaian perundingan yang terakhir dengan pihak British semenjak dimulai dalam tahun 1956 dan setelah terbentuknya Kabinet baru Perikatan pada tahun 1955.

Perjanjian baru Persekutuan Tanah Melayu 1957 itu membatalkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang juga ditandatangani antara Raja-raja Melayu dengan Kerajaan British dan Rajanya, King George ke VI kira-kira lebih sembilan tahun sebelum ini iaitu "bagi kali pertamanya Raja-raja Melayu berkumpul dalam sejarah negeri ini." Ketika itu perang dunia kedua baru tamat dan dengan itu "negeri kita dan bangsa kita berubah bentuknya."

Artikel ini mengeluarkan maklumat mengenai apa yang telah berlaku semenjak 1948 sehingga negara berjaya mencapai Kemerdekaan. Disebut perjuangan-perjuangan kebangsaan Malaya berjaya menghapuskan 'Malayan Union' dan membentuk "Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1948 dan dalam tahun 1954 telah berlaku percantuman parti-parti politik UMNO, MCA dan MIC menjadi Perikatan dengan terbentuknya Majlis Mesyuarat Undangan Federal yang terdiri dari wakil-wakil rakyat yang dipilih setelah pilihanraya Federal dilakukan dalam tahun 1955."

Mengenai Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, beberapa gambar disiarkan dan ulasan Perjanjian itu dibuat oleh penulis. Upacara menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang dibuat pada 5 Ogos 1957 di King's House, Kuala Lumpur, dihadiri oleh semua Raja-raja yang duduk sebelah menyebelah dengan Pesuruhjaya Tinggi British. Sir Donald MacGillivray yang duduk di penjuru meja yang disusun berbentuk L di ruang dalam King's House. Kesemua Raja-raja Melayu yang hadir berpakaian baju Melayu. Turut hadir di majlis itu ialah Tunku Abdul Rahman Putra. Sebanyak 40 salinan Perjanjian ditandatangani oleh 15 anggota terpenting dan beberapa saksi masingmasing iaitu 20 Perjanjian dalam bahasa Melayu dan 20 dalam bahasa Inggeris. Dua Perjanjian itu diberikan kepada Kerajaan dan dua lagi kepada Baginda Queen.

Dengan adanya Perjanjian itu terbatallah Perjanjian Persekutuan 1948. Mulai 31 Ogos 1957 "bererti seluruh dunia sentiasa memperhatikan dengan minatnya yang besar kedudukan dan kemajuan-kemajuan negeri kita. Negara Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan Inggeris akan sama darjat, masing-masing Merdeka, berdaulat, tidak ada kekuasaan yang ada di atasnya."

Stadium Merdeka tempat mengisytiharkan Kemerdekaan Malaya dibuka dengan rasmi

Stadium Merdeka dibuka dengan rasminya oleh Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri, pada pagi 30 Ogos 1957. Stadium yang berharga \$2.5 juta itu telah bergema dengan sorak lebih 15.000 orang para hadrini. Tunku yang dikenali oleh penggemar-penggemar sukan di Persekutuan sebagai Ketua Menteri Pencinta Sport' adalah yang bertanggungjawab membina Stadium tersebut. Di antara yang hadir termasuk Menteri-menteri Kerajaan Perikatan, pegawai-pegawai kanan Pemerintah, wakil-wakil dan ahli-ahli sukan Persekutuan dan orang-orang kenamaan dalam negeri. Stadium Merdeka di waktu itu boleh memuat 21.000 orang.

Upacara pagi itu dimulai jam 7.55 pagi dengan satu barisan kehormatan dari pasukan batalion ke-5 Askar Melayu dan pancaragamnya. Murid-murid sekolah yang hadir membawa payong berwarna-warni yang menambahkan kecantikan dan kemeriahan upacara itu. Stadium itu dihiaskan dengan bendera-bendera dan lambang-lambang negara Merdeka. Tunku tiba dengan isterinya Puan Sharifah Rodziah dan mereka disambut oleh Badan Pengawas Stadium Merdeka yang dipengerusikan oleh Dato Abdul Razak Hussein, Menteri Pelajaran. Setelah Tunku selesai berucap beliau "membuka Stadium tersebut, tabir batu peringatan di pintu masuk Stadium itu pun dibuka dan bendera-bendera yang mewakili ahli-ahli sukan dari negeri-negeri asing pun dikibarkan.


Kemudian Imam Masjid Alam Shah, Pudu, Tuan Hj, Abdul Wahab, membaca doa selamat, disusuli dengan tiga kali sorak aluan tanda kegembiraan dan kesukaan kepada Ketua Menteri. Upacara diakhiri dengan pertunjukan senaman oleh 1,500 orang kanak-kanak sekolah selama 20 minit. Kanak-kanak tersebut telah berbaris membentuk rupa bendera Persekutuan dan menghadiahkan tiga kali sorak kepada Ketua Menteri. Di Stadium Merdeka ini esok pagi akan diisytiharkan Kemerdekaan Malaya.

Union Jack turun di Ibu Kota Persekutuan

Satu upacara menurunkan bendera Union Jack dan sebagai gantinya menaikkan bendera Persekutuan Tanah Melayu telah berlangsung tengah malam 30 Ogos di Padang Selangor Club. Upacara yang dianjurkan oleh Perikatan UMNO, MCA, MIC itu telah disaksikan oleh berpuluh-puluh ribu rakyat yang datang dari Persekutuan dan Singapura. Malam itu juga Tunku Abdul Rahman, Yang di-Pertua Agung UMNO, telah menerima gelaran 'Bapa Kemerdekaan Tanah Air.' Satu minit selepas jan Lamam itu, lagu kebangsaan Malaya Merdeka 'Negara Ku' telah dimainkan buat pertama kalinya. Lagu God Save The Queen dimainkan bagi kali penghabisan sewaktu bendera Union Jack diturunkan dan lagu kebangsaan Malaya dimainkan waktu bendera Persekutuan dinaikkan.

Iklan-iklan menyambut Merdeka

Antara iklan-iklan yang disiarkan di surat khabar, 20 muka yang mengucapkan selamat menyambut Kemerdekaan termasuk dari Garuda Indonesian Airways, Titus, Kampung Glam Radio Co., Singapura, Dana, pencipta air wangi dari Paris dan New York, British Overseas Airways Corporation (B.O.A.C.), Dunlop, Sandilands Buttery & Co. Ltd, Grundig, Bata, The China Navigation Co. Ltd., Pentadbiran Keretapi Malaya, Gold Dollar Tea, Omega Constellation, Lea Hin & Co., Shell, Akta-Vite, Khong Guan Biscuit Factory, Morris, Henry Woo & Co., Globe Silk Store, A.S. Mohd. Kassim & Co., Shaw Organisation, Titoni, Ford Motor Co., Bayer dan The Scientific Instrument Co. Ltd. serta banyak lagi badan-badan perniagaan yang lain




Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putera, sedang menerima Kuasa Memerintah dari Duke of Gloucester, wakil Baginda Queen Elizabeth II diupacara Pengisyiiharan Kemerdekaan di Stadium Mendeka jam 9,30 pagi hari Sabtu 31 Ogos 1957.

(Arkib Negara)




Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra sedang membaca Pengisyiharan Kemerdekaan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada jam 9.30 pagi, 31 Ogos 1957.



Pena (parker 61) yang di gunakan oleh Tunku Abdul Rahman Putera, Perdana Menteri, untuk menandatangani Perjanjian Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.


(Arkib Negara)



Pemandangan Stadium Merdeka dari udara sejurus selepas Pengisytiharan Kemerdekaan oleh Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Puetera jam 9.30 pagi, 31 Ogos 1957.

(Arkib Negara)





Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra, menyeru 'Merdeka' sebanyak tujuh kali, seelokelok sahaja selesai membaca Pengisytiharaan Kemerdekaan di Stadium Merdeka pada pagi 31 Ogos 1957.



Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra sedang melafazkan 'Merdeka' di Stadium Merdeka pada pagi 31 Ogos 1957.



DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Sir Abdul Rahman, sedang mengangkat sumpah di Balairong Seri, Istana Negara pada jam 11 pagi, 31 Ogos 1957. Berdiri disebelah Baginda ialah DYMM Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Hishamuddin Alam Shah, Sultan Selangor.



Permasyhuran Kemerdekaan, 31 Ogos 1957

"Permasyhuran Kemerdekaan" adalah Pengisytiharan Kemerdekaan yang dibuat oleh Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, di mana semua negeri-negeri Melayu termasuklah Melaka dan Pulau Pinang kekal menjadi sebuah negara yang berdaulat dan Merdeka dan patuh kepada prinsip-prinsip demokrasi. Pengisytiharan ini merupakan ekoran Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang dibuat oleh Baginda Queen Elizabeth II dengan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu pada tahun 1957. Dengan Perjanjian ini pada 31 Ogos, 1957 Persekutuan Tanah Melayu mencapai Kemerlekaannya.

KENANGAN KEMERDEKAAN CETUSAN HARAPAN

Ahad I September 1957, 6 Safar 1377

Akhbar Utusan Zaman yang dikeluarkan pada hari Ahad iaitu pada esok harinya selepas Merdeka melaporkan sepenuhnya apa yang telah berlaku sempena menyambut Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Akhbar lapan muka menunjukkan gambar Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaya Merdeka sedang membaca proklamasi Kemerdekaan Malaya di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Tajuk utama di muka pertama ialah perkataan 'Merdeka' sebanyak tiga kali.

Merdeka! Merdeka! Merdeka!

Upacara yang bersejarah dan mengharukan sekali, meriah dan penuh dengan kegembiraan

"Persekutuan Tanah Melayu telah diisytiharkan dengan rasminya Merdeka tepat jam 9.30 pagi 31 Ogos 1957 oleh Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dalam upacara bersejarah yang sungguh mengharukan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur." Lebih 20,000 rakyat Persekutuan dan tetamutetamu agung dari negara-negara asing telah menyaksikan upacara tersebut. Akhbar Utusan Zaman menyatakan "Dipandang dari segi sejarah, Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang diisyti-harkan hari ini bukanlah bermakha lahimya sebuah negara baru yang Merdeka dalam dunia pada hari ini tetapi sebenarnya Kemerdekaan itu adalah lebih merupakan kejayaan perjuangan rakyat negeri ini menebus semula Kemerdekaan negaranya yang telah dirampas oleh kuasa asing sejak beratus-ratus tahun lalu." Seterusnya dilaporkan bahawa "Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka dulu telah dijajah oleh bangsa Portugis dan Belanda beratus-ratus tahun yang silam yang sikah sekali oleh Kerajaan British yang riwayat penjajahannya ke atas tanah air kita tamat pada hari ini."

Laporan terus menyebut "Persekutuan Tanah Melayu pada hakikatnya telah Merdeka semula pada jam 12 satu minit malam tadi, tetapi pengisytiharan rasminya dilakukan pagi ini kerana menyesuaikan dengan peraturan-peraturan yang telah disusun berhubung dengan penyerahan-penyerahansurat-surat Perlembagaan dari wakil Baginda Queen Elizabeth II, Duke of Gloucester, kepada Ketua Menteri Persekutuan, Tunku Abdul Rahman." Pagi ini juga rakyat Persekutuan Tanah Melayu telah mendengar lagu kebangsaan British God Save the Queen dibunyikan bagi kali yang penghabisan sekali dalam upacara-upacara rasmi negeri ini.

Dilaporkan sebaik-baik sahaja Tunku Abdul Rahman menamatkan pembacaan Pengisytiharan Kemerdekaan di tengah-tengah tepuk sorak dan teriakan Merdeka yang bergemuruh, bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan dengan diiringi Lagu Kebangsaan "Negara Ku". Tunku telah meneriakan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali di hujung Pengisytiharan itu dan disambut dengan bergemuruh oleh para hadirin Bacaan pengisytiharan Kemerdekaan Tunku telah juga diselang-selang dengan pekikan 'Merdeka' yang bergemuruh. Tunku begitu terharu sekali dengan peristiwa yang amat bersejarah bagi rakyat dan negeri ini sehingga beliau hampir-hampir tidak dapat mengeluarkan suaranya dan banyak kali terhenti-henti waktu beliau membacakan Pengisytiharan itu. "Selama beberapa detik Tunku Abdul Rahman telah berhenti sama sekali bila sampai pada ayat 1 maka dengan nama Allah yang Murah lagi Mengasihani saya Tunku Abdul Rahman Putra' nyata benar bahawa Tunku Abdul Rahman telah terharu sungguh waktu hendak menyebutkan namanya sendiri sebagai orang yang diamanatkan oleh rakyat untuk mengisytiharkan Kemerdekaan negeri ini. T

Nyata sekali bahawa Tunku Abdul Rahman sedar betapa besar tanggungjawab yang dipikulnya sebagai orang yang menerima amanat yang besar ertinya itu, Suasana menjadi hening dalam saat ini dan kebanyakan orang-orang yang hadir kelihatan mengeluarkan sapu tangannya mengeringkan air mata kecembiraan bercampur terharu dengan peristiwa dalam saat yang bersejarah itu.

Dilaporkan bahawa keadaan sambutan itu bertambah mengharukan "setelah selesai Tunku Abdul Rahman mengumumkan Kemerdekaan yang disambut dengan pekik "Merdeka" bertatu-talu dan suara azan yang menggema di angkasa raya bersambutan dengan bunyi tembakan meriam 101 das menandakan Persekutuan Tanah Melayu-telah Merdeka dan berdaulat kembali." Istiadat menaikkan bendera Persekutuan sebagai lambang bangsa dan negara diiringi dengan lagu Negara Ku iaitu Lagu Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu yang dimainkan oleh pancaragam Pasukan Polis bersama dengan anggota-anggota Askar Melayu juga menjadikan suasana di seluruh gelanggang Stadium Merdeka itu amat mengharukan. "Seluruh mata menumpu kepada lambang bangsa dan negara itu dengan penuh minat dan perhataian."

Walaupun hujan turun pada pagi itu hingga menyebabkan upacara pengisytiharan Kemerdekaan ditangguhkan selama satu jam, tetapi upacara itu telah dijalankan dengan sempurna dan penuh kemegahan serta kegembiraan/Hujan yang turun semenjak jam 5.25 pagi itu "tidak menghalang orang-orang yang datang, baik dengan kenderaan, mahupun yang berjalan kaki untuk datang ke upacara tersebut." Orang-orang yang berjalan kaki "dengan semangat yang teguh dan rasa penuh kesedaran" walaupun dengan basah kuyup kelihatan berseri-seri wajahnya kerana dapat turut serta merayakan hari yang amat bersejarah itu. Pasukan Tentera yang berbaris di sepanjang jalan dengan pakaian upacara, walaupun ditimpa hujan dan dalam keadaan hawa dingin tetapi mereka tetap siap sedia dan berdiri tegak seolah-olah tidak berlaku apa-apa pun.

Hampir semua sekali tempat-tempat duduk di Stadium Merdeka telah dipenuhi dengan orangorang yang datang bukan sahaja dari dalam negeri dan ceruk rantau tetapi juga oleh tetamu-tetamu dari pegeri-negeri tuar daripada jam 8 pagi. Apabila juruhebah mengumumkan Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman akan sampai, suasana menjadi senyap sunyi dan semua mata yang hadir menuju ke arah pintu masuk. Semua tetamu dari luar negeri yang diundang ke perayaan Kemerdekaan memakai pakaian kebesarannya iaitu pakaian kebangsaannya Buat pertama kali Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan memakai pakaian istiadat! "Setelah cuaca mulai cerah, matahari yang mula-mulanya hilang oleh kegelapan awan hujan itu mulai menyinari alam. Ketua Menteri yang mulai petang ini meniadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra, sampai mendahului Raia-raja Melayu, Duke dan Duchess of Gloucester yang sampai kemudian." Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, diiringi oleh isterinya Puan Sharifah Rodziah, memakai pakaian rasmi Kerajaan, jaitu yang baru direka khas oleh Tunku sendiri untuk anggota-anggota Jemaah Menteri Persekutuan. Tunku terus dibawa ke ruangan dalam Stadidum Merdeka untuk mengambil tempat duduknya oleh pegawai-pegawai "pengapit" di situ, setelah tanda sampainya diumumkan melalui pembesar suara. Puan Sharifah Rodziah telah diiringi pula oleh isteri-isteri Pegawai-pegawai "pengapit" itu ke tempat khasnya di sebelah atas Stadium tersebut. Pada jam 8.21 pagi, 5 minit selepas Tunku tiba, Raja-raja Melayu mulai sampai didahului oleh Sultan Brunei. Kedatangan tiap-tiap seorang Raja diterima dengan hormat oleh Pasukan Askar Melayu yang berbaris di luar Stadium Merdeka.

Orang ramai yang tidak mempunyai pas-pas masuk ke dalam Stadium telah berkumpul di luar Stadium dan berpeluang menyaksikan dengan terangnya tetamu-tetamu terutama dari Raja-raja Melayu itu sampai. Bunyi-bunyian nafiri dimainkan tiap-tiap kali tiba pembesar-pembesar yang bermula dengan ketibaan Tunku Abdul Rahman, disusuli dengan Raja-raja Melayu dan akhir sekali Duke of Gloucester. Terakhir sekali Raja-raja Melayu sampai ialah Yang di-Pertuan Agong bersama Permaisuri Agong pada jam 8.48 pagi lengkap dengan eskortnya. Duke dan Duchess of Gloucester tiba jam 8.57 pagi untuk menyampaikan 'alat Perlembagaan' untuk memerdekakan negara ini. Beliau memakai uniform coronation yang penuh bintang-bintang kehormatan sambil membawa tongkat field marshall. Setibanya beliau di Stadium beliau diiringi oleh Bekas Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan, Sir Donald MacGillivray, dan terus masuk ke tengah padang di Stadium kerana menerima hormat di Raja yang diberikan oleh pasukan Askar Melayu. Batalion yang pertama. Di ketika itu lagu kebangaan British telah dimainkan bagi kali penghabisan. Pada keseluruhannya upacara Proklamasi Kemerdekaan hari ini telah berjalan dengan meriah dan penuh kegembiraan bercampur perasaan yang terharu.

Sebaik-baik sahaja diumumkan selesainya upacara Pengisytiharan Kemerdekaan itu, bungabunga api ditembak ke udara menerbangkan berbagai-bagai barang permainan kertas dan lain-lain termasuk bendera Persekutuan. Sambil itu pancaragam Polis dan Askar Melayu memainkan lagu-lagu march sambil Pasukan Kehormatan dari Askar Melayu meninggalkan kawasan Stadium itu.

Di akhir laporan kenyataan dibuat bahawa "Persekutuan Tanah Melayu telah Merdeka semula sekarang. Tertanggunglah kepada rakyat seluruhnya untuk bersama-sama mengisi Kemerdekaan tersebut hingga cukup sempurna, kekal abadi. Mulai hari ini setiap rakyat Persekutuan adalah bertanggungjawab selain dari mengisi Kemerdekaan tersebut, menjaga dan memeliharanya dan mempertahankannya dari anasir-anasir yang mahu menghancurkan Kemerdekaan negara kita."

Kepala Negara Malaya Merdeka - angkat sumpah/

Selepas jam 11 pagi pada 31 Ogos 1957, Persekutuan Tanah Melayu dengan rasmi mempunyai Kepala Negara yang dinamakan Yang di-Pertuan Agong. Istiadat mengangkat sumpah telah diadakan di Balairong Seri, Istana Negara, di Tailor Road, Kuala Lumpur. Istiadat mengangkat sumpah itu dimulakan dengan persumpahan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan dituruti oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri, Hakim Besar, Ahli-ahli Jumaah Menteri dan diikuti dengan istiadat perlantikan Gabenor-gabenor Pulau Pinang dan Melaka. Untuk istiadat tersebut, Balai Penghadapan Istana Negara telah dihiasi dengan hamparan permaidani kuning bagi Yang di-Pertuan Agong, Timbalannya, Raja-raja Melayu, Perdana Menteri dan Hakim Besar sementara Ahli Jumaah Menteri disediakan kerusi yang dibalut dengan permaidani warna merah. Sultan Kedah dan Raja Perlis telah menurunkan tandatangan ke atas Kertas Sumpah sebagai tanda menyaksikan Persumpahan tersebut, Perdana Menteri, semua Menteri dan Hakim Besar mengangkat sumpah taat setia dan menyimpan rahsia. Istiadat tersebut ditamatkan dengan membaca doa selamat, diikuti dengan Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan tamatnya istiadat mengangkat sumpah di Balai itu.

Perhubungan Malayan-Britain tidaklah tamat bahkan semakin rapat

"Kemerdekaan yang dicapai oleh Persekutuan Tanah Melayu mulai semalam bukanlah bererti tamatnya perhubungan yang rapat lagi mesra antara Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan British bahkan Kemerdekaan itu adalah merupakan permulaan dari satu babak yang baru dalam hubungan kedua-dua buah negara," demikian kata Duke of Gloucester dalam ucapannya di Upacara Pengisytiharan Kemerdekaan. Beliau yang mewakili Baginda Queen Elizabeth II menyerahkan Suratsurat Perlembagaan yang mengandungi Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu kepada Perdana Menteri di upacara tersebut. Kata beliau "Sebiji permata adalah cantik rupanya, tetapi ia akan lebih cantik lagi jika ditatahkan pada emas yang baik mutunya. Hari ini Tanah Melayu bukan sahaja memakai permata Kemerdekaan bahkan ia ditatahkan pada karangan Commonwealth yang tiada tolok bandingnya itu."

Duke of Gloucester akhirnya membacakan ucap selamat Baginda Queen "Beta telah menyerahkan kepada Mamanda beta kewajipan menjadi wakil beta dalam Perayaan Kemerdekaan negara
tuan-tuan. Hari ini ialah suatu hari yang berbahagia lagi bersejarah bagi tuan-tuan pada masa tuantuan menerima tanggungjawab-tanggungjawab Kemerdekaan yang besar lagi menggembirakan itu.
Perasaan Beta adalah bersama-sama dengan tuan-tuan dan Beta mengucapkan kepada tuan-tuan selamat menyambut Kemerdekaan. Sesungguhnya dengan beberapa sukacitanya Beta mengalu-alukan
negara tuan-tuan menjadi ahli keluarga negara Commonwealth. Beta yakin Tanah Melayu akan
melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab Merdekanya dengan sempurna dan akan terus menunjukkan tauladan kepada dunia dalam perkara saling mengerti dan berbaik-baik di antara segala bangsa.
Inilah satu sifat yang telah terbukti dalam sejarahnya. Mudah-mudahan Tuhan akan memberi nikmat
dan memandu negara tuan-tuan pada masa akan datang:

MacGillivray meninggalkan Persekutuan

Sir Donald MacGillivray, bekas Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu dan isterinya bertolak balik ke England pada jam 5.23 petang pada 31 Ogos. Beliau dihantar ke Lapangan Terbang oleh Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri serta Menteri-menteri dan Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan. Sebagai tanda penghormatan tembakan meriam sebanyak 17 kali telah dilakukan sebelum kapal terbang bertolak.

Persahabatan Malaya - Britain menempuh zaman baru

Dalam ucapannya sejurus sebelum mengisytiharkan Kemerdekaan di Stadium Merdeka, Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri yang menjadi Perdana Menteri Persekutuan mulai 31 Ogos 1957, menyatakan rasa bangganya pada hari itu, "hari yang sangat berbahagia dalam sejarah Tanah Melayu," Kata beliau "saya telah diamanahkan bagi memasyhurkan Kemerdekaan bagi negeri ini." Sambung beliau lagi "Pada hari ini suatu lambaran baru telah terbuka - Tanah Melayu mara ke depan mengambil tempat yang hak baginya sebagai satu anggota yang bebas dan Merdeka dalam lingkungan negara-negara di dunia."

Tunku berkata "meskipun Kerajaan Perikatan cukup sedar bahawa di depannya ada berbagaibagai kesukaran dan kesulitan" beliau yakin "dengan limpah rahmat Tuhan, segala kesukaran tersebut akan dapat diatasi." Kata Tunku lagi "Peristiwa Pengisytiharan Hari Kemerdekaan akan menjadi perangsang dan panduan bagi melalui aliran sejarah. Hari ini satu babak baru dalam persabahatan kita dengan Britain terbuka. Daripada taraf kita sebagai negara yang terjajah telah bertukar menjadi dua buah negara yang sama taraf kedudukannya."

Tunku menegaskan "Britain senantiasa akan mendapati kita sebagai rakannya yang baik dan adalah menjadi punca kegembiraan bagi Kerajaan yang pegawai-pegawai awam British akan terus berkhidmat dalam negeri ini untuk membantu kita menyelesaikan berbagai-bagai kesulitan yang harus diterbitkan oleh Kemerdekaan."

Tunku Abdul Rahman memberi ingat kepada rakyat di negara yang Merdeka "supaya jangan seorang pun menyangka bahawa kita telah sampai ke penghujung jalan, Kemerdekaan itu sesungguhnya adalah semata-mata ibarat tempat perhentian dalam perjalanan yang jauh, malahan ia adalah ambang kepada satu usaha dan percubaan bagi mewujudkan sebuah negara yang berdaulat."

Kata Tunku lagi "Pada saat yang penuh khusyuk ini, saya menyeru tuan-tuan sekalian membuktikan diri tuan-tuan semata-mata untuk berkhidmat kepada Tanah Melayu yang baru, untuk bekerja dan berusaha dengan tenaga dan fikiran bagi menciptakan satu bangsa baru dengan dorongan cita-cita keadilan dan kebebasan iaitu cita-cita yang menjadi cahaya pedoman dalam dunia yang penuh pancaroba."

Perdana Menteri menerangkan bahawa "Persekutuan Tanah Melayu adalah mempunyai sejarah yang tua, namun demikan tidak mudah melupakan perhubungan yang telah lalu. Bertahun-tahun lamanyan nasib Kita telah dikaitkan dengan nasib Great Britain dan yang menjadi kenangan dalam perhubungan itu ialah yang terutama sekali persahabatan kita dalam peristiwa dua peperangan dunia. Kita mengingati juga hasil-hasil perhubungan kita itu, iaitu keadilan dan persamaan di sisi undang-undang, kecekapan perkhidmatan awam yang turun temurun dan darjah kehidupan yang tinggi sekali dalam benua Asia. Oleh kerana itu kita senantiasa akan terkenang dengan perasaan terhutang budi akan pertolongan yang telah kita terima daripada Great Britain dalam perjalanan kita yang panjang menciptakan umat yang satu, iaitu pertolongan yang membawa kepada pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu pada hari ini. Akan tetapi persahabatan yang lanjut antara negeri-negeri kita itu tidaklah akan terhenti dengan tercapainya Kemerdekaan ini bahkan akan mengambil rupa yang baru."

Rupa baru yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri itu ialah duduknya Persekutuan Tanah Melayu Merdeka dalam lingkungan negara-negara Commonwealth dengan mempunyai taraf yang sama dengan negara-negara Merdeka yang lain. Tunku berikrar bahawa Persekutuan Tanah Melayu akan menggunakan segala tenaga dan kekuatan untuk memajukan kesejahteraan dan kesentosaan negara-negara itu bagi kepentingan manusia amnya dan keamanan dunia seluruhnya.

Merdeka semula tanah air kita

Penyunting Utusan Zaman dalam akhbar ini memberi komen mengenai pencapaian semula Merdeka oleh Persekutuan Tanah Melayu. "Tercapainya semula Kemerdekaan negeri ini dari cengkaman dan penindasan beberapa kuasa penjajah sejak abad yang ke 16 itu telah melahirkan semula sebuah negara bernama Persekutuan Tanah Melayu."

Kata beliau lagi "Penjajah Portugis yang mula-mula menaklukkan Melaka, sebuah negeri Melayu yang masyhur, telah dituruti oleh penjajah Belanda dan lepas itu penjajah Inggeris yang telah meluaskan daerah naungannya hingga meliputi seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Kemerdekaan negara kita yang didapati semula itu kini mempunyai rakyat yang terdiri dari orang-orang dari luar negeri yang dalam masa penjajahan dibawa dan dibiarkan masuk ke Tanah Melayu ini demi kepentingan penjajah itu sendiri."

Penyunting seterusnya menyatakan bahawa Persekutuan Tanah Melayu yang baru Merdeka "mestilah insaf bahawa dengan mempunyai taraf baru ini maka timbullah tanggungan-tanggungan yang baru pulal Dari sekarang negara kita akan dibina dengan tanggungjawab-tanggungjawab berhubung dengan masalah menyambungkan tenaganya kepada keamanan dan kemakmuran rakyatnya. Tanggungan yang kita katakan itu tidak kurang pula pentingnya dengan tanggungan yang wajib dipikul oleh negara kita mengenai perhubungannya dengan bangsa-bangsa lain dalam dunia ini, terutama sekali dengan bangsa-bangsa tetangga di Asia Tenggara."

Kata penyunting lagi "rakyat Malaya Merdeka yang kesemuanya berhak sedarjat mempunyai tanggungan-tanggungan yang berat. Sebagai rakyat dalam negara yang Merdeka maka terpulanglah kepada mereka untuk menyelenggarakan kewajipan masing-masing secara rakyat yang bertanggung-jawab Hanya dengan sikap demikian sajalah kemajuan dan pembangunan kebangsaan dapat diciptakan pada masa akan datang. Biarlah sikap demikian disedari oleh setiap rakyat Malaya yang benarbenar cinta kepada ibu pertiwinya."

Semalam, dunia telah menyaksikan lahirnya sebuah negara yang Merdeka dan berdaulat dan tidak berapa lama lagi negara yang Merdeka ini akan menjadi anggota badan sedunia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu-Perhatian bangsa-bangsa dalam dunia tak dapat tidak akan ditumpukan kepada anggota Pertubuhan tersebut. Sudah tentu dunia akan memerhatikan gerakgeri anggotanya yang pang muda itu. Adakah Persekutuan Tanah Melayu akan mencurahkan tenaganya demi kepentingan keamanan dunia, demi ketenteraman suasana yang tegang dalam dunia? Atau adakah Persekutuan Tanah Melayu nanti akan dipengaruhi oleh kuasa-kuasa yang sering membesar-besarkan "perang dingin" dan suka melagakan satu bangsa dengan bangsa yang lain? Di manakah wakil Persekutuan Tanah Melayu di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu akan membuang undinya dalam satu-satu masalah nasional dan internasional yang timbul di Sidang-sidang Perhimpunan Agung dan Sidang-sidang Dewan Keselamatan?

Jawab kepada semua pertanyaan-pertanyaan ini adalah dinanti-nantikan oleh dunia dan dalam zaman ini di mana dasar-dasar luar negeri sering melibatkan dasar-dasar dalam sesebuah negara, maka rakyat Persekutuan Tanah Melayu wajib mengikuti soal-soal tersebut dengan teliti. Istimewa pula rakyat Persekutuan Tanah Melayu cukup sedar akan pentingnya negeri ini dari segi strategi militer akibat peperangan Dunia yang kedua dulu itu. Perihal Persekutuan Tanah Melayu Merdeka akan segera masuk lingkungan negeri-negeri Commonwealth tidak pula bererti ia akan terikat kepada lingkungan tersebut. Setiagota Commonwealth berhak menarik diri daripada persatuan yang longgar itu bila saja ia berasa perlu berbuat demikian. Terlalu awal pada saat ini untuk kita menentukan sebagai jangka panjang apakah Malaya akan lebih untung atau sebaliknya sekiranya keanggotaannya dalam Commonwealth dilanjutkan.

Tanah air kita yang Merdeka kini sedang mengalami keadaan darurat yang kita telah menerima dari Pemerintah penjajah. Salah satu dari masalah-masalah yang harus dipecahkan ialah masalah darurat. Ada baiknya kalau segala Parti politik dan setiap peminpin rakyat dalam negeri ini menimbangkan soal tersebut agar keamanan dan ketenteraman dapat dipulihkan semula dan pembangunan nasional dapat dilaksanakan dalam keadaan aman damai. Sekali Merdeka tetap Merdeka!

Indonesia menyambut Kemerdekaan Malaya dengan sederhana tetapi khusyuk

Di Jakarta, di lapangan rumah nombor 21 Kwitang, satu upacara yang sederhana tetapi khusyuk telah dijalankan dengan dikibar secara rasmi pada pagi 31 Ogos bendera kebangsaan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Semua Menteri Republik Indonesia, diplomat-diplomat asing serta pembesar-pembesar Jakarta menghadiri upacara tersebut. Lagu Kebangsaan diperdengarkan semasa upacara menaikkan bendera.

Upacara tersebut telah dibuka oleh Encik Zaiton Ibrahim, Kuasa Usaha Malaya di Jakarta, yang telah membaca proklamasi Kemerdekaan dan kemudiannya menghuraikan sejarah perjuangan Kemerdekaan Malaya. Antara lain beliau menegaskan betapa eratnya perhubungan persaudaraan yang diikat oleh pertalian darah antara bangsa Melayu dengan bangsa Indonesia. Beliau telah menegaskan mengenai hasrat rakyat Malaya ingin menentukan nasibnya sendiri dan meminta goodwill dari bangsa-bangsa lain yang telah Merdeka terhadap Malaya yang baru berdaulat itu. Tuan Adam Khalid, wakil Perdana Menteri Republik Indonesia, telah berucap dengan menyatakan kegembiraan pemerintah dan rakyat Indonesia atas tercapainya Kemerdekaan Malaya. Beberapa ulasan akhbar-akhbar Indonesia mengenai detik sejarah Kemerdekaan Malaya juga dilaporkan. Mereka menyiarkan penguman-pengumuman dari pemimpin-pemimpin politik Indonesia menyambut Kemerdekaan Malaya.

Perdana Menteri Indonesia, Dr. Juanda, menerbitkan satu kenyataan yang panjang mengalualukan Kemerdekaan Malaya. Kata beliau "Harapan kami moga-moga bangsa dan negara yang muda itu segera dapat mengembangkan sayapnya menuju kepada kemakmuran dan kejayaan."

China Komunis iktiraf Persekutuan Tanah Melayu Merdeka

Kerajaan Republik Rakyat China mengambil keputusan mengiktiraf negara Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka. Kerajaan Kumintang di Formosa juga telah mengiktirafkan Persekutuan Tanah Melayu. Kementerian Luar di Taipeh juga memaklumkan Perdana Menteri Kumintang telah menghantar kawat kepada Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman mengucapkan tahniah dan pengakuan Kerajaannya. Pengiktirafan Persekutuan Tanah Melayu juga dibuat oleh Kerajaan Jepun, Switzerland dan Amerika Syarikat. Dewan Senate di Washington D.C.sambil mengucap selamat kepada Persekutuan Tanah Melayu menyatakan harapan Malaya akan terus menerus mencapai kejayaan dalam perkembangannya sebagai sebuah negara berdaulat yang demokratik dan menyatakan semula rasa persahabatan rakyat Amerika kepada Kerajaan dan rakyat Malaya.

Di lain-lain tempat di mana sambutan Kemerdekaan dilaporkan termasuk di London, British Guyana, New York, Manila dan Moscow. Sambutan perayaan Kemerdekaan di London itu telah mengundang semua negeri termasuk wakil-wakil dari negeri Komunis. Di Moscow, radionya menyiarkan siaran mengenai lahimya negara Malaya yang Merdeka.

Radio Moscow berkata, "Kalangan yang memerintah di Britain cuba memberikan kebesaran dan kemuliaan kepada perayaan Perisytiharan Kemerdekaan Malaya itu." Kata siaran itu "penjajah British terpaksa menyerahkan semula Kemerdekaan kepada Malaya kerana jika tidak, mereka sudah barang tentu akan diusir keluar dengan kekasaran dari negeri itu."

Seterusnya siaran itu berkata "Malaya yang kaya dengan bahan-bahan mentah sudah lama menjadi idaman nafsu kaum monopolis Amerika Syarikat yang cuba dengan segala cara untuk menggantikan kawan-kawan British mereka dalam melakukan pemerasan penjajahan. Di Washington, mereka nyata berlumba-lumba untuk mempergunakan Kemerdekaan Malaya bagi maksud Colonial mereka. Ahli-ahli politik Amerika sedang menggunakan helah yang mereka sukai sangat-sangat, iaitu "perangkap dollar."

Kata siaran itu lagi "Bagaimanapun, rakyat Malaya yang cintakan damai tidak mahu membiarkan sama ada penguasaan British atau Amerika dalam negeri mereka;" Radio itu mengakhiri siarannya dengan berkata "Rakyat Soviet mengucapkan selamat kepada rakyat Malaya pada hari bersejarah, Hari Pengisytiharan Kemerdekaan, Persekutuan Tanah Melayu.

Malam Kebudayaan Melayu dan Tableau Tonggak Kerajaan Johor

Sempena menyambut perayaan Kemerdekaan, sebuah tableau sejarah yang menggambarkan keadaan Kerajaan Johor kira-kira 235 tahun dahulu akan dipentaskan. Tableau berjodol 'Tonggak Kerajaan Johor' akan dipentaskan pada 7, 8 dan 9 September. Tableau itu akan mempertunjukkan peristiwa peperangan antara Kerajaan Johor di bawah perintah Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dengan bantuan Bendahari Abbas Seri Maharaja dengan Raja Kechil dari Siak.

Dalam pertunjukan itu akan juga ditunjukkan upacara yang berlaku di sekitar Istana seperti adat istiadat melantik seorang Raja, menggelar pembesar, perarakan dan persandingan di Raja. Beberapa jenis tarian, nyanyian dan silat pencak yang berunsur kesenian Melayu jati akan dapat disaksikan.

Di atas robohan Kota Melaka, kita dirikan jiwa Merdeka

Sebuah artikel yang ditulis oleh Encik Abdul Kadir Ahmad menegaskan mengenai Melaka dan Pulau Pinang yang telah berpisah dari negeri yang beraja-raja di Persekutuan Tanah Melayu "akan mendapat kedaulatan semula dan masing-masing, menurut kandungan Perlembagaan baru, akan menjadi negeri yang Merdeka dan berdaulat dalam Persekutuan Tanah Melayu." Artikel ini adalah mengenai Melaka yang "kira-kira 446 tahun dahulu mempunyai satu riwayat yang amat menyedihkan seluruh rakyat negeri Melaka." 10 Julai 1511 adalah merupakan tarikh yang tidak dapat dilupakan oleh anak cucu Hang Tuah. 10 Julai 1511 adalah suatu tarikh yang di dalamnya mencatatkan kejatuhan empayar Kerajaan Melayu Melaka yang gah di seluruh kepulauan Melayu ke tangan penjajah barat yang pertama iaitu bangsa Portugis.

Semenjak itu nasib negeri ini bertukar ganti dijajahi oleh bangsa-bangsa barat, iaitu dari tangan Portugis ke tangan Belanda dan dari tangan Belanda ke tangan Inggeris. Mereka berkali-kali diperkuasa oleh penjajahan barat itu. Perkuasaan yang terakhir adalah dari penjajah Inggeris.

Hang Tuah yang masyhur dari Melaka pernah meninggalkan sebuah kata-kata hikmat yang kerap digunakan oleh pemimpin-pemimpin rakyat sebagai kata-kata sakti untuk menggubar-gubarkan semangat rakyat. Kata-kata sakti itu sungguh memberi suatu ilham perjuangan yang bukan sedikit. Hang Tuah pernah mengatakan "Tak-kan Melayu hilang di dunia!" "Bangsa Melayu yang ditindas oleh penjajah semenjak 10 Julai 1511 mendapat Kemerdekaannya yang telah hilang dengan lain-lain bangsa yang telah mengaku taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Malaya." Bangsa Melayu dapatlah dikatakan bangsa yang banyak sekali berjuang untuk mengembalikan kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu supaya menjadi sebuah negara yang Merdeka dan berdaulat yang di dalamnya termasuklah negeri Melaka.

Mereka yang tidak melupakan sejarah akan mengakui kalau dikatakan bahawa Melaka adalah negeri yang pertama mendokong cita-cita yang mulia itu. Melakalah kerap menjadi tempat penting dalam perjuangan mencapai Kemerdekaan terutamanya semenjak lepas Perang Dunia Kedua, 1945. Berkali-kali negeri Melaka mendapat penghormatan oleh kerana sejarah-sejarah yang dikandungnya, untuk menjadi tempat-tempat perhimpunan dan mesyuarat-mesyuarat yang bersejarah.

Tarikh 20 Februari 1956 mempunyai hubungan penting kepada Melaka kerana pada tarikh itu Melaka diminta dengan hormatnya menerima rombongan Tunku Abdul Rahman, rombongan Merdeka Persekutuan Tanah Melayu, selepas rundingan di London, Pengisyitharan kejayan yang begitu gemilang yang dibuat di Melaka memberinya penghormatan yang besar yang diakui oleh rakyat di seluruh negara. Dua rangkap akhir sebuah pantun membuktikan Melaka dijadikan lambang perjuangan mengembalikan kedaulatan bangsa dan nusa. Rangkapnya berbunyi:

Di atas robohan Kota Melaka Kita dirikan negara Merdeka.

Ucap Selamat dari Australia

Perdana Menteri Australia, Tuan R.G. Menzes mengucapkan selamat Merdeka kepada Persekutuan Tanah Melayu bagi pihak Kerajaan dan rakyat Australia dengan harapan Kemerdekaan Persekutuan akan bertambah kukuh di masa hadapan. Ucap selamatnya yang direkodkan telah disairaka dari Radio Malaya jam 11 malam 30 Ogos 1957, satu jam sebelum Persekutuan Tanah Melayu mencapai Kemerdekaannya. Beliau memuji Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan yang pertama dengan menyatakan "kerana bijaksana, sabar dan mempunyai pandangan yang luas telah menjadikan dia sebagai seorang tokoh besar."

Di tengah-tengah alunan 50,000 manusia Tunku mencucurkan air matanya

"Sebuah negara Merdeka dan Berdaulat - Persekutuan Tanah Melayu - telah lahir tepat sedetik selepas tengah malam semalam." demikian bunyinya kata-kata awal mengenai sambutan Kemerdekaan jam 12.01 pagi pada 31 Ogos 1957 di Padang Selangor Club, Kuala Lumpur.

Dilaporkan "di tengah-tengah pekikan 'Merdeka' yang gegak gempita dari berpuluh ribu manusia, bendera Malaya Merdeka telah berkibar bagi pertama kalinya di Ibu Kota Persekutuan mengambil tempat bendera Union Jack Inggeris."

Lebih 50,000 telah menyertai perayaan menyambut saat sejarah Kemerdekaan itu di Padang Selangor Club, di mana Tunku Abdul Rahman Putra, bakal Perdana Menteri di waktu itu berdiri tegak sebagai 'Bana Kemerdekaan' tanah air.

Acara Perayaan itu telah menjadi tidak terkawal apabila alunan manusia yang mula-mulanya memagari padang, telah menyerbu ke arah Tunku Abdul Rahman yang ketika itu diapit oleh teman seperjuangannya, Dato Sir Cheng Lock Tan, President MCA dan Tuna VT. Sambanthan, Pengerusi MIC. "Khalayak yang merayakan saat sejarah itu diterangi dengan lampu-lampu suluh dari segenap sudut padang itu menandakan penjajahan Inggeris dalam negeri ini berakhir tepat pada jam 12 tengah malam itu." Tunku Abdul Rahman melakukan upacara perayaan itu dengan sedu sedan kerana terharu dengan pedakikan 'Merdeka' yang penuh semangat dari peserta-peserta perayaan itu. Semenjak

petang, orang ramai di Kuala Lumpur bergerak menuju ke Padang Selangor Club di mana mereka menunggu hingga ke tengah malam. Mulai jam 10 malam, wakil-wakil dari tiap-tiap negeri mengambil tempat masing-masing di ruangan-ruangan yang disediakan. Kira-kira 2,000 Pemuda UMNO ditugaskan mengawal padang itu dengan memegang tali supaya khalayak ramai tidak mara ke dalam. "Orang ramai menunggu kedatangan saat sejarah itu dengan cemas. Sekali-sekali banjir manusia itu beralun-alun merempuh tali yang mengepung Padang tersebut."

Suasana menjadi semakin cemas sewaktu ketibaan Tunku Abdul Rahman ke Padang itu pada jam 11.55 malam. Lampu-lampu suluh dimatikan apabila sampai jam 11.58 dan 2 minit kemudian lampu-lampu suluh itu dipancarkan semula menerangi Padang tersebut tepat pada jam 12 tengah malam. "Selepas detik pertama tengah malam itulah bendera Union Jack diturunkan dan bendera Persekutuan dinaikkan di tengah-tengah rumpuhan manusia yang mara ke dalam mengerumuni Tunku. Lagu kebangsaan Malaya Merdeka dimainkan bagi pertama kalinya."

"Tunku Abdul Rahman diiringi Encik Sardon Jubir, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaya yang telah memeriksa barisan kehormatan Pemuda-Pemuda itu dan menemui wakil-wakil dari tian-tian negeri. Tunku ketika itu kelihatan tersedu-sedu dan air matanya mengalir."

Tunku Abdul Rahman kemudian balik semula ke pentas Istiadat Perayaan itu di mana beliau telah diberikan hadiah sebuah kalong dan rantai emas 'Bapa Kemerdekaan Tanah Air' dari Perikatan. Kalong itu yang berharga \$4,000 diukir dengan lukisan peta Semenanjung dan lukisan muka Tunku di tengah. Kalong dan rantai emas itu telah dikalongkan ke leher Tunku oleh Encik Sardon Jubir. Tunku juga menerima sebuah 'kapal kecil' dari Cawangan UMNO Kampung Jaguh, Singapura. Tunku seterusnya berucap untuk memberitahu rakyat dan dunia bahawa Persekutuan Tanah Melayu telah Merdeka sekarang. Kata beliau "Inilah ketika yang sehabis-habis besar ertinya kepada umat Malaya kerana apabila berbunyi saja jam 12 tengah malam, lahirdah sebuah negara baru - satu bangsa yang akan berdiri bebas dan Merdeka. Satu bintang baru yang bersinar telah menerangkan lahirnya satu lagi bangsa Asia yang Merdeka. Dengan terbitnya bintang baru ini, timbul pulalah satu harapan baru, satu cita-cita yang sudah lama terpendam. Sekarang cita-cita itu telah berhasil Malaya telah Merdeka.

Tunku seterusnya berikrar bahawa beliau dan rakan-rakan dalam Kerajaan akan mengorbankan segala-galanya untuk kepentingan bangsa dan negara. Beliau kemudian menyeru supaya sekalian bangsa yang mendiami negeri ini hidup berbaik-baik dan bekeriasama antara satu sama lain.

Tunku mengumumkan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka dan berdaulat itu akan bersekutu dengan negara-negara Commonwealth dan akan mengambil tempatnya yang hak dalam lingkungan negeri-negeri bebas. Tunku tidak lupa dengan pengorbanan pejuang-pejuang untuk kesalamatan negeri ini, "mudah-mudahan Tuhan cucurkan rahmat ke atas roh mereka," kata Tunku. Beliau juga memuji khidmat-khidmat tentera dan pasukan-pasukan keselamatan yang menentang musuh di hutan-hutan Malaya dengan cekal dan berani. Kepada negeri-negeri tetangga. Tunku menyatakan azamnya hendak menghulurkan tangan tanda persahabatan dan kerjasama untuk keamanan dan kemakmuran dunia bebas.

Selepas seruan 'Merdeka' di akhir ucapan Tunku, lagu kebangsaan Malaya 'Negara Ku' telah dimainkan.

Tunku mengharap Stadium Merdeka jadi tempat pertemuan ahli sukan sedunia

Waktu membuka dengan rasminya Stadium Merdeka pada pagi 30 Ogos 1957, Tunku Abdul Rahman, bakal Perdana Menteri Persekutuan, telah mengalu-alukan kerjasama ahli-ahli sukan dari luar negeri yang telah datang ke negeri ini untuk mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan sukan Merdeka yang dimulai pada 31 Ogos. Tunku menegaskan harapannya agar Stadium itu boleh dijadikan tempat pertemuan semua ahli sukan dalam dunia. Tunku juga mengeluarkan harapannya agar melalui sport "kita berharap akan dapat menjamin keamanan dan kegembiraan serta muhibbah dalam dunia."

"Pembukaan Stadium Merdeka telah menemui titik pertemuan sejarah negeri ini oleh kerana di Stadium itu ialah tempat mengisytiharkan Kemerdekaan Malaya pagi tadi," kata Tunku sambil mengucapkan terima kasih dan tahniahnya kepada mereka yang bertanggungjawab mendirikan dan menyiapkan Stadium itu.

Ucap selamat Kemerdekaan

Beberapa Ucap Selamat Kemerdekaan disiarkan yang termasuk dari Perdana Menteri Canada; Persekutuan Melayu, Mesir; Parti Mashumi, Indonesia dan Perdana Menteri Australia.

Gambar-gambar Kemerdekaan

Akhbar Utusan Zaman bertarikh 31 Ogos 1957 ini menyiarkan gambar-gambar Kemerdekaan termasuk ketika Tunku sedang membaca proklamasi Kemerdekaan di Stadium Merdeka serta sambutan Duke of Gloucester. Terdapat 6 gambar yang melibatkan acara sambutan Kemerdekaan di Kuala Lumpur yang amat bersejarah dan penuh bermakna.



Bendera Persekutuan Tanah Melayu dikibarkan di Bangunan 'Malaya House' di London sempena Hari Merdeka 31 Ogos 1957. Upacara itu menandakan tamatnya pemerintahan British di Malaya. Datuk Nik Ahmad Kamil selaku Pesuruhjaya Tinggi Malaya di Britain, memberi tabik hormat kepada bendera Persekutuan Tanah Melayu.

Beribu-ribu menyaksikan istiadat berbaris besar menyambut Kemerdekaan

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka BagindaYang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Sir Abdul Rahman pada 1 September 1957 telah menerima kehormatan tentera dalam istiadat berbaris besar tentera yang telah diadakan pada sebelah pagi di depan Bangunan Secretariat, Kuala Lumpur, Istiadat berbaris tentera dan pertubuhan-pertubuhan sukarela itu adalah satu daripada acaraacara merayakan Kemerdekaan dan memuliakan Yang di-Pertuan Agong, Anggota-anggota tentera seramai 2,000 orang dari berbagai-bagai pasukan dan 150 buah kenderaan tentera yang mengambil bahagian di dalam Istiadat tersebut adalah mewakili semua Cawangan pasukan-pasukan bersenjata di Persekutuan, Polis, Pertubuhan Sukarela dan Pasukan Kawalan Umum. Lebih 500 orang tetamu agung yang turut hadir termasuk Duke dan Duchess of Gloucester, Raja-raja Melayu, Perdana Menteri, Gabenor-gabenor Melaka dan Pulau Pinang serta wakil negeri-negeri luar. Beribu-ribu orang telah menyaksikan Istiadat Berbaris itu. Mereka memenuhi Padang Selangor Club dan sepanjang jalan raya. Barisan itu dimulakan dari perhentian keretapi Kuala Lumpur. Empat jenis kapal terbang dari berbagai pasukan udara juga turut mengambil bahagian. Pasukan-pasukan yang mengambil bahagian termasuk dari Askar Melayu, Askar Persekutuan, Signal Regiment, Pasukan Perubatan Tentera Persekutuan, Pasukan-pasukan Volunteer, Angkatan Laut Di Raja, Pasukan Udara, Polis Persekutuan, Volunteer Police Reserve, Home Guard dari semua negeri, pasukan Tentera British dan Commonwealth, bekas-bekas Askar dan Pasukan Keselamatan. Pasukan-pasukan pancaragam yang mengambil bahagian ialah dari Pasukan-pasukan pusat Askar Melayu, Polis Persekutuan, Tentera Laut Di Raja, Royal Regiment dan lain-lain. Upacara perbarisan Tentera memakan masa lebih satu jam.

Tunku hantar permintaan kepada Bangsa-bangsa Bersatu

Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Negeri, menghantar telegram kepada Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu meminta Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka
utuku menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Telegram itu berkata "Bagi pihak
Kerajaan saya, saya suka memberitahu tuan bahawa Persekutuan Tanah Melayu ingin dari sekarang
menyampaikan permintaan menjadi anggota Bangsa-bangsa Bersatu dengan menghormati segala hak
dan kewajipannya." Antara lain telegram itu menyatakan "Dengan menghormati adatnya yang bersejarah iaitu menghormati kewajipan untuk bekerjasama dengan ikhlas dengan semua bangsa di dunia
yang inginkan perdamaian, maka Persekutuan Tanah Melayu ingin menyatakan penghormatannya
yang penuh kepada dasar-dasar piagam (Bangsa-bangsa Bersatu) yang ditandatangani di San
Francisco pada 26 Jun 1945."

Kerajaan nak menghidupkan semula tarian-tarian asli

Kerajaan sedang mencari seorang Melayu yang pakar dalam lagu-lagu dan tarian-tarian Melayu lama untuk menyediakan dan melatih penyanyi-penyanyi dan penari-penari. Lagu-lagu dan tarian-tarian Melayu lama akan ditunjukkan dalam upacara-upacara negara dan dalam perayaan-perayaan besar di Istana Negara.

Beberapa tarian Melayu lama, sebahagian daripadanya belum pernah dilihat oleh sebahagian besar orang-orang negeri ini, telah ditunjukkan kepada tetamu-tetamu yang menghadiri jamuan makan malam negara di perkarangan Stadium Negara.

Perayaan Merdeka disambut di London dan beberapa ibu kota

Lahirnya negara Persekutuan Tanah Melayu Merdeka telah disambut di Trafalgar Square, London, pada pagi 31 Ogos bila bendera Persekutuan dikibarkan di Malaya House selepas upacara Pengisytiharan Kemerdekaan dibaca dalam bahasa Melayu, kemudian bahasa Inggeris oleh Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu di United Kingdom yang baru iaitu Dato Nik Ahmad Kamil.

Di Lapangan Trafalgar Square orang ramai berdiri dengan hormat dan khusyuk bila lagu kebangsaan Persekutuan dimainkan oleh Pasukan Welsh Guard. Satu barisan 16 orang pegawaipegawai Kadet Malaya dan pegawai-pegawai dari Sandhurst telah mengepalai sorak iga kali. Berburibu orang telah menyaksikan upacara tersebut. Upacara di Rochester Hotel telah dihadiri oleh Pegawai-pegawai Tinggi dan Diplomat-diplomat asing. Di majlis itu Lord Holm, Setiausaha Jabatan Hubungan Commonwealth, berkata antara lain "Moga-moga persahabatan antara Malaya dan United Kingdom menjadi lebih erat dan berkekalan."

Di Canberra, Australia, bendera Persekutuan telah dikibarkan semula di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan di Australia, semantara pancaragam dari Royal Military College memainkan lagu kebangsaan Persekutuan. Pengisytiharan Kemerdekaan Persekutuan dibacakan oleh Pesuruhjaya Tinggi, Tuan Gan Lay Teik.

Kemerdekaan juga disambut di Tokyo yang dianjurkan oleh Persekutuan Persahabatan Malaya. Orang-orang Malaya yang menghadiri perayaan itu hanya 12 orang penuntut di University. Kerana lagu kebangsaan Persekutuan yang baru belum diketahui di Tokyo, lagu popular 'Rasa Sayang Sayang Ye' telah dimainkan pada permulaan Perayaan itu.

Tunku Abdul Rahman dalam ucapan kawatnya kepada rakyat Jepun berkata "lahirnya negara bar Persekutuan Tanah Melayu ialah satu peristiwa yang besar dalam sejarah Malaya." Kata Tunku lagi "melihat kebelakangan kepada apa yang telah dicapai oleh Kerajaan Perikatan semenjak ia memegang kuasa dalam tahun 1955 maka adalah satu kemegahan bahawa kami telah mencapai Kemerdekaan dalam masa yang sedemikian singkat dan dengan tidak menumpahkan darah."

Kata Tunku lagi "Tercapainya Kemerdekaan melahirkan pula cabaran-cabaran yang bukan sedikit baik di dalam mahu pun di luar negeri yang akan mengambil masa dan memerlukan keyakinan untuk menyelesaikannya. Saya tidak menaruh syak lagi bahawa dengan izin Tuhan kami akan dapat memimpin negeri kami ke arah kemajuan dan memberikan sumbangan yang berguna kepada kebahagiaan dan perdamaian dunia."

Dulles menghadiri Perayaan Merdeka mengucapkan Selamat kepada Persekutuan

Tuan John Foster Dulles, Setiausaha Negara di Amerika, telah berdiri di atas pentas dalam upacara sambutan Malaya Merdeka pada 31 Ogos dengan enam bendera Persekutuan berkibar di sekelilingnya dan di depannya pula ada sebuah cogankata Malaya yang besar dengan perkataan 'Merdeka'. Tuan Dulles merasa yakin Malaya akan "mencapai kemenangannya terus menerus kerana cita-citanya kepada kebebasan dan cita-citanya mau mengalahkan anasir-anasir yang cuma mengejek-ejek kebebasan," Beliau mewakili President Eisenhower di majlis yang dianjurkan oleh Tengku Ja'afar, Pegawai Pengurus Hal Ehwal Malaya di Amerika Syarikat,

Tengku Ja'afar, yang memakai pakaian kebangsaan, antara lain telah berkata bahawa Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman telah menggalakkan Persatuan Rakyat Malaya dan berjaya menyatukan semua bangsa di Persekutuan. Seluruh negeri tahu kepada erti dan faedah 'Merdeka,' katanya. Beliau menyebut perkataan Abraham Lincoln bahawa Kerajaan rakyat untuk rakyat tidak akan lenyap dari muka bumi. Sir Harold berkata "Rakyat Malaya akan menambahkan seri namanya sekarang apabila

mereka menjadi satu bangsa yang Merdeka dalam Commonwealth. Tercapainya pemerintahan sendiri itu adalah bukti bahawa darurat telah dapat diatasi sehingga ia tidak lagi merupakan satu halangan kepada Kemerdekaan negara itu. Itu adalah satu pujian kepada usaha orang-orang British, Malaya dan pasukan-pasukan Commonwealth yang lain."

Kaya dan miskin menyambut Kemerdekaan dengan meriah sekali di Pulau Pinang

Penduduk-penduduk Pulau Pinang dan Seberang Perai telah menyambut Kemerdekaan selepas tengah malam 30 Ogos dengan amat meriah sekali dalam sejarah negeri ini. Yang miskin mengadakan hiasan-hiasan kecil dengan mengibarkan bendera Persekutuan yang kecil yang dibuat sendiri, tiap-tiap rumah telah dipasang lampu beraneka warna dan berhias dengan bendera. Lampu-lampu minyak telah dipasang di tiap-tiap rumah di kawasan kampung dan yang tidak ada bekalan letrik. Ini menandakan sambutan Kemerdekaan di negeri ini adalah merata dari kampung ke pekan dan dari pekan ke bandar.

Pada malam 31 Ogos, lebih 30,000 orang telah menyaksikan pertunjukan bunga api yang berharga \$5,000 di padang Esplanade. Di sebelah petangnya kira-kira 25,000 orang menyaksikan upacara yang bersejarah di padang itu juga kerana menamatkan kekuasaan Inggeris di Pulau Pinang itu yang telah berjalan selama 171 tahun dan mengiystiharkan Kemerdekaan Tanah Melayu. Proklamasi Kemerdekaan dibaca oleh Gabenor Pulau Pinang, Raja Sir Uda. Kemudian Encik Hashim Awang, ahli Majlis Mesyuarat Dewan Perwakilan Persekutuan, membaca Proklamasi itu dalam bahasa Inggeris. Salinan-salinan Proklamasi yang dicetak dalam bahasa Melayu dan Inggeris dibahagi-bahagikan kepada orang ramai ketika Proklamasi itu dibacakan. Serentak dengan itu, meriam telah ditembak sebanyak 101 kali. Upacara itu ditamatkan dengan satu perarakan Tentera di depan Gabenor.

Sambutan Kemerdekaan di Johor Bahru

Lebih 3,000 orang, yang kebanyakannya datang dari Singapura, telah memenuhi Padang Mahkamah Johor Bahru pagi 31 Ogos untuk menyaksikan pengisytiharan Kemerdekaan Persekutuan. Selepas doa dibaca, bendera Persekutuan dinaikkan diiringi dengan lagu kebangsaan dan kemudiannaya meriam ditembak sebanyak 21 das. Sebelum itu satu barisan kehormatan Pasukan-pasukan Tentera Persekutuan, Polis dan Askar Johor telah diadakan. Pejabat Pos di Johor penuh sesak dengan orang-orang yang membeli 'stamp Merdeka' sebagai mengambil sempena Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Pertunjukan bunga api di Lake Garden, Kuala Lumpur

Angkasa Ibu Kota Persekutuan - Kuala Lumpur - dihiasi dengan pancaran bunga api yang gemerlapan, 21 jam selepas Merdeka. Pertunjukan di Lake Garden itu adalah sumbangan Kerajaan Jepun kepada Malaya yang Merdeka. Lama sebelum pertunjukan itu dimulakan, orang ramai dari segenap sudut Kuala Lumpur penuh sesak sepanjang jalan raya menuju ke Lake Garden. Perjalanan kereta telah tersekat di beberapa tempat.

Berharap Kemerdekaan Malaya akan menolong usaha-usaha menegaskan perdamaian dunia

Tuan Jauhar Lal Nehru, Perdana Menteri India, dalam ucap selamatnya kepada rakyat dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, berkata Kemerdekaan Tanah Melayu adalah mengandungi erti yang sanat penting kepada benua Asia yang pada satu masa dahulu telah memberi sumbangan yang penting kepada tamadun dunia. Kata beliau "Saya dengan tulus ikhlas berharap bahawa Kemerdekaan Malaya akan menolong usaha-usaha menegaskan perdamaian dan memulihkan kerjasama dan saling mengerti antara bangsa-bangsa dalam dunia." Kata beliau lagi "Ini ialah hari yang bersejarah, bukan sahaja kepada Malaya tetapi kepada seluruh Asia dan kami mengalu-alukan lahirnya negara Malaya Merdeka dan kami berharap kita akan bekerjasama lebih rapat lagi untuk kebaikan kita dan menolong usaha-

usaha menegaskan perdamaian dunia." Kata beliau lagi "Sekarang dunia sedang berada dalam kebimbangan, dan bom hydrogen telah menjadi satu simbol mala petaka. Saya berharap negeri-negeri Asia akan mencurahkan secenap tenaganya di sebelah pihak-pihak yang memperjuangkan perdamaian."

Tuan Nehru menerangkan India telah mendapat Kemerdekaan, sepuluh tahun yang lalu, setelah seratus tahun berjuang. Bagi Malaya beliau berkata "Ini ialah hari yang bersejarah bukan sahaja kepada Malaya tetapi kepada seluruh Asia dan kami mengalu-alukan lahirnya negara Malaya Merdeka dan kami berharap kita akan bekerjasama lebih rapat lagi untuk kebaikan kita dan menolong usahausaha menegaskan perdamaian dalam dunia."

Merayakan Hari Kemerdekaan

Parti Rakyat Selangor telah mengadakan perjumpaan khas pagi 31 Ogos dihadiri oleh 100 ahlinya kerana menyambut Kemerdekaan. Perjumpaan dibuat di Ibu Pejabat Parti Rakyat di Kampung Baru. Kuala Lumpur pada jam 11, 11 minit dan 11 saat. Majlis dipengerusikan oleh Ketua Satunya, Baginda Buyung, Hadir bersama ialah wakil-wakil dari Parti Buruh Se Malaya dan Pertubuhan Trade Union.

"Front Socialist Rakyat" ditubuhkan di Hari Merdeka

Serentak dengan Kemerdekaan Malaya, sebuah 'Front Socialist Rakyat' anjuran Parti Rakyat dan Parti Buruh Malaya telah ditubuhkan di Kuala Lumpur. Keputusan membentuk Front tersebut diambil dalam satu perjumpaan yang dihadiri oleh 10 wakil Parti Rakyat Malaya dan 10 wakil Parti Buruh dan beberapa pemerhati. Majlis itu dipengerusikan oleh Encik Ahmad Boestamam, Ketua Umum Parti Rakyat.

Kata Hikmat Proklamasi Kemerdekaan

Sebahagian daripada kata hikmat dalam proklamasi Kemerdekaan dikeluarkan oleh penyunting akhbar. Tunku Abdul Rahman semasa membaca proklamasi Kemerdekaan menyebu ".... Dengan limpah rahmat Allah Subhanahu Wataala akan kekal menjadi sebuah negara demokrasi yang Merdeka dan berdaulat serta berdasarkan kepada kebebasan dan keadilan dan senantiasa menjaga dan mengutamakan kesejahteraan dan kesentosaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan di antara segala bangsa." Kata-kata hikmat itu diharap akan kekal dan akan tertanam dalam ingatan seluruh rakyat negeri ini dan ini akan menjadi pedoman kepada mereka. Juga mudah-mudahan akan menjadi asas dan dasar pemerintah untuk selama-lamanya.

Antara lain disebutkan bahawa Kemerdekaan negeri ini adalah untuk kesejahteraan rakyat dan memberikan kebebasan dan mengendali rakyat sesuai dengan dasar demokrasi. "Kemerdekaan yang telah kita capai ini pun tidak akan kekal sekiranya proklamasi dan janji memberikan kesejahteraan, kebebasan dan keadilan rakyat itu tidak dipenuhi."

Seterusnya penyunting menyebut "Dalam mengisi janji-janji ini, seluruh rakyat negeri ini harus sedar akan tanggungjawabnya sebagai satu bangsa yang Merdeka. Pihak pemerintah pun harus mengisi janji iaitu dengan perbuatan dan tidak hanya tinggal pada janji sahaja kerana rakyat megeri ini telah jemu dengan janji-janji. Dalam masa rakyat negeri ini di bawah penjajah pun, janji-janji dan kata-kata demikian berulang-ulang kali dinyatakan. Rakyat tingin Merdeka kerana rakyat bukan mahu janji, tetapi kenyataan dan amalan. Allah akan memberikan limpah rahmatnya sekiranya janji itu ditunaikan, tetapi rahmat Allah akan bertukar kepada bala bencana sekiranya pemerintah tidak memenuhi dan mengisi janii dan ikrarnya itu."

Kata hikmat Perdana Menteri itu dapatlah dikatakan sebagai satu bayangan dasar pemerintah pada masa yang akan datang. Sebelum proklamasi pun, di dalam Persidangan wartawannya yang akhir sekali sebagai Ketua Menteri sebelum negara ini menjadi negara yang Merdeka dan berdaulat, telah menyatakan bahawa Malaya tidak ingin mengambil bahagian aktif dalam hal-hal yang mengenai luar negeri, tetapi usaha yang utama sekali ialah "merobohkan pagar-pagar kelas dan keadaan penghidupan yang tidak seimbang antara rakyat negeri ini." Tegasnya Perdana Menteri kita mahu seluruh rakyat negeri ini senantiasa hidup dalam rukun damai dan mendapat taraf kehidupan yang tinggi, sejahtera dan makmur.

Seluruh Persekutuan Tanah Melayu menyambut lahirnya suatu bangsa dan negara baru di Padang Selangor Club, Kuala Lumpur

Bendera Union Jack yang terakhir sekali diturunkan setelah saat kekuasaan Kerajaan British tamat pada tengah malam 31 Ogos 1957. Bendera tersebut diturunkan dari tiang bendera Bangunan State Secretariat Selangor, beberapa minit selepas upacara rasmi menurunkan bendera Kerajaan British dilakukan di Padang Selangor Club oleh Pemuda-pemuda Perikatan. Bendera Union Jack yang berkibar-kibar di tiang bendera bangunan Kerajaan Selangor fru diapit oleh bendera Selangor dan bendera Persekutuan. Mengikut jadualnya bendera tersebut baru boleh diturunkan di sebelah pagi setelah Kemerdekaan diisytiharkan oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka. Tetapi bendera Union Jack di Bangunan State Secretariat diturunkan juga di malam 31 Ogos dengan tidak ada upacara.

Seorang kakitangan Pejabat Setiausaha Negeri, Encik Mohamed Idris bin Abdullah, yang berada di arah anjung bangunan di mana bendera Union Jack itu berkibar, telah menurunkan bendera itu dengan baik. Beliau telah melipat dan menyimpan bendera itu dalam setor bangunan itu. Sebelum bendera itu diturunkan, orang ramai yang berhimpun di Padang telah menoleh ke arah tiang bendera Bangunan State Secretariat serta menjerit-jeritkan 'Merdeka' berulang-ulang kali. Orang ramai telah menjerit-jeritkan bendera itu sebelum diturunkan. Ketika menurunkan bendera itu, Encik Idris kelihatan gugup kerana belum mendapat perintah menurunkannya.

Encik Idris menyatakan kepada Utusan Melayu bahawa beliau sendiri mungkin tidak sedar bahawa perasaan Merdeka yang meluap-luap dalam dadanya setelah upacara menurunkan bendera Union Jack yang baru selesai di Padang atau dorongan rakyat yang telah Merdeka di saat itu yang menyebabkan beliau menurunkan bendera itu.

Di Ibu Negeri Kelantan

Di Kota Bharu, Kelantan, lebih 10,000 orang telah berhimpun di padang Bank pagi 31 Ogos kerana mendengar Pengisytiharkan Kemerdekaan dibacakan oleh Encik Hassan bin Hj. Yaakub, ahli Majlis Mesyaurat Negeri yang dipilih. Sebelum itu istiadat berbaris telah dilakukan oleh anggota-anggota dari Pasukan Askar Melayu, Polis, Home Guard, Cadet, Volunteer, murid-murid sekolah dan lain-lain.

Pengisytiharan Kemerdekaan itu diikuti dengan istiadat menaikkan bendera Persekutuan diringi dengan tembakan meriam sebelas das sambil 200 ekor burung merpati putih dilepaskan ke angkasa. Upacara tersebut ditamatkan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Nik Abdul Rahman, Imam Masjid Mahmudi.

Rambut Mat Chikalo telah dipotong

Di Alor Setar lebih 9,000 orang telah menghadiri upacara Pengisytiharan Kemerdekaan yang dilangsungkan di Padang Court. Raja Muda Kedah telah membaca Pengisytiharan dalam bahasa Melayu. Selepas itu Pengisytiharan dibaca dalam bahasa Inggeris. Cina dan Tamil yang disambut dengan soaka 'Merdeka' yang gegak gempita. Pasukan yang mengambil bahagian dalam istiadat barisan terdiri daripada Askar Melayu. Volunteer, Polis. Cadet, Warder dan Pasukan Tentera Udara Di Raja. Band Polis Kedah telah memainkan lagu Kebangsaan Persekutuan ketika istiadat menaikkan bendera Persekutuan dilangsungkan diikuti dengan doa selamat oleh Kadi Besar Kedah. Sementara itu upacara menggunting rambut Ahmad Zakaria atau Mat Chikalo telah dilakukan pada malam 31 Ogos oleh Timbalan Yang di-Fertua Agung UMNO Kedah, Encik Zahir Ismail, sebagai mewakili Perdana Menteri. Upacara itu dilakukan di Padang Court setelah selesai upacara mengalu-alukan saat Kemerdekaan yang dianjurkan oleh Perikatan. Mat Chikalo yang berazam tidak mahu menggunting rambutnya selagi Persekutuan belum mencapai Kemerdekaannya telah membiarkan rambutnya panjang selama 2 tahun 3 bulan 7 hari.

Raja Idris baca Pengisytiharan Kemerdekaan

Di Ipoh, Perak, Pengisytiharan Kemerdekaan pagi 31 Ogos dibacakan oleh Raja Muda Perak, Raja Idris ibni Almarhum Sultan Alang Iskandar Shah, di Padang Kelab Ipoh dan dihadiri oleh lebih 5,000 orang. Ketibaan Raja Muda disambut oleh Askar Melayu, Polis Persekutuan, Askar Gurkha dan Ibabib 2,000 kanak-kanak sekolah. Raja Muda telah membaca Pengisytiharan itu dalam bahasa Melayu dan Inggeris serta diikuti dengan terjemahan bahasa Cina dan Tamil. Doa selamat dibaca oleh Kadi Besar Perak, Tuan Haji Hashim dan istiadat itu berlangsung dalam cuaca yang agak redup dan beberapa orang telah pitam.

Sepanjang yang diketahui tidak ada upacara mengalu-alukan saat Kemerdekaan pada tengah malam 31 Ogos di Ipoh seperti yang diadakan di Kuala Lumpur dan tempat-tempat lain di Persekutuan. Cuma yang ada ialah azan di beberapa masjid. Pada 1 September, berbagai-bagai permainan sukan akan dijalankan di seluruh negeri Perak termasuk sukan laut di Sitiawan.

Union Jack diturunkan di Pulau Pinang

Bendera Union Jack, lambang penjajahan Inggeris di Pulau Pinang, selama 171 tahun yang mula dikibarkan di Pulau Pinang oleh Captain Francis Light dalam bulan Ogos 1786, telah selamat diturunkan dengan rasmi dari puncak tiang bendera Kerajaan Pulau Pinang, di Kota Fort Cornwallis, di Padang Kota Lama pada jam 6.57 minit petang 31 Ogos, iaitu ketika matahari terbenam dari muka bumi Malaya. Upacara itu disaksikan oleh 6.000 orang di Padang Kota Lama, tempat tumpuan orang mengambil angin di sebelah petang. Orang-orang Inggeris yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan ahli-ahli perdagangan serta lain-lain bersama-sama anak isteri masing-masing hadir bersama di upacara itu. "Kebanyakan air muka mereka muram dan beberapa orang termasuk seorang ahli Tentera Laut yang mengambil bahagian dalam upacara ini dan wanita-wanita telah mengeluarkan air mata sebaik-baik sahaja bendera itu diturunkan perlahan-perlahan dari puncak tangnya."

Upacara itu dijalankan dalam suasana sunyi sepi. Kira-kira dalam 10 minit semua hadirin telah berdiri menungu bunyi biogal alamat menurunkan bendera itu. Dalam suasana sunyi sepi itu kedengaran pula suara beberapa orang askar-askar laut dari kapal perang Tube rock yang mabuk berjalan balik dari Bandar Raya ke Kedah Pier, di luar kota tempat upacara itu yang menyebabkan mereka yang hadir tersenyum. Sebelum matahari terbenam kedengaran pula suara kecil seekor burung merbuk belaan seorang pekerja dalam kota itu berbunyi sekali sebagai alamat matahari terbenam.

Selepas bendera itu diturunkan, Ketua Upacara itu telah menyerahkan bendera itu kepada Tuan R.P. Bingham, Resident Commissioner, Pulau Pinang yang akhir untuk disimpan. Upacara menurunkan Union Jack telah diadakan juga di Pejabat-pejababt Daerah Balik Pulau, Butterworth, Bukit Mertajam dan Nibong Tebal serentak dengan upacara di Padang Kota.

Di Batu Pahat juga

Kira-kira 5,000 orang telah menjerit seruan 'Merdeka' dalam Majlis Pengisytiharan Kemerdekaan di padang sekolah Inggeris, Batu Pahat pada 31 Ogos. Dalam istiadat itu Encik Abdul Rahman Jaafar, Pegawai Daerah memeriksa barisan kehormatan daripada 120 orang pasukan Home Guard, Polis, Volunteer Reserve, Pengakap-pengakap serta Pasukan Pancaragam British. Beliau telah membacakan Pengisytiharan Kemerdekaan dan Tuan Kadi Batu Pahat membaca doa. Pada sebelah malamnya, sewaktu menunggu jam 12 tengah malam, UMNO-Cawangan Bandar Batu Pahat telah mengadakan permainan ghazal parti yang memainkan lagu-lagu Melayu asil. Apabila sampai jam 12 tengah malam ahli-ahli UMNO telah memekik 'Merdeka' beberapa kali. Beberapa Cawangan UMNO di tempat-tempat lain di Batu Pahat telah mengadakan sambutan dengan bermacam-macam cara.

Sambutan di Muar

Sambutan oleh penduduk-penduduk di daerah Lenga akan diadakan pada 6 dan 7 September di depan Padang Kerajaan Lenga. Berbagai-bagai pertunjukan dan hiburan akan diadakan.

Sambutan di Pekan, Pahang

Sambutan Kemerdekaan telah diadakan pada 31 Ogos dengan Tengku Besar, Pahang membacakan Pengisytiharan Kemerdekaan.

Sambutan di Teluk Anson

Sambutan Kemerdekaan telah diadakan di Pasir Salak, Teluk Anson pada jam 12 satu minit. Pemudapemuda kampung telah mengadakan permainan hadrah dan azan. Dua buah jam mahal telah ditempatkan di masjid-masjid Pasir Salak dan Selat Pulau. Selain daripada itu permainan bagi murid-murid sekolah, pemuda-pemuda dan orang-orang tua telah juga diadakan.

Sambutan di Kuala Terengganu

Semenjak senja 31 Ogos, beribu-ribu orang telah membanjiri jalan-jalan raya dalam bandar Kuala Terengganu, melihat perhiasan lampu yang berwarna warni di kedai-kedai dan rumah-rumah kerana menyambut malam Kemerdekaan. Inilah pertama kalinya bandar tersebut dihiasi sebegitu rupa hingga bandar Kuala Terengganu kelihatan seakan-akan bandar kayangan. Hujan yang turun pada sebelah malam dengan serta merta reda bila hampir tengah malam. Pada jam 12 tengah malam bunyi genta, beduk besar Mesjid Abidin telah bergema diiringi oleh semboyan dari stesyen bomba Kuala Terengganu mengalu-alukan lahiruya Persekutuan Tanah Melayu Merdeka. Antara sambutan di rumah UMNO ialah azan, takbir serta gong yang dipalu 31 kali dan gendang selama 7 mini.

Perisytiharan Kemerdekaan di Petaling Jaya dan rancangan sambutan

Upacara membaca Perisytiharan Merdeka dan sambutan dilangsungkan di Sekolah Petaling Jaya pada pukul 8 pagi 31 Ogos dan rancangan-rancangan perayaan termasuk pertunjukan aneka warna Melayu, Cina dan India serta perlawanan boxing diadakan di hadapan pasar Petaling Jaya. Juga terdapat sukan untuk kanak-kanak, Perayaan itu diadakan daripada 1 hingga 21 September di pelbagai tempat.

Stadium Merdeka tempat melupakan perasaan perkauman rakyat

Selepas upacara bersejarah mengisytiharkan Kemerdekaan di Stadium Merdeka, "Stadium Nasional ini akan menjadi tempat perhimpunan semua kaum negeri ini dari semua golongan yang akan melupakan perasaan perkaumannya, aliran politik atau agamanya dan bertemu dalam suasaan mersa dan persabahatan," kata Dato Abdul Razak, Menteri Pelajaran dalam upacara membuka dengan rasmi Stadium itu pada pagi semalam. "Adalah sangat diharapkan bahawa tanda peringatan yang bersejarah ini di mana Kemerdekaan Persekutuan diisytiharkan secara rasmi dapat pula melahirkan satu bangsa Malaya yang satu" kata beliau lagi. Dato Abdul Razak berkata pembinaan Stadium Merdeka ialah "satu rancangan pembangunan dan engineering yang paling besar sekali diadakan dalam negeri ini." Beliau, selaku Pengerusi Lembaga Kawalan Stadium Merdeka, telah memberi tahniah kepada engineer-engineer, kontraktor-kontraktor serta pekerja-pekerja yang telah membina Stadium Nasional tima.

"Hari ini impian mereka itu telah menjadi satu kenyataan dan orang yang bertanggungjawab kerananya ialah Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman yang gemarkan sukan. Adalah kena pada tempatnya kita menjemput beliau membuka Stadium ini yang menjadi peringatan kepada cita-citanya dan sebagai satu peringatan mendapatkan Kemerdekaan negeri ini," kata Dato Razak.

Yang di-Pertuan Agong ditabalkan pagi ini

Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Mohammad akan ditabalkan menjadi Yang di-Pertuan Agong, Persekutuan Tanah Melayu Merdeka yang pertama pada jam 11 pagi. 2 September 1957. Istiadat Pertabalan itu akan dilangsungkan di Istana Negara, tempat persemayamannya di Kuala Lumpur. Istiadat tersebut akan dihadiri oleh Duke of Gloucestor, Raja-raja Melayu, Gabenor-gabenor Melaka dan Pulau Pinang, Perdana Menteri dan Anggota-anggota Jumaah Menteri serta tetamu-tetamu khas dari dalam dan luar negeri. Tembakan-tembakan meriam, bunyi gendang, nafiri, nobat akan dilakukan sesudah Dato Maharaja Lela, Penyimpan Mohor Raja-raja Melayu, menyeru para hadiri menyahut seruan 'daulat' berturut-turut tiga kali yang menandakan Yang di-Pertuan Agong dengan rasminya telah ditabalkan. Sebelum itu Yang di-Pertuan Agong melafazkan sumpahnya. 'Gendang perang' akan juga dipalu dengan disambut tembakan-tembakan meriam sebanyak 21 kali. Surat Perisytiharan pertabalan Yang di-Pertuan Agong itu akan dibacakan oleh Dato Paduka Maharaja Lela.

Football Merdeka

Kira-kira 20,000 penggemar football malam 31 Ogos merasa puus hati dengan permainan yang telah ditunjukkan oleh pemain-pemain pasukan Singapura dan Vietnam yang berlawan dalam Pertandingan Merdeka. Perlawanan itu telah bermula selepas pasukan-pasukan dari beberapa buah negeri berbaris dan memberi hormat kepada Tunku Abdul Rahman, yang juga Yang di-Pertua Persatuan Football Malaya. Kedua-dua belah pasukan telah bermain dengan cergas tetapi pasukan Vietnam telah berbeluang membuat gol lebih dulu, tujuh minit setelah permainan dimulakan. Gol itu dibalas oleh Singapura sepuluh minit kemudian. Perlawanan itu telah dijalankan selama 1 jam 40 minit dan berakhir dengan kedua-dua belah pasukan mendapat sama-sama 5 gol.

Gambar-gambar acara Kemerdekaan

Terdapat 17 gambar semuanya'yang begitu menarik sekali mengenai acara-acara sambutan Kemerdekaan. Gambar di muka depan menunjukkan beberapa buah kereta perisai yang mengambil bahagian dalam Istiadat Barisan Besar-besaran di Kuala Lumpur pada pagi 1 September 1957.

Gambar di muka tiga iaitu suatu detik yang amat bersejarah menunjukkan Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra, menerima kuasa memerintah daripada Duke of Gloucester, wakil Baginda Queen Elizabeh II.

Di muka 4 terdapat 8 gambar yang menarik di upacara memproklamasikan Kemerdekaan pada 31 Ogos di Stadium Merdeka termasuk penyampaian ucapan oleh Duke of Gloucester dan Tunku Abdul Rahman Putra.

Di muka 5 pula terdapat gambar-gambar Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan sedang mengangkat sumpah.

Di muka 7 pula terdapat 5 gambar yang memberi pemandangan pada malam menyambut kelahiran Persekutuan Tanah Melayu. Gambar-gambar yang disiarkan termasuk bangunan-bangunan Pejabat Pos, Secretariat Selangor, ibu kota Kuala Lumpur, jam besar di Secretariat dan Pejabat Keraiaan. Semuanya kelihatan begitu indah kerana disinari dengan cahaya lampu berwarna warni.

18 anak dilahirkan di Hari Merdeka

Berita dari Ipoh melaporkan sebelas anak telah dilahirkan pada 31 Ogos, 6 daripadanya dilahirkan di Hospital Beranak Cina dan 5 lagi di Hospital Ipoh. Menurut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, kanak-kanak tersebut dengan serta merta menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu menurut hak kelahiran. Kanak-kanak yang pertama sekali dilahirkan ialah pada jam 2.30 pagi 31 Ogos, oleh seorang ibu India bernama Kanitam.

Di Alor Setar, tujuh orang anak,tiga daripadanya lelaki telah dilahirkan pada Hari Kemerdekaan di Hopital Alor Setar. Anak-anak itu dilahirkan antara jam 12.45 malam sehingga jam 12 tengah hari.

Yang di-Pertuan Agong ditabalkan. Daulat! Daulat! Daulat! Meriam ditembak, genderang perang dipalu

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sir Abdul Rahman ibni Al Marhum Tuanku Mohammad telah ditabalkan jam 10 pagi, 2 September 1957 menjadi Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu yang pertama bagi negara Malaya yang Merdeka. Istiadat Pertabalan yang gilang gemilang memakan masa kira-kria satu jam 15 minit di Balairong Seri, Istana Negara dihadiri oleh lebih 500 jemputan yang termasuk Raja-raja Melayu, Sultan Brunei, Gabenor-gabenor Melaka dan Pulau Pinang, Perdana Menteri, Menteri-menteri, tetamu agung istimewa dari dalam dan luar negeri dan Duke dan Duchess of Gloucester.

Suasana dalam Balairong Seri menjadi riuh sebentar apabila Datuk Paduka Maharajalela. Tuan Haji Mustapha Albakri, menyerukan 'daulat' tiga kali dan disambut serentak oleh hadirin berturut-turut. Di saat itu juga dibunyikan "genderang perang," paluan nobat nafiri dan tembakan meriam sebanyak 21 das. Di keliling Balairong Seri kelihatan tompok-tompok warna-warni, pakaian-pakaian Raja-raja Melayu dan Permaisuri-permaisuri masing-masing. Duke dan Duchess of Gloucester kelihatan kemas dan cekap.

Pahlawan-pahlawan dan pegawai-pegawai Istana yang bertombak dan yang memegang payung kuning besar telah mengawal di sekeliling Balairong Seri itu memakai pakaian samping dan bertanjak warna merah. Selain daripada itu pegawai-pegawai kanan Askar Melayu, Tentera Persekutuan Laut, Darat dan Udara turut hadir berkawal dan menjadi penyambut tetamu.

Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri Agong memakai pakaian rasmi berwarna hijau pucat disulam dengan benang emas berkilau-kilauan cahayanya. Istiadat Pertabalan dimulakan dengan keberangkatan Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri Agong dengan diiringi oleh Datuk Paduka Maharaja Lela, Juruiring-juruiring Baginda dan Panglima-panglima yang membawa alat-alat di Raja dengan didahului oleh "cogan alam dan cogan agama." Juruiring-juruiring dan Panglima-panglima Baginda itu berarak dalam enam susunan, iaitu yang pertama cogan alam di sebelah kanan dan cogan agama di sebelah kiri. Barisan kedua jalah Panglima-panglima membawa pedang di sebelah kanan satu dan kiri satu. Barisan ketiga pula terdiri dari Panglima-panglima yang membawa keris panjang di sebelah kanan dan kiri. Barisan keempat terdiri dari Panglima-panglima membawa cokmar di sebelah kanan dan kiri. Barisan kelima pula terdiri daripada Panglima-panglima membawa sundang sebelah kanan dan kiri dan barisan keenam terdiri daripada Panglima-panglima yang membawa tombak berambu di sebelah kanan dan kiri. Setelah Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri Agong bersinggahsana tempat bersemayam, Dato Seri Paduka Maharaja Lela mengadap dan mengangkat sumpah memohon ampun hendak membawa masuk ke Balairong Seri sebuah Al Quran, sebilah keris panjang di Raja, surat Perisytiharan dan surat sumpah. Beliau keluar dari Balairong Seri dan kemudian masuk semula disambut dengan tiupan nafiri sambil diiringi oleh 2 Ulamak dan 4 Panglima yang membawa sebuah Al Ouran dan alat-alat yang disebutkan semasa mengangkat sumpah. Selepas penyerahan bahan-bahan itu Dato Paduka Maharajalela mengangkat sumpah dan membaca Perisytiharan Pertabalan Yang di-Pertuan Agong, Sebelum itu tiupan nafiri dibunyikan sebagai tanda Dato Paduka itu akan menyembah.

Kemudian Dato Paduka Maharajalela naik ke atas Singgahsana hingga ke tingkat kelima dan menyembahkan keris kepada Yang di-Pertuan Agong yang kemudiannya menghunus keris itu dan menciumnya dan dimasukkan kembali ke dalam sarungnya. Suasana ketika itu dikatakan "menyeramkan." Semua hadirin bangun memberi hormat ketika Yang di-Pertuan Agong menghunus keris panjang di Raja itu. Selepas itu Dato Paduka Maharajalela menyembahkan surat sumpah untuk dibaca oleh Yang di-Pertuan Agong selama 3 minit. Selepas itu Dato Paduka Maharajalela menyeru 'daulat' tiga kali dan diiringi seterusnya dengan pukulan nobat tanda 'Raja bertabal.' Meriam juga ditembak

dan disambut dengan bunyi genderang perang. Nobat berhenti dibunyikan setelah meriam menembak 21 das. Istiadat ditamatkan dengan doa selamat. Selepas itu nafiri ditiup semula apabila Yang di-Pertuan Agong berangkat turun dari Singgahsananya dengan diiringi Juruiring-juruiring yang samasama mengiring memasuk. Yang di-Pertuan Agong dan Pengiring-pengiring berangkat menuju ke Istana Negara.

Dalam berita itu disiarkan sepenuhnya Surat Sumpah Yang di-Pertuan Agong dan surat Perisytiharan Pertabalan.

Yang di-Pertuan Agong memberi 'Ucapan dari Takhta' dalam sidang Dewan Perwakilan Rakvat hari ini

Kenyataan dibuat bahawa Persekutuan Tanah Melayu akan membuka sejarah baru apabila di dalam Majiis Undangan Federal yang akan bersidang esok (3 September 1957) akan mendengar ucapan di Raja daripada Kepala Negaranya sendiri dalam Majiis Undangan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka. "Selama ini dilaporkan Majiis Undangan itu dalam upacara-upacara sedemikian hanya mendengar ucapan daripada Kepala Negara yang menjajahnya." Dalam sebuah negara yang Merdeka dan Kepala Negara itu seorang Raja, maka ucapan itu biasa disebut 'ucapan dari takhta. Bagi pertama kali dalam sejarah hari esok rakyat Persekutuan Tanah Melayu akan mendengar ucapan dari takhta Kerajaan sendiri.

Di majlis tersebut apabila Yang di-Pertuan Agong tiba, satu barisan kehormatan diadakan dan Baginda disambut oleh Perdana Menteri. Baginda akan berangkat melalui anjung ke tempat menerima kehormatan di halmam Bangunan itu. Pancaragam akan memainkan lagu Kebangsaan dan bendera Raja dikibarkan dan meriam juga akan ditembak 21 das. Ucapan Baginda semasa berada di peterakna di Dewan Mesyuarat dipersembahkan oleh Perdana Menteri kepada Baginda. Selepas memberi ucapan, Baginda meninggalkan Majlis Mesyuarat itu.

Malaya diiktiraf Amerika dipuji

Pegawai Pengurus Hal Ehwal Malaya di Washington D.C., Tengku Ja'afar, dalam majlis jamuan sambutan Merdeka di sebuah hotel besar di Washington D.C. telah memuji Amerika Syarikat kerana menjadi salah sebuah negeri yang pertama sekali mengiktiraf Malaya Merdeka. Lebih kurang 300 orang pegawai-pegawai, diplomat-diplomat dan sahabat-sahabat Malaya menghadiri majlis jamuan tersebut.

Rangoon rayakan Malaya Merdeka

Orang-orang Islam Burma, Pakistan dan India yang berada di Rangoon telah merayakan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 September. Perjumpaan diadakan di mana pensyarah-pensyarah memuji-muji rakyat Malaya dan pemimpin-pemimpin mereka kerana berjaya mencapai Kemerdekaan. Salah satu daripada upacara yang telah diadakan ialah membaca doa di masjid-masjid yang dihadiri oleh berbagai-bagai kaum beragama Islam. Surat khabar-surat khabar dari hampir segala corak politik di Burma mengalu-alukan Malaya Merdeka. Rencana-rencana pengarang surat khabar menyatakan taraf baru bagi Malaya itu "adalah hasil baik sangka British" dan beberapa rencana telah menyebutkan usaha Britain dalam memajukan Malaya. Tetapi surat khabar-surat khabar yang berhaluan kiri telah membidas Britain kerana "tidak memberikan Kemerdekaan" kepada Singapura dan lain-lain jajahan takluk Asia.

Ulasan Merdeka 'Daily Worker'

Surat Khabar Komunis - Daily Worker di London mengulas Kemerdekaan Malaya dengan menyatakan "adalah menjadi tanggungjawah rakyat British untuk menuntut supaya penggunaan tentera-tentera British dan Commonwealth di Malaya ditamatkan. Jika Kemerdekaan Malaya mashi dalam bahaya, maka itu ialah sebahagian besar kerana pasukan-pasukan tentera British dan Commonwealth akan terus digunakan untuk menentang orang-orang Malaya yang tidak pernah berhenti memperjuangkan kebebasan, sama ada terhadap imperialis Jenun atau British." kata Daily Worker.

Denmark beri jaminan akan menyokong keanggotaan Malaya

Kerajaan Denmark akan menyokong langkah menerima Persekutuan Tanah Melayu menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dengan seberapa segera, kata jurucakap Kementerian Luar Denmark. Perdana Menteri Denmark dalam sepucuk kawat kepada Perdana Menteri Persekutuan berkata kerajaannya telah mengiktiraf Kerajaan Malaya Merdeka. Begitu juga di Hong Kong. Persekutuan Malaya Hong Kong. telah merayakan Kemerdekaan Persekutuan dengan mengadaan majlis cocktail. President Persekutuan itu berkata dalam ucapannya "Hubungan Hong Kong - Malaya sudah tentu akan bertambah kuat lagi dengan lantikan seorang dari Malaya menjadi wakil tidak lama lagi."

Perdana Menteri Pakistan, di satu majlis sambutan Kemerdekaan Malaya menyatakan harapannya bahawa persahabatan dan kerjasama antara Malaya dan Pakistan 'akan bertambah rapat' dan sebagai anggota Commonwalth Malaya akan berusaha dalam kekeluargaan ini "bagi cita-cita peri kemanusiaan dan memajukan kebajikan dan perdamaian.

Sebuah akhbar di London Observer mengalu-alukan Kemerdekaan Malaya berkata "walaupun adanya bahaya-bahaya yang dihadapi oleh bangsa yang baru itu seperti perselisihan perkauman dan bahaya komunism yang diarahkan oleh orang-orang Cina, tetapi penyerahan Kemerdekaan itu adalah satu daripada keputusan yang terbaik yang diambil oleh Kerajaan British sejak beberapa tahun ini."

Semua surat khabar besar di Peking telah mengucapkan tahniah kepada Malaya kerana mencapai Kemerdekaan. China Komunis telah mengiktiraf Persekutuan Tanah Melayu.

50 negeri menyambutnya

Kemerdekaan Persekutuan telah disambut oleh wakil-wakil daripada 50 buah negeri dalam persidangan memperbaiki akhlak di Michigan. Lebih 1,000 wakil ke Persidangan itu telah menyaksikan Captain Mohd Ali dari Kuala Lumpur menaikkan bendera negara baru itu. 22 orang dari Malaya hadir di persidangan itu.

Perayaan Merdeka di negeri Melaka

Penduduk-penduduk seluruh negeri Melaka yang telah datang menyaksikan Istiadat Pengisyitharan Kemerdekaan negeri Melaka di Padang Lama Bandar Hilir telah diminta oleh Gabenor Leong Yew Koh "supaya memberi kerjasama yang penuh dalam usaha bersama bagi membina sebuah negeri yang baru, yang makmur dan aman sentosa selama-lamanya." Bercakap di depan 10,000 orang pendudukpenduduk negeri Melaka, Gabenor Melaka telah menyatakan ikara tata setianya yang tidak berbah bagi kepada Yang di-Pertuan Agong dan rakyat negeri Melaka. Kata beliau "Sungguhpun saya sudah berumur, saya mengaku bahawa selagi ada hayat saya, saya akan berkhidmat dan bekerja untuk kebajikkan rakyat negeri Melaka." Sebelum Gabenor berucap, Pesuruhjaya Negeri Melaka yang penghabisan telah berucap dan menyatakan bahawa pada 31 Ogos tamatlah pemerintahan Kerajaan British yang telah memerintah negeri ini lebih 118 tahun. Selepas berucap, beliau menyerahkan alat Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang menyebut tentang Kemerdekaan negeri Melaka dan tepat pada ketika itu 17 das meriam telah ditembak sebagai menandakan lahirnya Melaka yang Merdeka dan berdaulat.

Selepas itu Ketua Menteri Melaka, Dato Osman Talib, telah mengisytiharkan Kemerdekaan negeri Melaka dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Sesudah itu doa selamat dibacakan oleh Mufti Melaka

2.000 tetamu Perdana Menteri

Kira-kira 2,000 tetamu telah menghadiri majlis Garden Party di rumah Perdana Menteri. Antara tetamu agung ialah Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri Agong serta Duke dan Duchess of Gloucester, Gabenor-gabenor Melaka dan Pulau Pinang serta wakil-wakil negara asing.

Tugas lepas merayakan Merdeka

Penyunting akhbar membangkitkan mengenai apa yang akan berlaku bila perayaan menyambut Kemerdekaan bernasur-ansur tamat. Katanya rakyat, terutama sekali "pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai pemerintah akan menumpukan semula perhatian masing-masing kepada soal-soal pentadbiran negeri ini."

Kementerian-kementerian Kewangan, Perusahaan dan Perdagangan serta Buruh dan Kebajikan Masyarakat adalah "di dalam tangan Menteri-menteri terdiri dari orang-orang Cina. Sebagai susunan dulu juga, 6 orang dari Jumaah Menteri terdiri dari orang Melayu, tiga Cina dan seorang India. Susunan baru tentulah diadakan agar pemerintah dapat menjalankan tugasnya dalam zaman baru dengan seberapa licinnya," demikian dikatakan oleh penyunting.

Rancangan Pembangunan ekonomi 5 tahun yang sudah mula berjalan itu akan menarik perhaian rakyat seluruh negeri ini dengan lebih teliti. Walaupun terlalu awal untuk sesiapa juga menunjukkan tanda-tanda kejayana rancangan tersebut namun laporannya untuk penghujung tahun yang pertama akan dinanti-nantikan oleh segala yang mengikuti kemajuan pembangunan nasional. "Biarpun selepas setahun kita tidak dapat seperlima dari hasil-hasil rancangan itu sebagai bukti-bukti kejayaannya namun begitu bukti-buktinya barang sedikit pun perlu ditunjukkan dengan tepat."

Kata beliau lagi "prasangka-prasangka yang memang ada selama ini terhadap orang Melayu oleh orang Cina dan terhadap orang Melayu oleh orang Jafna misalnya, harus dibenamkan untuk selama-lamanya." Perayaan Kemerdekaan yang telah dijalankan dengan aman damai di seluruh Persekutuan adalah sebaik-baik tanda bagi pengertian antara kaum dalam negeri ini.

"Tidak syak lagi bahawa sikap Pemerintah Perikatan tentang penduduk-penduduk Persekutuan yang terdiri dari berbagai-bagai kaum itu telah mententeramkan perasaan perkauman sehingga hari ini. Tuntutan-tuntutan dari satu kaum yang tertentu yang nyaris-nyaris membangkitkan perasaan perkauman nampaknya dapat diredakan untuk sementara. Kita berharap bahawa pemimpinpemimpin kumpulan yang kita maksudkan itu tidak lagi mencuba membangkitkan keadaan yang akan mengakibatkan perasaan perkauman yang tidak berasas itu."

Ucap selamat Kesatuan Pelajar-pelajar Malaya di Jakarta

Kesatuan Pelajar-pelajar Malaya di Jakarta mengucapkan selamat kepada Persekutuan Tanah Melayu yang telah mencapai Kemerdekaan. Dalam surat ucapannya Kesatuan itu menerangkan bahawa bangsa Melayu telah dijajah semenjak 4 abad yang lalu oleh berbagai bangsa. Kesatuan itu berharap "negara Merdeka yang baru muncul itu, akan benar-benar dapat memenuhi kehendak rakyatnya iaitu aman, makmur, bahagia dan mulia." Kata mereka lagi 'kami harap negara Persekutuan sebuah negara yang telah mengkanunkan Islam sebagai agama rasminya itu, akan benar-benar menjadi sebuah negara Islam, yang menurut ajaran Quran dan Sunnat Nabinya."

Selepang 'Wasam Alwiyah' bagi Perdana Menteri Persekutuan Merdeka

Sultan Morocco telah menganugerahkan tanda penghormatan yang tertinggi kepada Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra. Anugerah itu merupakan sebuah selepang wasam alwiyah, iaitu sebuah selepang penghormatan dari Kerajaan Morocco untuk ahli-ahli negara termasyhur di dunia. Selepang itu disampaikan oleh Menteri Luar Negeri Morocco yang mengetuai rombongan Morocco ke perayaan Kemerdekaan Persekutuan.

Sewaktu menyampaikan selepang tersebut, beliau berkata bahawa beliau adalah wakil yang ditugaskan oleh Sultan Morocco menyampaikan anugerah itu kerana menghormati kerja dan perjuangan Tunku Abdul Rahman Repada Kemerdekaan Malaya.

Tunku telah menjawab dengan menyatakan rasa gembiranya yang amat sangat atas penghormatan yang diberikan oleh Sultan Morocco itu sambil mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Menteri Luar Morocco menjawab walaupun negeri Morocco dan Malaya terpisah 11.000 batu antara satu sama lain tetapi "dengan kunjungan kami dari Morocco ke Malaya, iaitu dari Barat ke Timur, adalah menunjukkan lambang perubahan negara-negara Islam antara satu bangsa dan bangsa yane lain dengan tidak mengira bagaimana iauhnya mereka."

Azan dan doa kesyukuran menyambut lahirnya Malaya Merdeka

Di Johor Bahru, beberapa pintu gerbang yang dipenuhi dengan lampu letrik menghiasi jalan-jalan raya di bandar Johor Bahru sempena menyambut Kemerdekaan. Bangunan-bangunan pejabat Kerajaan, masjid, hospital dan kedai-kedai dihiasi dengan lampu-lampu berwarna-warni. Sepanjang malam 30 Ogos, surau-surau di kampung-kampung telah terang benderang dan dipenuhi dengan penduduk kampung masing-masing dengan keistimewaan caranya — ada yang bertahlil, membaca Quran dan bernasyid, sementara menunggukan saat lahirnya Kemerdekaan pada jam 12 satu minit. Detik itu disambut mereka dengan suara azan dan bacaan doa kesvukuran.

Ibu-ibu di rumah tidak ketinggalan memasak berbagai-bagai jenis makanan untuk anak-anak mereka makan di waktu pagi menyambut Hari Kemerdekaan itu — tidak ubah seperti menyambut Hari Raya layaknya.

Sementara itu kanak-kanak di halaman rumah masing-masing turut beramai-ramai menyanyikan lagu-lagu Kebangsaan yang dicipta oleh Zubir Said dan memekik perkataan 'Merdeka' berulang kali. Mereka yang tidak berpeluang berada di Kuala Lumpur untuk menyaksikan Pengisytiharan Kemerdekaan mengikuti siaran-siaran radio di rumah masing-masing mendengar Perisytiharan yang bersejarah itu dengan penuh gembira dan bersemangat. Ada ibu-ibu yang mengelu-arkan air mata kerana terharu mendengar suara Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan Kemerdekaan itu.

Pemimpin buruh dunia puji rakyat Malaya

Setiausaha Agung Gabungan Kesatuan-kesatuan Buruh International, Tuan J.H. Oldenbrook sangat tertarik hati dengan cara rakyat Malaya menyambut Kemerdekaan. Kata beliau 'Cara rakyat Malaya menyambut Kemerdekaan sangat teristimewa, penuh dengan ketertipan serta tinggi mutunya. Apa yang beliau saksikan semasa berada di Kuala Lumpur membuat beliau menyatakan "Kemerdekaan Malaya akan dapat dipelihara dengan haik." Beliau bersetuju supaya dalam Parlimen Persekutuan Tanah Melayu diadakan wakil-wakii Kaum Buruh dan "Kalau perlu Pertubuhan-pertubuhan Buruh sendiri harus mengadakan calon-calon untuk sama bertanding dalam Pilihan-Pilihan Raya Majlis Mesyatarit Keseri."

Jambia emas untuk Yang di-Pertuan Agong

Tuan Ahmad Balafrej, Menteri Luar Morocco, menyatakan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, sebuah negara Islam di sebelah timur, ialah satu simbol yang menghubungkan sebuah negara Islam dengan yang lain dari timur ke barat. Beliau berkata demikian ketika menghadiahkan sebilah keris emas dan perak yang sangat halus buatannya sebagai cenderamata Sultan Morocco kepada Yang di-Pertuan Agong. "Sultan Morocco berharap hubungan antara sebuah negeri Islam dengan negeri yang lain itu, semakin bertambah erat dalam masa depan," kata beliau.

Menteri Luar Morocco itu berkata, Sultannya mengucap selamat kepada rakyat dan Kerajaan Malaya yang telah mencapai Kemerdekaannya. Katanya "kunjungannya dari penjuru sebelah barat Islam (Morocco) ke penjuru sebelah timur Islam (Malaya Merdeka) ialah satu simbol yang menghubungkan sebuah negara Islam dengan negeri yang lain dan Baginda berharap hubungan itu dapat bertambah erat di masa depan."

Hapuskan pengganas pada 31 Ogos

Encik Mohd Zahir Ismail, Timbalan Yang di-Pertua UMNO Negeri Kedah, membuat seruan kepada orang ramai supaya berazam untuk memusnahkan pengganas Komunis supaya keadaan darurat dapat ditamatkan pada 31 Ogos 1958 seperti yang diikrarkan oleh Tunku Abdul Rahman. Lebih 3,000 orang telah mendengar beliau berucap di perhimpunan menyambut Kemerdekaan di padang depan Post Office.

Sejarah lama Johor

Satu lakonan bersejarah mengenai peristiwa dulukala telah diadakan di Lake Garden, Kuala Lumpur dengan persembahan sejarah lama negeri Johor di antara tahun 1700 hingga 1721. Pertunjukan di Lake Garden dihadiri oleh Yang di-Pertuan Agong, Duke dan Duchess of Gloucester, Raja-raja Melayu, Perdana Menteri dan tetamu-tetamu dari luar negeri serta dari masyarakat umum. Lake Garden kelihatan meriah, terang benderang oleh cahaya lampu dan bendera-bendera. Orang ramai wang berpakaian warna-wani telah menambahkan serinya malam lakonan Sejarah Lama Johor itu.

Pelumba-pelumba dari New Zealand menarik perhatian

Pasukan lumba basikal dari New Zealand yang mengambil bahagian dalam Lumba Basikal International Malaya Merdeka telah mengharumkan namanya setelah memenangi semua sekali perlumbaan basikal bahagian atas rumput di Stadium Merdeka. "Perlumbaan yang menarik hati sekali semalam ialah perlumbaan bahagian satu batu, 15 orang telah memasuki pertandingan tersebut dan hanya seorang pelumba dari Malaya sahaja, Encik Alwi Ahmad, yang berjaya menghabiskan perlumbaan tersebut."

Gambar-gambar sempena Kemerdekaan

Terdapat 19 gambar yang amat menarik dan penuh bermakna sempena dengan sambutan Kemerdekaan. Di muka hadapan tersiar gambar besar mengenai waktu pertabalan Yang di-Pertuan Agong. Di atas singgahsana takhta Yang di-Pertuan Agong berada bersama Raja Permaisuri Agong seelok-elok sahaja Baginda ditabalkan di Balairong Seri di Istana Negara.

Di muka 3 terdapat 4 gambar sempena Yang di-Pertuan Agong memeriksa barisan besar Tentera dan lain-lain upacara yang melibatkan pihak tentera.

Di muka 4 terdapat 6 gambar, empat mengenai acara perpisahan Sir Donald MacGillivray, bekas Pesuruhjaya Tinggi British di Malaya. Dua gambar lagi dadlah mengenai pertunjukan perusahaan dan perdagangan yang diadakan 3 hari sebelum 31 Ogos.

Di muka 5 ada dua gambar, satu pemandangan di Balairong Seri, Istana Negara sebelum Baginda mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertuan Agong. Juga disiarkan gambar Pemasyhuran Kemerdekaan yang telah dibaca oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka. Pemasyhuran itu telah diserahkan oleh Duke of Gloucester, wakil Baginda Queen kepada Tunku.

Di muka 6 pula disiarkan empat gambar yang amat menarik di peristiwa menyambut kelahiran Persekutuan Tanah Melayu sebagai negara yang Merdeka, bebas dan berdaulat di Stadium Merdeka.

Muka 7 menunjukkan dua gambar, satu Tunku sedang menyeru 'Merdeka' di Padang Selangor Club pada tengah malam 31 Ogos dan yang kedua pemandangan Stadium Merdeka dari udara sejurus selepas proklamasi Merdeka dibacakan oleh Tunku.

Dasar Luar Malaya ialah berbaik dengan negeri-negeri lain

Persekutuan Tanah Melayu Merdeka bertujuan hendak berbaik-baik dengan semua negeri dalam dunia dan "Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu adalah berdiri kerana keamanan, kebebasan dan kesentosaan tiap-tiap negeri dalam dunia." Ini adalah dasar luar Persekutuan Tanah Melayu seperti yang diumumkan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam ucapannya di Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan pada pagi 3 September 1957. Antara perkara-perkara yang dibentangkan termasuk dasar Kerajaan yang meliputi berbagai lapangan seperti soal darurat, ekonomi, pelajaran, kewangan dan dasar luar negeri. Ucapan Yang di-Pertuan Agong yang memakan masa setengah jam adalah dalam bahasa Inggeris yang diterjemahkan serentak ke bahasa Melayu.

Kata Yang di-Pertuan Agong, "Kerajaan beta adalah cukup sedar akan tanggungjawab-tanggungjawabnya yang berat. Susunan-susunan Perlembagaan baru itu kenalah dihasilkan supaya berjalan. Adalah menjadi dasar Kerajaan Beta menentukan bahawa susunan-susunan ini dapat dihasilkan supaya berjalan dan Pentadbiran negara dijalankan dengan cergas dan cekap. Kerajaan Beta bermaksud hendak bertumpu kepada hal ehwal dalam negeri dan tidak bercadang hendak mepersia-siakan
tenaga negara dengan mengadakan perkhidmatan luar negeri yang besar-besaran atau membina
Pasukan-pasukan Tentera yang maha besar." Yang di-Pertuan Agong menerangkan bahawa tidak ada
yang menggemparkan berhubung dengan dasar luar negeri Persekutuan Tanah Melayu. "Adalah maksud Kerajaan Beta untuk berbaik-baik dengan setiap negeri dalam dunia. Kerajaan Beta adalah berdiri
kerana keamanan, kebebasan dan kesentosaan tiap-tiap negara di dunia" titah Baginda "Kerajaan
Persekutuan adalah sangat berhajat hendak menjadi ahli Merdeka penuh dengan Pertubuhan Bangsabangsa Bersatu. Persediaan-persediaan mengenai permintaan menjadi anggota Pertubuhan tersebut
sedang disiapkan sekarang."

Mengenai soal menjaga keselamatan Kemerdekaan, kata Yang di-Pertuan Agong "Kewajipan yang pertama bagi Kerajaan Beta ialah menjaga keselamatan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dan mengawal Perlembagaannya. Ugutan yang mula-mula ialah datangnya daripada pengganas-pengganas Komunis yang telah membangkitkan peperangan ke atas rakyat Tanah Melayu sudah 9 tahun lamanya. Ugutan ini mesti dihapuskan." Tuanku menyebutkan mengenai "syarat-syarat baru dan menghabiskan bagi penyerahan diri baki-baki pengganas Komunis dan jika syarat-syarat ini tidak diterima. Kerajaan akan memperjuangkan darurat dengan lebih keras." Tuanku menyebut juga mengenai pasukan Polis dan Tentera yang begitu tinggi disiplin mereka yang bersedia "mengawasi dan akhirnya menghapuskan sekalian pihak yang memilih jalan mengangkat senjata melawan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang halal." Perkara-perkara lain yang diucapkan oleh Yang di-Pertuan Agong termasuk ekonomi "dengan kewangan Kerajaannya dalam keadaan baik, kedudukan perniagaannya menguntungkan dan matawangnya sihat." Kata Baginda lagi "Dengan jalan-jalan ini Kerajaan Beta adalah meletakkan batu-batu asas bagi menambah kekayaan negara."

Tawaran baru Kerajaan Persekutuan kepada Komunis

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, memberitahu bahawa beliau sanggup menemui Chin Peng, Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya, di mana dan bila-bila masa sahaja dengan syarat dalam pertemuan itu Chin Peng hendaklah menyatakan kesanggupannya menamatkan pemberontakan dan menyerah diri kepada pemerintah. Kerajaan mengumumkan syarat-syarat penyerahan diri kepada saki baki anggota-anggota Parti Komunis Malaya yang masih berada di dalam hutan semenjak darurat mula disyatharkan sembilan tahun yang lalu, Inilah "tawaran Merdeka" yang akhir kepada anggota Parti Komunis. Serentak dengan pengumuman itu Tunku menyatakan Kerajaan mahu menamatkah dengan seberapa segeranya dan untuk tujuan tersebut, kata Tunku "saya bersedia berjumpa dengan Ketua Komunis Malaya sekali lagi tetapi saya tidak mahu peristiwa di Baling berulang."

Menurut beliau semasa pertemuannya dengan Chin Peng di Baling, "Chin Peng telah berdalih-dalih, bukannya untuk menerima syarat-syarat pengampunan yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan dulu." Kata Tunku "Saya hanya mau berjumpa dengan Chin Peng sekali lagi untuk menerima penyerahan diri dari Chin Peng dan rakan-rakannya - tidak lebih dari itu."

Syarat-syarat penyerahan diri dari anggota-anggota Parti Komunis Malaya telah diterbitkan sejurus setelah Yang di-Pertuan Agong mengumumkan di dalam ucapan membuka Majiis Mesyuarat Undangan Persekutuan pada 3 September iaitu Kerajaan bercadang hendak membuat tawaran penghabisan sekali kepada pengganas-pengganas supaya menyerah diri atau menghadapi pertentangan yang lebih tegas dan hebat dari Pemerintah.

Tunku memberitahu lagi bahawa setelah Merdeka beliau tidak nampak apa-apa alasan yang boleh dikemukakan oleh Chin Peng dan Partinya untuk meneruskan pemberontakan. "Mereka akan dianggap sebagai musuh yang menentang Pemerintah rakyat sekiranya mereka tidak berhenti berjuang dan menyerah diri kepada Kerajaan." Tunku akan melawat ke setiap negeri untuk memberi peneragan kepada rakyat mengenai rancangan akhir Kerajaan untuk menamatkan darurat. Syarat-syarat penyerahan diri yang diumumkan berkuatkuasa mulai 1 September hingga 31 Disember 1957. 12 juta surat-surat risalah penyerahan diri akan ditaburkan di serata hutan. Radio Malaya dan poster-poster serta iklan-iklan wayang gambar akan digunakan bagi menyebarkan rancangan-ancangan Kerajaan supaya sampai ke pengetahuan seluruh rakyat dengan menerangkan bagaimana mereka boleh menolong pengganas-pengganas Komunis yang beleh membuktikan keingiananya hendak membugan faham Komunisnya dan memberikan taat setianya kepada Kerajaan Tanah Melayu yang dipilih akan dibantu supaya dapat mereka masuk semula dalam masyarakat dan hidup semula dengan keluarganya." Mereka yang enggan berbuat demikian akan dihantar balik ke negeri China.

Tunku telah membangkitkan bermacam perkara termasuk memberi tawaran kepada pengganas untuk menyerah diri. Kata Tunku semasa berunding di Baling dulu. Chin Peng bercakap bagi pihak Parti Komunis Malaya dengan memberi janji apabila Malaya mencapai Kemerdekaan, komunis-komunis akan keluar dari hutan dan meletakkan senjata-senjata mereka. "Malaya sekarang telah Merdeka dan tiba masanya bagi mereka menunaikan dan menghormati janji-janjinya sebagai merintis ke jalani tui. "Kata Tunku. Ini adalah tawaran Tunku yang akhir kepada Parti Komunis Malaya. "Kerajaan saya membuat tawaran Merdeka yang akhir yang mana adalah terbuka kepada tiap-tiap seorang yang ada di dalam hutan," kata Tunku lagi. Tawaran-tawaran baru berjumlah lima perkara termasuk ketiadanan dakwaan bagi mereka yang dianggap beul-betul jujur.

Bandaranaike menyebutkan masalah yang dihadapi oleh Malaya Merdeka

Perdana Menteri Ceylon, Tuan Solomon Bandaranaike, berada di Malaya semasa Perisytiharan Merdeka. Apabila beliau memberi pandangan kepada pihak media mengenai perayaan Kemerdekaan Malaya, beliau berkata perayaan itu telah diadakan secara besar-besaran sekali. "Persekutuan Tanah Melayu ialah sebuah negeri yang kaya dan ekonominya kukuh, tetapi ia akan menghadapi beberapa masalah politik. Satu ialah kedudukan Persekutuan dalam hubungannya dengan Singapura dan satu lagi masalah ialah mengenai kaum-kaum dan bahasa." Mengenai keanggotaan Malaya dalam Seato, beliau berkata mereka belium lagi mengambil keputusan tentang itu.

Dulles berharap Malaya makmur

Tuan John Foster Dulles, Setiausaha Negara Amerika Syarikat, berkata dalam telegramnya kepada Tunku Abdul Rahman bahawa beliau berharap negara baru itu akan menikmati faedah-faedah kebebasan dan kemakmuran. Kata beliau "Peralihan Persekutuan kepada Merdeka penuh yang telah tuan pimpin dengan bijaksana, memberikan satu contoh yang besar tentang baiknya hasil perundingan yang jujur dari orang-orang bercita-cita tinggi dalam satu perjumpaan yang aman damai dan penuh perasaan muhibbah di meja perundingan. Saya melihat ke depan dengan sukacita akan adanya dan bertambah majunya ikatan persahabatan yang erat antara kedua negara kita."

Keanggotaan Malaya dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

Kata penyunting akhbar sebaik-baik sahaja Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan, beberapa buah negeri telah pun mengumumkan akuan rasminya kepada negara muda kita ini untuk menjadi anggota Pertubuhan Bangas-bangsa Bersatu. Penyunting berharap mudah-nudahan Tanah Melayu akan diterima sebagai anggota yang muda sekali dalam Badan Sedunia ini bila ia mula bersidang pada akhir minggu ini. Sebagai salah satu dari Anggota-anggota Majlis Bangsa-bangsa Bersatu, Malaya akan mendapat kesempatan untuk mengambil bahagian dalam badan-badan kecil dalam Pertubuhan tersebut sebagai Lembaga Pelajaran, Kebudayaan dan Saintifik, Lembaga Kesihatan Dunia, Lembaga Pertanian dan Makanan, Bank Dunia dan beberapa lagi Lembaga yang pasti menguntungkan negeri nid dengan pengalaman-pengalamannya di masa sudah-sudah.

Penyunting mengeluarkan beberapa soalan "Apakah Persekutuan Tanah Melayu akan menyumbangkan tenaganya untuk mengembangkan kepentingan keamanan dunia, deni ketenteraman dalam suasana yang bermula tegang lagi? Apakah Persekutuan Tanah Melayu akan menyebelahi bangsa-bangsa Asia-Afrika yang setentunya memperjuangkan semangat kebangsaan yang selalu berbangkit di Timur Tengah, di Cyprus, di Kalimantan dan di mana saja penjajah menguasai dan menindaskan negeri-negeri kecil dan lemah? Apakah Persekutuan Tanah Melayu nanti akan melupakan rakan-rakan yang berwarna dan rakan-rakan yang progresif di seluruh dunia; adakah Malaya akan dipengaruhi oleh kuasa-kuasa imperialis yang hanya mahu membantunya dengan syarat-syarat yang akan mengikatnya kepada ikatan yang melemahkan semata-mata? Segala soal ini akan diikuti dan diperhatikan oleh dunia. Janganlah sesiapa melupakan bahawa sekali pun Malaya sekarang duduk dalam lingkungan negeri-negeri Commonwealth, namun kepentingan-kepentingan dari setengah-setengah negeri Commonwealth itu ada kalanya bertentangan dengan kepentingan keamanan dunia seumpama yang telah terjadi di Mesir pada tahun lalu. "Moga-moga Malaya akan berdamping dengan bangsa-bangsa yang ingin kepada persaudaraan antara bangsa demi kepentingan keamanan dan kema-juan," demikian kata penyunting.

Mengambil sempena Kemerdekaan anak dinamakan Abdul Rahman

Seorang kanak-kanak yang telah dilahirkan pada jam 12.05 minit tengah malam 31 Ogos di Kota Bharu, Kelantan diberi nama Abdul Rahman sebagai mengambil sempena nama Bapa Kemerdekaan Malaya, Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu. Ayahnya bernama Mohd Nor dan ibunya Che Mek. Mereka tinggal di Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu.

Wanita Kuala Lumpur dipilih menjadi 'Puteri Merdeka'

Bukit Bintang Park di Kuala Lumpur telah mengadakan malam kesenian dan kebudayaan Melayu kerana menyambut Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Che Zainab bt Hj. Ali dari Kuala Lumpur telah dipilih menjadi 'Puteri Merdeka.' Antara peraduan-peraduan lain termasuklah membaca sajak dimenangi oleh Kalam Hamidi dari Singapura, lagu-lagu Melayu asli (bahagian wanita) dimenangi oleh Che Sabariah Urip dan bahagian lelaki oleh Encik Ahmad Jais.

Gambar-gambar sempena Kemerdekaan

Terdapat 16 gambar yang termasuk di muka pertama, gambar Yang di-Pertuan Agong sedang memberi ucapan sebagai Kepala Negara di Persidangan Majlis Undangan Persekutuan.

Di muka 4 terdapat 6 gambar berkaitan dengan Garden Party di rumah Perdana Menteri (Residency) pada petaga 1 September. Antara yang turut hadir ialah Yang di-Pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong, Duke dan Duchess of Gloucester.

Di muka 5 ialah tiga gambar tetamu-tetamu istimewa Merdeka yang menemui Ketua Menteri Singapura setelah menghadiri perayaan Merdeka di Malaya.

Di muka 6 terdapat dua gambar tetamu-tetamu dari luar negeri yang datang sempena perayaan Kemerdekaan yang pergi melawat orang-orang asli di Pusat Penyelidikan Orang-orang Asli di Gombak.

Muka surat 7 mengandungi empat gambar di Perhimpunan Agung Perikatan di Padang Selangor Club pada tengah malam 31 Ogos 1957 menanti lahirnya tarikh Kemerdekaan. Inilah Perhimpunan Politik yang paling besar yang pernah diadakan di Malaya. Dalam Perhimpunan tersebut pemuda-pemuda Perikatan telah mengadakan barisan kehormatan. 2,000 pemuda telah mengawal Perhimpunan kira-kira 50,000 orang. Gambar-gambar menunjukkan Tunku dan barisan-barisan Pemuda UMNO.

Khamis 5 September 1957, 10 Safar 1377

Ucap-ucap selamat dari luar negeri

Di antara negara-negara asing yang telah menghantar ucap selamat menyambut Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu termasuk Mesir, India, Vietnam Selatan dan Republik Rakyat China. Perdana Menteri Republik Rakyat China, Chow En-lai, mengalu-alukan Kemerdekaan Malaya dan mengharapkan agar perhubungan antara kedua negara semakin hari semakin rapat dan erat. Katanya negaranya bersekuju mengakui negara Persekutuan yang Merdeka.

Ketua Parlimen Indonesia, dalam kawatnya berkata "semoga negara Malaya mendapat kemajuan yang pesat dalam perjuangan selanjutnya untuk meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyatnya." Perdana Menteri India, Tuan Nehru, mengucapkan selamat dan mengalu-alukan Kemerdekaan mengharapkan agar perhubungan antara kedua buah negara — India dan Persekutuan — bertambah erat dan bekerjasama yang rapat demi kepentingan kebebasan dan keamanan dunia seluruhnya. Berbagai kawat diterima dari berbagai negeri.

Majlis Keselamatan bincangkan Malaya hari ini

Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu akan bersidang pada 5 September 1957 untuk menimbangkan permintaan Persekutuan Tanah Melayu menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Adalah dijangka Majlis tersebut akan meluluskan dengan sebulat suara supaya Malaya dapat dijadikan anggota ke-82 dalam Pertubuhan Dunia itu. Permintaan Malaya menjadi anggota Pertubuhan Dunia itu telah dihantar kepada Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu. Pada 31 Ogos, surat itu ditandatangani oleh Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman. Britain dan Australia telah meminta Persidangan Majlis diadakan dengan segera antuk menimbangkan pemintaan masuk dari Persekutuan Tanah Melayu. Kedua-dua negeri itu menganggan negara baru "cukup kelayakan menjadi anggota."

Indonesia larang 'Terang Bulan'

Perdana Menteri Juanda melarang salah sebuah lagu Indonesia yang popular dimainkan kerana lagu itu sama dengan Lagu Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu. Larangan perintah itu dikeluarkan kerana menghormati sentimen bangsa Malaya. Perintah itu melarang lagu 'Terang Bulan' dinyanyikan atau dimainkan di Indonesia. Sebelum itu lagu itu telah dilarang dalam siaran radio Indonesia.

Pemerintah Indonesia nak mengundang wartawan-wartawan Melayu Malaya melawat negaranya

Dr. Subandrio, Menteri Luar Republik Indonesia, telah mengadakan pertemuan ramah tamah istimewa dengan wartawan-wartawan Melayu yang turut hadir dalam jamuan makan di rumah Duta Besar Indonesia di Persekutuan. Kepada wartawan-wartawan Melayu yang hadir beliau telah menyatakan rasa besar hati Pemerintah dan rakyat Indonesia atas kejayaan Malaya mencapai Kemerdekaan. Katanya "Memandang bahawa dari segi bahasa, kebudayaan dan lain-lain kedua bangsa Melayu dan Indonesia ialah sama dan serupa saja, maka dengan Kemerdekaan yang dicapai pada 31 Ogos yang baru lalu akan semakin rapatlah hubungan antara kedua negara dan bangsa." Dr. Subandrio memaklumkan Pemerintah Indonesia akan mengundang wartawan-wartawan Melayu supaya datang ke Indonesia untuk mengetahui negeri itu dari dekat dan untuk merapatkan hubungan antara bangsa, Indonesia dengan bangsa Melayu.

Brunei hadiah Malaya \$50,000 kerana mengalu-alukan Kemerdekaan negeri ini

Kerajaan dan rakyat Brunei membuat sumbangan derma sebanyak \$50,000 kepada Kerajaan Persekutuan untuk dibelanjakan kerana kemajuan-kemajuan dalam negeri. Wang tersebut dibahagi dua, iaitu satu untuk mendirikan sebuah 'Masjid Kebangsaan Malaya' dan bakinya untuk derma Kolej Islam. Derma-derma tersebut adalah sumbangan Kerajaan dan rakyat Brunei sambil mengalu-alukan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Perhubungan Persekutuan - Singapura akan dihalusi

Yang di-Pertuan Agong dalam ucapannya semasa merasmikan Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Merdeka yang pertama berkata "Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka bernasib baik mendapat pusaka dari penjajah British, sebuah pemerintah yang teratur." Baginda membangkitkan perihal perhubungan antara Singapura dengan Persekutuan. "Perhubungan pada masa akan datang antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura mestilah dihalusi dengan tertib, satu persatu, dan banyak perkara yang penting masih hendak dirundingkan dan diselesaikan antara dua buk Kerajaan itu. Kerajaan Beta akan merundingkan perkara-perkara ini dengan timbangrasa terhadap masalah-masalah khas Kerajaan Singapura dengan difahamkan kesusahan-kesusahan yang dihadapi oleh Kerajaan Singapura. Kerajaan Beta yakih hati kepada Persekutuan Tanah Melayu pada masa akan datang dan semua dasar Kerajaan Persekutuan, tujuannya hendak menggalakkan kemajuan negeri ini bagi faedah semua anak-anak Tanah Melayu menurut asas demokrasi yang dibentangkan dalam Perlembagaan baru kita."

Lagu Kebangsaan

Penyunting akhbar memberi pandangan mengenai lagu Kebangsaan 'Negara Ku.' Beliau menyebut bahawa Lagu Kebangsaan bagi sesebuah negara itu harus diberi setinggi-tinggi kehormatan bila saja ia dimainkan. Lagu kebangsaan 'Negara Ku' mengandungi kata-kata yang harus membangkitkan perasaan taat setia dan kebanggaan terhadap ibu pertiwi kita yang Merdeka dan berdaulat serta dikasihi itu. Kehormatan yang wajib ditunjukkan kepada lagu Kebangsaan sebaik-baiknya hendaklah ditunjukkan dengan perasaan patriotism yang berpunca dari hati kecil setiap rakyat.

Penyunting menyatakan "perhatian kita telah tertarik kepada apa yang dilihat di sebuah panggung wayang gambar di lbu Kota Persekutuan. Gambar yang ditayangkan adalah gambar Melayu dan penonton yang hadir seramai 95% adalah orang Melayu." Tetapi sebaik-baik sahaja tayangan itu diakhiri dan "Negara Ku" dimainkan, hampir semua dari bilangan penonton yang penuh sesak teruberjakan ke pintu-pintu keluar. Beberapa orang sahaja para penonton yang berdiri tegak dan memberi kehormatan kepada lagu Kebangsaan yang dimainkan. Lagu Kebangsaan itu diambil dari sebuah lagu yang sudah pun terkenal dalam negeri ini dan kemasyhurannya pula bertambah semenjak ia menjadi lagu kebangsaan negeri Perak. Baru-baru ini dikatakan sempena perayaan Kemerdekaan lagu "Negara Ku" telah juga dimainkan berulangkali di seluruh Persekutuan. Pemerintah Republik Indonesia telah pun mengharamkan lagu "Terang Bulan" dimainkan di negaranya, demi rasa kehormatannya kepada Malaya Merdeka.

Penyunting mencadangkan lagu Kebangsaan bersama dengan senikatanya diedarkan di segenap sekolah sebaik-baik sahaja cuti tamat dan dinyanyikan dengan riang gembira serta perasaan taat setia kepada negara.

Ideologi Islam pasti akan menang

Di Dungun, Terengganu PAS telah mengadakan perayaan menyambut Merdeka secara besar. Perayaan dibuka dengan bacaan Quran, membacakan amanat Yang di-Pertua Agung PAS Malaya. Dalam ucapan Naib Yang di-Pertua PAS, Ustaz Ngah bin Mohammed, menyatakan "tibalah sudah masanya kita berjuang menegakkan ideologi Islam." Kata beliau lagi "yakinlah tuan-tuan bahawa ideologi Islam pasti akan menang."

Sambutan Kemerdekaan

Di Kedah penanam-penanam padi dan ahli-ahli Syarikat Kerjasama akan mengadakan perhimpunan ramai kerana menyambut Kemerdekaan di Padang Court pada 7 September. Perhimpunan itu dianjurkan oleh Persekutuan Penanam-penanam Padi yang mempunyai 37,000 ahli dengan dibantu oleh Syarikat Kerjasama Kampung Kedah Utara.

Sambutan-sambutan dilaporkan di tempat-tempat lain termasuk Kuala Dungun, Kg. Banggul, Kelantan dan Johol.

Di Alor Setar sukan sungai dimulakan pada 5 September di Jeti Pengkalan Kapal. Sukan ini adalah antara beberapa perayaan menyambut Kemerdekaan. Pertandingan lumba basikal dan lumba lari jauh akan juga diadakan.

12 pancaragam ambil bahagian dalam pertunjukan menyambaut Kemerdekaan Malaya

Pertunjukan pancaragam beramai-ramai telah diadakan di Padang Selangor Club, Kuala Lumpur pada malam 3 September. 12 buah pasukan pancaragam Tentera dan Polis telah mengambil bahagian. Beribu-ribu orang telah hadir menyaksikan pertunjukan termasuk Yang di-Pertuan Agong, Duke of Gloucester, Perdana Menteri dan tetamu-tetamu agung dari dalam dan luar negeri. Walaupun hujan turun, pertunjukan diteruskan hingga tamat. Pertunjukan pancaragam beramai-ramai tentera adalah kali pertama diadakan dengan sebegitu besar dalam sejarah negeri ini.

Keputusan-keputusan Laga Lembu Merdeka

Laga Lembu Merdeka telah diadakan selama 3 hari di Race Course, Kuala Lumpur. Nama pemenangpemenang diberikan sepenuhnya.

Gambar-gambar sambut Kemerdekaan

Kesemuanya terdapat 7 gambar. Di muka pertama gambar sambutan Kemerdekaan Malaya di Jepun yang dihadiri oleh 1,000 orang Jepun.

Di muka 2 terdapat empat gambar mengenai sambutan Kemerdekaan di London pada 31 Ogos. Sambutan dibuat di Trafalgar Square. Di muka 3 pula terdapat dua gambar, satu menunjukkan Menteri Luar Morocco menyampaikan hadiah kepada Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman dan yang kedua gambar hadiah Queen Elizabeth II kepada Yang di-Pertuan Agong yang terdiri daripada sebuah piala dan kaki dian perak.

Jumaat 6 September 1957, 11 Safar 1377

Duke dan Duchess of Gloucester pulang ke England

Setelah berada di Malaya selama 6 hari. Duke dan Duchess of Gloucester yang mewakili Queen Elizabeth II dalam perayaan-perayaan menyambut Kemerdekaan telah berangkat pulang ke England. Lagu Kebangsaan British dimainkan setelah beliau memeriksa barisan kehormatan yang terdiri daripada Pasukan Batalion Pertama Federation Regiment. Di antara yang hadir memberi selamat jalan ialah Yang di-Pertuan Agong, Permaisuri Agong, Raja-raja Melayu, Perdana Menteri, Pesuruhjayapesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Commonwealth di Persekutuan dan lain-lain. Tembakan meriam 21 das dibunyikan sebelum Duke dan Duchess menaiki kapal terbang.

Perayaan Merdeka mengharukan

Viscount Kilmuir, Lord Chancellor, berkata setalah tiba di Singapura selepas menghadiri perayaan Kemerdekaan Persekutuan di Kuala Lumpur bahawa sambutan itu adalah satu perayaan yang sangat mengharukannya. Kata beliau sewaktu menyaksikan perayaan-perayaan Merdeka beliau dapat merasakan keyakinan rakyat kepada masa hadapan.

Penduduk-penduduk Pulau Pinang merayakan Kemerdekaan genap satu bulan

Penduduk-penduduk Pulau Pinang dan Seberang Perai meneruskan perayaan-perayaan mereka menyambut Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu sehingga 29 September 1957 yang menggengkan perayaan itu selama sebulan. Antara perayaan pada 29 September ialah lumba kolek di Kelab Berenang di Tanjung Bunga dan perlumbaan basikal. Semenjak 5 hari yang lepas perayaan-perayaan merupakan majlis-majlis doa selamat dan kesyukuran, kenduri-kenduri, jamuan-jamuan kepada fakir miskin, perlumbaan motorskial dan motokar, majlis-majlis jamuan teh, taman hiburan untuk kanak-kanak dan pertunjukan bunga api. UMNO pula akan mengadakan majlis syarahan terbuka pada 7 September serta malam keramaian, manakala perhimpunan besar Pemuda Pemudi akan diadakan di Stadium Bandaraya.

Gabenor Pulau Pinang membuka Pintu Gerbang

Gabenor Pulau Pinang, Raja Sir Uda, telah merasmikan pintu gerbang berbentuk masjid Taj Mahal di Simpang Lelong. Pintu yang dibuat oleh Muslim League, Pulau Pinang adalah sumbangan sempena perayaan Kemerdekaan.

Alim Ulamak dengan perjuangan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu

Artikel panjang yang ditulis sehari sebelum Merdeka karangan Encik Abu Zaki Fadzil membangkitikan soal Kemerdekaan, apa yang telah berlaku dan boleh dilakukan. Dimaklumkan mengenai tokohtokoh agama yang terkemuka yang telah ditahan di bawah undang-undang darurat bertahun-tahun. Kebanyakan mereka mula ditahan daripada tahun 1948. "Setelah merengkok dalam tahanan lebih 8 tahun maka kini mereka telah dibebaskan. Saya berharap para alim ulamak bersama-sama rakyat Tanah Melayu menyambut menjelangnya Kemerdekaan Tanah Melayu dengan senyum yang penuh keharuan," kata penulis. Firman Tuhan dalam Al Quran "Apabila datang kebenaran neseaya hapuslah kebatilan. Sesungguhnya kebatilan tetap hapus." Disebut beratus-ratus orang para ulamak yang bergerak cergas dalam lapangan masing-masing untuk mengisi Kemerdekaan yang baru diisytiharkan. Kalau dulu mereka menjalankan tugas mendidik jiwa rakyat supaya berjuang untuk merebut Kemerdekaan Tanah Air, maka kini mereka berkewajipan pula memimpin rakyat mengisi Kemerdekaan itu. Kerana merebutkan Kemerdekaan adalah sulit, mengisi Kemerdekaan lebih sulit lagi: "Disebutkan juga bahawa "Kemerdekaan adalah harapan rakyat untuk mencapai kebahagiaan dan kesenangan bukan jambatan' kepada segeliniti manusia dan golongan untuk kepentingan dirina

sendiri kerana negara adalah alat." Perkataan 'alat' digunakan seperti yang disebut oleh Presiden Soekarno dalam pidatonya pada 12 Mac 1953.

Di akhir artikel itu penulis berkata "Sekianlah secebis dari cebisan sejarah kisah-kisah perjuangan para alim ulama' dengan perjuangan Kemerdekaan Tanah Melayu yang akan kita rayakan esok. Dalam saat yang bersejarah itu marilah kita bersama-sama bertafakur agak sejenak mengingati aruah para pahlawan kesatria Tanah Air kita yang telah pergi lebih dulu dari kita, mati kerana mempertahankan kehormatan dan Kemerdekaan tanah air kita. Di samping itu hadiahkanlah al-Fatihah kepada aruah pahlawan-pahlawan itu, moga-moga mereka dihimpunkan Allah dalam syurga dalam kumpulan orang-orang Islam yang mati syahid."

Pakistan gembira Islam agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu

Wakil-wakil Kerajaan Pakistan yang menghadiri perayaan Kemerdekaan Tanah Melayu merasa gembira sekali kerana Persekutuan Tanah Melayu memilih agama Islam sebagai agama rasminya.
"Rakyat negeri ini, terutama sekali Perdana Menterinya, sungguh bijak dalam memilih sikap berkerajaan sendiri dan agama rasmi," kata Menteri Dalam Negeri Pakistan. Pada pendapatnya Kemerdekaan
yang telah dicapai oleh Persekutuan Tanah Melayu adalah Kemerdekaan yang tulin untuk kedaulatan
tanah air, bangsa, agama dan rakyatnya. Kata beliau lagi "menjadikan Islam agama rasmi Persekutuan
akan terselamat daripada bahaya-bahaya Komunis. Islam memang menentang Komunis. Kami juga
telah mengharamkan Komunis sejak kami di bawah takluk British dulu." Beliau menafikan beritaberita yang pernah disiarkan bahawa Pakistan telah mendapat bantuan dari Russia. Beliau juga tertarik
hati dengan Kolej Islam di Kelang yang akan bercantum dengan Universiti yang ada dalam negeri ini
kelak.

Sambutan Kemerdekaan di sana sini Muar

Lebih 5,000 orang telah menyaksikan istiadat Perisytiharan Kemerdekaan pada pagi 31 Ogos di Padang Muar Club. Pegawai Daerah Muar membaca Pergisytiharan dan diikuti dengan seruan "Merdeka" tiga kali. Sebelum itu beliau memeriksa barisan kehormatan Polis, Askar dan lain-lain. Sebaik-baik sahaja Kemerdekaan diisytiharkan 21 das tembakan telah dilepaskan dan siren telah dibunyikan dari 3 tempat. Di bandar-bandar dan di kampung-kampung telah dinaikkan bendera Persekutuan dan pada sebelah malamnya mereka memasang lampu warna warni. Beberapa buah pintu gerbang telah didirikan. Sambutan sekali lagi akan diadakan pada 10,11 dan 12 September.

Perak

Pada 10 September sambutan akan diadakan oleh Kesatuan Kebangsaan Pengangkutan Malaya, Cawangan Muar.

Tangkak

Bacaan Yasin dan doa kesyukuran diadakan selepas sembahyang maghrib pada 31 Ogos.

Ratu Pahat

Sukan murid-murid sekolah Melayu dan agama serta pemuda-pemuda telah diadakan pada 31 Ogos dan 1 September sebagai perayaan Kemerdekaan.

Endau

Pemuda-pemuda Endau telah mengadakan sandiwara selama 3 hari berturut-turut dimulai pada 29 Ogos.

Selama

Penduduk-penduduk di Rantau Panjang, Selama yang terdiri dari segala bangsa mengadakan perayaan Kemerdekaan pada 15 September dengan pertunjukan-pertunjukan dan permainan-permainan.

Pulau Musang, Kuala Terengganu

Perayaan Merdeka telah diadakan pada 30 Ogos di masjid dengan mengadakan sembahyang syukur, bacaan Yasin dan doa selamat serta jamuan makan.

Johol, Negeri Sembilan

Mailis membaca doa kesyukuran telah dibuat di madrasah kampung.

Port Dickson

Jamuan telah diadakan sempena sambutan Kemerdekaan.

Rantau

Jamuan kepada kanak-kanak miskin telah diberikan pada Hari Merdeka. Bacaan Quran dan qasidah telah juga diadakan.

Jelutung

Upacara Pengisytiharan Kemerdekaan di bawah anjuran UMNO telah diadakan dengan 31 pemuda berbaris dengan pakaian seragam. Lebih 2,000 orang telah hadir di mana ucapan-ucapan Kemerdekaan telah diberikan. Di antara persembahan-persembahan ialah wayang kulit, pancaragam dan lain-lain

Alor Setar

Pertandingan bola sepak, enam pemain di sebelah pihak, telah diadakan pada petang 4 September sebagai memulakan Perayaan Kemerdekaan di Alor Setar. Sebelah malam diadakan peraduan bersyarah bahasa Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris. Pertunjukan menora, ghazal, makyong, wayang Cina, bersilat, judo dan indera saba telah diadakan.

Stadium Merdeka boleh digunakan untuk pertandingan sukan antarabangsa

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra, menyatakan harapan Stadium Merdeka agar dapat digunakan untuk sukan-sukan antarabangsa seperti Asian Games dan Olympic. Beliau berucap di pembukaan rasmi sukan tahunan yang ketiga puluh enam, Kesatuan Sukan Amateur. Lagu Kebangsaan dimainkan di upacara pembukaan. Sambil menerangkan negara sudah Merdeka dan setaraf dengan negara-negara Merdeka yang lain, Tunku mengesyorkan kepada badan-badan sukan supaya berusaha menganjurkan perjumpaan sukan internasional dalam negeri ini. "Mungkin Asian Games dalam tahun 1962 atau Olympic dalam tahun 1968 dapat diadakan di sini," kata Tunku.

Gambar yang berkaitan dengan Merdeka

Kesemuanya terdapat empat gambar mengenai Kemerdekaan. Di muka 3, ada satu gambar hadiah daripada Amerika Syarikat kepada Yang di-Pertuan Agong iaitu sebuah mangkok kaca yang berukir.

Di muka 6, ada 2 gambar berkaitan dengan upacara pertabalan Yang di-Pertuan Agong yang diambil di Balairong Seri pada 2 September. Satu gambar menunjukkan Yang di-Pertuan Agong sedang mencium keris.

Di muka 7, ada satu gambar di Balairong Seri yang menunjukkan Raja-raja Melayu dan Permaisuri masing-masing.

Anak lahir di Hari Merdeka

Seorang ibu bernama Che Sainam bt Sidek, isteri kepada Sarjan Mata-mata Khas Pertang, Kuala Pilah, telah melahirkan anak lelaki pada jam 8.30 pagi 31 Ogos.

Majlis Keselamatan terima Malaya masuk Pertubuhan

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, menyatakan sukacitanya ke atas keputusan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu yang dalam Persidangannya pada 6 September telah mengundi sebulat suara menyetujui permintaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka untuk menjadi anggota Pertubuhan Majlis Bangsa-bangsa Bersatu. Kata Tunku "Saya merasa gembira mendengar bahawa permintaan Malaya itu telah disetujui dengan sebulat suara oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu." Dengan kelulusan Majlis Keselamatan Bantuk dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bolehlah dikatakan pasti. Permintaan itu akan dibentangkan di Sidang Pleno Pertubuhan Majlis Bangsa-bangsa Bersatu pada 17 September 1957.

Permintaan Malaya diluluskan dengan sebulat suara

Laporan dari New York mengumumkan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu dengan sebulat suara meluluskan permintaan Persekutuan Tanah Melayu dan mengesyorkan permintaan itu diterima oleh Mailis Perhimpunan Agung Pertubuhan Dunia. Kesemua sebelas anggota Mailis Keselamatan termasuk Russia - mengalu-alukan negara baru di Asia yang telah mencapai Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, setelah 170 tahun di bawah penjajahan British, Majlis Perhimpunan Agung akan memulakan Persidangan biasanya yang ke 12 pada 17 September yang akan mengundi kemasukan Malaya menjadi anggota yang ke-82. Tidak ada negeri dijangka akan menentang. Tengku Ja'afar, Putera Yang di-Pertuan Agong, yang menjadi Pengurus Hal Ehwal Malaya di Washington D.C., telah hadir sebagai nemerhati. Beliau kelihatan sukacita bila satu lepas satu wakil Majlis Keselamatan bangun berucap memberi galakan dan pujian kepada negara baru. Permintaan Malaya itu telah dimajukan bersama oleh Britain dan Australia. Membuka perbahasan itu, Sir Pearson Dickson dari Britain berkata adalah menjadi satu kebahagian dan kebanggaan kepada Kerajaan British kerana permintaan Malaya sekarang berada di depan di Majlis itu. Lahirnya Malaya sebagai sebuah negara yang Merdeka berlaku selepas 170 tahun di bawah Pemerintahan British yang telah menerima pujian dalam Perayaan Merdeka di Kuala Lumpur pada 31 Ogos. Kata Sir Dickson "kita merasa sukacita kerana sebab-sebab berikut; Kemerdekaan Malaya selepas Kemerdekaan Ghana dan banyak lagi negeri yang dengan sukacita kita akui sebagai anggota Bangsa-bangsa Bersatu, merupakan satu langkah ke depan bagi kemajuan dan perkembangan cita-cita Commonwealth - Persekutuan bebas dan setaraf dari keluarga bangsa-bangsa yang bebas yang didorong oleh persamaan rasa cintakan kebebasan dan berasaskan proses-proses dan pemerintahan yang demokratik."

Beliau yakin semua anggota Bangsa-bangsa Bersatu menyambut Kemerdekaan Malaya sebagai mana sambutan anggota-anggota Commonwealth. Harapannya Majlis Perhimpunan Agung akan mengundi menerima Malaya masuk dalam Bangsa-bangsa Bersatu.

Wakil dari Australia berkata "kami mengalu-alukan Persekutuan Tanah Melayu, sebuah negeri yang kaya yang terletak sangat dekat dengan Australia, sebuah negeri yang demikian dengan siapa kami mempunyai hubungan-hubungan yang rapat." Wakil dari Amerika Syarikat berkata negerinya akan mengundi menerima keanggotaan Malaya dengan keinginan yang sungguh-sungguh. Kata beliau "sekali lagi kita telah menyaksikan proses perubahan yang aman dalam dunia bebas." Katanya lagi "Amerika Syarikat adalah sangat-sangat sukacita mengalu-alukan kemasukan Malaya dalam Bangsabangsa Bersatu." Beliau berkata demikian kerana beliau mengetahui tingginya mutu kebijaksanaan yang telah ditunjukkan oleh Pemimpin-pemimpin negeri Commonwealth. Beliau yakin Malaya akan dapat menunjukkan mutu kebijaksanaan pinpinan vang seperti itu juga

Wakil Soviet Union berkata bahawa sementara Malaya telah terletak di bawah cengkaman penjajahan beberapa hari sahaja dahulu, kemasukannya dalam Cammonwealth British adalah "langkah yang pertama menuju ke arah kedaulatan nasional." Sambil menyokong kemasukan Malaya dalam Bangsa-bangsa Bersatu, kata beliau "Malaya ialah sebuah negeri yang mempunyai kebudayaan yang tua yang sehingga beberapa hari yang lalu terletak di bawah cengkaman penjajahan." Beliau mengalu-alukan Kemerdekaan yang merupakan satu peristiwa besar dalam sejarah Malaya dan mendoakan kemajuan rakyat Melayu dalam negeri mereka. "Dengan bersama-sama mengambil bahagian dalam kerja-kerja Bangsa-bangsa Bersatu, Persekutuan Tanah Melayu akan mendapati ia boleh memberi sumbangan mengukuhkan lagi keamanan antara rakyat-rakyat Asia dan seluruh dunia," kata beliau.

Wakil Kumintang China berkata Malaya memulakan kehidupannya sebagai negara Merdeka dengan menghadapi banyak kesulitan dan kekurangan. "Semua orang tahu bahawa sejak tamatnya Perang Dunia Kedua, Malaya telah menghadapi penyusupan dari agen-agen Komunism International. Penyusupan itu mengambil bentuk peperangan gerila yang hebat dalam hutan-hutan Malaya. Tidak ada jaminan bahawa Komunism akan membenarkan Malaya menikmati kebebasannya. Keberanian perlu untuk menghadapi ancaman ini. China mendoakan Malaya dalam hal ini," kata beliau.

Sambil menyokong kemasukan Malaya wakil Peranchis pula berkata, "Kami bersedia menimbangkan bahawa kami di sini menghadapi soal sebuah negeri yang demokratik yang memenuhi syarat-syarat piagam Bangsa-bangsa Bersatu." Wakil dari Iraq, sambil memuji Malaya dan Britain, membidas penjajahan dari setengah-setengah Kerajaan. Kata beliau dalam masa 7 bulan Britain telah mengenalkan kepada Majlis itu dua buah negara baru - Ghana dan Malaya. "Tidaklah syak lagi dasar menamatkan cengkaman penjajahan dengan cara damai ini adalah satu contoh sikap kesederhanaan dan realistik Britain dalam hubungan mereka dengan rakyat-rakyat dan negeri-negeri lain," kata beliau.

Wakil dari Sweden berkata Kerajaannya tidak was-was lagi bahawa Malaya boleh dan bersedia menunaikan kewajipan-kewajipannya menurut piagam itu dan ia akan memberikan sumbangan yang berguna dan membina kepada kerja-kerja Bangsa-bangsa Bersatu.

Manakala wakil Filipina berkata beliau turut merasa "kemegahan yang sepatutnya" yang dirasakan oleh negara baru walaupun ada banyak masalah sulit yang dihadapi oleh negeri yang didiami oleh berbagai-bagai bangsa. Kata beliau "mereka telah berjaya menyatukan diri mereka dalam sebuah Persekutuan yang berasaskan dasar-dasar demokrasi."

Presiden Majlis Keselamatan yang berasal dari Cuba mengakhiri perbahasan dengan menyokong keanggotaan Malaya dan menyampaikan persetujuan sebulat suara anggota-anggota Majlis. Kata beliau, Cuba akan mengadakan hubungan diplomatik dengan Malaya tidak lama lagi.

Perjuangkanlah cita-cita PAS, ahli-ahli PAS diseru

Yang di-Pertua Agung PAS, Dr. Burhanuddin Al-Helmi, menyeru semua ahli PAS di seluruh Malaya supaya berdiri teguh bagi memperjuangkan ideologi "satu bangsa, satu negara" yang diperjuangkan oleh PAS. Beliau berucap di majlis perjumpaan ahli-ahli PAS di Benta, Pahang kerana istiadat membaca amanatnya bagi menyambut Kemerdekaan pada 31 Ogos di mana beliau berkata "Kemerdekaan yang telah dicapai itu adalah satu perubahan kepada baba baru dalam perjuangan rakyat negeri ini," Kata beliau tiap-tiap ahli PAS hendaklah memahami dengan sedalam-dalamnya erti Kemerdekaan itu kerana dengan demikian "kita akan dapat mendalamkan lagi rasa tanggungjawab perjuangan cita-cita Islam yang diperjuangkan oleh PAS itu." Beliau memita seluruh ahli PAS "mengambil tempat yang tertentu dalam Malaya Merdeka dan jangan lagi bercampur aduk sebagaimana yang telah terjadi di waktu penjajahan dahulu." Beliau memyeru seluruh Cabang PAS supaya merayakan Kemerdekaan Malaya.

Hampir 20,000 orang melihat Pusparagam Merdeka

Pusparagam Merdeka yang diadakan di Lake Garden anjuran bersama Pejabat Penerangan dan Radio Malaya disambut dengan meriah dari orang ramai. Pertunjukan malam pertama diadakan khas bagi memuliakan Yang di-Pertuan Agong yang pertama dan juga merayakan Hari Kemerdekaan. Hampir 20,000 orang telah membanjiri bukit-bukit kecil depan pertunjukan Pusparagam Merdeka itu. Yang hadir selain daripada Yang di-Pertuan Agong, Permaisuri Agong lalah Perdana Menteri dan isteri serta tetamu-tetamu agung.

Pusparagam Merdeka dilakonkan oleh bintang-bintang filem dan penyanyi-penyanyi terkenal, Merdeka choir, penari-penari India dan penari-penari impian asyik, iaitu kumpulan tarian Istana lama dari Kelantan. Antara penyanyi-penyanyi terkenal termasuk Saloma dan Zainab Majid. Radio Malaya Orkestra telah mengambil bahagian yang penting dalam pertunjukan Pusparagam Merdeka itu yang akan dipertunjukkan lagi dua malam.

Orang ramai berHari Raya menyaksikan upacara berbaris di Kota Bharu

Perayaan Merdeka bagi Kota Bharu dimulakan pagi 5 September dengan upacara berbaris di Padang Bank yang disaksikan oleh 8,000 penduduk termasuk dari kampung-kampung yang jauh. Pasukanpasukan yang mengambil bahagian termasuk Askar Melayu, Polis, Home Guard, Volunteer, Cadet. Girl Guide dan Pengakap, Pancaragam Askar Melayu Batalion ke-7 memainkan muzik untuk Barisan itu yang kemudian telah berjalan mengelilingi bandar Kota Bharu. Tengku Mahkota Kelantan mewakili Sultan di majlis itu. Antara yang hadir termasuk orang-orang darat Temiar.

Permainan-permainan yang diadakan termasuk mak yong, menora, bersilat asli, puteri, rebana, peraduan gasing dan peraduan kesihatan kanak-kanak. Permainan-permainan ini akan diadakan selama 5 hari 5 malam.

Di Butterworth perayaan-perayaan sangat meriah

Perayaan menyambut Merdeka dijalankan di Butterworth dengan baik dan meriah. Sambutan dimulakan 31 Ogos dan dilanjutkan hingga 17 September. Hampir 1,000 orang fakir miskin termasuk janda dan anak-anak yatim telah menerima beras segantang seorang dan sehelai kain iatu sedekah yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pusat Perayaan Kemerdekaan Butterworth. Segenap penduduk di Butterworth menghiasi rumah masing-masing dengan bendera-bendera serta lampu beraneka warna. Pintu-pintu gerbang juga didirikan manakala berbagai permainan dan sandiwara diadakan. Pertandingan sepak raga jaring dan basketball diadakan juga.

Barisan Sosialist rakvat

Maklumat mengenai perayaan Kemerdekaan terus ditulis oleh penyuntung akhbar. Katanya dalam kesibukan perayaan Kemerdekaan pada 31 Ogos, Front Socialist Rakyat Malaya telah dilahirkan. Sidang membentuk Barisan Socialist itu telah dihadiri oleh wakil-wakil dari Parti Buruh Se Malaya dan Parti Rakyat Malaya. Dikatakan Parti Rakyat sehingga ini memperjuangkan ideologi sosionasional-demokrasi yang tidak dapat difahamkan oleh rakyat secara mendalam. Satu tanda yang baik bagi Front Socialist Rakyat Malaya ialah terdirinya Front itu dari parti-parti yang mengandungi segala kaum sungguhpun pada praktiknya Parti Rakyat masih berupa sebuah Parti perkauman. Ini tidak pula bererti masalah-masalah perkauman dapat dipecahkan dengan mudah oleh peminpin-pemimpin Front Socialist Malaya. Adakah Front Socialist akan mendapat sokongan undi daripada buruh Cina dan buruh India yang akan meningkat naik dua tiga tahun yang akan datang ini? Adakah Front Socialist akan bertanding dalam pilihan-pilihan raya kecil sebagai "mengukur" kekuatannya? Soal-soal ini masih dalam bedungan lagi, kata penyunting.

Lembu-lembu yang dilagakan dalam perayaan Merdeka

Lembu-lembu yang dilagakan dalam perayaan Kemerdekaan selama 3 hari berturut-turut "bukan lembu perlagaan yang sebenamya." Lembu-lembu yang dibawa berlaga itu tidak ubah seperti lembu-lembu biasa sahaja. "Lembu-lembu itu dibawa ke Kuala Lumpur dan dilagakan oleh orang-orang yang tidak tahu hal ehwal perlagaan lembu yang sebenamya."

Maklumat ini disampaikan oleh Ketua Juara Perlagaan, Tuan Syed Mohamed Al-Qadri, yang menceritakan mengenai perlagana yang menurut beliau lembu-lembunya harus mendapat latihan sekurang-kurangnya selama 4 bulan dan lembu-lembu itu mestilah dari jenis perlagaan. Beliau yang dikenali sebagai 'Habib Kecik' telah menjadi juara perlagaan lembu semenjak tahun 1889 semasa Sultan Mohamed ke-4 menjadi Sultan Kelantan. Beliau menyatakan kesalnya kerana rancangan perlagaan lembu Merdeka itu tidak lebih dulu dirundingkan dengan juara-juara perlagaan lembu yang tulin di Kelantan. Kata beliau dalam perlagaan lembu Merdeka itu sebenarnya "seekor lembu akan berlaga sekurang-kurangnya satu jam." Dalam perlagaan lembu Merdeka itu sebenarnya "seekor lembu akan berlaga nengambil masa 3 minit sahaja. Tetapi kebanyakan dari lembu-lembu tersebut enggan berlaga hanya mengambil masa 3 minit sahaja. Tetapi kebanyakan dari lembu-lembu tersebut enggan berlaga.

Laga lembu Merdeka tamat

Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri Agong serta Perdana Menteri dan isteri telah menyaksikan Laga Lembu di hari kedua. Sambutan orang ramai tidak kurang meriahnya. Dalam perlagaan hari itu seekor lembu yang berlaga nyaris-nyaris melompat pagar jika tidak ditahan dengan pantas oleh juaranya. Keputusan perlagaan hari itu diberi sepenuhnya.

Sambutan Kemerdekaan di sana sini

Muar, Johor

Ahli-ahli Sinaran Muda Hiburan Parti telah menyambut Kemerdekaan di Parit Kasim dengan dihadiri oleh ramai jemputan. Di Parit Jamil, telah diadakan majlis dari jam 8 malam 30 Ogos hingga subuh dengan jamuan teh. Bacaan doa untuk pejuang-pejuang tanah air telah juga diadakan. Ada yang menunai nazarnya dengan mencukur janggut yang disimpan selama 2 tahun.

Kota Tinggi

Sambutan Kemerdekaan diadakan dengan doa kesyukuran dan menaikkan bendera di Dewan Orang Ramai. Di Permatang Estet telah diadakan kenduri dan doa selamat. Buruh Cina dan India telah mendirikan "Pondok Merdeka."

Ratu Pahat

Pada 12 September akan diadakan di Senggarang dengan jamuan ringan pada siang hari dan fun fair pada malam hari.

Teluk Anson, Perak

Dato' Penghulu membacakan pengisytiharan Kemerdekaan di Kampung Sungai Lempam. Perbarisan murid-murid sekolah umum, sekolah Arab dan Home Guard telah juga diadakan.

Melaka

Di Kampung Sebatu akan diadakan sukan pada 7 September. Melaka juga melaporkan rancangan-rancangan sambutan pada 8, 14, 15, 16, 18, 20, 21, 22 dan 28 September dengan bermacam-macam sambutan termasuk pertandingan bola sepak, badminton, lawan basikal dan pertunjukan ranaman.

Negeri Sembilan

Di Kampung Serting Ilir, di mana Yang di-Pertuan Agong dilahirkan, pemuda-pemuda mengadakan perarakan, bacaan Ouran dan lain-lain rancangan.

Pahang

Penduduk-penduduk di Songsang, Temerloh merayakan di minggu ketiga Kemerdekaan dengan sukan darat dan air

Kita tidak akan kelam selagi Quran dan hadith menjadi panduan

Orang-orang yang mengatakan PAS, Parti perkauman, telah disifatkan oleh pegawai PAS sebagai membuat tuduhan palsu dan bohong. Pegwai PAS, Tuan Hj. Abdul Rahman Hj. Alahmadi, bercakap di majiis sambutan Merdeka yang diadakan oleh PAS Cawangan Pasir Mas. Perayaan Kemerdekaan dilakukan pada jam 8.30 pagi 31 Ogos dengan seruan Allah Akbar dan seruan Merdeka serta menaikkan bendera PES-sekutuan, bendera Kelantan dan bendera PAS.

Tuan Hj. Abdul Rahman mengatakan bahawa Islam adalah mendidik pemeluk-pemeluknya agar membersihkan diri lahir dan batin. Islam menyuruh pemeluk-pemeluknya mencari bekal dunia akhirat. "Bersihkan segala kekotoran jiwa, buangkan jiwa penjajahan, jiwa mencari faedah sendiri dan jiwa munafikan."

Beliau menyatakan selanjuntya bahawa orang-orang Islam janganlah sampai dua kali kehilangan tongkat. Orang-orang Islam tidak akan sesat kalau benar-benar berpandu kepada Quran dan
hadith. Mengenai tuduhan-tuduhan yang mangatakan PAS adalah Parti perkauman, beliau menegaskan, bahawa tuduhan itu adalah palsu dan bohong. Bukankah Quran dan hadith, menjadi panduan
perjuangan PAS? Islam tidak pernah membeza-bezakan kaum dan bangsa. Dalam sejarah Islam yang
cemerlang dalam Quran dan hadith, tidak pernah terdapat Islam mengharuskan pemeluk-pemeluknya
melakukan kezaliman dan kekejaman kepada orang-orang yang bukan Islam.

Pertandingan syarahan Merdeka

Lapan orang pemuda dan pemudi Kota Bharu telah mengambil bahagian dalam syarahan anjuran UMNO Bahagian Kota Bharu sempena menyambut Kemerdekaan. Kira-kira 400 orang telah menyaksikan Pertandingan itu.

Pertandingan Ratu Merdeka menarik perhatian

Peraduan memilih ratu kebaya dan ratu kecantikan Merdeka akan diadakan sempena menyambut Kemerdekaan di Kuala Pilah pada 12 hingga 14 September. Peraduan dianjurkan oleh Kaum Ibu UMNO dan terbuka kepada semua bangsa. Sambutan-sambutan lain termasuk perlawanan bola dan pakaian beragam dan perletakan batu asas Dewan Merdeka.

Haji Hassan selar orang-orang yang menganggap sepi Kemerdekaan

Tuan Haji Hassan Yunus, ahli Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan, telah menyelar sikap setengah-setengah pemimpin Melayu yang mengatakan dan menganggap Kemerdekaan yang baru dicapai oleh negeri ini kosong dan palsu. "Orang yang mengatakan Kemerdekaan Tanah Melayu itu kosong ialah orang-orang yang tidak berkehendakkan kuasa Raja-raja Melayu. Apabila tidak ada kuasa Raja-raja, maka kekuasaan diktator akan berlaku di negeri ini dan orang-orang yang hendak perusahaan-perusahaan dijadikan milik negara ialah orang-orang yang mahukan pemerintahan secara Komunis," kata beliau. Beliau berucap di majlis jamuan sempena menyambut Kemerdekaan.

Pada sebelah malam telah diadakan upacara yang dihadiri kira-kira 10,000 orang. Di antara yang hadir ialah orang tua-tua yang bongkok dan perempuan-perempuan yang baru beberapa hari bersalin. Perayaan Merdeka diadakan selama dua malam dengan berbagai-bagai permainan, muzik, zapin, sandiwara, wayang Cina, ronggeng dan lain-lain. Dalam perayaan itu Lagu Kebangsaan telah dinyanyikan beramai-ramai oleh kanak-kanak lelaki dan perempuan.

Gambar berkait dengan Merdeka

Terdapat 10 gambar kesemuanya di akhbar hari ini. Di muka pertama gambar Duke dan Duchess of Gloucester yang sedang berangkat balik ke England setelah menghadiri perayaan Merdeka mewakili Queen Elizabeth II.

Di muka 4, ada tujuh gambar "Laga Lembu" semasa Merdeka. Gambar-gambar menunjukkan laga lembu sedang dilakukan termasuk juga pemain-pemain bunyian semasa pertunjukan itu.

Di muka 6, ada satu gambar pemandangan di Balairong Sri Istana Negara di mana semua Raja Negeri-negeri duduk untuk menyaksikan Pertabalan Yang di-Pertuan Agong.

Di muka 8, ialah sebuah gambar 'Puteri Merdeka' yang sedang dimahkotakan oleh Che Normadiah, bintang filem dari Singapura. Yang jadi Puteri Merdeka ialah Che Zainab bt Hi, Ali.

Jangan buat ribut Cina jadi Gabenor

Encik Mohd. Khir Johari, Pegawai Penerangan UMNO dan Menteri Pelajaran waktu membuka Pesta Merdeka UMNO-MCA Jasin, di Padang Henry Gurney, mengingatkan orang-orang Melayu di Melaka supaya "taat merayakan Kemerdekaan negeri ini dan hendaknya jangan melupakan jasa bangsa-bangsa lain yang juga telah bersama-sama berjuang hingga Persekutuan Tanah Melayu mencapai Kemerdekaannya pada 31 Ogos yang lalu". Mereka telah juga diminta supaya jangan membuat ribut kerana Kerajaan telah melantik bangsa Cina menjadi Gabenor pertama negeri Melaka. "Kerajaan tidak peduli bangsa apa menjadi Gabenor tetapi yang kita kehendaki ialah mereka yang jujur menjadiahan pemerintahan negeri ini," kata Encik Khir.

Yang hadir di majlis itu ialah dari segala bangsa lebih 1,000 orang. Pesta itu pada mulanya dijangka dirasmikan oleh Tunku Abdul Rahman yang tidak dapat hadir kerana ada beberapa urusan mustahak. Encik Mohd. Khir berkata "saya meminta, di samping kita bersukaria kerana menyambut Kemerdekaan Negara Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka dan berdaulat ini, maka hendaknya kita jangan lupa bahawa tanggungjawab kita setelah Merdeka adalah bertambah-tambah berat. Saya yakin bahawa sahabat sihabat kita dari bangsa Cina dan India yang telah sekian lama memberi sokongan hingga kita berjaya mencapai Kemerdekaan akan memberi sokongan yang berganda-ganda lagi sesudah kita Merdeka. Oleh itu maka saya berseru pada saat bersukacita ini janganlah kita melupakan sahabat-sahata kita itu".

Turut berucap di majlis itu ialah Encik Abdul Ghafar Baba, Pengerusi UMNO negeri Melaka dan ahli Majlis Mesyuarat Undangan Federal. Pesta Merdeka di Melaka akan dijalankan selama seminegu.

Perayaan Merdeka bagi 2,000 anak-anak miskin di Pulau Pinang

Seramai 2,000 kanak-kanak segala bangsa dari keluarga-keluarga miskin dan anak-anak yatim telah diraikan sempena perayaan Merdeka di Taman Hiburan New World Park dengan jamuan kuih dan karipap serta pertunjukan wayang gambar dan permainan silap mata. Turut hadir ialah Raja Sir Uda. Gabenor Pulau Pinang.

40 Sakai menghadiri Garden Party Merdeka di Seremban

40 orang Sakai dari Negeri Sembilan dijemput menghadiri majlis Garden Party Merdeka yang diadakan di Padang Station Seremban. Majlis itu yang akan diadakan pada 9 September dijangka dihadiri oleh 1,000 orang dari semua bangsa yang akan dihiburkan dengan tarian Melayu asli dan tarian India.

Uniform-uniform Menteri: Pemuda UMNO Selangor akan menentukan sikap

Pergerakan Pemuda UMNO Selangor akan mengadakan mesyuarat tergempar kerana mengambil keputusan menentukan sikap mereka mengenai pakaian rasmi Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Seorang jurucakap Pergerakan itu menyatakan bahawa mesyuarat tersebut terpaksa diadakan kerana telah banyak surat diterima yang membayangkan rasa tidak puas hati mengenai pakaian rasmi Menteri-menteri itu dari seluruh cawangan dalam negeri ini.

Surat-surat tersebut menyatakan anggota-anggota Pergerakan Pemuda UMNO negeri "memang tidak berpuas hati, kerana pakaian rasmi itu merupakan simbol penjajahan terutama sekali topinya. Menggunakan topi berbulu angsa di kepala pada pendapat beberapa cawangan adalah merunakan kita masih menjunjung tinggi Keraiaan Colonial British". Kebanyakan pembesar-pembesar termasuk Perdana Menteri dan Menteri memakai pakaian rasmi demikian di majlis-majlis rasmi sambutan Kemerdekaan.

Hadiah Ceylon kepada Malaya Merdeka

Presiden Ceylon telah menghadiahkan pertukangan perak kandian kepada Yang di-Pertuan Agong dan dulang perak kepada Perdana Menteri. Sebagai membalas hadiah Presiden Ceylon, Yang di-Pertuan Agong menganugerahkan gada-gada yang mempunyai tandatangan Baginda dan Perdana Menteri pula memberi hadiah sebilah keris.

Merdeka dan sedarjat di mata dunia

Dewan Keselamatan dengan sebulat suara telah menerima Malaya sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Rakyat dan Pemerintah Persekutuan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua anggota Dewan Keselamatan yang terdiri daripada sebelas bangsa. Permohonan Persekutuan menjadi anggota Bangsa-bangsa Bersatu akan dibentangkan pada Perhimpunan Agung untuk dirasmikan keanggotaannya. Demikian dilaporkan oleh penyunting Utusan Zaman. Katanya "wakil-wakil rasmi dan warganegara Malaya yang mengunjungi negeri-negeri lain akan berasa bangga dengan tarafnya sebagai rakyat negara yang tidak lagi dijajah oleh kuasa asing. Dan dalam negeri kita sendiri pula maka warga negara Malaya akan menghulurkan sambutan baiknya kepada pengunjung-pengunjung dari luar negeri sebagai rakyat dari sebuah negara yang Merdeka, berdaulat dan negeri yang ingin kepada persaudaraan, keamanan dan perdamaian antara bangsa". Katanya lagi "menjadi warganegara yang Merdeka sahaja tidak mencukupi. Yang penting sekali bagi rakyat Malaya ialah sambutan dan pengiktirafan dari bangsa-bangsa lain kepadanya sebagai rakyat yang ingin memperjuangkan dasar-dasar luar negeri dan sesuai dengan kehendak-kehendak masa." Yang dibangkitkan ialah "soal dasar luar negeri yang diamalkan dengan sebaik-baiknya oleh Malaya iaitu yang progresif dan positif dan berdamping dengan negara-negara yang neutral yang tidak dipengaruhi oleh block mana sekalipun, dan yang berhasrat hendak memperluaskan dan merebakkan dasar keamanan, persaudaraan, saling menghormati dan dasar tidak campur tangan, atas hal ehwal dalam negeri-negeri lain."

Cerita-cerita dari Negara Merdeka

Sebuah artikel dikarang oleh Encik Ibni Hamzah memberi maklumat pendapat-pendapat dan perasaan berkenaan perayaan dan upacara Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang disampaikan oleh orang-orang Singapura yang menghadiri upacara yang amat bersejarah itu. Kata beliau sebelum ini belum pernah orang-orang dari Singapura menyeberangi tambak Johor sebegitu ramai. Ada yang menaiki motokar, bas dan keretapi. Semuanya berhaluan menuju ke Kuala Lumpur.

Antara yang diinterview ialah seorang gadis sekolah bernama Zakiah yang menyatakan "sungguh sedih dan hiba rasa hati saya sewaktu melihat Union Jack itu diturunkan. Tetapi alangkah bangganya pula perasaan saya sewaktu melihat bendera Persekutuan Tanah Melayu naik berkibar, megah melambai-lambai, seolah-olah mengagungkan kata-kata ke angkasa raya – nah ini dia aku, bendera sebuah negara Merdeka yang baru."

Seorang temannya bernama Atan berkata "sewaktu bendera Union Jack di Padang diturunkan pada dini-malam 31 Ogos itu, kelihatan masih ada lagi bendera Union Jack yang belum diturunkan pada jam besar berhampiran dengan Padang perayaan raksasa tersebut. Melihat yang demikian, dengan semangat yang tidak sabar lagi, pun dengan perasaaan yang meluap-luap melurulah sebilangan pemuda-pemuda kepada jam besar tersebut lalu menggoyang-goyangkan tiang bendera yang masih belum diturunkan itu". Kawannya Encik Mat membangkitkan mengenai seruan 'Merdeka' yang dikaitkan dengan apa yang dilaungkan orang ramai di Melaka pada 20 Februari 1956 sewaktu Tunku balik dari London. Tetapi kata beliau pekik Merdeka di Kuala Lumpur adalah 'terlalu luar biasa keadaannya; gegak gempitanya luar biasa, kegementaran suaranya tak dapat hendak dikata-katakan''. Beliau memaklumkan beliau banyak mendengar perasaan-perasaan dan pendapat berkenaan dengan perayaan dan upacara perasmian Kemerdekaan di Persekutuan Tanah Melavu.

Genta bersejarah di kemuncak Bukit Puteri

Encik Osman Abadi menulis mengenai apa yang berlaku di Terengganu sempena kelahiran negara baru, bangsa baru yang Merdeka. "Sebaik kergelinier saja jam 12 tengah malam 31 Ogos, genta (loceng Raja) di Bukit Puteri telah digoncargu untuk memaklumkan kepada 42 ribu penduduk di kawasan bandar Kuala Terengganu akan kelahiran negara baru, bangsa baru yang Merdeka," demikian dimulakan oleh penulis. Kata beliau di samping bunyi genta, tabuh atau beduk besar dari masjid besar Sultan Zainal Abidin, semboyan Fire Brigade dibunyikan juga sama serentak pada ketika itu sebagai pemasyhuran bersama-sama dari tiga jurusan. Bagi rakyat Terengganu bunyi genta itu ialah bunyi yang istimewa jika dibunyikan selain daripada tiap-tiap malam di bulan puasa, atau Hari Raya Puasa ataupun Hari Raya Haji.

Kata penulis "Tanggal 31 Ogos ialah tanggal yang paling bersejarah bagi rakyat Persekutuan maka sudah pada tempatnya dialu-alukan dengan bunyian yang bersejarah untuk mengingatkan kembali zaman kebesaran sebelum penjajah bertapak di tanah air". Genta yang dipalu mempunyai hubungan sejarah yang rapat sekali dengan zaman kebesaran Kerajaan Melayu Terengganu yang Merdeka pada beberapa kurun yang lalu.

Penulis mengeluarkan banyak maklumat mengenai genta yang ada peranan hebat di Terengganu yang terletak di kemuncak Bukit Puteri, bukit yang bersejarah itu. Pada zaman dahulu genta adalah semboyan Kerajaan kerana digunakan untuk sesuatu kegemparan yang berlaku seperti kebakaran, orang mengamuk atau musuh melanggar negeri dan lain-lain. Mengikut adat negeri, jika genta dipalu setiap rakyat jelata yang mendengarnya dengan segera menutup pinut rumah dan kedai, masing-masing berkemas dan berjaga manakala sekalian pahlawan, perajurit dan hamba berlari menuju ke Istana lengkap dengan senjata mencari apa bencana yang menimpa, musuh mana yang mendatang. Besarnya genta ialah 91 inci lilit dan 31 inci tinggi dan diperbuat dari tembaga kuning, beratnya dua pikul dan dapat didengar bunyinya sejauh di antara 4 hingga 5 batu. Artikel panjang ini memberi riwayat ringkas mengenai genta di Bukit Puteri yang turut mengalu-alukan hari lahirnya Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka.

Setelah Merdeka tugas kita adalah besar

Pucuk pimpinan Parti Rakyat Negeri Melaka telah diperingatkan bahawa mereka adalah mempunyai tugas yang besar setelah Persekutuan mencapai Kemerdekaan. Ingatan itu telah disampaikan pita Encik Jaafar Tan, Ketua Penerangan Parti Rakyat Negeri Melaka, sewaktu berucap di majlis jamuan teh sambutan Merdeka yang dihadiri oleh 50 orang. Kata beliau "Perjuangan kita tidak akan tamat selagi cita-cita socialism yang kita perjuangkan itu belum dinikmati oleh rakyat negeri ini. Perjuangan kita sekarang ialah memberi kebahagiaan kepada rakyat".

Penduduk-penduduk Malaya berpeluang melihat filem perayaan Merdeka Persekutuan seminggu lagi

Dalam masa satu minggu lagi penduduk-penduduk Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura akan berpeluang menyaksikan filem mengenai perayaan Kemerdekaan. Filem-filem itu akan ditayangkan selama 30 - 40 minit dan adalah filem hitam putih sahaja. Ulasan selarinya adalah dalam bahasa Melayu, Tamil, Cina dan Inggeris.

Bunga Api di angkasa Singapura

Penduduk-penduduk Singapura yang tidak berpeluang melihat bunga-bunga api di Lake Garden, Kuala Lumpur dalam perayaan Merdeka, berpeluang melihat berbagai-bagai jenis pertunjukan bunga api di angkasa Singapura. Pertunjukan itu ialah hadiah kaum Jepun kepada perayaan Kemerdekaan dan 130 buah mercun yang ditembakkan di angkasa Singapura ialah baki daripada mercun-mercun bunga api yang diletupkan di Kuala Lumpur.

Pintu gerbang Cina dapat hadiah pertama

Di Alor Setar pintu gerbang yang dibuat oleh orang-orang Cina dengan perbelanjaan \$2,500 telah mendapat hadiah pertama dalam peraduan perhiasan kerana menyambut Kemerdekaan. Hadiah kedua dimenangi oleh Muslim League Kedah dan ketiga oleh Persatuan Orang-orang India dan Ceylon. 6 buah pintu gerbang telah didirikan di Alor Setar, iaitu 5 buah oleh orang ramai dan sebuah oleh Kerajaan. Hadiah pertama Perhiasan Kelab dimenangi oleh Dewan Perniagaan Cina, Perhiasan Rumah Perniagaan dimenangi oleh Encik M. Mohamad, dari Pekan Melayu, manakala Perhiasan Rumah Kampung dimenangi oleh Encik Darus Din, di Sungai Korok dan Perhiasan Sekolah oleh Joh Kiew School, di Kampung Baru.

Sambutan Merdeka

Terdapat banyak laporan mengenai sambutan Kemerdekaan di merata negeri. Antaranya termasuklah -

Perak

Di Bidor pada malam 30 Ogos di Masjid Jamek diadakan sambutan. Sementara menantikan jam 12.01 diadakan majlis tahlil, marhaban dan peraduan membaca Quran. Pada 31 Ogos diadakan perhimpunan di masjid dengan membaca pengisytiharan Kemerdekaan.

Lebih 20 pekan dan kampung di Teluk Anson telah merayakan Hari Kemerdekaan. Bandar Teluk Anson dihiasi dengan bendera warna-warni, lampu-lampu dan gambar Tunku. Perisytiharan dibaca pada pagi 31 Ogos dan sebelah petang pula temasya sukan. Pada malam diadakan wayang gambar, wayang kulit, joget moden, hadrah dan lain-lain.

Melaka

Di Batu Lapan diadakan jamuan di depan masjid pada 2 September dihadiri oleh 200 orang,

Johor

Di Lenga, Muar Merdeka disambut pada 6 hingga 8 September dengan rancangan-rancangan seperti ujian membaca Quran, syarahan, ronggeng, tarian, nyanyian lagu-lagu Melayu asli dan lagu-lagu Melayu rampaian.

Di Kukup pula pada petang 31 Ogos diadakan jamuan teh. Pada 20 September diadakan sukan pemuda-pemuda dan senaman kanak-kanak sekolah.

UMNO di Lubuk, Batu Pahat menyambut selama 3 hari dari 5 hingga 7 September dengan berbagai-bagai permainan dan sandiwara serta wayang Cina, kompang dan lain-lain. Sambutansambutan juga dibuat di Pinang Seribu, Muar dan Senggarang, Batu Pahat.

Negeri Sembilan

Di Jelebu pada 31 Ogos majlis tahlil, doa, bacaan Quran dan jamuan diadakan.

Gambar-gambar sempena Kemerdekaan

Pada 8 September, Utusan Zaman menyiarkan 29 gambar sempena sambutan Kemerdekaan. Di malam pertama ada satu gambar mengenai Pusparagam Merdeka yang disambut di Lake Garden, Kuala Lumpur. Gambar menunjukkan Puan Salmah Ismail sedang menyanyi "Di ribaanmu". Muka 2, ada 1 gambar genta di kemuncak Bukit Puteri, Kuala Terengganu. Di muka 3, terdapat 8 gambar sambutan di Muar dan Perak.

Di muka 5 pula ada 9 gambar mengenai hadiah-hadiah Merdeka yang diterima oleh Yang di-Pertuan Agong dan Tunku Abdul Rahman.

Muka 6, mempunyai 10 gambar perayaan Merdeka Malaya di Indonesia yang dilakukan pada 31 Ogos. Gambar-gambarnya begitu menarik sekali.

Tunku kepada nelayan-nelayan Kuala Kedah : "Tuan-tuan tak perlu menderita lebih lama lagi"

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, berkata di Kuala Kedah bahawa negara yang Merdeka tidak akan tunduk kepada sebarang penjajahan dari luar atau dalam negeri dan akan mempertahankan Kemerdekaan yang telah didapati itu berhabis-habisan. Beliau berkata demikian kepada 2,000 nelayan Melayu, lelaki dan perempuan. Inilah lawatan Tunku yang pertama ke Kuala Kedah semenjak Kemerdekaan diisytiharkan. Tunku melawat Kuala Kedah kira-kira jam 11 malam dengan cara mengejut.

Di antara ucapannya Tunku telah memuji tentang kerjasama dan sokongan nelayan-nelayan Melayu terhadap perjuangan kebangsaan sehingga Persekutuan Tanah Melayu tercapai Kemerdekaan dengan selamat. Tunku berjanji bahawa Kerajaannya akan mengambil perhatian yang berat atas nasib nelayan-nelayan tersebut "kerana tuan-tuan sekalian telah lama menderita dan tak perlu menderita lebih lama lagi".

Kuala Krai menjemput Tunku merayakan Kemerdekaan

Penduduk-penduduk Kuala Krai, Ulu Kelantan telah mengundang Tunku hadir bersama-sama merayakan sambutan Hari Kemerdekaan yang diadakan di Kuala Krai. Tunku dijemput meletakkan batu asas sebuah sekolah aeama pada 13 September.

Kuala Lumpur senyap kembali tetapi Perayaan-perayaan yang telah diadakan menjadi kenang-kenangan

Perayaan-perayaan Merdeka yang berjalan semenjak 29 Ogos 1957 dan berakhir pada 8 September telah meninggalkan kesan yang bersejarah yang tidak mudah dilupakan. "Ibu Kota Persekutuan Tanah Melayu Merdeka - Kuala Lumpur - yang semenjak beberapa hari sebelum Merdeka penuh sesak dengan kedengaran-kedengaran dan orang ramai, hari ini (8 September) telah mulai pulih semula sebagaimana biasa, tidak sibuk lagi. Lampu-lampu warna-warni yang panjangnya 20,000 ela - kira-kiral lo batu - yang telah menerangi ke seluruh kota ini semenjak 20 Ogos telah tidak lagi dinyalakan malam tadi. Kerajaan Persekutuan mengumumkan semalam bahawa "persiapan-persiapan Merdeka di bangunan-bangunan Kerajaan akan diturunkan mulai esok".

Melihat kembali kepada suasana Kuala Lumpur selama 10 hari, sesungguhnya menunjukkan bandar tersebut sebagai pulau "perayaan api" yang terang benderang dengan lampu-lampu berwarnawarni, bendera-bendera serta berbagai perhiasan. "Di sana-sini pertunjukan-pertunjukan yang berse-jarah dan permainan-permainan yang menggembirakan telah dibanjiri oleh orang ramai yang tak terkira jumlahnya di sepanjang jalan raya". Orang ramai yang tidak putus bermundar mandir dengan pakaian kebangsaan masing-masing menambahkan serinya malam-malam perayaan menyambut Kemerdekaan.

"Sekarang bandar Kuala Lumpur kembali seperti keadaan biasa dan orang ramai yang datang dari negeri-negeri lain telah mulai pulang ke tempat masing-masing". Jalan-jalan raya dalam bandar tidak lagi penuh dengan kenderaan-kenderaan atau orang ramai. Pertandingan-pertandingan sukan dan permainan-permainan Merdeka yang lain yang dimulakan semenjak 25 Ogos berakhir dengan pertandingan final yang termasuk permainan-permainan kriket, tenis dan bola.

Kesibukan Perayaan Merdeka di Kuala Lumpur telah bertukar kepada perayaan-perayaan Merdeka di negeri-negeri Melayu yang lain di Persekutuan. "Perayaan Merdeka selama 10 hari di Ibu Kota Persekutuan itu telah meninggalkan kesan-kesan yang tidak mudah dilupakan. Kesan-kesan yang menambah sejarah-sejarah negeri-negeri ini untuk dijadikan kenangan-kenangan selama-lamanya".

Upacara menabur bunga rampai dan bunga Merdeka dilangsungkan dengan meriah sekali di Alor Setar

Upacara menabur bunga emas dan perak bersama-sama dengan bunga rampai telah dilakukan dengan meriah sekali pada akhir perhimpunan Perayaan Persatuan Penanam-penanam Padi dan ahli-ahli Bank Syarikat Kerjasama Kedah Utara yang telah merayakan Hari Kemerdekaan di Padang Court, Alor Setar pada petang 7 September. Upacara menabur bunga emas dan perak dengan bunga rampai itu telah dimulakan oleh Tengku Bahiyah, isteri Raja Muda Kedah, puteri sulung Yang di-Pertuan Agong telah menyampaikan hadiah bunga emas dan perak kepada tetamu-tetamu khas. Kemudian daripada itu lebih 2,000 kuntum bunga emas dan bungkusan bunga rampai telah ditaburkan di depan lebih 2,000 orang lelaki perempuan, kebanyakkan penanam-penanam padi yang hadir di Perayaan itu. Upacara itu dilakukan dengan mengambil pengertian bahawa di negara kita yang Merdeka "padi akan mempunyai nilai yang tinggi seperti emas dan perak dan kehidupan penanam-penanam padi akan lebih makmur dan sentosa".

"Hormatilah Lagu Kebangsaan"

Ketua Pemuda UMNO Terengganu, Ungku Muhsein, telah mengeluarkan seruan kepada seluruh anggota Pergerakan Pemuda UMNO Terengganu supaya menghormati Lagu Kebangsaan dengan berdiri bila lagu itu dimainkan. Seruan itu dibuat terbit dari laporan-laporan yang diterima bahawa ada setengah-setengah Pemuda UMNO Terengganu yang tidak begitu menghormati Lagu Kebangsaan.

Seruan itu juga mengingatkan Pemuda-pemuda UMNO di seluruh Terengganu supaya menggunakan Salam Merdeka dengan sebaik-baiknya dan tidak dengan cara seolah-olah hendak mempermain-mainkan sahaja.

Kemerdekaan Malaya disambut dengan meriahnya di Sumatra

Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu tidak hanya disambut di tiap-tiap pelusuk Tanah Melayu sahaja malahan telah disambut tidak kurang meriah dan hangatnya di tiap-tiap pelusuk kepulauan Melayu (Indonesia) pada 31 Ogos.

Di Palembang, Kemerdekaan Tanah Melayu dirayakan dengan meriahnya. Di antara yang berucap ialah Gabenor Sumatra Selatan. Kata beliau antara lain dalam pidatonya "Dan di hari ini juga bangsa Melayu telah menduduki tempat yang sejajar dengan bangsa-bangsa yang telah Merdeka dan itu adalah berkat dari perpaduan dan perjuangan putera-puteri negara Malaya yang berlangsung beberapa tahun lamanya. Hari inilah rakyat Tanah Melayu mencapai hasil buahnya, sesuai dengan cita-cita segenap penduduk-penduduk Tanah Melayu".

Kata beliau lagi "bangsa Indonesia yang mempunyai pertalian yang erat dengan bangsa Malaya dalam hal kebudayaan, adat istiadat, bahasa, perekonomian dan sebagainya, kami menyambut Kemerdekaan Negara Tanah Melayu dan bangsa Melayu baru dengan penuh rasa gembira semoga bendera kebudayaan Tanah Melayu, yang mulai dikibarkan hari ini akan tetap berkibar-kibar untuk selama-lamanya dan semoga lagu kebangsaan 'Negara Ku' tetap berkumandang di udara segenap pelusuk Tanah Melayu dan semoga semboyan yang tercantum dalam lambang Malaya yang berbunyi "sekutu bertambah mutu" tetap menjadi pegangan bagi setiap putera-puteri bangsa Malaya dalam perjuangannya untuk menyempurnakan Kemerdekaan tanah airnya".

Penguasa Militer Tentera Tritorium Dua, Seriwijaya pula berkata "Tanah Melayu dan Indonesia ialah saudara sekandung dan seketurunan dan berharap Kemerdekaan Malaya dapat memberi menafaat bagi kedua-dua bangsa di masa depan. Kemerdekaan Malaya yang kita rayakan sangat besar ertinya bagi Indonesia. Kita harus bekerjasama dengan giat mengikis bersih segala pengaruh yang telah berurat akar di negara kita yang boleh memecah belahkan kita dan mengembalikan jiwa bangsa kita kepada asal dalam satu kebudayaan, satu pandangan menurut tatacara asli bangsa kita".

Mereka menyeberang Causeway Merdeka sementara waktu

Kira-kira 7,000 orang Melayu telah menyaksikan tableau Sejarah Johor 235 tahun dahulu yang diadakan di Padang Mahkamah Tinggi, Johor Bahru sempena menyambut Kemerdekaan. Tableau itu diadakan "untuk menjadi ingatan di waktu kita mencapai Merdeka" yang menceritakan kekalahan Sultan Johor di tangan Raja Kecil Siak hingga segala alat-alat kebesaran Johor dirampas.

Sultan Johor kemudian telah meminta bantuan pahlawan-pahlawan Bugis yang bersetuju memberikannya dengan syarat salah seorang dari mereka akan dilantik kelak menjadi Yang di-Pertuan Muda sekiranya Raja Kecil Siak itu ditewaskan dan alat-alat kebesaran Johor dikembalikan.

Di antara penonton-penonton tableau itu ialah orang-orang Melayu Singapura. Kata mereka "Kami datang kerana ingin merasakan - kalaupun buat sementara saja - Kemerdekaan Tanah Melayu," Tableau itu telah diadakan selama 3 malam.

Rumi menggantikan Jawi di Persekutuan?

Kementerian Pelajaran telah ditegur kerana dikatakan "berura-ura hendak menggunakan huruf Rumi menggantikan huruf Jawi. Ia telah disifatkan sebagai mengorbankan kebudayaan anak negeri untuk kepentingan orang-orang yang bukan Melayu". Teguran itu dibuat oleh Tuan Syed Mohd. Ali Alsaqaf, anggota Persekutuan Seruan Islam, ketika berucap dalam satu perjumpaan di rumah Jami'ah atas tajuk "Islam dalam Malaya Merdeka".

Beliau berkata beliau mendapat tahu "Kerajaan Persekutuan dalam rancangan pelajarannya telah memutuskan akan menggunakan huruf Rumi sebagai mengambil tempat huruf Jawi". Katanya lagi "Tidakkah intereti satu korban dalam kebudayaan kita sendiri untuk faedah orang-orang yang bukan Melayu menggunakan Rumi". Beliau menegaskan huruf Jawi ialah "huruf Quran, Quran huruf Arab, Arab bahasa Ouran dan bahasa Tuhan".

Beliau menyangkal pendapat yang menyatakan kemajuan tidak akan dicapai dalam ilmu-ilmu sains dan teknik dengan pemakaian huruf Jawi. Beliau memberikan contoh seperti negeri India, Pakistan", China, Jepun dan lain-lain yang telah maju di segenap lapangan ilmu dengan menggunakan hurufnya sendiri.

Pemimpin-pemimpin Malaya bertujuan hendak meninggikan taraf hidup

Tengku Abdul Halim, Raja Muda Kedah, berkata tujuan Pemimpin-pemimpin Malaya mendapatkan Kemerdekaan ialah kerana hendak meninggikan tarafi hidup penduduk-penduduknya baik dari segi siasah, pelajaran, ekonomi dan masyarakat. "Kemakmuran dan kemajuan negeri ini adalah bergantung kuat kepada orang-orang kampung di segenap bahagian khasnya orang-orang Melayu" kata Tengku Abdul Halim semasa berucap kepada 2,000 penanam padi, lelaki perempuan yang hadir di perjumpana Persatuan Penanam-penanam Padi Kedah dan Syarikat Kerjasama Kedah Utara di Padi Cadah dan Gunstiduk dan berpegang teguh kepada dasar perpaduan Syarikat Kerjasama untuk memajukan iktisad dan penshidupan mereka.

Sambutan Merdeka di sana-sini

Laporan mengenai sambutan berlaku di setiap negeri disampaikan lagi. Antaranya termasuklah:

Pahang

Penduduk-penduduk di Temerloh di kawasan Kampung Lipat Kajang Kerdau, Temerloh telah mengadakan sambutan Kemerdekaan secara sederhana pada 31 Ogos yang dihadiri oleh 300 orang. Penghulu telah melakukan upacara membuka tudung batu asas Peringatan "Merdeka", kemudian bendera Persekutuan dinaikkan dengan lagu kebudayaan dinyanyikan oleh murid-murid sekolah. Permainan juga diadakan selepas itu.

Negeri Sembilan

Sambutan di Jelebu akan dilakukan pada 14 September dengan Undang Jelebu meletakkan batu asas sebuah menara jam Peringatan Merdeka. Batu asas itu terletak di depan Pejabat Kerajaan. Sukan orang-orang dewasa dan murid-murid sekolah akan juga diadakan.

Perlawanan gasing antara kampung-kampung di Jajahan Jelebu akan juga diadakan. Pada sebelah malam pula akan diadakan jamuan makan Merdeka dan disusuli pula dengan tarian singa, tarian kuda, wayang gambar dan rongenge.

Penduduk-penduduk di Kampung Tanggai di Johol telah menyambut Kemerdekaan dengan membaca Yasin dan Tahlil serta pertandingan sukan.

Perak

Di Bendang Kering, Kuala Kangsar sambutan telah diadakan pada 31 Ogos jam 8.30 pagi dengan barisan murid-murid sekolah, pemuda-pemuda dan home guard. Nyanyian kebangsaan telah disampaikan oleh pemuda pemudi dengan penaikan bendera Persekutuan. Doa kesyukuran dibaca di majlis yang dihadiri 1,000 orang.

Penduduk-penduduk Kampung Tanah Hitam, Kelian Intan telah merayakan Kemerdekaan dengan mendirikan sebuah pintu gerbang khas yang didirikan oleh penduduk-penduduk Melayu. China, India dan Siam.

Selangor

Sambutan Kemerdekaan telah diadakan di Pekan Kuala Selangor pada 7 dan 8 September dengan mengadakan berbagai permainan dan pertunjukan. Di sebelah malam UMNO telah mengadakan sandiwara dan aneka warna bertajuk "Menuju Kemerdekaan" yang dimulai dengan tarian-tarian.

Kedah

Penduduk-penduduk Tawar, Baling telah mengadakan sambutan pada 31 Ogos dengan perarakan dan menaikkan bendera dan menyanyikan lagu kebangsaan.

Seberang Perai

Perikatan Bukit Mertajam dan Nibong Tebal pada 8 dan 9 September masing-masing mengadakan perayaan di padang. Bahagian Kaum Ibu UMNO memberi kuih kepada orang-orang sakit di hospital, sementara Pemuda-pemuda pula mengadakan barisan dan pelbagai rancangan lain.

Johor

Penduduk-penduduk di Tangkak akan mengadakan sambutan pada 15 dan 16 September dengan berbagai-bagai pertunjukan di padang besar dan jamuan nasi beriani.

Di Bakri, Muar, pasukan Pemuda pada 27 September akan mengadakan sukan, barisan, aneka warna dan wayang gambar. Kesatuan Guru-guru Melayu di Muar mengadakan majlis kesyukuran dan syarahan agama pada 9 September.

Gambar sempena Kemerdekaan

Terdapat 4 gambar kesemuanya bagi Utusan Melayu 9 September.

Di muka 2, ada 2 gambar sambutan Kemerdekaan Malaya di Indonesia iaitu di Palembang, Sumatra Selatan. Di muka 5, ada 2 gambar di Jakarta yang menunjukkan gambar-gambar bendera dan poster-poster.

200 enggan makan dalam masa Merdeka di khemah Ipoh

Lebih 200 orang tahanan darurat dalam khemah tahanan di Ipoh telah melancarkan mogok lapar selama 3 hari mulai tarikh pengisytiharan Kemerdekaan Kerana membantah sikap pemerintah yang terus menahan mereka walaupun Persekutuan telah Merdeka. Tahanan-tahanan darurat itu telah mengirim memorandum kepada Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman yang sekarang menjadi Perdana Menteri Persekutuan. Mereka menuntut supaya mereka dibebaskan dengan segera kerana Malaya telah mencapai Kemerdekaannya. Memorandum itu bertarish 23 Ogos 1957 dan ditandatangani oleh ketua orang-orang tahanan di khemah tahanan. Perdana Menteri tidak menjawab memorandum itu disebabkan terlalu sibuk dengan sambutan Kemerdekaan. Dengan sebab itu orang-orang tahanan itu melancarkan mogok laparnya selama 3 hari sebagai membantah memorandum yang tidak berjawab itu.

Di khemah tahanan itu telah diadakan cogan kata dan perarakan-perarakan serta perjumpaanperjumpaan: Herjumpaan itu diaporkan diperhebatkan pada hari penghabisan mogok lapar itu. Tuan T.H.H. Thomas, Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Khemah-khemah Tahanan, mengesahkan orangorang tahanan telah mengirim memorandum kepada Perdana Menteri tetapi beliau menafikan bahawa 'mogok lapar' itu dimaksudkan kerana membantah sikap Kerajaan tidak menjawab memorandumnya. Kata beliau kejadian-kejadian di khemah tahanan berpunca dari pihak pengacau.

Lima buruh dibuang kerja kerana mengambil cuti Merdeka lebih sehari

Pejabat Buruh Melaka akan menyiasat pembuangan 5 pekerja Syarikat Ghuthrie Latex. Tebung kerana dikatakan mengambil cuti lebih sehari kerana merayakan Kemerdekaan. Kelima-lima pekerja yang dibuang telah membuat aduan. Satu penyiasatan akan dibuat mengenai perkara itu dan tindakan akan diambil satelah selesai penyiasatan itu.

Tunku kepada Parti-parti di luar Perikatan : Terima kasih kerana usaha tuan-tuan menyekar akan Kemerdekaan Malaya

Tunka Abdul Rahman, Perdana Menteri atas nama Ketua Majlis Perikatan Malaya mengucapkan terima kasih kepada Parti-parti Politik di luar Perikatan yang telah berjasa bersama-sama memperjuangkan Kemerdekaan yang telah didapati oleh Persekutuan. Berucap di dalam satu Majlis perjumpaan ramai yang dianjurkan oleh UMNO bahagian Kedah Selatan di Kulim, Tunku berkata "Partiparti Politik itu walaupun mempunyai fahaman yang berlainan dengan Perikatan tetapi mereka bertujuan sama iaitu memperjuangkan Kemerdekaan Tanah Melayu. Parti-parti itu sedikit sebanyak telah
berusaha menyegerakan tercapainya Kemerdekaan negeri ini walaupun mereka telah kalah dalam
Pilihan Rava dulu".

Beliau menyeru rakyat bekerjasama dengan Kerajaan supaya rancangan-rancangan untuk kemakmuran dapat dijalankan dengan jujurnya, terutamanya usaha menghapuskan darurat. Di akhir upacara, Tunku meminta orang ramai membaca Alfatihah sebagai hadiah kepada mereka yang gugur dalam perjuangan Kemerdekaan.

Orang-orang Melayu diingatkan jangan mabuk Merdeka

Encik Hashim Awang, ahli Majlis Undangan Federal, telah mengingatkan orang-orang Melayu supaya jangan lali dengan bersuka-sukaan dan mabuk Merdeka tetapi hendaklah menumpukan perhatian untuk merebut peluang yang sekarang telah terbuka. "Rebutlah segala peluang-peluang yang dibukakan oleh Kerajaan kepada kita bagi kemakmuran dan kebahagiaan bangsa dan negara. Tanahtanah yang masih belum dibuka adalah menanti tenaga, demikian juga perusahaan dan perniagaan."

Beliau menyatakan rasa bimbangnya jika sekiranya pemuda-pemuda Melayu tidak dari sekarang mengambil bahagian yang aktif untuk mencapai dan merebut peluang-peluang yang sedang terbuka kerana katanya "Jika dari sekarang kita tidak mulakan usaha itu kita akan menyesal tak sudah pada masa yang akan datang, Kemerdekaan ini tidak akan memberi sebarang erti kepada bangsa kita".

Beliau terus berkata "Negeri kita adalah negeri yang kaya, tetapi jika sekiranya kita enggan memunggah kekayaan itu, orang lain akan melakukannya. Mereka akan kaya raya dan bangsa kita yang lali itu akan mempunyai sebuah gitar dan alat-alat bunyian saja, manakala perempuan pula hanya mempunyai kalungan-kalungan bunga untuk mendapat wang menjadi pelayan-pelayan dan untuk penghiburan."

Selain daripada menyeru supaya pemuda-pemuda bergerak cergas dalam lapangan perusahaan dan permiagaan. Encik Hashim juga menyeru supaya "orang-orang Melayu bersatu padu, bekerja sama ada bersedia meningealkan kampune halaman untuk mencari kehidunan baru di tempat yang baru;

1956 tahun yang bersejarah kepada Persekutuan Tanah Melayu

Tahun 1956 terbukti sebagai tahun yang bersejarah bagi Persekutuan Tanah Melayu kerana beberapa kejadian dan perubahan Perlembagaan telah bermula dari tahun itu yang membukakan pintu sehingga negeri ini mencapai Kemerdekaannya pada 31 Ogos. Maklumat ini dikeluarkan dalam Penyata Tahunan Kerajaan Persekutuan yang baru diterbitkan.

Pada awal bulan Januari 1956, satu Persidangan telah diadakan di London di antara wakil-wakil Kerajaan British, Raja-raja Melayu dan Kerajaan Perikatan di mana penubuhan untuk Perlembagaan Persekutuan telah dibincangkan. Persidangan itu mencapai keputusan yang bersejarah pula bahawa Persekutuan Tanah Melayu dimerdekakan, kalau boleh pada 31 Ogos 1957. Penyata itu telah mencatatkan bahawa selepas keputusan itu, beberapa perubahan Perlembagaan telah diadakan, satu demi satu Suruhanjaya Perlembagaan dibentuk yang merangka Perlembagaan kepada negara Persekutuan Tanah Melayu Merdeka. Mengenai darurat, penyata itu menerangkan pada tahun 1956, dasar umum Parti Komunis Malaya ialah untuk memadukan kekuatannya dengan mengelakkan pertempuran seberapa yang beleh dengan pasukan keselamatan.

Dalam masa itu juga Parti Komunis melancarkan tindakan-tindakan keganasan sebagai membuktikan bahawa ia masih wujud dan harus diambil perhatian, demikian menurut penyata itu.

Penyata itu juga menyatakan dalam tahun 1956, Gerakan-gerakan Keganasan Komunis telah kurang dari kejadian-kejadian yang berlaku pada tahun 1955. Pukul rata, 39 gerakan pengganas telah berlaku tiap-tiap bulan pada tahun 1956 jika dibandingkan 63 kejadian sebulan pada tahun sebelumnya.

Penyata itu berkata Pasukan Keselamatan telah mendapat satu kemenangan yang besar pada bulan April 1956 apabila Yong Kau, Timbalan Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya, telah dibunuh oleh satu patrol rifle brigade dekat Semenyih, Selangor.

Pemuda-pemuda Kampung Baru menyampaikan ikrarnya kepada Tunku

Persatuan Pemuda-pemuda Melayu, Kampung Baru, Kuala Lumpur menghantar surat kepada Tunku dengan menyatakan ikrar untuk "mengabdikan diri dan menumpahkan segala tenaga kepada mengisi Kemerdekaan Persekutuan. Kami Pemuda-pemuda Melayu Kampung Baru dengan tak memandang kepercayaan dan pengaruh siasah yang mengikat kami, berikrar dengan sepenuh hati akan menumpahkan segala tenaga dan bersedia mengabdikan diri dengan sepenuhnya untuk negeri dan menunaikan tanggungjawab mengisi Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu serta mempertahankan Kemerdekaan itu seluruhnya".

Kemerdekaan disambut dengan meriah sekali di Pahang

Perayaan menyambut Kemerdekaan seluruh Pahang yang dimulakan pada 8 September di serata bandar hingga ke kampung-kampung telah disambut dengan meriahnya oleh orang ramai dengan aneka ragamnya menurut acara yang telah siap diatur oleh pengelola perayaan.

Perayaan diadakan bergilir-gilir dari satu daerah kepada daerah yang lain sehingga ke akhir bulan September. Perayaan-perayaan itu dijalankan dalam suasana gembira dan tenteram. Semua bangsa dan golongan masyarakat mengambil bahagian dalam perayaan-perayaan tersebut. Dalam kawasan-kawasan kebun getah, kedai-kedai pembeli getah semenjak beberapa hari telah penuh sesak dengan orang-orang menjual getah untuk perbelanjaan merayakan Kemerdekaannya.

Mukim pertama yang mengadakan perayaan ialah di Raub yang diadakan selama 3 hari yang dimulakan dengan membaca pengumuman Kemerdekaan. Di Kuantan, perayaan selama 3 hari dihadiri oleh lebih 10,000 orang yang telah menyaksikan perayaan siang dan malam. Perayaan di Pekan pula sangat menarik hati penduduk-penduduk yang kebanyakannya orang Melayu. Di beberapa bandar lain juga telah diadakan perayaan serentak, kebanyakannya diadakan siang dan malam.

Rancangan sambutan Merdeka di Negeri Sembilan

Pasukan Battalion ke 7 Askar Melayu di Seremban telah mengadakan sambutan dengan dihadiri oleh 100 orang. Acara-acara termasuk berdoa selamat dan kesyukuran dengan jamuan nasi minyak.

Antara sambutan-sambutan termasuklah di Rembau pada 10 September dengan sukan di padang, sepak raga dan gasing, bola dan badminton. Di Jelebu pula pada 14 September diadakan sukan, jamuan teh, tarian singa, ronggeng dan wayang kulit serta pertandingan gasing.

Di Port Dickson pada 13 September diadakan sukan, sukan laut, *funfair* dan pertunjukan bunga api.

Di Kuala Pilah pada 12 September diadakan sukan sekolah, pertunjukan kebudayaan Melayu, permainan bola, badminton, jamuan Merdeka dan pertunjukan kebudayaan Cina dan India.

Kaum Ibu UMNO Kuala Pilah mengadakan satu pertunjukan yang berupa kesenian dan kebudayaan Melayu pada 13 dan 14 September. Antara pertunjukan itu ialah mengarak pengantin, istiadat menyembah, tarian inai dan lain-lain.

Di Tampin pada 15 September akan diadakan permainan kanak-kanak, sukan dan memberi makan kepada kanak-kanak.

Banyak lagi mukim dan kampung-kampung yang merayakan Hari Kemerdekaan dengan berbagai cara dan aturan.

Sabak Bernam merayakan Merdeka tiga hari

Perayaan Kemerdekaan secara besar-besaran diadakan selama 3 hari 3 malam di Sabak Bernam daripada 14 hingga 16 September. Pertunjukan-pertunjukan termasuk permainan dan sukan serta tanamantanaman perusahaan.

Pertunjukan tanaman di Alor Gajah rancangan Merdeka

Suatu pertunjukan tanaman seluruh negeri Melaka akan diadakan di Alor Gajah pada 14 dan 15 September. Pertunjukan yang pertama kali diadakan sesudah Melaka Merdeka akan dibuka dengan rasminya oleh Gabenor Melaka. Selain daripada pertunjukan tanaman-tanaman akan diadakan berbagai gerai pertunjukan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan perniagaan.

Tunku pertahankan pakaian rasmi

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, mempertahankan pakaian rasmi Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan yang disifatkan oleh setengah-setengah pihak sebagai simbol penjajahan. Tunku berkata "pakaian tersebut telah dibuat setelah memikirkan dan mengkaji dari segala segi mengenai adat dan Perlembagaan negeri". Kepada Tunku, topi berbulu angsa itu biasa dipakai oleh pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang bercorak Raja berperlembagaan seperti United Kingdom dan lain-lain lagi.

Kata Tunku "bulu angsa itu adalah sebagai satu tanda bahawa pegawai-pegawai tersebut taat menjunjung perintah dan menunaikan tugasnya dan kewajipannya atas nama Raja. Negara Persekutuan Tanah Melayu yang baru Merdeka yang bercorak Raja, berperlembagaan dan sudah munasabah Menteri-menterinya memakai topi seumpama itu kerana negeri ini bukan negeri yang berbentuk Republik."

Akhir sekali kata Tunku tuduhan-tuduhan yang menyatakan pakaian Menteri-menteri itu sebagai "simbol penjajah" adalah salah kerana "kita adalah orang-orang yang telah berusaha melenyapkan penjajahan dari negeri ini".

Gambar sempena sambutan Kemerdekaan

Sempena sambutan Kemerdekaan terdapat 9 gambar kesemuanya. Di muka 5 ada satu gambar sempena tableau tonggak Kerajaan Johor yang mengisahkan kejadian di negeri Johor, 235 tahun dahulu.

Di muka 6 terdapat 8 gambar pemandangan di Pulau Pinang semasa perayaan Kemerdekaan dan upacara penyerahan Kuasa Pulau Pinang dari Pemerintahan Inggeris, Raja Sir Uda mengangkat sumpah menjadi Gabenor serta pembacaan Perisytihaan Kemerdekaan dan lain-lain.

Rabu 11 September 1957, 16 Safar 1377

Tunku tegaskan lagi sikapnya terhadap Komunis

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, berkata di perjumpaan ramai Padang Mahkamah Johor Bahru dalam upacara Perayaan Merdeka UMNO Bahagian Johor Bahru, bahawa walaupun Kemerdekaan negara ini telah mendapat pujian dari negara-negara Komunis, tetapi Kerajaannya tidak akan mengakui Parti Komunis Malaya kerana Komunis tidak boleh mengamalkan dasar hidup bersama dengan sebarang Kerajaan.

"Kalau kita menghalalkan Komunis, mereka akan menghalau kita bila mereka mendapat kekuatan", kata Tunku sambil menerangkan kejadian-kejadian yang telah berlaku di negeri-negeri China, Korea, Vietnam di mana "Komunis telah menghalau Kerajaan yang ada sekarang".

Kata Tunku lagi "Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah diakui oleh kawan, lawan dan inilah pertama kali negara ini mencapai Kemerdekaan yang sebenar-benarnya. Di masa dulu Negeri-negeri Melayu menikmati Kemerdekaan hanya dalam negeri masing-masing". Mengenai dasar luar Perikatan, Tunku berkata bahawa negeri ini akan mengadakan perhubungan diplomatik dengan semua negeri termasuk Mesir dan Saudi Arabia. Persekutuan akan berbaik-baik dengan semua negeri dan akan mementingkan soal perdagangan. Beliau menegaskan terpulanglah kepada rakyat negeri ini untuk menentukan sama ada Persekutuan masuk Pakatan Seato atau Afro-Asia.

Mengenai 'bidasan' setengah-setengah Pemuda UMNO bahawa topi bulu burung yang dipakai oleh Menteri-menteri Persekutuan Tanah Melayu ialah simbol penjajahan, Tunku berkata bulu-bulu burung itu ialah simbol kehormatan dalam negeri yang beraja. Selagi bulu burung itu di kepala "selama itulah kita menjunjung perintah Raja". Kata beliau "sebelum Merdeka orang-orang Melayu yang setinggi-tinggi pangkatnya pun tidak boleh memakai topi bulu burung tetapi sekarang Menteri-menteri boleh memakainya sebagai simbol kebesaran negeri ini".

Tunku dan Menteri-menterinya berniat hendak berkhidmat kerana bangsa dan tanah air. Selagi ada hayatnya, beliau meminta nasihat dan teguran dari rakyat sekiranya perjalanan Kerajaankerajaannya terpesong.

Tunku tiba di majlis Perayaan Merdeka itu dengan disambut oleh Pemuda-pemuda UMNO menaiki motosikal. Seramai 150 Pemuda dan 50 Pemudi UMNO telah mengadakan Barisan Kehormatan. Seruan Merdeka bergema dilaungkan waktu ketibaan Tunku. Lagu 'Negara Ku' dimainkan selepas bendera Persekutuan dinaikkan apabila Tunku mengambil tempatnya di pentas. Semasa Tunku sedang berucap, 2 pemuda dari barisan kehormatan jatuh kerana pitam disebabkan terlalu lama berdiri.

Razak pegang sementara kerja Lee, Sidang pertama Kabinet putuskan

Kabinet Persekutuan Tanah Melayu Merdeka yang mengandungi 12 orang Menteri yang dipimpin oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tunku Abdul Rahman Pura, telah mengadakan Persidangan kali pertamanya semenjak Persekutuan diisyitharkan sebagai negara yang Merdeka. Persidangan itu diadakan selama 2 ½ jam pada 10 September. Encik Abdul Aziz bin Haji Abdul Majid, bekas Menteri Besar Selangor yang menjadi Setiausaha Tetap kepada Pejabat Perdana Menteri telah menjadi Setiausaha Persidangan tersebut.

Di Persidangan itu 12 anggota Kabinet telah hadir yang terdiri daripada :

- 1) Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Tunku Abdul Rahman
- 2) Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan Dato Abdul Razak bin Hussein

- 3) Menteri Kewangan Col. H.S. Lee
- 4) Menteri Dalam Negeri dan Keadilan Encik Sulaiman bin Dato Abdul Rahman
- 5) Menteri Kesihatan Tuan V.T. Sambanthan
- 6) Menteri Pertanian, Perikanan dan Kehutanan Encik Abdul Aziz bin Ishak
- 7) Menteri Kerjaraya, Pos dan Telekom Encik Sardon bin Haji Jubir
- 8) Menteri Perdagangan dan Perusahaan Tuan Tan Siew Sin
- 9) Menteri Buruh, Sosial dan Kebajikan Tuan Ong Yoke Lin
- 10) Menteri Hasil Bumi Encik Bahaman Shamsuddin
- 11) Menteri Pelajaran Encik Mohd. Khir Johari
- 12) Menteri Pengangkutan Encik Abdul Rahman Hj. Talib.

Dato Abdul Razak dilantik selama satu bulan sebagai Menteri Kewangan, semasa Col. H.S. Lee yang bertolak ke Canada dan Amerika Syarikat menghadiri Persidangan Menteri-menteri Kewangan Commonwealth. Sidang Kabinet pada hari itu telah mengkaji semula kerja-kerja kemajuan yang telah dijalankan sebelum Merdeka dan yang akan dilaksanakan dengan seberapa segeranya keria-keria itu sesudah Merdeka.

Pemuda UMNO Batu Pahat juga tak setuju pakaian rasmi Menteri-menteri Persekutuan

Pergerakan Pemuda UMNO, Batu Pahat, juga tidak bersetuju dengan pakaian rasmi Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan, terutamanya topi yang kata mereka adalah merupai pakaian penjajah. Usul ini akan dibawa supaya pakaian rasmi Menteri-menteri Kerajaan diubah iaitu topi digantikan dengan songkok Melayu.

"Selepas Merdeka orang-orang Melayu hendaklah bersungguh-sungguh memajukan ekonomi" seru Raja Perlis

Tuan Syed Putra Jamalullail. Raja Perlis, merasa bangga kerana Persekutuan Tanah Melayu telah mendapat Kemerdekaan menerusi saluran-saluran Perlembagaan dengan tidak menumpahkan darah sedikit pun. Baginda menyatakan demikian di Mailis Menyambut Hari Keputeraan yang ke 39.

Baginda menyatakan, selepas Kemerdekaan ini orang-orang Melayu hendaklah berusaha bersungguh-sungguh memajukan ekonomi mereka kerana kemajuan orang-orang Melayu terletak di tangan orang-orang Melayu sendiri. "Saya meminta Pegawai-pegawai Kerajaan dari segenap peringkat supaya bekerja lebih kuat untuk mengabdi kepada rakyat dan negara kerana negara kita yang muda ini bergantung kepada mereka untuk mencapai kemakmuran dan kebahagiaan untuk rakyatnya. Sekiranya ada kerjasama yang penuh antara rakyat dengan pegawai-pegawai Kerajaan maka tentulah tidak ada sebab kemajuan-kemajuan tidak dapat dicapai."

Pelajaran bahasa Inggeris dikurangkan di sekolah-sekolah Persekutuan

Kementerian Pelajaran mengumumkan, masa pelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah umum di seluruh Persekutuan adalah dikurangkan untuk memberi kesempatan penuh kepada murid-murid mempelajari pengetahuan am sesuai dengan kemajuan Malaya Merdeka, Tetapi masa pelajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah tetap seperti biasa iaitu 390 minit satu minggu. Masa pelajaran bahasa Inggeris akan dikurangkan sehingga 180 minit dalam satu minggu berbanding dengan 330 minit pada masa lampau, Kuatkusas pindaan pelajaran bahasa Inggeris ini di Perak bermula pada 8 Septembar

Bila ditinjau di kalangan guru-guru ramai yang berpendapat "langkah pertama bagi mengurangkan pemakaian bahasa Inggeris di samping meluaskan dan mempercepatkan lagi pemakaian bahasa Melayu dalam Malaya Merdeka sesuai dengan dasar pelajaran Dato Abdul Razak 1957 bahawa bahasa Melayu itu akan dijalankan dengan sepenuh-penuhnya di seluruh Persekutuan lepas 10 tahun Merdeka".

Sejarah Kelantan purbakala sedang dipertunjukkan sekarang

Pertunjukan sejarah Kelantan purbakala yang diadakan bagi pertama kali pada 10 September di Kota Bharu telah mendapat sambutan istimewa daripada orang ramai. Babak sejarah yang ditunjukkan ialah sejarah Sultan Mansur Shah, Johor yang melanggar Kelantan, Pertunjukan tarian "Impian Asyik" telah juga diadakan. Lain-lain pertunjukan termasuklah silat, pencak, gayong, makyong, dikir barat dan wayang kulit. Pertunjukan ini semua adalah selama 5 hari.

Lebai Hussin berjaya membayar nazar

Lebai Hussin bin Lebai Taib dari Kulim, Kedah telah berjaya membayar nazarnya hendak membasuh kaki dan tangan Tunku Abdul Rahman. Beliau bernazar membuat demikian apakala Malaya mendapat Kemerdekaannya. Lebai Hussin telah membawa air mawar bercampur dengan bunga-bunga ros menemui Tunku dan kemudiannya membasuh kaki dan tangan Tunku. Kata beliau "saya bersyukur kerana dapat membayar niat saya dan kerana negara kita telah Merdeka".

Sebelum Lebai Hussin menunaikan nazarnya seorang tua nama "Pak Zain" pula datang dan merebahkan dirinya dan mencium tangan Tunku sambil menangis dan memuji-muji Tunku yang telah memimpin rakyat sehingga mencapai Kemerdekaan.

Malaya Merdeka akan mengadakan hubungan diplomatik

Tunku Abdul Rahman menyatakan Malaya Merdeka adalah bebas mengadakan hubungan diplomatik dengan sebarang negeri dalam dunia walaupun ada di antara negeri-negeri itu yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Kerajaan Inggeris. Beliau berkata Persekutuan akan mengadakan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Mesir dan Saudi Arabia tidak lama lagi. Kata Tunku, hubungan diplomatik dengan dua negara Islam itu adalah perlu kerana pelajar-pelajar Malaya ramai tinggal di negara-negara tersebut. Duta Mesir di Jakarta telah ditugaskan oleh Presidennya untuk menyampaikan tahniah Mesir kepada Tunku atas Kemerdekaan Malaya.

Buruh Melayu terhina kerana diperintah bekerja pada 31 Ogos

150 orang buruh Melayu, kebanyakannya kaum ibu yang memburuh di Tanah Merah Estet, Tangkak, Johor merasa terhina kerana mereka diperintahkan bekerja pada 31 Ogos. Hari tersebut ialah hari kelepasan umum di seluruh negara dan persatuan-persatuan estet juga menjadikan hari tersebut sebagai hari kelepasan kepada buruh-buruhnya.

Seorang buruh memberitahu dia merasa terhina kerana pada hari yang paling bersejarah itu, dia diperintah bekerja, berjemur dan memegang cangkol. Katanya, di estetnya tidak diadakan sambutan Kemerdekaan seperti yang dibuat oleh lain-lain estet termasuk mendirikan pintu gerbang.

Beberapa buruh memberitahu mereka khuatir hendak meninggalkan kerja pada hari yang bersejarah itu kerana jika mereka meninggalkan kerja, mungkin mereka akan diberhentikan kerja. Seorang buruh juga memberitahu semasa pilihan mengundi dan kalau mereka mahu mengundi juga hendaklah menggunakan simbol 'padi'.

Perkara memerintahkan bekerja pada 31 Ogos akan dikemukakan kepada UMNO Cawangan Paya Mas, Tangkak kerana ramai buruh menjadi ahli UMNO Cawangan tersebut.

Sempena Merdeka baik bekerja lebih keras dan tebas semak

Penghulu Mukim Benut, Batu Pahat, Tuan Haji Ayub bin Haji Nawawi di majlis sambutan Hari Kemerdekaan menyuruh anak-anak buahnya mengambil sempena Merdeka dengan bekerja bertambah keras bercucuk tanam "Sempena Hari Kemerdekaan ini sangat baik, bahkan tanaman-tanaman kita juga patut dimerdekakan daripada semak samun. Oleh itu hendaklah tuan-tuan tebas semak samun yang mengganggu tanaman-tanaman itu".

Penduduk-penduduk Pulau Pinang masih lagi merayakan Kemerdekaan Persekutuan

Penduduk-penduduk Pulau Pinang masih merayakan Merdeka semenjak 30 Ogos lagi. Antara acaraacaranya ialah jamuah teh, menaikkan bendera, temasya aneka warna, sandiwara dan lain-lain yang ada di antaranya dihadiri oleh Gabenor.

Sambutan Merdeka

Masih ada lagi laporan-laporan ringkas sambutan Merdeka di rata-rata tempat. Ini termasuklah :

Johor

Sambutan dibuat di Gamreh, Segamat dengan syarahan dan lain-lain. Manakala di Segamat pula diadakan jamuan nasi minyak pada 11 September. Di Gamreh, Segamat diadakan majlis membaca Yasin dan doa selamat. Di Kota Tinggi akan diadakan sambutan ramai termasuk sandiwara 2 malam oleh Kaum Ibu UMNO.

Perak

Di Tanjung Rambutan diadakan majlis kesyukuran dan membaca Yasin. Di Kuala Sayong, Kuala Kangsar telah diadakan majlis tahlil pada 31 Ogos. Sementara di pekan Alor Gajah penduduk-penduduk menyambut Merdeka dari 30 Ogos hingga 3 September selama 5 hari. UMNO, MCA dan MIC telah mendirikan sebuah pintu gerbang. Sambutan yang diadakan ternasuk tayangan wayang gambar.

Terengganu

UMNO - MCA Terengganu akan menganjurkan sambutan Merdeka khas pada 19 dan 20 September sempena lawatan Tunku di kawasan tersebut.

Gambar sambutan Merdeka

Semuanya terdapat 5 gambar yang meliputi satu gambar Gabenor Pulau Pinang di upacara membaca doa kesyukuran di muka 3.

Di muka 6 terdapat 3 gambar yang termasuk di Pulau Pinang semasa Union Jack diturunkan dan upacara-upacara dengan Askar Melayu.

Di muka 8 ada 1 gambar pintu gerbang di Muar sempena sambutan Kemerdekaan.

Lagi dilahirkan di Hari Kemerdekaan

Seorang kanak-kanak lelaki telah dilahirkan pada jam 3 pagi 31 Ogos, hari tercapainya Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Kanak-kanak itu dilahirkan di Kampung Bukit Merah, Taiping dan dinamakan Mohd. Nor bin Basran. Che Jamilah bt. Hj. Abu Bakar, isteri Kopral Ramli telah melahirkan seorang anak lelaki pada jam 8.30 pagi 31 Ogos di Kampung Simpang Bekoh, di Jamin. Anak itu diberi nama Abdul Aziz bin Ramli.

Penduduk-penduduk Kampung Selayang dapat 'hadiah Merdeka'

Penduduk-penduduk Kampung Selayang, sebuah kampung lima batu dari bandar Kuala Lumpur, adalah orang-orang yang paling suka sekali pada hari Merdeka kerana di hari itu bekalan kuasa letrik mulai dimasukkan ke kawasan kampung itu. Mereka menganggap bekalan letrik itu satu hadiah Merdeka kepada mereka. Mereka sebenarnya telah meminta kuasa letrik sembilan tahun sebelum Merdeka.

Mereka berterima kasih kepada Menteri Kerjaraya, Pos dan Telekom, Encik Sardon Hj. Jubir yang telah memberi "hadiah Merdeka" dengan bekalan letrik tersebut kepada Selayang.

Rakyat Negeri Kelantan diminta merebut peluang membuka tanah dan membangunkan perusahaan

Rakyat Negeri Kelantan diseru merebut peluang yang sedang terbuka untuk bercucuk tanam dan membuka perusahaan-perusahaan supaya bangsa Melayu yang tertinggal dalam lapangan itu pada masa yang sudah-sudah dapat menandingi kemajuan orang-orang lain.

Rakyat diseru supaya menanam rasa berbaik-baik sangka antara satu sama lain kerana dengan perasaan demikian sahaja keamanan akan dapat dicapai dan apakala keamanan tercapai kemakmuran dan kebahagiaan rakyat akan menurut di belakangnya. "Negara kita baru saja mendapat Kemerdekaannya dan sebagai rakyat yang Merdeka, rakyat negeri ini harus tahu akan tanggungjawabnya bagi mengisi Kemerdekaan itu", demikian dikatakan oleh Ketua Jajahan Kota Bahru, Encik Yusof Hij, Hassan dan Ketua UMNO, Tengku Indera Putra.

"Pada masa yang lalu kita duduk di bawah telunjuk orang, tetapi setelah negeri ini Merdeka kita sendirilah yang bertanggungjawab dalam segala soal yang mengenai negeri ini", kata Encik Yusof.

"Kemerdekaan tak bererti kalau kemakmuran tak ada"

Menteri Hasil Bumi Persekutuan Tanah Melayu, Encik Bahaman bin Shamsuddin, menyeru penduduk-penduduk di Teluk Anson supaya tidak ketinggalan untuk bersama menyumbangkan tenaga untuk membina Persekutuan Tanah Melayu yang telah mencapai Kemerdekaan. "Negara kita setah mencapai Kemerdekaan ini sangat memerlukan kerjasama dan tenaga rakyat untuk kemakmurannya. Kemerdekaan tidak bererti sama sekali kalau tidak ada kemakmuran", kata Encik Bahaman. Beliau menyeru rakyat terutama sekali orang-orang Melayu merebut peluang yang disediakan oleh Kerajaan mengikut rancangan lima tahun bagi pembinaan dan kemakmuran rakyat Persekutuan".

Tunku nafikan akhbar Inggeris

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, menafikan berita dalam sebuah akhbar Inggeris bahawa beliau akan menemui Sultan Johor untuk "berdamai" iaitu setelah Baginda memulaukan perayaan-perayaan Merdeka di Kuala Lumpur mulai 31 Ogos. Kata Tunku berita itu 'karut semata-mata' dan sama sekali tidak benar.

Tunku menjelaskan lazimnya apabila beliau datang ke Johor, beliau menemui Baginda untuk beramah-tamah. Tunku juga menafikan berita bahawa beliau akan meminta sokongan Sultan Johor untuk rancangan Kerajaan Persekutuan hendak menamatkan darurat dan untuk rancangan kemajuannya.

Miss UMNO jadi 'Ratu Merdeka' dan 'Puteri Merdeka'

Gadis cantik Kuala Kerai, Kelantan, yang pernah menyandang gelaran 'Miss UMNO' Kelantan dalam tahun 1956 telah berjaya menyandang gelaran-gelaran 'Ratu Merdeka' dan 'Puteri Merdeka' Kelantan. Gelaran-gelaran itu telah dapat disandang oleh Che Zalihan Tasir, berumur 15 tahun, dalam peraduan yang diadakan sempena perayaan Merdeka. Zalihan dapat gelaran 'Puteri Merdeka' dalam bahagian Peraduan merebut 'Ratu Merdeka' yang juga telah dijalankan. Perayaan Kemerdekaan di Kelantan ditamatkan dengan bakaran bunga api.

Patung gajah dijadikan batu peringatan Merdeka di Perak Utara

Sebuah batu peringatan Kemerdekaan yang merupakan seekor anak gajah yang berdiri telah didirikan di padang Kerajaan di Grik, Perak. Upacara membuka dan merasmikan batu peringatan itu telah dilakukan pada 31 Ogos. Banyak tempat di Perak diadakan sambutan yang termasuk di Chemur, Kampung Kota Bahru, Ipoh. Kampar, Gopeng, Parit dan Tanjung Rambutan.

Di Chemur telah diadakan nyanyian, lawak jenaka dan peraduan; manakala di Kampung Kota Bahru, 7 batu dari Ipoh, diadakan wayang gambar, sukan. Di Parit pula telah diadakan pertunjukan aneka warna dan sukan sungai. Di Ipoh, sambutan dari 31 Ogos tamat 10 September dengan berbagai persembahan dan jamuan-jamuan.

Tunku akan meletakkan batu asas Dewan Merdeka

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, akan meletakkan batu asas Dewan Merdeka Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 25 September. Dewan Merdeka itu berharga \$60,000.

Pertunjukan perdagangan Merdeka menerima ucapan-ucapan tahniah

Pertunjukan Perdagangan Malaya Merdeka telah menerima ucapan-ucapan tahniah dari beberapa negeri tetangga dan negara-negara dalam lingkungan Commonwealth. Tahniah-tahniah diterima dari Australia dan Siam dari Dewan Perniagaan.

Dia meramalkan "Persekutuan Negara-negara Melayu"

Seorang pengarang Filipina meramalkan dalam masa 30 tahun lagi akan tercipta satu Persekutuan Negeri-negeri Melayu yang terdiri daripada Filipina, Indonesia dan Malaya. Beliau berkata, Kemerdekaan yang dicapai oleh Malaya pada 31 Ogos akan membawa kepada terdirinya "satu daripada kuasa-kuasa yang kuat di dalam dunia". Beliau membangkitkan keturunan bangsa yang sedarah sedaging antara bangsa Filipino, Indonesia dan Melayu yang sepatutnya dapat menyelesaikan segala perselisihan. Tokoh tersebut, Dr. Jorji Bokobo, yang pernah menjadi hakim di Mahkamah Tinggi Filipina, berkata "nenek moyang orang-orang Filipina zaman berzaman dulu telah pindah dan bertempat di Semenanjung Tanah Melayu, Jawa, Borneo, Filipina dan Formosa. Sebilangan kecil telah pindah ke utara sehingga sampai ke Jepun Selatan. Orang-orang Melayu juga terdapat di Ceylon, Vietnam dan Siam".

"Kita sekarang dipanggil Filipino, Indonesia dan Melayu kerana penjajah-penjajah Sepanyol, Belanda dan British telah memecahkan kita dari segi ilmu alam dan politik", kata Dr. Bokobo.

Sambutan-sambutan Merdeka

Laporan diberi bagi sambutan di Seremban yang telah mengadakan bunga api selama 2 jam di taman bunga bandar. Selain daripada itu jamuan teh, seni tari telah juga diadakan. Di Ulu Langat, Selangor sambutan telah diadakan melalui ceramah dan jamuan.

Karangan Nohiyah terbaik di seluruh Persekutuan

Cik Nohiyah bt. Ismail dari Sekolah Umum Tengku Ampuan Mariam. Kuala Terengganu telah dipilih sebagai penulis rencana yang terbaik di seluruh Persekutuan oleh Badan Pengadil Pertandingan menulis Rencana Mengenai Merdeka anjuran Kerajaan Persekutuan. Hadiah kedua kepada 2 orang iaitu Badlishah bin Rahmad dari Sultan Abdul Hamid College, Alor Setar dan Mohamad bin Abdullah dari Sekolah Umum Lelaki Kuantan. Pahang. Hadiah ketiga jatuh kepada Kamariah bt. Hashim, seorang penuntur Maktab Perguruan Wanita Melayu, Durian Daun, Melaka.

Gambar sempena sambutan Merdeka

Terdapat 2 gambar di muka 8, satu menunjukkan Tunku memberi hadiah pasukan-pasukan football luar negeri dan satu lagi Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom menyerahkan surat tauliah kepada Yang di-Pertuan Agong.

Beranak kembar menyambut Merdeka

Che Aishah bt. Osman telah melahirkan anak kembar, kedua-duanya lelaki, pada 31 Ogos di Hospital Kerajaan Muar. Anak-anak itu diberi nama Mazlan dan Mazni.

Jumaat 13 September 1957, 18 Safar 1377

Pelihara dan pertahankanlah Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu

Gabenor Pulau Pinang, Raja Sir Uda, bagi pertama kalinya telah memeriksa dan menerima hormat Barisan Kehormatan 1,500 pemuda pemudi daripada Pasukan dan Pertubuhan Pemuda Pemudi, Pulau Pinang pada 12 September 1957. Upacara itu telah diadakan selama satu jam setengah di Stadium Bandaraya, Pulau Pinang disaksikan oleh 10,000 murid-murid dan guru-guru Sekolah Bandaraya.

Setelah memeriksa dan menerima hormat Barisan Kehormatan, Raja Sir Uda telah mengelilingi Stadium dengan sebuah jip dan membalas hormat kepada semua yang hadir. Dalam ucapannya, Raja Sir Uda berkata "Barisan yang terdiri daripada pemuda pemudi dari segala agama, resam
dan adat seperti yang diadakan pada hari ini adalah satu contoh yang baik sekali dalam sebuah negarayang Merdeka. Lahirnya Persekutuan Tanah Melayu ialah hasil dari usaha dan tengang-orang yang penuh bersemangat dan jujur pada masa-masa lalu". Beliau menyeru supaya semua pemuda pemudi bandaraya Pulau Pinang sama cergas dalam memelihara dan mempertahankan
Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ialam

Razif sampaikan surat kepercayaannya

Duta Republik Indonesia di Malaya, Dr. Mohamad Razif, pada pagi 12 September telah menyampaikan surat kepercayaannya kepada Yang di-Pertuan Agong, di Istana Negara. Turut hadir di upacara itu ialah Perdana Menteri.

Semasa menyampaikan kepercayaan itu, Dr. Mohamad Razif berkata "Kedua bangsa dan negara kita semenjak lama dulu kala telah terikat kerana letaknya berdekatan dan kerana banyak lagi ikatan-ikatan lain yang berdasarkan pertalian kebangsaan, sejarah, kebudayaan dan agama. Setelah tercapai Kemerdekaan dengan cara damai dan Perlembagaan yang memakan masa lama dan penuh kesulitan, dengan sangat bangga dapat pula saya katakan bahawa Indonesia dengan serta merta memberikan pengakuan penuh kepada negara Persekutuan Tanah Melayu. Dapat pula saya menyatakan kegembiraan ikhlas rakyat di seluruh Indonesia tatkala menyambut proklamasi Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Saya bangga mewakili suatu negara Merdeka kepada suatu negara Merdeka.

Di akhir kata beliau menegaskan kewajipan dan hasrat beliau bersama seluruh perwakilan Indonesia "untuk berusaha dengan segala tenaga bagi mempererat dan memperkuat ikatan-ikatan persahabatan lama yang berabad-abad dapat terpelihara antara kedua negara kita dan pada masa ini sangat dicintai oleh kedua negara dan kedua bangsa kita".

"Puteri Cantik" orang darat dalam pertandingan merebut gelaran "Ratu Merdeka"

Johan "Puteri Cantik" orang darat Negeri Sembilan telah sama menyertai Peraduan merebut gelaran "Ratu Merdeka" Negeri Sembilan yang diadakan di Gurney Stadium, Seremban. Tetapi gelaran itu dimenangi oleh seorang gadis Melayu berumur 15 tahun. Gelaran "Ratu Merdeka" Negeri Sembilan itu jatuh kepada Rohani bt. Jamaluddin. Dalam peraduan "Kesatria Merdeka" pula Rasul bin Mari telah berjaya.

"Perjuangan utama Malaya Merdeka" jalah menamatkan darurat - Sardon

Encik Sardon bin Haji Jubir, Menteri Kerjaraya, Pos dan Telekom Persekutuan Tanah Melayu, menyatakan bahawa tujuan utama perjuangan dalam Malaya yang Merdeka sekarang ialah menghapuskan darurat. Beliau berucap sebagai mewakili Perdana Menteri di Majlis Menyambut Hari Kemerdekaan yang telah diadakan oleh Perikatan Batu Pahat di stadium yang dihadiri oleh 5,000 orang. 700 ahli Pemuda Perikatan dengan berpakaian serba putih telah mengadakan barisan kehormatan menyambut kedatangan beliau. Encik Sardon juga memakai pakaian seragam Pemuda. Beliau telah diiringi oleh satu barisan motosikal Pemuda UMNO.

Darurat yang telah berjalan selama 9 tahun di negeri ini mestilah dihapuskan dan Kerajaan sekarang telah membaharui janji bahawa kalau Merdeka dijanjikan untuk mendapatnya dalam 4 tahun, tetapi sudah didapati dalam 2 tahun sahaja, maka Insya Allah sebelumnya lenyap tahun 1988 darurat dapat ditamatkan. Beliau juga menyeru kepada Pemuda-pemuda UMNO supaya mengenepikan soal topi dan pakaian Menteri-menteri kerana katanya soal-soal kebangsaan, soal kemakmuran rakyat dan soal menghapuskan darurat adalah sangat-sangat penting.

Kepada pengganas-pengganas. Encik Sardon menyeru beberapa kali "Keluarlah pengganaspengganas sebelum waktunya terlambat". Pada masa ini, katanya "penjahat-penjahat itu tidak ada
fasal dan tidak ada sebab duduk dalam hutan lagi, kerana siapakah yang hendak dilawan olehnyat".
Seterusnya Encik Sardon mencabar kalau pengganas-pengganas tidak mahu keluar dari hutan, maka
hendaklah Pemuda-pemuda bersumpah untuk menjalankan tugas mengamankan negeri ini. Kalau
Pemuda-pemuda UMNO dengan perasaan yang betul-betul berani menetapkan tarikh Kemerdekaan,
ini juga satu tanggungan berat yang mesti berani diterima.

Kepada Parti-parti di luar Perikatan yang menyatakan Kemerdekaan itu kosong, Encik Sardon menyatakan bahawa tuduhan itu palsu dan bohong kerana katanya seminggu kemudian setelah Kemerdekaan diisytiharkan, Malaya dengan sebulat suara telah diterima menjadi Anggota Bangsabangsa Bersatu. Semua bangsa mengakui Kemerdekaan Malaya termasuk Russia dan Komunis China juga.

Rakyat sekarang bertanggungjawab menjaga maruah negeri, kata Razak

Dato Abdul Razak Hussein, Timbalan Perdana Menteri, telah menghadiri upacara perayaan Merdeka yang diadakan di kawasan Mempatih dan Lancang di Temerloh. Dalam ucapannya beliau mengingatkan penduduk-penduduk bahawa mereka adalah warganegara yang Merdeka dan yang demilian adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memelihara dan meninggikan maruah negeri dan rakyat Persekutuan di masa depan. Perayaan tersebut mengandungi bermacam sambutan termasuk barisan kehormatan, sukan darat dan sungai, pertunjukan pertukangan tangan dan pertandingan sepak raga

Songkok Merdeka, selendang Merdeka untuk pegawai-pegawai UMNO

Kaum Ibu UMNO Bahagian Tangkak, Johor menghadiahkan sehelai "tudung Merdeka" kepada Puan Fatimah Hashim, Ketua Kaum Ibu UMNO Malaya. Pada hari yang sama "songkok Merdeka" akan dihadiahkan kepada Tunku Abdul Rahman, Yang di-Pertuan Agung UMNO dan kepada Encik Sardon Hj. Jubir, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO.

Soal perkauman dapat dihapuskan

Encik Ghafar Baba, Ketua UMNO Melaka, dalam majlis merasmikan "Pesta Merdeka" anjuran Perikatan di Jasin, Melaka menyatakan "suatu jalan untuk menghapuskan soal perkauman yang masih tebal di negeri ini ialah perkahwinan antara orang Melayu dengan orang Cina dan India dan sebaliknya". Kata beliau, "Kalau tidak ada tegahan agama, orang Melayu kahwin dengan orang Cina atau India. Demikian juga sebaliknya. Maka ini adalah satu langkah bagi membasmikan soal perkauman yang masih tebal dalam negeri ini".

Mengenai bendera Union Jack yang diturunkan di Melaka pada 30 Ogos, Encik Ghafar berkata orang-orang Inggeris di Melaka berasa malu, kerana bendera Union Jack diturunkan di Padang Bandar Hilir yang hanya disaksikan oleh beberapa orang sahaja.

Bercakap mengenai kehendak-kehendak rakyat negara ini sebagai rakyat dalam negara Merdeka, beliau mengatakan "Kerajaan hendaklah berhati-hati dan bersungguh-sungguh melaksanakan janji-janji yang ada dalam manitesto Perikatan supaya rakyat menikmati Kemerdekaan yang sudah tercapai". Kata beliau lagi "Rakyat bukan mahu motokar besar dan rumah besar tetapi mereka hanya mahu parit taliair dan jalan raya ke kampung-kampungnya diperbaiki dan kemudahan-kemudahan diberikan kepada mereka".

Sekitar sambutan Merdeka di Muar

Penduduk-penduduk Muar telah menyambut Hari Kemerdekaan dengan secara besar-besaran dan meriah sekali. Di bandar, di pekan dan di kampung-kampung bendera Persekutuan telah dinaikkan, pintu gerbang didirikan dan bermacam-macam hiasan diadakan sebagai menunjukkan kegembiraan mereka lahirnya sebuah negara yang Merdeka. Pekerja-pekerja Kerajaan diberi cuti sehari dan pada pagi itu lebih 6,000 telah menyaksikan istiadat "Barisan Merdeka" yang melibatkan pasukan Polis, Home Guard, Polis Khas, Pengakap, St. John, Kadet dan Band Sekolah.

Perayaan Merdeka yang diadakan 3 hari ditamatkan pada 12 September. Berbagai-bagai pertunjukan dan permainan segala bangsa diadakan di Padang Muar Club.

Perintah berkurung telah dilonggarkan hingga jam 1 malam kerana memberi peluang kepada orang ramai menyaksikan perayaan-perayaan tersebut. Kaum Cheti telah menunjukkan 46 jenis bunga api yang dibawa dari India. Selain daripada itu, perlumbaan basikal, sukan laut dan darat, pencak silat, peraduan nyanyi, mengarang, membaca sajak dan jamuan teh Merdeka telah juga diadakan.

Sambutan Merdeka

Laporan-laporan ringkas masih disiarkan mengenai sambutan-sambutan di negeri-negeri. Di Sitiawan, Perak, istiadat membaca Perisytiharan Kemerdekaan telah dilangsungkan pada 8 September. Setelah itu sukan di laut pula dijalankan termasuk lumba berenang. Pertunjukan yang menarik ialah lumba sampan layar kecil yang panjangnya hanya 4 kaki. Kira-kira 1,000 orang hadir di pertunjukan itu. Di Marang, Terengganu ahli-ahli Kamu ibu telah melawat ke rumah miskin di Bukit Besar dengan membawa makanan untuk orang-orang miskin.

Di Kampung Cincin, Melaka telah diadakan doa kesyukuran dan jamuan makan sebagai merayakan Hari Kemerdekaan.

Sabtu 14 September 1957, 19 Safar 1377

Tunku dan Menteri ke Penang hari ini

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, akan melawat Pulau Pinang pada 14 September bersama dengan ahli-ahli Kabinet. Inilah pertama kali Tunku sebagai Perdana Menteri melawat Pulau Pinang selepas Merdeka. Semua ahli Kabinet, kecuali Col. H.S. Lee dan Encik Khir Johari, dijangka turut dalam rombongan Tunku. Antara majlis yang dijalankan ialah jamuan makan malam yang amat besar sebagai menyambut Kemerdekaan. Selepas jamuan itu hadirin menghadiri temasya pasar malam di New World Park.

Tunku ke Pahang pada 26 September

Perayaan Merdeka di Temerloh, Pahang bermula pada 27 September selama 3 hari akan dihadiri oleh Sultan Pahang, Tunku dan Dato Abdul Razak, Tunku dijadualkan memberi ucapan di Padang Temerloh pada 26 September. Berbagai peraduan sukan darat dan sungai akan diadakan di Temerloh dan Mentakab, di samping pertunjukan aneka warna dan temasya menuba ikan di Sungai Pahang.

Masjid-masjid di Penang sekarang menggunakan 'Khutbah Merdeka'

Majlis Penasihat Islam Pulau Pinang dan Seberang Prai telah mengeluarkan 250 naskhah "Khutbah Merdeka" untuk dibahagikan kepada setiap masjid di seluruh Pulau Pinang dan Seberang Prai untuk dibacakan pada tiap-tiap hari Jumaat. Khutbah itu telah mula dibaca oleh khatib-khatib pada hari Jumaat, 6 September sebagai menggantikan khutbah-khutbah lama.

Tuan Haji Ahmad Badawi, anggota Majlis Penasihat Islam dan seorang dari penyusunpenyusun "Khutbah Merdeka", menyatakan bahawa khutbah tersebut ialah "untuk menyedarkan orang-orang Melayu di kampung-kampung supaya mengadakan perubahan dan menyeru mereka bekerjasama mengisi Kemerdekaan".

Tunku akan disambut secara besar-besaran di Kuala Terengganu

300 buah kereta kecil dan besar serta 20 motosikal akan menyambut dan mengiringi ketibaan Tunku di Kuala Terengganu pada 18 September. Tunku akan menemui Sultan Terengganu di Istana Badariah dan pada sebelah malammya beliau akan menehadiri jamuan negara di Istana Maziah.

Pada 19 September, Tunku akan pergi ke Dungun untuk membuka rumah UMNO dan pada sebelah petang akan memeriksa barisan kehormatan Pemuda-pemuda UMNO dan MCA. Pada sebelah malamnya Tunku akan menghadiri jamuan Merdeka di Sekolah Sultan Sulaiman. Di majlis itu akan diadakan pertunjukan senaman dan tarian-tarian oleh murid-murid sekolah.

15 September ini Sport Merdeka di Gombak

Sport perayaan Kemerdekaan mukim Setapak akan diadakan pada 15 September dan diadakan sport di Gombak. Sebuah pintu gerbang Merdeka juga akan didirikan. Pancaragam hiburan Melayu Gombak akan menyerikan majlis tersebut.

Diseru supaya hidup bersama dalam rukun damai

Pemimpin-pemimpin Perikatan - UMNO, MCA, MIC - Kuala Pilah, Negeri Sembilan menyeru supaya semua bangsa di Tanah Melayu berbaik sangka dan hidup dalam aman damai serta bertimbangrasa antara satu sama lain. Seruan ini dibuat di Majlis merayakan Kemerdekaan yang dianjurkan oleh Perikatan Cawangan Senaling, Kuala Pilah. Seorang pemimpin MCA berkata "kita orang-orang Cina yang beranak di sini, hidup di sini dan mahu mati di sini mahulah berbaik-baik dan hidup bersama dalam rukun damai dengan orang-orang India dan Melayu seperti adik beradik. Jangan kacau dan berpaduh".

UMNO akan meraikan Gabenor Pulau Pinang

UMNO Bahagian Utara Seberang Prai akan mengadakan Majlis Jamuan meraikan Raja Sir Uda, Gabenor Pulau Pinang, di rumah UMNO Seberang Prai pada 21 September, Jawatankuasa Perayaan Kemerdekaan UMNO Seberang Perai akan mengadakan jamuan 'Nasi Merdeka' dan majlis doa selamat Kemerdekaan.

Tak ada sebab Chin Peng mesti duduk dalam hutan sekarang, Malaya sudah Merdeka -Albar

Tuan Syed Jaafar Albar, Pegawai Penerangan UMNO, telah mencabar Chin Peng, Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya, supaya menunjukkan kejujurannya dan keluar dari dalam hutan menurut syarat penyerahan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan supaya darurat yang sedang berjalan sekarang dapat ditamatkan. Kata Tuan Syed Albar "Moscow dan Peking telah mengutus kawat memberi tahniah kerana Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, tetapi Chin Peng nampaknya belum lagi mahu mengakui Kemerdekaan itu. Kalau sebenarnya Chin Peng berjuang untuk Kemerdekaan negeri ini, maka tidak ada sebab baginya tinggal lagi dalam hutan setelah negeri ini mendapat Kemerdekaannnya".

Katanya lagi "sekiranya Chin Peng benar-benar memperjuangkan Kemerdekaan dan berjuang untuk menghalau penjajahan dari negeri ini, maka dia mestilah keluar menurut syarat yang diberikan oleh Pemerintah negara Merdeka ini. Tetapi sekiranya dia tidak keluar, maka sebenar-benarnya mereka adalah orang-orang jahat dan semata-mata hendak mengacau dan melakukan kekerasan terhadap rakyat negeri ini". Sebelum itu Tuan Syed telah membidas pihak-pihak yang mengatakan Kemerdekaan yang didapati itu adalah Kemerdekaan kosong. Kata beliau "nampaknya pihak yang mengatakan Kemerdekaan itu kosong, masih belum lagi mahu mengakui Kemerdekaan tersebut". Sambil bercakap di majlis jamuan makan malam, beliau menyeru Chin Peng dan pengikut-pengikut-nya supaya keluar menyerah.

"Berita yang amat jahat", kata Dato Abdul Razak

Timbalan Perdana Menteri, Dato Abdul Razak bin Hussein telah menafikan berita-berita yang mengatakan Perikatan UMNO. MCA dan MIC sedang menghadapi perpecahan selepas Persekutuan mencapai Kemerdekaan. Kata beliau "Berita-berita yang demikian adalah berita yang amat jahat". Beliau menegaskan Parti Perikatan "tidak pernah berpecah-belah dalam semua soal, sama ada soal itu berbangkit setelah Merdeka atau sebelum Merdeka.

Beliau menyeru ahli-ahli Perikatan, terutama sekali yang menjadi ahli-ahli Majlis Mesyuarat Federal, Negeri dan Majlis Bandaran dan Tempatan supaya membuang perasaan perkauman dan mementingkan soal-soal bersendirian dalam masa mereka berkhidmat untuk membangunkan Malaya Merdeka. Dato Razak seterusnya berkata Parti Perikatan tetap teguh dan bertambah kuat selepas Merdeka Tanggungjawab selepas Merdeka terlalu banyak untuk diselenggarakan oleh Kerajaan Perikatan dan "di atas kebijaksanaan kitalah untuk menyelesaikan segala tanggungjawab itu".

Pemuda-pemuda UMNO Selangor juga bantah pakaian seragam Menteri-menteri Persekutuan

Pergerakan Pemuda UMNO Selangor dalam mesyuarat Perwakilan khasnya di Rumah UMNO telah mengambil ketetapan "membangkang dengan sekeras-kerasnya pakaian seragam cara barat Menterimenteri Persekutuan Tanah Melayu kerana ia tidak mempunyai siafa-sifat kebangsaan dan tidak diingini oleh rakyat serta berlawanan dengan adat kebiasaaan Menteri-menteri negeri lain".

Mesyuarat tersebut menuntut supaya pakaian seragam cara barat itu "dihapuskan semua sekali". Inilah Pergerakan Pemuda UMNO Negeri yang kedua yang membantah pakaian seragam Menteri-menteri Persekutuan itu. Pergerakan Pemuda UMNO yang pertama membuat bantahan itu ialah Pemuda UMNO Johor.

Pemuda UMNO Selangor mencadangkan supaya "diadakan pakaian seragam bersifat kebangsaan untuk Duta dan Pegawai-pegawai tinggi Kerajaan sahajai." Perbahasan hangai tiu telah berlaku dengan semua perwakilan membangkangnya. Mereka berpendapat tidak ada satu negeri pun dalam dunia yang menteri-menterinya mempunyai pakaian-pakaian seragam tertentu. Pendapat rakyat jelata yang ditinjau di Ulu Langat ialah rakyat jelata masih mempunyai perasaan sebagai di bawah penjajahan "kerana corak pakaian itu bercorak penjajahan".

Sambutan Kemerdekaan Malaya di Australia

Sambutan Kemerdekaan yang dilakukan dengan penuh meriah oleh rakyat Persekutuan juga telah dirayakan dengan meriahnya di Australia. Perayaan itu dilakukan oleh rakyat Malaya yang berada di Australia dengan dibantu oleh rakyat Australia yang sememangnya mengikut perkembangan Tanah Melayu sehingga Merdeka.

Perayaan Kemerdekaan Malaya diadakan di Sydney dan Melbourne dengan penuh meriahnya. Berhubung dengan perayaan itu, Australia Broadcasting Commission (Radio Australia) telah menyiarkan rakaman suara Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri. Inilah pertama kali rakyat Australia mendengar suara dua orang besar Persekutuan.

Upacara menaikkan bendera yang diadakan di Canberra itu telah dihadiri oleh lebih 70 orang yang terkenal termasuk Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom di Australia. Dalam upacara menaikkan bendera yang diadakan di bangunan Pesuruhjaya Tinggi Malaya, Pesuruhjaya Tinggi Malaya Tuan Gun Lai Tek, membaca surat Perisytiharan Kemerdekaan Malaya.

Dalam majlis jamuan makan malam di Hotel Canberra, 200 orang hadir termasuk Gabenor General Australia.

Di Melbourne pula, majiis perayaan Kemerdekaan dihadiri oleh lebih 700 rakyat Malaya yang kebanyakannya pelajar di Australia. Dalam upacara itu, sura perisytiharan Kemerdekaan dibaca oleh Encik Desa bin Pachee, Presiden Persatuan Penuntut-penuntut Rancangan Colombo di Victoria. Beberapa orang penuntut Malaya telah berucap sebagai mengalu-alukan kelahiran Malaya yang Merdeka. Mereka menyatakan harapan agar orang-orang Malaya semuanya mempunyai rasa cintakan tanah airnya di samping memberikan sumbangan-sungh berguna mempercepatkan kemajuan kebangsaan supaya Malaya dapat menduduki tempat yang terhormat di antara keluarga bangsabangsa di dunia. Selepas itu pertunjukan tarian-tarian dan nyanyian Malaya diadakan dengan dihadiri oleh lebih 500 orang Australia.

Semua negeri mengakui Kemerdekaan Tanah Melayu

Encik Senu Abdul Rahman, Setiausaha Agung UMNO dan Bakal Duta Persekutuan di Indonesia berkata bahawa Kemerdekaan Persekutuan telah mendapat sokongan, pengakuan dan tahniah dari semua negara besar dan kecil di seluruh dunia dan diterima masuk menjadi anggota Bangsa-bangsa Bersatu. Kata beliau ini dengan sendirinya menjadi jawapan kepada pihak-pihak yang mengatakan Kemerdekaan yang kita capai dengan perjuangan Perlembagaan itu sebagai setengah masak atau kosong. "Dengan pengakuan negara-negara lain dan kemasukan kita ke dalam Persatuan Bangsabangsa Bersatu, taraf dan hak kita adalah sejajar dan mendapat penghormatan yang sama di dalam kedudukan intenational dan ini tidak siapa dapat menafikannya lagi", tegas beliau.

Berucap di majlis makan malam di Kuala Lipis, Pahang beliau menyeru seluruh rakyat supaya lebih memperkukuhkan perpaduan dan memikul tanggungjawab untuk kepentingan nasional dan tanah air dan kebaikan bersama dalam hubungan international. Sebelum itu Encik Senu menerangkan istilah demokrasi Parlimen yang menjadi asas Perlembagaan negara Persekutuan yang Merdeka, yang memberi kebebasan dan menjamin hak-hak asasi rakyat yang sebenar-benar menumpukan taat setianya yang tidak berbelah-bagi kepada negara Persekutuan.

"Kalau kita dalam perjuangan politik secara Perlembagaan telah dapat merebut Kemerdekaan dalam tempoh yang seberapa singkat berkat perpaduan dan saling mengerti, maka marilah kita suburkan rasa perpaduan dan tanggungjawab itu lebih-lebih teguh lagi dalam zaman Merdeka ini" ujar Encik Senu lagi.

Kata beliau seterusnya mengenai pembangunan di masa depan "semua negara yang baru mendapat Kemerdekaannya tidak dapat dalam masa yang singkat mengadakan perubahan cepat untuk pembangunan nasional melainkan mengambil masa juga. Kerajaan Perikatan bagaimanapun telah menyediakan beberapa rancangan bagi mengisikan Kemerdekaan itu terutama mengenai ekonomi, pelajaran, kemasyarakatan dan lain-lain lagi".

Sambutan Merdeka di sana-sini Perak

Penduduk-penduduk Kepayang, Ipoh merayakan Merdeka pada 31 Ogos dengan mengadakan jamuan. Pada malam esoknya diadakan bacaan Yasin, tahlil, Quran dan berzanji. Di Bidor pula perayaan diadakan pada 7 dan 8 September dengan sandiwara di sekolah dan syarahan di masjid.

Kedah

Di Bedong, Sungai Petani sambutan Merdeka diadakan dengan hebat dan meriah termasuk berbagaibagai pertunjukan dan permainan di kampung-kampung.

Selangor

Di Kajang penduduk-penduduk mengadakan upacara menaikkan bendera dan membuka batu asas peringatan. Berbagai jenis sukan telah diadakan di Padang

Seberang Perai

Pada 4 September sambutan diadakan di Sungai Dua, Seberang Perai dengan Pemuda UMNO mendahului sambutan dengan mangadakan perbarisan. Selepas itu diadakan sukan kanak-kanak dan orang dewasa dan pada malamnya beribu-ribu orang telah menyaksikan pertunjukan joget moden dan ria, sandiwara dan parti muzik.

Johor

Penduduk-penduduk Kampung Beroleh, Batu Pahat telah keluar beramai-ramai pada 6 September kerana menyambut Kemerdekaan. Pemuda-pemuda UMNO telah mengadakan perbarisan, manakala di sebelah petangnya diadakan perlawanan bola sepak antara pasukan Beroleh dengan Parit Besar. Pada malamnya diadakan kuda kepang, zapin dan pengantin bersanding.

Pahang

Di Pekan, perayaan telah diadakan pada 6 dan 7 September. Berbagai-bagai permainan dan pertunjukan diadakan termasuk membaca sajak, puteri kebaya dan nyanyian.

Terengganu

Perayaan-perayaan Merdeka yang diadakan dibeberapa tempat di seluruh Negeri Terengganu pada umumnya telah disambut dengan meriah sekali. Dibeberapa buah kampung dan daerah, perayaan Kemerdekaan akan dijalankan terus sahingga akhir bulan September ini. Perayaan yang besar sekali diadakan ialah perayaan di bandar Kuala Terengganu; lebih seratus pintu gerbang telah dibina di bandar itu'.

Lagi lahir di Hari Merdeka

Che Halijah bt. Mohd. Said dari Kampung Merbau Sempak, Sungai Buluh, Kuala Lumpur telah melahirkan seorang anak lelaki pada jam 1 pagi 31 Ogos. Anak itu dinamakan Mohd. Alim bin Abdul Karim.

Che Yang Chik bt. Kecut yang tinggal di kampung yang sama telah melahirkan anak lelaki pada jam 6 pagi 31 Ogos. Anak itu dinamakan Syukur bin Saidan.

Kemerdekaan untuk semua rakyat negeri - Dato Razak

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato Abdul Razak Hussein, memberitahu lebih 300 Kaum Ibu Bahagian Kelang "Kemerdekaan yang diisytiharkan pada 31 Ogos bukanlah untuk pembesar-pembesar saja bahkan untuk semua rakyat negeri ini. Negara kita yang baru Merdeka ini akan mengambil bahagian untuk kebajikan kerana bangsa-bangsa di dunia". Beliau membuat ucapan di jamuan teh Pergerakan Kaum Ibu UMNO Bahagian Kelang, di Dewan Melayu Kelang.

Kata Dato Razak lagi "Dalam perjuangan Kemerdekaan negeri ini, UMNO baru mengambil bahagian yang pertama sahaja iaitu mendapatkan Kemerdekaan. Dalam satu bulan ini ialah masa kita berhenti di stesyen untuk sementara waktu tetapi setelah ini nanti kita akan terus berjuang untuk membina negara kita".

Kata beliau seterusnya "Dalam masa penjajahan sekiranya perkara yang tidak puas hati didapati oleh rakyat maka bolehlah disalahkan penjajahan, tetapi dalam masa negara ini telah Merdeka semua perkara demikian itu adalah terletak dalam tanggungjawab negeri ini sendiri. Berpaling kepada soal darurat, Dato Razak menerangkan bahawa beliau adalah memikul tanggungan yang berat. Tujuan Kerajaan yang terutama sekali ialah hendak menghapuskan darurat.

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, telah mengisytiharkan syarat-syarat baru kepada Komunis supaya menyerah diri beramai-ramai "sesiapa dari Komunis itu yang suka hendak melanjutkan fahaman Komunisnya mereka juga boleh keluar dari hutan, tetapi mereka akan dihantar balik ke negerinya yang asal". Tunku menyeru pemimpin-pemimpin UMNO dan Perikatan supaya bekerjasama dengan Kerajaan bagi menghapuskan darurat dengan seberapa segera.

Bantahan-bantahan terhadap uniform Menteri

Beberapa bantahan mengenai pakaian rasmi Menteri-menteri Persekutuan semenjak Merdeka terutamaya mengenai topi berbulu angsa, Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman yang pencipta pakaian
tersebut telah memberi penjelasan, berkali-kali yang telah juga disiarkan di akhbar 'Malaya Merdeka'
iaitu lidah rasmi UMNO. Bantahan terhadap pakaian Menteri-menteri itu bukan sahaja datang dari
orang ramai tetapi juga dari setengah-setengah kalangan UMNO sendiri yang menyifatkan "topi
berbulu angsa itu bercorak kolonial".

Tunku berkata negara ini sebuah negara yang beraja dan berdaulat serta berpengalaman "sudah tentulah mempunyai adat resam yang turun temurun yang tidak boleh dihapuskan". Beliau menyeru rakyat supaya "bersabar dalam perkara kecil dan jangan suka membuat heboh saja".

Menurut Tunku, "Persekutuan adalah negara beraja dan berdaulat serta berperlembagaan dan di dalam Commonwealth. Negeri inilah sahaja yang disifatkan demikian kerana yang lain semuanya republik belaka".

Kata Tunku "Maka syarat negeri-negeri yang beraja ialah adanya adat resam yang terkena tepat bagi keadaan negeri itu. Bangsa Melayu ialah satu bangsa turun temurun, ada beraja dan dengan peraturannya. Inilah kali yang pertama kita mempunyai seorang Raja yang berperlembagaan yang memerintah seluruh Tanah Melayu ini. Maka dengan kerana itulah kita korek keluar segala adat istia-dat bangsa Melayu, peraturan-peraturan dan segala kebesaran Raja-raja Melayu. Di dalam pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dapat dilihat segala kebesaran yang berseri-seri berkenaan dengan kebesaran Raja-raja Melayu".

Mengenai tuduhan-tuduhan yang telah dibuat dalam akhbar-akhbar kononnya topi berbulu angsa yang dipakai oleh Menteri-menteri itu adalah tanda-tanda kolonial, Tunku bertanya 'dakah biasa dilihah bagaimanapun tinggi dan besar pangkat orang Melayu dulu mereka memakai bulu Beliau menjawab sendiri dengan berkata "Yang memakainya ialah wakil Baginda Queen seperti High Commissioner dan Gabenor. Lain-lain orang tidak pernah, sebab bulu angsa itu kita pakai di atas kepala itu ialah simbol dan tanda kemuliaan jawatan itu. Tiap-tiap seorang Menteri itu ialah Menteri Raja kita dan tertanggung atas ubun-ubun kepalanya akan kemuliaan dan kebesaran Rajanya yang dia bersumpah menjalankan tata setia yang diamanahkan kepadanya mewakilkan Duli Baginda itu di dalam segala kerja yang dijalankan itu". Begitulah, juga sambung Tunku, mengenai "pakaian orang Melayu iaitu baju maskot yang kononnya adalah simbol kolonializm".

Kata Tunku lagi "Apa salahnya kalau perkara itu baik? Pejabat-pejabat Kerajaan, Hospitalhospital, Polis, Jalan Raya, Hakim dan Undang-undang serta Mahkamah, Askar dan lain-lain semuanya simbol kolonializim. Adakah hendak dibuat polisi yang dijalan? Apa salahnya?"

"Tentang pekerjaan Menteri-menteri adakah kita ini meringan-ringankan tanggungjawab kita itu? Jangan melakukan perbuatan yang boleh merosakkan bangsa asal, ada saja seorang membuat baik dan berjasa - ada saja dengki, cemburu dan khianat", kata Tunku.

Seterusnya Tunku mengingatkan ahli-ahli UMNO sekalian bahawa "kekuatan UMNO bergantung kepada keikhlasan dan taat setia ahli-ahlinya dan dengan kerana taat setia itulah mereka telah dapat mencapai cita-cita mereka dengan lekas".

Tunku menegaskan "kita baru sahaja mencapai cita-cita kita itu dan sekarang telah terbit berbagai-bagai teguran yang hendak mencari kesalahan semata-mata. Mencari salah di atas pakaian itu ialah suatu perkara yang amat kecil". Tunku meminta orang ramai sekalian supaya sabar dan jangan menghebohkan-hebohkan perkara yang kecil itu.

Rakyat dan Pemimpin diseru menegakkan saling percaya mempercayai "Kemerdekaan bukan untuk satu puak atau golongan" - Senu

Setiausaha Agung UMNO dan bakal Duta di Indonesia, Encik Senu Abdul Rahman, menyeru rakyat supaya memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada pemimpin dan menyeru pemimpin-pemimpin supaya menujukkan bukit-bukit bagi mendapatkan kepercayaan rakyat. Beliau menyeru Ketua-ketua Kaum, Ketua-ketua UMNO dan Ketua-ketua Pejabat supaya memberikan kerjasama yang lebih rapat kepada rakyat bagi mendapatkan sokongan mereka untuk melancarkan tanggungjawab membina negara dan mengisi Kemerdekaan.

Bakal Duta itu membuat seruan di majlis perjumpaan pegawai-pegawai UMNO seluruh negeri Kelantan dalam lawatan terakhirnya sebelum meninggalkan negeri ini. Kata Encik Senu "Dasar utama dalam negeri kita ini setelah Merdeka ialah untuk mengatur usaha-usaha bagi kepentingan rakyat jelata supaya Kemerdekaan itu dapat segera dinikmati oleh rakyat seluruhnya". Di samping itu kata beliau lagi, dasar luar negeri kita pun harus diperkukuh untuk menunjukkan kepada mata dunia yang kita bangsay yang Merdeka dan bebas.

Berpaling kepada soal Kemerdekaan dan pandangan beberapa pihak mengenai Kemerdekaan, Encik Senu menyatakan bahawa tidaklah benar sama sekali pendapat yang mengatakan bahawa Kemerdekaan yang kita capai itu untuk satu puak atau golongan sahaja. "Kemerdekaan ini adalah untuk rakyat negeri seluruhnya", kata beliau. Beliau terus menyatakan "Bagaimanapun nikmat Kemerdekaan itu tidaklah dengan serta merta dapat dikecap dengan usaha kanga kita sendiri. Rasa sefahaman antara satu sama lain adalah menjadi anak kunci kemajuan dan kemakmuran bagi negara kita yang muda ini. Kita sudah berumahtangga sendiri dan tidaklah lagi bergantung kepada belas ihsan ibu bapa menyelenggarakan kehidupan kita. Kita sendiri harus menjaga dan mengatur rumahtangga kita dan segala tanggungjawab terpikul di atas bahu kita sendiri".

Tenaga Pemuda dalam perjuangan Kemerdekaan

Penyunting akhbar pada 16 September membangkitkan mengenai pegawai-pegawai pemerintah British yang mengeluarkan pendapat-pendapat yang karut. Yang paling karut terkeluar dari mulut Tuan R.A. Allen, Bekas Penasihat Perkhidmatan Pemuda-pemudi Persekutuan, yang akan balik ke negerinya tidak lama lagi. Tuan Allen telah berkata pemuda Malaya tidak mencurahkan sedikitpun tenaganya untuk mencapai Kemerdekaan Tanah Melayu. Katanya "Kemerdekaan telah diserahkan kepada pemuda Malaya atas dulang perak dengan tidak dikenakan bayaran dan dengan tidak ada usaha apa-apapun dari pihak mereka". Beliau juga menyatakan kesangsian apakah pemuda-pemudi Malaya cukup mengerti akan harga Kemerdekaan itu.

Sebagai Pegawai Penasihat Perkhidmatan-perkhidmatan Pemuda Persekutuan, tidak terkandung dalam kewajipannya untuk "memimpin" pemuda pemudi dalam pertubuhan-pertubuhan politik. Pekerjaannya hanya terbatas kepada pemuda pemudi Malaya yang bergabung dalam perkumpulan dan kelab-kelab yang tidak mengambil bahagian dalam hal ehwal politik negara ini. Perkumpulan-perkumpulan tersebut kebanyakannya menjadi Anggota Malaya Youth Council dan Malayan Association of Youth Club. Kedua-dua badan tersebut adalah berdasar menggalakkan tujuan kebajikan saling tolong menolong dan pada praktiknya sering mengadakan perjumpaan bersukaria, berkhemah dan berkelah untuk hiburan anggotanya. Selain daripada itu ada juga perkumpulan-perkumpulan itu membuat pekerjaan sukarela.

Kata penyunting lagi, perhubungan Tuan Allen dengan Pemuda Malaya selama beliau berkhidmat dalam negeri ini, rasanya tidak patut beliau tidak sedar bahawa dari sebelum Perang Dunia Kedua dulu lagi, sudah ada banyak bukti perjuangan Pemuda Malaya ke arah Kemerdekaan Tanah Melayu, dan pergolakan politik di Malaya semenjak 1945 adalah penuh dengan riwayat pemuda pemudi dalam perjuangannya menentang penjajah. Sejarah sudah mencatatkan tenaga pengorbanan pemuda pemudi Malaya dalam usaha-usaha mereka yang mulia tetapi jikalau Tuan Allen suka hendak memejamkan matanya kepada kebenaran, maka itu adalah menjadi haknya.

Kalau dalam khidmatnya sebagai Penasihat Perkhidmatan-perkhidmatan Pemuda Persekutuan, kewajipan-kewajipannya tidak melingkungi bahagian pemuda dalam Parti-parti Politik maka itu tidak bererti bahawa pemuda pemudi Malaya tidak memperjuangkan Kemerdekaan Malaya. Sekurang-kurangnya semenjak tahun 1947 siapakah yang telah menggalakkan semangat kebangsaan untuk menyingkirkan penjajah dari muka bumi Malaya kalau tidak pemuda pemudi Parti-parti Politik termasuk API dan UMNO? Agak untung benar bahawa khidmat pegawai tersebut tidak mengundang pemberian nasihatnya kepada pemuda pemudi dalam parti-parti politik, sebab nasihat apakah yang beliau mengetahui dan layak memberi?

Sekalipun dalam kehidupan pemuda pemudi Malaya majlis bersukaria, peraduan nyanyi dan peraduan ratu cantik, berkelah dan sebagainya ada tempatnya, tetapi gerakan-gerakan seperti itu yang Tuan Allen sedia mengakui menjadi juara, pada hemat kita berupa gerakan-gerakan yang sesiapa juga dapat menasihatkan dan sambii Tuan Allen menjadi Penasihat Pemuda Pemudi Persekutuan, pernahkah beliau mendorong pemikiran pemuda pemudi ke arah semangat kebangsaan? Tetapi sayang sedikit beliau telah menggalakkan semangat kebangsaan barat dan kebudayaan barat. Tidakkah beberapa bulan dulu beliau mengatakan tarian 'rock and roll' itu tidak merupakan bahaya kepada pemuda pemudi di Malaya? Dan kalau pemuda pemudi di bawah jagaannya sendiri tidak bersemangat Merdeka maka itu bukan salah sesiapa melainkan tanggungan dan kesalahan sendiri.

Penyunting berkata "sudah beberapa kali kita terpaksa berkata bahawa kalau pegawaipegawai expatriate yang mahu pulang ke negerinya tidak ada apa-apa yang bijaksana dan berguna yang hendak disuarakannya, yang lebih baik mereka ucapkan selamat tinggal sahaja, janganlah mencuba memutar sejarah yang benar".

Suatu cara kerjasama untuk menyokong Kerajaan menjadikan bahasa Melayu bahasa Kebangsaan yang tunggal dalam 10 tahun

Tuan Haji Hassan Yunus, ahli Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu, telah menyeru penduduk-penduduk daripada semua kaum supaya bersatu padu, berperasaan muhibbah lebih kuat lagi daripada masa yang sudah-sudah untuk kedaulatan, keagungan, kemajuan, kemewahan dan ketenteraman negara yang baru Merdeka. Seruan tersebut dibuat di majlis sambutan Kemerdekaan di Kampung Parit Sulung, Batu Pahat. Kata beliau "mulai hari ini marilah kita bekerjasama dengan Kerajaa". menehanuskan saki-baki penganas itu, supaya darurat dapat ditamatkan pada 31 Ogos tahun depan".

Encik Sulaiman Ninam Shah, ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor, yang turut berada di majlis itu dalam ucapannya mengeru orang-orang Melayu supaya mengambil peluang yang lebih luas dalam perusahaan dan perniagaan. "Orang Melayu hendaklah menggunakan hak-hak istimewa yang telah diberikan kepadanya", kata beliau. Mengenai perkembangan bahasa Melayu beliau menyeru segenap pihak supaya bersama-sama menggunakan bahasa Melayu sebagai menyokong usaha Kerajaan hendak menjadikan bahasa Melayu bahasa kebangsaan yang tunggal dalam negara ini dalam tempoh selambat-lambatnya 10 tahun. "Kalau tuan-tuan ada menerima surat-surat dalam bahasa Inggeris dari peiabat Kerajaan, hendaklah dipulangkan semula surat itu" kata beliau.

Encik Abdul Rahman Jaafar, Pegawai Daerah Batu Pahat, dalam ucapannya telah meminta kerjasama sekalian penduduk negara supaya "bekerja lebih kuat mengisi Kemerdekaan yang telah tercapai itu. Semoga Kemerdekaan yang telah tercapai itu akan memberi rahmat dan kebajikan kepada rakyat".

Rakyat Malaya di Arabia menyambut Kemerdekaan, 500 orang hadir

Rakyat Malaya yang tinggal di Hijaz, Saudi Arábia, telah mengadakan sambutan Merdeka di Jeddah pada petang 31 Ogos. Antara yang hadir adalah Menteri-menteri di Saudi Arabia dan pembesar-pembesar serta saudagar-saudagar. Di samping itu ialah Duta-duta asing di Saudi Arabia seperti Duta di Pakistan, Mesir, Irak, Sudan, Ardan, Amerika Syarikat, Australia, Indonesia, Siam, Turkey, Italy, Morocco dan lain-lain yang berjumlah 500 orang. 30 orang Melayu yang berpakaian kebangsaan lengkap telah menyambut tetamu-tetamu yang datang. Sejarah ringkas perjuangan rakyat Malaya menuntut Kemerdekaan dihuraikan di mailis itu yang diakhiri dengan minuman teh dan kuih-kuih.

Rakyat Malaya Merdeka diminta menghormati bendera Kebangsaan

Encik Abdullah Yassin, ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor di majlis perayaan Kemerdekaan di Kampung Dato Keramat, Kuala Lumpur telah mengingatkan orang ramai menghormati bendera Kebangsaan. Katanya bendera nga berkibar megah di tiang bendera ialah bendera Kebangsaan dan bendera negara kita yang Merdeka. "Itulah lambang bangsa dan negara kita dan yang demikian, bendera ini hendaklah dihormati", kata beliau.

Kepada kanak-kanak berhimpun dalam temasya perayaan Kemerdekaan, Encik Abdullah menyatakan "kanak-kanak ini adalah kanak-kanak yang bahagia kerana mereka akan diasuh menjadi orang dewasa dalam negara yang Merdeka dan mudah-mudahan akan menjadi rakyat yang berguna dan berjasa kepada tanah aimwa pada masa dewasa kelak".

Perjuangan Perikatan tidak terhenti setakat mencapai Kemerdekaan

Menteri Pelajaran, Encik Mohd, Khir Johari, menyatakan "Perikatan telah berjaya menunaikan sebahagian daripada janji-janji Pilihan Rayanya dengan berusaha mencapai Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos. Bagaimanapun perjuangan kita tidak akan berhenti setakat itu saja. Kita akan berusaha dengan kuasa yang ada di tangan kita untuk memenuhi janji-janji kita". Beliau berucap di depan 1,000 orang di Masjid Padang Lumut, Alor Setar selepas sembahyang Jumaat. Kata beliau lagi "rakyat negeri ini hendaklah membaharui azam untuk bekerja lebih keras dan lebih cergas untuk mengisi Kemerdekaan yang telah kita capai itu. Kemajuan dan kemakmuran negeri ini bergantung di atas usaha kita sendiri".

Beliau selanjutnya mengingatkan orang-orang Melayu supaya jangan lupa bahawa Kemerdekaan yang telah dicapai pada 31 Ogos itu "adalah dengan pertolongan dan sokongan serta kerjasama lain-lain kaum. Kemerdekaan tidak akan dapat dicapai sekiranya tidak dengan kerjasama dan sokongan daripada mereka itu". Selepas itu beliau melawat ke Pekan Merbuk di mana temasya sukan diadakan sempena menyambut Kemerdekaan.

"Terpulanglah kepada kita memberi jiwa-nyawa kepada bahasa rasmi, agama rasmi dan hak isitimewa"

Encik Senu Abdul Rahman, Setiausaha Agung UMNO dan Tuan Syed Jaafar Albar, Pegawai Penerangan UMNO, telah menyeru orang ramai di Perhimpunan ramai di Padang Malaya di Kuala Terengganu supaya bekerja keras dan bersungguh-sungguh untuk mengisi Kemerdekaan dan mengamalkan dengan bersungguh-sungguh hati akan jaminan-jaminan yang tertulis di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka itu.

Encik Senu menyatakan "Janganlah ada orang yang berfikir sebaik-baik sahaja kita dapat Kemerdekaan, segala rahmat dan nikmat akan datang mencurah dengan sekelip mata dengan tidak payah berusaha berbuat sesuatu untuk mendapatkannya". Kata beliau lagi "Kemerdekaan ibarat sebuah rumah dan adalah menjadi tanggungan kitalah mengisi rumah itu dengan alat-alat supaya dengan kelengkapan di dalamnya kita akan menikmatinya. Jika dalam zaman Merdeka ini kehidupan kita masih juga kucar-kacir, maka janganlah disalahkan orang lain, tetapi kita hendaklah menyalahkan diri kita sendiri". Mengenai demokrasi kata beliau "jika disalahgunakan dan dilakukan dengan sewenangwenangnya saja maka negara kita akan hancur lebur".

Tuan Syed Jaafar Albar dalam ucapannya pula mengingatkan "semua jaminan yang terulis dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu seperti agama rasmi, bahasa rasmi dan hak isitimewa orang-orang Melayu tidak lebih dari kalimah-kalimah yang mati, tidak bergerak. Terpulanglah kepada kita semuanya untuk memberi jiwa dan nyawa kepada kalimah-kalimah dan perkataan-perkataan yang mati itu". Kata beliau lagi "Sekiranya ada perkara-perkara yang mendatangkan tidak puashati janganlah berungut di kedai kopi kerana hasilnya tidak ada, rungutan-rungutan itu akan tinggal menjadi rungutan sahaja". Beliau menyeru orang ramai supaya "bersabar dalam setahun dua ini sementara kerja-kerja pemulihan negara dijalankan, mana-mana perkara yang tidak memuaskan hati, silalah sampaikan mengikut saluran-salurannya yang betul".

Sambutan Merdeka secara besar-besaran Terengganu

Sultan Terengganu telah merasmikan sebuah Dewan Merdeka berharga \$35,000 di Dungun sempena merayakan Kemerdekaan.

Di Bukit Besi, Tuanku menghadiri perayaan-perayaan Merdeka selama 2 hari. Di tepi Sungai Dungun beribu-ribu orang telah menyaksikan sukan laut. Antara perlumbaan yang dijalankan termasuk lumba perahu kolek, perahu situk, perahu lumba rakit, speed boat dan lain-lain. Sementara di Bukit Besi pula diadakan pertandingan-pertandingan tenis dan sepak raga.

Negeri Sembilan

UMNO Cawangan Terusan, Kuala Pilah, telah mengadakan sambutan secara besar-besaran pada 6 September yang dimulakan pada pukul 10 pagi dengan perarakan beramai-ramai membawa cogan kata dan mengarak sebuah lancang bergambarkan kapal layar menghala ke masjid. Perarakan itu diiringi dengan nyanyian pujian-pujian kepada Tunku oleh murid-murid perempuan dan pekikan Merdeka oleh Setiausaha UMNO Cawangan tersebut. Setelah perarakan tiba di masjid, majlis syarahan diadakan. Kemudian perarakan balik ke rumah UMNO dan Perisytiharan Kemerdekaan dibacakan. Majlis diakhiri dengan minuman ringan dan kuih-muih. UMNO Bahagian Johol, Kuala Pilah akan merayakan Merdeka pada 21 September dengan bacaan Perisytiharan Kemerdekaan dan upacara menaikkan bendera di samping sukan, jamuan dan lain-lain.

Johor

Malam Kesenian Melayu telah diadakan di Segamat selama 2 malam pada 11 dan 12 September dengan peraduan menyanyi.

Majlis 'Jamuan Makan Merdeka' di Muar diadakan dengan dihadiri oleh 300 orang sempena sambutan Merdeka. Encik Abdul Aziz Ishak, Menteri Pertanian, hadir di majlis itu dan berucap bahawa Kementeriannya berazam berusaha untuk meninggikan taraf hidup orang-orang kampung. Katanya Kementeriannya "sedar akan penderitaan orang-orang kampung itu dan sekarang ini Kerajaan telahpun membuat rancangan-rancangan bagaimana taraf hidup mereka itu dapat diperting-gikan".

MCA Cawangan Sungai Balang, Muar mengadakan jamuan makan kerana sambutan Merdeka dengan dihadiri oleh lebih 300 orang.

Pertandingan "Football Merdeka" antara Pasukan Campuran Muar dengan Melayu Selangor telah diadakan di Padang Muar Kelab sempena sambutan Merdeka.

Cawangan-cawangan UMNO Bahagian Muar akan mengadakan sambutan Merdeka secara besar-besaran yang termasuk merasmikan pembukaan 'Batu Peringatan Merdeka' dan jamuan-jamuan teh di beberapa bahagian UMNO.

Peraduan lumba basikal telah dijalankan pada 11 September sempena sambutan Merdeka dengan begitu hebat sekali.

Melaka

Sambutan Kemerdekaan dibuat secara besar-besaran di Kampung Kuala Sungai Baru. Diadakan juga permainan singa, lawan gasing, sandiwara Cina, wayang gambar Tamil, Hindustan dan Melayu. Di Kampung Tebung pula diadakan sukan pada 8 September.

Perak

Di Kuala Kangsar akan diadakan perayaan pada 27 September. Orang ramai diseru memberi derma untuk sambutan tersebut.

Gambar-gambar sempena Merdeka

Terdapat 2 gambar, satu perayaan Merdeka di Kota Bharu, Kelantan iaitu di tepi laut, Yang kedua ialah gambar Raja Muda Selangor memerhatikan bunga-bunga dalam pertunjukan Ladang Merdeka yang diadakan di Pejabat Kerajaan, di Kuala Kubu Baru yang dirasmikan oleh Baginda.

Tunku sukacita Perayaan-perayaan menyambut Kemerdekaan berlangsung dengan aman di seluruh Persekutuan

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, telah menyatakan sukacitanya yang amat sangat atas kejayaan sambutan Merdeka di seluruh Persekutuan dan tidak berlakunya kejadian-kejadian yang tidak dinignin dalam masa perayaan-perayaan tersebut berjalan. Tunku berkata demikian di majlis jamuan makan malam yang diadakan oleh Kerajaan Pulau Pinang sebagai menyambut Merdeka.

Di depan hadirin seramai 350 orang Tunku mengaku beliau telah merasa bimbang dan takut berlakunya satu-satu kekacauan di Pulau Pinang kerana khabar-khabar angin telah bertiup tentang kemungkinan tersebut. Kata Tunku "Saya berasa syukur kerana semua penduduk Pulau ini yang walaupun berlainan fahaman politiknya telah menyambut dan mengalu-alukan Merdeka dengan riang gembira. Tuan-tuan adalah bertuah kerana mempunyai pegawai-pegawai pentabir yang bagus dan sesuai dan sekarang pula mempunyai seorang Gabenor yang terkemuka dan kemudian dapat pula seorang Ketua Menteri yang penuh dengan semangat persefahaman dan percaya kepada Tuhan dan berpesang kuat kepada agama".

Kata Tunku lagi, "Dengan adanya kedua-dua Gabenor dan Ketua Menteri mengendalikan pentadbiran Pulau Pinang ini maka nasib tuan-tuan adalah terjamin".

Untuk membangunkan Malaya Merdeka "kita perlu belajar dari negeri-negeri yang lebih maju" - Aziz

Menteri Pertanian. Encik Abdul Aziz Ishak, berkata "adalah sangat penting bagi negara kita yang sedang menjalankan rancangan pembangunannya ini pergi menyelidiki rancangan-rancangan yang baik yang dijalankan oleh negeri-negeri yang mempunyai persamaan latar belakang kehidupannya dengan negeri kita untuk dijadikan asas kepada rancangan-rancangan kita itu". Beliau berkata demikian sejurus sebelum bertolak ke Jepun. Beliau akan berada di Jepun selama seminggu sebagai tetamu Kerajaan Jepun untuk mempelajari rancangan kemajuan pertanian dan perikanan.

Kata beliau dalam rancangan kemajuan pertanian, di negara ini ada dua perkara besar yang sedang dihadapi. Pertama, cara bagaimana negara kita dapat mengeluarkan hasil-hasil pertanian cukup untuk penduduk-penduduknya sendiri dan kedua cara-cara bagaimana petani-petani di negeri ini dapat mengeluarkan hasil yang lebih tinggi yang dengan sendirinya akan meninggikan pula taraf penghidupan penduduk-penduduk di luar bandar. Kata beliau seterusnya "Dalam soal besar yang dihadapi itu maka perkara yang diperlukan bagi memulihkannya ialah satu cara pertanian dengan menggunakan alat moden dan pengeluaran hasil yang tidak berhenti-henti mengikut musim seperti yang telah diialankan dengan mainya di Jepun".

Senu seru rakyat supaya mengisi Kemerdekaan

Setiausaha Agung UMNO, Encik Senu Abdul Rahman, yang akan menjadi Duta di Indonesia, telah berucap kepada kira-kira 1,000 di Padang Bank di Kota Bahru mengenai Kemerdekaan. Kata beliau "kita sekarang berdiri dalam sebuah negara Merdeka dan berdaulat dan setaraf dengan bangsa-bangsa lain yang sudah Merdeka dalam dunia". Beliau menyeru rakyat supaya mengisi Kemerdekaan yang baru dicapai itu dan minta supaya jangan menimbulkan perpecahan antara rakyat.

Orang-orang keras kepala saja yang berani berkata Kemerdekaan Persekutuan "kosong" - Syed Jaafar

Tuan Syed Jaafar Albar, Pegawai Penerangan UMNO, berkata hanya orang-orang yang tamak atau keras kepala sahaja yang berani mengatakan Kemerdekaan Malaya yang diisyitharkan pada 31 Ogos tiu sebagai Kemerdekaan "Setengah masak dan kosong". Kata beliau "Di mana-mana juga dalam dunia, di Hong Kong, di Timur Tengah dan lain-lain negeri, Kemerdekaan Malaya adalah diakui oleh orang-orang atau bangsa yang mengerti tentang Kemerdekaan Tanah Melayu. Tetapi malangnya ada orang yang masih buta perut dalam negeri ini yang berani mengatakan Kemerdekaan itu kosong dan sebagainya". Dalam ucapannya beliau mencabar sesiapa yang mengatakan Kemerdekaan itu kosong dan sebagainya". Dalam ucapannya beliau mencabar sesiapa yang mengatakan Kemerdekaan kosong itu supaya menunjukkan buktinya. "Sebelum Merdeka dului, "sambung beliau lagi "ada orang-orang yang takut kalau setelah Merdeka ini hak-hak agama dan ha-hak istimewa dan bahasa Melayu semuaya akan hilang. Fikiran mereka itu sebenarnya telah diracun oleh pihak-pihak yang suka mengacau". Beliau menyeru rakyat supaya "mengisi Kemerdekaan yang dicapai itu dan supaya jangan hanya menanti rahmat dan nikmat Kemerdekaan turun dari langit".

Sebenarnya yang mengatakan Kemerdekaan yang diisytiharkan pada 31 Ogos itu sebagai "Kemerdekaan yang kosong" saja ialah Ketua Umum Parti Islam Se Malaya, Dr. Burhanuddin Al-Helmi, dalam ucapannya di Kuala Lumpur tidak lama dulu.

Cara-cara mengenal kebudayaan oleh Khir Johari

Menteri Pelajaran, Encik Mohd. Khir Johari, telah memberi penerangan bagaimana caranya hendak mengenal kebudayaan seseorang. Kata beliau "mengenal kebudayaan seseorang hanya dengan memandang pada tiap dhoti (pakaian orang India) atau cheongsam (pakaian wanita Cina) adalah menunjukkan betapa singkat fikiran seseorang itu dalam hal kebudayaan.

Encik Khir menerangkan tentang istilah kebudayaan dari segi pelajaran dalam ucapannya membuka Universiti Malaya, Bahagian Kuala Lumpur, di Technical College pada pagi 16 September 1957. Beliau berucap di depan 250 pelajar lelaki dan perempuan di Universiti tersebut yang pertama kali diadakan di Kuala Lumpur. Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Dato Abdul Razak, Profesor A.Oppenheim dan Profesor F.Mason, Ketua Universiti tersebut. Encik Khir menegaskan kepercayaan seseorang itu ialah dengan menyaksikan sendiri keadaan hidup orang itu seluruhnya. Biasanya "kebudayaan" diistilahkan sebagai satu rancangan untuk hidup. Beliau menyeru penuntut-penuntut Universiti itu supawa sedar dan mengerti hal-ha kebudawaan.

Banyak yang mesti dipelajari oleh anak negeri untuk negara Malaya Merdeka

Kemerdekaan politik sahaja dikatakan tidak akan mendatangkan apa-apa faedah kepada kemajuan dan perubahan negara baru, sekiranya soal ekonomi tidak terjamin. Ucapan disampaikan oleh Gabenor Melaka, Tuan Leong Yew Koh, sewaktu beliau membuka pertunjukan tanaman-tanaman di Alor Gajah, Melaka. Beliau menegaskan, banyak yang mesti dipelajari oleh anak-anak negeri Melaka untuk kemajuan negara yang Merdeka. Terutama, kata beliau, ialah soal menguruskan tanaman-tanaman dengan menggunakan pendapatan baru sebagai memenuhi kehendak penduduk-penduduk yang sentiasa bertambah-tambah bilangannya dari setahun ke setahun.

Kewajipan ibubapa mendidik anak-anak dalam zaman Merdeka

Dalam Majlis Sambutan Kemerdekaan yang diadakan di Seri Berkat. Batu Pahat, ibubapa telah diingatkan tanggungjawab masing-masing dalam zaman Merdeka. Ibu-bapa diingatkan mengenai tanggungjawab mereka menjaga anak-anak mereka dalam zaman Kemerdekaan ini. Ibu-bapa mestilah mengambil berat mengenai kemajuan pelajaran anak-anak mereka khasnya waktu anak-anak berada di numah. Ibu-bapa dinasihatkan supaya mempunyai kemahuan untuk memberi anak-anaknya pelajaran tinggi. Pakatan atau badan-badan yang boleh membantu anak-anak melanjutkan pelajaran tinggi mesilah diadakan

Sambutan Merdeka di rata-rata Kuala Lumpur

Penduduk-penduduk Dato Keramat, Kuala Lumpur mengadakan temasya sukan sempena menyambut Kemerdekaan. 30 jenis pertandingan telah diadakan dibahagikan kepada sukan wanita kanakkanak selain daripada lelaki. Hadiah-hadiah wang tunai disampaikan kepada pemenang-pemenang.

Selangor

PAS Sungai Leman, Selangor mengadakan perayaan bertempat di Sekolah Rakyat Parit Sembilan. Bacaan Yasin serta doa arwah telah diadakan. Di Sijangkang, Selangor, sambutan akan diadakan pada 19 dan 20 September dengan "pesta kecil".

Melaka

Parti Negara Cawangan Sungai Rambai di Melaka mengadakan sambutan dengan jamuan ringan, syarahan serta doa selamat. Pada sebelah malamnya diadakan bacaan Yasin dan Marhaban.

Di Sungai Udang pula penuntut-penuntut Madrasah Al-Nuriah mengadakan majlis bahas dengan tajuk. "Terjajah lebih baik daripada Merdeka."

Negeri Sembilan

Di Endau, sambutan diadakan selama dua hari pada 11 dan 12 September dengan berbagai permainan dan pertunjukan. Pertandingan bola Merdeka juga telah diadakan. Sukan laut telah dijalankan di Sungai Endau dengan 7 jenis perlumbaan yang termasuk lumba motor pukat cerot, lumba motorbadat, lumba motor sangkut penambang, lumba berenang jauh, menyelam lama, tangkap itik dan meniti tang licin. Kanak-kanak sekolah pula diberi makan nasi minyak. Sebelah petang di padang sekolah diadakan sukan darat dengan 41 jenis. Perayaan malam diadakan selama dua malam iaitu peraduan emayanyi bagi sekolah-sekolah dan orang-orang dewasa nazam Merdeka, pakaian beragam dan peraduan telur Merdeka.

Johor

Penduduk-penduduk Kota Tinggi menyambut Merdeka selama tiga hari, dari 10 hingga 12 September. Jenis permainan meliputi darat dan laut.

Universiti Malaya Bahagian Kuala Lumpur selamat dibuka

Universiti Malaya, Bahagian Kuala Lumpur, yang ditempatkan bagi sementara di Technical College, Gurney Road, Kuala Lumpur telah dibuka dengan rasminya oleh Menteri Pelajaran Encik Mohd. Khir Johari pada pagi 16 September 1957. Turut hadir di majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Dato Abdul Razak bin Hussein yang juga Menteri Pertahanan, serta Vice Chancellor University Malaya, Profesor A.Oppenheim dan Profesor F.Mason, Ketua Universiti Malaya Bahagian Kuala Lumpur serta ahli-ahli pensyarah Universitii.

Kesemuanya 250 orang bakal penuntut-penuntut Universiti Malaya bahagian tersebut, lelaki perempuan, telah hadir dan telah mengangkat sumpah mengaku taat setia sebagai penuntut Universiti tersebut dan akur kepada semua tatatertibnya. Dalam ucapan perasmiannya Encik Khir menyatakan "upacara pagi ini adalah sangat penting bagi semua yang berkepentingan bagi Malaya Merdeka untuk masa depan". Beliau menyifatkan pembukaan Bahagian itu sebagai satu permulaan yang bererti "tidak dibuat kerana Universiti Malaya itu sekarang telah mula bertapak dalam Persekutuan Tanah Melayu sendiri, istimewa di Ibu Kota Persekutuan.

Encik Khir menerangkan keperluan yang pertama dan terlebih dahulu bagi kepentingan Malaya Merdeka ialah memajukan sifat-sifat intellectual dan budi pekerti kita sendiri "supaya kita boleh memperolehi pemimpin-pemimpin yang cukup dalam semua lapangan yang akan boleh pula menjamin memajukan kemakmuran yang sekarang kita perolehi sama ada dalam segi kebendaan dan semanganya".

Beliau memberitahu bakal penuntut-penuntut Universiti itu "dengan beberapa kebenaran kita boleh berkata kita tidak tertinggal di belakang jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Tenggara Asia ini sepanjang perkara mengenai pelajaran tinggi dan taraf hidup umum dalam negeri ini. Tetapi kita tidak lupa pula mengakui bahawa keadaan dalam negeri ini sekarang adalah masih mengalami serba serbi kekurangan dan tidak memuaskan hati". Seterusnya beliau memberi amaran "kecuali kita jika tidak membuat kemajuan-kemajuan itu pada ketika yang tertentu walaupun dalam tempoh beberapa tahun ini, kita akan mundur". Encik Khir menyeru supaya Universiti itu dapat melahirkan keperluan-keperluan yang penting untuk negeri ini seperti guru-guru sekolah yang berkelayakan tinggi. Kata beliau lagi "sekolah-sekolah kita adalah sebagai bilik untuk kanak-kanak kepada Unviersiti dan kecuali kalau tidak kita naikkan tarafnya serta majukan lagi untuk membolehkan lahirnya bakal pemimpin-pemimpin bagi negeri ini, menjadi pemimpin-pemimpin semua lapangan perusahaan dan perniagaan dan sebagainya maka Commonwealth akan menderita".

Kepada bakal penuntut-penuntut Universiti Malaya, Bahagian Kuala Lumpur ini, Encik Khir telah menyuarakan amaran bahawa "Sekiranya Universiti itu hanya bercita-cita untuk melahirkan penuntut-penuntut yang mempunyai degree sahaja dan yang hanya bercita-cita untuk mendapatkan pekerjaan-pekerjaan yang baik-baik sahaja, maka Universiti itu mungkin akan dapat mengatasi hanya bahagian kecil perkara pengangguran sahaja". Beliau menegaskan Universiti itu tidak akan dapat melahirkan orang yang boleh membantu negeri ini mengatasi semua perkara yang merintangi negara itu sekarang sekiranya sikap itu terus diambil oleh Universiti tersebut. Kemudian beliau menegaskan bahawa tiap-tiap pelajar mempunyai bahagian masing-masing dalam usaha membangunkan negara yang baru Merdeka. Bercakap mengenai kebudayaan dari segi pelajaran. Encik Khir menyeru penuntut-penuntut Universiti tersebut supawa menikmati kebudayaan negara ini yang amat hebat itu.

Sebelum mengakhiri ucapan beliau mengucapkan rasa simpati "atas nama Kerajaan Persekutuan tentang kesusahan-kesusahan yang dihadapi oleh kakitangan-kakitangan Universiti tersebut yang telah bersusah payah menjayakan Universiti Malaya, Bahagian Kuala Lumpur itu".

70 Pemuda berikrar akan mempertahankan Malaya habis-habisan

70 orang Pemuda UMNO Cawangan Air Hitam, Daerah Kubang Pasu, Kedah telah mengadakan satu upacara "Sumpah Pemuda" yang menyatakan hasrat mereka akan mempertahankan tanah air yang Merdeka ini sehingga titisan darah yang akhir. Dengan disaksikan oleh lebih 1,000 orang lelaki dan wanita, Pemuda-pemuda itu telah bersumpah dengan berkata "Bahawa pada hari bersejarah ini kami membarui azam dan akan bekerja agar Kemerdekaan yang telah dicapai ini akan memberi sebesar-besar nikmat kepada rakyat jelata." Upacara itu adalah satu daripada beberapa rancangan perayaan menyambut Kemerdekaan yang telah diadakan di Air Hitam. Selain daripada itu beberapa pertunjukan dan permaiana sukan telah diadakan.

Filem Merdeka "Tak ada tanda keagamaan dan keMelayuan"

Filem sambutan Perayaan-perayaan Merdeka yang ditayangkan bagi kali pertamanya kepada penonton-penonton istimewa di panggung Odeon, Kuala Lumpur, telah dibidas oleh beberapa orang Pemimpin UMNO dan sebahagian dari para penonton tersebut. Mereka menuduh filem itu tidak merupakan filem nasional, "tidak ada tanda-tanda keagamaan dan tidak keMelayuan. Mereka juga mengatakan filem tersebut tidak sesuai dipertunjukkan di luar negeri." Filem itu dikeluarkan oleh Malaya Film Unit dan tayangannya memakan masa 40 minit. Tayangan istimewa itu telah disaksikan oleh anggota Kabinet, Pegawai-pegawai Kanan Polis dan Tentera, ahli-ahli Majlis Mesyuarat Undangan Federal dan Negeri, wartawan-wartawan dan pemimpin-pemimpin tempatan.

Di samping filem perayaan Merdeka yang menunjukkan detik bersejarah bagi negeri ini, telah ditunjukkan juga satu lagi filem keluaran Film Unit bernama Island In The Sun yang menceritakan sebuah pulau tanah jajahan British di mana rakyatnya memperjuangkan Kemerdekan.

Beberapa orang yang menonton filem sambutan Merdeka itu telah menyatakan rasa tidak puas hati kerana menurut mereka filem tersebut kurang menunjukkan sambutan oleh orang-orang Melayu di bandar dan di kampung-kampung "seolah-olahnya orang-orang Melayu tidak menyambut Kemerdekaan itu sedangkan sebenarnya merekalah yang terutama sekali kuat memperjuangkan Kemerdekaan dan merekalah yang sepenuh hati menyambut Kemerdekaan itu."

Mereka berkata filem tersebut tidak layak dan tidak sesuai ditayangkan di luar negeri kerana ia mungkin memberi sangkaan yang salah kepada bangsa-bangsa lain terhadap hasrat dan semangat rakyat Melayu dalam menghadapi Kemerdekaan yang diisytiharkan pada 31 Ogos. Seorang dari-padanya berkata "Kalaulah filem ini ditayangkan di luar negeri maka orang-orang Melayu tidak akan mendapat penghormatan lagi walaupun mereka sudah menjadi satu bangsa yang Merdeka." Selain dari corak filem tersebut, mereka juga menyatakan rasa kesal atas ulasan selari yang diberikan dalam bahasa Inggeris dan juga pengenalan yang diberikan kepada penonton sewaktu wakil-wakil rasmi Pemerintah Republik Indonesia tiba di padang terbang. Mereka merasa kesal dan marah kerana jurula si tu menyifatkan wakil-wakil rasmi termasuk wakil tubuh Presiden Soekamo, Dr. Hardi, sebagai "pelawat-pelawat dari Indonesia" sahaja sedangkan wakil-wakil dari lain-lain negeri diperkenalkan sebagai "wakil-wakil wakil rasmi' mi dan itu.

Mereka menuduh Film Unit sengaja memandang ringan dan membeza-bezakan perwakilanperwakilan dari luar negeri "pada hal semuanya adalah undangan rasmi dari Kerajaan Persekutuan." Pegawai Penerangan UMNO, Syed Jaafar Albar, berkata "filem itu tidak nampak tanda-tanda keagamaan dan ke-Melayuannya." Encik Hamzah Alang, Setiausaha UMNO Selangor, pula berkata "filem itu tidak berupa filem nasional. Tidak bermakna kalau filem itu ditunjukkan, baik di dalam atau di luar negeri kerana berat sebelah. Pada hal pada pagi 31 Ogos 1957 itu di Merdeka Stadium sekurang-kurangnya 95 peratus daripada yang hadir di situ adalah orang-orang Melayu tetapi filem itu tidak menunjukkan adanya orang-orang Melayu dengan ramai merayakan Kemerdekaan itu. Kata beliau lagi "Orang-orang Melayu bukan sahaja seminggu, sebulan atau pada Hari Merdeka itu, bahkan hingga sekarang orang-orang Melayu di kampung-kampung masih lagi merayakan Kemerdekaan itu dengan tidak menggunakan wang finggit."

Mereka pulaukan perayaan Kemerdekaan

Kaum Ibu UMNO Tangkak, Johor telah memulaukan perayaan Kemerdekaan kerana Perdana Menteri yang dijadualkan hadir telah tidak datang. Kaum Ibu telah juga memulaukan barisan kerana "Barisan Pemudi tidak rela orang lain memeriksa melainkan Tunku Abdul Rahman." Perayaan di akhiri dengan Majlis Jamuan teh serta buah-buahan Tanah Melayu. Upacara berbaris dilakukan oleh Pemuda-pemuda UMNO dan MCA dengan Penolong Pegawai Daerah Tangkak membaca Pengisytiharan Kemerdekaan.

Rahmat Merdeka

Semenjak Hari Kemerdekaan 31 Ogos, nelayan-nelayan di Seberang Takir, Kuala Terengganu, telah nelapan tezeki yang lebih baik dari masa yang sudah-sudah kerana ikan-ikan yang mereka tangkap lebih banyak dari masa yang lalu. Pada 12 September, 12 hari selepas Merdeka, nelayan-nelayan tahah menangkap ikan tidak kurang dari 300 pikul. Inilah jumlah tangkapan yang terbanyak sekali didapati oleh nelayan-nelayan dalam satu hari tahun ini. Hitung panjang nelayan-nelayan telah dapat mengelu-arkan dari laut tidak kurang dari 200 hingga 300 pikul tiap-tiap hari.

Orang tua di Seberang Takir berkata tangkapan ikan yang luar biasa itu adalah alamat Malaya akan mendapat rahmat dan tanda negeri ini akan makmur.

Sementara itu, kaum tani di Bukit Mertajam menamakan tahun ini 'tahun bahagia' kerana hasil menuai di daerah-daerah itu pada tahun ini lebih memuaskan daripada yang dijangka. Petani-petani mendapat lebih daripada 800 gantang padi tiap-tiap relung. Hasil budi pada tahun ini begitu luar biasa jika dibandingkan dengan masa-masa yang lalu. "Ini adalah hadiah Merdeka dan kerana hasil padi yang baik itu kami dapat merayakan Kemerdekaan dengan meriah menurut kemampuan kami."

Tentera Persekutuan untuk mengawal bangsa, agama dan negara yang telah Merdeka

Sebuah artikel ditulis oleh Encik Rosidin Ya'acob mengenai Tentera Persekutuan Tanah Melayu. Kata beliau sebagaiman negeri-negeri yang Merdeka yang lain di ata dunia ini, juga Persekutuan Tanah Melayu Merdeka mempunyai tenteranya yang rasmi, bernama Tentera Persekutuan Tanah Melayu. Sebelum perang. Tentera ini dikenali sebagai 'Askar Melayu' dan pada ketika itu Pasukan-pasukan Tentera yang bergerak aktif di Semenanjung ialah tentera-tentera British. Australia. Gurka dan India yang di bawah perintah Tentera British sendiri. Sesudah perang riwayat-riwayat Pasukan Tentera di negara ini berubah kedudukannya. Askar Melayu terus disusun dan diperkuat dan kemudian tertubahlah Tentera Persekutuan. Negara ini sudah mempunyai sejarah ketenteraan semenjak pasukan Askar Melayu ditubuhkan dalam tahun 1933. Jasa-jasanya terbukti dalam Perang Dunia Kedua 1942 hingga sekarang dalam tugas utamanya "menamatkan darurat ciptaan penjajahan Inggeris sebelum Persekutuan Tanah Melayu Merdeka dalam tahun 1943.

Tentera Persekutuan adalah tentera negara yang gunanya untuk menjaga dan memperlindungkan keselamatan rakyat serta hak negara Merdeka. Satu istiadat rasmi memeriksa kekuatan Tentera Persekutuan telah diadakan dalam minggu merayakan Hari Kemerdekaan pada 1 September 1957 di depan Bangunan Secretariat, Kuala Lumpur di mana kira-kira 2,000 orang tentera telah mengambil bahagian. Istiadat tersebut, selain daripada merayakan Kemerdekaan Malaya, adalah juga memuliakan Yang di-Pertuan Agong.

Kata penulis "Tentera Persekutuan sekarang benar-benar dicita-cita oleh Pemerintah Persekutuan yang Merdeka hendak memperkuat dan melengkapkannya hendaklah sebenar-benarnya dibentuk untuk menjadi pagar negara dan tonggak bangsa menghadapi segala niat musuh yang hendak tonggak merobohkan pemerintahan negara yang telah Merdeka dan berdaulat."

Kata penulis lagi. "sifat Tentera Persekutuan itu pada lahirnya tidak berubah dengan sifat tentera di zaman penjajahan; tetapi pada batinnya tentulah berlainan sama sekali dengan tentera di zaman Inggeris dan Jepun dulu. Tentera British gunanya untuk menindas kebangkitan rakyat jelata untuk memadamkan kebangkitan rakyat dan untuk menakut-nakutkan bangsa Melayu dan rakyat negeri ini. Begitu juga tentera Jepun dulu, "ialah untuk meneruskan perangai jahatnya, memancung rakyat dalam negeri ini yang berani melawan penjajahannya."

Lebih 200,000 orang dijangka keluar menyaksikan Temasya Merdeka di Temerloh

Di Temerloh, kira-kira 225,000 orang penduduk-penduduk membanjiri bandar kerana menyaksikan perayaan Merdeka. Perayaan akan dihadiri oleh Tunku Abdul Rahman dan Dato Razak. Antara ran-cangan-rancanan Perayaan termasuk istiadat barisan, pertunjukan bunga api, sandiwara, wayang gambar, joget dan wayang kulit.

Perayaan Merdeka

Di Teluk Anson, akan diadakan majlis makan malam, diikuti dengan joget moden pada malam 27 September. Di Bagan Pasir, Teluk Anson, perayaan Kemerdekaan dihadiri oleh lebih 700 orang. Jamuan-jamuan dan perlawanan bola telah diadakan dalam perayaan tersebut.

Penduduk-penduduk di Kampung Sungkai telah mengadakan perayaan pada pagi 31 Ogos. Telah juga diadakan barisan kehormatan, diikuti dengan jamuan di rumah UMNO.

Khamis 19 September 1957, 24 Safar 1377

Malaya duduk dalam Bangsa-bangsa Bersatu sebagai anggota yang ke-82

Persekutuan Tanah Melayu diterima dengan sebulat suara oleh Majlis Perhimpunan Agung Bangsabangsa Bersatu sebagai anggota yang ke-82 Pertubuhan Dunia itu dan wakil-wakil negeri yang baru Merdeka itu kemudian telah duduk di tempatnya dalam suasana sambutan tepuk sorak yang gemuruh dari wakil-wakil dan pemerhati-pemerhati yang memenuhi ruangan orang ramai Dewan Majlis itu. Rombongan wakil Malaya Merdeka diketuai oleh Dr. Ismail bin Dato Abdul Rahman, Pengerusi rombongan. Anggota-anggota lain ialah Encik Ismail bin Mohd Ali, Tengku Jaafar, Tuan Lim Teo Chong, Tuan Suresh dan Tuan Syed Adam Hogan Shaidali.

Kerana baru diterima, tempat Malaya di barisan meja-meja yang melengkong itu ialah di hujung Dewan itu. Walaupun 81 anggota Majlis Perhimpunan hadir tetapi Kesatuan Afrika Selatan tidak mengundi kemasukan Malaya. 80 negeri telah menyokong dan tidak ada negeri yang menentang. Presiden Majlis Perhimpunan telah membangkitkan soal kemasukan Malaya sebagai anggota ke-82 dan mendesak tindakan itu disegerakan supaya "Malaya dapat diterima sekarang juga dan mengambil tempatnya dalam kerja-kerja penuh Majlis Perhimpunan Agung."

Tuan S. Loyd dari Britain telah berucap memajukan secara rasmi permintaan Malaya untuk menjadi anggota. Kata beliau "Dari Pertubuhan ini, Malaya akan mendapat kekuatan dan sahabat, tetapi ia juga akan mempunyai tanggungjawab dan sumbangannya sendiri kepada kerja-kerja Pertubuhan itu. Kami di United Kingdom tidak menaruh syak sedikit pun tentang kelayakan Malaya menjadi anggotanya. Rakyat British telah bekerja di dalam, dengan dan bagi Persekutuan Tanah Melayu sejak lebih 80 tahun dalam suasana persahabatan dan kerjasama dengan rakyatnya. Kami juga merasa bangga kerana kami telah menyerahkan kepada mereka, sebagaimana yang telah diakui sendiri oleh Perdana Menteri mereka untuk mewarisi satu pemerintahan yang tersusun dan satu asas ekonomi dan Perlembagaan yang baik. Di atasnya Malaya boleh memperkuat dan memperteguh Kemerdekaannya. Kami yakin segala ini sekarang berada di dalam tangan vang baik."

Undian atas keanggotaan Malaya telah dilakukan dengan segera. Presiden Monroe mengumumkan Malaya telah dipilih menjadi anggota Bansa-bangsa Bersatu dan Ketua Protokol Bangsabangsa Bersatu pun mengiringi wakil-wakil Malaya ke kerusi yang telah disediakan di Dewan itu. Beliau mengalu-alukan Malaya dan memuji kemajuannya ke arah Kemerdekaan dan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin Malaya dan British yang membawa kepada saat yang bersejarah ini.

Dr. Ismail menyampaikan ucapan terima kasih kepada Britain dan negeri-negeri Commonwealih kerana sokongan mereka dan menyatakan perasaan "bangga dan besar hati" mengambil tempat dalam Pentubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam masu yang amat cepat selepas Malaya Merdeka. Beliau memberi akuan bahawa Malaya dengan 6 juta penduduk dan dalam kawasan seluas 50,000 batu persegi, berazam untuk menunaikan kewajipan-kewajipannya kepada Bangsa-bangsa Bersatu. Ramai yang menyuarakan kehebatan negara ini mencapai Kemerdekaan dalam suasana mesra, aman dan damai dengan Britain. Antara wakii-wakil negara yang berucap termasuk Australia, Canada, Ceylon, Ghana, India, Arab Saudi, Indonesia, Filipina, Siam, Socviet, Amerika Syarikat, Israel, Amerika Selatan, Nepal, Burma dan China. Duta Saudi Arabia berkata "Tidak ada yang lebih menggembirakan Kerajaan dan rakyat Saudi Arabia dan semua rakyat Arab dan Islam daripada mengalu-alukan negara baru Malaya sebagai anggota Bangsa-bangsa Bersatu. Bukanlah semata-mata sebagai menandakan hormat dalam Majlis Perhimpunan ini, maka Saudi Arabia mengalu-alukan Malaya. Kemasukan Malaya menimbulkan kegembiraan yang besar sekali kepada kamii."

Tunku ucapkan terima kasih kerana Malaya diterima masuk

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, dalam satu kenyataannya telah mengucapkan terima kasih kepada semua negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan negara-negara yang menolong Persekutuan Tanah Melayu berhubung dengan permintaannya menjadi Anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu itu.

Tunku menyatakan gembiranya kerana dapat mengumumkan hari ini bahawa Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu telah menerima Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka menjadi anggota pertubuhan international itu.

"Adalah menjadi keinginan rakyat Persekutuan Tanah Melayu seluruhnya bahawa negeri ini harus memberikan sokongannya yang penuh bagi mencapai tujuan Pertubuhan tersebut iaitu bagi mengekalkan keamanan dan rasa berbaik sangka antara semua bangsa dalam dunia dan dengan pertolongan Tuhan, Tanah Melayu akan dapat memikul tanggungjawab-tanggungjawab dan memainkan peranan bagi memelihara piagam Pertubuhan itu," kata Tunku.

Britain boleh menggunakan Malaya bagi menempatkan tenteranya

Kerajaan Persekutuan hari ini telah menerbitkan Kertas Putih yang mengandungi Perjanjian pertahanan luar dan saling membantu antara Kerajaan British dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka. Menurut Perjanjian itu, Kerajaan British mengaku akan memberi bantuan-bantuan yang diperlukan oleh Kerajaan Persekutuan bagi pertahanan negerinya. Kerajaan British juga akan memberi bantuan melatih dan memajukan pasukan-pasukan bersenjata Persekutuan.

Menurut Perjanjian itu, tentera-tentera darat, laut dan udara serta tentera-tentera khas Commonwealth adalah diperlukan untuk membantu Kerajaan Persekutuan. Kandungan-kandungan Perjanjian Pertahanan luar dan saling membantu ini adalah diterbitkan dalam satu Kertas Putih yang diterbitkan serentak di London dan di Persekutuan. Perjanjian itu akan ditandatangani hanya setelah ia diluluskan oleh Majis Mesyuarat Undangan Federal awal bulan Oktober. Setelah diluluskan, Perdana Menteri akan pergi ke England untuk menandatanganinya bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Kerajaan British akan berunding dengan Kerajaan Persekutuan bila berlaku perubahan-perubahan dasar dan corak serta cara tenteranya ditempatkan di dalam Persekutuan.

Gerakan menentang pengganas tetap berjalan terus

Kerajaan Persekutuan telah menyatakan keazamannya bahawa Kerajaan Persekutuan tidak akan mengundurkan gerakan untuk menentang keadaan darurat dalam negeri dan yang demikian telah meminta Kerajaan British, Australia dan New Zealand supaya menenuskan bantuannya dengan menempatkan Pasukan-pasukan Tenteranya di Persekutuan bagi digunakan dalam gerakan darurat. Demikian menurut Kertas Putih Kerajaan yang dikeluarkan bersama pada 18 September di Persekutuan dan United Kinedom.

Kertas Putih itu menyatakan di dalam Persidangan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu di London dalam bulan Januari dan Februari 1956, Kerajaan British, jika diminta oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu setelah negara mendapat Kemerdekaannya, menempatkan pasukan-pasukan tenteranya di Malaya untuk mengambil bahagian menentang gerakan pengganas-pengganas Komunis.

Kertas Putih itu menyatakan Kerajaan British bersedia memberi bantuan dalam urusan tersebut. Begitu juga dengan Kerajaan Australia dan New Zealand. Perundingan-perundingan telah dijalankan untuk mendapat jaminan menentang darurat dan perundingan itu telah menghasilkan rasa saling mengerti antara empat buah Kerajaan itu mengenai dasar penggunaan pasukan Commonwealth bagi membantu Kerajaan Persekutuan menentang pengganas-pengganas Komunis setelah negara ini Merdeka

Murid-murid sekolah dikehendaki menyanyi Lagu Kebangsaan tiap-tiap pagi

Sekolah-sekolah dan rumah-rumah pendidikan di seluruh Persekutuan akan menerima perintah dari Kementerian Pelajaran supaya mengajar Lagu Kebangsaan kepada murid-murid. Perintah itu juga menghendaki Lagu Kebangsaan itu dinyanjikan pada tiap-tiap pagi oleh perhimpunan murid-murid tatkala bendera Persekutuan Tanah Melayu hendak dinaikkan di tiap-tiap sekolah atau rumah-rumah pendidikan. Tindakan itu diambil supaya murid-murid mengetahui dan menghormati lagu-lagu dan bendera Kebangsaannya.

Sementara itu Lagu Kebangsaan yang sehingga ini "masih belum mendapat penghormatan" apakala dibunyikan di panggung-panggung wayang gambar setelah tamat pertunjukan tidak akan dibunyikan lagi sesudah tamat pertunjukan tetapi akan dibunyikan sebelum pertunjukan dimulakan tidak pertunjukan tidak akan dibunyikan lagi sesudah tamat pertunjukan tetapi akan dibunyikan sebelum pertunjukan dimulakan terusi.

Banyak orang Melayu yang memperjuangkan Kemerdekaan di Indonesia

Encik Gharib Raof, Pemimpin Perikatan Pemuda Malaya di luar tanah air, ingin kembali ke Malaya kerana mengambil bahagian membangun negara Malaya Merdeka. Beliau berkata demikian apabila mengulas pidato Encik Zaiton Ibrahim, Kuasa Usaha Malaya di Indonesia, di Majlis jamuan orangorang Melayu di Indonesia sebagai menghargai jasa-jasa mereka menjayakan sambutan Kemerdekaan. Encik Gharib Raof tidak dijemput ke majlis jamuan itu

Encik Zaiton dalam pidatonya menyeru orang-orang Melayu di Indonesia supaya menegakkan prestige atau nama baik negaranya. Kata beliau, orang-orang Melayu di Indonesia yang ingin mengambil bahagian dalam lapangan politik Malaya, hendaklah balik ke Malaya dan orang-orang yang telah menjadi anggota-anggota parti politik Indonesia "janganlah mengaitkan Malaya dengan politik Indonesia."

Ucapan Encik Zaiton itu telah menyentuh peranan-peranan yang dimainkan oleh Encik Ibrahim Yaakub dan Encik Gharib Raof, kedua-dua orang Malaya yang berada di Indonesia dan mengambil bahagian yang aktif dalam politik Malaya di Jakarta. Encik Ibrahim Yaakub telah mengkritik Kemerdekaan Malaya dalam akhbar-akhbar di Indonesia sementara Encik Gharib pula mengkritik lagu 'Negara Ku' dalam akhbar-akhbar di Indonesia.

Kata Encik Gharib lagi sewaktu mengulas pidato Encik Zaiton "Saya sentiasa mempertahankan nama baik Malaya di Indonesia." Semenjak beliau tiba di Indonesia kira-kira 6 tahun yang lalu, beliau berusaha mendapatkan sokongan kepada perjuangan Kemerdekaan Malaya. "Sudah tentu saya sangat ingin meneruskan perjuangan saya di Malaya tetapi ini hanya boleh dijalankan apabila saya telah kembali ke tanah air. Banyak lagi orang-orang Melayu di Indonesia sangat ingin mengetahui apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk memberi kemudahan kepada orang-orang Melayu di sini supaya dapat kembali ke Tanah air."

Penulis berita ini, Encik Abdul Samad Ismail, menyatakan Pejabat Kedutaan di Jakarta secara tidak rasmi menaksirkan kira-kira 40 orang Melayu berada di kawasan Jakarta sahaja. Tetapi pertubuhan yang dipimpin oleh Encik Gharib Raof yang telah mengumpulkan bahan-bahan mengenai jumlah orang-orang Melayu yang tinggal di Jakarta dan di lain-lain bahdar di Indonesia menganggarkan jumlah orang-orang Melayu yang berada di Indonesia adalah beribu orang.

Tunku serba salah dengan topi bulu

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, berasa serba salah kerana sebilangan besar penonton-penonton yang diundang khas menyaksikan preview filem rasmi Perayaan Merdeka telah ketawa berdekah-dekah pada tiap-tiap kali gambar Tunku dan Menteri-menterinya ditunjukkan memakai uniform Menteri yang bertopi bulu angsa itu. Preview itu ditunjukkan di panggung Odeon, Kuala Lumpur.

Perayaan Merdeka di rata-rata Kelantan

Penduduk-penduduk Pekan Melor merayakan Kemerdekaan dengan berbagai-bagai permainan dan pertunjukan pada 10 September.

Di Kota Bharu, perayaan diadakan selama 6 hari yang termasuk murid-murid sekolah. Mereka telah dibawa mengadap Sultan Kelantan dengan dihidangkan jamuan ringan. Baginda Sultan memberi nasihat kepada mereka supaya belajar rajin-rajin dan mengubah kehidupan di masa depan bersamasama dengan rakyat negeri-negeri yang lain.

Sebanyak 18 buah motorboat yang berhias telah mengambil bahagian dalam perarakan di laut Pantai Propok, Bachuk sempena perayaan Kemerdekaan. Sepanjang pantai penuh sesak dengan penonton.

Penduduk-penduduk di Gong Datuk, Pasir Putih telah mengadakan berbagai jenis pertunjukan dan jamuan kepada fakir miskin.

Negeri Sembilan

Penduduk-penduduk Mukim Titian Nantangur menyambut Kemerdekaan dengan mengadakan pesta kecil yang diisikan dengan berbagai jenis pertunjukan yang termasuk nyanyian lagu-lagu Melayu asli, joget moden, muzik serta pertunjukan ular.

Kesatuan Pelajar-pelajar Melayu adakan 'Minggu Pelajar' persembahan Merdeka

Kesatuan Pelajar-pelajar Melayu Melaka akan mengadakan Minggu Pelajar daripada 29 September hingga 5 Oktober. Minggu Pelajar itu akan dimulai dengan membaca sajak, perlawanan badminton, ping-pong dan hoki di samping pertunjukan-pertunjukan pentas, ceramah dan pameran lukisan. Minggu Pelajar itu adalah acara menyambut Kemerdekaan.

Minuman Keras dalam jamuan ada juga orang-orang menyokongnya

Peristiwa minum selamat dengan minuman keras dalam jamuan Merdeka di Pulau Pinang telah menimbulkan berbagai pendapat. Sebagai negara yang beragama Islam sebagai agama rasmi, memperedarkan minuman keras dalam majlis "adalah satu perbuatan hendak menidakkan kerasmian agama Islam." Ada orang Melayu yang menyatakan tidak ada salahnya bagi Pulau Pinang mengedarkan minuman keras kerana 10 buah negeri melakukan demikian selain daripada jamuan di Istana Negara. Tetapi ramai yang telah membangkitkan rasa amat dukacita dengan kejadian itu. "Merdeka menetapkan bahawa minuman keras tidak digunakan dalam memberi minuman selamat," kata Tuan Haji Yusuf Al-Rawi, ahli Jawatankuasa Agung PAS.

Jumaat 20 September 1957, 25 Safar 1377

Tunku mahu baiki Filem Merdeka

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, menyatakan beliau akan membetulkan dan memperbaiki filem yang menggambarkan sambutan Kemerdekaan yang dikeluarkan oleh Malayan Film Unit. Filem itu telah dibidas oleh beberapa Pemimpin UMNO dan penonton-penonton yang menyaksiannya di Panggung Odeon pada 17 September. Tunku mengaku "sambutan Kemerdekaan dari orang-orang asing dalam negeri ini tidak sebegitu hebat seperti yang ditunjukkan oleh orang-orang Melayu." Dalam filem itu, sambutan dari bangsa saing dalam negeri ini ditunjukkan dengan lebih banyak. Tunku berkata akan diperbaiki perkara yang ditunjukkan itu. Pemimpin UMNO menuduh filem tersebut "idak merupakan filem nasional dalam ertikata yang sebenar dan tidak ada tanda-tanda keagamaan dan kehelayuan di dalamnya." Mereka berpendapat filem itu tidak sesuai ditayangkan di un negeri. Dalam filem 40 minit itu penonton-penonton ketawa besar setiap kali mereka menyaksikan Tunku dan Menteri berpakaian uniform serta bertopi bulu angsa. Tunku kelihatan serba salah setiap kali ketawa berlaku.

2.5 juta ringgit diuntukkan kerana jalan-jalan raya ke kampung - Sardon

Ketua Pemuda UMNO dan Menteri Kerja Raya Persekutuan, Encik Sardon Haji Jubir menyeru rakyat supaya bertenang dan bersabar bagi sementara dan bersedia mengambil bahagian yang besar dalam mengisi Kemerdekaan yang baru dicapai. Beliau berucap di majlis pembukaan Balai Merdeka dan Taman Kanak-kanak di Gemencheh, Tampin, Negeri Sembilan. Beliau mengaku sebagai Menteri Kerja Raya, beliau berusaha menolong rakyat membina jalan-jalan raya ke kampung-kampung. Jabatan-jabatan Perkhidmatan Pos dan lain-lain. Kerajaan telah memperuntukkan wang sebanyak 2 ½ juta ringgit untuk membina jalan-jalan raya dan jambatan-jambatan di kampung-kampung.

Kata beliau lagi, Kerajaan akan membuka banyak lagi Pejabat-pejabat Pos di seluruh Persekutuan, sementara telefon ke kampung-kampung yang jauh juga akan diadakan. Perkhidmatan telefon dinamakan Merdeka Telephone Service. Balai Merdeka didirikan dengan belanja lebih \$3,000 dan mengambil masa selama sebulan. Inilah Balai Merdeka yang pertama didirikan di Negeri Sembilan bagi mengingati sambutan Kemerdekaan.

Filem Merdeka

Penyunting akhbar membangkitkan perkara Filem Merdeka yang dilaporkan sepenuhnya beberapa hari sebelum ini. Kata beliau peranan filem dalam catitan sejarah tidak berbeza dengan peranan bukubuku dan suara yang dirakamkan dalam piring-piring hitam. Kata beliau "apa yang dicatitkan pada hari ini akan menjadi sejarah pada masa akan datang. Anak, cucu dan cicit rakyat Malaya pada satu masa nanti akan ingin mengetahui bagaimanakah ibu pertiwinya mencapai Kemerdekaan yang mereka menikmati itu. Mereka sudah tentu akan gemar melihat bagaimana meriahnya sambutan ketika Malaya memasuki pintu gerbang Kemerdekaan." Kata beliau lagi, tugas mencapai Kemerdekaan telah jatuh kepada bapa dan nenek moyang mereka yang sudah tentu mereka akan menjunjung tinggi. "Jadi kalau pada hari ini kita dan turunan kita yang telah memperjuangkan Kemerdekaan tanah air mencatatkan sejarah yang tidak membayangkan sebenar-benarnya apa yang berlaku dalam masa pergelakan politik sewaktu kita hidup, maka tak dapat tidak anak cucu Malaya akan diberi kesan-kesan perjuangan Kemerdekaan yang agak tidak akan membanggakan mereka dengan apa yang dilihat dan didengamya kemudiah nai."

Filem perayaan dan sambutan Kemerdekaan yang dilihat oleh penonton-penonton yang terdiri daripada Pemimpin-pemimpinUMNO dan Pemimpin-pemimpin Perjuangan Kemerdekaan didapati "tidak merupakan filem nasional." Mereka membidas dengan kerasnya "production filem itu tidak mengandungi bukti-bukti semangat kebangsaan yang sedia bergolak dalam sanubari setiap orang rakyat negeri ini." Pada fikiran setengah-setengah pemimpin Malaya filem itu "tidak mempunyai tanda-tanda keMelayuan dan kesagaman."

Ketua Malayan Film Unit dan pegawai-pegawai lainnya, kecuali dua orang sahaja, adalah terdiri daripada kaum bukan Melayu dan merekalah yang bertanggungjawab dalam urusan menyusun
dan menyiapkan filem tersebut. "Yang demikian kita merasa sangsi bahawa pegawai-pegawai yang
tertentu ini tidak dapat "merasakan" semangat Kemerdekaan yang meliputi perasaan rakyat seluruh
negeri ini. Kita tidak bermaksud semangat demikian tidak didapati di antara orang bukan Melayu.
Malahan di antara segolongan orang bukan Melayu juga semangat Kemerdekaan itu tidak kurang
bergolaknya. Sebenarnya dilaporkan "ketika diadakan upacara mengisytiharkan Kemerdekaan di
Stadium Merdeka pada pagi 31 Ogos sorak yang bergemuruh hanya didengari dari dua tiga bahagian
antara para hadirin saja. Dan mereka yang telah menyahut pekikan "Merdeka' dari Perdana Menteri
dan dari seorang dua yang lain, ditugaskan berbust demikian terang-terang terbit daripada bahagianbahagian gelangeang itu yang diduduki oleh orang-orang Melayu belaka."

Sungguhpun upacara memproklamasikan Kemerdekaan itu merupakan upacara yang penting sekali, namun begitu ada banyak lagi upacara yang membuktikan bagaimana meriahnya Kemerdekaan telah disambut. Sambutan Kemerdekaan oleh Pemuda Pemudi UMNO, MCA, MIC pada jam 12 tengah malam di Padang Selangor Club adalah salah satu daripada sambutan-sambutan yang penuh dengan kemeriahan dan kegembiraan. Tanya penyunting apakah upacara tesebut juga tidak memberi kesan apa-apa kepada pegawai-pegawai Filem Unit? Apakah perayaan-perayaan di seluruh Persekutuan tidak membangkitkan perasaan tersebut kepada mereka?

Dilaporkan bahawa Tuan Ow Kheng Law, Ketua Malayan Film Unit, telah mempertahankan dan menafikan kritik-kritik Pemimpin-pemimpin Persekutuan terhadap filem Merdeka ciptaan Malayan Film Unit. Beliau mengatakan "Kami membanggakan filem itu dan filem itu adalah satu daripada filem-filem yang terbaik sekali yang kami telah mengadakan dan kakitangan saya telah bekerja dengan sebaik-baik nya penyunting, jika pada fikiran Tuan Ow filem itu merupakan sebaik-baik filem yang dapat dikeluarkannya dan dalam pada itu pendapat-pendapat orang yang berkait dengan Kemerdekaan didapati bertentangan dengan fikirannya "maka ada baiknya kalau Tuan Ow menayangkan filem itu untuk dirinya dan untuk Pegawai-pegawai Malayan Film Unit beberapa kali lagi agar dapat mereka memperbaiki filem yang memakan masa empat puluh minit itu sebelum filem itu dihantar ke luar negeri."

Pemimpin-pemimpin jadi tuntutan ramai dalam Pesta Perayaan Merdeka

Pemimpin-pemimpin orang ramai di Batu Pahat, telah menjadi tuntutan orang ramai di Pesta Perayaan Merdeka yang diadakan selama 2 malam di Padang Kerajaan kerana mengambil bahagian dalam tableau "Catetan Sejarah. Kira-kira 20,000 orang telah keluar untuk merayakan Kemerdekaan di Batu Pahat dan sebahagian besar daripadanya datang dari kampung-kampung. Berbagai permainan telah dipertunjukkan seperti zapin, persembahan kaum Arab, aneka warna oleh majlis pemuda pemudi, sandiwara dan beberapa buah parti muzik, kuda kepang, bangsawan Cina dan lain-lain.

Yang menarik perhatian ramai ialah lakonan tableau yang dilakonkan oleh pegawai-pegawai UMNO Bahagian Pergerakan Pemuda. UMNO Cawangan Batu Pahat melakonkan "Catatan Sejarah Perjuangan Kemerdekaan" semenjak Tanah Melayu hendak djadikan Malayan Union hingga Kemerdekaan diisytiharkan.

Sambutan Merdeka

Masih ada lagi laporan di sana-sini mengenai sambutan Merdeka di bandar-bandar, pekan dan kampung. Antaranya termasuklah di :-

Negeri Sembilan

Kaum Ibu UMNO di Kuala Pilah mengadakan sambutan daripada 12 hingga 14 September. Yang ditunjukkan ialah lakonan nikah kahwin yang dimulai dari meminang, menghantar belanja, menyembah dan lain-lain. Peraduan Ratu Kebaya dan Menyanyi telah juga diadakan.

Johor

Di Sungai Penambang, Batu Pahat telah diadakan Pertandingan Sukan Laut sempena sambutan Kemerdekaan. Antaranya ialah perlumbaan sampan.

Yusof Putih bayar nazarnya dengan mencium kaki Tunku

Kira-kira 10,000 orang di sepanjang jalan dari Feri lusung hingga ke bandar Kuala Terengganu telah menunggu ketibaan Tunku Abdul Rahman ke Kuala Terengganu. Bendera-bendera Persekutuan telah dikibarkan di kedai-kedai di bandar-bandar dan di rumah-rumah juga. Tunku telah disambut sempena negara Merdeka dengan pekikan 'Merdeka' sebaik sahaja beliau tiba di pengkalan Feri lusung. Beliau kemudiannya disambut oleh Setiausaha UMNO Terengganu, Ungku Muhsein bin Ungku Abdul Kadir dan Ketua Sambutan Encik Abdul Kadir Hashim. Beliau diperkenalkan kepada ahli-abil Jawatankuasa-jawatankuasa dan orang-orang kenamaan negeri. Seorang pemuda dari Kedah, Encik Yusof bin Putih, telah dapat membayar nazarnya dengan mencium kaki Tunku dengan air mata yang berneguran.

Encik Yusof juga dikenali dengan nama Yusni Surya, adalah seorang Pemuda UMNO Kedah. Doa selamat atas kejayaan dan kesejahteraan Perdana Menteri dibacakan. Selepas itu Tunku telah diringi dengan pasukan 20 motosikal dan lebih 250 motokar melalui jalan-jalan raya berhias. Beriburibu orang telah bertempek, Merdeka!

Tunku belum boleh menelah Komunis menerima tawarannya

Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri, belum dapat menelah sama ada Chin Peng, Setiausaha agung Komunis Party Malaya dan rakan-rakannya akan menyerah diri atau tidak menurut syarat-syarat dan tawaran baru Kerajaan yang diumumkan baru-baru ini." Tunku berkata beliau percaya tawaran-tawaran baru itu akan mengambil masa sebulan untuk sampai ke tangan Chin Peng. "Mereka tidak akan membuat keputusan dengan segera, apatah lagi tempoh tawaran itu berjalan hingga 31 Disember akan datang" kata Tunku.

Majlis jamuan untuk Tunku telah diadakan pada malam 18 September dengan jamuan ikan kukus Terengganu, kari kembung Pulau Pinang, kari lembu Malaya, buah-buahan Tanah Melayu dan sirih Turkey di jamuan menyambu Kemerdekaan di Istana Maziah. Minum selamat kepada Yang di-Pertuan Agong telah diucapkan oleh Menteri Besar Selangor manakala minum selamat kepada Sultan Terengganu diucap oleh Tunku. Selepas itu telah diadakan pertunjukan lagu-lagu dan tarian asli.

Tercapainya Kemerdekaan bukan usaha Menteri dan Tunku saja

Encik Shazali, ahli Majlis Mesyuarat Negeri Perak, memberitahu suatu perjumpaan ramai di Sungai Lesung, Kampar, Perak bahawa Kemerdekaan yang tercapai itu bukanlah usaha kerja Mentri-menteri dan Tunku semata-mata. Beliau meminta orang ramai supaya jangan berpecah belah kerana ini adalah merugikan diri kita sendiri sahaja. Ketika mengingatkan orang ramai agar jangan menimbulkan perselisihan antara kaum beliau berkata bahawa "Kemerdekaan yang telah dicapai pada 31 Ogos itu bukanlah usaha perjuangan Menteri-menteri atau Tunku sahaja, malah adalah usaha perjuangan dan kerjasama rakyat negeri ini yang sedar akan tanggungjawabnya dan mahu berkorban untuk negeri ini."

Beliau meminta orang ramai "mengisi Kemerdekaan dan terutama sekali menghapuskan pengganas Komunis kerana selagi Komunis-komunis itu tidak dapat dihapuskan, maka lapangan iktisad negeri kita akan rugi belaka."

Abdul Hadi lahir jam 3.20 pagi

Abdul Hadi bin Abdul Rahman telah dilahirkan pada jam 3.20 pagi, 31 Ogos di Kampung Cincin, Melaka. Ibunya ialah Che Embok bt. Abdul Hamid.

Lahir lima jam setelah Merdeka

Rodziah bt. Sabri, telah lahir ke dunia pada jam 5 pagi 31 Ogos 1957 di Kampung Tambak, Batu Pahat. Encik Sabri bin Mohd. Taib menamakan anaknya Rodziah kerana mangambil sempena nama Sharifah Rodziah, isteri Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Pesekutuan, kerana lahir anaknya itu setelah 5 jam Kemerdekaan tercapai.

Pegawai-pegawai UMNO Kedah sifatkan Perjanjian Pertahanan Persekutuan Tanah Melayu berat sebelah mesti dihalusi

Beberapa orang pegawai tinggi UMNO negeri Kedah, menyifatkan Perjanjian Pertahanan British-Malaya sebagai 'berat sebelah' dan nampak sangat bahawa Tanah Melayu yang Merdeka terlalu 'tunduk merendahkan diri.'' Menurut mereka beberapa pindaan harus dibuat ke atas Perjanjian tersebu:

Jawatankuasa Tadbir UMNO Kedah akan mengadakan mesyuarat tergempamya beberapa hari lagi bagi membincangkan Kertas Putih Perjanjian Pertahanan itu. Jawatankuasa itu telah menghantar kawat kepada pertubuhan-pertubuhan UMNO di seluruh Persekutuan dan Singapura mengesyorkan supaya mereka juga mengadakan mesyuarat-mesyuarat tergempar masing-masing bagi membincangkan Perjanjian "yang amat penting itu." Encik Mohd Zahir, Pemangku Pengerusi UMNO Kedah, bercakap bagi pihak dirinya sendiri menganggap Kertas Putih itu adalah "berat sebelah dan saya fikir beberapa pindaan perlulah dibuat ke atasnya."

Pada umumya pegawai-pegawai UMNO Kedah bersetuju pada dasarnya mengadakan Perjanjian Pertahanan "tetapi Perjanjian sebagaimana yang terkandung dalam Kertas Putih ini adalah terlalu tunduk serta merendahkan diri kepada British." Mereka berkata Kertas Putih itu perlu dihalusi dan diperbincangkan oleh Majlis Mesyuarat Agung UMNO Malaya dan Majlis Perikatan sebelum dikemukakan ke dalam Majlis Mesyuarat Undangan Federal awal bulan Oktober.

Banyak pengganas mahu menyerah diri - kata Tunku

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, telah mengulangi lagi harapannya di depan 6,000 orang di Dungun, Terengganu bahawa darurat yang telah berjalan di negeri ini selama sembilan tahun akan dapat ditamatkan pada 31 Ogos 1958.

Kata Tunku, "Kita telah berjaya mencapai Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dengan izin Allah dan saya berharap sekarang dapat pula kita tamatkan darurat pada 31 Ogos 1958 dengan izin Allah juga."

Kata Tunku, bilangan pengganas yang menyerah diri adalah semakin bertambah dan semuanya mereka itu mengatakan bahawa ramai lagi rakan-rakananya hendak menyerah diri "kerana pada fikiran mereka tidak ada gunanya lagi mereka melawan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat." Tunku telah menjawab kritik-kritik dari setengah golongan yang mengatakan "Kemerdekaan yang diumumkan pada 31 Ogos itu bukanlah Kemerdekaan yang penuh dalam ertikata yang sebenarnya."

Tunku menegaskan "Semua negara dalam dunia termasuk negara-negara Komunis seperti Russia, Czechoslovakia dan Komunis China telah mengakui dan menghantar telegram mengucapkan tahniah dan selamat kepada Persekutuan Tanah Melayu dan sebaik-baik saja Kemerdekaan kita ini diumumkan kita terus diterima menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ini juga menunjukkan negara kita itu telah Merdeka dengan sependhnya."

Menyambut Merdeka

Laporan yang dibuat mengenai sambutan Merdeka dikumpulkan bersama. Sambutan-sambutannya termasuk di negeri-negeri berikut:-

Perak

Persatuan Pekebun-pekebun Kecil, Cawangan Hilir Perak telah mengadakan majlis perayaan menyambut Kemerdekaan dengan jamuan nasi Merdeka. Penduduk-penduduk di Matang mengadakan sambutan Kemerdekaan pada 28 dan 29 September dengan permainan pancaragam Askar Melayu Taiping, sandiwara pemuda dan wayang gambar.

Johor

Penolong Pegawai Daerah Tangkak, Encik Abu Bakar, menyeru rakyat membenamkan faham politik yang dianut untuk membangun dan mengisi Kemerdekaan yang baru tercapai. Beliau berucap di majlis Kesyukuran Kemerdekaan di Rumah UMNO Tangkak. Kata beliau "kalau keburukan hidup bangsa Melayu dalam masa yang lalu dapat kita salahkan penjajah, tetapi dalam zaman Merdeka ini kesalahan itu dalah tertanggung atas kepala kita sendiri." Beliau telah memuji UMNO Tangkak yang bekerja kuat untuk mencapai Kemerdekaan terutama sekali Persatuan ahli-ahli UMNO, Pemuda dan Pemudinya. Beliau menyeru agar perpaduan itu dikekalkan kerana "Parti Politiklah yang dapat memperjuangkan nasib bangsanya."

Kesatuan guru-guru Melayu Johor, Cawangan Batu Pahat, pada 30 September akan mengadakan satu jamuan Merdeka kerana meraikan hari yang penting dalam sejarah.

Kedah

Penduduk-penduduk Tawar yang terdiri dari segala bangsa telah bersatu padu menyambut Kemerdekaan dengan mengadakan perayaan pada 13 September. Sebuah pintu gerbang telah dibuat dan sambutan itu diisi dengan sukan kanak-kanak dan orang dewasa serta diadakan jamuan teh. Pada sebelah malamnya diadakan wayang kulit dan joget moden.

Negeri Sembilan

UMNO Bahagian Rembau, Negeri Sembilan, akan mengadakan sambutan Merdeka pada 5 Oktober dengan kehadiran Tunku Abdul Rahman dan beberapa orang Menteri. Barisan kehormatan Pemudapemuda dan Kaum Ibu UMNO akan diadakan dengan jamuan teh dan nasi Merdeka.

Upacara meletakkan batu asas Dewan Merdeka akan dilakukan oleh Perdana Menteri. Pertunjukan barang-barang pekerjaan tangan Kaum Ibu akan diadakan di samping tayangan wayang gambar dan sandiwara Kaum Ibu di sebelah malam.

Lagi lahir pada 31 Ogos

Seorang kanak-kanak lelaki dilahirkan pada jam 4 pagi, 31 Ogos di Parit Satu, Jalan Baru, Parit Buntar, Perak. Anak itu dinamakan Ahmad Juraimi. Ibunya ialah Che Aishah bt. Hj. Basridan, ayahnya ialah Encik Abdul Fatah Haji Abdul Rashid.

Sambutan Kemerdekaan Malaya di Mesir "Melayu Raya" bergema di angkasa Kaberah

Kemerdekaan Malaya telah disambut dengan penuh keriangan oleh rakyatnya di serata tempat mereka berada - di Indonesia, Australia dan di Mesir. Laporan sambutan di Mesir disediakan oleh Encik Othman Fauzi dengan 4 gambar yang menarik.

Kata beliau, perayaan Kemerdekaan di Mesir tidak kurang ramainya dengan Kemerdekaan yang telah diadakan di Malaya sendiri. Kerana, kata beliau, apa yang diterima oleh rakyat Malaya di Malaya, turut sama diterima oleh rakyat Malaya di Mesir juga. Perayaan Kemerdekaan telah diadakan dua kali, yang pertama untuk rakyat Malaya yang berada di Mesir dan yang kedua untuk umum. Perayaan yang pertama yang begitu meriah dimulakan dengan pekikan Merdeka dituruti dengan bacaan al Ouran, Kemudian Pengerusi Mailis (penulis artikel ini) meminta hadirin menghadiahkan Fatihah kenada saudara-saudara yang telah terkorban dan bertafakkur selama satu minit untuk mengenangkan arwah-arwah mereka. Naib Yang di-Pertua Persekutuan Melayu Mesir menerangkan riwayat Malaya semenjak mula janya dijajah hingga bebas dari belenggu penjajahan. Beliau menyeru para pelajar supaya menyedari tanggunggjawab mereka sebagai pelajar yang besar gunanya kepada tanahair. Upacara itu diakhiri dengan penyampaian hadiah sukan dan pelajaran kepada pelajar-pelajar yang memenanginya. Perayaan Kemerdekaan yang umum lebih menarik kerana diisi dengan pelbagai perkara termasuk syarahan-syarahan, nyanyian, tarian lilin, tarian serimpi, tarian payung dan sandiwara 4 babak. Majlis dihadiri oleh 1,500 orang dan diadakan pada 31 Ogos jam 8.30 malam. Ucapanucapan bersemangat telah disampaikan oleh beberapa tokoh yang hadir termasuk "yang terkemuka dan berpengaruh" dari Mesir dan Indonesia. "Upacara perayaan yang begitu merjah, begitu penuh semangat dan begitu penuh kesedaran telah diakhiri jam satu pagi dengan mengedarkan hadiah gulagula Merdeka dan risalah perjuangan Malaya kepada setiap hadirin.

Rakyat dan Kerabat di Raja Johor menyaksikan sejarah negerinya

Encik Abdul Samad Ahmad menulis mengenai sambutan Kemerdekaan di Johor Bahru selama tiga hari berturut-turut, iaitu tableau berjodol "Tonggak Kerajaan Johor" yang diadakan di Padang Mahkamah Johor dihadiri oleh beribu-ribu penonton. Tableau ini yang mengisahkan sejarah negeri Johor pertama kali dipertunjukkan di negeri Johor. Ceritanya menggambarkan peristiwa pemerintahan Johor, iaitu Kerajaan Melayu, yang juga memerintah Pahang. Riau dan Lingga, "yang hampir-hampir jatuh kedaulatannya ke tangan Raja Kecil dari Siak, kalau tidaklah Kerajaan Johor mendapatkan bantuan tenaga dari anak-anak Raja Bugis yang berlima saudara."

Tableau yang menggambarkan peristiwa sejarah ini penuh dengan pemandangan-pemandangan sejarah tarian-tarian, perlawanan, adat istiadat dan tutur kata secara berpantun dan pakaian-pakain Raja-raja, pahlawan-pahlawan, Tuan Puteri-tuan puteri dan dayang-dayang yang indah-indah bela-ka. "Pemandangan yang sedemikian ditonton pada hari Persekutuan Tanah Melayu menerima kedaulatannya semula sésungguhnya menggetarkan hati mereka yang melihatnya. "Malahan tableau itu sampai pula memberi kita semangat perwira yang sedemikian lama ini tidak begitu keras kocekkannya!"

Kata penulis lagi "Apa yang paling terlekat pada hati mereka yang penuh kesedaran dan keinsafan sewaktu melihat tableau itu ialah kekayaan, kemegahan dan keindahan bahasa, kesenian dan kebudayaan bangsa di zaman datuk nenek kita itu dan walaupun ia begitu lama telah tertekan oleh tenaga penjajah, namun kita merasa bangga sekarang ini, kerana dalam mendapatkan semula kedaulatan kita itu, kekayaan, kemegahan dan keindahan bahasa, kesenian dan kebudayaan kita diketengahkan semula di tengah-tengah rakyat Malaya Merdeka!" Selain daripada pertunjukan tableau itu telah juga diadakan majlis syarahan dan membaca sajak di Rumah UMNO Johor Bahru.

Pelaksanaan rancangan

Penyunting di Utusan Zaman hari ini membangkitkan soal "apa yang dirancangkan harus dilaksanakan." Kata beliau, kalau tidak lebih bali krancangan itu dipinda atau jika didapati tidak baik dengan segala-galanya batalkanlah rancangan itu sama sekali. "Tetapi dalam mempersetujui dasar Federal, Perekutuan Tanah Melayu hendak menolong orang Melayu supaya dapat bertanding kemajuan dalam segala lapangan apakah maksudnya satu-satu Kerajaan Negeri yang terkandung dalam Persekutuan mengabai-abaikan saja pelaksanaan dasar tersebut yang mengenai negeri yang tertentu im"

Kata beliau lagi "Orang ramai sering mendengar seruan-seruan daripada Menteri-menteri Persekutuan dan Pemimpin-pemimpin Nasional yang lain yang mengatakan bahawa dalam zaman Kemerdekaan maka tergantunglah kepada rakyat untuk 'mengisi' Kemerdekaan yang dicapainya itu dengan jalan bekerja bersungguh-sungguh dalam segala lapangan yang sedia terbuka kepada orang-orang Melayu. Nah! Baru saja Kemerdekaan dicapai, dan anehnya, bukan rakyat yang berlengah-lengah dan tidak mahu menghargai kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Pemerintah untuknya. Sebaliknya satu keadaan telah berbangkit di mana hampir tiap-tiap daerah di negeri Pahang telah menyediakan rancangan untuk menerima dan menjayakan rancangan kemajuan tanah sebagai satu bahagian daripada rancangan pembangunan ekonomi lima tahun itu".

26 wanita pitam dalam Istiadat berbaris perayaan Kemerdekaan

26 orang Kaum Ibu, 4 orang Pemuda UMNO dan seorang pemuda MCA telah jatuh pitam dalam istiadat berbaris di majlis perayaan Kemerdekaan di Bukit Mertajam. Mereka terpaksa diusung dari tengah
padang oleh Pasukan Pertolongan Cemas Palang Merah untuk diberi rawatan. Seramai 5,000 orang
hadir di upacara itu. Yang mengambil bahagian ialah seramai 1,000 lelaki dan wanita yang terdiri daripada Pemuda-pemuda UMNO, Kaum Ibu dan juga Pemuda MCA. Pemuda-pemuda UMNO memakai
baju dan seluar putih dan bersamping merah. Kaum Ibu UMNO berjumlah 500 orang juga memakai
pakaian seragam iaitu baju putih, kain merah manggis dengan selendang kuning.

Pemuda-pemuda Islam Indonesia mengalu-alukan Kemerdekaan Malaya

Gerakan Pemuda-pemuda Islam Indonesia telah mengalu-alukan Kemerdekaan Persekutuan yang terkandung di dalam satu perutusan yang disampaikan kepada ahli Pergerakan di Perak. Pemimpin Gerakan tersebut dalam perutusannya menyatakan "Dengan tercapainya Kemerdekaan Malaya, saya atas nama segenap anggota pemuda Islam Indonesia, menyampaikan ucapan selamat berbahagia kepada segenap rakyat negara Malaya Merdeka yang telah berjaya dan berjasa untuk melepaskan diri dari ikatan penjajahan bangsa-bangsa asing yang berabad-abad lamanya".

Sumpah menamatkan darurat

Satu sumpahan untuk menghapuskan Gerakan Pengganas Komunis telah dibuat oleh Pergerakan Pemuda UMNO Parit, Perak di dalam majlis jamuan teh menyambut Kemerdekaan. "Berilah kami senjata, kami akan menghapuskan pengganas-pengganas itu "sumpah mereka. Empat keputusan dibuat di Majlis itu iaitu, "Yang pertama, orang-orang terkorban di dalam perjuangan menentang pengganas-pengganas di Malaya semenjak tahun 1948 ialah orang yang mati syahid. Kedua, mulai dari sekarang ini, corak penjajahan tidak menjadi keagungan lagi dalam negeri ini. Ketiga, mengenaj pakaian rasmi Menteri-menteri Persekutuan Tanah Melayu terserah kepada Yang di-Pertuan Agong sendiri memutuskan dan yang keempat, Pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah mengubah sikapnya terhadap rakyat, sesuai dengan kemajuan Malaya Merdeka".

"Johor tempat perjuangan Kemerdekaan bertapak" - kata Tunku

Empat Cawangan UMNO, Nongchik, Kampung Jawa, Kolam Air dan Kampung Tambatan di Johor telah bersatu untuk mengadakan sambutan Merdeka di padang Sekolah Melayu, Tambatan Tinggi mulai 3 petang hingga 12 malam pada 20 September.

Menteri, Encik Sulaiman bin Abdul Rahman, yang datang dari Kuala Lumpur mewakili Perdana Menteri telah memeriksa barisan Kehormatan Pemuda-pemuda UMNO dari keempat-empat kampung. Dalam ucapannya beliau berkata "Johor ialah tempat tapak atau asas perjuangan rakyat menuntut Kemerdekaan Malaya". Kata beliau "Negeri Johorlah tempat Tunku menjalankan berbagaibagai ikhtiar dan memikirkan berbagai-bagai cara untuk mendapatkan Kemerdekaan".

Mengikut beliau Tunku sangat besar hati dan berfikir sangat molek sekiranya Kerajaan Johor bermurah hati menghadiahkan rumah Kerajaan yang disewakan kepada UMNO Johor yang duhulunya dijadikan sebagai ibu Pejabat UMNO Malaya dan terus menghadiahkan rumah itu menjadi hak kepunyaan UMNO Johor Bahru selama-lamanya. Kata Menteri Encik Sulaiman "Kemurahan hati Kerajaan Johor itu boleh dijadikan tawarikh dalam sejarah perjuangan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu", Sambutan Merdeka itu telah dijalankan dengan begitu meriah sekali.

Sambutan Kemerdekaan

Kelantan

Satu barisan kehormatan terdiri daripada Pasukan Askar Melayu Batalion ke 7, Polis, Jururawat, Girl Guide dan penuntut-penuntut sekolah Melayu, Arab, Inggeris dan Cina telah diadakan pada pagi 20 September sempena Merdeka dengan dihadiri oleh Tengku Mahkota Kelantan. Perayaan di jajahan itu diadakan 2 hari 2 malam dihadiri oleh 2,000 orang. Permainan-permainan yang diadakan termasuk untuk kanak-kanak, temasya sungai dan lain-lain.

Sambutan juga diadakan di Melur, sebuah pekan di Kota Bharu, selama 4 hari daripada 11 hingga 13 September. Perarakan murid-murid sekolah Melayu, Cina dan Arab telah diadakan. Pada hari kedua diadakan sukan dengan 8 buah sekolah.

Johor

Orang-orang sakit di rumah sakit Tangkak, berjumlah 150 orang telah diberikan hiburan selama 3 malam berturut-turut sebagai sambutan Merdeka. Hiburan yang dimulai pada 10 September dengan tayangan wayang gambar, sandiwara Pemuda-pemuda UMNO dan pada malam 12 September diadakan joget moden.

UMNO Cawangan Permatang Duku, Benut, pada 21 September mengadakan sambutan di Sekolah Umum dengan perlawanan bola sepak dan pada sebelah malamnya wayang gambar.

Pahang

3 buah kampung iaitu Tanjung Batu, Nenasi dan Mercong telah menyambut Kemerdekaan pada 31 Ogos. Cawangan UMNO Nenasi telah membuka Rumah UMNOnya pada hari tersebut.

Perayaan bagi Jajahan Raub akan diadakan selama 2 hari 2 malam dengan dimulakan pada 21 September dihadiri oleh lebih 5,000 orang. Menteri Besar Pahang, Encik Abdullah bin To' Muda Ibrahim yang membuka perayaan itu, telah datang dengan iringan-iringan motosikal yang dilakukan oleh Pemuda-pemuda UMNO- MCA-MIC dari Jerantut. Setelah memeriksa barisan Polis, Home Guard, Pengakap dan Girl Guide itu, beliau memberi ucapan. Kata beliau "Persekutuan Tanah Melayu yang mengandungi penduduk-penduduk dari berbagai-bagai bangsa dan tinggal dalam aman dan damai dapat memberikan contoh kepada negeri lain". Beliau telah mengingatkan bahawa darurat masih berlaku di negeri ini dan meminta orang ramai bekerjasama dengan Kerajaan bagi menamatkannya. Sukan kanak-kanak selepas itu diadakan dan pada sebelah malam berbagai pertunjukan dan hiburan telah diadakan.

Terengganu

Jamuan Merdeka telah diadakan di Bangunan Sekolah Sultan Sulaiman dengan dihadiri oleh 800 orang. Sultan Terengganu, Tengku Ampuan Besar serta Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman turut hadir.

Perianjian Pertahanan Britain-Malaya perlu diadakan - kata Tunku

Semasa berada di Singapura, Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, menyatakan sekiranya Singapura, Borneo dan Hong Kong diancam oleh bahaya peperangan, Malaya dan Britain akan menolongnya. Tunku membuat kenyataan ini di perjumpaan ramai 1,000 orang di perkarangan Ibu Pejabat UMNO Singapura, waktu menyebutkan mengenai perjuangan pertahanan dan bantuan bersama di antara Persekutuan dan Britain.

Tentang bidasan beberapa orang pemimpin yang berkata apakah gunanya Tentera-tentera British ditempatkan di Malaya kerana negara ini sudah Merdeka, Tunku berkata bahawa pemimpinpemimpin itu tidak ingat, sedangkan Tentera British sendiri tidak dapat menamatkan darurat dalam masa sembilan tahun, bagaimanakah Pertahanan Persekutuan sendiri hendak menamatkannya. Tunku juga telah membangkitkan perkara yang dikatakan oleh setengah-setengah Pemimpin bahawa Kemerdekaan Malaya ini "kosong". Tanya Tunku "Bagaimanakah kosong sedangkan negeri-negeri di seluruh dunia termasuk Komunis China. Russia dan Czetoslovakia mengakui Kemerdekaan kita?".

"Kita juga yang bersalah kalau masih juga mundur selepas Merdeka" - Dato Razak

Penduduk-penduduk Masjid Tanah Selandar, Nyalas dan Chanchin di Melaka telah diseru supaya bekerja kuat mengisi Kemerdekaan yang baru dicapai supaya Kemerdekaan itu benar-benar memberi faedah dan dapat dinikmati oleh rakyat. Seruan dibuat oleh Dato Abdul Razak Hussein, Timbalan Perdana Menteri. Dalam meminta sokongan rakyat untuk menamatkan darurat, Dato Razak menyatakan Kerajaan sangat-sangat berharay kepada sokongan rakyat dalam usahanya ke arah ini.

Mengenai Kemerdekaan, beliau berkata "Perayaan Kemerdekaan ini diadakan ialah sebagai melepaskan penat lelah kerana perjuangan Kemerdekaan dan setelah habis kita merayakan Kemerdekaan, kita haruslah bekerja kuat mengisi Kemerdekaan itu".

Kata beliau lagi "Pada masa-masa yang lalu, kalau berlaku apa-apa hal, kita senantiasa menyalahkan penjajahan, tetapi setelah kita Merdeka, kalau kita mundur juga, maka kita tidak boleh menyalahkan orang lain, kitalah yang harna disalahkan;

Isi Kemerdekaan hingga dapat dirasakan rakyat, seruan Ketua Kaum Ibu

Puan Fatimah Hashim, Ketua Kaum Ibu UMNO Malaya, telah menyeru orang ramai supaya memberikan sokongan kepada UMNO untuk mengisi Kemerdekaan yang telah tercapai itu. Beliau membuat seruan semasa merasmikan Rumah Kaum Ibu UMNO, Cawangan Lubuk Merbau, Kuala Kangsar. Tunku Abdul Rahman yang dijadualkan membuka Rumah UMNO itu telah tidak hadir. Seramai 100 orang menghadiri majlisi tu.

Kata Puan Fatimah lagi "Perjuangan kita sekarang berlainan, kalau dulu kita berjuang menghalau penjajahan, tetapi sekarang kita berjuang untuk mengisi Kemerdekaan. Beliau menyeru Pemuda-pemuda supaya menyelamatkan panji-panji Kemerdekaan dan mestilah mengisi Kemerdekaan sehingga dapat dirasakan oleh seluruh rakyat.

Sambutan Merdeka

Masih banyak lagi terdapat laporan ringkas dan terperinci mengenai sambutan di sana-sini.

Pahang

Penduduk-penduduk Mukim Sabi, Karak, Pahang mengadakan sambutan Kemerdekaan pada 14 September dengan dihadiri oleh Dato Abdul Razak Hussein, Timbalan Perdana Menteri, yang berasal dari Pahang.

Satu pertandingan memilih 'Puteri Kebaya Merdeka' telah diadakan di Kuala Lipis. Pemenang-pemenang telah diletakkan mahkota Merdeka dan diberi hadiah. Di samping itu, peraduan menyanyi dan bola senak telah diadakan. Pemenangnya dihadiahkan Piala Merdeka.

Negeri Sembilan

Penduduk-penduduk Kampung Pantai telah mengadakan sambutan Merdeka pada 7 September dengan sukan sekolah dengan berbagai jenis. Di sebelah malam pula diadakan pementasan aneka warna yang mengandungi lawak jenaka, nyanyian dan lain-lain.

Johor

Jawatankuasa Sekolah UMNO Pekan Air Panas, merasa tidak puas hati terhadap sikap guru-guru sekolah mereka yang tidak mahu memberikan kerjasama ketika diadakan sambutan Kemerdekaan. Seorang ahli jawatankuasa memberitahu dalam mesyuarat yang lalu, seorang guru telah dipilih untuk memandu peraduan senaman yang diadakan pada masa Perayaan Kemerdekaan dijalankan. "Tetapi ketika senaman itu dijalankan, guru yang dipilih itu tidak datang", katanya. "Inilah yang menandakan guru itu tidak mahu memberikan kerjasamanya untuk menyambut Perayaan Kemerdekaan", kata beliau laei.

Doa kesyukuran Kemerdekaan telah diadakan oleh Kaum Ibu UMNO di Rumah UMNO Pontian pada 13 September.

Selangor

Kira-kira 900 orang telah menyaksikan malam aneka warna di Kajang pada malam 22 September sempena merayakan Kemerdekaan. Berbagai-bagai pertunjukan, tarian, nyanyian dan peraduan kebaya serta pakaian seragam telah diadakan.

Merdeka Haji Talib lahir di pagi Merdeka

Seorang kanak-kanak telah dilahirkan oleh ibunya Che Bachik bt. Idris yang tinggal di Kampung Sungai Kuali, Serkat, Pontian pada jam 2 pagi, 31 Ogos. Anak itu dinamakan oleh bapanya Tuan Haji Talib bin Ahmad dengan nama "Merdeka" sempena Kemerdekaan.

Ibu-ibu yang melahirkan anak di Hari Merdeka dapat "cenderamata"

Ibu-ibu daerah Rembau, Negeri Sembilan, yang melahirkan anak pada 31 Ogos, siang atau malamnya, telah diberi "cenderamata" oleh Kuam Ibu UMNO di Rembau.

Selasa 24 September 1957, 29 Safar 1377

Perjanjian Pertahanan: UMNO Kedah nak jumpa Tunku

Jawatankuasa Kerja UMNO Kedah telah memutuskan untuk mengirim satu rombongan Wakil-wakil untuk menemui Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, mengenai Perjanjian Pertahanan dan saling membantu di antara Kerajaan Persekutuan dengan Britain yang telah diumumkan baru-barui. Rombongan UMNO Kedah diketuai oleh Encik Mohamad Zahir, Pemangku Ketua UMNO Kedah. Apabila ditanya mengenai kepatusan yang mereka ambil mengenai soal ini mereka enggan menerangkannya sebelum memberitahu kepada Tunku.

Seorang daripada mereka hanya berkata, sekiranya Perjanjian Pertahanan seperti yang terkandung dalam Kertas Putih itu diterima oleh Majlis Mesyuarat Undangan Federal yang akan bersidang pada 3 dan 4 Oktober, "kedudukan negeri ini akan menjadi lebih buruk daripada menjadi anggota Seato".

Pemuda-pemuda UMNO Kedah akan mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilannya "kerana membantah Perjanjian Pertahanan itu dan akan mendesak UMNO Malaya mengadakan Perhimpunan Agung tergempar untuk membincangkan perkara tersebut".

Kata Encik Mustaffa Ismail, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Kedah, "kita tidak mahu sebarang Perjanjian yang menuntut kedaulatan dan Kemerdekaan negara kita yang baru saja Merdeka daripada Penjajahan".

Kalau Malaya mahu makmur tamatkan darurat segera - Suleiman

Menteri Dalam Negeri dan Kehakiman, Encik Suleiman bin Abdul Rahman, berkata dasar Kerajaan lepas Merdeka ini ialah sentiasa hendak berbaik-baik dengan semua negeri dan tidak hendak bermusuh dengan sesiapa pun. Kerajaan seberapa boleh hendak menyempurnakan janji-janji dalam manifesto Pilihan Raya dulu sehingga dapat memberi faedah sepenuhnya kepada rakyat.

Beliau berkata demikian dalam majlis sambutan Kemerdekaan yang diadakan oleh Perikatan Batu Pahat Pantai, di Benut. Kata beliau 'untuk menyelamatkan wang ringgit Tanah Melayu yang terlalu banyak digunakan melawan pengganas-pengganas supaya rakyat dapat hidup dalam amad an makmur, darurat hendaklah dihapuskan. Kerajaan telah berjanji akan menamatkan darurat pada 31 Ogos 1958 kelak. Oleh itu seluruh rakyat hendaklah berkorban dan bersatu padu sehingga berjaya darurat ju dilamatkan''.

Kata beliau lagi "Mengapa Kerajaan tidak mahu menghalalkan Malayan Komunis Parti ialah kerana kehendak rakyat sendiri yang di antaranya mengadu mereka telah cedera kerana penjahat dan yang berkata suaminya cedera dan mati kerana penjahat dan kerana itu mereka tidak rela Parti itu dihalalkan".

Penempatan askar-askar asing buat sementara sahaja

Timbalan Perdana Menteri, Dato Abdul Razak bin Hussein, menyatakan penempatan askar-askar asing dalam negeri ini hanya untuk sementara sahaja dan perbelanjaan baginya adalah ditanggung oleh Kerajaan mising-masing. "Kita harus menaruh persasan bimbang terhadan pegeri kita yang kaya raya ini, jangan-jangan keluar dari mulut harimau masuk pula ke mulut buaya", kata Dato Razak sambil menegaskan Menteri-menteri Perikatan adalah bertanggungjawab mengawal keselamatan negara yang baru Merdeka untuk kepentingan rakyat sekalian.

"Saya percaya memang banyak dari kalangan Pemuda kita yang mahu mempertahankan negaranya ini, tetapi kita tidak ada wang untuk melatih dan mengadakan segala kelengkapan baginya" kata Dato Razak lagi.

Mengenai berbagai-bagai teguran tentang adanya tentera asing di negeri ini, Dato Razak berkata "memang ada gelongan yang mencari-cari kesalahan kita untuk merosakkan kita tetapi kita tidak menghiraukannya selagi ada pihak yang ramai di sebelah kita dan menyokong kita".

Mengenai Perjanjian Pertahanan, Dato Razak berkata semua negeri yang sudah lama Merdeka itupun ada mengadakan Perjanjian Pertahanan dan demikianlah dengan Kerajaan Persekutuan yang akan membuat Perjanjian Pertahanan bersama itu dan sebelum Perjanjian itu ditandatangani perkara itu akan dibentangkan di dalam Majlis Undangan lebih dulu untuk diluluskan. "Banyak orang yang tak faham mengenai Perjanjian Pertahanan ini. Memang banyak pemuda yang sanggup mempertahankan negeri ini tetapi negeri ini tidak dapat dipertahankan dengan orang atau dengan golok sahaja. Kita haruslah ada persediaan menurut keadaan zaman sekarang", tegas Dato Razak.

Guru-guru Melayu menghulurkan kerjasama mengisi Kemerdekaan

Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung (KEPEGEMAS) yang mewakili lebih 10,000 orang guru-guru Melayu Semenanjung telah berikrar taat setia serta siap sedia mengorbankan apa saja untuk mengekalkan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang baru tercapai itu. Ikrar ini disampaikan kepada Perdana Menteri sebagai ucapan tahniah atas kejayaan beliau berjuang mendapatkan Kemerdekaan bagi Persekutuan. Setiausaha KEPEGEMAS, Encik Basir bin Uduh, dalam suratnya menyatakan bahawa guru-guru Melayu juga berikrar akan bekerjasama dengan pihak yang bertanggungjawab bagi mengisi Kemerdekaan Malaya. "Cita-cita guru Semenanjung akan mempertahankan Kemerdekaan Malaya walaupun dengan titisan darah sekalipun".

Razak percaya "Melayu akan bertambah maju"

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato Abdul Razak Hussein, percaya "bangsa Melayu akan dapat martabat yang tinggi dan maju seperti juga bangsa-bangsa lain dalam dunia, sekiranya mereka berusaha bersungguh-sungguh dalam lapangan perusahaan dan pelajaran yang terbuka sekarang". Beliau berucap dalam upacara meletakkan batu asas Sekolah Agama, Guchil, Ulu Kelantan.

Kata beliau lagi "Selama ini orang-orang Melayu menumpahkan segala tenaga dan fikirannya untuk mendapatkan Kemerdekaan, tetapi setelah Kemerdekaan tercapai tenaga dan fikiran kita harus ditumpukan pula untuk mengisi Kemerdekaan itu". Dato Razak dan rombongan-rombongannya singgah di beberapa tempat di tepi jalan dari Kota Bahru ke Kuala Kerai iaitu di tempat-tempat rakyat mengadakan keramaian menyambut Kemerdekaan. Ucapan ringkas mengenai Kemerdekaan dan tanggungan rakyat untuk mengisi Kemerdekaan adalah menjadi pokok dalam ucapan-ucapan di tempat-tempat yang dilawati olehnya.

Memperkemaskan UMNO untuk memenangi Pilihan Raya seratus peratus

Puan Fatimah Hashim, Ketua Kaum Ibu UMNO, telah menyeru Pemuda-pemuda dan Kaum Ibu UMNO seluruhnya supaya "melipatgandakan kerja-kerjanya daripada yang sudah untuk mengisi, mengekalkan dan mempertahankan Kemerdekaan yang telah dicapai lebih 20 hari itu". Beliau meminta ahli-ahli UMNO supaya bekerja kuat memperkemaskan Pertubuhan UMNO di tempat masing-masing supaya beroleh kemenangan dalam Pilihan Raya seratus peratus tahun 1958. Kata beliau "Janganlah difikirkan kerja kita telah tamat, mendapat Kemerdekaan itu tangga yang pertama sahaja. Kewajipan kita masa ini ialah bekerja mengisi, mengekalkan dan mempertahankan Kemerdekaan itu supaya dapat memberi nikmat dan kemakmuran kepada rakyat seluruhnya". Beliau berucap di majlis

sambutan Kemerdekaan yang diadakan oleh UMNO Cawangan Air Hitam, Muar. Perayaan itu dilanjutkan hingga ke malamnya dengan berbagai-bagai permainan serta wayang gambar dan wayang kulit.

Perayaan-perayaan Merdeka Pulau Pinang

Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Wong Pow Nee, berkata sewaktu membuka perjumpaan sukan Merdeka di Stadium Bandaran Pulau Pinang, bahawa mengambil bahagian dalam sukan bukanlah sahaja menyihatkan badan tetapi juga membentuk perasan kita kepada fahaman 'sportsmanship' pag merapatkan persahabatan muhibbah dan perasaan tolak ansur. Beliau menyatakan harapan Pulau Pinang menimbulkan ahli sukan yang baik bagi menyahut seruan Perdana Menteri mengadakan sebuah perjumpaan sukan internasional Malaya yang besar.

Penduduk-penduduk Mukim Gelugur mengadakan perayaan Kemerdekaan selama 2 hari mulai 21 September dengan satu temasya sukan darat di padang Kampung Sungai Gelugur. Pada sebelah malam pula diadakan pertunjukan pentas seperti lawak jenaka, boria, peraduan-peraduan kebaya dan pakaian beragam. Pada sebelah pagi diadakan temasya sukan laut besar di kawasan Pelabuhan Marine, Gelugur dengan dihadiri oleh Gabenor Pulau Pinang, Jawatankuasa Muhibbah Teluk Air Tawar, Butterworth akan mengadakan perayaan Kemerdekaan pada 26 September dengan pertunjukan 'anekaria' oleh murid-murid 7 buah sekolah. Pada 28 September akan diadakan joget moden oleh Pemuda-pemuda UMNO. Sementara itu UMNO bahagian Seberang Perai Utara akan memberi jamuan nasi Merdeka. Doa selamat dan kekal Kemerdekaan dibaca di majlis itu, sementara itu di Permatang Pauh diadakan permaianan ronggeng dan tarian-tarian Melayu.

Pahang

Berbagai perayaan diadakan di mukim-mukim dan kampung-kampung seluruh Pahang hingga akhir bulan. Semua perayaan mendapat sambutan yang begitu meriah. Di Kuala Lipis diadakan upacara melatakkan batu asas Merdeka. Diadakan juga pertandingan menyumpit jantung pisang dan peraduan membaca Quran. Sebelah malam diadakan pertunjukan aneka warna, qasidah dan dikir barat. Di mukim-mukim lain juga diadakan pelbagai sambutan yang disaksikan oleh beribu-ribu orang.

Johor

Pemuda-pemuda diingatkan akan peranan dalam Malaya Merdeka bahawa tanggungan mereka amat berat dan mereka hendaklah mengambil bahagian dalam segala lapangan perniagaan dan perusahaan sementara yang ada kebolehan hendaklah menambah ilmu pengetahuan. Semua dibuat di majlis sambutan Kemerdekaan yang mengandungi jamuan teh, aneka warna, peraduan menyanyi, membaca sajak dan lain-lain.

Terdapat beberapa gambar yang menunjukkan ahli-ahli yang mengambil bahagian di beberapa tempat termasuk di Tangkak, Ulu Langat, Pulau Pinang serta di Jeddah.

Di zaman Merdeka memerlukan orang-orang Melayu membuang sifat khianat - dengki

Ahli Majlis Mesyuarat Bandaran Kelang, Tuan Sheikh Hussein memberitahu 150 orang ahli UMNO dan orang-orang di Kampung Pandan, Selangor supaya "setelah Merdeka sifat-sifat khianat dan dengki antara satu sama lain hendaklah dikikis sama sekali". Beliau menyeru orang-orang Melayu seluruhnya supaya membuangkan lima sifat-sifat yang telah menjadi adat yang mendatang kepada orang-orang Melayu. Sifat itu menurut beliau ialah tamak, haloba, dengki, khianat dan fitnah.

Kata beliau "Dari sekarang kita mesti lebih menumpukan soal-soal pokok perjuangan kita, kalau kita masih lagi berpecah belah bagaimana kita akan dapat membina negara ini". Katanya-tegaknya negara ialah datang dari orang-orang kampung kemudian membawa ke bandar, dan dari bandar membawa ke seluruh negeri. Perjumpaan itu diadakan sempena merayakan Kemerdekaan yang dianjurkan oleh Pergerakan Pemuda UMNO Cawangan Kampung Pandan. Upacara menaikkan bendera Persekutuan dan lagu kebangsaan telah diialankan.

Perisytiharan Kemerdekaan dibaca di kampung-kampung

Perayaan Kemerdekaan di jajahan Besut, Terengganu telah disambut dengan meriahnya oleh penduduk-penduduk dari berbagai-bagai bangsa. Di Pulau Perhentian, semua penduduk, kecil besar, tua muda, lelaki permpuan telah keluar beramai-ramai mendengar perisytiharan Kemerdekaan dibacakan. 5 buah pintu gerbang didirikan di Pulau itu dan pada tiap-tiap pintu gerbang itu disediakan minuman-minuman orange dan lemonade secara percuma.

Di Kampung Payang, perayaan Kemerdekaan telah disambut dengan hebatnya. Hingga 24 September 1957 Perisyitharan Kemerdekaan masih lagi dibaca di serata kampung bergilir-gilir dengan diadakan bermacam-macam sambutan.

"Kami tak rela dijajah lagi" - Razak

Timbalan Yang di-Pertua Agung UMNO Malaya, Dato Abdul Razak, berkata di majlis Perhimpunan pegawai-pegawai UMNO, Cawangan Pasir Putih, Kelantan, "Kita telah cabut kuasa penjajah dari negeri kita, dan kita tidak rela negeri ini dijajah lagi oleh apa bangsa sekali pun; kita akan pertahankan Kemerdekaan ini walau dengan darah sekali pun".

Kepada pegawai-pegawai UMNO itu, Dato Razak menyatakan bahawa "Perpaduan dan perjuangan harus diperkuat lagi dalam kalangan UMNO sendiri supaya Kemerdekaan yang telah dicapai itu akan mendapat kejayaan. Kita telah turunkan bendera British dan kita naikkan pula bendera Persekutuan, kita telah ciptakan Kemerdekaan, dan kita mesti pertahankan Kemerdekaan itu".

Gambar-gambar sambutan Kemerdekaan

Terdapat 4 gambar mengenai sambutan Kemerdekaan yang termasuk di Singapura dan Johor yang menunjukkan anggota-anggota yang mengambil bahagian.

Kita yang mahukan Perjanjian Pertahanan, bukan British - Tunku

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra merangkap Menteri Luar Bandar, berkata di Kuala Pilah "adanya tentera-tentera British di Malaya dan Perjanjian tolong menolong dengannya ialah dengan kehendak kita sendiri, bukan dengan kehendak British. Negara kita adalah sebuah negara yang kecil dan baru Merdeka. Oleh itu kita mestilah mengekalkan Kemerdekaan kita. Sekiranya kita diserang dari luar, tentera-tentera British yang ada di sini boleh menolong kita dengan serta merta." Tunku berkata demikian di depan 10,000 orang, terdiri daripada segala bangsa di padang Pejabat Daerah, Kuala Pilah.

Permintaan UMNO Kedah ditolak. Tunku enggan memanggil Persidangan tergempar UMNO Malava

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, telah menolak permintaan satu rombongan UMNO dari Kedah supaya beliau, sebagai Yang di-Pertua Agung UMNO, memanggil Persidangan tergempar UMNO Malaya dengan segera bagi membincangkan Perjanjian Pertahanan dan saling membantu antara British dan Malaya Merdeka.

Dalam pertemuan selama satu jam, rombongan UMNO Kedah yang diketuai oleh Encik Mohd. Zahir Ismail, telah memberitahu Tunku bahawa Perjanjian Pertahanan yang diumumkan tempoh hari itu adalah "berat sebelah dan tidak sama sekali menguntungkan Malaya yang baru saja Merdeka". Mereka telah menuntut supaya Tunku memanggil persidangan tergempar UMNO bagi membincangkan soal Perjanjian Pertahanan itu sebelum perkara tersebut dikemukakan dalam Mesyuarat Undangan Federal pada awal bulan depan. Tunku telah menerangkan kepada rombongan tersebut kandungan Perjanjian itu dan menyatakan tidak setujunya atas permintaan rombongan dari Kedah itu. Dalam pertemuan itu, Tunku telah ditemani oleh Menteri Pertahanan dan Timbalan Perdana Menteri, Dato Abdul Razak, Menteri Pelajaran Encik Mohd. Khir Johari, Bakal Duta Malaya ke Indonesia, Encik Senu Abdul Rahman dan Pemangku Setiausaha Agung UMNO, Tuan Syed Jaafar Albar

Bila ditanya oleh Utusan Melayu, Encik Mohd, Zahir Ismail enggan memberi apa-apa kenyataan sama ada puas hati atau tidak atas pertemuannya itu. Kata beliau rombongan tersebut akan membuat laporan mengenainya untuk dibentangkan ke dalam mesyuarat Jawatankuasa UMNO Kedah. Selain daripada Tunku sebagai Yang di-Pertua Agung UMNO, satu pertiga daripada jumlah anggota Jawatankuasa Tertinggi dan satu pertiga daripada jumlah wakil-wakil Majlis Mesyuarat Agung UMNO Malaya boleh memanggil satu Persidangan Tergempar UMNO Malaya

UMNO Kelantan akan bincangkan Perjanjian Pertahanan. Pemuda-pemuda UMNO Johor dukacita terhadap sikap Tunku

UMNO Negeri Kelantan akan mengadakan Mesyuarat Agung Khas kerana membincangkan Kertas Putih Perjanjian Pertahanan Persekutuan Tanah Melayu dengan Kerajaan Inggeris sebelum Majlis Undangan Federal bersidang. Setiausaha UMNO Kelantan, Encik Hamzah Ghani, memberitahu bahawa Mesyuarat itu khas diadakan untuk membincangkan perkara tersebut. Mengenai Kertas Putih Perjanjian Pertahanan beliau enggan menyatakan pendapatnya. "Kami telah bercakap panjang mengenai Perjanjian Pertahanan itu dengan Menteri Pertahanan tatkala beliau berada di sini", kata beliau

Encik Zakaria Yusuf, Ketua Pemuda UMNO Kelantan, menyatakan bahawa Perikatan Pemuda UMNO Kelantan akan mengadakan sidangannya pada 28 September dan dalam Persidangan itu akan diputuskan sama ada akan menyokong atau menentang Perjanjian tersebut. Beliau berpendapat soal Perjanjian Pertahanan itu tidak seharusnya dimajukan di dalam Majlis Undangan Federal terlebih dulu, sebelum mendapat fikiran dan pandangan UMNO tiap-tiap negeri. Sementara itu Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Johor "berasa dukacita dengan sikap Tunku yang menganggap sepi desakan UMNO Malaya supaya mengadakan Perhimpunan Agung tergempar untuk membincangkan masalah Perianjian Pertahanan, sebelum Perianjian itu ditandatangani".

Seorang pegawai Pemuda UMNO Negeri Johor menyatakan bahawa keputusan yang diambil oleh mesyuarat pada 13 September itu adalah mendukung sepenuh-penuhnya keputusan Perhimpunan Agung UMNO Malaya yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 29 Jun.

Keputusan Perhimpunan Agung itu menyatakan "sebarang Perjanjian tentera yang akan diterima oleh Persekutuan Tanah Melayu selepas daripada tarikh Merdeka hendaklah lebih dulu dibahaskan dalam suatu Perhimpunan Agung UMNO, sebelum dibawa ke dalam Majlis Mesyuarat Undangan Federal".

Pegawai Pemuda UMNO itu, yang juga menjadi salah seorang wakil pemuda dalam perhimpunan tersebut, ketika menyatakan dukacitanya terhadap sikap Tunku Abdul Rahman tidak hendak membawa masalah Perjanjian Pertahanan itu dalam satu Mesyuarat Agung tergempar UMNO Malaya berkata, "Seolah-olah Tunku melupakan atau hendak membelakangkan keputusan Mesyuarat Perhimpunan Agung di Kuala Lumpur pada 28 Jun itu".

Kekalkan Kemerdekaan, kata Razak

Dalam ucapannya kepada lebih 2,000 orang di Pasir Putih, Kelantan, Dato Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, telah menyeru kepada rakyat seluruhnya supaya menjaga keselamatan negeri bagi mengekalkan Kemerdekaan. "Kita telah jatuh sebelum penjajahan dulu kerana kelemahan kita, akibat pecah belah yang antara satu negeri dengan satu negeri di Persekutuan ini. Itulah sebahnya kita dapat ditakluk dengan senang oleh penjajah" kata Dato Razak.

Kepada pemimpin-pemimpin UMNO, beliau meminta supaya menguatkan lagi perjuangan mereka dan berusaha menghapuskan pengganas-pengganas Komunis yang menurut beliau masih ada beberapa orang di kawasan tersebut.

Perayaan Merdeka Union Jack berkibar-kibar

Seorang penulis kepada Utusan Melayu bernama Keris Merdeka dari Kuala Ibai, Terengganu, memaklumkan "dalam perayaan Merdeka di Kuala Terengganu tempoh hari, saya lihat masih ada rumah yang mengibarkan bendera Union Jack. Apakah ertinya itu? Bukankah Hari Kemerdekaan kita bererti turunnya bendera Union Jack dan berkibarnya bendera negara kita sendiri?" soal beliau.

Nak pecat Ketua Kampung fasal Merdeka

Penduduk-penduduk Kampung Angur Sauk, 16 batu dari Kuala Kangsar, sedang mengambil langkah untuk memecat Ketua Kampung mereka yang dikatakan tidak mahu bekerjasama untuk mengadakan sambutan Merdeka. Beberapa orang pemuda kampung itu menyatakan ketika mereka menjalankan usaha mengutip derma bagi mengadakan sambutan Kemerdekaan Persekutuan, Ketua Kampung itu menempelakkan mereka dengan mengatakan Merdeka bukan zaman suka-suka bagi orang Melayu. Kampung Angur tidak mengadakan sambutan Kemerdekaan sebagaimana kampung-kampung lain kerana sikap ketua kampungnya itu.

Sambutan Merdeka Perak

Menteri Pelajaran akan hadir di majlis jamuan nasi Merdeka yang akan diadakan pada 28 September. Menteri Besar Perak juga akan hadir bersama.

Johor

Lebih 1,000 orang telah menghadiri perayaan Merdeka di Teluk Sengat, Kota Tinggi, Johor. Berbagai-bagai jenis permainan laut telah diadakan walaupun ribut turun sebentar.

Singapura

UMNO Cawangan Kampung Melayu, Singapura, akan mengadakan perayaan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di padang bola, Kesatuan Kampung Melayu, Jalan Pagak, Permaianan sukan orang dewasa dan kanak-kanak akan dilangsung di sebelah petang manakala syarahan-syarahan permainan panjat tiang dan pertunjukan wayang gambar akan diadakan di sebelah malamnya.

Perjanjian Pertahanan Tunku akan menjelaskan pada 30 September

Jawatankuasa Tertinggi UMNO Malaya, akan mengadakan Persidangan pada 30 September untuk mendengar keterangan-keterangan dan laporan mengepai Perjanjian Pertahanan British-Malaya yang kini hebat diperbincangkan oleh orang ramai. Keterangan dan laporan atas Perjanjian tersebut akan disampaikan sendiri oleh Perdana Menteri dan Yang di-Pertua Agung UMNO, Tunku Abdul Rahman. Persidangan itu akan diadakan di Residency, rumah Tunku, jam 7.30 malam. Di Persidangan itu akan dilantik Setiausaha Agung UMNO menggantikan Encik Senu Abdul Rahman yang akan menjadi Duta Malaya di Indonesia.

Sementara itu UMNO Negeri Johor dengan sebulat suara telah bersetuju mendesak supaya UMNO Malaya mengadakan Mesyuarat Agung tergempar kerana membincangkan Kertas Putih Perjanjian Pertahanan itu sebelum majlis Undangan Federal bersidang pada 3 dan 4 Oktober. Setengah anggota-anggota UMNO Negeri Johor menganggap "Seato lagi baik daripada Perjanjian Pertahanan ini kerana dalam Seato, taraf British dan Malaya adalah sama, tetapi Perjanjian tersebut adalah berat sebelah dan semata-mata menguntungkan satu pihak daripada yang lain". Keputusan mendesak Mesyuarat Agung tergempar itu diambil dalam satu Mesyuarat Perwakilan yang telah diadakan di Johor Bahru.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaya, Encik Sardon Haji Jubir, telah memberi jawapan "yang tidak memuaskan" kepada Ketua Pemuda UMNO Kedah mengenai tuntutan supaya beliau memanggil perhimpunan tergempar Pemuda UMNO Malaya untuk membincangkan Perjanjian Pertahanan British-Malaya itu.

Encik Mustaffa Ismail, Ketua Pemuda UMNO Kedah, memberitahu Utusan Melayu bahawa alasan yang diberi oleh Encik Sardon mengenai perhimpunan tergempar itu ialah bahawa beliau tidak mempunyai kuasa untuk mengadakan perhimpunan tersebut "kecuali mendapat kebenaran lebih dulu daripada Jawatankuasa Tertinggi UMNO. Alasan ini sangat tidak memuaskan kerana mengikut undang-undang tubuh UMNO Malaya. Ketua Pemuda boleh mengadakan perhimpunan tergempar pada bila-bila masa yang difikirkan perlu".

Encik Sardon telah memberi alasan itu kepada Encik Mustaffa dalam pertemuan mereka di Kuala Lumpur. Sebelum menemui Encik Sardon, Ketua Pemuda UMNO Kedah itu telah menghantar kawat kepada Encik Sardon memberitahukan ketetapan Pemuda UMNO Kedah supaya Perhimpunan Agung itu diadakan bagi membincangkan Perjanjian Persekutuan Pertahanan British-Malaya itu.

Sementara itu Pemangku Setiausaha Agung UMNO Malaya, Tuan Syed Jaafar Albar, telah mengeluarkan satu kenyataan menjawab keterangan seorang Pemuda UMNO Johor berhubung dengan Perjanjian Pertahanan British-Malaya.

Pemuda Johor itu mengatakan rasa kesalnya atas sikap Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, yang enggan membawa soal perjuangan itu ke dalam Persidangan UMNO Malaya bagi dibincangkan lebih dulu sebelum dibentangkan dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Undangan Federal. Tuan Syed Jaafar Albar berkata keterangan Pemuda Johor mengenai keputusan Perhimpunan Agung UMNO pada 29 Jun 1957 itu adalah satu keterangan yang tidak berdasar kepada kenyataan.

"Keputusan yang sebenarnya berkenaan dengan treaty Pertahanan itu ialah berkehendakkan supaya tiap-tiap treaty Pertahanan dengan British atau lain-lain diumumkan kepada orang ramai dan dibahaskan dalam Majlis Mesyuarat Undangan Federal sebelum ditandatangani oleh Kerajaan dan ini telahpun dilakukan," katanya.

Perjanjian Pertahanan tak menyentuh kedaulatan dan kehormatan Malaya

Bakal Duta Malaya ke Indonesia, Encik Senu Abdul Rahman, berkata bahawa Perjanjian Pertahanan yang dibuat antara Kerajaan Malaya Merdeka dengan British yang sekarang sedang menjadi perbincangan hangai tiu sebenarnya "tidak menyentuh sedikitpun akan kedaulatan dan kehormatan negeri ni sebagai sebuah negeri Merdeka dan berdaulat". Encik Senu, yang akan bertolak ke Indonesia pada 29 September ini, berkata bahawa sebagai sebuah negara Merdeka Malaya telah mendapati semuanya seperti yang telah didapati oleh negara-negara Merdeka yang lain. Kata beliau "Malaya Merdeka telah diakui oleh semua pihak dalam Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini. Soal bahawa Perjanjian Pertahanan Malaya-British itu boleh menyentuh kedaulatan Malaya Merdeka tidaklah boleh diajdikan satu hal yang merunsingkan".

Tunku tak mahu Malaya ditawan musuh ketika Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sedang bersidang

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, mengumumkan "tentera-tentera British berada di Tanah Melayu sekarang dan perjanjian tolong menolong dengan British itu adalah dengan kehendak Bita sendiri bukan dengan kehendak British. Negara kita adalah sebuah negara yang kecil dan baru Merdeka. Oleh itu kita mestilah mengekalkan Kemerdekaan kita itu". Tunku berucap di depan 10,000 orang tetamu dari semua bangsa di Padang Pejabat Daerah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Tunku disambut dan dikawal oleh pasukan motosikal Pemuda-pemuda UMNO dan singgah selama beberapa minit dan berucap kepada 2,000 orang.

Di Kuala Pilah, Tunku memeriksa barisan kehormatan 300 orang Pemuda Perikatan. Selepas itu beliau meletakkan batu asas Dewan Merdeka dan kemudian mengepalai perarakan besar menyeru pengganas-pengganas menyerah diri.

Kepada tetamu-tetamu yang hadir, Tunku menerangkan tujuan pengganas-pengganas Komunis ialah "hendak memerintah negeri ini". Kata Tunku "Faham Komunis tidak sesuai dengan negara Malaya yang makmur ini. Faham itu mungkin sesuai dengan negeri China yang sempit tanah itu". Selanjutnya Tunku berkata, "setengah-setengah orang berpendapat apa yang nak ditakutkan serangan dari luar negeri kerana kita telah menajdi ahli Bangsa-bangsa Bersatu." Kata Tunku "pendapat mereka itu benar juga, tetapi kita ketahu juga bahawa kalau negeri kita ini kena serang baru saja berunding, tatkala itu negeri kita telah ditakluk oleh musuh. Tetapi dengan adanya tentera-tentera British di sini, mereka akan dapat menolong kita dengan serta merta kerana kita mahu negara kita yang baru Merdeka ini hendak kekal Merdeka selama-lamanya".

Kata Tunku "Pada masa ini Persekutuan Tanah Melayu tidak sanggup mengadakan tentera laut, darat dan udara dengan secukupnya kerana negeri kita kecil, baru sahaja Merdeka dan pendapatan negara pun kurang".

Lagi pemuda bersumpah berikrar berdiri di belakang Tunku

Pergerakan Pemuda Bahagian Batu Pahat Pantai, telah membuat sumpah dengan menyatakan ikrar berdiri di belakang Tunku serta lain-lain Pemimpin UMNO bagi mengisi dan membina Kemerdekaan yang telah didapati itu. Majlis menyambut Kemerdekaan dihadiri oleh 500 orang. Sumpah dan ikrar diketuai oleh Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Batu Pahat Pantai, Encik Osman bin Mohd. Noh. Beliau berkata dalam ucapannya "walaupun pemimpin-pemimpin kami menuduh yang kami pemuda-pemuda tidak begitu taat setia kerana selalu membuat teguran, tetapi teguran itu adalah semata-mata untuk memperbaiki pemimpin-pemimpin kami itu supaya jangan dituduh orang lain yang pemimpin-pemimpin kami itu dibiarkan membuat kesilapan-kesilapan. Kami Pemuda-pemuda ada teras dan tulang belakang UMNO berjaya mendapatkan Kemerdekaan ini dan kami akan terus juga menjalankan tugas mengisi Kemerdekaan".

Kata beliau lagi, azam Pemuda-pemuda ialah berusaha membasmi pengganas-pengganas Komunis di Tanah Melayu, membuat segala usaha dan bekerja keras bagi faedah keselamatan negara dan "kami Pemuda-pemuda UMNO tetap berdiri teguh di belakang Tunku dan pemimpin-pemimpin".

Dr. Ismail terangkan dasar luar Malaya di Bangsa-bangsa Bersatu

Dr. Ismail bin Dato Abdul Rahman, wakil tetap Persekutuan di Bangsa-bangsa Bersatu, menerangkan bahawa dasar luar negerinya adalah berasaskan tujuan untuk memelihara Kemerdekaannya dan beliau berazam hidup dalam aman damai "dengan semua bangsa yang berbaik-baik dengannya." Beliau berucap di Majlis Perhimpunan Agung dalam Perbahasan Hal Ehwal Dunia. Kata beliau bahawa harus sekali tidak ada zaman dalam sejarah dunia yang kacau bilau sekarang bila kepada kejayaan pertubuhan kita inilah bergantungnya penyelesaian masalah-masalah yang mengancam perdamaian dan kesentosaan. Dr. Ismail membangkitkan ketenteraman dunia dengan cara damai. Kata beliau "kerana keyakinan mereka yang teguh kepada dasar inilah yang telah membawa Kemerdekaan kepada rakyat Malaya, Keyakinan kuat dasar menentukan nasib sendiri inilah yang memberi kekuatan kepada tenaga nasionalism di Malaya dalam perjuangan Kemerdekaannya". Dr. Ismail telah membangkitkan soal keazaman rakyat melawan Komunis. Beliau menyebut kenyataan Tunku bahawa Kerajaan bertujuan untuk menghapuskan ancaman Komunis selewat-lewatnya setahun selepas tercapainya Kemerdekaan iaitu pada 31 Ogos 1958. Kata Dr. Ismail "Keinginan Malaya yang besar hari ini ialah perdamaian dan jasa baik semua negeri lain dengan siapa ia ingin hidup sebagai sahabat dan saling mengerti." Kata beliau lagi "Kami berani menyatakan bahawa kedudukan kami yang istimewa itu membenarkan kami memainkan peranan yang tidak berat sebelah dalam hal ehwal dunia. Nyatalah kepada kami perlunya kami tegas dalam pandangan dan perbuatan kami sebagai anggota Pertubuhan ini".

Sabtu 28 September 1957, 4 Rabiul Awal 1377

Dasar Luar Malaya sekarang ragu-ragu - Saberkas

Saberkas,' sebuah Pertubuhan Politik di Kedah yang digabung dengan UMNO, telah menghantar kawat kepada Ibu Pejabat UMNO Malaya di Kuala Lumpur pada 28 September menuntut supaya Perhimpunan Agung UMNO diadakan dengan segera untuk membicangkan Perjanjian Pertahanan British-Malaya dan menentukan dasar luar negeri Kerajaan Perikatan. Satu kenyataan yang diterbitkan oleh Saberkas berkata bahawa Pertubuhannya menyokong kuat tuntutan-tuntutan mengadakan Mesyuarat Agung UMNO Malaya bagi membincangkan Perjanjian Pertahanan British-Malaya itu. Saberkas juga mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat Undangan Federal yang dijadualkan bersidang pada 3 dan 4 Oktober ditangguhkan kepada satu masa yang lain. Kenyataan itu berkata "Selain daripada Perjanjian Pertahanan. Majlis Mesyuarat Agung UMNO tergempar itu hendaklah juga menetakan satu dasar luar negeri kerana apa yang dilakukan oleh wakil Malaya dalam Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini telah menimbulkan keraguan bukan sahaja kepada rakyat tetapi kepada pengikut-pengikut Perikatan."

Dasar luar negeri Kerajaan Perikatan bagi negara yang Merdeka tidak ada ditetapkan dalam manifesto Pilhan Raya Perikatan dulu, dan "ini perlulah dibuat sekarang supaya dasar luar negeri kita diketahui dengan jelas oleh rakyat, tidak semata-mata mengikut kuasa luar. Kami memandang dua soal ini, iaitu perkara Perjanjian Pertahanan dan dasar luar negeri sangat besar dan mesti dibincangkan dengan penuh oleh Mesyuarat Agung tergempar UMNO Malaya yang akan diadakan kelak" kata kenyataan itu.

Sementara itu Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO negeri Kedah di Alor Setar hari ini dengan sebulat suara mengambil ketetapan menghantar kawat ke Ibu Pejabat UMNO Malaya menuntut supaya Majlis Mesyuarat Agung UMNO Malaya diadakan dengan segera. Kawat itu juga mendesak supaya Kerajaan Perikatan menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Undangan Federal yang akan diadakan pada 3 dan 4 Oktober itu sehingga kesatu masa selepas Majlis Mesyuarat Agung UMNO menentukan sikapnya terhadap Perjanjian tersebut.

Tunku tentang tugas rakyat

Tugas setiap rakyat ialah membantu orang-orang yang mengharapkan bantuan dan menolong orangorang yang daif serta memberi ubat kepada orang-orang yang sakit, ujar Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman di ucapannya di Majlis Pusat Kebajikan Masyarakat Persekutuan Tanah Melayu. "Dalam negeri ini terdapat orang yang terlalu kaya dan yang miskin terlalu menderita. Tugas kita semua ialah memberi pertolongan kepada orang-orang yang memerlukan pertolongan dan mengubati orang-orang yang sakit," kata Tunku. "Bagaimanapun, bagi permulaan Persekutuan Tanah Melayu telah mendapat kejayaan. Yang demikian kita harus tidak lalai dalam tugas kita dan harus mempunyai rasa tanggungjawab yang berlipat ganda supaya rakyat semua dapat merasakan nikmat Kemerdekaan Malaya," kata Tunku lagi.

Kita sudah Merdeka, apa nak gaduhkan lagi? - kata Tunku

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, tidak menyangka yang pemerintah Komunis China begitu cepat sekali mahu mengiktiraf Kemerdekaan Malaya. Kata Tunku "saya tidak sangka Kerajaan Komunis China telah mengiktiraf kita dengan begitu lekas dan Mao Tze Tung serta Chou En-lai sendiri mengirimkan tahniah kepada kita." Tunku berkata demikian tatkala berucap di perhimpunan ramai di Pekan Ketari, Bentong. Mengenai Kemerdekaan, Tunku menyatakan lagi bahawa Kemerdekaan yang kita dapati itu "adalah Kemerdekaan penuh, bukan Kemerdekaan kosong seperti yang dikatakan oleh setengah-setengah orang. Kita telah mendapat Kemerdekaan, apa lagi yang hendak kita gaduhkan." Tunku menerangkan juga bahawa "Menteri-menteri Perikatan sekarang sedang

dak kita gaduhkan." Tunku menerangkan juga bahawa "Menteri-menteri Perikatan sekarang sedang sibuk membuat lawatan ke sana ke mari kerana hendak mengatur kerja dan menunaikan kehendak-kehendak rakyat di zaman Merdeka ini." Yang hadir di mailis itu adalah seramai 1,000 orang.

Australia hendak berniaga dengan Persekutuan Tanah Melayu

Kerajaan Persekutuan sedang mengkaji perkara hendak membuat Perjanjian Perdagangan dengan Kerajaan Australia. Menteri Perniagaan Persekutuan, Tuan Tan Siew Sin berkata, Kementeriannya sedang mengkaji beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Australia itu. Australia ialah negeri asing yang pertama hendak membuat Perjanjian tersebut semenjak Persekutuan mendapat Kemerdekaan pada 31 Ogos.

Tunku diusung dalam sebuah lancang di Sungai Jelutung

UMNO Cawangan Sungai Jelutong, Bahagian Jempul, Kuala Pilah telah dapat menunaikan nazarnya bila UMNO Cawangan tersebut telah mengusung Tunku di dalam sebuah lancang yang berbentuk kapal layar. Sebaik-baik sahaja Tunku turun dari keretanya apabila sampai, beliau dijemput naik ke atas kapal layar tersebut dan kompang rebana pun dipalu, riuh rendah bunyinya. Sebelum berucap Tunku telah memeriksa Barisan Kehormatan Pemuda Pemudi UMNO di dalam hujan renyai-renyai dan udara gelap-gelap samar.

Pengerusi UMNO Bahagian Jempul , Encik Abdul Latif bin Rintah, sebelum menjemput Tunku memberikan ucapannya, telah meminta Tunku melepaskan dua ekor burung balam sebagai tanda kesejahteraan dan kesentosaan rakyat di dalam negara Malaya Merdeka. Kemudian Tunku dihadiahkan dengan sebuah tepak sirih sebagai lambang kebudayaan Melayu.

Tunku di dalam ucapan ringkasnya, menerangkan rancangan-rancangan Kerajaan bagi membentuan kepada kaum tani dan ahli-ahli perniagaan Melayu. Beliau menyatakan bahawa Bank Rakyat akan ditubuhkan bagi melaksanakan janji-janji Perikatan dalam Pilihanraya yang lalu untuk membaiki dan meninggikan taraf kehidupan rakyat.

Maulud Nabi akan dirayakan secara besar-besaran oleh kaum Muslimin di Ibu Kota Persekutuan

Upacara menyambut Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. pada 13 Rabiul Awal yang jatuh pada 7 Oktober akan disambut secara besar-besaran dan meriah sekali oleh orang Islam di Tanah Melayu. Encik Mohd Ali bin Taib, Naib Pengerusi Jawatankuasa Perayaan Maulud Nabi, menyatakan "perayaan kali ini tidak seperti sebagaimana yang pernah berlaku tahun-tahun yang lalu. Kali ini luar biasa dan kami sesuaikan dengan keadaan zaman sekarang." Ada faktor-faktor yang penting sebab-sebab perayaan menyambut Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W itu akan dilaksanakan secara besar-besaran dan disesuaikan dengan keadaan sekarang kerana Persekutuan Tanah Melayu sekarang sudah sama tarafnya dengan negara-negara Islam Merdeka yang lain di dunia ini dan yang kedua ialah kerana 'Islam' telah diakui oleh Persekutuan sebagai agama rasminya. Sambutan Maulud akan diadakan di Stadium Merdeka mulai jam 7.30 pagi pada 7 Oktober. Syarahan Maulud Nabi dalam semua bahasa akan diadakan di majlis itu.

Perarakan-perarakan terdiri dari anggota-anggota Pasukan Keselamatan, Polis, Pertubuhanpertubuhan Pemuda, Kanak-kanak Sekolah dan lain-lain akan dimulakan dari Stadium Merdeka, kemudian berarak di jalan-jalan raya dalam bandar Kuala Lumpur hingga ke Masjid Besar, Menteri Kerja Raya dan Telekom, Encik Sardon Hj. Jubir, dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Agung perayaan tersebut. Sementara itu, Persekutuan Seruan Islam Se Malaya bahagian Selangor akan menganjurkan satu perjumpaan orang-orang Islam tempatan. Dalam perjumpaan itu syarahan-syarahan mengenai agama Islam akan diberi. Perjumpaan itu akan diadakan di Sultan Sulaiman Club, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 28 September, Perjumpaan itu adalah penting bagi orang-orang Islam seluruhnya kerana syarahan akan disampaikan oleh pakar-pakar pensyarah Islam dari Indonesia dan Indo China selain daripada pensyarah-pensyarah tempatan. Kedua ulama itu mengunjungi Persekutuan Tanah Melayu kerana mahu melihat kemajuan-kemajuan agama Islam di negeri ini. Inilah perjumpaan kali pertama diadakan oleh Persekutuan tersebut yang diadakan secara besar-besaran.

Perjanjian Pertahanan memelihara kepentingan Inggeris di Malaya

Dato Onn bin Jaafar, President Parti Negara Malaya berkata "perjuangan pertahanan bersama yang dibuat antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Britain itu lebih buruk akibatnya bagi negeri ini dari pakatan senjata Seato." Beliau menyatakan demikian ketika menjelaskan latar belakang Perjanjian Pertahanan tersebut. Perjanjian itu dianggap sebagai bukan sahaja untuk menjaga kepentingan British di Malaya tetapi juga kepentingan-kepentingan British di tanah-tanah jajahan dan negerinegeri naungannya yang lain di sebelah Timur ini. Bila Perjanjian itu dikuatkuasakan, menurut Dato Onn, "kalau takdirnya berlaku pertentangan di antara Britain dan Indonesia, maka Malaya terpaksa berganding bahu dengan Britain."

Soal Perjanjian Pertahanan ini telah menimbulkan kegentingan dalam UMNO sendiri semenjak diumumkan baru-baru ini. Inilah kali pertama Kerajaan Perikatan Persekutuan menerima bidasan dari seorang pemimpin Parti lawannya mengenai Perjanjian Pertahanan.

Dato Onn juga telah menyangkal kenyataan Perdana Menteri Persekutuan, Tunku Abdul Rahman, yang pernah mengatakan bahawa Perjanjian itu tidak memasuki Malaya ke dalam Seato.

Beliau menjelaskan menurut fasal 3 dalam Perjanjian itu, tentera British dan Commonwealth boleh ditempatkan di Malaya. "Masuk tak masuk, sebut tak sebut, Seato ada di sini," kata Dato Onn.

Beliau menerangkan lagi Perjanjian Pertahanan yang baru itu lebih luas lagi mendedahkan Malaya kepada permusuhan dengan negeri-negeri lain. Dato Onn berkata umur Perjanjian itu tidak disebutkan berapa lamanya. Kata beliau lagi "dalam pada itu dalam kembaran rangka Perjanjian, British boleh memajak tanah untuk menempatkan tenteranya selama 30 tahun dan boleh dibarui bila habis tempohnya. Sekurang-kurangnya penempatan tentera asing di sini memakan masa 30 tahun."

Dato Onn menjelaskan tentang kemungkinan Kerajaan British mengambil tentera-tentera sukarela Malaya untuk berkhimat. dalam tenteranya bila perlu. "Tentera Malaya dalam Tentera British akan menumpukan taat setia kepada Baginda Queen," kata beliau.

Dato Onn menegaskan lagi "apabila Kerajaan Persekutuan hendak mengadakan pengerahan tenaga tentera tidaklah boleh ia mengerah tentera Malaya dalam tentera British tadi." Beliau juga memberitahu betapa banyak ruginya Persekutuan Tanah Melayu apabila Perjanjian Pertahanan itu diluluskan. Kata beliau "Kerajaan Persekutuan juga, akan mengeluarkan belanja mencari tempat lain sebagai gantinya sekiranya Persekutuan menghendaki pengunduran tentera British dari sini."

Dato Onn menerangkan "rangka Perjanjian itu telah dibuat oleh Tunku Abdul Rahman bersama-sama dengan Tuan Alan Lennox-Boyd dengan tidak berunding lebih dulu dengan UMNO sendiri." Tunku dan Tuan Lennox-Boyd telah menandatangani rangka Perjanjian itu pada 22 Ogos 1957.

Kata Dato Onn "apabila usul Perjanjian Pertahanan itu dikemukakan dalam Majlis Undangan Persekutuan yang akan bersidang pada 3 dan 4 Oktober sudah tentu akan lulus, walaupun ada empat lima orang akan menentangnya tetapi akan tewas." Beliau menyatakan lagi "walaupun Parti lain yang berkuasa di masa depan boleh membatalkan Perjanjian tetapi selepas tahun 1959 waktu mana Pilihanraya baru diadakan, Malaya sudah pun menjadi pengkalan tentera asine."

Dato Onn menjangka bahawa kemasukan Malaya ke dalam Pakatan Seato akan diumumkan dalam manifesto Pilihanraya Perikatan tahun 1959 itu. Waktu itulah, kata beliau, penduduk negeri ini memilih sikapnya sama ada masih menyukai pemegang-pemegang teraju pemerintah yang ada sekarang atau sebaliknya.

Perayaan menyambut Merdeka di Kampung Melayu esok

Encik Sardon Hj. Jubir, Menteri Kerja Raya dan Tuan Syed Jaafar Albar, Pegawai Penerangan UMNO Malaya, akan diundang menghadiri perayaan Persekutuan Tanah Melayu yang diadakan oleh penduduk-penduduk Kampung Melayu di Singapura. Perayaan menyambut Kemerdekaan Persekutuan tiu dikelolakan oleh Pertubuhan-pertubuhan Siasah dan Kebajikan Kampung Melayu iaitu UMNO, Kesatuan Kampung Melayu dan Badan Pentadbir Masjid. Berbagai-bagai permainan sukan kanak-kanak akan diadakan pada hari itu di sebelah siang. Di sebelah malam pula diadakan majlis syarahan, permainan panjat tiang dan pertunjukan wayang gambar.

Sianakah yang kuat ekonominya dalam Malaya sekarang?

Tuan Haji Taha bin Hj. Zakaria, Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor, ketika berucap kepada 500 orang penduduk Kampung Permatang Duku di Batu Pahat kerana menyambut Kemerdekaan menyeru supaya hak-hak yang telah hilang itu dikembalikan. "Kemerdekaan tidak akan memberi faedah dan tidak akan kekal kalau rakyat jelata tidak mendapati hak-haknya yang telah hilang sejak tahun 1511," kata beliau.

Bercakap mengenai ekonomi, beliau bertanya kalau disiasat, siapakah yang kuat ekonominya dalam Malaya sekarang? Pertanyaan itu dijawabnya sendiri - iaitu segala kekayaan dipegang oleh orang British, Amerika dan China. "Kita orang Melayu adalah satu bangsa yang lemah dalam lapangan ekonomi. Oleh itu setelah Merdeka, Kerajaan Perikatan sedang menjalankan dasar meninggikan ekonomi etrang-orang Melayu, "kata beliau. Beliau selanjutnya menyatakan "rancangan itu tidaklah boleh dibuat oleh Kerajaan semata-mata, malah rakyat sendiri harus bersamasama memikul bebannya. Inilah sebenar-benarnya maksud mengisi Kemerdekaan dan yang menjadi perjuangan kita pada langkah yang keduanya."

Tahniah kepada Tunku

Pengerusi Majlis Pusat Kebajikan Masyarakat Persekutuan, Tuan T.H. Tan, yang dilantik semula dalam mesyuarat agung Majlis tersebut pada 27 September, telah memuji dan mengucapkan tahniah kepada Tunku Abdul Rahman kerana kehormatan Pendita Undang-undang yang diberikan kepadanya dalam upacara menyampaikan ijazah dan diploma-diploma mahasiswa Universiti Malaya di Kuala Lumpur baru-baru ini. Dalam ucapannya, antara lain Tuan Tan menerangkan bahawa "dengan Kemerdekaan yang telah dicapai oleh negara kita maka Majlis tersebut sekarang telah menjadi sebuah badan kebangsaan yang dengan sendirinya menjadi ahli Persidangan Kerja-kerja Kebajikan International."

Ahad 29 September 1957, 5 Rabiul Awal 1377

Menteri dalam negeri nak lihat filem Merdeka semula

Menteri Kehakiman dan Hal Ehwal Dalam Negeri Persekutuan, Encik Suleiman bin Dato Abdul Rahman, akan menyaksikan sekali lagi filem Merdeka Persekutuan yang difilemkan oleh Malayan Film Unit yang sekarang diperbincangkan hebat di Kuala Lumpur dan juga di Indonesia. Beberapa orang pemimpin UMNO tempatan telah menegur filem tersebut kerana tidak bercorak nasional dan tidak mempunyai tanda-tanda keagamaan dan keMelayuan. Di Indonesia akbar 'Merdeka' telah mencela perbuatan Malayan Film Unit itu yang memperkenalkan rombongan rasmi pemerintah Republik Indonesia, termasuk wakil peribadi President Soekarno, ke perayaan Merdeka baru-baru ini sebagai 'pelancong-pelancong dari Indonesia.'

Apabila ditanya, Encik Suleiman memberitahu wakii Utusan bahawa beliau akan menyaksikan sendiri sekali lagi filem Merdeka itu sedikit hari lagi. "Saya akan memberitahu tuan kelak apa yang akan saya buat" kata Encik Suleiman apabila ditanya adakah Kementeriannya bercadang hendak memperbaiki filem Merdeka itu. Sementara itu Tuan Ow Kheng Law, Ketua Filem Unit Malaya, telah menafikan bahawa pihaknya bertujuan hendak menghina Indonesia. Beliau enggan mengulas mengenai teguran-teguran atas filem itu tetapi menegaskan bahawa menurut fikirannya tidak ada apa-apa kesalahannya dalam cara memperkenalkan wakil-wakil Indonesia itu "sebagaimana wartawan-wartawan lain juga, announcer filem unit itu suka mencari-cari perkataan-perkataan yang indah-indah untuk apa yang hendak dicakapkannya.' Juruulas yang telah memberikan ulasannya dalam Merdeka film unit itu ialah Tuan Tony Baymish, Timbalan Pengarah Radio Malaya.

Kerajaan sekarang Kerajaan Capitalist - katanya

Tuan P.J.S. Gill, Penolong Setiausaha Agung Persatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Kenderaan Persekutuan, dalam ucapannya di Mesyuarat Agung Persatuan di depan wakil-wakil dari seluruh Persekutuan berkata "Kerajaan Persekutuan yang ada sekarang telah disifatkan sebagai seburuh Persekutuan berkata "Kerajaan Persekutuan yang ada sekarang telah disifatkan sebagai seburuh Kerajaan Capitalist' dan Menteri-menterinya dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat yang dipilih telah dituduh 'lupa kepada rakyat.' Kata beliau lagi "Dalam masa Pilihannya Raya dulu mereka telah membuat berbagai-bagai janji dalam manifestonya, tetapi sebaik-baik sahaja mereka duduk di atas, semujanji itu telah dilupakannya dan mereka juga yang senang lenang, pakai motokar besar dan dapat gaji besar." Katanya lagi "di lain-lain negeri tidak ada Menteri-menteri yang mendapat gaji yang lumayan seperti yang diterima oleh Menteri-menteri Persekutuan itu yang dibayar dengan wang rakyat. Menurut pemerintahan seperti yang ada sekarang, orang-orang yang kaya menjadi semakin kaya dan orang-orang yang miskin menjadi bertambah miskin."

Gaji Menteri-menteri Persekutuan ditambah

Gaji-gaji Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-Menteri yang lain termasuk elaunelaun bulanan mereka akan ditambah daripada apa yang diterima sebelum Merdeka. Perdana Menteri akan menerima gaji setahun sebanyak 548,000 tidak termasuk elaun bulanan dan lain-lain lagi, manakala Menteri-menteri pula akan menerima \$27,000 setahun tidak termasuk elaun lain-lain.

Kerajaan telah mengadakan rang undang-undang mengenai gaji dan elaun Menteri-menteri yang akan dibincang dalam Majlis Mesyuarat Undangan Federal yang akan datang. Perdana Menteri akan mendapat gaji dan jumlah elaun-elaun sebanyak \$7,500 sebulan, iaitu \$3,000 lebih daripada apa yang diterimanya sebelum Merdeka. Jumlah itu terdiri daripada gaji \$4,000, elaun bulanan sebagai Ketua Parlimen \$1,000 dan elaun keraian \$2,500. Pada masa sekarang gaji Menteri yang lain ialah \$250 sebulan, elaun bulanan sebanyak \$250 tetapi mereka diberi elaun untuk pelayan-pelayan rumah, tukang kebun dan lain-lain sebanyak \$500 yang berjumlah semuanya sebanyak \$3,000. Timbalan Perdana Menteri akan mendapat lebih \$500 daripada Menteri-menteri biasa mengenai elaun bulanan.

Selain daripada itu Perdana Menteri dan semua Menteri-menteri mendapat elaun tambahan lagi iaitu sebanyak \$35 sehari jika mereka keluar dari bandar Kuala Lumpur dan menjalankan kerjakerja rasmi Kerajaan. Elaun rumah pula ialah \$300 dan kemudahan-kemudahan lain ialah perubatan, cuti dan pinjaman wang untuk membeli motokar dan elaun kereta.

Makan Merdeka ditangguhkan

Jamuan 'Makan Merdeka' Perikatan UMNO, MCA, MIC Perak yang dijadualkan pada 29 September telah ditangguhkan hingga ke satu masa yang akan ditentukan kelak. Jamuan itu telah ditangguhkan kerana Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, yang telah diundang hadir tidak dapat hadir.

200 sambut Merdeka

UMNO Cawangan Kendur Ulu, Rembau, Negeri Sembilan telah mengadakan sambutan Kemerdekaan pada 20 September dengan dihadiri oleh kira-kira 200 orang.

Cara berfikir *borjois* menyebabkan kebanyakan Mahasiswa-mahasiswa merasa dirinya lebih istimewa dari rakyat

Tulisan oleh 'Pemuda Melayu' menyatakan "apabila kita melihat upacara menyampaikan diplomadiploma dan ijazah-ijazah kepada mahasiswa-mahasiswa Universiti Malaya di Dewan Chin Woo,
Kuala Lumpur pada 21 September 1957, meresaplah rasa girang di hati kita rakyat Malaya kerana
dengan peristiwa itu bererti bertambah lagilah bilangan anggota masyarakat yang mendapat pendidikan dan pelajaran tinggi. Banggalah rasanya kerana dengan demikian bererti bahawa rakyat
Malaya akan mempunyai cerdik pandai yang dapat memberikan tenaga dan fikirannya untuk
kepentingan Malaya yang Merdeka." Dikatakan kemeriahan upacara itu bertambah-tambah bila
mengingat bahawa peristiwa itu berlangsung dalam saat rakyat Malaya merayakan Hari
"Kemerdekaan. Mahasiswa-mahasiswa Universiti Malaya yang telah mendapat diploma dan ijazah itu
"tentulah tergulung dalam bilangan orang-orang cerdik pandai atau intelligensia, orang-orang yang
akan menjadi pemimpin, akan menjadi orang-orang terhormat dan yang sebanyak sedikit mempunyai
kesanggupan mempengaruhi fikiran umum."

Penulis bertanya bagaimanakah pula fikiran mereka itu terhadap masyarakat? Terhadap perjuangan rakyat? Apakah sumbangan-sumbangan mereka itu yang kira-kira sesuai dengan pengetahuan dan cara berfikirnya?

Penulis membangkitkan soal sungutan-sungutan pelajar tahun pertama Universiti yang di tempatkan di Kolej Teknikal. Mereka bersungut tentang layanan dan tempat tinggal mereka terutama dari pelajar-pelajar wanita. Mereka juga telah membangkitkan hal tempat tidur di hostel yang 'seperti berek atau tempat tidur tentera. Sungutan-sungutan itu kepada setengah-setengah pihak membuat kesimpulan bahawa "mahasiswa-mahasiswa itu merasa dirinya lebih tinggi dan terhormat kerana itulah mereka menuntut layanan yang istimewa dari layanan yang diberikan kepada masyarakat umum, tentera umpamanya. Jadi tuntutan dan sungutan ini tidak didasarkan pada kesihatan dan keperluan pelajaran mereka tetapi didasarkan pada rasa tinggi diri dan keistimewaannya semata-mata."

Kata penulis lagi "Malaya yang Merdeka haruslah mengkaji semula sistem-sistem pendidikan Kolonial dan borjois ini. Suatu sistem baru yang sesuai dengan Kemerdekaan kita harus dikaji sehingga dapat mendidik kaum terpelajar, mahasiswa-mahasiswa supaya merasa bersatu dengan rakyat, supaya melakukan praktik dan hidup ditengah-tengah masyarakat. Cara berfikir borjois yang serba mementingkan diri haruslah dibenamkan oleh mahasiswa-mahasiswa kita dan timbulkanlah cara berfikir patriot yang selalu mengabdi kepada rakyat banyak dan tanah aimya."

Kata penulis itu lagi "tulisan ini tidak hendak menafikan adanya usaha-usaha dalam kegiatankegiatan mahasiswa dalam masyarakat. Tetapi berapa orangkah? Berapa orangkah mahasiswa-mahasiswa Melayu, Cina dan India yang memberikan khidmatnya untuk masyarakat? Terutama sekali mahasiswa-mahasiswa Melayu? Kebaktian 10 orang (bilangan yang paling banyak) mahasiswa-mahasiswa Melayu akan hilang tenggelam kalau puluhan dan ratusan daripadanya mementingkan diri dan kedudukannya."

Dalam negara Merdeka ini, seluruh sistem peninggalan Kolonial haruslah dikaji semula dan jika perlu dirombak. Kata penulis "Apalah ertinya Merdeka kalau sistem zaman Kolonial juga yang dipakai? Apalah ertinya Merdeka, lepas dari belenggu penjajahan, kalau sistem lama masih dipakai? Kalau susunan masyarakat masih seperti zaman penjajahan juga? Kalau cara berfikir mahasiswamahasiswa kita masih cara berfikir borjois juga? Penulis mengemukakan banyak soal mengenai mahasiswa-mahasiswa yang mula ada di Kuala Lumpur semeniak 16 September 1957.

Mohammad Merdeka

Che Ngah bt Kadir telah melahirkan seorang anak lelaki pada jam 12.45 malam 31 Ogos 1957, di Kampung Penajis, Rembau, Negeri Sembilan, Anak itu dinamakan "Mohammad Merdeka." Ayah anak itu ialah Encik Hassan bin Mohammed.

Tunku beri kata dua: Pinda janji Pertahanan, saya letak jawatan

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, memberitahu lebih 1,000 ahli-ahli UMNO dan Perikatan di Pulau Pinang bahawa beliau dan rakan-rakannya Pemimpin-pemimpin UMNO yang lain akan mengundurkan diri dari menjadi Pemimpin-pemimpin UMNO kalau ahli-ahli UMNO bertindak memaksa beliau supaya membatalkan atau pun meminda Perjanjian Pertahanan British-Malaya. Tunku juga berkata beliau sama sekali tidak bersetuju dan tidak akan memanggil Persidangan Agung tergempar UMNO bagi membincangkan Perjanjian tersebut sebagaimana yang dituntut oleh setengah-setengah Bahagian UMNO di seluruh Persekutuan. Bagaimanapun, sambung Tunku lagi "Saya akan bersetuju mengikut undang-undang tubuh UMNO kalau ada satu pertiga daripada ahli-ahli UMNO membuat keputusan meminta diadakan Persidangan tersebut." Persidangan tergempar itulah keputusan "hatta keputusan undi tidak percaya kepada saya dan pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO yang ada sekarang."

Tunku kemudian menegaskan "Nama saya hendak memungkiri janji dengan Kerajaan British tentang Perjanjian Pertahanan yang sedang dirancangkan itu tidak sekali-kali, biar pun saya mati." Inilah kali pertama Tunku membuat kenyataan secara umum bahawa beliau dan pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO yang lain akan mengundurkan diri sekiranya ahli-ahli UMNO seluruhnya menolak Perjanjian Pertahanan dengan Kerajaan British.

Semenjak kandungan-kandungan Perjanjian itu diumumkan beberapa hari sebelum ini, banyak Bahagian UMNO di seluruh Persekutuan telah menyuarakan bantahan dan setengah-setengah-nya telah menuntut supaya Tunku, sebagai Yang di-Pertua Agung UMNO Malaya, memanggil Persidangan Agung tercempar UMNO bagi membincangkan Perjanjian tersebut.

Ada juga bahagian-bahagian yang menuntut supaya Perjanjian itu jangan dibincangkan dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Undangan Federal awal bulan Oktober.

Kenyataan Tunku ini dipercayai akan mengejutkan pihak UMNO, terutama sekali mereka yang telah menyuarakan bantahan ke atas Perjanjian tersebut yang telah dibuat sewaktu beliau berucap dalam satu upacara membuka batu peringatan Perjuangan Kemerdekaan UMNO Pulau Pinang.

Antara yang hadir mendengar ucapan Tunku ialah Menteri Kerja Raya dan Pos, Encik Sardon bin Hj. Jubir, Menteri Kehakiman Encik Suleiman Abdul Rahman, Menteri Buruh Tuan Ong Yoke Lin dan beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Undangan dalam negeri. Tunku telah membawa Kertas Putih Perjanjian tersebut dan telah membawakan beberapa ceraian di dalamnya waktu memberi penerangannya. Sebelum mengakhiri ucapan itu Tunku sekali lagi berkata dengan tegas bahawa sekiranya ahli-ahli UMNO tidak puas hati dengan pimpinan beliau dan rakan-rakannya dan Jawatankuasa Tertinggi, "maka saya mengaku dengan terus terang bahawa mereka adalah berhak memilih orang-orang lain untuk memimpin UMNO. Saya sedia membantu dan menjadi ahli biasa dalam UMNO."

Setelah selesai upacara tersebut, Tunku Abdul Rahman telah diberi hadiah cenderamata sebuah album gambar-gambar perjuangan UMNO Pulau Pinang oleh UMNO Bahagian tersebut. Keazamannya hendak mempertahankan Perjanjian Perahanana Birtish-Malaya itu telah juga ditegaskan dalam ucapannya petang semalam di Padang Kota Lama. Sementara itu Jawatankusaa Politik UMNO Negeri Kelantan telah tidak jadi mengadakan mesyuarat tergemparnya kerana 'kesuntukan masa. 'Jawatankusaa tersebut telah menyerahkan soal Perjanjian Pertahanan itu kepada ketuanya yang akan menghadiri mesyuarat Khas Jawatankusaa Tertinggi UMNO pada malam 1 Oktober di Kuala Lumpur. Mesyuarat Jawatankusaa Tertinggi itu akan diadakan di rumah Tunku, Residency, mulai jam 7 malam 1 Oktober.

Seruan Tunku kepada ahli-ahli UMNO "Kalau tak puas hati dengan tindakan saya dan pemimpin-pemimpin UMNO, buanglah kami"

Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri sebagai Yang di Pertua Agung UMNO Malaya, berkata di Pulau Pinang pada petang 29 September sekiranya ahli-ahli UMNO seluruhnya "tidak puas hati dengan tindakan yang diambil oleh pemimpin-pemimpin UMNO sekarang mengenai Perjanjian Pertahanan dengan Kerajaan British dan menganggap Pemimpin-pemimpin UMNO Malaya sekarang tidak jujur kepada perjuangan, maka buanglah pemimpin-pemimpin itu termasuk saya sendiri dan ambil pemimpin-pemimpin-pemimpin yang lain yang didapati lebih jujur." Tunku berkata demikian di akhir ucapannya di depan 10,000 orang yang menghadiri perjumpaan ramai di Padang Kota Lama dalam mana Pemuda-pemuda UMNO dan MCA telah mengadakan upacara berbaris kerana menyambut Kemerdekaan.

Sebelum itu Tunku berkata beliau "rela mati daripada mungkir janji dengan Kerajaan British mengenai Perjajian Pertahanan itu," yang akan dibincangkan dalam Persidangan Majlis Undangan Federal pada 2 Oktober 1957.

Kata Tunku lagi "Pada hari ini, kalau tuan-tuan suruh saya memungkiri janji dengan cadangan Pertahanan yang telah dipersetujui dalam Persidangan dengan Kerajaan British, dalam tahun 1956 dulu, maka biarlah saya mati daripada memungkiri janji itu." Menurut beliau perkara hendak mengadakan Perjanjian Pertahanan itu telah pun diterima dan dipersetujui oleh rakyat dalam tahun 1956 dengan tidak ada apa-apa bangkangan. "Tetapi bangkangan-bangkangan itu telah terbit pula sekarang menerusi siaran-siaran akhbar dan dari sebilangan pemimpin-pemimpin UMNO setelah diumumkan isi Kertas Putih Perjanjian tersebut. Perjanjian Pertahanan itu adalah berupa Perjanjian tolong menolong dan perkara mengadakan Perjanjian Pertahanan ini adalah penting bagi kita kerana negara kita yang baru Merdeka sekarang ini sangat lemah dalam soal pertahanan hinggakan sebuah kapal perang pun tidak ada dan begitu juga kapal terbang peperangan untuk menjaga serangan dari musuh" kata beliau.

Sambung Tunku lagi "Dan dengan keadaan kita sekarang ini maka janganlah kita sangat takbur dengan Kemerdekaan kita dan hendak tunjuk besar hati yang kita sanggup menjaga sendiri negara kita ini dari serangan-serangan musuh."

Setelah menyeru Pemuda-pemuda UMNO dan pengikut-pengikut Perikatan yang hadir dalam perhimpunan itu supaya sabar, Tunku kemudian telah menasihatkan mereka itu supaya jangan ambil hirau segala kritik dari musuh-musuh Perikatan mengenai Perjanjian Pertahanan yang sedang heboh sekarang dan "kita hendaklah ingat apa yang kita buat sekarang ini adalah perkara yang baik dan langkah yang baik untuk negara kita sendiri."

Selangor terima Perjanjian Pertahanan Malaya-British pada dasarnya

Mesyuarat Perwakilan UMNO Selangor yang dipanggil khas kerana membincangkan Perjanjian Pertahanan Malaya-British pada petang 28 September di Kuala Lumpur telah mengambil keputusan menyatakan 'dukacita' kerana Majlis Kerja Tertinggi UMNO tidak bersetuju memanggil Majlis Perwakilan Agung tergempar untuk membahaskan butir-butir Perjanjian Pertahanan itu. Bagaimanapun, UMNO Selangor menerima Perjanjian tersebut pada dasarnya.

Mesyuarat Perwakilan itu juga memutuskan mendesak ahli-ahli UMNO Selangor dalam Jawatankuasa Kerja Tertinggi menuntut supaya dibatalkan ayat atau sebarang ancaman terhadap mengekalkan keamanan di Timur Jauh dalam bab 6 Perjanjian Pertahanan itu kerana ayat itu mengandungi maksud yang luas dan akan merugikan perhubungan Malaya Merdeka dengan jiran-jirannya dan juga secara tidak langsung mengikat Malaya Merdeka dalam sesuatu blok yang tertentu." Mesyuarat tersebut telah berjalan selama kira-kira 3 jam, dipengerusikan oleh Ketua Pemuda UMNO Selangor, Encik Abdul Majid Othman.

Usul dari Bahagian Ulu Selangor mencadangkan supaya Perjanjian Pertahanan itu ditangguhkan perbincangannya dalam Majlis Mesyuarat Undangan Federal pada 2 dan 3 Oktober telah dikalahkan dengan 21 lawan 19 suara. Seorang pegawai yang kanan dari Kementerian Pertahanan Persekutuan telah memberi keterangan-keterangan ringkas mengenai kandungan Perjanjian Pertahanan tersebut dalam Persidangan itu.

Majlis Kesyukuran Kemerdekaan jadi tempat membidas

Ketua UMNO Bahagian Segamat, Encik Alias Abu Bakar, telah dicabar oleh seorang pegawai Kerajaan di Segamat "agar menjadi Menteri Persekutuan untuk menghapuskan perkara-perkara makan suap." Cabaran ini telah dibuat oleh Encik Yaakob bin Hitam, Pegawai Pencegah Makanan Daerah Segamat, dalam mailis Kesyukuran Kemerdekaan yang telah diadakan baru-baru ini.

Encik Alias dalam ucapannya telah menyeru pegawai-pegawai Kerajaan dalam zaman Merdeka "hendaknya jangan lagi melakukan "makan suap" kerana akibatnya merosakkan bangsa dan negara." Beliau juga menyeru supaya Persekutuan dijadikan sebuah negara yang makmur. Beliau dalam ucapannya meminta kakitangan Kerajaan jangan menghidupkan perasaan "berkelas-kelas" sesama manusia — jangan mengadakan kelas tinggi dan kelas rendah.

"Selagi kelas bawah, maka selama itulah kakitangan Kerajaan tidak akan dapat berdampingan dengan rakyat," kata Alias. Beliau menambah kata lagi "dan selama itulah keamanan dan kemajuan negeri ini tidak akan tercapai dengan sempurnanya,"

Encik Yaacob bin Hitam, yang mewakili kakitangan Kerajaan telah membidas ucapan Ketua UMNO Bahagian Segamat itu, dengan menyatakan bahawa perkara 'makan suap' tidaklah boleh disahkan pada orang yang memberinya harus dipersalahkan. Beliau telah mencabar Encik Alias agar pergi ke Kuala Lumpur menjadi Menteri Persekutuan untuk menghapuskan perkara-perkara 'makan suap' itu. Perkara 'makan suap' ialah perkara yang amat sulit sekali, kata Encik Yaacob, sebab manusia mana yang tak mahukan wang? Dan mereka hidup mencari wang, katanya lagi. Selepas majlis itu diadakan beberapa orang yang hadir telah menyatakan dukacitanya atas sikap Encik Yaacob yang telah menjadikan Majlis Kesyukuran sebagai tempat beliau melepaskan geramnya, dengan membidas Ketua UMNO Bahagian Segamat yang bercakap dengan tulus ikhlas itu.

Beberapa orang pula menganggap bidasan Encik Yaacob itu sebagai menggalakkan perbuatan makan suap di kalangan kakitangan Kerajaan. Encik Bachik bin Abdul Manaf, Setiausaha UMNO Batu Badak dan seorang ahli Jawatankuasa Bahagian, menyatakan bahawa beliau akan mengemukakan usul dalam UMNO Bahagian supaya perkara yang berlaku itu diambil tindakan tegas. Telatah Encik Yaacob, katanya, ialah menghinakan dan mengejek-ejek Ketua UMNO.

Radio Malaya dan perkhidmatannya untuk rakyat zaman Merdeka

Sebuah nota oleh seorang penulis yang memberi namanya sebagai 'Ingin Inspirasi, Behrang Station, Tanjung Malim, Perak' telah membangkitkan isu mengenai Radio Malaya dengan perkhidmatannya kepada rakyat. Katanya sepanjang zaman penjajahan dulu siaran bahasa Melayu di Radio Malaya boleh dikatakan 80 peratus dipenuhi oleh lagu-lagu dari piring hitam sahaja. Sekarang pun setelah hampir sebulan kita Merdeka, belumlah ada riak-riaknya Radio Malaya akan meminda atau menyusun semula rancangannya mengikut aliran zaman Kemerdekaan kita. Lagu-lagu dan cara rancangan masih berjalan terus selamanya juga, kata beliau.

Berbanding dengan itu, negara Republik Indonesia semenjak mencapai Kemerdekaannya telah mengadakan perubahan-perubahan siaran radio yang amat besar untuk memenuhi segala hasrat rakyatnya, untuk mengikuti pembangunan rakyat dan untuk mengabadi seluas-luasnya kepada masyarakat lebih dari keadaan yang berjalan di zaman penjajahan.

Kata beliau lagi, Radio Republik Indonesia telah mengadakan siaran-siaran untuk kaum cerdik pandai untuk hal agama, falsafah, kebudayaan, seni, ekonomi, politik, ulasan-ulasan luar negeri dan dalam negeri, pengetahuan am, kritik dan ulasan-ulasan muzik, sandiwara radio, ruangan wanita, ruangan pemerintah dan lain-lain.

"Apakah salahnya atau apakah kekurangan kita, sebagai bangsa yang Merdeka juga untuk mengarahkan radio bagi memberikan pengabadian yang luas untuk rakyat sebagai yang dilakukan oleh Radio Republik Indonesia itu?." soal beliau.

Cita-cita untuk membangun Malaya Merdeka yang cemerlang tidak mudah tercapai selagi rakyat masih belum mendapat bimbingan cara berfikir di zaman Merdeka. Radio Malaya dapat memberikan sumbangan yang besar dalam lapangan ini.

Sambut Merdeka di beberapa tempat di Johor

Lebih 200 orang ahli Kaum Ibu Perkumpulan Ikatan Cenderamata Mukim Sungai Raya, Muar telah merayakan Hari Kemerdekaan dengan mengadakan jamuan Kesyukuran baru-baru ini.

Penduduk-penduduk Mukim Parit Bakar telah mengadakan malam sukaria pada malam 21 dan 22 September yang lalu kerana menyambut Kemerdekaan.

Penduduk-penduduk Parit Jawa mengadakan sambutan Kemerdekaan pada 29 dan 30 September dengan berbagai-bagai jenis permainan.

Penduduk-penduduk Seri Menanti pula mengadakan sambutan pada petang 27 September di sekolah umum.